

GAYA PENULISAN DAN KANDUNGAN
PEMIKIRAN ISLAM LIBERAL DALAM
BUKU INDIE DI MALAYSIA

LILY BINTI YAAKUB

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

GAYA PENULISAN DAN KANDUNGAN PEMIKIRAN
ISLAM LIBERAL DALAM BUKU INDIE
DI MALAYSIA

LILY BINTI YAAKUB

TESIS YANG DIKEMUKAKAN UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH

FAKULTI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI

2026

PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

14 Februari 2026


LILY BINTI YAAKUB
P88167

 UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA <i>The National University of Malaysia</i>	UKM-SPKPPP-PT(PdP)-05-AK04-BO07	No. Semakan: 02	Tarikh Kuat Kuasa: 27/01/2026
	BORANG DAN SENARAI SEMAK PENYERAHAN TESIS / DISERTASI SELEPAS PEMBTULAN Form and Check List of Amended Thesis / Dissertation Submission		

Nama penuh pengarang (Author's Full Name)	LILY BINTI YAAKUB																						
No. Pendaftaran Pelajar (Student's Registration No.)	P88167	Sesi Akademik (Academic Session)	2025/2026																				
Tajuk Tesis / Disertasi (Thesis / Dissertation Title)	Gaya penulisan dan pemikiran Islam liberal dalam buku Indie di Malaysia																						
Semua tesis/disertasi dan penerbitan mengenai hasil penyelidikan pelajar adalah terakut kepada Dasar Harta Intelek Universiti Kebangsaan Malaysia. <i>All theses/ dissertations and publications relating to the research work of a student are subject to the Intellectual Property Policy of Universiti Kebangsaan Malaysia.</i> Saya mengaku bahawa tahap akses tesis/disertasi ini sebagai () Tandakan ✓ dalam kotak bagi maklumat yang berkaitan; tandakan satu (1) kotak di bawah sahaja: <i>I hereby declare the level of access for this thesis/dissertation as follows (tick ✓ the relevant box below; tick only one option).</i>																							
<table border="1"> <thead> <tr> <th colspan="2">Tahap Akses</th> <th colspan="2">Tahap Akses</th> </tr> <tr> <th colspan="2">Level of Access</th> <th colspan="2">Level of Access</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>☐</td> <td>RAHSIA (CONFIDENTIAL)</td> <td colspan="2">Mengandungi maklumat rahsia sepertimana yang diperuntukan bawah Akta Rahsia Rasmi 1972. <i>Contains classified information as stipulated under the Official Secrets Act 1972.</i></td> </tr> <tr> <td>☐</td> <td>TERHAD (RESTRICTED)</td> <td colspan="2">Mengandungi maklumat yang hanya boleh diakses oleh pihak yang mempunyai kebenaran atau keperluan tertentu untuk mengetahuinya yang ditentukan oleh organisasi/ badan di mana penyelidikan dijalankan. <i>Contains information that may only be accessed by parties with specific authorization or a defined need to know, as determined by the organization or body where the research is conducted.</i></td> </tr> <tr> <td>☒</td> <td>AKSES TERBUKA (OPEN ACCESS)</td> <td colspan="2"> Tesis/disertasi versi akhir dalam format PDF yang boleh diakses secara percuma secara dalam talian dan bebas dari isu hak cipta dan pelesenan <i>The final version of the thesis/dissertation in PDF format that is freely accessible online and free from copyright and licensing issues.</i> Kementerian Pendidikan Tinggi melalui surat bertarikh 27 Mac 2025 memutuskan bahawa kebenaran akses tesis / disertasi dalam borang serahan akses terbuka ditentukan oleh penyelia (bukan pelajar). <i>The Ministry of Higher Education, through a letter dated 27 March 2025, has decided that permission for thesis / dissertation access in the open access submission form shall be determined by the supervisor (not the student).</i> </td> </tr> </tbody> </table>				Tahap Akses		Tahap Akses		Level of Access		Level of Access		☐	RAHSIA (CONFIDENTIAL)	Mengandungi maklumat rahsia sepertimana yang diperuntukan bawah Akta Rahsia Rasmi 1972. <i>Contains classified information as stipulated under the Official Secrets Act 1972.</i>		☐	TERHAD (RESTRICTED)	Mengandungi maklumat yang hanya boleh diakses oleh pihak yang mempunyai kebenaran atau keperluan tertentu untuk mengetahuinya yang ditentukan oleh organisasi/ badan di mana penyelidikan dijalankan. <i>Contains information that may only be accessed by parties with specific authorization or a defined need to know, as determined by the organization or body where the research is conducted.</i>		☒	AKSES TERBUKA (OPEN ACCESS)	Tesis/disertasi versi akhir dalam format PDF yang boleh diakses secara percuma secara dalam talian dan bebas dari isu hak cipta dan pelesenan <i>The final version of the thesis/dissertation in PDF format that is freely accessible online and free from copyright and licensing issues.</i> Kementerian Pendidikan Tinggi melalui surat bertarikh 27 Mac 2025 memutuskan bahawa kebenaran akses tesis / disertasi dalam borang serahan akses terbuka ditentukan oleh penyelia (bukan pelajar). <i>The Ministry of Higher Education, through a letter dated 27 March 2025, has decided that permission for thesis / dissertation access in the open access submission form shall be determined by the supervisor (not the student).</i>	
Tahap Akses		Tahap Akses																					
Level of Access		Level of Access																					
☐	RAHSIA (CONFIDENTIAL)	Mengandungi maklumat rahsia sepertimana yang diperuntukan bawah Akta Rahsia Rasmi 1972. <i>Contains classified information as stipulated under the Official Secrets Act 1972.</i>																					
☐	TERHAD (RESTRICTED)	Mengandungi maklumat yang hanya boleh diakses oleh pihak yang mempunyai kebenaran atau keperluan tertentu untuk mengetahuinya yang ditentukan oleh organisasi/ badan di mana penyelidikan dijalankan. <i>Contains information that may only be accessed by parties with specific authorization or a defined need to know, as determined by the organization or body where the research is conducted.</i>																					
☒	AKSES TERBUKA (OPEN ACCESS)	Tesis/disertasi versi akhir dalam format PDF yang boleh diakses secara percuma secara dalam talian dan bebas dari isu hak cipta dan pelesenan <i>The final version of the thesis/dissertation in PDF format that is freely accessible online and free from copyright and licensing issues.</i> Kementerian Pendidikan Tinggi melalui surat bertarikh 27 Mac 2025 memutuskan bahawa kebenaran akses tesis / disertasi dalam borang serahan akses terbuka ditentukan oleh penyelia (bukan pelajar). <i>The Ministry of Higher Education, through a letter dated 27 March 2025, has decided that permission for thesis / dissertation access in the open access submission form shall be determined by the supervisor (not the student).</i>																					

 UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA <i>The National University of Malaysia</i>	UKM-SPKPPP-PT(PdP)-05-AK04-BO07	No. Semakan: 02	Tarikh Kuat Kuasa: 27/01/2026
	BORANG DAN SENARAI SEMAK PENYERAHAN TESIS / DISERTASI SELEPAS PEMBETULAN Form and Check List of Amended Thesis / Dissertation Submission		

☐	EMBARGO	Tempoh masa di mana akses kepada tesis/disertasi disekat (ditutup) selama dua (2) tahun atas sebab-sebab tertentu sebagai contoh kerahsiaan atau hak cipta. Tesis/disertasi akan berstatus akses terbuka selepas tamat tempoh embargo. <i>The period during which access to the thesis/dissertation is restricted for two (2) years due to specific reasons, such as confidentiality or copyright. The thesis/dissertation will be granted open-access status upon the expiry of the embargo period.</i>
--------------------------	----------------	---

PENGESAHAN PELAJAR (STUDENT VERIFICATION)	PENGESAHAN PENYELIA (SUPERVISOR VERIFICATION)
 TANDA TANGAN PELAJAR (STUDENT'S SIGNATURE)	 TANDATANGAN PENYELIA / Pengerusi JK SISWAZAH (SUPERVISOR'S / CHAIRPERSON SUPERVISION COMMITTEE SIGNATURE)
Nama Pelajar (Student name): LILY YAHKUB No. Pendaftaran Pelajar (Student's Registration No.): P88167 Tarikh: 8/2/2026 (Date)	Nama Penyelia / Pengerusi JK Siswazah : Dr. MUHAMMAD FAISAL BIN ASHAARI (Supervisor's / Chairperson Supervision Committee Name) Tarikh: 8/2/2026 (Date)

PENGHARGAAN

Alhamdulillah segala pujian dan kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah atas limpah kurnia dan hidayahNya yang memberikan kesihatan, kesabaran dan kekuatan kepada saya untuk menyelesaikan kajian ini. Selawat dan salam buat junjungan mulia Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga serta para sahabat Baginda SAW. Penghargaan kepada sebarang bantuan yang telah diberi oleh orang perseorangan atau pertubuhan dalam penyediaan tesis calon hendaklah dirakamkan.

Setinggi-tingg penghargaan dan ucapan terima kasih kepada penyelia utama Dr. Muhammad Faisal Ashaari atas kesabaran mendidik, memberi tunjuk ajar dan menyumbang idea dari pengajian Sarjana sehingga ke peringkat PHD. Terima kasih juga buat penyelia bersama PM Dr Rosmawati Mohamad Rasit atas kesudian membimbing dan menyumbang idea untuk kajian ini semoga Allah menganjari kalian dengan kebaikanNya di sunia dan akhirat.

Saya juga ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada seluruh pensyarah dan kaki tangan di Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan, Urus Setia Program Pengajian Siswazah Fakulti Pengajian Islam, Perpustakaan Tun Sri Lanang, Perpustakaan Lingkaran Dua dan Perpustakaan Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Islam. Tidak lupa kepada Bahagian Biasasiswa Kementerian Pendidikan Malaysia yang telah menganugerahkan biasasiswa selama 6 semester. Tidak lupa sekalung penghargaan buat pakar-pakar kajian yang turut memberi pandangan terutamanya dari UNIZA, UM dan Fakulti Sains Sosial UKM, KUIS dan IPGM atas kesudian menyumbang idea serta memberikan kerjasama yang baik. Penghargaan ini juga ditujukan kepada pihak serta individu yang telah terlibat membantu menyjayakan penyelidikan ini sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Alfatihah buah ayahnda Yaakub bin Musip dan Bonda Maznah inti Abu Shah atas didikan ilmu dan kasih sayangnya. Terima kasih tidak terhingga buat suami Dr Mohamed Nazul bin Ismail dan anak-anak Hafizi, Hanafi, Adham, Hawa, Huzaifah dan Al Fateh yang tidak jemu menunggu penamatnya perjalanan kajian yang sangat panjang ini. Buat rakan-rakan di IPGMKPI terutamanya di JHEP yang tidak jemu memberi sokongan dan dokongan serta kiriman doa yang tidak pernah putus. Semoga Allah menganjari setiap pengorbanan dan kebaikan kalian semua dengan ganjaran yang terbaik di sisinya.

Semoga semua usaha ini mendapat keredhaan dari Allah dan mampu menyumbang manfaat kepada bidang penyelidikan pengajian Islam. Segala kekurangan dan kritikan yang terdapat dalam kajian ini merupakan kelemahan dari diri saya sendiri. Tiadalah daya dan upaya melainkan hanya dengan izin dan kekuatan dari Allah. Sekian, terima kasih.

ABSTRAK

Penerbitan buku Indie di Malaysia mula mendapat perhatian khususnya dalam kalangan pembaca muda sejak sekitar tahun 2010, dengan menampilkan pendekatan penulisan yang bersifat mandiri, kreatif dan bebas daripada kerangka penerbitan arus perdana. Genre ini bukan sahaja menyumbang kepada penyegaran budaya membaca dalam kalangan generasi muda, malah memperkenalkan pelbagai tema dan laras bahasa yang berbeza daripada penulisan konvensional. Namun demikian, kebimbangan turut dibangkitkan oleh pelbagai pihak terhadap kandungan sesetengah buku Indie yang didakwa membawa wacana dan pemikiran yang bertentangan dengan norma Melayu-Islam serta nilai keagamaan masyarakat tempatan. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti gaya penulisan, amalan wacana serta menilai elemen pemikiran Islam liberal yang terkandung dalam penulisan buku Indie di Malaysia. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan analisis kandungan sebagai reka bentuk kajian. Sebanyak lima buah buku Indie dipilih sebagai sampel kajian, manakala temu bual separa berstruktur turut dijalankan ke atas lapan orang informan yang terlibat secara langsung dalam penerbitan buku Indie bagi menyokong dan memperkayakan dapatan kajian. Dapatan menunjukkan bahawa penulisan buku Indie tidak terikat kepada satu genre tertentu, sebaliknya memanfaatkan pelbagai bentuk penulisan seperti naratif dan argumentatif, di samping penggunaan laras bahasa yang pelbagai termasuk slanga, bahasa rojak, ungkapan sindiran dan elemen vulgar. Penulisan ini turut mengangkat isu-isu semasa berkaitan kemanusiaan, agama, sosial dan politik. Dari sudut amalan wacana, kajian mendapati bahawa kebebasan kreatif, penggunaan bahasa yang tidak terikat dengan konvensi serta amalan penerbitan mandiri menyumbang kepada kebolehcapaian dan penerimaan buku Indie dalam kalangan pembaca. Analisis kandungan turut mengenal pasti kehadiran beberapa elemen pemikiran Islam liberal dalam buku Indie yang dikaji, antaranya sekularisme, penekanan terhadap kebebasan individu beracuankan liberalisme Barat, sokongan terhadap pluralisme agama, kecenderungan kepada rasionalisme melampau serta peminggiran autoriti wahyu dan syariat. Elemen-elemen ini berpotensi mencabar kefahaman akidah dan kerangka nilai Islam sekiranya diterima tanpa penilaian kritikal. Oleh itu, kajian ini mencadangkan keperluan kepada penelitian dan pemantauan kandungan penerbitan buku Indie secara lebih sistematik bagi memastikan keselarasan dengan nilai agama dan budaya masyarakat. Dapatan kajian diharapkan dapat memberi sumbangan kepada pembuat dasar, institusi agama dan pihak berkepentingan dalam merangka pendekatan pengurusan penerbitan yang lebih seimbang dan berteraskan konteks tempatan.

WRITING STYLE AND LIBERAL ISLAMIC THOUGHT IN INDIE BOOKS IN MALAYSIA

ABSTRACT

Independent book publishing in Malaysia began to attract significant attention, particularly among young readers, from around 2010 onwards. This phenomenon introduced a distinctive writing approach, characterised by independent production, creative expression, and relative freedom from the conventional framework of mainstream publishing. Beyond revitalising the reading culture among younger generations, Indie publications have also presented a wide range of themes and linguistic styles that differ markedly from conventional literary works. Nevertheless, concerns have been raised by various parties regarding the content of certain Indie books, which are perceived to promote discourses and ideas that conflict with Malay-Islamic norms and the religious values of local society. Accordingly, this study aims to identify the writing styles, discursive practices, and elements of liberal Islamic thought embedded in Indie book publications in Malaysia. This study adopts a qualitative approach, employing content analysis as its primary research design. Five Indie books were selected as research samples, and semi-structured interviews were conducted with eight informants directly involved in Indie book publishing to support and enrich the research findings. The findings indicate that Indie book writing is not confined to a single genre; instead, it utilises various forms of writing such as narrative and argumentative styles, alongside diverse linguistic registers, including slang, mixed-language expressions, satire, and vulgar elements. These writings also address contemporary issues related to humanity, religion, social life, and politics. From the perspective of discursive practices, the study finds that creative freedom, non-conventional language use, and independent publishing practices contribute significantly to the accessibility and acceptance of Indie books among readers. Content analysis further identifies the presence of several elements associated with liberal Islamic thought in the selected Indie books, including secularism, an emphasis on individual freedom influenced by Western liberalism, support for religious pluralism, tendencies towards excessive rationalism, and the marginalisation of the authority of revelation and Islamic law. These elements may potentially challenge Islamic beliefs and value frameworks if adopted without critical evaluation. Therefore, this study suggests the need for more systematic scrutiny and monitoring of Indie book content to ensure alignment with the religious and cultural values of society. The findings are expected to contribute to policymakers, religious institutions, and relevant stakeholders in formulating a more balanced and context-sensitive approach to publication governance.

KANDUNGAN

	Halaman
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	x
SENARAI ILUSTRASI	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii
JADUAL TRANSLITERASI	xiv
 BAB I	
Pengenalan	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang kajian	1
1.3 Penyataan Masalah	4
1.4 Persoalan Kajian	7
1.5 Objektif Kajian	7
1.6 Kerangka Teoritikal Kajian	7
1.7 Kerangka Konseptual Kajian	11
1.8 Kepentingan Kajian	13
1.9 Definisi Operasi Kajian	16
1.9.1 Gaya penulisan	16
1.9.2 Pemikiran Islam liberal	16
1.9.3 Buku Indie	17
1.10 Kesimpulan	17
 BAB II	
Sorotan Literatur	
2.1 Pendahuluan	18
2.2 Pemikiran Islam Liberal	18
2.2.1 Perkembangan pemikiran Islam liberal	18
2.2.2 Kerangka pemikiran Islam liberal	22
2.3 Buku Indie dan sejarah perkembangannya	50

2.3.1	Pendefinisian Indie dalam penulisan dan penerbitan buku Indie di Malaysia	50
2.3.2	Sejarah perkembangan penerbitan buku Indie di Malaysia	53
2.4	Gaya Penulisan Buku Indie	62
2.4.1	Elemen-elemen gaya penulisan berdasarkan parameter Teori Analisis Wacana	63
2.4.2	Genre	63
2.4.3	Jenis penulisan	71
2.4.4	Tema penulisan	77
2.4.5	Gaya bahasa	80
2.5	Amalan Wacana Buku Indie	92
2.5.1	Visual dan rekaan yang menarik	92
2.5.2	Kebebasan memilih kandungan	98
2.5.3	Cara penyampaian kepada khalayak	102
2.5.4	Penggunaan gaya bahasa dan istilah yang rare	106
2.5.5	Pembinaan imej anti perdana dan melawan	109
2.6	Teori Analisis Wacana Kritis Norman fairclough	111
2.6.1	Teori Analisis Wacana Kritis Norman Fairclough	112
2.6.2	Aplikasi teori Fairclough dalam kajian buku Indie	112
2.6.3	Kerangka teori kajian	113
2.7	Sorotan Kajian Lepas	115
2.7.1	Kajian pemikiran Islam liberal	115
2.7.2	Kajian buku Indie di Malaysia	131
2.7.3	Kajian Islam liberal dalam buku Indie	138
2.8	Kesimpulan	146
BAB III	METODOLOGI KAJIAN	
3.1	Pengenalan	148
3.2	Reka Bentuk Kajian	148
3.3	Sampel Kajian	150
3.3.1	Latar belakang sampel kajian	151
3.4	Informan Kajian	158
3.5	Tatacara Pelaksanaan Kajian	160
3.6	Proses Pengumpulan Data	161
3.6.1	Analisis dokumen	161
3.6.2	Analisis temubual	167
3.7	Keesahan dan Kebolehpercayaan	168
3.7.1	Triangulasi data	168

	3.7.2	Pengesahan pakar melalui kaedah Cohhen Kappa	169
3.8		Analisis Data	170
	3.8.1	Analisis gaya penulisan buku Indie	170
	3.8.2	Analisis elemen amalan wacana buku Indie	171
	3.8.3	Analisis elemen pemikiran Islam liberal dalam kandungan buku Indie	172
3.9		Kesimpulan	175

BAB IV ANALISIS DAPATAN KAJIAN

4.1		Pengenalan	176
4.2		Gaya Penulisan Buku Indie	176
	4.2.1	Genre penulisan	176
	4.2.2	Jenis penulisan	184
	4.2.3	Tema penulisan	187
	4.2.4	Gaya bahasa	192
4.3		Dimensi Amalan Wacana Buku Indie	218
	4.3.1	Indie mendukung kebebasan berkreatif	218
	4.3.2	Pembinaan imej sebagai anti establishment (arus perdana) dan melawan	225
	4.3.3	Keaslian idea dan karya	232
	4.3.4	Penyampaian kepada khalayak	236
	4.3.5	Promosi, penerbitan dan pengedaran	238
4.4		Kandungan Buku Indie dan Kaitannya Dengan Islam Liberal	242
	4.4.1	Kerangka pemikiran Islam liberal	242
	4.4.2	Memperjuangkan ideologi sekularisme dalam kehidupan	243
	4.4.3	Memperjuangkan kebebasan mutlak dan hak asasi manusia yang melampau	251
	4.4.4	Mendukung pluralisme agama	266
	4.4.5	Berpegang kepada kekuatan akal dan rasional yang melampau	281
	4.4.6	Penolakan terhadap autoriti wahyu dan shariah Islam	286
	4.4.7	Memperjuangkan emansipasi wanita dan hak golongan minoriti	296
4.5		Kesimpulan	297

BAB V PENUTUP

5.1		Pengenalan	299
5.2		Rumusan Kajian	299
	5.2.1	Rumusan gaya penulisan buku Indie	299

	5.2.2	Rumusan amalan sosial buku Indie	302
	5.2.3	Rumusan elemen pemikiran Islam liberal	304
5.3		Cadangan Kajian Lanjutan	308
	5.3.1	Implikasi terhadap perkembangan intelektual dan wacana kritikal	308
	5.3.2	Implikasi terhadap wacana agama dan pemikiran Islam	309
	5.3.3	Implikasi terhadap industri penerbitan dan teknologi	310
	5.3.4	Implikasi terhadap penyelidikan dan pendidikan	310
5.4		Cadangan Kajian Lanjutan	312
	5.4.1	Kajian tentang penerimaan pembaca terhadap kandungan buku Indie	312
	5.4.2	Kajian terhadap pemikiran Islam liberal	312
	5.4.3	Kajian terhadap dinamika penerbitan buku Indie	312
	5.4.4	Kajian terhadap kesan buku Indie terhadap industri penerbitan	313
	5.4.5	Kajian terhadap komuniti buku Indie	313
5.5		Penutup	314
RUJUKAN			315
LAMPIRAN			
Lampiran A		Borang Soal Selidik	333
Lampiran B		Borang Protokol Temubual	334
Lampiran C		Contoh Borang Pengesahan pakar	335

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Halaman
Jadual 2.1	Senarai nama sarjana yang menulis tentang pemikiran Islam liberal	22
Jadual 2.2	Konstruk elemen Islam liberal (sekularisme)	23
Jadual 2.3	Konstruk elemen Islam liberal (kebebasan mutlak)	27
Jadual 2.4	Konstruk elemen Islam liberal (pluralisme agama)	32
Jadual 2.5	Konstruk Islam liberal (Kekuatan akal dan rasionalisme)	38
Jadual 2.6	Elemen pemikiran Islam liberal (Penolakan terhadap autoriti wahyu dan syariah Islam)	41
Jadual 2.7	Elemen pemikiran Islam liberal (menyokong gerakan feminisme dan golongan minoriti)	46
Jadual 2.8	Elemen gaya penulisan (Genre)	64
Jadual 2.9	Elemen gaya penulisan – jenis penulisan	72
Jadual 2.10	Elemen gaya penulisan – tema penulisan	77
Jadual 2.11	Elemen gaya penulisan (gaya bahasa)	81
Jadual 2.12	Antara senarai tajuk buku Indie	97
Jadual 3.1	Senarai kandungan sampel buku 1 (“Aku _____, maka aku ada)	152
Jadual 3.2	Senarai kandungan sampel buku 3 (Alif Lam La Ha)	155
Jadual 3.3	Senarai kandungan sampel buku 4 (Aku kafir kau siapa)	156
Jadual 3.4	Senarai kandungan sampel buku 5 (Nasionalisme Longkang)	158
Jadual 3.5	Senarai maklumat informan kajian	159
Jadual 3.6	Jadual pelaksanaan kajian	160
Jadual 3.7	Analisis gaya penulisan berpandukan kepada Teori Analisis Wacana Fairclough 1992	171
Jadual 3.8	Kerangka elemen pemikiran Islam liberal	173
Jadual 4.1	Jadual pengelasan wacana -Genre	177
Jadual 4.2	Analisis genre cerpen	178

Jadual 4.3	Analisis genre sajak/puisi	179
Jadual 4.4	Analisis genre esei	181
Jadual 4.5	Analisis lain-lain genre	182
Jadual 4.6	Analisis jenis penulisan	184
Jadual 4.7	Analisis tema penulisan	188



SENARAI ILUSTRASI

No. Rajah		Halaman
Rajah 1.1	Rajah Kerangka Teori Kajian	10
Rajah 1.2	Kerangka konseptual kajian	13
Rajah 2.1	Muka depan kulit buku Indie	94
Rajah 2.2	Kerangka teori kajian	114
Rajah 3.1	Muka depan kulit buku sampel buku 1 (SB1)	152
Rajah 3.2	Muka depan kulit buku sampel buku 2 (SB2)	153
Rajah 3.3	Muka depan kulit buku sampel buku 3 (SB3)	154
Rajah 3.4	Muka depan kulit buku sampel buku 4(SB4)	156
Rajah 3.5	Muka depankulit buku sampel buku 5(SB5)	157
Rajah 4.1	Petikan sajak dalam SB3	180
Rajah 4.2	Contoh penulisan tanpa kategori genre dalam SB5	183

SENARAI SINGKATAN

AWK	Analisis Wacana Kritis
INF	Informan
IPGM	Institut Pendidikan Guru Malaysia
IRF	Islamic Renaissance Front
KUIS	Kolej Universiti Islam
SB1	Sampel Buku 1
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UM	Universiti Malaya
UNIZA	Universiti Zainal Abidin
UTAM	Universiti Terbuka Anak Muda



JADUAL TRANSLITERASI

<u>Huruf Arab</u>	<u>Huruf Latin</u>	<u>Contoh Asal</u>	<u>Contoh Transliterasi</u>
ء	,	سأل	sa'ala
ب	b	بدل	badala
ت	t	تمر	tamr
ث	th	ثورة	thawrah
ج	j	جمال	jamāl
ح	h	حديث	ḥadīth
خ	kh	خالد	khālid
د	d	ديوان	ḍiwān
ذ	dh	مذهب	madhhab
ر	r	رحمن	Raḥmān
ز	z	زمزم	zamzam
س	s	سراب	sarāb
ش	sh	شمس	shams
ص	ṣ	صبر	ṣabr
ض	ḍ	ضمير	ḍamīr
ط	ṭ	طاهر	ṭāhir
ظ	ẓ	ظهر	ẓuhr
ع	c	عبد	ʿabd
غ	gh	غيب	ghayb
ف	f	فقه	fiqh
ق	q	قاضي	qāḍī
ك	k	كأس	ka's
ل	l	لين	laban
م	m	مزمар	mizmār
ن	n	نوم	nawm
هـ	h	هبط	habaṭa
و	w	وصل	waṣala
ي	y	يسار	yasār

Vokal Pendek

<u>Huruf Arab</u>	<u>Huruf Latin</u>	<u>Contoh Asal</u>	<u>Contoh Transliterasi</u>
اَ	a	فَعَالٌ	fa ^c ala
اِ	i	حَسِبَ	ḥasiba
اُ	u	كُتِبَ	kutiba

Vokal Panjang

<u>Huruf Arab</u>	<u>Huruf Latin</u>	<u>Contoh Asal</u>	<u>Contoh Transliterasi</u>
آ ، اِي	ā	كاتب ، قضى	kātib, qaḍā
ي	ī	كريم	karīm
و	ū	حروف	ḥurūf

Diftong

<u>Huruf Arab</u>	<u>Huruf Latin</u>	<u>Contoh Asal</u>	<u>Contoh Transliterasi</u>
أَو	aw	قَوْل	qawl
أَي	ay	سَيْف	sayf
رَي	iyy/ī	رَجِي	raj ^c iyy, raj ^c ī
أَوْ	uww/ū	عَدُو	^c aduww, ^c adū

Pengecualian

1. Huruf Arab ء (hamzah) pada awal perkataan ditransliterasikan kepada ‘a’ bukan kepada ’. Contoh: أَكْبَر , transliterasi: *akbar* bukan *’akbar*.
2. Huruf Arab ة (tā’ marbūṭah) pada perkataan tanpa ال (al) yang bersambung dengan perkataan lain ditransliterasikan kepada ‘t’. Contohnya: وزارة التعليم, transliterasi: *wizārat al-ta^clīm*, bukannya *wizārah al-ta^clīm*. Tetapi seandainya terdapat pada perkataan yang ada ال (al) atau pada perkataan tunggal atau pada perkataan terakhir, tā’ marbūṭah ditransliterasikan kepada h.

ContohTransliterasi

- | | |
|--------------------|----------------------|
| 1. المكتبة الأهلية | Ahliyyah al-Maktabah |
| 2. قلعة | qal'ah |
| 3. دار وهبة | Dār Wahbah |



BAB I

PENGENALAN

1.1 PENDAHULUAN

Bab ini akan membincangkan tentang perkara yang berkaitan langsung dengan kajian. Fokus perbincangan bab ini mencakupi latar belakang kajian secara umum, isu dan pernyataan masalah, persoalan dan objektif kajian. Selanjutnya, perincian mengenai kerangka teoretikal, konseptual kajian, kepentingan kajian dan definisi operasional kajian juga akan diperbincangkan berdasarkan kepada keperluan kajian.

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Kemunculan buku Indie di Malaysia menandakan satu perubahan ketara dalam landskap penerbitan buku tempatan, khususnya dari segi pendekatan penerbitan dan bentuk ekspresi penulisan. Istilah Indie, yang berasal daripada perkataan *Independent*, pada asalnya digunakan dalam konteks muzik bebas sebelum berkembang ke bidang penerbitan sebagai satu bentuk alternatif kepada penerbitan arus perdana. Di Malaysia, fenomena penerbitan buku Indie mula mendapat perhatian sekitar awal dekad 2010-an, seiring dengan kemunculan penerbit seperti Fixi, DuBook dan Lejen Press. Penerbit-penerbit ini memperkenalkan karya yang berbeza daripada kebiasaan penerbitan konvensional, sama ada dari segi tema, gaya bahasa mahupun strategi pemasaran, dan seterusnya menarik minat pembaca muda yang mencari bahan bacaan yang lebih dekat dengan realiti kehidupan mereka (Fadli & Md Sidin 2016; Nor Hasimah & Melor Fauzita 2016; Muhamad Faisal et al. 2018).

Dalam kajian terdahulu, penerbitan buku Indie sering ditafsirkan sebagai reaksi terhadap dominasi penerbitan arus perdana yang dilihat lebih terikat dengan garis editorial tertentu. Nor Hasimah Ismail et al. (2018) menyatakan bahawa penerbit Indie

menyediakan ruang yang lebih longgar kepada penulis baharu untuk berkarya tanpa kawalan editorial yang ketat. Keadaan ini membolehkan penulis menampilkan naratif yang lebih berani, termasuk pandangan yang mencabar norma sosial dan budaya sedia ada. Pada masa yang sama, penerbit Indie memanfaatkan media sosial sebagai medium utama pemasaran dan penyebaran karya, sekali gus membolehkan hubungan yang lebih langsung antara penulis dan pembaca tanpa perantaraan institusi penerbitan tradisional (Muhammad Atiullah et al. 2018; Muhamad Faisal et al. 2018).

Dari sudut sejarah penerbitan alternatif, budaya buku Indie mempunyai kaitan dengan tradisi penerbitan Zine yang muncul sekitar tahun 1980-an. *Zine* merujuk kepada bahan bacaan ringkas yang dihasilkan secara mandiri dan diedarkan kepada kelompok pembaca tertentu yang mempunyai kecenderungan minat yang sama (Syazrul Arqam 2018). Walaupun bersifat terhad, tradisi ini membentuk asas kepada perkembangan penerbitan bebas yang kemudiannya berkembang menjadi penerbitan buku Indie yang lebih tersusun pada dekad berikutnya. Dalam tempoh ini, penerbit Indie mula membina identiti masing-masing. Sebagai contoh, Fixi dikenali dengan karya yang bersifat santai tetapi kompleks dari sudut naratif, manakala DuBook pula cenderung menerbitkan karya yang bersifat kritikal terhadap isu sosial dan politik. Karya seperti *Kelabu* oleh Nadia Khan sering dijadikan contoh kerana pendekatan realistik dan gaya bahasa yang tidak formal, yang mendapat sambutan dalam kalangan pembaca muda (Mohd Fatrim Syah et al. 2020; Muhammad Febriansyah 2016c; Mohd Syuhaidi & Norsyahirah 2018).

Perkembangan teknologi digital turut mempercepat pertumbuhan penerbitan buku Indie di Malaysia. Internet telah membuka ruang baharu kepada penerbit Indie untuk memasarkan karya secara terus kepada pembaca tanpa bergantung kepada rangkaian kedai buku fizikal. Platform media sosial seperti Facebook, Instagram dan Twitter digunakan secara meluas, manakala kemudahan e-dagang membolehkan urusan jual beli dilakukan secara langsung. Menurut Fadli & Md Sidin (2016), perkembangan ini bukan sahaja mengurangkan kos pemasaran, tetapi turut mengubah corak hubungan antara penulis, penerbit dan pembaca.

Walaupun kebebasan merupakan ciri utama penerbitan Indie, kebebasan ini turut menimbulkan pelbagai persoalan, khususnya apabila sebahagian karya

mengangkat isu-isu yang dianggap sensitif. Antara tema yang sering diketengahkan ialah tema seksual, feminisme, hak asasi manusia serta kritikan terhadap autoriti sosial dan agama. Isu-isu ini lazimnya disampaikan secara terbuka dan kadangkala bersifat provokatif, sehingga mencetuskan perdebatan dalam kalangan masyarakat dan institusi berkaitan (Muhammad Atiullah et al. 2018; Muhammad Febriansyah 2016a; Muhammad Rashidi & Siti Nur Hidayah 2016;). Namun demikian, sambutan yang berterusan dalam kalangan generasi muda menunjukkan bahawa karya-karya ini memenuhi keperluan pembaca yang mencari naratif alternatif yang dirasakan lebih relevan dengan pengalaman semasa.

Dalam konteks agama, beberapa karya Indie telah menerima kritikan kerana kandungannya dianggap mencabar norma dan autoriti keagamaan. Buku seperti *Antithesis* oleh Benz Ali dan siri *KL Noir* sering dirujuk sebagai contoh karya yang mengandungi elemen liberalisme serta kritikan terhadap institusi agama. Kandungan sebegini telah menimbulkan kebimbangan dalam kalangan pihak berkuasa agama, termasuk Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), yang menilai sebahagian karya Indie sebagai bertentangan dengan ajaran Islam Ahli Sunnah wal Jamaah (Muhammad Rashidi & Siti Nur Hidayah 2016). Keadaan ini memperlihatkan pertembungan antara wacana kebebasan bersuara dalam penerbitan Indie dan nilai keagamaan yang menjadi asas masyarakat Islam di Malaysia (Muhammad Atiullah et al. 2018; 2022; Nor Hasimah & Nordiana et al. 2018).

Selain kandungan, aspek bahasa turut menjadi tumpuan kritikan terhadap buku Indie. Penulis Indie sering menggunakan bahasa yang tidak formal dan bersifat lisan, malah dalam sesetengah keadaan dianggap kasar. Mohammad Fadzeli (2023) menjelaskan bahawa pendekatan ini mencerminkan keutamaan terhadap keaslian ekspresi berbanding pematuhan kepada standard bahasa formal. Walaupun gaya ini menarik minat pembaca muda, ia turut menimbulkan persoalan tentang kualiti bahasa dan peranan bahasa dalam membentuk kefahaman pembaca, khususnya apabila digunakan untuk membincangkan isu agama dan moral (Muhammad Atiullah et al. 2022; Muhamad Faisal et al. 2018; Nor Hasimah & Melor Fauzita 2016; Nor Hasimah et al. 2018).

Selain itu, buku Indie juga sering berfungsi sebagai medium kritikan terhadap institusi politik dan struktur sosial yang dominan. Tema-tema seperti ketidakadilan sosial, konflik identiti dan hubungan gender sering digambarkan melalui naratif peribadi penulis. Kajian Muhammad Atiullah et al. (2018) menunjukkan bahawa pendekatan ini menarik perhatian pembaca muda, namun pada masa yang sama menimbulkan kebimbangan tentang kesannya terhadap pembentukan pemikiran generasi tersebut. Karya seperti *Gantung* oleh Nadia Khan, misalnya, mengangkat persoalan identiti dan hubungan gender yang kompleks dan sering ditafsirkan sebagai mencabar norma budaya sedia ada (Azman Hussin 2016; Muhammad Rashidi & Siti Nur Hidayah 2016; Nazmi 2016; Tan 2015).

Keseluruhannya, penerbitan buku Indie di Malaysia tidak boleh dilihat sekadar sebagai fenomena penerbitan alternatif. Ia berfungsi sebagai satu bentuk wacana budaya yang membentuk makna, nilai dan cara berfikir pembaca. Namun, sejauh mana wacana yang dibina melalui teks buku Indie ini menyumbang kepada pembentukan dan penyebaran pemikiran tertentu, khususnya yang berkaitan dengan pemikiran Islam liberal, masih belum dianalisis secara mendalam dan sistematik. Keadaan ini mewajarkan keperluan kajian ini untuk meneliti buku Indie sebagai teks wacana yang membawa implikasi ideologi dalam konteks masyarakat Islam di Malaysia.

1.3 PENYATAAN MASALAH

Fenomena penerbitan buku Indie di Malaysia sejak awal dekad 2010-an memperlihatkan perubahan yang ketara dalam landskap penerbitan dan budaya membaca, khususnya dalam kalangan remaja dan belia. Perkembangan ini berlaku selari dengan kemunculan media baharu, perubahan cita rasa pembaca serta kecenderungan generasi muda terhadap bahan bacaan yang lebih hampir dengan pengalaman dan realiti kehidupan seharian. Dalam konteks ini, buku Indie muncul sebagai alternatif kepada penerbitan arus perdana dengan menawarkan kebebasan penulisan, pendekatan naratif yang santai serta keberanian mengangkat isu-isu yang jarang dibincangkan secara terbuka, termasuk persoalan identiti diri, autoriti sosial, agama dan kebebasan individu (Fadli & Md. Sidin 2016; Nor Hasimah & Melor Fauzita 2016). Kebebasan ini telah membentuk satu ekosistem penerbitan yang berbeza dari segi falsafah penerbitan, gaya bahasa, hubungan antara penulis dan pembaca serta cara

kandungan disebarakan, terutamanya melalui platform digital dan media sosial. Oleh itu, buku Indie tidak lagi boleh difahami sekadar sebagai produk sastera atau bahan hiburan alternatif, sebaliknya berfungsi sebagai teks wacana budaya yang berpotensi mempengaruhi cara berfikir, membentuk sikap serta membina kefahaman pembaca terhadap isu-isu sosial, politik dan keagamaan (Muhamad Faisal et al. 2018).

Namun demikian, perkembangan pesat penerbitan buku Indie turut menimbulkan kebimbangan dalam wacana akademik dan keagamaan apabila sebahagian kandungannya menyentuh persoalan agama Islam melalui pendekatan yang kritikal, bersandar kepada tafsiran individu, dan dalam sesetengah keadaan bersifat provokatif. Beberapa kajian terdahulu telah mengenal pasti kewujudan elemen-elemen yang selari dengan ciri pemikiran Islam liberal, antaranya kebebasan mentafsir agama tanpa sandaran autoriti keilmuan yang jelas, penolakan terhadap tradisi keilmuan Islam yang muktabar, mencabar kedudukan kebenaran agama serta penekanan yang berlebihan terhadap hak dan kebebasan individu (Khalif Muammar 2006, 2011; Muhammad Rashidi & Siti Nur Hidayah 2016;). Idea-idea ini lazimnya tidak dikemukakan secara langsung sebagai satu agenda ideologi yang tersusun, sebaliknya disampaikan secara tersirat melalui gaya bahasa santai, penggunaan humor dan sindiran, pengalaman peribadi serta naratif refleksi yang mudah membina empati pembaca. Pendekatan sedemikian menjadikan mesej yang dibawa sukar dikenal pasti sebagai satu bentuk wacana ideologi, khususnya oleh pembaca muda yang masih berada pada tahap pembinaan asas kefahaman agama. Keadaan ini berpotensi mengaburkan perbezaan antara kritikan sosial yang bersifat konstruktif dengan penolakan terhadap prinsip-prinsip agama yang bersifat qat'ie, sekali gus membuka ruang kepada penerimaan idea-idea yang bercanggah dengan asas akidah dan epistemologi Islam tanpa disedari.

Walaupun terdapat pelbagai kajian berkaitan penerbitan buku Indie di Malaysia, kebanyakan penyelidikan sedia ada masih tertumpu kepada aspek sejarah perkembangan penerbitan, budaya alternatif, kebebasan bersuara, strategi pemasaran serta gaya bahasa dari sudut estetika dan kreativiti (Mohd Fatrim Syah et al. 2020; Muhammad Atiullah et al. 2018;). Fokus kajian-kajian ini cenderung menilai buku Indie sebagai fenomena budaya dan sastera, tanpa memberikan perhatian yang mencukupi terhadap implikasi ideologi yang terkandung dalam teks. Walaupun terdapat kajian

yang menyentuh isu liberalisme, pluralisme dan pemikiran kritikal dalam buku Indie, perbincangan tersebut kebanyakannya bersifat deskriptif serta terhad kepada analisis tema, dan kurang meneliti secara mendalam mekanisme bahasa serta strategi wacana yang digunakan untuk membina dan membudayakan idea-idea tersebut. Lebih membimbangkan, masih terdapat kekurangan kajian yang melihat buku Indie sebagai satu bentuk wacana ideologi yang beroperasi secara tersusun melalui pilihan linguistik, struktur naratif serta konteks sosial penghasilan dan penerimaan teks. Ketiadaan analisis berasaskan pendekatan analisis wacana yang kritis menyebabkan hubungan antara bahasa, kuasa dan ideologi dalam penulisan buku Indie belum difahami secara menyeluruh dan berlapis, sekali gus menghadkan keupayaan sarjana menilai kesan sebenar teks-teks ini terhadap pembentukan pemikiran pembaca.

Berdasarkan jurang tersebut, masalah utama kajian ini terletak pada ketiadaan penyelidikan yang menganalisis secara kritikal bagaimana pemikiran Islam liberal dibina, disampaikan dan diterap melalui teks buku Indie. Pemikiran ini tidak beroperasi dalam bentuk penolakan terbuka terhadap agama Islam, sebaliknya dimanifestasikan melalui strategi bahasa dan wacana yang lebih tersirat, seperti penggunaan gaya penulisan sarkastik, pemilihan metafora tertentu, pengaburan makna konsep agama, mencabar terhadap kebenaran serta pelemahan autoriti keilmuan Islam. Tanpa analisis akademik yang sistematik dan mendalam, operasi ideologi di sebalik teks buku Indie berisiko terlepas daripada penelitian ilmiah. Keadaan ini berpotensi mendorong penerimaan pemikiran Islam liberal secara tidak kritis sebagai sebahagian daripada wacana intelektual kontemporari yang dianggap sah dan progresif, sedangkan ia mungkin bercanggah dengan asas epistemologi Islam yang berteraskan wahyu, autoriti ilmu dan tradisi keilmuan yang muktabar.

Sekiranya kajian ini tidak dilaksanakan, wacana pemikiran Islam liberal berkemungkinan terus diserap secara senyap melalui bahan bacaan popular tanpa penilaian kritikal yang berpaksikan analisis ilmiah dan epistemologi Islam. Situasi ini bukan sahaja menyukarkan usaha pendidikan serta pembinaan literasi agama dalam kalangan generasi muda, malah berpotensi melemahkan kedudukan autoriti keilmuan Islam dalam wacana awam dan mengaburkan kefahaman masyarakat terhadap prinsip-prinsip asas agama. Ketiadaan kajian yang sistematik juga menyukarkan pihak berkepentingan seperti institusi pendidikan, institusi agama dan pembuat dasar untuk

merangka pendekatan yang lebih berkesan dalam menangani cabaran ideologi kontemporari. Oleh itu, kajian ini diperlukan bagi mengisi jurang pengetahuan melalui penyediaan analisis yang sistematik dan kritikal terhadap gaya penulisan, amalan wacana serta implikasi sosial buku Indie dalam konteks pemikiran Islam liberal di Malaysia..

1.4 PERSOALAN KAJIAN

- i. Bagaimanakah gaya penulisan dan aspek bahasa yang digunakan oleh buku Indie dalam membentuk wacana pemikiran Islam liberal?
- ii. Bagaimanakah amalan buku Indie yang melibatkan proses penghasilan, penyebaran dan penerimaan berperanan sebagai medium penyampaian pemikiran Islam liberal kepada pembaca?
- iii. Sejauh manakah kandungan buku Indie menerapkan ideologi Islam liberal sehingga membawa kepada penyimpangan dari aspek akidah, shari'ah dan autoriti keilmuan Islam dalam kalangan pembaca?

1.5 OBJEKTIF KAJIAN

- i. Mengenal pasti gaya penulisan dan aspek bahasa yang digunakan dalam buku Indie dalam pembentukan wacana pemikiran Islam liberal.
- ii. Mengenal pasti amalan buku Indie yang melibatkan proses penghasilan, penyebaran dan penerimaan buku Indie yang berperanan sebagai penyampai pemikiran Islam liberal kepada pembaca.
- iii. Menilai secara kritikal kandungan buku Indie berdasarkan kerangka pemikiran Islam bagi menentukan tahap penyimpangannya daripada prinsip akidah, shari'ah dan autoriti keilmuan Islam.

1.6 KERANGKA TEORITIKAL KAJIAN

Dalam konteks kajian ini, kerangka teoretikal digunakan untuk memahami peranan bahasa, gaya penulisan dan amalan wacana dalam buku Indie sebagai medium pembentukan serta penyampaian pemikiran Islam liberal. Secara khusus, kerangka teoretikal ini bertujuan menjelaskan dua perkara utama. Pertama, bagaimana gaya

penulisan dan strategi linguistik dalam buku Indie digunakan untuk menyampaikan idea, nilai dan makna tertentu kepada pembaca. Kedua, bagaimana pemikiran Islam liberal dibentuk, disampaikan dan seterusnya dibudayakan melalui wacana yang dibina dalam teks. Kedua-dua tujuan ini memerlukan satu pendekatan teori yang berupaya menganalisis hubungan antara bahasa, kuasa dan ideologi secara serentak, serta melihat teks bukan sekadar sebagai hasil kreativiti individu, tetapi sebagai produk sosial yang terikat dengan konteks budaya dan struktur kuasa tertentu.


Sehubungan itu, kajian ini menggunakan Teori Analisis Wacana Kritis (AWK) yang diasaskan oleh Fairclough sebagai kerangka teoretikal utama. Fairclough (1992, 1995, 2003) berpandangan bahawa bahasa tidak berfungsi sebagai medium komunikasi yang neutral, sebaliknya merupakan satu bentuk amalan sosial yang sentiasa berkait rapat dengan ideologi dan kuasa. Setiap penggunaan bahasa membawa andaian tertentu tentang realiti sosial dan pada masa yang sama berpotensi membentuk cara realiti tersebut difahami dan ditafsirkan oleh khalayak. Dalam kerangka ini, wacana tidak hanya dilihat sebagai pantulan masyarakat, tetapi sebagai instrumen yang terlibat secara aktif dalam pembentukan pemikiran serta struktur sosial. Pemilihan Teori Analisis Wacana Kritis Fairclough adalah berasaskan kesesuaiannya dengan sifat data kajian, iaitu teks buku Indie yang bersifat naratif, refleksi dan sarat dengan makna tersirat. Penulisan buku Indie lazimnya meletakkan diri sebagai wacana alternatif yang mencabar autoriti arus perdana, termasuk autoriti budaya, sosial dan keagamaan. Idea dan pandangan yang diketengahkan dalam teks ini sering disampaikan secara tidak langsung melalui pengalaman peribadi, penggunaan simbol dan metafora, serta gaya bahasa santai yang dekat dengan pembaca. Oleh itu, pendekatan analisis yang hanya menumpukan kepada kandungan tersurat atau ciri linguistik permukaan adalah tidak mencukupi untuk memahami makna ideologi yang beroperasi di sebalik teks.

Teori Analisis Wacana Kritis Fairclough menawarkan satu kerangka analisis yang menyeluruh melalui tiga dimensi utama, iaitu dimensi teks, dimensi amalan wacana dan dimensi amalan sosial. Dimensi teks merujuk kepada analisis aspek linguistik dan stilistik sesuatu teks, termasuk, gaya penulisan, yang meliputi genre, jenis penulisan dan tema serta gaya bahasa. Dalam kajian ini, analisis pada dimensi teks membolehkan pengkaji meneliti bagaimana bahasa digunakan untuk membingkai

konsep agama, autoriti keilmuan dan kebenaran, termasuk kecenderungan untuk menampilkan unsur relativisme, subjektiviti dan keterbukaan tafsiran individu.

Dimensi amalan wacana pula merujuk kepada proses penghasilan, penyebaran dan pentafsiran teks dalam konteks sosial tertentu. Dimensi ini menegaskan bahawa makna teks tidak terbentuk secara terasing, sebaliknya dipengaruhi oleh latar belakang penulis, falsafah penerbitan Indie, saluran pengedaran serta khalayak sasaran. Dalam konteks kajian ini, dimensi amalan wacana digunakan untuk memahami bagaimana buku Indie sebagai medium penerbitan bebas membolehkan idea-idea tertentu disebarkan dan diterima tanpa melalui tapisan institusi agama atau penerbitan arus perdana. Keadaan ini seterusnya menyumbang kepada proses normalisasi wacana liberal sebagai sesuatu yang dianggap wajar, relevan dan bersesuaian dengan konteks semasa.

Seterusnya, dimensi amalan sosial menghubungkan wacana dengan struktur sosial, kuasa dan ideologi yang lebih luas. Pada tahap ini, wacana dianalisis sebagai sebahagian daripada proses sosial yang melibatkan perubahan budaya, konflik nilai dan pertembungan antara autoriti agama dengan pemikiran moden. Dalam kajian ini, dimensi amalan sosial membolehkan pengkaji menilai bagaimana wacana pemikiran Islam liberal yang disampaikan melalui buku Indie berinteraksi dengan realiti masyarakat Islam di Malaysia, khususnya dari sudut pembentukan identiti, kefahaman agama serta kedudukan autoriti keilmuan dalam wacana awam. Ini ditunjukkan dalam Rajah 1.1 di bawah;



Rajah 2.1 Rajah Kerangka Teori Kajian

Sumber; Lily Yaakub 2018

Rajah 1.1 kerangka teori kajian di atas telah meletakkan Teori Analisis Wacana Kritis Fairclough sebagai teras atau payung teori yang membimbing keseluruhan pendekatan analisis. Ketiga-tiga dimensi analisis diletakkan pada aras yang sama bagi menegaskan bahawa analisis wacana bersifat menyeluruh dan tidak boleh dilakukan secara terpisah. Melalui kerangka ini, pengkaji dapat meneliti bagaimana teks dianalisis, bagaimana wacana dibina dan disebar, serta bagaimana implikasi ideologi ditafsirkan dalam konteks sosial Malaysia.

Pemilihan teori ini tidak bertujuan untuk menentukan hukum atau menilai kesahihan akidah, sebaliknya untuk memahami mekanisme wacana yang beroperasi di sebalik penyampaian pemikiran Islam liberal dalam teks sastera kontemporari. Teori Islam seperti usul fiqh, ilmu kalam atau tafsir berfungsi sebagai kerangka yang boleh menetapkan prinsip kebenaran, namun tidak direka sebagai alat analisis bagi mengkaji pembentukan wacana dalam teks budaya popular. Oleh itu, Analisis Wacana Kritis dipilih kerana pendekatan ini membolehkan pengkaji meneliti secara lebih mendalam bagaimana ideologi beroperasi secara tersirat melalui penggunaan bahasa dan pembinaan naratif dalam teks.

Secara keseluruhannya, Teori Analisis Wacana Kritis Fairclough menyediakan asas teoretikal yang kukuh dan strategik bagi kajian ini. Pendekatan ini membolehkan pengkaji memahami hubungan antara bahasa, kuasa dan ideologi dalam penulisan buku Indie, serta meneliti bagaimana pemikiran Islam liberal berfungsi sebagai satu bentuk wacana ideologi dalam konteks sosial masyarakat Islam di Malaysia. Kerangka teori ini seterusnya menjadi landasan utama bagi pembinaan metodologi kajian dan analisis data dalam bab-bab seterusnya.


1.7 KERANGKA KONSEPTUAL KAJIAN

Kerangka konseptual kajian ini dibina sebagai kesinambungan daripada kerangka teori yang berasaskan Teori Analisis Wacana Kritis oleh Norman Fairclough, dengan tujuan menterjemahkan teori tersebut ke dalam reka bentuk analisis yang bersifat operasional dan berfokus. Jika kerangka teori berfungsi sebagai asas epistemologi kajian, maka kerangka konseptual berperanan sebagai pelan tindakan yang menjelaskan bagaimana teori diaplikasikan secara konkrit terhadap data kajian, selaras dengan objektif dan persoalan penyelidikan. Dalam kajian ini, buku Indie difahami sebagai teks kajian utama yang dianalisis sebagai wacana budaya, bukan sekadar karya sastera atau ekspresi peribadi penulis. Oleh itu, kerangka konseptual ini meletakkan Analisis Wacana Kritis Fairclough sebagai alat analisis utama yang membimbing penelitian terhadap bahasa, proses wacana dan konteks sosial yang melatari penghasilan serta penerimaan buku Indie.

Berasaskan model tiga dimensi Fairclough ini, analisis kajian ini dilaksanakan melalui tiga peringkat utama. Pertama, dimensi teks yang menumpukan analisis terhadap gaya penulisan dan aspek bahasa yang meliputi struktur naratif, metafora dan strategi retorik yang digunakan dalam buku Indie. Analisis ini bertujuan mengenal pasti bagaimana idea dan nilai tertentu berkaitan agama, autoriti dan kebebasan dizahirkan secara implisit melalui bahasa. Ke dua, dimensi amalan wacana yang meneliti proses penghasilan, penyebaran dan penerimaan buku Indie dalam konteks penerbitan bebas. Dimensi ini merangkumi peranan penulis dan penerbit Indie, saluran penyebaran seperti media sosial serta respons dan penerimaan pembaca. Analisis pada tahap ini membantu memahami bagaimana wacana yang terkandung dalam teks memperoleh legitimasi dan diterima sebagai wacana yang relevan dan kontemporari. Ketiga, dimensi amalan sosial

yang menghubungkan wacana dengan konteks sosial dan budaya yang lebih luas, termasuk perubahan budaya, wacana kebebasan individu, serta pertembungan antara autoriti agama dan pemikiran moden. Dimensi ini membolehkan pengkaji memahami bagaimana wacana dalam buku Indie berinteraksi dengan realiti sosial masyarakat Islam di Malaysia.

Berdasarkan dapatan analisis wacana pada ketiga-tiga dimensi ini, kajian seterusnya menafsirkan dapatan dalam kerangka pemikiran Islam, khususnya bagi menilai kehadiran dan bentuk pemikiran Islam liberal yang tersirat dalam kandungan buku Indie. Tafsiran ini melibatkan pengenalpastian elemen-elemen seperti sekularisme, kebebasan mutlak, pluralisme agama, pengangkatan rasionalisme melampau, penolakan autoriti wahyu dan syariah, serta wacana emansipasi wanita. Secara keseluruhannya, kerangka konseptual ini memastikan analisis pemikiran Islam liberal dalam buku Indie dilakukan secara sistematik dan berperingkat, bermula daripada analisis teks, diikuti proses wacana, seterusnya konteks sosial, sebelum ditafsirkan dalam kerangka pemikiran Islam. Kerangka ini melengkapkan kerangka teori kajian dan menjadi asas yang jelas bagi analisis data serta perbincangan dapatan dalam bab-bab seterusnya seperti mana yang digambarkan dalam Rajah 1.2 di bawah;



Rajah 1.2 Kerangka konseptual kajian

Sumber : Lily Yaakub 2018

1.8 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini mempunyai kepentingan yang signifikan dalam beberapa lapangan utama, khususnya dalam bidang akademik, sosiobudaya, industri penerbitan serta institusi dan autoriti agama Islam di Malaysia. Penerbitan buku Indie tidak lagi boleh difahami sekadar sebagai fenomena budaya alternatif, sebaliknya perlu dilihat sebagai satu bentuk wacana yang berupaya mempengaruhi pemikiran, nilai dan kefahaman masyarakat, khususnya generasi muda. Oleh itu, kajian ini memberikan sumbangan yang bersifat merentas disiplin dan relevan dengan realiti sosial semasa.

Dari sudut akademik, kajian ini memperkaya pemahaman terhadap dinamik sosial dan budaya masyarakat Malaysia melalui analisis terhadap buku Indie sebagai teks wacana budaya. Sebahagian buku Indie boleh dianggap sebagai dokumen budaya yang merekodkan isu-isu sosial seperti kebebasan individu, identiti, ketidakadilan sosial serta pertembungan antara nilai tradisional dan moden. Penulisan Indie sering mengetengahkan pengalaman dan perspektif yang jarang diberikan ruang dalam penerbitan arus perdana. Melalui kajian ini, penyelidik dapat memahami bagaimana perubahan nilai dalam masyarakat mempengaruhi naratif yang dibina oleh penulis Indie, serta bagaimana pengalaman hidup dalam dunia yang semakin kompleks diterjemahkan ke dalam bentuk teks. Kajian ini juga menyumbang kepada pengisian jurang pengetahuan dalam bidang kajian sastera dan budaya tempatan. Penerbitan Indie sering menggunakan bentuk penceritaan yang tidak lazim, termasuk genre *noir*, eksperimen gaya penulisan dan penceritaan yang berpecah-pecah. Analisis terhadap teks-teks ini membuka ruang kepada penerokaan pendekatan baharu dalam kajian teks, khususnya melalui penggunaan Analisis Wacana Kritis. Dengan demikian, kajian ini bukan sahaja menyumbang kepada pemahaman fenomena buku Indie, tetapi turut memperkayakan perbincangan teori dan metodologi dalam kajian sastera dan budaya.

Dari sudut sosiobudaya, kajian ini penting dalam memahami bagaimana kelompok tertentu dalam masyarakat, termasuk kelompok marginal dan terpinggir, menggunakan penerbitan Indie sebagai medium untuk menyuarakan pandangan, memperjuangkan hak dan mencabar norma sosial sedia ada. Buku-buku yang mengangkat isu feminisme, seksualiti dan hak asasi manusia sering berfungsi sebagai refleksi kritikal terhadap struktur kuasa dalam masyarakat. Kajian ini membolehkan masyarakat menilai semula norma-norma sosial yang mungkin tidak lagi sejajar dengan realiti semasa, di samping memahami ketegangan yang wujud antara tradisi dan pembaharuan. Selain itu, kajian ini membantu meneliti peranan penerbitan Indie dalam pembentukan identiti sastera dan budaya Malaysia. Dalam konteks globalisasi, penerbitan Indie menjadi ruang penting untuk mengekalkan dan mempromosikan identiti tempatan. Penggunaan bahasa Melayu yang kreatif dan gaya penulisan yang unik oleh penulis Indie mencerminkan pengalaman serta realiti masyarakat Malaysia. Kajian ini menyumbang kepada usaha memelihara warisan budaya tempatan sambil mengiktiraf inovasi dalam bentuk dan kandungan sastera.

Kajian ini turut mempunyai kepentingan praktikal kepada industri penerbitan di Malaysia. Dunia penerbitan sedang mengalami perubahan yang ketara, dan penerbitan Indie memainkan peranan penting dalam perubahan tersebut. Kajian terhadap pendekatan penerbit Indie seperti Fixi dan Lejen Press, yang menekankan gaya penulisan santai, bahasa yang dekat dengan pembaca serta tema yang relevan dengan generasi muda, dapat membantu industri penerbitan memahami perubahan cita rasa pembaca. Penemuan kajian ini berpotensi menjadi rujukan kepada penerbit arus perdana untuk menyesuaikan strategi penerbitan mereka agar kekal relevan dalam pasaran yang semakin kompetitif. Selain itu, penerbitan Indie sering menggunakan strategi pemasaran yang kreatif melalui media sosial. Kajian terhadap strategi ini membantu memahami bagaimana penerbit Indie membina komuniti pembaca yang setia dan bagaimana hubungan ini memberi kelebihan dalam era digital. Dapatan kajian boleh dimanfaatkan oleh penerbit-penerbit lain untuk meningkatkan keberkesanan pemasaran dan daya saing mereka.

Kajian ini juga mempunyai implikasi penting kepada pihak autoriti agama Islam. Buku-buku Indie sering mencerminkan pemikiran dan aspirasi generasi muda, termasuk pandangan mereka terhadap agama, moral dan institusi keagamaan. Dengan memahami kandungan dan wacana yang dibina dalam buku Indie, pihak autoriti agama dapat mengenal pasti perubahan dalam cara generasi muda mendekati isu-isu keagamaan serta cabaran yang mereka hadapi dalam menyeimbangkan identiti agama dengan kehidupan moden. Di samping itu, kajian ini membantu mengenal pasti potensi penerbitan Indie sebagai medium dakwah yang lebih inklusif dan kontekstual. Walaupun terdapat buku Indie yang bersifat kritis terhadap agama, terdapat juga karya yang membawa mesej positif dan refleksi tentang Islam. Melalui kajian ini, pihak autoriti agama dapat membezakan antara kritikan yang bersifat membina dan wacana yang berpotensi mengelirukan, seterusnya merangka pendekatan yang lebih berkesan dalam menangani cabaran ideologi kontemporari.

Selain itu, buku Indie sering kali menggunakan strategi pemasaran yang lebih kreatif dan berkesan melalui media sosial. Kajian terhadap keberkesanan strategi ini dapat membantu penerbit-penerbit besar meningkatkan daya saing mereka, terutamanya dalam era digital yang semakin mencabar. Penyelidikan ini juga penting untuk mengenal pasti bagaimana penerbitan Indie mencipta komuniti pembaca yang setia dan

bagaimana hubungan ini memberikan kelebihan kepada mereka dalam pasaran yang kompetitif.

Secara keseluruhannya, kajian ini membuka ruang dialog yang lebih konstruktif antara pihak autoriti agama dan masyarakat. Dengan memahami wacana yang diketengahkan dalam buku Indie, pihak berkuasa agama dapat mengambil pendekatan yang lebih proaktif, terbuka dan berasaskan kefahaman terhadap realiti sosial semasa. Hal ini berpotensi mengurangkan jurang persefahaman, memperkukuhkan literasi agama dalam kalangan generasi muda, serta memupuk hubungan yang lebih harmoni antara institusi agama dan masyarakat.

1.9 DEFINISI OPERASI KAJIAN

Definisi operasional diperlukan bagi menjelaskan maksud kepada tema utama yang menjadi teras dalam kajian ini. Terdapat beberapa istilah yang perlu dijelaskan, iaitu;

1.9.1 Gaya penulisan

Merujuk kajian ini, gaya penulisan ditakrifkan sebagai corak penggunaan bahasa dan struktur naratif yang digunakan oleh penulis buku Indie dalam menyampaikan idea, pandangan dan nilai tertentu. Gaya penulisan ini merangkumi aspek seperti pilihan leksikal, struktur ayat, nada penulisan, penggunaan metafora, serta strategi retorik yang membentuk makna tersurat dan tersirat dalam teks. Secara operasional, gaya penulisan dikenal pasti melalui analisis teks berasaskan kerangka Analisis Wacana Kritis Fairclough dengan meneliti bagaimana bahasa digunakan untuk membingkai autoriti, kebebasan berfikir, agama dan kebenaran dalam penulisan buku Indie.

1.9.2 Pemikiran Islam liberal

Perkataan pemikiran Islam liberal dalam konteks kajian ini ditakrifkan sebagai satu set idea dan wacana yang menekankan kebebasan tafsiran agama, pengutamaan rasionalisme individu, relativisme kebenaran, serta sikap kritikal terhadap autoriti keilmuan dan tradisi agama Islam. Secara operasional, pemikiran Islam liberal dikenal pasti melalui analisis kandungan teks yang memaparkan unsur seperti pemisahan agama daripada kehidupan awam, kebebasan mutlak individu dalam beragama, pluralisme

agama, pengangkatan akal melebihi wahyu, serta penolakan terhadap autoriti syariah. Takrifan ini digunakan sebagai kerangka tafsiran dapatan analisis wacana dalam kajian ini (Khalif Muammar 2006; Kurzman 1998).

1.9.3 Buku Indie

Buku Indie ditakrifkan sebagai karya penulisan atau sastera yang diterbitkan secara bebas tanpa bergantung kepada penerbit arus perdana, sama ada dari segi pembiayaan, pengurusan editorial atau pengedaran. Secara operasional, buku Indie merujuk kepada teks kajian yang dipilih berdasarkan ciri penerbitan bebas, etos *do-it-yourself (DIY)*, serta kecenderungan menampilkan naratif alternatif yang mengkritik norma sosial, budaya atau keagamaan arus perdana. Buku Indie dalam kajian ini dianalisis sebagai teks wacana budaya yang berfungsi sebagai medium penyampaian idea dan nilai tertentu dalam konteks masyarakat kontemporari.

1.10 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, Bab I telah menghuraikan latar belakang penerbitan buku Indie di Malaysia serta menegaskan kedudukannya sebagai medium wacana yang dikatakan berpotensi menyebarkan elemen pemikiran Islam liberal. Permasalahan kajian, persoalan kajian dan objektif kajian dirangka secara sistematik bagi memandu penyelidikan yang berfokus. Pemilihan Teori Analisis Wacana Kritis Fairclough menyediakan asas teoretikal yang kukuh untuk menganalisis hubungan antara bahasa, ideologi dan konteks sosial dalam teks buku Indie, manakala kerangka konseptual memperjelaskan hala tuju analisis kajian. Oleh itu, Bab I berfungsi sebagai landasan awal yang menyeluruh bagi perbincangan dan analisis dalam bab-bab seterusnya.

BAB II

SOROTAN LITERATUR

2.1 PENDAHULUAN

Bab ini membentangkan sorotan literatur yang berkaitan secara langsung dengan fokus kajian, merangkumi perbincangan tentang pemikiran Islam liberal, penerbitan buku Indie di Malaysia serta teori dan pendekatan analisis yang menjadi landasan kajian. Tujuan utama bab ini adalah untuk menilai, mensintesis dan mengkritik kajian-kajian terdahulu bagi membina asas konseptual dan teoretikal yang kukuh kepada kajian ini.

2.2 PEMIKIRAN ISLAM LIBERAL

Sub topik bahagian ini akan membincangkan dua segmen mengenai pemikiran Islam liberal iaitu; perkembangan pemikiran Islam liberal dan kerangka pemikiran Islam liberal.

2.2.1 Perkembangan pemikiran Islam liberal

Istilah Islam liberal berasal daripada konsep liberalisme, iaitu satu aliran falsafah Barat yang menjadikan kebebasan individu sebagai nilai tertinggi dalam menentukan kebenaran, norma dan tindakan manusia. Dari sudut etimologi, liberalisme berpunca daripada istilah Latin *libertas* yang membawa maksud kebebasan. Namun dalam kerangka falsafah moden, liberalisme tidak terhad kepada kebebasan moral atau sosial semata-mata, sebaliknya membentuk satu sistem epistemologi yang menekankan rasionalisme dan relativisme kebenaran serta cenderung menolak autoriti mutlak wahyu dan tradisi agama (Ansary. 2003;. Gaur 2024).

Menurut Lukman Hakim dan Mohd. Nasir (2011), liberalisme berasaskan andaian bahawa kebenaran tidak bersifat mutlak, sebaliknya bergantung kepada tafsiran individu dan konteks sosial. Pendekatan ini jelas bercanggah dengan epistemologi Islam yang meletakkan al-Quran dan al-Sunnah sebagai sumber autoriti utama dan muktamad. Ibrahim dan Mohamad Kamil (2024) turut menegaskan bahawa liberalisme moden telah berkembang menjadi satu ideologi yang mengaburkan makna kebenaran agama dengan membentuk agama kepada pengalaman peribadi tanpa batasan disiplin ilmu. Oleh itu, liberalisme tidak boleh difahami sebagai konsep yang neutral atau progresif semata-mata, sebaliknya merupakan ideologi yang berpotensi menghakis asas akidah dan struktur nilai Islam apabila diaplikasikan dalam konteks keagamaan.

Dari sudut sejarah, liberalisme muncul dalam konteks Barat sebagai reaksi terhadap dominasi dan penindasan institusi gereja pada Zaman Pertengahan. Konflik antara gereja dan kebebasan intelektual telah melahirkan gerakan pembaharuan seperti *Renaissance*, Reformasi Gereja dan Zaman Pencerahan (*Enlightenment*), yang menuntut pembebasan manusia daripada kawalan agama. Perkembangan ini seterusnya melahirkan fahaman sekularisme, rasionalisme dan liberalisme yang memisahkan agama daripada urusan awam dan kehidupan sosial (Khalif Muammar 2006, 2013, 2018).

Pengaruh liberalisme Barat kemudiannya meresap ke dalam dunia Islam, lalu melahirkan apa yang dikenali sebagai pemikiran Islam liberal. Dari sudut terminologi, Leonard Binder melalui karya *Islamic Liberalism: A Critique of Development Ideologies* (1998) dan Charles Kurzman melalui *Liberal Islam: A Source Book* (1998) merupakan antara sarjana awal yang mempopularkan penggunaan istilah Islam liberal. Walaupun istilah ini kelihatan baharu, kemasukan idea liberalisme ke dalam dunia Islam telah berlaku lebih awal, khususnya sejak kejatuhan Empayar Uthmaniyyah (Mohd. Hambali et al. 2017). Menurut Muhammad Rashidi et al. (2019) serta Ahmad Bazli dan Muhammad Rashidi (2022), pemindahan fahaman liberalisme ke dalam dunia Islam berlaku melalui penjajahan Barat, sistem pendidikan sekular dan orientalisme, yang membawa bersama nilai serta kerangka pemikiran Barat tanpa penilaian kritikal terhadap kesesuaiannya dengan Islam.

Namun demikian, penggunaan istilah Islam liberal turut menerima kritikan daripada beberapa sarjana. Adian (2009), misalnya, menegaskan bahawa meyardarkan sifat liberal kepada Islam adalah tidak tepat kerana golongan liberal sendiri gagal memberikan definisi yang jelas dan tuntas tentang maksud liberal dalam kerangka Islam. Pandangan ini disokong oleh Syed Muhammad Naqib al-Attas (1995) yang menolak istilah Islam liberal kerana seolah-olah menggambarkan Islam itu sendiri bersifat liberal, sedangkan yang sebenarnya berlaku ialah usaha meliberalkan Islam oleh pendukung pemikiran tersebut. Oleh itu, istilah Muslim liberal dilihat lebih tepat bagi merujuk kepada individu atau kelompok yang mendukung pendekatan ini.

Perkembangan pemikiran Islam liberal menunjukkan bahawa ia berakar daripada pengaruh falsafah liberalisme yang meresap ke dalam pelbagai aspek kehidupan, termasuk ekonomi, budaya, politik dan agama. Liberalisme pada asalnya berkembang melalui gerakan reformasi yang bertujuan menentang kekuasaan gereja, mengehadkan autoriti politik dan mempertahankan hak asasi manusia (Laski 1997). Dalam konteks agama, liberalisme berfungsi untuk mencabar autoriti institusi keagamaan dan sistem pemerintahan yang berasaskan legitimasi ketuhanan, sebagaimana yang berlaku dalam reformasi agama di Eropah (Khalif Muammar 2013; Muhammad Rashidi 2017).

Pengaruh yang sama kemudiannya dapat dikesan dalam dunia Islam apabila sebahagian sarjana dan pemikir Muslim mengadaptasi pendekatan liberal dalam mentafsir agama. Antara tokoh yang sering dikaitkan dengan pemikiran ini ialah Nasr Hamid Abu Zayd, Muhammad Arkoun, Abdullahi Ahmed An-Na'im, Asghar Ali Engineer, Amina Wadud, Muhammad Shahrur, Fatima Mernissi, Abdul Karim Soroush dan Khaled Abou El Fadl. Di Indonesia, pemikiran ini berkembang secara lebih tersusun dengan penubuhan Jaringan Islam Liberal pada tahun 2001, walaupun idea-idea sekularisasi dan modenisasi Islam telah mula diperkenalkan sejak tahun 1970-an oleh tokoh seperti Nurcholish Madjid dan Harun Nasution (Budi Handrianto 2010). Dalam konteks Malaysia pula, agenda liberalisme muncul melalui pelbagai saluran termasuk organisasi tertentu, dialog antara agama serta gerakan berkaitan isu hak asasi dan wanita seperti Sisters in Islam (Khalif Muammar 2018; Muhammad Rashidi 2017; Norsaleha Mohd Salleh et al. 2017;).

Pendukung pemikiran Islam liberal umumnya berhujah bahawa tafsiran tradisional Islam bersifat jumud, patriarki dan tidak lagi sesuai dengan realiti semasa (Ahmad Bazli & Muhammad Rashidi 2022). Justeru, mereka memperkenalkan pendekatan baharu seperti hermeneutik, rasionalisme dan pengalaman subjektif dalam memahami teks wahyu. Pemikiran ini dipromosikan melalui pelbagai medium seperti dialog terbuka, seminar, penulisan popular dan media baharu yang kelihatan sederhana dan progresif, namun mengandungi agenda ideologi tertentu seperti pluralisme agama, feminisme Islam, tuntutan kebebasan individu dalam isu syariah dan penolakan autoriti ulama (Anis Sakinah & Najah Nadia 2016; Anis Sakinah 2018). Beberapa kajian turut menunjukkan bahawa gerakan liberal di Malaysia beroperasi secara tersusun melalui pembinaan persepsi, penyebaran wacana dan proses perkaderan, dengan memanfaatkan media akademik, NGO, media baharu dan penerbitan alternatif (Earnie Elmie et al. 2019; Norsaleha et al. 2021).

Isu pemikiran liberalisme ini turut mendapat perhatian serius daripada pihak berkuasa agama Islam di Malaysia. Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia Kali Ke-74 pada tahun 2006 telah memutuskan bahawa aliran pemikiran liberal mengandungi fahaman yang menyeleweng dari sudut akidah dan syariah. Keputusan ini disusuli dengan pengharaman fahaman liberalisme dan pluralisme agama oleh Jawatankuasa Fatwa Selangor pada tahun 2014, serta pewartaan pengharaman yang sama oleh Majlis Fatwa Negeri Sabah pada tahun 2017 (Muhammad Rashidi 2017). Keputusan-keputusan ini mencerminkan kebimbangan pihak berkuasa agama terhadap potensi liberalisme untuk melemahkan kefahaman akidah dan penguatkuasaan syariah dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia.

Kesimpulannya, pemikiran Islam liberal merupakan hasil interaksi berpanjangan antara falsafah liberalisme Barat dan dunia Islam. Ia muncul sebagai usaha menyesuaikan ajaran Islam dengan tuntutan moden melalui penekanan terhadap kebebasan individu, rasionalisme dan pembaharuan tafsiran agama. Namun demikian, berdasarkan sejarah, pendekatan dan implikasinya, pemikiran ini tidak boleh dilihat sebagai variasi pemikiran Islam yang sah dari sudut epistemologi Islam. Sebaliknya, ia merupakan satu projek ideologi yang berpotensi menyelewengkan kefahaman umat Islam terhadap agama serta membawa implikasi serius terhadap akidah, syariah dan

struktur sosial Islam. Oleh itu, pendedahan dan analisis kritikal terhadap pemikiran Islam liberal amat penting bagi memastikan kemaslahatan ummah terus terpelihara.

2.2.2 Kerangka pemikiran Islam liberal

Elemen-elemen Islam liberal dibincangkan secara mendalam di bawah topik ini dengan tujuan agar membolehkan konsep Islam liberal dapat difahami secara lebih mudah dan terperinci. Elemen-elemen Islam liberal ini seterusnya dibentuk menjadi kerangka asas memahami Islam Liberal dan sebagai kerangka utama yang dirujuk untuk mencapai objektif kajian yang ke tiga iaitu mengenal pasti elemen-elemen Islam liberal yang terkandung dalam buku-buku Indie. Sebanyak enam elemen pemikiran Islam liberal telah dikenal pasti menerusi penelitian dan pembacaan penulisan para sarjana yang mendukung pemikiran Islam liberal seperti yang tertera dalam senarai yang dilampirkan pada jadual di bawah;

Jadual 2.1 Senarai nama sarjana yang menulis tentang pemikiran Islam liberal

Nama Sarjana	Karya yang dirujuk
Ziauddin Sardar	Reading the Quran
Nurcholish Majdid	Keharusan pembaharuan pemikiran Islam dan penyegaran kembali pemikiran beragama
Tariq Ramadan	Radical Reform: Islamic Ethics and Liberation
Fazlur Rahman	Islamic Modernism
Charles Kurzman	Liberal Islam
Mahmoud Mohamed Taha	The Second Message of Islam
Abdullahi Ahmed An-Naim	Shari'ah and Basic Human Rights

Sumber : Lily Yaakub 2018

Dapatan dari pembacaan dan penelitian daripada karya-karya di atas, dapat dirumuskan bahawa elemen-elemen pemikiran Islam liberal adalah seperti berikut;

- i. Memperjuangkan ideologi sekularisme dalam kehidupan
- ii. Memperjuangkan kebebasan mutlak, dan hak asasi manusia, beracukan barat.
- iii. Mempromosi dan menyokong konsep pluralisme agama
- iv. Berpegang kepada kekuatan akal dan rasionalisme yang melampau
- v. Penolakan terhadap autoriti wahyu dan syariat
- vi. Menyokong perjuangan feminisme dan golongan minoriti

a. Memperjuangkan ideologi sekularisme dalam kehidupan

Elemen pertama dalam kerangka pemikiran Islam liberal ialah memperjuangkan ideologi sekularisme dalam kehidupan. Dalam wacana liberal moden, sekularisme lazimnya difahami sebagai suatu pendekatan yang memisahkan agama daripada ruang kehidupan awam, khususnya dalam urusan sosial, politik dan perundangan. Berdasarkan penelitian terhadap kajian-kajian terdahulu, elemen ini dalam kerangka pemikiran Islam liberal lazimnya dihuraikan melalui dua ciri yang saling berkait, iaitu: (i) sekularisme sebagai dualisme atau dikotomi antara agama dan kehidupan, serta (ii) sokongan terhadap demokrasi liberal dan negara sekular. Rumusan konstruktif ini ditunjukkan dalam Jadual 2.2 di bawah;

Jadual 2.2 Konstruk elemen Islam liberal (sekularisme)

KONSTRUK ELEMEN-ELEMEN ISLAM LIBERAL	TEMA	PENJELASAN ITEM / TEMA
A. Memperjuangkan ideologi sekularisme dalam kehidupan	A1. Bersifat dualisme dan dikotomi	Meletakkan agama sebagai persoalan peribadi yang tidak boleh dicampurkan atau dilibatkan dalam urusan kehidupan atau hal ehwal keduniaan
	A2. Mendukung penuh demokrasi liberal dan negara sekular	- Sesebuah negara atau kerajaan mesti bebas daripada sebarang pengaruh agama. - Menolak sistem politik yang berteraskan negara Islam dan memberi kebebasan penuh suara rakyat dalam menentukan dasar pemerintahan sesebuah negara sekalipun bertentangan dengan agama

Sumber: Lily Yaakub 2018

Jadual 2.2 menunjukkan bahawa sekularisme dalam kerangka pemikiran Islam liberal bukan sekadar difahami sebagai fenomena sejarah Barat, tetapi dioperasikan sebagai suatu pendekatan yang memisahkan agama daripada kehidupan awam serta menyokong bentuk pemerintahan berasaskan demokrasi liberal dan negara sekular (Azmi. 2016; Lily Yaakub 2018).

Sekularisme sering dihuraikan sebagai perubahan orientasi manusia yang cenderung mengalihkan perhatian daripada kerangka metafizik dan keakhiratan kepada kehidupan duniawi. Cox (1966), misalnya, merujuk sekularisme sebagai proses

pembebasan manusia daripada cengkaman agama dan metafizik, di mana penekanan kehidupan beralih kepada ruang duniawi. Dalam bidang sosiologi pula, sekularisme kerap dihubungkan dengan pemodenan sebagai proses perubahan beransur-ansur yang membawa kepada pengecilan pengaruh agama dalam institusi sosial dan kehidupan bermasyarakat. Berger (1967) menakrifkan sekularisasi sebagai pemisahan sektor-sektor kemasyarakatan dan kebudayaan daripada dominasi institusi dan simbol-simbol agama. Beberapa orang sarjana turut melihat sekularisme sebagai proses yang tidak semestinya menolak agama sepenuhnya, tetapi menempatkan agama sebagai urusan peribadi yang tidak wajar menjadi asas pengurusan sosial (Casanova 1994; Habermas 2006; ; N. Bellah 2011; Taylor 2007). Dari sudut politik, sekularisme merujuk pemisahan antara autoriti agama dengan kuasa pengurusan dan pemerintahan, termasuk pemisahan ruang awam daripada ruang peribadi.

Dalam pemikiran Islam liberal, sekularisme sering dihuraikan melalui ciri khas tertentu. Pertama, sekularisme dikaitkan dengan dualisme dan dikotomi yang memisahkan agama daripada urusan kehidupan (Khalif Muammar 2006; Mohd Yusri 2019)). Dualisme dalam konteks ini merujuk anggapan bahawa agama merupakan urusan peribadi antara manusia dengan Tuhan, manakala urusan ekonomi, politik dan sosial perlu bergerak secara terpisah daripada agama. An-Na'im (1990), misalnya, mengkritik penguatkuasaan syariah melalui bentuk negara Islam tertentu dan mencadangkan bentuk 'sekularisme pasif', iaitu negara neutral yang menggubal undang-undang untuk semua rakyat, manakala urusan keyakinan dan amalan agama diserahkan kepada individu. Pendekatan ini memperlihatkan pemisahan yang jelas antara syariah sebagai kerangka normatif agama dengan undang-undang negara sebagai kerangka pengurusan awam. Dikotomi pula merujuk pertentangan yang dibina antara agama dengan elemen-elemen kehidupan, misalnya antara wahyu dan akal, agama dan sains, demokrasi dan teokrasi. Tariq Ramadan (2009), misalnya, menekankan keperluan memberikan peranan yang lebih besar kepada akal dalam pembacaan realiti dan pemaknaan kehidupan, berbanding bergantung sepenuhnya kepada teks wahyu yang difahami secara terbatas pada nilai-nilai umum. Pendekatan ini sering di tafsir sebagai kecenderungan yang mengutamakan rasional manusia sebagai sumber utama penentuan makna dan tindakan.

Ciri khas ke dua sekularisme dalam wacana Islam liberal ialah sokongan kepada pemerintahan berteraskan demokrasi liberal yang menolak pengaruh agama dalam dasar negara. Sebahagian sarjana Muslim yang sering dikaitkan dengan wacana ini mengemukakan hujah bahawa negara perlu bebas daripada autoriti agama, termasuk dakwaan bahawa Rasulullah SAW tidak dibangkitkan untuk membina negara dalam makna politik, dan agama tidak mempunyai hubungan langsung dengan pemerintahan. Ar-Raziq (2001), misalnya, berhujah bahawa misi Rasulullah SAW bersifat penyampaian risalah semata-mata, bukan pembinaan kuasa politik, serta menafsirkan kekhalifahan sebagai sistem duniawi. Hujah ini dikritik oleh sebahagian sarjana kerana implikasinya terhadap pengiktirafan sejarah pembinaan negara di Madinah (Budhy Munawar 2011).

Berdasarkan perbincangan di atas, sekularisme dianggap sebagai proses yang melonggarkan ikatan agama dalam kehidupan sosial sehingga agama ditempatkan sebagai urusan peribadi dan entiti budaya (Casanova 1994; Habermas 2006; Taylor 2007; N. Bellah 2011). Pada masa yang sama, terdapat juga pandangan yang menyifatkan pengaruh agama semakin tidak diperlukan dalam kehidupan moden (Cox 1966; Keddie 2003). Dalam wacana tertentu, sebahagian pemikir Muslim yang turut mengemukakan idea bahawa sekularisme moden boleh digabungkan dengan sumber Islam atas nama demokrasi, kebebasan dan hak asasi manusia (Fazlur 1970; Nurcholis 2001). Sekularisme sering dipromosikan sebagai prasyarat kemajuan, toleransi dan keharmonian, khususnya dalam masyarakat majmuk (Azmil 2009).

Namun dari perspektif pemikiran Islam, sekularisme dinilai bertentangan dengan prinsip kesepaduan agama dan kehidupan yang berasaskan tauhid. Islam tidak mengiktiraf pemisahan mutlak antara urusan agama dan dunia kerana kedua-duanya berada dalam kerangka pengabdian kepada Allah SWT. Hal ini ditegaskan dalam firman Allah SWT dalam Surah Al-An'am 6:162 yang menekankan bahawa solat, ibadah, hidup dan mati adalah untuk Allah. Firman Allah SWT (Al-An'am 6:162);

قُلْ إِنَّ صَلَاتِي وَنُسُكِي وَمَحْيَايَ وَمَمَاتِي لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ

Maksudnya;

Katakanlah: sesungguhnya sembahyangku dan ibadatku, hidupku dan matiku, hanyalah untuk Allah Tuhan yang memelihara dan mentadbirkan sekalian alam.

Selain itu, al-Quran turut mengecam sikap beragama secara selektif, sebagaimana firman Allah SWT (Al-Baqarah 2:182);

فَمَنْ خَافَ مِنْ مُوسٍ جَنَفًا أَوْ إِثْمًا فَأَصْلَحَ بَيْنَهُمْ فَلَا إِثْمَ عَلَيْهِ إِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَحِيمٌ

Maksudnya;

Maka sesiapa yang bimbang akan berlaku dari orang yang berwasiat itu penyelewengan atau dosa, lalu ia mendamaikan antara mereka (yang berhak menerima wasiat itu), maka tidaklah ada dosa ke atasnya. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani

yang sering dijadikan asas bagi menolak pendekatan yang memisahkan sebahagian ajaran agama daripada kehidupan. Oleh itu, dalam kerangka epistemologi Islam, pemisahan agama daripada ruang awam termasuk penyingkiran syariah daripada peranan sosial dinilai sebagai bercanggah dengan prinsip Islam. Dalam konteks kajian ini, pemahaman yang jelas tentang elemen sekularisme menjadi penting kerana ia menyediakan induktor yang jelas untuk mengesan bagaimana wacana pemisahan agama daripada kehidupan dibina, disampaikan dan dinormalisasikan dalam buku Indie.

b. Memperjuangkan kebebasan mutlak hak asasi manusia beracuankan Barat

Elemen ke dua dalam kerangka pemikiran Islam liberal ialah memperjuangkan kebebasan mutlak individu dan hak asasi manusia yang beracuankan kerangka liberalisme Barat. Jika diteliti dari sudut pendefinisian, liberalisme lazimnya dikaitkan dengan konsep kebebasan, iaitu kebebasan yang menekankan persamaan hak serta keutamaan individu dalam menentukan pilihan hidup. Dalam kerangka pemikiran liberal Barat, kebebasan sering dihubungkan dengan rasional manusia, di mana akal menjadi asas utama dalam membuat keputusan tanpa bergantung kepada autoriti agama sebagai sumber yang mengikat (Ludwig Von Mises 2015). Dalam keadaan tertentu,

kebebasan ini di tafsir sebagai ruang peribadi yang tidak wajar dibatasi oleh kerangka agama, tradisi atau nilai budaya, sekali gus melahirkan kefahaman kebenaran yang relatif serta pluralisme pandangan.

Berdasarkan penelitian terhadap wacana hak kebebasan yang sering dikaitkan dengan Islam liberal, kebebasan mutlak yang dimaksudkan dalam kajian ini boleh dirumuskan kepada dua fokus utama: pertama, tuntutan kebebasan individualisme yang melampaui kongkongan agama dan budaya; ke dua, sokongan kepada emansipasi wanita yang menuntut kesamarataan hak. Selaras dengan itu, pengkaji merumuskan elemen ini dalam Jadual 2.3 sebagai konstruk operasional bagi memudahkan proses analisis kandungan buku Indie;

Jadual 2.3 Konstruk elemen Islam liberal (kebebasan mutlak)

KONSTRUK ELEMEN-ELEMEN ISLAM LIBERAL	ITEM/KOD	PENJELASAN ITEM / TEMA
B. Memperjuangkan kebebasan mutlak individu dan hak asasi manusia beracuankan Barat	B1. Kebebasan individualisme yang melampaui kongkongan agama dan budaya	- Kebebasan beragama: tuntutan kebebasan beragama yang tidak boleh diikat dan dikongkong oleh undang-undang atau autoriti agama. - Kebebasan berperilaku: masyarakat perlu diberi kebebasan dalam tindakan tanpa ada sekatan undang-undang. - Kebebasan berpendapat: menuntut hak dan autoriti untuk menyatakan pandangan dan ijtihad tidak sepatutnya menjadi hak mutlak golongan ulama dan agamawan sahaja kerana pandangan mereka tidak semestinya tepat

Sumber : Lily Yaakub 2018

Jadual 2.6 di atas memperincikan elemen B (kebebasan mutlak) melalui tema B1, iaitu kebebasan individualisme yang meliputi kebebasan beragama, kebebasan berperilaku dan kebebasan berpendapat (Lily Yaakub 2018). Merujuk konstruk di atas, tuntutan kebebasan dalam wacana Islam liberal dapat difahami sebagai kebebasan peribadi yang tidak terikat dengan pematuhan kepada agama dan budaya. Khalif Muammar (2018) menjelaskan bahawa sebahagian wacana liberal menggambarkan seolah-olah terdapat dua pilihan yang bertentangan, iaitu Barat yang moden dan agama yang dianggap kolot. Dalam kerangka ini, hipotesis liberalisme bergerak pada dua

andaian utama: (i) kebebasan diertikan sebagai kebahagiaan dan kebaikan, dan (ii) agama dilihat sebagai mekanisme yang mengikat serta membelenggu manusia. Berasaskan penelitian terhadap wacana yang dibangunkan oleh pendukung Islam liberal, kebebasan individualisme yang sering ditekankan meliputi tiga tuntutan utama, iaitu kebebasan beragama, kebebasan berperilaku dan kebebasan berpendapat.

Pertama, dalam wacana Islam liberal, kebebasan beragama lazimnya ditafsirkan sebagai hak individu untuk memilih, mengamalkan dan mentafsir agama tanpa keterikatan kepada undang-undang atau autoriti agama. Pendekatan ini banyak dipengaruhi oleh tradisi liberal Barat, khususnya gagasan John Stuart Mill dalam *On Liberty*, yang menegaskan kewujudan suatu ruang peribadi individu yang wajar dilindungi daripada campur tangan kuasa luar bagi menjamin kebebasan individu (Mill 1998). Ruang peribadi ini difahami sebagai wilayah autonomi individu yang boleh dikendalikan secara bebas, termasuk tindakan yang dianggap berdosa, selagi mana tindakan tersebut tidak melibatkan pencerobohan terhadap hak orang lain seperti mencuri atau merogol. Berasaskan premis ini, pendukung wacana kebebasan beragama dalam kerangka Islam liberal cenderung menolak penguatkuasaan undang-undang oleh autoriti agama terhadap dosa-dosa peribadi seperti khalwat dan zina. Mereka berhujah bahawa sesuatu perbuatan yang diharamkan oleh agama tidak semestinya wajar diharamkan oleh undang-undang negara (Hazman 2014). Pendekatan ini menunjukkan kecenderungan untuk memisahkan antara norma agama dan peraturan sosial, sekali gus mengurangkan peranan agama sebagai kerangka pengawalan tingkah laku awam.

Prinsip liberalisme dalam beragama turut melibatkan tuntutan bahawa setiap individu berhak menentukan keyakinan sendiri, termasuk hak untuk meninggalkan agama, termasuk Islam (murtad) (Khalif Muammar 2009; 2018; Muhammad Rashidi & Ahmad Bazli 2022). Tuntutan ini membawa implikasi sosial dan agama yang signifikan kerana kebebasan beragama tidak lagi beroperasi dalam kerangka tanggungjawab terhadap wahyu dan autoriti agama, sebaliknya bergerak atas asas autonomi individu yang hampir mutlak. Keadaan ini secara tidak langsung mencabar konsep agama sebagai sistem nilai yang mengikat dan mengatur kehidupan manusia secara menyeluruh.

Ke dua, wacana Islam liberal turut menekankan kebebasan berperilaku, iaitu kebebasan bertingkah laku dan kebebasan moral tanpa kawalan autoriti agama atau penguatkuasaan pemerintah, selama mana tindakan tersebut tidak mengancam keselamatan orang lain. Dalam tradisi liberal, Fawcett (2014) menjelaskan bahawa liberalisme memberikan penghormatan yang tinggi terhadap kebebasan individu, justeru tujuan hidup, pandangan dan kepercayaan seseorang perlu dihormati dan tidak wajar dipaksakan oleh pihak luar, termasuk aturan moral yang ditentukan oleh agama. Fawcett menyifatkan bahawa tradisi liberal mengimpikan suatu tatanan etika yang tidak memerlukan rujukan kepada autoriti ketuhanan (*ethical order without appeal to divine authority*). Kerangka ini selari dengan gagasan Mill yang menekankan kebebasan individu selagi tidak mendatangkan kemudaratan kepada orang lain (Khalif Muammar 2006; Mill 1998). Bertitik tolak daripada konsep ini, isu kesetaraan gender dan kebebasan seksual sering menjadi fokus utama dalam wacana yang dikaitkan dengan Islam liberal. Kebebasan berperilaku dalam konteks ini melibatkan tuntutan penerimaan terhadap tingkah laku yang dianggap bercanggah dengan tata sila budaya dan agama, termasuk isu LGBTQ, hubungan sejenis, serta tuntutan kesamarataan hak wanita dalam pelbagai dimensi kehidupan.

Dalam kerangka tersebut, terdapat kecenderungan untuk menuntut pentafsiran semula teks-teks agama dengan alasan bahawa tafsiran tradisional dianggap menindas golongan tertentu atau tidak lagi selari dengan nilai dan realiti moden. Sebagai contoh, Musdah Mulia dan Mustafa Akyol sering dirujuk sebagai tokoh yang mengemukakan pandangan lebih akomodasi terhadap isu hubungan sejenis, dengan menggunakan hujah tertentu berkaitan pendekatan teks dan autoriti dalil (Musdah Mulia 2015; Mustafa Akyol 2015a; 2015b). Musdah Mulia (2015), misalnya, menyatakan bahawa hubungan sejenis boleh diterima sekiranya ia menjamin pencapaian tujuan asas seperti kasih sayang dan ketenteraman batin.

Pandangan ini menunjukkan penggunaan kerangka maqāṣid atau tujuan moral sebagai justifikasi penerimaan, walaupun isu tersebut telah lama dibahas secara mendalam dalam tradisi fiqh dan disiplin keilmuan Islam. Dalam konteks ini, kritikan yang sering dikemukakan oleh sarjana Islam ialah kecenderungan wacana kebebasan untuk bersandar kepada pertimbangan rasional dan pengalaman subjektif semata-mata,

dengan mengetepikan autoriti wahyu serta metodologi keilmuan yang ketat. Implikasi pendekatan ini sering dikaitkan dengan kelonggaran moral dan penerimaan nilai yang bercanggah dengan prinsip syariah, yang seterusnya memberi kesan terhadap struktur sosial dan kefahaman agama dalam masyarakat Islam.

Dimensi ketiga dalam kerangka kebebasan mutlak ialah kebebasan berpendapat, yang merangkumi tuntutan bahawa hak mengemukakan pandangan tentang agama dan melakukan ijtihad tidak sewajarnya dianggap sebagai hak eksklusif ulama atau agamawan An-Naim. (1988). Dalam wacana ini, pendukung Islam liberal sering menegaskan bahawa pandangan ulama tidak semestinya tepat, justeru ruang kebebasan berfikir dan bersuara perlu diberikan secara menyeluruh kepada semua individu, sejajar dengan prinsip demokrasi yang menjamin hak bersuara kepada semua rakyat. Pendekatan ini antara agenda yang sering dikaitkan dengan gerakan tertentu seperti Jaringan Islam Liberal di Indonesia, yang menekankan penggunaan akal dan rasional dalam pentafsiran Islam serta menolak monopoli autoriti tafsiran agama (Mohd Tamyas Abdul Wahid 2014; Latifah & Zakaria 2016; Mohamad Kamil et al. 2022). Dalam kerangka ini, autoriti keilmuan tradisional cenderung dipersoalkan, manakala pandangan individu diberi kedudukan yang hampir setara tanpa mengambil kira latar disiplin ilmu dan metodologi yang digunakan.

Dalam konteks Malaysia, perbincangan tentang kebebasan bersuara dalam isu agama dapat dilihat melalui respons terhadap tindakan pengharaman bahan bacaan tertentu. Isu pengharaman buku *Irshad Manji*, misalnya, telah mencetuskan kritikan daripada kelompok tertentu yang mendakwa institusi agama mencabul ruang kebebasan berfikir dan bersuara. Mereka berhujah bahawa pendekatan yang lebih wajar ialah menjawab pandangan tersebut secara ilmiah melalui wacana dan penulisan balas, bukannya menggunakan kuasa untuk menyekat penyebarannya (Hazman 2014). Kenyataan Ahmad Farouk (2017) turut memperlihatkan kecenderungan untuk meletakkan agama dalam ruang yang bebas daripada kuasa dominan serta mengkritik sikap yang menganggap tafsiran pihak tertentu sebagai mutlak. Wacana ini secara tidak langsung menunjukkan bagaimana prinsip kebebasan berpendapat dalam liberalisme membawa implikasi terhadap penghormatan kepada autoriti keilmuan dan institusi

agama, sekali gus mencabar kedudukan ulama sebagai rujukan utama dalam hal-hal berkaitan pentafsiran agama.

Secara keseluruhannya, kebebasan mutlak dalam kerangka pemikiran Islam liberal menekankan kebebasan individu dalam pemikiran, pentafsiran agama, tingkah laku peribadi serta pilihan moral. Kebebasan individu diangkat sebagai nilai tertinggi yang tidak wajar dibatasi oleh autoriti wahyu, tradisi keilmuan Islam atau institusi agama. Dalam kerangka ini, agama cenderung dilihat sebagai pilihan peribadi dan bukannya sebagai sistem nilai yang mengatur kehidupan manusia secara menyeluruh. Dari sudut epistemologi liberal, kebebasan mutlak ini berakar daripada humanisme Barat yang menjadikan manusia sebagai pusat nilai, dengan akal dan kehendak individu dijadikan ukuran utama dalam menentukan benar dan salah.

Namun demikian, dalam kerangka pemikiran Islam, kebebasan manusia tetap diiktiraf sebagai anugerah Ilahi, tetapi kebebasan tersebut bersifat terbimbing dan terikat dengan wahyu (Abdul Rahman et al. 2017). Kebebasan dalam Islam bukanlah kebebasan tanpa had, sebaliknya kebebasan yang bergerak dalam kerangka pengabdian kepada Allah SWT dan pertanggungjawaban manusia (Abdul Rahman 2017). Prinsip ini menegaskan bahawa kebebasan tidak boleh dipisahkan daripada amanah, etika dan syariah. Islam juga meletakkan syariah sebagai mekanisme rahmat dan pemeliharaan maslahat, termasuk penjagaan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Oleh itu, kebebasan yang dibimbing oleh syariah berbeza secara asas daripada kebebasan mutlak yang menolak autoriti wahyu dan berpotensi melahirkan kekacauan nilai, krisis moral serta kerosakan sosial.

c. Mempromosi dan menyokong pluralisme agama

Elemen pemikiran Islam liberal yang ketiga ialah mempromosi dan menyokong pluralisme agama. Pluralisme agama merupakan salah satu komponen teras dalam kerangka pemikiran Islam liberal yang berfungsi sebagai asas ideologi bagi menyusun semula kefahaman agama, khususnya dalam konteks hubungan antara Islam dan agama-agama lain. Dalam wacana Islam liberal, pluralisme agama tidak sekadar difahami sebagai pengiktirafan terhadap realiti masyarakat majmuk atau kepelbagaian kepercayaan dalam kehidupan sosial, sebaliknya diangkat sebagai suatu pemikiran yang

menyamarkan kedudukan semua agama dari sudut kebenaran dan keselamatan akhirat (Anis Malik 2005).. Pendekatan ini menjadikan pluralisme agama sebagai satu gagasan yang menuntut penerimaan kesatuan kebenaran agama-agama, sekali gus mencabar asas akidah Islam yang menegaskan keesaan kebenaran wahyu serta keistimewaan Islam sebagai agama terakhir dan penutup. Dalam kerangka ini, dakwaan eksklusif kebenaran Islam dilihat sebagai bersifat dogmatik, manakala keterbukaan terhadap kesetaraan agama dianggap sebagai prasyarat kepada toleransi, keamanan dan keharmonian antara penganut agama.

Pluralisme agama dalam kerangka pemikiran Islam liberal lazimnya diuraikan melalui tiga parameter utama. Pertama, pluralisme agama menegaskan penyamarataan taraf semua agama sebagai setaraf dari sudut kebenaran, yang sering dirujuk sebagai *Transcendent Unity of Religions*, iaitu pandangan bahawa semua agama pada hakikatnya berpunca daripada satu realiti ketuhanan yang sama walaupun berbeza dari segi ritual dan tradisi. Ke dua, wacana ini turut membawa dakwaan bahawa keselamatan akhirat tidak terhad kepada penganut Islam semata-mata, sebaliknya terbuka kepada semua manusia yang dianggap beriman dan berakhlak baik, termasuk mereka yang menganut agama selain Islam. Ketiga, pluralisme agama dalam pemikiran Islam liberal menegaskan bahawa tiada agama yang memiliki kebenaran mutlak, termasuk agama Islam, kerana kebenaran agama difahami sebagai bersifat relatif, kontekstual dan bergantung kepada pengalaman serta pentafsiran individu dan masyarakat.(Galtson 2002). Ketiga-tiga elemen ini dirumuskan dalam Jadual 2.4 di bawah;

Jadual 2.4 Konstruk elemen Islam liberal (pluralisme agama)

KONSTRUK ELEMEN-ELEMEN ISLAM LIBERAL	ITEM/KOD	PENJELASAN ITEM / TEMA
C. Mempromosi dan menyokong pluralisme agama	C1. Menyamaratakan semua agama adalah sama	1.Menyatakan taraf semua agama adalah sama (Transcedent Unity of Religious) 2. Semua agama tidak memiliki sifat kebenaran mutlak dan kebenaran agama itu bersifat relatif termasuklah agama Islam 3. Semua manusia yang baik akan masuk syurga walaupun dia bukan penganut agama Islam

Sumber : Lily Yaakub 2018

Merujuk Jadual 2.4 di atas, tema pertama perbincangan pluralisme agama ialah dakwaan bahawa taraf semua agama adalah sama. Doktrin ini berakar daripada tradisi teologi liberal Kristian serta falsafah *perennial* yang menegaskan bahawa semua agama pada hakikatnya berasal daripada sumber ketuhanan yang sama, manakala perbezaan antara agama hanyalah bersifat luaran seperti ritual, simbol dan tradisi budaya. Antara tokoh utama yang mempopularkan gagasan ini ialah Ernst Troeltsch, Frithjof Schuon dan Hick. (1987) mentakrifkan pluralisme agama sebagai suatu kerangka teologi yang menyatakan bahawa pengalaman keagamaan manusia terhadap Tuhan adalah pelbagai, namun kesemuanya merupakan tindak balas yang sah terhadap satu realiti ketuhanan yang sama, yang beliau istilahkan sebagai *The Real*. Dalam kerangka ini, Islam, Kristian, Yahudi, Hindu dan agama-agama lain dianggap sebagai jalan-jalan alternatif menuju kepada Tuhan yang sama, tanpa mana-mana agama boleh mendakwa kebenaran mutlak. Pendekatan ini secara langsung menolak dakwaan eksklusif agama dan *concept of equality of truth claims*.

Gagasan ini kemudiannya diserap ke dalam wacana Islam liberal melalui tokoh-tokoh Muslim tertentu, antaranya Nurcholish Madjid, yang menegaskan bahawa semua agama merupakan ekspresi keimanan terhadap Tuhan yang sama. Beliau menggunakan analogi roda bagi menggambarkan hubungan antara agama dan Tuhan, di mana pusat roda melambangkan Tuhan, manakala jari-jarinya mewakili agama-agama yang berbeza namun menuju ke arah pusat yang sama. Ungkapan “satu Tuhan, banyak jalan” sering digunakan bagi menggambarkan pandangan bahawa pluralisme agama merupakan *sunnatullah* yang tidak boleh ditolak atau dinafikan.

Nurcholish Madjid turut berhujah dengan merujuk ayat 62 Surah Al-Baqarah dan ayat 69 Surah Al-Ma'idah yang ditafsirkan secara tekstual sebagai jaminan keselamatan akhirat kepada semua penganut agama yang beriman kepada Tuhan dan hari akhirat serta beramal soleh. Namun, tafsiran ini telah dikritik secara tegas oleh para ulama muktabar seperti Imam al-Tabari dan al-Baydawi, yang menegaskan bahawa ayat-ayat tersebut merujuk kepada keimanan yang sah sebelum kedatangan Islam atau keimanan yang disempurnakan dengan menerima risalah Nabi Muhammad SAW. Selepas pengutusan Rasulullah SAW, keimanan yang membawa keselamatan hanya sah melalui Islam, selaras dengan syariat yang berkuat kuasa.

Tema ke dua pluralisme agama dalam wacana Islam liberal ialah dakwaan bahawa semua manusia yang baik berhak mendapat keselamatan dan masuk syurga, walaupun bukan penganut Islam. Pandangan ini sejajar dengan faham inklusif agama yang dikemukakan oleh sarjana Barat seperti Karl Rahner, yang memperkenalkan konsep *anonymous Christians*. Idea ini turut diperkukuhkan oleh pandangan Hick (1987) yang menolak monopoli keselamatan oleh mana-mana agama. Pandangan ini turut disokong oleh beberapa tokoh Muslim yang cenderung kepada liberalisme, seperti Jamal al-Banna, yang menegaskan bahawa penentuan keselamatan akhirat adalah berdasarkan amal kebaikan semata-mata, bukan pegangan agama. Hujah-hujah ini sering disandarkan kepada tafsiran literal ayat-ayat al-Quran tanpa mengambil kira sebab nuzul, munasabah ayat dan disiplin tafsir yang muktabar. Namun, al-Quran secara jelas menegaskan bahawa Allah akan memutuskan hukum antara penganut agama pada hari kiamat seperti mana firman Allah SWT (Al-Hajj 22:17);

إِنَّ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَالَّذِينَ هَادُوا وَالصَّابِينَ وَالنَّصَارَى وَالْمَجُوسَ وَالَّذِينَ أَشْرَكُوا إِنَّ اللَّهَ يَفْصِلُ
بَيْنَهُمْ يَوْمَ الْقِيَمَةِ إِنَّ اللَّهَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ شَهِيدٌ

Maksudnya;

Bahawasanya orang-orang yang beriman, dan orang-orang Yahudi, dan orang-orang Saabi'in, dan orang-orang Nasrani, dan orang-orang Majusi serta orang-orang Musyrik, sesungguhnya Allah akan memutuskan hukumNya di antara mereka pada hari Kiamat, kerana sesungguhnya Allah sentiasa memerhati dan menyaksikan tiap-tiap sesuatu.

dan hanya Islam diterima sebagai agama yang diredai seperti mana firman Allah Allah SWT (Al- 'Imran 3:19; 3:85);

إِنَّ الدِّينَ عِنْدَ اللَّهِ الْإِسْلَامُ وَمَا اخْتَلَفَ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ إِلَّا مِنْ بَعْدِ مَا جَاءَهُمُ الْعِلْمُ
بَعْيًا بَيْنَهُمْ وَمَنْ يَكْفُرْ بِآيَاتِ اللَّهِ فَإِنَّ اللَّهَ سَرِيعُ الْحِسَابِ

Maksudnya:

Sesungguhnya ugama (yang benar dan diredai) disisi Allah ialah Islam. Dan orang-orang (Yahudi dan Nasrani) yang diberikan kitab itu tidak berselisih (mengenai ugama Islam dan enggan menerimanya) melainkan setelah sampai kepada mereka pengetahuan yang sah tentang

kebenarannya; (perselisihan itu pula) semata-mata kerana hasad dengki yang ada dalam kalangan mereka. Dan (ingatlah), sesiapa yang kufur ingkar akan ayat-ayat keterangan Allah, maka sesungguhnya Allah amat segera hitungan hisabnya

Tafsiran para ulama silam menegaskan bahawa keselamatan akhirat terikat dengan keimanan yang sah menurut ajaran Islam, bukan sekadar pengakuan iman yang bersifat umum atau moral semata-mata.

Tema ketiga pluralisme agama ialah penegasan bahawa tiada agama yang memiliki kebenaran mutlak, dan kebenaran agama dianggap bersifat relatif serta subjektif. Pandangan ini dipelopori oleh orientalis Barat seperti Wilfred Cantwell Smith dan John Hick, yang menyatakan bahawa dakwaan kebenaran agama hanyalah konstruksi manusia dalam memahami realiti ketuhanan. Nasr pula, dengan merujuk kepada teori kesatuan transenden agama-agama (Wahdat al-Adyan), menyamakan perbezaan agama dengan perbezaan bahasa yang menzahirkan kebenaran yang sama dalam bentuk yang berbeza. Pendekatan ini jelas bercanggah dengan prinsip asas akidah Islam yang menegaskan kebenaran wahyu sebagai mutlak dan tidak relatif. Al-Quran dengan tegas menyatakan bahawa hanya Islam merupakan agama yang benar dan diredai Allah, manakala agama lain tidak diterima selepas kedatangan risalah Nabi Muhammad SAW.

Daripada perspektif pemikiran Islam, pluralisme agama sebagaimana yang dihuraikan dalam kerangka Islam liberal perlu dinilai secara kritikal kerana bercanggah dengan prinsip Islam. Islam mengiktiraf kewujudan kepelbagaian agama sebagai realiti sosial dan sejarah, namun pengiktirafan ini tidak bermaksud penerimaan kesamarataan kebenaran antara semua agama. Al-Quran secara jelas membezakan antara pengiktirafan terhadap kepelbagaian manusia dan penetapan kebenaran agama. Kepelbagaian agama diiktiraf sebagai ujian dan medan dakwah, sebagaimana firman Allah SWT bahawa manusia diciptakan berbangsa-bangsa dan bersuku-suku untuk saling mengenali seperti mana firman Allah SWT (Al-Hujurat 49:13);

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتْقَاكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ

Maksudnya;

Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu berkenal-kenalan. Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang paling bertakwa di antara kamu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam Pengetahuan-Nya

Namun, dalam masa yang sama, al-Quran menegaskan bahawa agama yang diredai di sisi Allah hanyalah Islam seperti mana firman Allah SWT (Al ‘Imran 3:19);

إِنَّ الدِّينَ عِنْدَ اللَّهِ الْإِسْلَامُ وَمَا اخْتَلَفَ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ إِلَّا مِنْ بَعْدِ مَا جَاءَهُمُ الْعِلْمُ
بَعْيًا بَيْنَهُمْ وَمَنْ يَكْفُرْ بِآيَاتِ اللَّهِ فَإِنَّ اللَّهَ سَرِيعُ الْحِسَابِ

Maksudnya;

“Sesungguhnya agama (yang benar dan diredai) di sisi Allah ialah Islam. Dan tidaklah berselisih orang-orang yang telah diberikan Kitab itu melainkan sesudah datang kepada mereka pengetahuan (yang benar), disebabkan perasaan dengki antara mereka. Dan sesiapa yang kufur ingkar akan ayat-ayat Allah, maka sesungguhnya Allah amat segera hitungan-Nya

dan sesiapa yang mencari agama selain Islam, maka ia tidak akan diterima daripadanya seperti mana firman Allah SWT (Ali ‘Imran 3:85);

وَمَنْ يَبْتَغِ غَيْرَ الْإِسْلَامِ دِينًا فَلَنْ يُقْبَلَ مِنْهُ وَهُوَ فِي الْآخِرَةِ مِنَ الْخَاسِرِينَ

Maksudnya;

Dan sesiapa yang mencari agama selain Islam, maka tidak sekali-kali akan diterima daripadanya, dan dia pada hari akhirat kelak termasuk orang-orang yang rugi.

Ayat-ayat ini menunjukkan bahawa kepelbagaian agama tidak membawa kepada relativisme kebenaran, sebaliknya menuntut kejelasan dalam soal akidah dan keimanan.

Dalam Islam, dakwaan kesamarataan agama dari sudut kebenaran dianggap bercanggah dengan asas tauhid. Tauhid bukan sekadar pengakuan terhadap kewujudan

Tuhan, tetapi pengiktirafan terhadap autoriti wahyu sebagai sumber kebenaran mutlak. Oleh itu, pandangan pluralisme agama yang menyamakan semua agama sebagai sama benar secara epistemologi membawa kepada relativisme wahyu, iaitu menjadikan kebenaran agama tertakluk kepada pengalaman subjektif dan pentafsiran manusia. Pendekatan ini menafikan konsep wahyu sebagai petunjuk Ilahi yang bersifat pasti dan mengikat. Selain itu, dakwaan bahawa keselamatan akhirat terbuka kepada semua manusia yang berakhlak baik tanpa mengira pegangan agama turut menimbulkan implikasi serius terhadap konsep iman dalam Islam. Dalam kerangka Islam, iman bukan sekadar pengakuan umum terhadap Tuhan atau nilai moral, sebaliknya merangkumi keimanan kepada Allah, rasul-rasul-Nya, kitab-kitab-Nya dan penerimaan terhadap syariat yang dibawa oleh Rasul terakhir. Justeru, kebaikan akhlak tanpa asas iman yang sah tidak boleh disamakan dengan keimanan yang membawa keselamatan akhirat menurut neraca Islam.

Secara keseluruhannya, pluralisme agama dalam kerangka pemikiran Islam liberal bukan sekadar wacana toleransi atau keharmonian sosial, tetapi merupakan suatu pemikiran yang berpotensi menggugat asas tauhid dan akidah Islam. Penyamarataan agama, relativisme kebenaran dan penafian keperluan beriman kepada Islam sebagai syarat keselamatan akhirat menjadikan pluralisme agama satu elemen utama pemikiran Islam liberal yang bersifat tersusun dan berakar dalam falsafah Barat. Oleh itu, meskipun kepelbagaian agama boleh dibincangkan dalam konteks sosial dan kemasyarakatan bagi membina keharmonian, penerimaan pluralisme agama sebagai doktrin kebenaran adalah bercanggah dengan prinsip asas Islam dan perlu ditanggapi secara kritikal dan berhati-hati.

d. Berpegang kepada kekuatan akal dan rasionalisme yang melampau

Elemen keempat dalam kerangka pemikiran Islam liberal ialah kecenderungan untuk berpegang kepada kekuatan akal dan rasionalisme secara melampau. Dalam konteks ini, pendukung pemikiran Islam liberal menekankan keperluan untuk memahami dan mentafsir ajaran Islam melalui kerangka rasionalisme moden dengan memberikan keutamaan yang tinggi kepada fungsi akal budi. Akal tidak lagi dilihat sekadar sebagai alat memahami wahyu, sebaliknya diangkat sebagai mempunyai autoriti yang setaraf,

malah dalam sesetengah keadaan lebih dominan daripada wahyu dalam menentukan kebenaran, nilai moral dan amalan keagamaan.

Pendekatan ini berpaksikan anggapan bahawa realiti kehidupan moden yang kompleks menuntut tafsiran agama yang lebih fleksibel, kontekstual dan responsif terhadap perubahan sosial. Oleh itu, teks-teks agama dituntut untuk di tafsir semula agar selari dengan keperluan semasa, dengan memberikan ruang seluas-luasnya kepada akal dan rasional manusia (Arham 2009). Dalam kerangka ini, wahyu dan akal dianggap sebagai dua entiti yang sama-sama mempunyai autoriti penuh dalam menentukan kebenaran, tanpa keutamaan mutlak kepada wahyu sebagai sumber tertinggi. Elemen rasionalisme dalam pemikiran Islam liberal dapat diuraikan melalui dua dimensi utama. Pertama, kecenderungan mengangkat kedudukan akal melebihi atau setaraf dengan wahyu. Pendekatan ini merangkumi pandangan bahawa akal merupakan sumber ilmu tertinggi, bahkan berkeupayaan menilai dan menapis kandungan wahyu, termasuk mencadangkan agar teks al-Quran melalui proses *dekonstruksi* bagi membolehkan tafsiran baharu yang dianggap lebih progresif dan relevan. Ke dua, penekanan terhadap logik dan rasional sebagai asas utama dalam menilai kebenaran, sehingga sesuatu yang tidak dapat diuji secara empirikal atau tidak selari dengan pertimbangan logik moden cenderung ditolak atau ditakwili secara simbolik.

Jadual 2.5 Konstruk Islam liberal (Kekuatan akal dan rasionalisme)

KONSTRUK ELEMEN ISLAM LIBERAL	ITEM/KOD	PENJELASAN ITEM / TEMA
D. Berpegang kepada kekuatan akal dan rasionalisme yang melampau	D1. Mengangkat kedudukan akal lebih tinggi dari wahyu	▪ Akal adalah sumber ilmu yang tertinggi dalam menentukan kebenaran dengan menolak peranan wahyu (al-Quran dan Hadis). ▪ Akal dan wahyu merupakan dua entiti yang mempunyai autoriti penuh dalam menentukan kebenaran sesuatu perkara ▪ Membuka dan membebaskan tafsiran al-Quran sebagai alasan untuk memajukan umat Islam dan menganjurkan agar teks-teks al-Quran menempuh proses dekonstruksi bagi membolehkan tafsiran-tafsiran baru dibuat
	D2. Menjadikan logik sebagai asas dalam kebenaran mengukur sesuatu	▪ Menolak sesuatu yang tidak boleh diuji dan diukur secara logik dan empirikal. ▪ Rasional akal digunakan dalam menanggapi buruk dan baik sesuatu perkara

Sumber : Lily Yaakub 2018

Islam mengiktiraf akal sebagai anugerah istimewa yang membezakan manusia daripada makhluk lain dan berfungsi sebagai instrumen penting dalam memahami realiti kehidupan. Namun demikian, Islam secara prinsip menegaskan bahawa akal mempunyai batasan tertentu, khususnya dalam perkara yang berkaitan dengan metafizik, akidah, alam ghaib, nilai akhlak mutlak serta penetapan hukum syariah. Oleh itu, wahyu berfungsi sebagai sumber petunjuk tertinggi yang membimbing akal agar tidak tersasar dalam menentukan kebenaran. Pandangan ini menegaskan bahawa keseimbangan antara akal dan wahyu merupakan asas kepada epistemologi Islam yang sahih.

Sebaliknya, dalam pemikiran Islam liberal, akal dianggap mempunyai kebebasan untuk menafsir agama secara autonomi tanpa bergantung sepenuhnya kepada bimbingan wahyu. Pendukung aliran ini berpandangan bahawa wahyu tidak seharusnya membataskan kebebasan akal, malah akal perlu diberi kebebasan penuh untuk menilai, mentafsir dan menstruktur semula kefahaman agama. Pendekatan ini dilihat sebagai reaksi terhadap apa yang dianggap sebagai konservatisme agama, monopoli autoriti ulama dan kejumudan tradisi keilmuan Islam. Akibatnya, wahyu dan akal ditempatkan sebagai dua sumber yang berdiri sendiri tanpa hierarki yang jelas.

Kecenderungan ini turut dizahirkan melalui tuntutan agar disiplin tradisional seperti tafsir, usul fiqh dan fiqh ditinjau semula secara radikal, termasuk menyeru kepada reformasi metodologi pentafsiran al-Quran agar lebih berteraskan rasional dan pengalaman manusia. Dalam kerangka ini, peristiwa mukjizat, perkara ghaib dan hukum-hakam tertentu sering ditakwil secara simbolik atau ditolak jika dianggap tidak selari dengan logik moden. Pendekatan sedemikian menunjukkan kecenderungan untuk menilai wahyu berdasarkan piawaian rasional manusia, bukannya menjadikan wahyu sebagai penentu terhadap batas dan arah penggunaan akal. Implikasi daripada pengagungan akal tanpa bimbingan wahyu ini amat signifikan. Antaranya ialah kemunculan relativisme kebenaran, penolakan autoriti keilmuan Islam, kebebasan tafsiran berdasarkan selera individu serta kecenderungan untuk menolak hukum syariah yang dianggap tidak selari dengan nilai moden. Dalam jangka panjang, pendekatan ini berpotensi menghakis keyakinan terhadap kesempurnaan Islam sebagai agama yang bersifat syumul dan relevan sepanjang zaman.

Dalam pemikiran Islam, peranan akal diperakukan untuk memahami, menghuraikan dan melaksanakan kehendak wahyu, bukannya untuk menilai kesahihan wahyu itu sendiri. Oleh sebab itu, penolakan Islam terhadap rasionalisme melampau bukanlah penolakan terhadap akal, sebaliknya penolakan terhadap usaha menjadikan akal sebagai autoriti mutlak yang bebas daripada bimbingan Ilahi. Apabila akal diletakkan sebagai hakim ke atas wahyu, maka fungsi akal telah diselewengkan daripada kedudukan asalnya dalam epistemologi Islam. Kritikan Islam terhadap rasionalisme melampau bukanlah penolakan terhadap rasional atau penggunaan akal. Al-Quran sendiri berulang kali menyeru manusia supaya berfikir, merenung dan menggunakan akal dalam memahami tanda-tanda kebesaran Allah, menilai realiti kehidupan dan mengambil pengajaran daripada sejarah. Namun, Islam membezakan secara jelas antara penggunaan akal yang dibimbing oleh wahyu dengan rasionalisme yang menjadikan akal bebas tanpa rujukan kepada wahyu.

Sebaliknya, pemikiran Islam liberal cenderung memberi kebebasan penuh kepada akal untuk menilai, mentafsir dan menentukan makna wahyu berdasarkan rasional moden dan pengalaman manusia. Dalam kerangka ini, ajaran agama hanya diterima apabila selari dengan logik dan nilai semasa, manakala perkara yang dianggap tidak rasional akan ditakwil, ditafsir secara simbolik atau diketepikan. Pendekatan ini bukan sahaja mengurangkan autoriti wahyu, malah mengubah asas epistemologi Islam yang sepatutnya mengekalkan keseimbangan antara wahyu dan akal.

Kesimpulannya, perbezaan utama antara epistemologi Islam dan pemikiran Islam liberal terletak pada kedudukan akal dan wahyu dalam menentukan kebenaran. Islam menegaskan bahawa akal mesti berfungsi di bawah bimbingan wahyu bagi memastikan keseimbangan, ketepatan dan keselamatan akidah. Sebaliknya, pemikiran Islam liberal cenderung meletakkan akal sebagai autoriti bebas yang berhak menilai dan mentafsir wahyu tanpa batasan tradisi keilmuan. Oleh itu, pengagungan rasionalisme secara melampau bukan sahaja bercanggah dengan prinsip epistemologi Islam, malah membuka ruang kepada kekeliruan pemikiran dan penyelewengan akidah. Pendekatan Islam yang seimbang antara wahyu dan akal kekal sebagai kerangka ilmu yang holistik, stabil dan selari dengan fitrah manusia.

e. **Penolakan terhadap autoriti wahyu dan syariah Islam serta mempertikaikan kewibawaan ulama'**

Elemen kelima dalam kerangka pemikiran Islam liberal ialah penolakan terhadap autoriti wahyu dan syariah Islam, yang disertai dengan usaha mempertikaikan kewibawaan ulama dan fuqaha' sebagai autoriti keilmuan agama. Berdasarkan penelitian terhadap literatur dan kajian-kajian terdahulu, elemen ini memperlihatkan dua kecenderungan utama yang saling berkait. Pertama, tuntutan agar umat Islam membebaskan diri daripada keterikatan kepada wahyu dan syariah Islam dalam kehidupan individu dan sosial. Ke dua, usaha menafikan atau merendahkan autoriti ulama dan tradisi fiqh sebagai sumber sah dalam penentuan hukum dan kefahaman agama seperti mana yang dinyatakan dalam Jadual 2.6 di bawah;

Jadual 2.6 Elemen pemikiran Islam liberal (Penolakan terhadap autoriti wahyu dan syariah Islam)

KONSTRUK ELEMEN- ELEMEN ISLAM LIBERAL	ITEM/KOD	PENJELASAN ITEM / TEMA
E. Penolakan terhadap autoriti wahyu dan shari'ah Islam	E1. Membebaskan diri daripada tuntutan wahyu dan shari'ah Islam.	▪ Pemahaman orang Islam terhadap shari'ah Islam (<i>Islamic public law</i>) perlu diubah dan dirombak (rekonstruksi) kerana teks agama tidak perlu diikuti secara literal. ▪ Menganggap pelaksanaan hukum Islam tidak sesuai dengan zaman dan melanggar hak asasi manusia ▪ Mendakwa pelaksanaan hukum Islam bertentangan dengan prinsip Islam. ▪ Semua pihak berhak dan bebas memberi pandangan, pendapat dan ijtihad dalam hal-hal berkaitan agama tanpa perlu ada penguasaan ilmu dan kepakaran dan autoriti
	E2. Mempertikaikan kewibawaan ulama	▪ Mempertikaikan dan mempersendakan peranan dan kewibawaan ulama dan autoriti Islam. ▪ Menolak dan mempersendakan fatwa-fatwa yang telah digazet. ▪ Mendakwa syariah Islam adalah hasil ciptaan ulama dan fuqaha' terdahulu

Sumber : Lily Yaakub 2018

Dalam wacana Islam liberal, syariah Islam sering ditanggapi sebagai hasil konstruksi sejarah dan bukan sebagai ketetapan wahyu yang bersifat mengikat.

Pendukung pemikiran ini berhujah bahawa hukum-hakam Islam tidak wajar difahami dan dilaksanakan secara literal kerana ia dianggap tidak selari dengan realiti masyarakat moden, nilai hak asasi manusia dan sistem undang-undang antarabangsa. Oleh itu, syariah dilihat perlu melalui proses rekonstruksi atau pentafsiran semula agar sesuai dengan tuntutan zaman. Dalam konteks ini, teks agama tidak lagi dianggap sebagai sumber autoritatif yang mengikat, sebaliknya sebagai rujukan terbuka yang boleh ditafsir secara bebas berdasarkan pertimbangan rasional dan nilai semasa.

Pandangan sedemikian dapat dikesan dalam tulisan Fazlur Rahman (1970) yang menyatakan bahawa apa yang dikenali sebagai hukum Islam klasik pada hakikatnya merupakan hasil karya para fuqaha' dan bukan hukum Tuhan secara langsung. Hujah ini dilanjutkan oleh an-Na'im (1990; 2008) yang menolak pelaksanaan syariah Islam dalam kerangka negara moden dengan alasan bahawa syariah bercanggah dengan prinsip hak asasi manusia dan kebebasan individu. Menurut beliau, syariah merupakan produk pemikiran fuqaha pada abad awal Islam dan oleh itu tidak lagi mengikat umat Islam hari ini. Atas dasar ini, beliau mengusulkan agar undang-undang awam Islam disusun semula selari dengan nilai moden, manakala penguatkuasaan syariah oleh negara dianggap bertentangan dengan prinsip kebebasan beragama.

Pandangan ini juga seiring dengan pemikiran Taha (1987) yang menegaskan bahawa penerimaan Islam seharusnya bersifat sukarela dan bukan hasil paksaan undang-undang. Dalam kerangka ini, penguatkuasaan syariah oleh negara dilihat sebagai pengkhianatan terhadap semangat kebebasan yang kononnya menjadi asas ajaran Islam. Pendekatan ini secara tidak langsung membawa kepada usaha memisahkan syariah daripada ruang awam dan politik, serta menafikan kedudukannya sebagai sistem hukum yang bersumberkan wahyu.

Namun, pandangan tersebut jelas bercanggah dengan prinsip asas Islam yang meletakkan wahyu sebagai rujukan tertinggi dalam seluruh aspek kehidupan manusia. Al-Quran secara tegas menegaskan kewajipan mengikuti syariah yang ditetapkan oleh Allah SWT dan melarang umat Islam daripada tunduk kepada hawa nafsu atau pertimbangan manusia semata-mata. Firman Allah SWT (Al-Jathiyah 45:18);

ثُمَّ جَعَلْنَاكَ عَلَىٰ شَرِيعَةٍ مِّنَ الْأَمْرِ فَاتَّبِعْهَا وَلَا تَتَّبِعْ أَهْوَاءَ الَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ

Maksudnya;

Kemudian Kami jadikan engkau (wahai Muhammad) berada di atas satu jalan (syariat) yang jelas dari urusan agama; maka hendaklah engkau mengikutinya, dan janganlah engkau menurut hawa nafsu orang-orang yang tidak mengetahui.

Ayat ini telah menegaskan bahawa syariah merupakan jalan yang ditetapkan oleh Allah dan wajib diikuti. Selain itu, al-Quran juga menolak idea bahawa manusia mempunyai pilihan untuk menolak ketetapan hukum Allah dan Rasul-Nya setelah sesuatu perintah ditetapkan seperti mana yang difirmankan oleh Allah SWT (Surah Al-Ahzab 33:36);

وَمَا كَانَ لِمُؤْمِنٍ وَلَا لِمُؤْمِنَةٍ إِذَا قَضَىٰ اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَمْرًا أَنْ يَكُونَ لَهُمُ الْخِيَرَةُ مِنْ أَمْرِهِمْ وَمَنْ يَعْصِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ فَقَدْ ضَلَّ ضَلًّا مُّبِينًا

Maksudnya;

Dan tidaklah harus bagi orang lelaki yang beriman dan juga bagi orang perempuan yang beriman, apabila Allah dan Rasul-Nya telah menetapkan sesuatu perkara, mereka mempunyai pilihan yang lain dalam urusan mereka; dan sesiapa yang menderhaka kepada Allah dan Rasul-Nya, maka sesungguhnya ia telah sesat dengan kesesatan yang nyata

Prinsip ini menafikan asas pemikiran Islam liberal yang menganggap hukum agama bersifat pilihan dan boleh diubah mengikut nilai semasa.

Seiring dengan penolakan terhadap syariah, pemikiran Islam liberal turut memperlihatkan kecenderungan mempertikaikan kewibawaan ulama dan fuqaha' sebagai autoriti keilmuan Islam. Ulama sering digambarkan sebagai golongan yang jumud, subjektif dan terikat dengan tradisi silam, manakala fatwa-fatwa mereka dianggap tidak lagi relevan dengan realiti kontemporari. Dalam konteks ini, syariah ditanggapi sebagai hasil ciptaan ulama semata-mata, bukan sebagai hasil istinbat yang berpaksikan al-Quran dan Al-Sunnah melalui disiplin ilmu yang ketat.

Kecenderungan ini banyak dipengaruhi oleh kajian orientalis seperti Goldziher, Schacht dan Coulson yang mendakwa bahawa syariah Islam terbentuk secara beransur-ansur selepas kewafatan Nabi Muhammad SAW dan bukan bersumberkan wahyu secara langsung. Pandangan ini kemudiannya diserap oleh sebahagian sarjana Muslim liberal seperti Fazlur Rahman, Muhammad Sa'id al-Ashmawi dan Abdullahi an-Na'im yang turut meragui autoriti fuqaha dan tradisi fiqh. Misalnya, al-Ashmawi (2003) mendakwa bahawa hukuman hudud seperti zina dan mencuri tidak ditetapkan secara jelas dalam al-Quran, sebaliknya merupakan hasil ijtihad fuqaha, justeru ia tidak tergolong sebagai syariah yang mengikat.

Pendekatan ini mencerminkan penafian halus terhadap fungsi dan peranan ulama sebagai pewaris ilmu para nabi. Dalam tradisi Islam, ulama bukan pencipta hukum, sebaliknya berperanan menjelaskan dan mengistinbat hukum daripada sumber wahyu melalui kaedah ilmu yang tersusun. Al-Quran sendiri mengiktiraf autoriti keilmuan dengan menyeru umat Islam agar merujuk kepada ahli ilmu dalam perkara yang tidak diketahui seperti mana firman Allah SWT (Surah Al-Nahl 16:43),

وَمَا أَرْسَلْنَا مِنْ قَبْلِكَ إِلَّا رِجَالًا نُوحِي إِلَيْهِمْ فَسَلُّوا أَهْلَ الذِّكْرِ إِنْ كُنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ

Maksudnya;

Dan tidaklah Kami mengutuskan sebelum engkau (wahai Muhammad) melainkan orang-orang lelaki yang Kami wahyukan kepada mereka; maka bertanyalah kepada orang-orang yang berpengetahuan (Ahli Zikir), jika kamu tidak mengetahui

serta memerintahkan ketaatan kepada *Ulil Amri* atau pemimpin yang merangkumi autoriti pemerintahan dan keilmuan seperti mana firman Allah SWT (Surah Al-Nisa' 4:59);

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِي الْأَمْرِ مِنْكُمْ فَإِنْ تَنَازَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا

Maksudnya;

Wahai orang-orang yang beriman, taatilah Allah dan taatilah Rasul serta orang-orang yang berkuasa dari kalangan kamu. Kemudian jika

kamu berbantah-bantahan dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada Allah dan Rasul, jika kamu benar-benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian itu adalah lebih baik dan lebih elok kesudahannya

Penolakan terhadap autoriti ulama dan institusi agama bukan sahaja mencabar tradisi keilmuan Islam, malah berpotensi menimbulkan kekeliruan agama dalam kalangan masyarakat awam.

Implikasi daripada penolakan autoriti wahyu, syariah dan ulama ini amat serius terhadap akidah dan struktur pemikiran umat Islam. Apabila hukum Allah dianggap relatif dan tertakluk kepada perubahan nilai semasa, kebenaran agama tidak lagi bersifat mutlak, sebaliknya menjadi subjektif dan kontekstual. Keadaan ini membuka ruang kepada sekularisasi agama, iaitu pemisahan Islam daripada sistem kehidupan dan perundangan, serta penggantian nilai wahyu dengan nilai liberal Barat yang berpaksikan kebebasan individu dan rasionalisme semata-mata. Dalam jangka panjang, kecenderungan ini berpotensi menghakis keyakinan umat Islam terhadap kesempurnaan Islam sebagai sistem hidup yang syumul dan relevan sepanjang zaman.

f. Menyokong gerakan feminisme dan golongan minoriti

Elemen terakhir dalam kerangka pemikiran Islam liberal ialah sokongan terhadap gerakan feminisme dan perjuangan golongan minoriti, khususnya dalam konteks emansipasi wanita dan kesetaraan gender. Dalam wacana Islam liberal, tuntutan feminisme dikemukakan atas nama keadilan sosial, hak asasi manusia dan kesamarataan antara lelaki dan wanita. Pendukung aliran ini mendakwa bahawa Islam, khususnya melalui pelaksanaan syariah dan tafsiran ulama klasik, telah meletakkan wanita dalam kedudukan yang tidak setaraf dengan lelaki serta mengekalkan struktur patriarki yang menindas hak-hak wanita. Dakwaan ini kemudiannya dijadikan asas untuk menuntut penstrukturan semula hukum-hukum syariah yang berkaitan dengan wanita agar selaras dengan nilai moden dan paradigma hak asasi manusia sejagat.

Jadual 2.7 Elemen pemikiran Islam liberal (menyokong gerakan feminisme dan golongan minoriti)

KONSTRUK ELEMEN- ELEMEN ISLAM LIBERAL	ITEM/KOD	PENJELASAN ITEM / TEMA
F Menyokong perjuangan feminisme atau emansipasi wanita	. Menyokong perjuangan emansipasi wanita	▪ Penyamarataan atau kesaksamaan hak dalam semua bidang kehidupan yang diceburi oleh lelaki dan perempuan tanpa perlu patuh kepada panduan agama. ▪ Perempuan perlu diberi hak dan kuasa seperti lelaki dalam beberapa perkara iaitu wali, kuasa talak, pembahagian harta pusaka dan kedudukan wanita sebagai saksi

Sumber : Lily Yaakub 2018

Dalam kerangka ini, feminisme Islam liberal menekankan keperluan menafsirkan semula ajaran Islam dengan menjadikan pengalaman dan perspektif wanita sebagai pusat pentafsiran teks agama. Pendekatan ini sering digambarkan sebagai *women-centered readings of religious texts*, yang bertujuan mencabar tafsiran tradisional yang dianggap didominasi oleh pengalaman dan sudut pandang lelaki (Khalif Muammar 2006). Antara tuntutan utama yang diketengahkan ialah pemberian hak dan kuasa yang setaraf antara lelaki dan wanita dalam isu perwalian, kuasa talak, pembahagian harta pusaka, serta kedudukan wanita sebagai saksi dalam urusan perundangan dan sosial (Amina Wadud 2001).

Gerakan feminisme dalam Islam liberal secara jelas mengangkat agenda rekonstruksi syariah, khususnya dalam bidang undang-undang keluarga. Asghar Ali Engineer (1999) menegaskan bahawa pentafsiran teks agama mesti dilakukan melalui pendekatan yang berorientasikan wanita, dengan menjadikan pengalaman hidup wanita sebagai asas pertimbangan dalam memahami al-Quran dan Al-Sunnah. Tuntutan ini timbul daripada anggapan bahawa hukum-hakam syariah sedia ada gagal merealisasikan prinsip kesamarataan kerana dipengaruhi oleh budaya dan struktur patriaki. Pandangan ini diperkukuh oleh tokoh seperti Nawal (1982) yang mendakwa bahawa agama-agama samawi, termasuk Islam, telah menindas wanita melalui doktrin dan tafsiran teks yang bersifat maskulin.

Selain itu, sebahagian pendukung feminisme Islam liberal mendakwa bahawa tafsiran ulama terhadap al-Quran telah menjustifikasi keunggulan lelaki dan

mengabaikan pengalaman wanita. Amina Wadud (2001), misalnya, berhujah bahawa tafsir tradisional dihasilkan hampir sepenuhnya oleh lelaki, lalu gagal mengambil kira realiti kehidupan wanita. Malah, terdapat dakwaan bahawa kelebihan yang diberikan kepada lelaki dalam isu pusaka, kepimpinan dan kekeluargaan berpunca daripada kompromi politik dan sosial Nabi Muhammad SAW dengan masyarakat Arab yang berbudaya patriarki (Smith & Haddad 1982). Dakwaan sedemikian membawa kepada tuntutan agar ayat-ayat al-Quran di tafsir semula secara kontekstual dan inklusif supaya selaras dengan perubahan sosioekonomi dan pemikiran moden.

Dalam wacana ini, ayat-ayat al-Quran yang menekankan kesamaan martabat manusia sering diketengahkan sebagai hujah sokongan, seperti mana firman Allah SWT (Al-Hujurat 49:13);

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتْقَاهُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ

Maksudnya;

Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu berkenal-kenalan. Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang paling bertakwa di antara kamu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam Pengetahuan-Nya

yang menegaskan bahawa kemuliaan manusia di sisi Allah diukur berdasarkan ketakwaan, bukan jantina. Namun, pendekatan ini lazimnya menafsirkan ayat-ayat al-Quran secara selektif, dengan menekankan prinsip kesamarataan mutlak sambil mengabaikan kerangka keseluruhan syariah yang berasaskan keadilan, tanggungjawab dan pembahagian peranan.

Islam menolak tuntutan feminisme liberal bukan kerana Islam menafikan hak dan martabat wanita, tetapi kerana tuntutan tersebut berasaskan epistemologi yang memisahkan wahyu daripada autoriti kebenaran. Islam mengiktiraf perbezaan peranan antara lelaki dan wanita sebagai ketetapan Ilahi yang berpaksikan hikmah dan tanggungjawab. Al-Quran menegaskan bahawa setiap jantina memiliki bahagian dan

ganjaran berdasarkan usaha dan peranan masing-masing seperti mana firman Allah SWT (Al-Nisā' 4:32).

وَلَا تَتَمَنَّوْا مَا فَضَّلَ اللَّهُ بِهِ بَعْضَكُمْ عَلَى بَعْضٍ لِّلرِّجَالِ نَصِيبٌ مِّمَّا اكْتَسَبُوا وَلِلنِّسَاءِ
نَصِيبٌ مِّمَّا اكْتَسَبْنَ وَسَأَلُوا اللَّهَ مِنْ فَضْلِهِ إِنَّ اللَّهَ كَانَ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمًا

Maksudnya;

Dan janganlah kamu terlalu mengharapkan (ingin mendapat) kelebihan yang telah Allah berikan kepada sebahagian kamu melebihi sebahagian yang lain. Bagi orang lelaki ada bahagian dari apa yang mereka usahakan, dan bagi orang perempuan pula ada bahagian dari apa yang mereka usahakan. Dan pohonlah kepada Allah akan limpah kurnia-Nya. Sesungguhnya Allah sentiasa Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu

Konsep qiwamah pula ditetapkan sebagai amanah tanggungjawab, bukan kelebihan mutlak atau penindasan seperti mana firman Allah SWT (Al-Nisā' 4:34);

الرِّجَالُ قَوُّمُونَ عَلَى النِّسَاءِ بِمَا فَضَّلَ اللَّهُ بَعْضَهُمْ عَلَى بَعْضٍ وَبِمَا أَنْفَقُوا مِنْ أَمْوَالِهِمْ
فَالصَّالِحَاتُ قَنَاطٌ حَافِظَاتٌ لِّلْغَيْبِ بِمَا حَفِظَ اللَّهُ وَالَّتِي تَخَافُونَ نُشُوزَهُنَّ فَعِظُوهُنَّ وَأَهْجُرُوهُنَّ
فِي الْمَضَاجِعِ وَاصْرَبُوهُنَّ فَإِنْ أَطَعْنَكُمْ فَلَا تَبْغُوا عَلَيْهِنَّ سَبِيلًا إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلِيمًا كَبِيرًا

Maksudnya;

Kaum lelaki adalah pemimpin dan pengawal yang bertanggungjawab terhadap kaum perempuan, oleh kerana Allah telah melebihkan sebahagian mereka (lelaki) atas sebahagian yang lain (perempuan), dan juga kerana mereka telah membelanjakan sebahagian dari harta mereka. Maka perempuan-perempuan yang solehah ialah yang taat (kepada Allah dan suaminya), serta memelihara kehormatan dirinya ketika suaminya tidak ada, sebagaimana Allah memelihara (mereka). Dan perempuan-perempuan yang kamu bimbang berlaku nusyuznya, maka nasihatilah mereka, dan pulaukanlah mereka di tempat tidur, dan (jika perlu) pukullah mereka (dengan pukulan yang tidak menyakitkan). Kemudian jika mereka taat kepada kamu, maka janganlah kamu mencari-cari jalan untuk menyusahkan mereka. Sesungguhnya Allah Maha Tinggi lagi Maha Besar.

Demikian juga dalam isu pembahagian pusaka, al-Quran menetapkan sistem yang bersifat holistik dan berkait rapat dengan tanggungjawab nafkah dan sosial yang dipikul oleh lelaki seperti mana firman Allah SWT (Al-Nisā' 4:11).

يُوصِيكُمُ اللَّهُ فِي أَوْلَادِكُمْ لِلذَّكَرِ مِثْلُ حَظِّ الْأُنثَيَيْنِ فَإِنْ كُنَّ نِسَاءً فَوْقَ اثْنَتَيْنِ فَلَهُنَّ ثُلُثَا مَا تَرَكَ وَإِنْ كَانَتْ وَاحِدَةً فَلَهَا النِّصْفُ وَلِأَبَوَيْهِ لِكُلِّ وَاحِدٍ مِّنْهُمَا الشُّدُسُ مِمَّا تَرَكَ إِنْ كَانَ لَهُ وَلَدٌ فَإِنْ لَمْ يَكُنْ لَهُ وَلَدٌ وَوَرِثَهُ أَبَوَاهُ فَلِأُمِّهِ الثُّلُثُ فَإِنْ كَانَ لَهُ إِخْوَةٌ فَلِأُمِّهِ الشُّدُسُ مِنْ بَعْدِ وَصِيَّةٍ يُوصِي بِهَا أَوْ دَيْنٍ ءَابَاؤُكُمْ وَأَبْنَاؤُكُمْ لَا تَدْرُونَ أَيُّهُمْ أَقْرَبُ لَكُمْ نَفْعًا فَرِيضَةٌ ۖ مِنَ اللَّهِ إِنْ الْكَانَ اللَّهُ كَانَ عَلِيمًا حَكِيمًا

Maksudnya;

Allah perintahkan kamu mengenai (pembahagian pusaka untuk) anak-anak kamu: bahagian seorang anak lelaki sama dengan bahagian dua orang anak perempuan. Tetapi jika anak-anak perempuan itu lebih dari dua, maka bahagian mereka ialah dua pertiga dari harta peninggalan; dan jika anak perempuan itu seorang sahaja, maka bahagiannya ialah satu perdua. Dan bagi ke dua ibu bapa, masing-masing mendapat satu perenam dari harta peninggalan itu jika si mati mempunyai anak; tetapi jika si mati tidak mempunyai anak dan ia diwarisi oleh ke dua ibu bapanya sahaja, maka bahagian ibunya ialah satu pertiga. Kalau si mati mempunyai beberapa orang saudara, maka bahagian ibunya ialah satu perenam. (Pembahagian itu) ialah sesudah diselesaikan wasiat yang diwasiatkan olehnya atau hutangnya. Ibu bapa kamu dan anak-anak kamu, kamu tidak mengetahui siapakah di antara mereka yang lebih dekat manfaatnya kepada kamu. (Ini ialah) satu ketetapan dari Allah. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.

Oleh itu, penilaian terhadap hukum-hakam syariah secara terpisah daripada keseluruhan sistem Islam membawa kepada salah faham terhadap prinsip keadilan yang digariskan oleh wahyu.

Kesimpulannya, sokongan terhadap feminisme dan perjuangan golongan minoriti dalam kerangka pemikiran Islam liberal merupakan manifestasi jelas pengaruh ideologi sekular dan feminisme Barat yang menundukkan wahyu kepada akal, pengalaman subjektif dan nilai semasa. Tuntutan rekonstruksi syariah, melemahkan tafsiran ulama dan kesamarataan mutlak akhirnya membawa kepada relativisme kebenaran serta penghakisan autoriti al-Quran dan al-Sunnah. Islam menolak pendekatan ini bukan kerana menafikan keadilan gender, tetapi kerana Islam telah meletakkan wanita pada kedudukan yang adil, mulia dan seimbang sesuai dengan fitrah dan hikmah penciptaan. Oleh itu, feminisme liberal dalam Islam wajar difahami sebagai

sebahagian daripada projek pemikiran Islam liberal yang mencabar asas epistemologi dan akidah Islam, bukan sebagai perjuangan autentik yang berpaksikan wahyu.

2.3 BUKU INDIE DAN SEJARAH PERKEMBANGANNYA

Fenomena penerbitan buku Indie mula menonjol dalam landskap industri perbukuan Malaysia sekitar akhir tahun 1990-an dan awal tahun 2000-an. Kemunculan penerbitan Indie berlaku seiring dengan perubahan struktur industri penerbitan serta peningkatan kesedaran dalam kalangan penulis terhadap keperluan ruang alternatif bagi menyalurkan idea, kreativiti dan wacana yang tidak sentiasa mendapat tempat dalam penerbitan arus perdana. Secara umum, penerbitan buku Indie merujuk kepada penerbitan buku bebas yang dibangunkan secara mandiri, tanpa sokongan langsung atau campur tangan institusi kerajaan mahupun syarikat penerbitan komersial yang telah mapan dalam industri perbukuan negara.

Berbeza dengan penerbitan arus perdana yang lazimnya beroperasi dalam kerangka komersial, birokrasi editorial dan pertimbangan pasaran yang ketat, penerbitan Indie berkembang sebagai satu bentuk penerbitan alternatif yang menekankan autonomi kreatif, kebebasan idea serta keanjalan dalam pemilihan tema dan gaya penulisan. Justeru, bagi memahami fenomena ini secara lebih menyeluruh, bahagian ini akan membincangkan pendefinisian buku Indie, sejarah perkembangannya di Malaysia, faktor-faktor yang menyumbang kepada pertumbuhannya, serta aktiviti sampingan yang menyokong kelestarian penerbitan Indie dalam ekosistem perbukuan negara. Perbincangan ini juga meliputi kedudukan buku Indie berbanding penerbitan arus perdana serta sorotan kajian ilmiah yang mengaitkan penerbitan Indie dengan landskap sastera dan penerbitan kontemporari.

2.3.1 Pendefinisian Indie dalam penulisan dan penerbitan buku Indie di Malaysia

Istilah Indie dalam konteks penulisan dan penerbitan buku lazimnya merujuk kepada pendekatan penerbitan yang bebas, berdikari dan autonomi, iaitu tidak bergantung kepada penerbit korporat atau sistem penerbitan arus perdana. Istilah ini berasal daripada perkataan *Independent*, yang membawa maksud berdikari atau tidak bergantung, dan digunakan bagi menggambarkan usaha individu atau kumpulan kecil

yang mengurus keseluruhan proses penerbitan karya mereka sendiri tanpa tertakluk kepada struktur konvensional industri penerbitan.

Menurut Atton (2001), sesebuah penerbitan boleh dikategorikan sebagai Indie atau penerbitan alternatif sekiranya memenuhi sekurang-kurangnya satu daripada empat kriteria utama, iaitu;

- i. penerbit tersebut bersifat bukan komersial;
- ii. motivasi penerbitan didorong oleh kepentingan idea dan pemikiran, bukan keuntungan semata-mata;
- iii. kandungan penerbitan memberi penekanan kepada tanggungjawab sosial atau ekspresi kreatif, atau gabungan kedua-duanya
- iv. penerbit mentakrifkan dirinya sendiri sebagai penerbit alternatif

Kriteria ini menunjukkan bahawa penerbitan Indie bukan sahaja ditentukan oleh struktur organisasi, tetapi juga oleh falsafah penerbitan dan orientasi ideologi yang mendasari penghasilan karya.

Dalam konteks yang hampir serupa, Adiwan & Ratna (2022) mentakrifkan penerbitan Indie sebagai penerbitan bebas yang beroperasi di luar sistem penerbitan arus perdana. Penerbitan Indie menghasilkan dan menerbitkan buku secara mandiri tanpa melalui penerbit besar yang lazimnya memerlukan pelaburan modal yang tinggi serta menekankan jangkauan pasaran berskala besar. Dalam kerangka ini, istilah Indie membawa makna kebebasan berkarya, di mana penulis dan penerbit Indie bebas memilih tema yang bersifat idealistik, eksperimental atau kritis, yang sering diketepikan oleh penerbit arus perdana atas pertimbangan komersial. Kebebasan ini membolehkan penerbitan Indie berfungsi sebagai ruang alternatif bagi penghasilan karya yang tidak tertakluk sepenuhnya kepada kehendak pasaran. Oleh itu, penerbitan Indie bukan sekadar satu kaedah teknikal penerbitan, tetapi turut mencerminkan orientasi nilai yang memberi keutamaan kepada idea, ekspresi dan keberanian intelektual berbanding keuntungan semata-mata.

Selain aspek kebebasan penerbitan, penerbitan Indie sering dikaitkan dengan semangat mencabar norma dan mengekalkan identiti budaya melalui penghasilan karya

yang autentik dan dekat dengan pengalaman komuniti tertentu. Dalam konteks ini, Indie bukan sekadar merujuk kepada kaedah penerbitan, tetapi juga mencerminkan sikap dan orientasi ideologi yang kritikal terhadap dominasi budaya dan komersial arus perdana. Pandangan ini selari dengan hujahan Brent (2009) yang melihat istilah Indie sebagai konsep yang fleksibel, merangkumi dimensi sikap, latar belakang serta karakter pengeluar atau artis. Menurut beliau, Indie bukan hanya berkaitan autonomi penghasilan, malah melibatkan tuntutan penyertaan komuniti serta sikap menolak terhadap budaya arus perdana. Dalam konteks sosial dan budaya, *resistensi* merujuk kepada penolakan terhadap dominasi struktur kuasa, nilai dan budaya komersial yang bersifat hegemoni. Oleh itu, kewujudan penerbitan Indie boleh difahami sebagai usaha simbolik dan praktikal untuk mencabar dominasi industri penerbitan yang terlalu berorientasikan keuntungan.

Secara lebih khusus, buku Indie merujuk kepada penerbitan yang dihasilkan tanpa sokongan institusi penerbitan besar atau konglomerat media. Penulis dan penerbit Indie lazimnya mengawal sepenuhnya proses penerbitan, termasuk pemilihan tema, penyuntingan, reka bentuk, percetakan dan pemasaran. Muhammad Rashidi dan Siti Nur Hidayah (2016) menjelaskan bahawa penerbitan Indie bertujuan menyediakan ruang kebebasan kepada penulis untuk bereksperimen dengan kandungan dan gaya penulisan tanpa terikat dengan kehendak pasaran komersial yang menjadi keutamaan penerbit arus perdana. Kawalan menyeluruh terhadap proses penerbitan ini membolehkan karya Indie menampilkan gaya bahasa, struktur naratif dan tema yang lebih pelbagai serta tidak konvensional. Dalam konteks ini, buku Indie berfungsi sebagai medan percubaan kreatif dan intelektual yang membuka ruang kepada suara-suara alternatif, termasuk wacana kritikal, marginal dan kontra-arus yang sukar mendapat tempat dalam sistem penerbitan arus perdana.

Pandangan ini disokong oleh Hartiningtyas (2023) yang melihat penerbitan Indie sebagai alternatif kepada sistem penerbitan tradisional yang bersifat birokratik dan terlalu terikat dengan prosedur formal. Menurut beliau, buku Indie bukan sekadar memenuhi keperluan pasaran tertentu, tetapi turut berperanan mencipta wacana baharu yang mencabar norma sedia ada dalam masyarakat. Dalam kerangka ini, buku Indie tidak lagi dilihat sebagai produk komersial semata-mata, sebaliknya berfungsi sebagai

medium penyampaian idea kritikal dan pemikiran yang berpotensi menggugat naratif dominan. Noorda (2019) pula menegaskan peranan penerbitan Indie sebagai pengantara mesra penulis (*author-friendly intermediaries*), yang membolehkan suara asli penulis disampaikan kepada pembaca tanpa kompromi terhadap integriti artistik dan intelektual. Hubungan yang lebih langsung antara penulis dan pembaca menjadikan penerbitan Indie lebih bersifat personal, kontekstual dan responsif terhadap isu serta pengalaman masyarakat kontemporari.

Kesimpulannya, analisis terhadap pelbagai definisi menunjukkan bahawa penerbitan buku Indie bukan sekadar sebuah gerakan sastra, tetapi merupakan satu bentuk transformasi penting dalam landskap penerbitan moden. Berasaskan prinsip kebebasan kreatif dan autonomi intelektual, penerbitan Indie menyediakan ruang alternatif kepada penulis untuk mengetengahkan idea, perspektif dan wacana yang tidak sentiasa mendapat tempat dalam penerbitan arus perdana. Selain menekankan kebebasan tema dan gaya penulisan, penerbitan Indie turut berfungsi sebagai medium bagi mengangkat isu-isu sosial, politik dan budaya yang sering dipinggirkan. Pemanfaatan teknologi digital seperti media sosial dan platform e-dagang pula menjadikan penerbitan Indie lebih fleksibel, mudah diakses dan dekat dengan pembaca, khususnya generasi muda. Oleh itu, penerbitan buku Indie bukan sahaja menyumbang kepada kepelbagaian wacana intelektual, malah memperkayakan dinamik industri perbukuan di Malaysia. Perbincangan seterusnya akan meneliti secara khusus perkembangan penerbitan buku Indie dalam konteks Malaysia.

2.3.2 Sejarah perkembangan penerbitan buku Indie di Malaysia

Sejarah perkembangan penerbitan buku Indie di Malaysia tidak berkembang serentak, sebaliknya terbentuk melalui pelbagai inisiatif kecil yang muncul dalam konteks sosial dan budaya yang berbeza. Penerbitan Indie di Malaysia berkembang secara tidak formal, dipacu oleh individu serta komuniti penulis yang bergerak di luar struktur penerbitan arus perdana. Keadaan ini menyebabkan penerbitan Indie pada peringkat awalnya sukar dikenal pasti sebagai satu gerakan yang jelas, tetapi hadir dalam bentuk amalan penerbitan alternatif yang berubah-ubah dari segi medium, skala dan fungsi. Justeru, perkembangan penerbitannya di Malaysia dapat dihuraikan melalui empat fasa

utama. Semua fasa ini mencerminkan perubahan daripada ekspresi pinggiran kepada pembentukan satu ekosistem penerbitan alternatif yang semakin signifikan dalam landskap perbukuan negara.

a. Fasa 1: budaya Zine sebagai pencetus awal (akhir 1990-an dan awal 2000an)

Dalam konteks awal perkembangan penerbitan buku Indie di Malaysia, budaya penerbitan *Zine* dikenal pasti sebagai pencetus utama kepada kemunculan gerakan ini. Menurut Syazrul Arqam (2018), terdapat pandangan yang menyatakan bahawa penerbitan buku Indie di Malaysia bermula melalui penerbitan *Zine*, iaitu bahan bacaan berskala kecil berbentuk buletin atau risalah ringkas yang lazimnya diterbitkan secara sendiri. *Zine* pada peringkat awal kebiasaannya mengandungi antara lima hingga sepuluh halaman, ditulis secara ringkas dan diedarkan dalam jumlah terhad, khususnya dalam kalangan komuniti tertentu. Bentuk penerbitan ini muncul sebagai respons terhadap keterbatasan ruang ekspresi dalam penerbitan arus perdana serta ketiadaan saluran formal untuk menyalurkan idea-idea alternatif.

Zine berperanan sebagai medium ekspresi bebas yang membolehkan individu atau kumpulan kecil menyuarakan pandangan politik, sosial dan budaya yang berbeza daripada wacana dominan. Clifford dan Venne (2008) menegaskan bahawa *Zine* berfungsi sebagai platform alternatif di luar kawalan institusi penerbitan tradisional, manakala Irwan Bajang (2013) menjelaskan bahawa di Malaysia, *Zine* menjadi saluran penting bagi golongan muda dan penggiat seni untuk mengekspresikan idea tanpa tapisan editorial yang ketat. Antara tokoh awal yang sering dikaitkan dengan budaya *Zine* di Malaysia termasuk penyair Pyanhabib, pemuzik Sani Sudin dan penulis Marsli Muhammad, yang masing-masing menggunakan medium ini sebagai ruang eksperimentasi penulisan dan ekspresi kreatif.

Penerimaan positif terhadap *Zine* khususnya dalam kalangan anak muda bandar, telah membuka ruang kepada penghasilan bahan bacaan yang lebih tersusun. Syazrul Arqam (2018) menyoroti bahawa *Zine* berbentuk himpunan kertas bersaiz A5 dengan ketebalan sekitar 50 halaman dan dijual pada harga mampu milik antara RM3 hingga RM10 mula mendapat sambutan dalam kalangan pembaca muda. Kandungan *Zine* yang merangkumi pelbagai genre seperti puisi, prosa, anekdot, artikel dan cerpen bukan

sahaja memenuhi keperluan ekspresi peribadi, malah berjaya membentuk komuniti pembaca dan penulis yang lebih stabil. Keadaan ini secara tidak langsung menyediakan asas penting kepada peralihan daripada aktivisme budaya berskala kecil kepada usaha penerbitan yang lebih terancang.

Perkembangan seterusnya memperlihatkan peralihan yang signifikan daripada penerbitan *Zine* kepada penghasilan buku berskala kecil oleh komuniti penulis Indie. Menurut Syazrul Arqam (2018), penerimaan terhadap *Zine* mendorong sebahagian penulis untuk bergerak lebih jauh dengan menerbitkan karya dalam bentuk buku yang lebih berkualiti dan tersusun. Dalam konteks ini, *Zine* tidak lagi dilihat sekadar medium ekspresi sementara, sebaliknya berfungsi sebagai tapak awal pembinaan kredibiliti penulis serta jaringan pembaca. Penubuhan penerbit kecil dilihat sebagai langkah strategik bagi memperluas capaian pembaca dan meningkatkan legitimasi karya, walaupun masih beroperasi secara mandiri dan berbiaya rendah.

Dalam tempoh antara tahun 2002 hingga 2007, beberapa penerbit kecil mula muncul sebagai lanjutan langsung kepada budaya *Zine*, khususnya di sekitar kawasan Lembah Klang. Antara penerbit yang sering disebut dalam fasa awal ini ialah Sindiket Soljah, Neo-Hikayat, Silverfish dan Matahari Book (Syazrul Arqam 2018). Walaupun penerbit seperti Silverfish dan Gerakbudaya telah beroperasi lebih awal sebagai penerbit buku alternatif (Tan 2015), aktiviti mereka belum sepenuhnya mencerminkan gerakan Indie seperti yang berkembang secara meluas pada dekad berikutnya. Menurut Muhammad Febriansyah (2016), usaha penerbitan sendiri oleh Faisal Tehrani melalui *Cerpen-Cerpen Underground* (2000) dan *Perempuan Politikus Melayu* (2001) boleh dianggap sebagai usaha perintis ke arah amalan penerbitan Indie. Namun demikian, usaha tersebut masih bersifat terasing dan belum membentuk satu gelombang penerbitan Indie yang tersusun, meluas dan dikenali sebagai fenomena budaya pada peringkat nasional.

b. Fasa 2 : zaman blog dan amalan penerbitan sendiri (2006–2009)

Kemajuan teknologi Internet telah memainkan peranan penting dalam membentuk fasa kedua perkembangan penerbitan buku Indie di Malaysia, khususnya melalui kemunculan blog peribadi sebagai medium penulisan terbuka. Blog menyediakan ruang

alternatif kepada penulis baharu untuk menulis dan menyebarkan karya tanpa melalui proses tapisan institusi penerbitan tradisional. Dalam konteks ini, blog bukan sekadar saluran ekspresi bebas, malah berfungsi sebagai tapak awal pembentukan identiti penulis serta medium interaksi langsung dengan pembaca. Kebergantungan kepada penerbit arus perdana semakin berkurang apabila penulis mula mengawal sendiri kandungan, gaya penulisan dan hala tuju karya mereka. Perubahan ini menandakan anjakan penting dalam landskap penerbitan, apabila Internet membolehkan penulisan dan penerbitan berlaku secara lebih terbuka, fleksibel dan autonomi, selari dengan nilai asas penerbitan Indie yang menolak kekangan birokrasi dan komersialisme industri perbukuan konvensional.

Perkembangan seterusnya memperlihatkan penulisan blog yang kemudiannya dibukukan, satu amalan yang dikenali sebagai blook (gabungan blog dan book), muncul sebagai ciri awal penerbitan Indie di Malaysia. Antara contoh terawal ialah penerbitan *Ayah Kita Boss* oleh Sinaganaga dan *Jongkat Jongket* oleh Mat Jan pada tahun 2006 (Muhammad Febriansyah & Sharifah Nursyahidah 2017). Fenomena ini menunjukkan bahawa Internet bukan sahaja digunakan sebagai medium penulisan, tetapi juga sebagai laluan awal untuk memasuki dunia penerbitan buku secara sendiri. Walaupun amalan ini pada peringkat awalnya belum mendapat perhatian meluas masyarakat umum, ia mencerminkan kewujudan kesedaran Indie dalam kalangan penulis tertentu yang memilih untuk bergerak di luar sistem penerbitan konvensional. Melalui pendekatan ini, penulis bukan sahaja mengurus penghasilan karya, malah terlibat secara langsung dalam proses penerbitan, pemasaran dan pengedaran, sekali gus memperkukuh prinsip kebebasan dan kemandirian yang menjadi teras penerbitan Indie.

Secara beransur-ansur, amalan penerbitan berasaskan blog ini menyumbang kepada pembentukan satu budaya bacaan alternatif yang lebih luas, khususnya dalam kalangan generasi muda bandar. Menurut Muhammad Febriansyah dan Sharifah Nursyahidah (2016), fenomena buku Indie yang berkembang selepas tahun 2009 menunjukkan daya tahan yang lebih lama berbanding trend budaya popular lain, dengan perubahan ketara dari segi cara penerbitan, gaya penulisan, perkembangan genre, teknik pemasaran serta penglibatan aktor baharu seperti penulis, penerbit dan pengedar. Dalam tempoh ini, penerbitan Indie tidak lagi terhad kepada kandungan teks semata-mata,

sebaliknya membentuk satu *scene* budaya yang merangkumi jaringan sosial, aktiviti pemasaran dan hubungan komuniti pembaca. Oleh itu, fasa blog bukan sekadar peringkat peralihan teknologi, tetapi menjadi asas penting kepada kebangkitan penerbitan buku Indie sebagai fenomena budaya yang lebih tersusun pada fasa seterusnya.

c. Fasa 3: fasa kebangkitan digital dan pembudayaan media sosial (±2009–2016)

Sekitar tahun 2009 hingga 2016, penerbitan buku Indie di Malaysia memasuki fasa kebangkitan yang ketara dan mula dikenali sebagai satu fenomena budaya popular dalam landskap perbukuan negara. Muhammad Febriansyah dan Sharifah Nursyahidah (2016) menjelaskan bahawa tempoh ini memperlihatkan daya tahan yang luar biasa berbanding trend budaya popular lain, dengan perkembangan yang berterusan dan tidak bersifat sementara. Fenomena ini dapat diperhatikan melalui peningkatan jumlah penerbit Indie, kepelbagaian genre penulisan, serta perubahan dalam gaya bahasa dan teknik penyampaian yang lebih santai, kritikal dan dekat dengan realiti kehidupan pembaca. Dalam tempoh ini, penerbitan Indie tidak lagi bersifat pinggiran atau terhad kepada kelompok kecil, sebaliknya mula membentuk satu *scene* budaya bacaan yang tersendiri, khususnya dalam kalangan masyarakat bandar dan generasi muda.

Fasa kebangkitan ini turut menyaksikan kemunculan penulis dan penerbit yang berperanan sebagai pelopor utama dalam mempopularkan penerbitan buku Indie. Antara tokoh yang sering dikaitkan dengan fasa ini ialah Amir Muhammad, Mutalib Uthman, Faisal Mustafa, Aisah Linglung dan Suffian Abas, yang kemudiannya menubuhkan penerbit Indie seperti FIXI, DuBook Press, Lejen Press dan Terfaktab Media. Penerbit-penerbit ini memperkukuh identiti buku Indie sebagai bacaan alternatif yang menawarkan kelainan daripada penerbitan arus perdana, khususnya dari segi tema, gaya penulisan dan strategi pemasaran. Dalam tempoh ini, buku Indie tidak lagi sekadar berfungsi sebagai medium ekspresi peribadi penulis, tetapi berkembang menjadi produk budaya yang mendapat sambutan luas dan membentuk corak bacaan baharu dalam masyarakat kontemporari.

Salah satu faktor utama yang memperkukuh kebangkitan penerbitan buku Indie dalam tempoh ini ialah penggunaan media sosial secara strategik. Penerbit Indie

memanfaatkan platform digital seperti Facebook, Instagram, Twitter dan blog untuk membina jenama, membentuk imej penerbitan serta berinteraksi secara langsung dengan pembaca. Pendekatan ini merangkumi perbincangan terbuka, perdebatan idea dan, dalam sesetengah keadaan, penciptaan kontroversi yang disengajakan bagi menarik perhatian pengguna media sosial. Strategi sedemikian menjadikan penerbit Indie lebih dikenali dan meningkatkan keterlibatan mereka dalam ruang awam digital.

Data empirikal menunjukkan keberkesanan strategi pemasaran berasaskan media sosial ini. FIXI, misalnya, mempunyai sekitar 145,000 pengikut di Facebook, Instagram dan Twitter, manakala Terfaktab Media diikuti oleh lebih 100,000 pengguna di platform yang sama, dengan blog mereka merekodkan kira-kira 30 juta pengunjung (Ali Imran 2015). Bagi Lejen Press pula, Tan (2015) melaporkan bahawa jualan atas talian melalui media sosial menyumbang sekitar 20 peratus daripada keseluruhan hasil jualan, dengan lebih 100,000 pengikut di Facebook serta masing-masing mencecah sekitar 20,000 pengikut di Instagram dan Twitter. Pencapaian ini menunjukkan bahawa penerbit Indie bukan sahaja berjaya membina khalayak pembaca, malah memiliki keupayaan komersial yang mapan melalui pemasaran digital.

Kejayaan penerbit Indie terkemuka seperti FIXI dan DuBook Press dalam membina jenama dan meningkatkan jualan melalui Internet membuktikan kecekapan mereka dalam mengaplikasikan teknik pemasaran kontemporari. Amir Muhammad, misalnya, menegaskan bahawa strategi pemasaran yang berkesan bukan semata-mata bergantung kepada iklan formal, tetapi terhasil apabila sesebuah produk menjadi “buah mulut” pembaca. Dalam konteks buku yang bersifat peribadi dan refleksi, dorongan pembelian sering kali dipengaruhi oleh cadangan rakan sebaya dan pengalaman pembaca lain, berbanding promosi konvensional semata-mata. Keadaan ini memperlihatkan peranan penting komuniti pembaca dalam menggerakkan ekosistem penerbitan Indie.

Selain faktor teknologi dan media sosial, perubahan landskap politik selepas Pilihan Raya Umum 2018 turut memberi kesan terhadap perkembangan aktiviti penerbitan Indie. Di negeri-negeri seperti Selangor dan Pulau Pinang, sokongan terhadap kegiatan seni, budaya dan ekspresi alternatif membuka ruang yang lebih luas

kepada komuniti Indie untuk menjalankan aktiviti penerbitan dan pemasaran karya mereka. Penganjuran acara seperti Art for Grabs, yang menggabungkan pameran seni, perbincangan intelektual dan jualan buku alternatif, menjadi platform penting untuk memperluas jaringan pembaca serta memperkukuh jaringan antara penerbit Indie. Di samping itu, penyertaan aktif penerbit Indie dalam Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur turut menandakan penerimaan mereka sebagai sebahagian daripada industri perbukuan nasional, sekali gus mengukuhkan kedudukan buku Indie dalam landskap budaya bacaan di Malaysia.

d. Fasa 4 : fasa pengukuhan dan penginstitution penerbitan buku Indie (2014- 2018 dan seterusnya)

Perubahan landskap politik Malaysia turut memberikan kesan yang signifikan terhadap perkembangan penerbitan buku Indie di Malaysia. Selepas Pilihan Raya Umum 2018, perubahan penguasaan politik di beberapa buah negeri seperti Selangor dan Pulau Pinang telah membuka ruang yang lebih luas kepada aktiviti seni, budaya dan ekspresi alternatif, termasuk penerbitan Indie. Kedua-dua negeri ini menjadi antara lokasi utama yang menyaksikan pertumbuhan aktiviti berkaitan Indie secara lebih terbuka dan tersusun. Di Selangor, misalnya, kerajaan negeri baharu didapati memberikan sokongan dalam bentuk kemudahan dan bantuan kewangan terhadap aktiviti yang digerakkan oleh komuniti kreatif dan Indie. Selain itu, penganjuran ceramah serta program politik oleh parti-parti tertentu seperti PKR dan DAP turut menyediakan ruang kepada penulis dan penerbit buku Indie untuk mempamer serta menjual karya mereka kepada khalayak yang lebih luas. Pendekatan ini selari dengan usaha mendekati golongan muda melalui aktiviti seni dan budaya kreatif, yang secara tidak langsung menyumbang kepada peningkatan jaringan dan rangkaian penerbitan Indie dalam ruang awam (Norlaili 2014).

Seiring dengan perkembangan tersebut, pelbagai acara seni dan budaya yang menggabungkan unsur pameran, perbincangan intelektual dan jualan buku alternatif mula dianjurkan secara berkala, khususnya di kawasan bandar seperti Lembah Klang dan Pulau Pinang. Antara contoh yang sering dirujuk ialah *Festival Art for Grabs*, yang dianjurkan setiap enam bulan di Annexe Gallery, Pasar Seni Kuala Lumpur. Festival ini menggabungkan pameran seni visual, persembahan muzik, diskusi intelektual serta

jualan buku alternatif, dan menjadi platform penting bagi penerbit serta penulis Indie untuk memperluas jaringan pembaca. Acara ini diasaskan oleh Zulhabri Supian bersama Amir Muhammad, yang masing-masing dikenali sebagai tokoh penting dalam penggerak awal penerbitan Indie di Malaysia. Penganjuran acara sebegini memperlihatkan bagaimana penerbitan Indie tidak lagi terhad kepada ruang tertutup atau komuniti kecil, sebaliknya mula beroperasi secara terbuka dalam ekosistem budaya bandar.

Dalam tempoh yang sama, penerbitan buku Indie turut berkembang dari segi skala pasaran dan kepelbagaian penerbit dengan penubuhan beberapa penerbit baharu antara tahun 2014 hingga 2015 seperti Thukul Cetak, Simptomatik Press, Mugabe Press, Kata-Pilar dan Komrad Buku. Fasa ini sering dianggap sebagai fasa kedua perkembangan penerbitan Indie di Malaysia, yang memperlihatkan peluasan genre dan tema penerbitan. Penerbit-penerbit ini lebih cenderung menerbitkan karya dalam bidang falsafah, politik, sains, agama, penulisan perjalanan, serta tema-tema kontroversi dan wacana kritikal. Pada masa yang sama, penerbit arus perdana seperti PTS dan Karangkraf turut menunjukkan minat terhadap segmen pasaran ini dengan menubuhkan anak syarikat seperti Puteh Press dan Buku Pojok, sekali gus menandakan pengiktirafan terhadap potensi komersial dan budaya buku Indie dalam industri perbukuan nasional.

Dari sudut kandungan, genre buku Indie tidak lagi terhad kepada puisi dan cerpen semata-mata, sebaliknya merangkumi penulisan fiksyen, isu sosial, agama, pendidikan, khidmat sukarelawan, penjelajahan, serta kritikan terhadap kerajaan dan pembangkang. Kepelbagaian genre ini menunjukkan bahawa buku Indie mula diterima sebagai bahan bacaan yang serius dan relevan, bukan sekadar bacaan ringan atau eksperimental. Pendekatan penyampaian yang lebih santai, naratif yang dekat dengan pengalaman pembaca, serta gaya bahasa yang tidak terlalu formal menjadikan buku Indie lebih mudah diakses dan menarik minat khalayak, khususnya generasi muda. Penerbit Indie juga aktif menyertai pelbagai pesta buku di peringkat universiti, negeri dan kebangsaan, termasuk Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL), serta karnival dan acara berkaitan buku yang dianjurkan oleh NGO.

Menurut Syazrul Arqam (2018), kemasukan dan kehadiran budaya Indie dalam pesta buku arus perdana paling ketara dapat dilihat sekitar tahun 2014, apabila penerbit-penerbit Indie mula membentuk pakatan strategik seperti Bikin Wilayah dan Jelajah Lejen Fixi. PBAKL khususnya menjadi antara platform utama yang menyumbang kepada lonjakan jualan dan pengiktirafan penerbit Indie. Sebagai contoh, Mutalib Uthman menyatakan bahawa DuBook Press telah mencatat jualan sebanyak RM800,000 semasa PBAKL 2015 dan RM500,000 pada PBAKL 2016 (Muhammad Febriansyah 2016c). Malah, pada PBAKL 2015, DuBook Press dilaporkan berjaya menjual lebih 40,000 naskhah buku dalam tempoh sepuluh hari, sekali gus mengukuhkan kedudukan buku Indie sebagai fenomena yang berdaya tahan dan signifikan dalam industri penerbitan Malaysia

Secara keseluruhannya, perkembangan penerbitan buku Indie di Malaysia memperlihatkan suatu trajektori evolusi yang jelas, bermula daripada ekspresi pinggiran melalui Zine dan penerbitan sendiri, seterusnya berkembang menjadi satu ekosistem penerbitan alternatif yang tersusun, berpengaruh dan berdaya tahan. Bermula sebagai medium ekspresi bebas golongan muda yang ingin keluar daripada kekangan penerbitan arus perdana, penerbitan Indie kemudiannya diperkukuh melalui kemunculan penerbit kecil, pengaruh teknologi Internet, budaya blog serta penggunaan media sosial sebagai alat pemasaran dan pembinaan komuniti pembaca. Fasa kebangkitan sekitar 2009 hingga 2016 menandakan kematangan gerakan ini apabila buku Indie bukan sahaja diterima secara meluas, malah membentuk sebahagian daripada budaya popular dan wacana intelektual kontemporari. Pengukuhan institusi penerbit Indie, kepelbagaian genre, kejayaan komersial serta penglibatan penerbit arus perdana menunjukkan bahawa buku Indie telah bergerak daripada fenomena alternatif kepada satu komponen signifikan dalam landskap industri perbukuan negara. Dalam konteks ini, penerbitan buku Indie bukan sekadar saluran kreatif, tetapi turut berfungsi sebagai medium pembentukan wacana, ideologi dan nilai yang wajar dianalisis secara kritikal, khususnya berkaitan dengan kandungan pemikiran, naratif dan kerangka idea yang disebarkan kepada khalayak pembaca.

2.4 GAYA PENULISAN BUKU INDIE

Gaya penulisan merujuk kepada pendekatan, teknik, dan ciri unik yang digunakan oleh seorang penulis dalam menyampaikan mesej atau naratif melalui medium tulisan. Ia merangkumi pilihan kata, struktur ayat, nada, serta penggunaan peranti bahasa seperti metafora, ironi, atau simbolisme. Setiap penulis memiliki gaya tersendiri yang mencerminkan personaliti, latar belakang, serta keutamaan mereka dalam berkomunikasi dengan pembaca. Dalam konteks ini, gaya penulisan tidak hanya sekadar alat untuk menyampaikan maklumat, tetapi juga berfungsi sebagai medium untuk mencipta pengalaman membaca yang mendalam dan bermakna. Sebagai contoh, gaya penulisan yang deskriptif akan membantu pembaca membayangkan suasana secara terperinci, manakala gaya yang lebih langsung atau teknikal mungkin lebih sesuai untuk tujuan informatif.

Pada asasnya, gaya penulisan mencerminkan keunikan seseorang penulis dan menjadi elemen penting yang membezakan satu karya daripada karya yang lain. Sebagai contoh, penulisan seorang pengarang seperti Pramoedya Ananta Toer yang kaya dengan gambaran sejarah dan sosial amat berbeza daripada karya sasterawan moden yang mungkin menekankan unsur peribadi atau introspektif. Dalam genre kreatif seperti fiksi atau puisi, gaya penulisan menjadi alat utama untuk menyampaikan emosi, konflik, dan tema. Dalam genre bukan fiksi pula, gaya penulisan yang baik mampu menjadikan konsep-konsep kompleks lebih mudah difahami oleh pembaca.

Selain itu, gaya penulisan juga dipengaruhi oleh beberapa faktor seperti tujuan penulisan, sasaran pembaca, dan konteks budaya. Sebagai contoh, seorang penulis yang ingin menyampaikan idea liberal mungkin menggunakan gaya penulisan yang provokatif atau refleksi untuk menggalakkan pembaca berfikir secara kritis. Dalam konteks yang lain, gaya yang lebih formal dan analitis diperlukan untuk memenuhi keperluan pembaca akademik. Oleh itu, pemilihan gaya penulisan yang tepat adalah penting untuk memastikan mesej yang disampaikan dapat diterima dan difahami dengan baik oleh audiens yang disasarkan.

2.4.1 Elemen-elemen gaya penulisan berdasarkan parameter Teori Analisis Wacana

Struktur penulisan merujuk kepada rangka atau kerangka asas yang membentuk sesuatu karya penulisan. Dalam konteks buku Indie, struktur ini tidak terikat pada disiplin yang ketat seperti penerbitan arus perdana, tetapi sering mencerminkan kebebasan kreatif dan inovasi penulisnya. Soalan sama ada genre, jenis penulisan, gaya bahasa, dan tema boleh dianggap sebagai komponen struktur penulisan adalah sangat relevan kerana elemen-elemen ini berfungsi sebagai asas dalam memahami identiti dan bentuk karya tersebut. Untuk itu, kajian ini akan menganalisis gaya penulisan berdasarkan kepada empat elemen tersebut ;

- i. Genre
- ii. Jenis penulisan
- iii. Tema
- iv. Gaya bahasa

2.4.2 Genre

Genre penulisan merujuk kepada kategori atau kelas karya sastra yang dibezakan berdasarkan tema, bentuk, gaya, atau kandungannya. Ia memberikan kerangka bagi penulis untuk menyampaikan idea mereka dengan cara yang sesuai serta membantu pembaca mengenal pasti bahan bacaan mengikut minat dan keperluan. Dalam dunia penulisan, genre bukan hanya sekadar pembahagian teknikal tetapi juga mencerminkan variasi ekspresi kreatif yang wujud dalam masyarakat dan budaya.

Klasifikasi genre bermula pada akhir abad ke-18 dan pada awal abad ke 19, apabila pengkritik Jerman membahagikan skema ini kepada 3 iaitu sajak, novel dan drama (Md Salleh et al. 2015). Kini, pengkritik sastra moden memperkukuh dan memperkembangkan spesifikasi ini dengan merangkumi semua genre sastra seperti epik, tragedi, komedi, satira dan lirik. Antara genre baharu yang dilahirkan ialah biografi, esei dan kajian sastra. Setiap genre mempunyai ciri-ciri tersendiri dan boleh diklasifikasikan mengikut sub genre. Contohnya ialah novel warkah, haiku dan cerita detektif. Genre berasal daripada perkataan Perancis yang bermaksud ‘jenis dan macam’. Asmah (2008) menyatakan dalam ensiklopedia Bahasa Melayu, genre yang terkandung

dalam sastera moden dikelaskan kepada novel, cerpen, drama dan sajak. Pengaruh Barat telah memberi perubahan yang besar kepada perkembangan kesusasteraan Melayu yang mendatangkan gaya penulisan moden. Genre/bidang cerpen dalam kesusasteraan Melayu termasuk dalam kategori cereka, merupakan satu bidang yang popular. Terdapat lima genre/bidang dalam kesusasteraan Melayu moden iaitu cerpen, drama, esei/kritik, novel dan puisi.

Jadual 2.8 Elemen gaya penulisan (Genre)

Elemen gaya penulisan Indie	Kod	Penjelasan item
Genre (Teori Analisis Wacana)	▪ Cerpen ▪ Esei/Artikel ▪ Puisi/sajak ▪ Catatan anekdot	▪ Cerita pendek ▪ Prosa ilmiah ▪ Puisi ialah ▪ catatan anekdot

Sumber : Lily Yaakub 2018

Pengelasan wacana mengikut genre adalah berasaskan latar pihak yang menghasilkannya atau dipanggil komuniti ujaran berkenaan. Kelainan komuniti ujaran yang menghasilkan wacana menyebabkan kelainan peristiwa ujaran yang terhasil atau dinamakan genre. Pihak komuniti berkenaan lazimnya berkaitan institusi tertentu. Institusi berkenaan mempunyai konvensyen tertentu tentang bentuk wacana yang dihasilkannya. Dengan demikian, boleh dikatakan genre adalah kelainan cara bertindak dalam berwacana atau lakuan bahasa khusus yang dianggap mempunyai ciri tertentu dan tersendiri. Misalnya wacana komuniti akademik mempunyai genrenya tersendiri. Genre yang umum seperti itu boleh dipecahkan kepada genre yang lebih khusus. Misalnya, genre sastera boleh berupa genre puisi, cerpen, drama, *foklor*, dan lain-lain, atau genre sastera moden dan tradisional

Pertama, genre boleh diklasifikasikan berdasarkan tema dan kandungan. Sebagai contoh, karya fiksi seperti novel dan cerpen menumpukan pada imaginasi dan kreativiti, manakala bukan fiksi seperti biografi atau esei memberikan fokus kepada fakta dan realiti. Dalam kedua-dua kategori ini, genre membimbing penulis untuk memilih kandungan yang sesuai dengan tujuan mereka, sama ada untuk menghiburkan, mendidik, atau menyampaikan kritikan sosial.

Kedua, gaya penulisan juga memainkan peranan penting dalam membezakan genre. Gaya naratif, deskriptif, *ekspositori*, dan persuasif digunakan untuk menyampaikan mesej yang berbeza mengikut matlamat karya tersebut. Sebagai contoh, gaya naratif digunakan untuk menceritakan kisah dengan jalan cerita yang jelas, manakala gaya persuasif lebih bertujuan untuk mempengaruhi pembaca terhadap sesuatu idea. Bentuk penulisan seperti prosa, puisi, dan drama pula menyediakan struktur yang unik bagi setiap genre untuk menonjolkan kekuatan penceritaannya.

Akhir sekali, genre turut berkait dengan sasaran pembaca tertentu. Misalnya, karya kanak-kanak lebih cenderung menggunakan bahasa yang mudah difahami dan tema yang berkait rapat dengan moral atau nilai kehidupan. Sebaliknya, karya dewasa sering mengandungi tema yang lebih kompleks seperti falsafah atau politik. Kepelbagaian ini membuktikan bahawa genre bukan sahaja membantu dalam penyusunan kandungan, tetapi juga menjadi medium yang berkesan dalam menyampaikan mesej kepada khalayak tertentu. Dalam kajian mengenai buku Indie, memahami genre sangat penting kerana buku Indie sering kali melanggar batas genre tradisional, mencampur-adukkan gaya, dan mengetengahkan naratif alternatif.

a. Cerpen

Cerpen ialah satu gabungan yang tidak setimbang antara pengalaman (realiti/benar berlaku) dengan rekaan (imajinasi) pengarang. Panjangnya cerpen ialah antara 5,000 hingga 20,000 patah perkataan. Oleh sebab makna dari segi istilah cerpen itu ialah cerita pendek maka ada yang menyebutkan panjang cerpen ialah sehabis meminum kopi.

Menurut Md Salleh et al .(2015) dalam buku *Glosari Istilah Kesusasteraan* pula mendefinisikan cerpen sebagai singkatan 'cerita pendek' iaitu kisah rekaan yang relatif pendek dihasilkan dalam bentuk prosa dilihat dari segi panjang pendeknya, sesebuah cerpen biasanya mengandungi antara 500-15,000 patah perkataan. Ia mempunyai kesatuan terutamanya dalam plot di samping unsur lain seperti tema, kesan, watak, *mood* dan gaya.

Manakala menurut pendapat (Arena Wati (1996) cerpen iaitu cerita pendek yang menentukan tentang dirinya sendiri, atau orang yang meneliti cerpen itu yang

memberikan batas lingkungan untuk dunia cerita pendek. Kalau cerita pendek membentuk dirinya begitu dan persoalan genesis yang tumbuh secara wajar. Para pengarang tanpa sedarnya, menumbuhkan asas, lalu para peneliti sastra kemudiannya menemukan ciri dalam tubuh cerita pendek; dan daripada penemuan ini mereka menggariskan suatu komponen norma sebagai suatu pensyaratan identiti cerita pendek;

- i. Singkat, padu, intensif (ada perkara yang ditekankan)
- ii. Ada adegan, watak, gerak.
- iii. Bahasa tajam dan menarik
- iv. Interpretasi pengarang kepada kehidupan
- v. Dapat menimbulkan satu kesan
- vi. Menarik perasaan pembaca
- vii. Penggambaran jelas pada peristiwa yang dipilih

Kesemua pensyaratan cerpen ini menggambarkan identiti cerpen yang perlu dipenuhi oleh para penulis bagi menunjukkan perbezaannya dengan genre Indie.

b. Esei / artikel

Esei dan artikel merupakan dua bentuk penulisan non-fiksi yang sering digunakan untuk menyampaikan maklumat, pandangan, atau analisis mengenai sesuatu topik. Walaupun kedua-duanya berkongsi beberapa persamaan, terdapat perbezaan ketara yang membezakan esei daripada artikel. Memahami perbezaan ini adalah penting bagi penulis, pembaca, dan sesiapa sahaja yang berminat dalam dunia literasi. Dalam perbincangan ini, kita akan menelusuri perbezaan antara esei dan artikel, serta mengapa perbezaan ini penting dalam konteks penulisan dan komunikasi.

Esei adalah karya tulis yang mengekspresikan pandangan atau hujah penulis tentang sesuatu topik tertentu. Tujuan utama esei adalah untuk menyampaikan perspektif peribadi penulis, menganalisis sesuatu isu, atau meyakinkan pembaca untuk menerima sudut pandang tertentu. Sebaliknya, artikel adalah tulisan yang bertujuan untuk memberikan maklumat, fakta, atau berita kepada pembaca. Artikel cenderung lebih objektif dan fokus pada penyampaian maklumat daripada pendapat peribadi.

Perbezaan antara esei dan artikel dalam hal tujuan ini mempengaruhi gaya penulisan dan struktur masing-masing.

Struktur esei umumnya terdiri daripada tiga bahagian utama: pendahuluan, isi, dan penutup. Pendahuluan memperkenalkan topik dan tesis, isi mengembangkan hujah atau analisis, dan penutup menyimpulkan poin-poin utama. Esei mempunyai alur yang lebih bebas dan boleh mengikuti pelbagai pola organisasi, bergantung pada tujuan penulis. Sebaliknya, artikel mempunyai struktur yang lebih kaku dan teratur. Artikel sering menggunakan format piramid terbalik, di mana maklumat paling penting disajikan di awal, diikuti oleh butiran sokongan. Perbezaan antara esei dan artikel dalam struktur ini mencerminkan perbezaan tujuan dan pendekatan mereka terhadap penyampaian maklumat.

Gaya penulisan esei cenderung lebih personal dan ekspresif. Penulis esei mempunyai kebebasan untuk menggunakan bahasa yang lebih kreatif, metafora, dan gaya retorik untuk memperkuat hujah mereka. Nada dalam esei boleh bervariasi dari serius hingga humor, bergantung pada topik dan tujuan penulis. Sebaliknya, artikel umumnya ditulis dengan gaya yang lebih formal dan objektif. Penulis artikel berusaha untuk menyajikan maklumat secara jelas dan ringkas, dengan fokus pada fakta dan data. Nada dalam artikel cenderung neutral dan informatif. Perbezaan antara esei dan artikel dalam gaya penulisan ini mencerminkan perbezaan pendekatan mereka terhadap penyampaian mesej.

. Secara ringkasnya, perbezaan antara esei dan artikel dapat dilihat daripada penggunaan sumber, tahap kedalaman perbincangan serta audiens sasaran. Esei, khususnya dalam konteks akademik, lazimnya menggabungkan rujukan luaran dengan pemikiran asli penulis bagi membina hujah yang mendalam dan refleksi, malah ada ruang untuk pengalaman intelektual peribadi. Dari segi panjang, esei biasanya lebih panjang dan memberi peluang untuk kupasan yang menyeluruh terhadap sesuatu isu. Artikel pula lebih bersifat padat, berfokus dan bergantung kepada sumber yang boleh disahkan seperti data, laporan atau temu bual, khususnya dalam penulisan jurnalistik. Artikel ditulis untuk menyampaikan maklumat dengan cepat dan jelas kepada pembaca umum, manakala esei sering ditujukan kepada audiens akademik yang mengharapkan

analisis yang lebih kritis dan terperinci. Perbezaan ini akhirnya mempengaruhi gaya penulisan, struktur hujah serta cara maklumat difahami oleh pembaca.

Memahami perbezaan antara esei dan artikel adalah penting dalam dunia penulisan dan komunikasi. Kedua-dua bentuk tulisan ini mempunyai peranan dan fungsi yang berbeza, masing-masing dengan kekuatan dan keterbatasannya sendiri.

c. Puisi / sajak

Menurut (Md Salleh et al (2015) Ali (2006) puisi adalah susunan perkataan yang terbaik untuk menghidangkan sesuatu yang signifikan. Puisi ialah cabang seni yang menggunakan pengucapan dan lagu untuk menyingkap kenyataan-kenyataan yang dirakamkan oleh deria manusia, yang dihormati oleh perasaan, yang ditanggapi oleh akal dan yang disusun oleh imaginasi. Puisi ialah pemikiran yang muzikal sifatnya.

Sajak pula adalah pengucapan dengan perasaan yang di dalamnya mengandungi fikiran dan tanggapan. Maksudnya, sajak adalah suara hati atau luahan perasaan penyairnya. Sajak lahir daripada jiwa dan perasaan tetapi sajak yang baik bukan mainan kata semata-mata. Sajak yang baik membawa gagasan serta pemikiran yang dapat menjadi renungan masyarakat. Sajak terbentuk daripada kata-kata yang terbaik dalam susunan terbaik. Kata-kata terbaik bermaksud wujudnya nilai rasa dan nilai erti yang seimbang dan bersifat harmonis antara kata dan maksud.

Menurut Za'ba, puisi adalah karangan berangkap. Katanya, puisi tidak memakai perenggan seperti prosa. Rangkap puisi lama (puisi konvensional) terdiri daripada baris tetap dan seimbang manakala puisi moden (sajak) ternyata sudah melanggar ciri konvensional seperti mana yang terdapat pada pantun dan syair. Sifat bebas yang dimiliki oleh sajak ini bermaksud keupayaan dan kesediaan sajak dalam menerima bentuk-bentuk yang terdapat daripada puisi tradisional mahupun kemunculan bentuk-bentuk baru yang dihasilkan berdasarkan kreativiti dan sensitiviti penyair mahupun penggabungan daripada bentuk-bentuk yang sedia ada. Kebebasan sajak dalam aspek bentuk dapat dilihat melalui cara ianya dihasilkan dan ditulis. Namun, sajak masih lagi terikat dengan penerapan dan penggunaan bahasa sebagai medium penyampaian.

Puisi bukan sekadar membentuk bunyi-bunyi yang indah, irama atau gambaran sesuatu tetapi perlu menyampaikan idea yang tinggi dan perasaan yang mendalam. Di samping bahasanya yang indah, puisi juga adalah untuk merakamkan sesuatu yang penting dalam pengalaman manusia, malah lebih jauh lagi, puisi bukan sekadar merekodkan sesuatu yang signifikan tetapi juga memberi interpretasi kepada pengalaman itu. Dalam erti kata yang lain, puisi ialah rekod dan interpretasi pengalaman manusia yang signifikan, digubah melalui sesuatu bentuk lewat gaya bahasa yang paling berkesan. Pengalaman manusia itu mungkin pengalaman mental, emosional, fizikal, benar atau khayalan tetapi signifikan dan bermakna. Dalam satu aspek, pengalaman itu sendiri ialah teras puisi. Ia adalah reaksi peribadi penyair kepada sesuatu yang *external* ataupun *internal* (Shahnon 2006).

Puisi terbahagi kepada dua bentuk puisi, iaitu puisi Melayu tradisional dan puisi Melayu moden. Menurut Abdul Halim (2006) puisi tradisional merupakan satu bentuk kesusasteraan Melayu tradisional yang terdiri daripada pelbagai genre atau bentuk. Puisi tradisional ini meliputi pantun, teromba, peribahasa, teka-teki, mantera dan prosa berirama, syair dan sebagainya. Manakala puisi Melayu moden pula dikenali sebagai sajak. Ia dikatakan baru atau moden kerana ia memiliki sifat-sifat yang tidak begitu terikat kepada bentuk-bentuk puisi lama yang dianggap lebih ketat dan mengongkong. Pernyataan fikiran penyair disebarkan secara bebas dan dinamis. Perasaan dan curahan hati mereka dapat dilahirkan dengan yakin dan puas. Segala yang diucapkan terasa lunak, licin, segar, indah, bebas dan bertenaga. Pada dasarnya, puisi Melayu moden masih berupa karangan berangkap walaupun cara penulisannya baru dengan unsur-unsur dan penggunaan kepelbagaian gaya bahasa (Ani Omar 2012). Puisi Melayu moden sentiasa hidup dan membesar dalam setiap jiwa individu yang meminati dan cenderung kepadanya. Hal ini ada kaitannya dengan sifat puisi moden itu sendiri yang menyokong pernyataan pengalaman manusia dalam bentuk yang sangat puitis (Abdul Halim Ali 2013)

d. Catatan Anekdot

Catatan anekdot merupakan salah satu ciri signifikan dalam gaya penulisan buku Indie yang berfungsi membina hubungan emosi dan intelektual antara penulis dan pembaca.

Anekdote lazimnya berbentuk kisah ringkas berunsur peribadi, pengalaman harian atau pemerhatian sosial yang disampaikan secara santai dan tidak formal. Dalam konteks buku Indie, anekdot tidak sekadar berperanan sebagai selingan naratif, tetapi menjadi strategi penceritaan yang membantu menyampaikan idea dan wacana secara implisit. Pendekatan ini sejajar dengan sifat penerbitan Indie yang menolak gaya penulisan autoritatif dan institusional, sebaliknya mengangkat suara individu, pengalaman subjektif dan kebebasan ekspresi sebagai sumber makna (Bennett, 2005; Gill & Pratt, 2008).

Kebanyakan catatan anekdot dalam buku Indie lahir daripada pengalaman sebenar penulis, sama ada melalui pengalaman peribadi, interaksi sosial mahupun pemerhatian terhadap realiti seharian. Unsur pengalaman ini memberikan sentuhan autentik yang menjadikan pembaca merasa lebih dekat dengan penulis dan kandungan teks. Menurut Bruner (1991), naratif peribadi mempunyai keupayaan membina makna kerana ia menghubungkan pengalaman individu dengan struktur pemahaman sosial yang lebih luas. Dalam penulisan buku Indie, pendedahan pengalaman secara jujur dan tidak dioles ini menampilkan sisi manusiawi penulis, sekali gus membezakan karya Indie daripada penulisan arus perdana yang lebih terkawal dan berlapik.

Selain membina keakraban, catatan anekdot juga berfungsi sebagai alat untuk mencetuskan emosi dan membina empati dalam kalangan pembaca. Anekdote yang bersifat lucu mampu mewujudkan suasana mesra, manakala anekdot yang menyentuh emosi berupaya meninggalkan kesan mendalam serta mendorong refleksi sendiri. Dalam buku Indie, anekdot sering digunakan untuk menghidupkan tema-tema kompleks seperti kebebasan, kemanusiaan, identiti dan keadilan sosial tanpa perlu dihuraikan secara konseptual atau teoretikal. Fairclough (1995) menegaskan bahawa makna ideologi sering beroperasi secara tersirat melalui bentuk bahasa dan naratif, dan dalam hal ini, anekdot berfungsi sebagai medium wacana yang membolehkan idea disampaikan secara tidak langsung tetapi berkesan.

Catatan anekdot juga berperanan sebagai medium refleksi yang menyampaikan pengajaran dan makna tersirat. Walaupun ringkas, anekdot mempunyai keupayaan simbolik yang tinggi, di mana pengalaman seharian boleh berfungsi sebagai metafora

kepada persoalan kehidupan yang lebih luas. Dalam konteks ini, anekdot membantu pembaca menafsir tema dan nilai yang ingin diketengahkan tanpa dipaksa menerima kesimpulan tertentu. Di samping itu, penggunaan anekdot turut meningkatkan unsur realisme dalam buku Indie kerana ia memaparkan pengalaman hidup yang bersifat mentah dan dekat dengan realiti sosial. Realisme ini menjadikan buku Indie lebih relevan, khususnya kepada generasi muda yang mencari karya yang mencerminkan pengalaman sebenar mereka (Williams, 1977; Hesmondhalgh, 2013).

Lebih penting lagi, catatan anekdot sering digunakan sebagai alat kritikan sosial dalam buku Indie. Melalui pengalaman kecil atau peristiwa seharian, penulis mengulas isu-isu yang lebih besar seperti ketidakadilan sosial, kegagalan sistem, tekanan ekonomi dan kelemahan struktur pengurusan. Pendekatan ini membolehkan kritikan disampaikan secara naratif dan tidak konfrontasi, sekali gus menjadikan wacana lebih lunak tetapi tetap kritis. Secara keseluruhannya, catatan anekdot merupakan elemen penting yang membentuk identiti unik buku Indie. Ia bukan sahaja memperkayakan naratif dan memudahkan pemahaman tema, malah berfungsi sebagai medium wacana yang menghubungkan pengalaman individu dengan realiti sosial yang lebih luas, selari dengan semangat kebebasan, keaslian dan penentangan terhadap hegemoni yang menjadi teras penerbitan Indie..

2.4.3 Jenis penulisan

Seterusnya, dalam teori analisis wacana juga turut mengandungi pengenalan jenis penulisan.. Werlich dalam Idris Amin 2007 mengelaskan jenis penulisan kepada lima jenis yang utama iaitu deskripsi, eksplanatori, argumentasi, intruksi dan narasi Berikut adalah penerangan terperinci bagi setiap jenis penulisan berdasarkan klasifikasi Werlich (dalam Amin Idris 2007;). Pengelasan ini penting dalam analisis wacana kerana setiap jenis penulisan mempunyai fungsi komunikatif, struktur linguistik dan tujuan pragmatik yang berbeza. Kefahaman terhadap variasi jenis penulisan ini membolehkan pengkaji mengenal pasti strategi wacana yang digunakan oleh pengarang secara lebih sistematik dan kritis. Jadual 2.9 yang dilampirkan di bawah merumuskan tentang pengelasan jenis penulisan ini.

Jadual 2.9 Elemen gaya penulisan– jenis penulisan

Elemen-elemen Penulisan Indie	Item/Kod	Penjelasan Item
Jenis Penulisan (Teori Analisis Wacana)	Diskriptif	▪ Pemerihalan, penerangan, pemberitahuan atau penggambaran lengkap tentang sesuatu perkara, proses atau peristiwa ▪ Menerangkan maklumat tentang apa, siapa, bila, dan bagaimana seada atau seobjektifnya ▪ Tiada unsur tokoh tambah atau komen pewacana dimuatkan
	Eksplanatori	▪ Bersifat penjelasan yang menerangkan secara lebih mendalam dan lanjut tentang sesuatu perkara, peristiwa atau proses ▪ Menjelaskan sebab, akibat, faktor, kesan, dan lain-lain tentang sesuatu perkara, keadaan, peristiwa atau proses secara terperinci
	Argumentatif	▪ Menggunakan proses penaakulan. ▪ Pengutaraan fakta (isi) terlebih dahulu, kemudian diikuti oleh bukti, dalil, contoh ▪ Mengharapkan perubahan fikiran atau sikap pada sasaran wacana
	Instruksi	▪ Bersifat tunjuk cara atau panduan ▪ Hajat wacana instruktif adalah imperatif, iaitu sama ada arahan, suruhan, permintaan dan halangan
	Naratif	▪ Bersifat penceritaan atau pengisahan ▪ Mempunyai unsur ‘peristiwa’ yang disampaikan secara kronologi atau urutan

Sumber : Lily Yaakub 2018

Pengelasan jenis penulisan ini menunjukkan setiap penulisan mempunyai fungsi dan peranan masing-masing. Perincian lanjutan akan diberikan pada perbincangan berikut.

a. Penulisan deskriptif

Wacana deskriptif ialah wacana yang berbentuk pemerihalan, penerangan, pemberitahuan atau penggambaran lengkap tentang sesuatu perkara, proses atau peristiwa kepada pihak lain. Wacana deskriptif menerangkan maklumat tentang apa, siapa, bila, dan bagaimana tujuan atau seobjektifnya. Tiada unsur tokoh tambah atau komen pemain wacana dimuatkan. Maklumat deskriptif adalah supaya khalayak mengetahui atau mendapat maklumat, gambaran atau imej jelas tentang sesuatu perkara, peristiwa atau proses berkenaan. Deskriptif boleh dilakukan menurut kronologi, perbandingan keadaan, rujukan pada peristiwa yang telah berlaku, dan konsep

berterusannya sesuatu perbuatan. Menurut Steger (dalam Renkema 1993) ciri-ciri wacana deskriptif adalah berwacana tunggal, kedudukan pemain wacana tidak setaraf dengan khalayak, dan tema wacana ditentukan. Berita pada surat khabar atau radio dan televisyen, buku teks, minit mesyuarat, dan laporan adalah contoh wacana deskriptif.

Penulisan deskriptif bertujuan menggambarkan sesuatu secara terperinci untuk membantu pembaca membayangkan objek, tempat, atau situasi yang digambarkan. Tumpuan diberikan kepada pemerhatian terhadap sifat, ciri, atau keadaan sesuatu subjek. Penulisan ini sering kali menggunakan deria seperti penglihatan, pendengaran, bau, rasa, dan sentuhan. Dalam penulisan ini, penggunaan bahasa yang kaya dengan imejan dan perincian adalah penting. Penulis sering kali menggunakan adjektif dan frasa deskriptif untuk menjadikan subjek lebih hidup di mata pembaca. Misalnya, "pemandangan gunung yang dihiasi kabus tebal seakan-akan permaidani putih" memberikan gambaran visual yang jelas. Penulisan deskriptif sering digunakan dalam karya kreatif seperti cerpen, novel, atau puisi.

Contohnya sebuah esei yang menggambarkan sebuah pasar pagi di kawasan kampung mungkin mengandungi perincian seperti bau ikan segar, bunyi riuh rendah perbualan penjual, dan warna-warni sayur-sayuran yang tersusun rapi. Dengan cara ini, pembaca dapat "merasakan" suasana pasar tersebut melalui penulisan.

b. Penulisan eksplanatori

Penulisan eksplanatori bertujuan menjelaskan fenomena atau proses tertentu secara sistematik dan objektif. Ia sering digunakan untuk menerangkan bagaimana sesuatu berfungsi atau mengapa sesuatu berlaku. Fokusnya adalah pada fakta dan logik. Penulisan ini biasanya diatur dalam urutan yang logik, seperti kronologi, sebab dan akibat, atau langkah demi langkah. Bahasa yang digunakan adalah formal dan langsung, bertujuan untuk memberikan pemahaman yang jelas kepada pembaca. Sebagai contoh, dalam penulisan saintifik, proses fotosintesis dijelaskan melalui langkah-langkah yang melibatkan cahaya matahari, karbon dioksida, dan klorofil.

Secara ringkas, wacana eksplanatori bersifat penjelasan. Penjelasan bermaksud menerangkan secara lebih mendalam dan lanjut tentang sesuatu perkara, peristiwa atau

proses. Dengan lain perkataan, eksplanatori adalah peluasan wacana deskriptif. Eksplanatori bukan sahaja menerangkan “apa” ‘bila’, ‘siapa’, dan ‘bagaimana’ seadanya, tetapi juga menuntut penjelasan ‘mengapa’ atau sebab. Misalnya, wacana eksplanatori perlu menjelaskan sebab, akibat, faktor, kesan, dan lain-lain tentang sesuatu perkara, keadaan, peristiwa atau proses secara terperinci. Dengan penjelasan yang terperinci khalayak wacana dapat ‘memahami’ dengan sebaik mungkin apa yang dijelaskan, siapa, bila, bagaimana, malah mengapa.

Wacana eksplanatori lazim diamalkan dalam penyediaan kertas cadangan sesuatu projek, manifesto pilihan raya, dan laporan terperinci sesuatu perkara. Dengan penjelasan yang lengkap dan terperinci akan dapat membantu pihak yang menerima penjelasan menghasilkan keputusan atau tindakan. Misalnya, menteri boleh meminta penjelasan tentang kebocoran bangunan pejabat kerajaan yang baru dibina daripada ketua pengarah jabatan kerja raya. Dalam laporan penjelasannya, ketua pengarah jabatan kerja raya menjelaskan apa yang berlaku’, ‘bila berlaku’, ‘di mana berlaku’, ‘bagaimanakah berlaku’, ‘apa kesannya’, dan ‘mengapa berlaku’. Tindakan yang diambil oleh jabatan berkenaan juga dijelaskan. Contohnya, Artikel sains yang menjelaskan bagaimana hujan terbentuk boleh memulakan penjelasan dengan penerangan tentang pemanasan air di permukaan bumi, diikuti dengan pembentukan wap air, kondensasi dan akhirnya pemendakan sebagai hujan. Penulisan ini sering muncul dalam buku teks, laporan teknikal, dan artikel ilmiah.

c. Penulisan argumentatif

Penulisan argumentatif bertujuan untuk meyakinkan pembaca tentang sesuatu pandangan, pendirian, atau idea dengan menyokongnya menggunakan hujah, bukti, dan logik. Ia menumpukan kepada penyampaian pendapat yang kukuh dan penolakan terhadap pandangan bertentangan. Dalam penulisan ini, struktur yang jelas adalah penting. Penulis biasanya memulakan dengan pernyataan tesis, diikuti dengan hujah-hujah yang disokong oleh fakta, data, atau petikan daripada sumber yang berwibawa. Gaya bahasa yang digunakan bersifat persuasif tetapi objektif. Sebagai contoh, artikel yang membahaskan kebaikan tenaga boleh diperbaharui akan menyokong hujah dengan statistik tentang keberkesanan tenaga suria dan angin. Contohnya, sebuah artikel yang

mempertahankan kepentingan pendidikan percuma mungkin menyenaraikan manfaat seperti peningkatan akses kepada pendidikan dan pengurangan ketidaksamaan sosial, sambil menolak hujah yang mendakwa pendidikan percuma membebankan ekonomi negara.

Wacana argumentasi lazimnya dipersembahkan dengan format pengutaraan fakta (isi) terlebih dahulu, kemudian diikuti oleh butiran sokongannya, seperti bukti, dalil, contoh, data dan seumpamanya. Strategi wacana begini dinamakan deduktif. Argumentatif mengharapkan perubahan fikiran atau sikap pada sasaran wacana. Misalnya, daripada tidak percaya kepada percaya, daripada tidak setuju kepada bersetuju, atau sebaliknya. Dengan demikian, wacana argumentatif juga dikaitkan dengan pemujukan rasional kerana ia bermatlamat ‘mengubah kepercayaan’ sasaran secara objektif dan bertanggung jawab. Wacana iklan barangan atau perkhidmatan, wacana akademik sains sosial dan kemanusiaan, perbincangan awam, perutusan tahun baharu perdana menteri, dan ceramah pilihan raya adalah antara contoh wacana jenis argumentatif.

d. Penulisan instruktif

Penulisan instruksi memberikan panduan atau arahan kepada pembaca untuk melaksanakan sesuatu tugas atau aktiviti. Fokusnya adalah pada langkah-langkah yang jelas dan mudah difahami.

Wacana instruksi bersifat tunjuk cara atau panduan. Misalnya, tunjuk cara proses melakukan sesuatu, pergi ke sesuatu destinasi, menggunakan sesuatu, mengelakkan kemalangan, dan sebagainya. Dengan sedemikian, wacana instruktif sangat bermanfaat dalam urusan hidup seharian. Hajat wacana instruktif adalah imperatif, iaitu sama ada arahan, suruhan, permintaan dan halangan.

Tunjuk cara dibicarakan langkah demi langkah secara mudah difahami supaya sasaran dapat mencapai matlamat akhirnya sama ada memasang gajet, sampai ke sesuatu destinasi, atau menggunakan alatan. Misalnya, apabila kita membeli peralatan rumah ‘pasang sendiri’ (DIY) atau gajet teknologi maklumat baru, seperti penyaman udara, telefon genggam, dan seumpamanya, kita dibekalkan dengan buku panduan

pengguna (user manual). Buku itu disediakan menggunakan wacana instruksi. Rancangan masakan di televisyen yang dihoskan oleh Chef terkemuka juga bersifat instruksi, iaitu memberi panduan bagaimana menyediakan sesuatu resipi. Risalah jabatan kesihatan tentang langkah-langkah mengelak pembiakan nyamuk aedes juga suatu wacana instruksi. Dengan membaca atau mengikuti ‘panduan’ berkenaan, sasaran wacana berupaya mengetahui atau melakukan apa yang ditunjukkan. Lazimnya, wacana instruksi sedemikian turut dibantu oleh gambar rajah.

e. Penulisan naratif

Wacana instruksi bersifat tunjuk cara atau panduan. Misalnya, tunjuk cara proses melakukan sesuatu, pergi ke sesuatu destinasi, menggunakan sesuatu, mengelakkan kemalangan, dan sebagainya. Dengan sedemikian, wacana instruksi sangat bermanfaat dalam urusan hidup seharian. Hajat wacana instruksi adalah imperatif, iaitu sama ada arahan, suruhan, permintaan dan halangan.

Wacana instruksi bersifat tunjuk cara atau panduan. Misalnya, tunjuk cara proses melakukan sesuatu, pergi ke sesuatu destinasi, menggunakan sesuatu, mengelakkan kemalangan, dan sebagainya. Dengan sedemikian, wacana instruksi sangat bermanfaat dalam urusan hidup seharian. Hajat wacana instruksi adalah imperatif, iaitu sama ada arahan, suruhan, permintaan dan halangan.

Tunjuk cara diacarakan langkah demi langkah secara mudah difahami supaya sasaran dapat mencapai matlamat akhirnya sama ada memasang gajet, sampai ke sesuatu destinasi, atau menggunakan alatan. Misalnya, apabila kita membeli peralatan rumah ‘pasang sendiri’ (DIY) atau gajet teknologi maklumat baru, seperti penyaman udara, telefon genggam, dan seumpamanya, kita dibekalkan dengan buku panduan pengguna (user manual). Buku itu disediakan menggunakan wacana instruksi. Rancangan masakan di televisyen yang dihoskan oleh Chef terkemuka juga bersifat instruksi, iaitu memberi panduan bagaimana menyediakan sesuatu resipi. Risalah jabatan kesihatan tentang langkah-langkah mengelak pembiakan nyamuk aedes juga suatu wacana instruksi. Dengan membaca atau mengikuti ‘panduan’ berkenaan, sasaran wacana berupaya mengetahui atau melakukan apa yang ditunjukkan. Lazimnya, wacana instruksi sedemikian turut dibantu oleh gambar rajah..

2.4.4 Tema penulisan

Tema merupakan unsur teras dalam sesebuah karya sastra kerana berfungsi sebagai idea sentral yang mengikat keseluruhan struktur penulisan, termasuk plot, watak, konflik dan latar. Dalam konteks analisis sastra, tema bukan sekadar topik perbincangan, tetapi mencerminkan pandangan dunia, keprihatinan sosial serta orientasi pemikiran pengarang. Melalui tema, sesebuah karya memperoleh makna yang lebih mendalam dan berupaya berfungsi sebagai medium refleksi terhadap realiti kehidupan manusia. Tema boleh disampaikan secara tersurat melalui naratif dan dialog, atau secara tersirat melalui simbol, metafora dan perkembangan watak, bergantung kepada strategi penceritaan yang dipilih oleh pengarang.

Dalam penerbitan buku Indie di Malaysia, tema memainkan peranan yang sangat signifikan kerana karya-karya ini lahir dalam ruang penerbitan alternatif yang relatif bebas daripada kawalan institusi arus perdana. Kebebasan ini membolehkan penulis Indie mengangkat isu-isu yang lebih pelbagai, kritikal dan kontemporari, sekali gus membezakan buku Indie daripada penerbitan konvensional. Sorotan kajian menunjukkan bahawa tema-tema dalam penulisan buku Indie tidak bersifat homogen, sebaliknya mencerminkan kepelbagaian pengalaman, kegelisahan dan aspirasi masyarakat moden, khususnya golongan muda. Jadual di bawah menunjukkan jenis-jenis tema dan penjelasan setiap item.

Jadual 2.10 Elemen gaya penulisan – tema penulisan

Elemen-elemen Penulisan Indie	Item/Kod	Penjelasan Item
Tema (Teori analisis wacana)	Agama	▪ Membincangkan tentang perkara yang menyentuh agama Islam
	Kemanusiaan	▪ Isu-isu kemanusiaan seperti kemiskinan, tempat tinggal
	Politik dan pemerintahan	▪ Isu-isu yang melibatkan kepimpinan dan pemerintahan negara, parti politik
	Ekonomi	▪ Isu-isu yang berkaitan dengan ekonomi dan kewangan serta pendapatan masyarakat
	Sosial	▪ Isu-isu yang berkaitan dengan masalah masyarakat seperti isu rasuah
	Alam sekitar	▪ Berkaitan dengan kehidupan fauna dan flora

Sumber : Lily Yaakub 2018

Salah satu tema yang paling dominan dalam penulisan buku Indie ialah pencarian identiti dan jati diri. Tema ini sering digarap melalui naratif introspektif yang menonjolkan konflik dalaman individu dalam memahami kedudukan diri mereka dalam masyarakat yang sedang berubah. Penulis Indie kerap menggambarkan dilema generasi muda yang terperangkap antara nilai tradisional dan pengaruh moden, termasuk kesan globalisasi, urbanisasi dan budaya popular. Pencarian identiti ini lazimnya tidak diselesaikan secara konklusi, sebaliknya dibiarkan terbuka sebagai refleksi realiti kehidupan yang bersifat kompleks dan berlapis.

Selain itu, tema kritik sosial dan politik merupakan antara tema teras yang menonjol dalam buku Indie. Melalui gaya penulisan yang bersifat satira, simbolik atau berterus terang, penulis Indie mengkritik isu-isu seperti ketidaksamarataan sosial, penindasan struktural, korupsi dan kegagalan sistem institusi. Buku Indie sering berfungsi sebagai medium wacana alternatif yang mencabar naratif dominan dan memberi ruang kepada suara-suara yang terpinggir. Tema ini memperlihatkan kecenderungan buku Indie untuk berperanan sebagai teks kesedaran sosial yang mendorong pembaca berfikir secara kritikal terhadap realiti sekeliling mereka.

Tema cinta dan hubungan manusia turut menjadi elemen penting dalam penulisan buku Indie, namun digarap dengan pendekatan yang berbeza daripada karya arus perdana. Penulis Indie cenderung menampilkan cinta sebagai pengalaman manusia yang rumit, rapuh dan tidak idealistik. Naratif cinta sering disertai konflik emosi, kekecewaan dan ketidakpastian, sekali gus menolak gambaran romantik yang bersifat klise. Di samping hubungan romantik, tema persahabatan, kekeluargaan dan hubungan interpersonal turut diberi perhatian sebagai cerminan dinamik sosial dalam kehidupan moden.

Sorotan kajian juga menunjukkan kehadiran tema eksperimen gaya hidup dan pemikiran falsafah dalam penulisan buku Indie. Penulis Indie sering meneroka idea-alternatif tentang kehidupan, seperti kebebasan individu, minimalis dan pencarian makna hidup di luar kerangka materialistik. Dalam konteks ini, pemikiran falsafah seperti eksistensialisme dan pascamodenisme sering menjadi latar pemikiran yang mempengaruhi naratif. Tema ini mencerminkan usaha penulis Indie untuk

mempersoalkan nilai-nilai yang diterima secara konvensional serta mengajak pembaca menilai semula tujuan dan arah kehidupan.

Isu gender dan feminisme juga merupakan tema yang semakin menonjol, khususnya dalam karya penulis wanita. Buku Indie menyediakan ruang untuk menzahirkan pengalaman wanita dalam masyarakat patriarki, termasuk isu ketidaksamarataan gender, kebebasan diri dan peranan sosial. Tema ini sering disampaikan melalui naratif peribadi yang bersifat refleksi dan kritikal, sekali gus mencabar norma tradisional dan stereotaip gender. Kehadiran tema ini menunjukkan peranan buku Indie sebagai platform advokasi sosial yang mengangkat isu keadilan dan kesaksamaan.

Tema kesihatan mental turut menjadi fokus penting dalam penulisan buku Indie kontemporari. Penulis Indie berani mengangkat isu-isu seperti tekanan emosi, kebimbangan, kemurungan dan trauma secara terbuka dan jujur. Naratif kesihatan mental sering disampaikan melalui pengalaman peribadi yang bersifat introspektif, sekali gus berfungsi sebagai medium ekspresi dan pemulihan emosi. Tema ini juga berperanan mendidik pembaca serta mengurangkan stigma masyarakat terhadap isu kesihatan mental.

Dalam konteks yang lebih kontroversi, sorotan kajian mendapati bahawa sebahagian buku Indie di Malaysia turut mengangkat tema pemikiran Islam liberal. Tema ini lazimnya muncul melalui perbincangan tentang kebebasan beragama, hak individu, peranan akal dan tafsiran agama yang lebih inklusif. Walaupun tema ini sering menerima kritikan daripada pelbagai pihak, kewujudannya mencerminkan kecenderungan penulis Indie untuk mencabar autoriti tradisional dan membuka ruang dialog ideologi. Tema ini penting untuk diberi perhatian kerana ia menunjukkan bagaimana buku Indie berfungsi sebagai medium penyebaran wacana pemikiran alternatif dalam masyarakat.

Selain itu, tema nostalgia dan warisan budaya turut diketengahkan dalam penulisan buku Indie sebagai usaha merakam memori kolektif dan identiti budaya tempatan. Penulis Indie menggunakan tema ini untuk menggambarkan kehidupan

kampung, tradisi, bahasa dan nilai budaya yang semakin terpinggir dalam arus pemodenan. Tema nostalgia bukan sahaja berfungsi sebagai penghargaan terhadap warisan budaya, tetapi juga sebagai kritikan terhadap kehilangan jati diri dalam masyarakat moden.

Akhir sekali, tema seni dan kreativiti menjadi elemen penting yang memperkukuh identiti buku Indie sebagai ruang eksperimentalis. Penulis Indie bebas bereksperimen dengan gaya bahasa, struktur naratif dan format penulisan, termasuk penggunaan puisi visual, ilustrasi dan penceritaan secara tersusun. Eksperimentalis ini mencerminkan semangat kebebasan dan inovasi yang menjadi ciri utama penerbitan Indie.

Secara keseluruhannya, sorotan kajian menunjukkan bahawa tema-tema dalam penulisan buku Indie di Malaysia bersifat pelbagai, kritikal dan reflektif terhadap realiti kontemporari. Buku Indie bukan sekadar medium ekspresi kreatif, tetapi berfungsi sebagai teks wacana sosial, budaya dan ideologi yang mencerminkan perubahan pemikiran serta cabaran masyarakat moden. Kepelbagaian tema ini mengukuhkan justifikasi untuk kajian lanjut yang meneliti struktur ideologi dan implikasi pemikiran, khususnya berkaitan pemikiran Islam liberal, dalam penulisan buku Indie di Malaysia

2.4.5 Gaya bahasa

Gaya bahasa ialah cara mengungkapkan bahasa iaitu cara bertutur dan menulis. Gaya bahasa lazimnya melibatkan aspek-aspek kesesuaian penggunaan perkataan, frasa, ayat atau ungkapan tertentu. (Nik Safiah 1988). Kajian ini diteruskan dengan penelitian mengenai gaya bahasa yang digunakan dalam buku Indie. Gaya bahasa merujuk kepada penggunaan kepelbagaian ragam bahasa yang digunakan dalam sesuatu penulisan, dan amat berperanan menghidupkan sesuatu karya itu. Penggunaan gaya bahasa yang sesuai berperanan membantu pengkarya atau penulis mengungkapkan idea dan pandangan mereka dengan lebih berkesan, di samping memudahkan pembaca memahami isi kandungan sesebuah penulisan tersebut. Jadual di bawah menunjukkan jenis elemen-elemen gaya bahasa berserta penjelasannya.

Jadual 2.11 Elemen gaya penulisan (gaya bahasa)

Elemen gaya penulisan Buku Indie	Kod	Penjelasan Item
Gaya bahasa (Pendekatan stilistik)	Sindiran	▪ Ironi – sindiran halus ▪ Sinisme – sindiran kasar ▪ Sarkastik – kasar dan berbentuk menghina
	Slanga	▪ Istilah baharu dan unik serta sangat popular. Terbahagi kepada tiga; iaitu slanga kata nama am, slanga kata kerja dan slanga kata sifat
	Bahasa rojak	▪ Bahasa Melayu yang bercampur dengan bahasa asing
	Bahasa Vulgar	▪ Bahasa yang mengandungi perkataan yang kasar, kesat dan lucu

Sumber : Lily Yaakub 2018

Untuk itu, sub-topik bahagian ini akan membincangkan penggunaan gaya bahasa yang digunakan dalam sampel buku Indie dengan memfokuskan kepada empat jenis gaya bahasa iaitu;

- i. Bahasa sindiran
- ii. Bahasa slanga
- iii. Bahasa rojak
- iv. Bahasa *Vulgar*

Olahan gaya bahasa dalam penulisan merupakan stail yang menggambarkan identiti kepengarangan seseorang penulis. Pandangan Brooks dan Warren (1998) pula menyatakan bahawa gaya merujuk kepada pemilihan dan penyusunan bahasa penulis. Jelaslah bahawa stail mempunyai hubungan peribadi pemikiran seseorang penulis. Stail atau gaya dalam karya kreatif dapat dianggap sebagai jalinan penulisan yang berhubung dengan diksi, imej, imejan, sintaksis dan unsur-unsur bunyi. Penulis karya kreatif menulis dengan stail yang tersendiri. Medium penggunaan bahasa yang sesuai dengan keinginan mereka disampaikan untuk memberi kesan estetik kepada pembaca. Kepelbagaian gaya bahasa yang digunakan untuk memindahkan fikiran penulis ke media karya sastra dengan berpaksikan identiti tersendiri bukan sahaja menjadikan

bidang sastera divariasikan dengan gaya dan olahan cerita, malah setiap penulis mempunyai daya kreativiti tersendiri dalam menghasilkan karya masing-masing.

Gaya bahasa yang digunakan oleh setiap penulis atau penutur bahasa adalah berbeza-beza. Gaya bahasa merupakan pemanfaatan atas kekayaan bahasa oleh seseorang dalam bertutur atau menulis. Pada umumnya, perbezaan ini merupakan ciri khas tertentu bagi seseorang penulis atau penutur. Gaya bahasa adalah cara bagaimana pengarang menghuraikan cerita yang direka atau definisi dari gaya Bahasa, iaitu isi pemikirannya menggunakan bahasa-bahasa yang khas dalam huraian ceritanya sehingga menimbulkan kesan tertentu. Aminuddin (1995: 5) mengemukakan stail atau gaya bahasa merupakan cara yang digunakan oleh pengarang dalam memaparkan gagasannya, sesuai dengan tujuan dan efek yang ingin dicapai. Menurut Albertine (2005) pula, gaya bahasa adalah bahasa yang bermula dari bahasa yang biasa digunakan dalam gaya tradisional untuk menjelaskan orang atau objek. Dengan menggunakan gaya bahasa, pemaparan imaginatif menjadi lebih berkesan. Selanjutnya Za'ba (1965) mentakrifkan gaya bahasa sebagai rupa susuk bahasa yang dipakai apabila bercakap atau mengarang, iaitu tentang perkataan, ikatan ayat, jalan bahasanya, cara susunan atau bentuk pembahasannya. Gaya bahasa menzahirkan ciri-ciri keperibadian seorang.

a. Bahasa sindiran

Sindiran Gaya bahasa pertama yang dibincangkan merupakan gaya bahasa sindiran yang . Menurut Kamus Dewan edisi ke empat, perkataan sindiran (*sarcasm*) berasaskan dari perkataan akar sindir iaitu perkataan yang digunakan untuk mengata (mengeji, mengejek, mencela) orang tidak dengan terus terang atau dalam erti kata lainnya sebagai kiasan. Manakala bentuk keduanya pula sindiran dengan menggunakan representatif atau simbolik akan sesuatu objek sebagai ganti sesuatu perkara kerana ianya mesej itu tidak sampai secara menerus. Gaya bahasa sindiran ini merupakan satu gaya perli kepada sesuatu yang tidak digemari atau yang tidak sesuai dan tidak berkenan dengan hatinya. Gaya bahasa ini terbahagi kepada tiga jenis, iaitu;

Keraf (2007) berpendapat bahawa bahasa sindiran merupakan satu bentuk acuan yang mempunyai tujuan tertentu dan mengandungi makna yang tersirat atau maksud yang berlawanan daripada perkara yang diujarkan oleh seseorang. Ujaran yang

mengandung sindiran ini dinyatakan juga secara tidak tepat, berselindung dan dikias dengan perkara lain tetapi ditujukan secara tepat terhadap seseorang. Kategori Bahasa sindiran ini dibahagikan kepada 3 jenis iaitu; i. Ironi, ii. Sinis, iii. sarkastik.

i. Ironi

Ironi merupakan salah satu gaya bahasa sindiran yang bersifat agak lembut dan sopan. Ia merupakan seolah-olah kata terbalik dari maksud asal atau kata-kata lain dari kata-kata yang sebenarnya yang patut digunakan dengan tujuan untuk menyindir. Misalnya: “cepat betul kau datang” (diwujudkan kata-kata ini kepada orang yang lewat datang), “wah cantik betul bajumu” (bermaksud baju yang tidak cantik), ‘sedap betul nyanyian mu semalam” (bermaksud nyanyian yang tidak sedap) dan sebagainya. Unsur ironi bermaksud bahasa sindiran yang mengandungi makna di sebaliknya. Penggunaan unsur ironi dalam sindiran bertujuan untuk menyindir seseorang dengan ujaran yang mempunyai makna yang bertentangan dengan makna literal. Ratna (2009) menyatakan bahawa ironi merupakan gaya bahasa yang berupa sindiran halus.

Gorys Keraf (1991) berpendapat bahawa gaya bahasa sindiran atau ironi adalah suatu acuan yang ingin mengatakan sesuatu dengan makna atau maksud berlainan dari apa yang terkandung dalam rangkaian kata-katanya. Jadi yang dimaksudkan dengan gaya bahasa sindiran adalah bentuk gaya bahasa yang rangkaian kata-katanya berlainan dari apa yang dimaksudkan. Dengan kata lain, ada maksud lain yang ingin diutarakan oleh seseorang yang menyampaikan. Misalnya, “Pagi benar engkau datang, Hey! Sekarang, baru pukul 11.00.

ii. Sinis

Berupa kata-kata ejekan yang kasar, melebih-lebihkan, melampau-lampau dengan tujuan menyatakan perasaan benci atau ejekan yang ketara. Misalnya: ‘Muntah aku melihatmu’ (bermaksud: oleh kerana terlalu benci dan meluat atau jelik, sehingga boleh muntah), ‘pengsan aku bila terbau minyak wangi kau’ (bermaksud: bau minyak wangi itu amat tidak berbau sedap, sehingga boleh jadi pengsan bila terciumnya), ‘Rebah aku melihat mukanya’ (bermaksud: dia akan jadi atau boleh rebah kalau melihat muka yang dimaksudkan, boleh jadi muka tersebut terlalu hodoh, terlalu dibenci atau sebagainya).

“Rebah aku melihat mukanya” (bermaksud: dia akan jadi atau boleh rebah kalau melihat muka yang dimaksudkan, boleh jadi muka tersebut terlalu hodoh, terlalu dibenci atau sebagainya). Rujukan Sinisme merupakan jenis gaya bahasa sindiran berbentuk kesangsian yang mengandungi ejekan terhadap keikhlasan dan ketulusan hati seseorang (Tarigan, 1985). Pandangan Siti Norsyahida dan Nor Azuwan (2017) pula menyatakan sinisme sebagai gaya bahasa sindiran dengan cara pengungkapan yang lebih kasar berbanding ironi, malah juga dikaitkan dengan unsur mengejek dan menyindir. Menurut Faizul Nizar, Fauziah dan Sabariah (2018), terdapat peniruan yang dilakukan secara sengaja bertujuan untuk mempermainkan seseorang. Begitu juga pada kenyataan Arba'ie Sujud, (2010) memerihalkan sinisme sebagai sindiran yang mengandungi makna yang terselindung dan bersifat sinis.

Selanjutnya Keraf (2004: 143) berpendapat bahawa sinisme adalah gaya bahasa sebagai suatu sindiran yang berbentuk kesangsian yang mengandungi ejekan terhadap keikhlasan dan ketulusan hati. Sementara itu menurut Nurdin (2002) sinisme adalah gaya bahasa sindiran yang pengungkapannya lebih kasar. Contohnya, ‘Tak usah ku perengarkan suaramu yang merdu dan memecahkan telinga itu.’ Manakala unsur sinisme bermaksud bahasa sindiran yang ditujukan kepada seseorang secara kasar. Penggunaan unsur sinisme bertujuan untuk menyindir dengan kata-kata kasar sehingga boleh menimbulkan kemarahan terhadap penerima bahasa sindiran tersebut. Hal ini bertepatan dengan pendapat Ratna (2009) yang menyatakan bahawa sinisme merupakan sindiran yang agak kasar berbanding sindiran jenis ironi.

iii. Sarkastik

Iaitu gaya bahasa yang lebih kasar daripada sinisme. Ianya digunakan bagi menggambarkan sikap marah, benci, meluat yang amat sangat. Ia boleh jadi digunakan dalam waktu marah atau tidak disedarinya. Misalnya: ‘anjing’ (orang yang dimarahinya disifatkan sebagai anjing) ‘babi’, ‘bangsat’, ‘mampus’, ‘haram jadah’, ‘anak haram’, ‘syaitan’, ‘kurang ajar’, dan lain-lain lagi. Mengenai sarkastik, Keraf (2004) berpendapat bahawa sarkastik adalah suatu acuan yang lebih kasar dari ironi yang mengandungi kepahitan dan celaan yang pedih. Sarkastik boleh juga bersifat ironi, tetapi

yang jelas bahawa gaya bahasa ini selalu akan menyakiti hati dan kurang sedap didengar dalam penggunaannya.

Gaya bahasa sarkastik sering digunakan dalam hal sebagai berikut: 1) Maksud umpatan berupa celaan, gurauan perkataan kasar yang timbul karena luapan amarah dari seseorang 2) Maksud ajakan, mengajak dan mempengaruhi pembaca atau pendengar agar berbuat serta mengikuti perkataan yang diucapkan. 3) Maksud pemberitahuan sebagai alat komunikasi iaitu memberikan informasi atau berita kepada orang ke dua. Penggunaan sindiran berunsur sarkastik bertujuan untuk memarahi seseorang dengan kata yang lebih kasar. Keraf (2007) menyatakan bahawa sarkastik merupakan ujaran yang mengandungi kepahitan dan celaan yang kasar dan keras.

b. Bahasa slanga

Penggunaan bahasa slanga dalam penulisan buku Indie di Malaysia semakin berkembang selaras dengan peralihan paradigma sastera ke arah lebih inklusif dan eksperimental. Slanga merujuk kepada variasi bahasa tidak formal yang digunakan oleh kumpulan sosial tertentu dan sering dikaitkan dengan bentuk komunikasi generasi muda. Slanga ialah variasi bahasa yang merujuk pada penggunaan perkataan atau ungkapan oleh kelompok penutur tertentu, dan makna kata slanga tersebut hanya difahami oleh kelompok yang menggunakannya. penggunaan bahasa slanga, yang wujud dalam bentuk kata kerja (contohnya sailang, mengebong dan membahan), kata nama (contohnya Minah, girlfie dan woi), kata adjektif (contohnya bingai, ketat dan kerek) mahupun kata yang disingkatkan (contohnya doh dan bai). Makna yang diwakili oleh kata slanga hanya diketahui oleh kumpulan yang menggunakannya.

Penggunaan slanga berkait rapat dengan identiti kumpulan penutur yang menggunakannya. Hari ini bahasa slanga sudah menjadi kelaziman dan tanpa segan silu diujarkan oleh penutur sama ada dewasa, remaja mahupun kanak-kanak, di tempat-tempat awam mahupun di tempat-tempat rasmi seperti di sekolah dan institusi pengajian tinggi. Aktiviti sembang siber yang semakin meluas juga menjadi faktor penggalak penggunaan bahasa slanga dalam kalangan penutur bahasa Melayu. Bahasa slanga tidak diguna pakai dan dipelajari secara formal di sekolah tetapi diperoleh dalam kehidupan seharian

Penggunaan bahasa slanga dalam penulisan buku Indie merupakan satu fenomena yang semakin mendapat tempat dalam dunia sastera kontemporari Malaysia. Buku Indie, yang sering dianggap sebagai medium sastera alternatif, banyak menampilkan gaya bahasa yang lebih bebas, tidak terikat dengan norma bahasa baku, dan lebih menekankan ekspresi individu serta keaslian naratif. Slanga, sebagai salah satu bentuk bahasa tidak formal, menjadi sebahagian daripada strategi penulisan yang digunakan oleh penulis Indie untuk menarik minat pembaca serta memberikan pengalaman membaca yang lebih dekat dengan realiti sosial. Dalam konteks buku Indie, slanga bukan sahaja berfungsi sebagai medium komunikasi, tetapi juga sebagai alat ekspresi budaya, pemberontakan terhadap norma linguistik, dan pembentukan identiti kolektif. Penggunaan slanga dalam penulisan Indie sering mendapat sambutan kerana ia lebih dekat dengan kehidupan sebenar pembaca, terutama dalam membentuk dialog yang lebih realistik dan menampilkan naratif yang lebih dinamik.

Salah satu sebab utama bahasa slanga sering digunakan dalam buku Indie adalah untuk memberikan kesan realisme dalam penceritaan. Buku-buku Indie yang mewakili genre novel sering menampilkan kisah-kisah yang berlatarkan kehidupan seharian, menggambarkan pengalaman yang dekat dengan realiti, serta membawa isu-isu yang dihadapi oleh golongan muda. Penggunaan bahasa slanga dalam dialog dan naratif menjadikan karya tersebut lebih autentik kerana ia mencerminkan pertuturan sebenar masyarakat, khususnya dalam kalangan belia dan golongan urban (bandar). Jika dibandingkan dalam novel arus perdana, bahasa yang digunakan sering kali lebih baku dan mengikut tatabahasa yang standard. Walau bagaimanapun, dalam novel Indie, bahasa yang digunakan lebih longgar dan fleksibel, mencerminkan cara komunikasi sebenar yang berlaku dalam masyarakat. Sebagai contoh, dalam novel *Awek Chuck* Taylor karya Nami Cob Nobbler, penggunaan istilah slanga seperti *usha*, *tackle*, dan *menganjing* memberikan gambaran sebenar gaya golongan muda berinteraksi dalam kehidupan seharian mereka. Jika novel ini menggunakan bahasa yang terlalu formal, ia mungkin akan kehilangan unsur realisme yang menjadikannya dekat dengan pembaca.

Selain berfungsi sebagai alat ekspresi dan komunikasi, bahasa slanga dalam buku-buku Indie juga digunakan sebagai medium untuk menyampaikan kritikan sosial. Dalam banyak karya Indie, penulis menggunakan slanga untuk menggambarkan realiti

kehidupan masyarakat, menampilkan satira terhadap sistem sosial, serta mencerminkan suara dan perspektif golongan yang kurang diberi perhatian dalam sastra arus perdana. Sebagai contoh, dalam novel *One Two Jaga*, bahasa slanga digunakan untuk menggambarkan kehidupan marhaen di Malaysia, terutama dalam kalangan pekerja kelas bawahan dan golongan marginal. Penggunaan bahasa slanga dalam dialog membantu memberikan dimensi yang lebih realistik terhadap kehidupan sebenar yang dilalui oleh watak-watak dalam novel tersebut. Ia juga memperlihatkan bagaimana bahasa boleh menjadi alat untuk mencerminkan ketidaksamaan sosial serta memperjuangkan keadilan bagi golongan tertentu. Bukan itu sahaja, penggunaan bahasa slanga juga sering dikaitkan dengan bentuk pemberontakan terhadap norma sosial dan budaya. Buku-buku Indie yang menggunakan slanga sering kali membawa mesej yang lebih berani dan kritikal terhadap isu-isu semasa, menjadikannya sebagai satu bentuk sastra yang lebih efektif dan responsif terhadap keadaan masyarakat.

Selanjutnya, terdapat kajian telah menyenaraikan sebanyak lima belas ciri wujudnya penggunaan bahasa slanga dalam kalangan kelompok masyarakat (Mary Fatimah & Muhammad Zaid (2016) iaitu: (1) untuk tujuan hiburan (suka-suka), (2) sebagai latihan untuk menguji kecerdasan, kemahiran atau kebolehan untuk menimbulkan suasana jenaka, (3) untuk menonjol diri sebagai perintis, (4) untuk memperindah pertuturan dan mewarnakan suasana supaya menjadi lebih mesra dan hidup, (5) untuk menarik perhatian orang lain, (6) untuk mengelakkan “klise” atau tujuan penyingkatan tanpa menjejaskan makna, (7) untuk menggayakan bahasa, (8) untuk merumitkan sesuatu yang konkrit kepada yang abstrak, sesuatu yang bersifat jelas kepada yang samar-samar, (9) untuk mengurangkan suasana sungul dan kerisauan dalam perbualan, (10) untuk mengurangkan suasana yang sedih dan serius, (11) untuk tujuan bergurau senda, (12) untuk melicinkan sesuatu perhubungan sosial, (13) untuk mengakrabkan lagi persahabatan yang sedia terjalin, (14) untuk menunjukkan bahawa seseorang itu terdiri daripada satu aliran atau golongan kelas sosial yang sama, dan (15) untuk merahsiakan sesuatu agar orang lain tidak memahaminya.

c. Bahasa rojak

Gaya bahasa rojak adalah satu fenomena linguistik yang sering digunakan dalam komunikasi harian dan juga penulisan kreatif di Malaysia. Ia merujuk kepada penggunaan pelbagai bahasa dalam satu ayat atau wacana, yang biasanya melibatkan campuran antara Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, dan kadangkala bahasa-bahasa lain seperti Mandarin, Tamil, atau dialek tempatan. Gaya ini sering dianggap mencerminkan keunikan budaya dan identiti masyarakat Malaysia yang berbilang kaum, namun pada masa yang sama, ia juga menimbulkan perdebatan mengenai kesannya terhadap kualiti bahasa dan pemeliharaan bahasa kebangsaan.

Dalam penulisan, gaya bahasa rojak sering digunakan untuk memberikan rasa autentik dan relevan kepada dialog atau naratif, terutamanya apabila menggambarkan perbualan harian. Sebagai contoh, seorang penulis mungkin menggambarkan dialog seperti, "Eh, bro, kau dah check harga tiket ke belum? Mahal gila, wei!" Ayat ini mencampurkan Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dengan lancar, mencerminkan cara komunikasi kebanyakan rakyat Malaysia, khususnya generasi muda di kawasan bandar. Gaya ini memberi kelebihan dalam mencipta watak atau suasana yang lebih realistik, kerana ia meniru cara masyarakat sebenar berkomunikasi.

Namun, penggunaan bahasa rojak dalam penulisan juga mempunyai kekangan tertentu. Ia sering dianggap tidak formal dan kurang sesuai untuk situasi yang memerlukan bahasa yang lebih rasmi, seperti dalam dokumen akademik atau profesional. Penulis yang menggunakan gaya ini perlu berhati-hati agar tidak mengorbankan kejelasan dan ketepatan mesej yang ingin disampaikan. Sebagai contoh, jika terlalu banyak bahasa di campur dalam satu ayat, ia boleh mengelirukan pembaca yang tidak biasa dengan gaya tersebut. Oleh itu, penggunaan bahasa rojak memerlukan keseimbangan antara kreativiti dan kejelasan untuk memastikan mesej dapat difahami dengan baik.

Salah satu kelebihan utama gaya bahasa rojak ialah kemampuannya untuk mencerminkan identiti budaya Malaysia. Negara ini terkenal dengan masyarakatnya yang berbilang kaum dan bahasa, dan gaya bahasa rojak menjadi cerminan langsung kepada kepelbagaian ini. Ia memperlihatkan bagaimana masyarakat Malaysia telah

mengasimilasikan pelbagai bahasa ke dalam komunikasi harian mereka, menjadikannya sebahagian daripada budaya nasional. Dalam konteks ini, bahasa rojak bukan sekadar alat komunikasi, tetapi juga simbol perpaduan dan integrasi budaya.

Selain itu, gaya bahasa rojak juga digunakan untuk mencipta nada yang santai dan mesra dalam penulisan. Dalam karya sastera atau kreatif, gaya ini sering digunakan untuk menarik minat pembaca, terutamanya golongan muda. Misalnya, dalam novel-novel popular, gaya bahasa rojak digunakan untuk menggambarkan dialog antara watak-watak yang bercakap dalam suasana tidak formal. Ini bukan sahaja menjadikan cerita lebih menarik, tetapi juga membantu pembaca merasa lebih dekat dengan watak-watak tersebut. Gaya ini juga sering digunakan dalam media sosial, di mana pengguna cenderung menggunakan bahasa yang lebih santai dan kurang formal.

Namun, tidak semua pihak menyokong penggunaan bahasa rojak, terutamanya dalam konteks formal atau pendidikan. Sesetengah pihak berpendapat bahawa penggunaan bahasa rojak boleh merosakkan struktur dan tata bahasa Bahasa Melayu, terutamanya jika ia digunakan secara berlebihan. Mereka berpendapat bahawa ia boleh menyebabkan generasi muda kurang fasih dalam bahasa kebangsaan, kerana mereka lebih biasa menggunakan bahasa campuran. Dalam konteks ini, bahasa rojak dilihat sebagai ancaman kepada pemeliharaan dan kemajuan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.

Secara keseluruhannya, gaya bahasa rojak adalah satu fenomena linguistik yang mencerminkan keunikan dan dinamik masyarakat Malaysia. Walaupun ia mempunyai kelemahan tertentu, seperti risiko merosakkan struktur bahasa atau mengelirukan pembaca, ia juga menawarkan kelebihan seperti mencipta rasa autentik, relevan, dan mesra dalam komunikasi. Penggunaan bahasa rojak memerlukan keseimbangan antara kreativiti dan tanggungjawab, di mana penulis perlu memastikan bahawa gaya ini digunakan dengan bijak dan sesuai dengan konteks. Dalam dunia yang semakin global, bahasa rojak boleh dianggap sebagai cerminan adaptasi masyarakat Malaysia terhadap perubahan sosial dan budaya, sekali gus menjadikannya elemen penting dalam landskap linguistik negara.

d. Bahasa vulgar

Gaya bahasa *vulgar* merujuk kepada penggunaan perkataan, frasa, atau ekspresi yang kasar, tidak sopan, atau dianggap tidak sesuai dalam konteks formal. Dalam penulisan kreatif, terutamanya dalam genre tertentu seperti sastera moden, karya Indie, atau dialog watak dalam novel realisme, gaya ini kadang-kadang digunakan untuk mencerminkan realiti kehidupan, menggambarkan emosi yang kuat, atau memberikan impak tertentu kepada pembaca. Walau bagaimanapun, gaya bahasa *vulgar* sering kali menjadi subjek kontroversi kerana ia boleh menyinggung sensitiviti pembaca atau dilihat sebagai merendahkan standard bahasa.

Di Malaysia, penggunaan gaya bahasa *vulgar* dalam penulisan sering kali menjadi isu sensitif, terutama dalam konteks norma budaya dan agama. Bahasa yang kasar atau tidak sopan sering dianggap bertentangan dengan nilai-nilai moral masyarakat, yang menghargai kesopanan dan kesantunan dalam komunikasi. Oleh itu, penulis yang menggunakan gaya bahasa *vulgar* perlu bijak untuk memastikan bahawa ia relevan dengan cerita dan tidak semata-mata bertujuan untuk menarik perhatian. Sebagai contoh, dalam buku Indie yang menggambarkan kehidupan jalanan atau masalah sosial seperti penyalahgunaan dadah dan jenayah, penggunaan bahasa vulgar mungkin sesuai untuk mencipta suasana yang realistik. Walau bagaimanapun, ia harus digunakan dengan penuh tanggungjawab untuk mengelakkan salah tafsir atau reaksi negatif daripada pembaca.

Dalam karya fiksi, gaya bahasa *vulgar* sering kali digunakan untuk membina watak yang kompleks dan berlapis. Watak yang menggunakan bahasa *vulgar* mungkin digambarkan sebagai individu yang memberontak, kurang pendidikan, atau menghadapi tekanan hidup yang berat. Contohnya, seorang watak yang menghadapi kehidupan yang sukar di kawasan bandar mungkin menggunakan bahasa *vulgar* sebagai refleksi keadaan emosinya. Ini membantu pembaca memahami latar belakang dan motivasi watak tersebut dengan lebih mendalam. Dalam konteks ini, bahasa *vulgar* bukan sahaja berfungsi sebagai alat ekspresi, tetapi juga sebagai elemen naratif yang memperkayakan cerita.

Penggunaan gaya bahasa *vulgar* juga menimbulkan persoalan tentang kesan jangka panjang terhadap standard bahasa. Sesetengah pihak berpendapat bahawa penggunaan bahasa kasar dalam penulisan boleh merendahkan nilai estetika bahasa dan menggalakkan budaya komunikasi yang kurang sopan. Dalam konteks ini, gaya bahasa *vulgar* dilihat sebagai ancaman kepada pemeliharaan tatabahasa dan keindahan bahasa yang standard. Namun, ada juga yang berpendapat bahawa bahasa adalah sesuatu yang dinamik dan sentiasa berubah mengikut perkembangan sosial. Dalam pandangan ini, bahasa *vulgar* adalah sebahagian daripada evolusi bahasa yang mencerminkan realiti masyarakat.

Dalam dunia penerbitan Indie, gaya bahasa *vulgar* sering digunakan untuk memberikan kebebasan kreatif kepada penulis. Penulis Indie, yang tidak terikat dengan garis panduan ketat penerbit arus perdana, sering menggunakan bahasa ini untuk mengekspresikan diri mereka tanpa sekatan. Walau bagaimanapun, kebebasan ini juga datang dengan tanggungjawab untuk memastikan bahawa karya mereka tidak melampaui batas yang boleh menyinggung pembaca atau merosakkan mesej yang ingin disampaikan. Dalam konteks ini, penulis Indie perlu bijak untuk menggunakan gaya bahasa *vulgar* dengan cara yang memperkayakan karya mereka tanpa mengorbankan integriti penulisan.

Dalam media sosial, gaya bahasa *vulgar* sering digunakan sebagai ekspresi emosi atau protes terhadap isu-isu tertentu. Pengguna media sosial sering menggunakan bahasa kasar untuk menunjukkan kekecewaan, marah, atau ketidakpuasan terhadap sesuatu isu. Walaupun gaya ini mungkin sesuai dalam konteks tertentu, ia juga boleh mencetuskan reaksi negatif, terutamanya jika digunakan secara tidak bertanggungjawab. Dalam konteks ini, penggunaan bahasa *vulgar* perlu diimbangi dengan kesedaran tentang implikasi sosial dan moralnya.

Secara keseluruhannya, gaya bahasa *vulgar* adalah alat ekspresi yang kuat tetapi kontroversial dalam penulisan. Ia boleh digunakan untuk mencipta realisme, menyampaikan emosi yang kuat, atau memberikan kritikan sosial yang tajam. Walau bagaimanapun, penggunaannya memerlukan pertimbangan yang teliti untuk memastikan bahawa ia relevan dengan konteks dan tidak menyinggung sensitiviti

pembaca. Dalam dunia penulisan yang sentiasa berkembang, gaya bahasa vulgar akan terus menjadi elemen yang diperdebatkan, tetapi ia juga mencerminkan kebebasan kreatif dan evolusi bahasa dalam masyarakat moden.

2.5 AMALAN WACANA BUKU INDIE

Amalan wacana buku Indie merujuk kepada cara teks-teks Indie dihasilkan, diedarkan dan diterima dalam ruang sosial tertentu sehingga membentuk pola komunikasi dan pemaknaan yang tersendiri. Berbeza daripada penerbitan arus perdana yang lebih terikat dengan institusi, norma bahasa dan tapisan formal, buku Indie berkembang dalam ekosistem alternatif yang menekankan kebebasan ekspresi, hubungan langsung antara penulis dan pembaca serta penggunaan medium baharu sebagai saluran penyebaran wacana. Amalan ini bukan sahaja melibatkan aspek teknikal penerbitan, malah merangkumi gaya penulisan, pilihan bahasa, tema, strategi naratif serta sikap kritis terhadap autoriti sosial, budaya dan agama. Oleh itu, memahami buku Indie sebagai satu bentuk amalan wacana membolehkan pengkaji meneliti bagaimana idea, nilai dan ideologi tertentu beroperasi secara halus melalui teks, seterusnya mempengaruhi cara pembaca mentafsir realiti sosial dan keagamaan dalam konteks masyarakat kontemporari.

2.5.1 Visual dan rekaan yang menarik

Penampilan fizikal buku Indie memainkan peranan penting dalam menarik perhatian pembaca, terutamanya dalam pasaran buku yang kompetitif. Buku Indie, seperti namanya, sering mencerminkan kebebasan kreativiti dalam setiap aspek reka bentuk fizikalnya, termasuk kulit buku, ilustrasi, reka letak, dan pemilihan tajuk. Penekanan kepada estetik yang berani dan unik menjadikan buku Indie berbeza daripada penerbitan arus perdana yang lazimnya lebih formal dan konservatif. Dalam konteks ini, setiap elemen penampilan fizikal bukan sahaja berfungsi sebagai daya tarikan visual tetapi juga sebagai medium untuk menyampaikan tema dan identiti karya. Antara tarikan yang mengundang keinginan para pembaca terutamanya golongan muda untuk mendekati dan membaca buku -buku Indie adalah disebabkan penampilan fizikalnya yang agak menarik (Azman 2016; Hafiz 2013; Mohd Syuhaidi & Norsyahirah 2018). Maka, dalam

sub topik in akan membincangkan 3 perkara utama yang menjelaskan bentuk penampilan fizikal buku Indie yang dikatakan unik iaitu;

a. Penampilan fizikal buku Indie

Rekaan kulit buku Indie adalah salah satu ciri yang paling menonjol dan sering digunakan untuk menarik perhatian pembaca pada pandangan pertama. Berbeza dengan buku arus perdana yang biasanya menggunakan reka bentuk konservatif dengan warna-warna neutral, buku Indie cenderung menggunakan grafik berani, palet warna yang dinamik, dan tipografi yang kreatif. Menurut Noorda (2019), rekaan kulit buku Indie tidak hanya bertujuan untuk menarik perhatian tetapi juga mencerminkan mesej yang ingin disampaikan oleh penulis. Sebagai contoh, buku seperti '*Awek Chuck Taylor*' oleh Nami Cob Nobbler menggunakan kulit yang minimalis dengan elemen simbolik, mencerminkan tema kebebasan dan kehidupan remaja moden. Selain itu, terdapat juga kulit buku Indie cuba menonjolkan identiti budaya, seperti penggunaan motif tradisional atau seni kontemporari untuk mencerminkan isu-isu sosial atau budaya yang menjadi fokus karya tersebut (Asyraff & Mary Fatimah 2019). Pendekatan ini memberi penekanan kepada visual yang sederhana tetapi efektif, yang mengundang pembaca untuk mendalami isi kandungan buku tanpa mendedahkan terlalu banyak maklumat di kulit buku.

Selain itu, persembahan reka bentuk kulit depan buku Indie juga mempunyai stailnya yang tersendiri. Gambar-gambar yang digunakan unik, menarik dan mempunyai kreativiti yang tinggi, namun ada yang berpandangan grafik yang dipersembahkan juga agak keterlaluan, berani dan mempunyai unsur-unsur lucu (Muhammad Rashidi & Norhidayah 2016). Lampiran gambar muka depan pada Rajah 1 di bawah menunjukkan penampilan muka depan buku Indie mempunyai ciri-ciri ranggi dan gaya yang diminati oleh golongan muda serta menerapkan gaya pop art pada rekaan grafik yang dihasilkan. Menurut Ketut Nala (2012), gaya pop art ini muncul dari budaya pop atau popular pada era 1950-an di Amerika Syarikat yang telah diperkenalkan oleh pengkarya Indie bagi menolak penguasaan dominan budaya masyarakat elit. Budaya pop art ini memenuhi cita rasa anak muda kerana ia mempunyai ciri-ciri seperti semangat kebebasan, kesegeraan (*instant*) dan boleh diperkembangkan. Budaya pop art ini telah digunakan oleh kebanyakan penerbit buku Indie bagi

menonjolkan imej Indie mereka dan membezakan mereka dengan buku terbitan arus perdana.



Rajah 2.1 Muka depan kulit buku Indie
Sumber : Muhammad Faisal & Lily Yaakub 2019

Selain daripada itu, grafik muka depan buku Indie juga boleh memberikan gambaran awal kepada pembaca tentang tema yang mahu ditonjolkan oleh penulisnya. Beberapa contoh buku Indie diberikan bagi memperkuat pernyataan ini antaranya grafik yang terdapat pada buku Nasionalisme Longkang karya Hadri Shah (2017). Penampilan grafiknya agak berani kerana menampilkan gambar Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir yang berdarah di dadanya dengan menggunakan warna yang sesuai serta tajuk yang agak keras. Pembaca boleh mengagak buku ini adalah buku kritikan kepada pihak tertentu. Begitu juga dengan grafik muka depan buku *Awek Chuck Taylor* (2011). Tajuknya yang menarik disertai dengan lukisan tiga pasang kasut memperlihatkan gaya yang ringkas dan kontemporari serta sesuai dengan cita rasa anak muda.. Selain itu, buku Nazi Goreng oleh Marco Ferrarese terbitan Dubook juga menggunakan tajuk yang kontroversial bersama grafik kulit buku yang menyerlahkan tema perkauman dan identiti. Pendekatan ini mencipta identiti visual yang kuat serta mudah diingat oleh pembaca.

Pemilihan reka bentuk kulit buku yang menonjol dan menyerlah diwujudkan bukan sekadar memenuhi ciri-ciri Indie tetapi sebagai strategi pemasaran kepada

khalayak pembaca. Elemen unik yang ditonjolkan pada kulit depan muka buku Indie selalunya memberi tanggapan awal pembaca bahawa buku ini mempunyai kelainan yang berbeza tentang tema dan suasana cerita. (Widjati Hartiningtyas 2023) menyatakan bahawa visual buku Indie bukan sahaja berfungsi sebagai elemen estetika tetapi juga sebagai strategi pemasaran. Reka bentuk yang berani dan inovatif membantu buku Indie menonjol di rak buku, menarik perhatian pembaca pada pandangan pertama, di samping mencerminkan elemen kreatif dan mesej yang terkandung dalam buku itu sendiri. Strategi pemasaran bagi sebuah penerbitan buku sangat penting bagi memperluaskan penyampaian buku kepada khalayak pembaca. Maka, buku Indie menggunakan semaksimum ruang yang ada bagi memperkenalkan buku Indie kepada pembaca.

b. Pemilihan ilustrasi dan reka letak

Ilustrasi dalam buku Indie sering kali bersifat eksperimental dan bertujuan untuk memperkuat naratif. Berbeza dengan buku arus perdana yang lebih menekankan pada teks, buku Indie sering menyertakan elemen visual seperti lukisan tangan, grafik digital, atau kolaj sebagai sebahagian daripada naratif. (Muhammad Faisal et al. 2018; Nor Hasimah, et al. 2018; Widjati Hartiningtyas 2023) sepakat menyatakan bahawa ilustrasi dalam buku Indie sering kali mencerminkan identiti budaya atau mesej yang mendalam, menjadikannya lebih daripada sekadar hiasan. Sebagai contoh, buku seperti *Menara Proletar* 2016 menggunakan ilustrasi kecil pada setiap halaman untuk menggambarkan tema-tema tertentu dalam cerita. Reka letak buku pula lebih fleksibel, dengan penggunaan margin yang tidak konvensional, tipografi khas, dan susunan teks yang bersifat bebas. Teknik ini digunakan untuk mencipta pengalaman membaca yang lebih dinamik dan interaktif, sekali gus membezakan buku Indie daripada penerbitan tradisional yang biasanya mengutamakan reka letak standard. Di samping itu, reka letak buku Indie lebih fleksibel dan bebas berbanding buku arus perdana yang mengutamakan susunan teks yang formal dan standard. Pendekatan ini memberikan pengalaman membaca yang lebih personal dan unik, sesuai dengan tema kebebasan yang menjadi asas penerbitan Indie. Buku arus perdana cenderung mengutamakan reka bentuk yang selamat dan sesuai untuk khalayak umum, sementara buku Indie lebih berani mengambil risiko dalam aspek visual. Sebagai contoh, buku arus perdana biasanya

menggunakan gambar stok atau ilustrasi yang dihasilkan secara profesional tetapi kurang menonjol dari segi kreativiti. Sebaliknya, buku Indie sering kali menggunakan seni asli atau grafik eksperimental yang mencerminkan identiti karya.

Tambahan pula, ilustrasi dalam buku Indie sering kali berfungsi sebagai medium visual untuk menyampaikan emosi atau tema yang tidak dapat dijelaskan sepenuhnya melalui teks. Sebagai contoh, buku-buku terbitan Dubook Press kerap menggunakan ilustrasi dengan gaya seni kontemporari yang mengandungi unsur simbolisme, seperti imej kota yang penuh warna untuk mencerminkan suasana urbanisme. Ilustrasi dalam buku Indie sering kali bersifat eksperimental dan tidak terikat kepada norma reka bentuk konvensional. Buku Indie menggunakan ilustrasi untuk memperkaya pengalaman pembaca, menggambarkan tema-tema yang kompleks, atau menyampaikan mesej tersirat yang sukar disampaikan melalui teks sahaja. Menurut kajian Muhammad Rashidi Wahab (2017), ilustrasi dalam buku Indie sering kali digunakan sebagai alat untuk mencipta hubungan emosi yang lebih mendalam antara pembaca dan karya. Ilustrasi ini bukan sahaja menyokong naratif tetapi juga menambah lapisan visual yang memperkayakan pengalaman membaca. Dalam konteks reka letak pula, buku Indie sering kali melanggar aturan standard seperti penggunaan margin tidak simetri, teks yang disusun secara bebas, atau kombinasi pelbagai fon. Teknik ini mencipta suasana visual yang dinamik, menjadikan setiap halaman unik dan menarik untuk diterokai. Berbanding dengan buku arus perdana, reka letak buku Indie lebih fleksibel dan kreatif. Buku arus perdana lazimnya menggunakan susunan teks yang seragam dan formal untuk memastikan keseragaman dan mudah di baca. Sebaliknya, buku Indie mengambil pendekatan berbeza dengan memanfaatkan ruang kosong, warna latar belakang, dan elemen grafik untuk mencipta reka letak yang mencerminkan tema cerita.

c. Pemilihan tajuk buku

Tajuk buku merupakan perkara pertama yang dilihat oleh pembaca. Tajuk buku yang dipamerkan seharusnya berjaya menjadi tarikan kepada pembaca berpotensi. Justeru itu, merujuk kepada buku-buku Indie yang berada dalam pasaran buku tempatan menunjukkan kebanyakan tajuk-tajuknya bersifat menarik, pelik dan unik serta kadangkala tajuk-tajuk tersebut turut juga mengundang kontroversi. Jadual 1

menyenaraikan beberapa contoh tajuk buku Indie hasil daripada pencarian menerusi katalog syarikat penerbitan Indie menerusi laman sesawang mereka. Semua tajuk yang digunakan ini menunjukkan bahawa pemilihan tajuk buku Indie seringkali menggunakan perkataan yang agak pelik dan unik serta di luar kotak. Inilah ciri-ciri seni penulisan buku Indie yang tiada dalam buku terbitan arus perdana. Menurut Nimoiz T.Y. (2016) penulis Indie tidak meletakkan estetika bahasa sebagai keutamaan mereka kerana elemen bahasa akan berubah setiap masa. Mereka menekankan aspek keaslian idea, kreativiti dan inovasi kerana hasilnya akan mampu memberi kepuasan intelek dan emosi yang akan terus kekal dalam jiwa pembaca.

Jadual 2.12 Antara senarai tajuk buku Indie

Bil	Penerbit	Tajuk Buku
1	Dubook	1. Media Setan 2. Nazi Goreng 3. Terima kasih si babi hutan
2.	Thukul Chetak	1. Agong Tanpa Tengkolok 2. Bercakap Dengan Al-Quran 3. Manifesto Komunis
3.	Lejen	1. Mampos 2. Awek Chuck Taylor 3. Cincang

Sumber : Muhammad Faisal & Lily 2017

Merujuk jadual di atas menunjukkan pemilihan tajuk dalam buku Indie adalah pendek, provokatif, dan penuh makna, menjadikannya daya tarikan utama dalam kalangan pembaca. Berbeza dengan buku arus perdana yang cenderung memilih tajuk yang deskriptif atau literal, tajuk buku Indie biasanya bersifat metafora atau simbolik. Menurut Noorda (2019) tajuk buku Indie berfungsi bukan sahaja sebagai penanda kandungan tetapi juga sebagai alat pemasaran yang kuat, menarik pembaca dengan satu pandangan. Contohnya, seperti tajuk *Awek Chuck Taylor* yang diterbitkan oleh Lejen Press Tajuk ini kedengarannya agak pelik bila disebut dan dibaca, tetapi itulah keunikannya. Bukan sahaja memperlihatkannya agak menarik tetapi juga membangkitkan rasa ingin tahu pembaca mengenai kandungan buku tersebut.

Selain itu, sebahagian buku Indie juga memilih tajuk yang agak radikal dan berani untuk ditonjolkan pada kulit buku mereka hingga boleh mengundang rasa teruja untuk membaca dan mengetahui isi kandungannya. Menurut Muhammad Rashidi Wahab (2017), tajuk buku Indie sering kali dirancang untuk mencerminkan tema besar dalam karya tersebut, kadangkala menggunakan tajuk yang bersifat ambiguiti sehingga mengundang rasa ingin tahu pembaca. Sebagai contoh, tajuk seperti *Awek Chuck Taylor* oleh Nami Cob Nobbler yang diterbitkan oleh Lejen Press, bukan sahaja menarik tetapi juga mencerminkan tema kebebasan dan budaya pop yang diketengahkan dalam buku tersebut. Selain itu, buku Indie kerap kali menggunakan tajuk yang mencabar norma budaya atau sosial, seperti *Nazi Goreng*, yang mencerminkan keberanian penerbit dan penulis Indie untuk mengupas tema-tema sensitif. Pendekatan ini tidak hanya menarik perhatian pembaca tetapi juga mencetuskan perbincangan yang lebih luas tentang isu-isu yang diketengahkan.

Penampilan fizikal buku Indie memainkan peranan penting dalam mencipta identiti unik dan membezakan buku ini daripada penerbitan arus perdana. Elemen seperti rekaan kulit buku, ilustrasi, reka letak, dan pemilihan tajuk bukan sahaja menjadi daya tarikan visual tetapi juga menyampaikan tema dan mesej karya secara efektif. Dengan pendekatan yang berani dan inovatif, buku Indie terus menarik perhatian pembaca, terutama generasi muda yang mencari naratif baharu dan segar. Walaupun menghadapi cabaran seperti kos penerbitan dan pengedaran, buku Indie berjaya menonjolkan dirinya sebagai medium ekspresi kreatif yang relevan dalam dunia penerbitan moden.

2.5.2 Kebebasan memilih kandungan

Kandungan buku Indie sering kali menjadi daya penarik utama yang membezakan penerbitan ini daripada buku konvensional. Dengan kebebasan dalam memilih tema, subjek, dan perspektif, buku Indie muncul sebagai medium untuk menyampaikan pandangan alternatif yang kadang kala mencabar norma masyarakat. Pendekatan ini membolehkan buku Indie memberi ruang kepada penulis untuk mengekspresikan kreativiti tanpa batasan, mencipta naratif yang segar, dan membuka ruang wacana yang lebih luas. Berbanding dengan buku konvensional yang sering kali terikat kepada

formula penerbitan tertentu, buku Indie mengutamakan keterbukaan dan kebebasan sebagai asas kandungannya.

a. Tema-tema niche dan tidak konvensional

Salah satu ciri menonjol buku Indie ialah fokusnya kepada tema-tema niche yang jarang disentuh oleh penerbit arus perdana. Buku Indie sering kali memilih subjek yang dianggap di luar norma, seperti isu seksualiti, identiti, marginalisasi sosial, atau kritik terhadap struktur kuasa. Tema-tema ini tidak hanya mencerminkan keberanian penerbitan Indie tetapi juga mengisi jurang dalam landskap penerbitan dengan menyediakan platform untuk suara-suara yang terpinggir. Menurut kajian oleh Mohd Faisal Ashaari et al. (2020), buku-buku seperti *Antithesis* oleh Benz Ali dan *Aku, Maka Aku Ada* oleh Faisal Tehrani mengetengahkan tema pluralisme agama, yang dianggap sensitif tetapi relevan dalam masyarakat pelbagai budaya seperti Malaysia. Dalam *Antithesis*, penulis menggunakan dialog dan naratif untuk mengupas persoalan keuniversalan agama dan kesamarataan dalam konteks kemanusiaan. Pendekatan ini mencabar pembaca untuk berfikir secara kritikal tentang isu agama dan toleransi, yang sering kali diabaikan oleh penerbit arus perdana kerana kebimbangan terhadap kontroversi.

Selain itu, tema niche seperti feminisme juga kerap diketengahkan dalam buku Indie. Sebagai contoh, karya-karya yang diterbitkan oleh Lejen Press sering kali mengangkat persoalan hak wanita dan peranan gender dalam masyarakat. Tema-tema ini tidak hanya mempromosikan kesedaran tetapi juga mencetuskan perbincangan dalam kalangan pembaca muda, yang menjadi segmen pembaca utama buku Indie.

b. Kebebasan memilih subjek dan perspektif

Sifat bebas buku Indie memberikan penulis kuasa penuh untuk memilih subjek yang mereka rasakan penting atau relevan, tanpa perlu mematuhi garis panduan penerbitan yang ketat. Kebebasan ini membolehkan penulis bereksperimen dengan pelbagai genre dan gaya, mencipta naratif yang lebih peribadi dan dekat dengan kehidupan pembaca. Kajian oleh Sim (2019) menegaskan bahawa penerbitan Indie membuka ruang untuk penulis mengutarakan pandangan yang lebih radikal dan alternatif, menjadikannya

sebagai medium penting untuk ekspresi bebas. Sebagai contoh, buku seperti *Kelabu* oleh Nadia Khan menggunakan perspektif watak utama untuk menggambarkan konflik dalaman yang kompleks. Penulis memanfaatkan kebebasan ini untuk meneroka isu-isu seperti moral, keagamaan, dan hubungan interpersonal dengan pendekatan naratif yang tidak linear. Berbeza dengan buku konvensional yang sering kali memilih struktur naratif yang lebih tradisional, buku Indie berani mencuba struktur yang lebih dinamik dan eksperimental.

Kebebasan perspektif ini juga memberikan penulis ruang untuk mencipta watak-watak yang tidak stereotaip. Dalam karya seperti *Awek Chuck Taylor*, watak utama digambarkan sebagai individu yang melawan norma masyarakat, mencerminkan aspirasi dan kebimbangan generasi muda. Pendekatan ini menjadikan buku Indie lebih relevan kepada pembaca muda yang mencari naratif yang mencerminkan realiti kehidupan mereka. Pendekatan ini menjadikan buku Indie sebagai medium untuk membangkitkan kesedaran dalam kalangan pembaca muda. Kandungan yang bebas daripada sekatan penerbit tradisional memberikan kebebasan kepada penulis untuk meneroka subjek-subjek yang kompleks dan berlapis, sekali gus menjadikan buku Indie sebagai saluran penting untuk wacana intelektual kontemporari.

c. Nilai alternatif dalam isi kandungan

Kandungan buku Indie sering kali membawa nilai alternatif yang mencerminkan pandangan dunia penulisnya. Nilai ini merangkumi kebebasan, kesamarataan, toleransi, dan realisme, yang sering kali bercanggah dengan nilai tradisional yang dipegang oleh masyarakat arus perdana. Menurut Muhammad Atiullah, Nadarajan, dan Siti (2018), buku Indie kerap kali menggunakan pendekatan realistik untuk mengupas isu-isu semasa, seperti tekanan sosial, ketidakadilan, dan marginalisasi. Sebagai contoh, buku-buku terbitan Dubook Press sering kali mengangkat isu-isu sosial seperti korupsi dan ketidakseimbangan kuasa dalam masyarakat. Buku seperti *Ngeri* dan *Pecah* tidak hanya menyampaikan naratif yang menarik tetapi juga mencabar pembaca untuk merenung isu-isu yang relevan dalam kehidupan seharian. Nilai alternatif ini menjadikan buku Indie sebagai medium untuk mendidik dan menggalakkan perbincangan yang lebih mendalam dalam kalangan pembaca.

Selain itu, elemen nilai alternatif ini juga dapat dilihat dalam pendekatan buku Indie terhadap isu-isu global. Buku seperti *Aku_, maka aku ada* oleh Faizal Tehrani mengupas isu-isu antarabangsa seperti penindasan dan kebebasan, memberikan perspektif baharu kepada pembaca Malaysia tentang isu-isu yang melangkaui sempadan negara. Pendekatan ini tidak hanya memperkayakan naratif tetapi juga membantu membentuk pembaca yang lebih berfikiran terbuka dan kritikal.

Salah satu ciri utama buku Indie ialah keberaniannya mengetengahkan tema-tema yang dianggap tabu atau kurang popular dalam penerbitan arus perdana. Buku seperti *Awek Chuck Taylor* oleh Nami Cob Nobbler dan *Kelabu* oleh Nadia Khan mencerminkan gaya penulisan yang lebih santai tetapi sarat dengan mesej sosial. Menurut Asyraff & Mary Fatimah (2019) buku Indie sering kali membawa mesej yang mencabar norma budaya dan memberi perspektif baharu terhadap isu seperti identiti, politik, dan agama.

Berbanding dengan buku konvensional, buku Indie menawarkan kandungan yang lebih dinamik dan pelbagai. Buku konvensional sering kali memilih tema-tema yang selamat dan sesuai untuk pasaran yang lebih luas, sementara buku Indie berani mengetengahkan isu-isu yang dianggap sensitif atau kontroversial. Sebagai contoh, buku konvensional cenderung untuk mengelak daripada isu-isu seperti seksualiti atau pluralisme agama, tetapi buku Indie seperti *Antithesis* dan *Aku, Maka Aku Ada* berani membincangkan isu-isu ini secara terbuka. Tambahan pula, buku konvensional sering kali mematuhi struktur naratif yang ketat, dengan fokus kepada mudah dibaca dan keseragaman. Sebaliknya, buku Indie menggunakan gaya yang lebih bebas dan eksperimen, yang memberikan pengalaman membaca yang lebih dinamik kepada pembaca. Pendekatan ini mencerminkan semangat penerbitan Indie untuk mencipta ruang baharu dalam landskap penerbitan moden.

Kandungan buku Indie yang berfokus kepada tema-tema *niche* dan nilai alternatif telah mencipta identiti unik yang membezakannya daripada buku konvensional. Dengan kebebasan dalam memilih subjek dan perspektif, buku Indie tidak hanya menarik perhatian pembaca tetapi juga membantu mencipta wacana baharu yang lebih inklusif dan kritikal. Walaupun menghadapi cabaran seperti kritikan

terhadap kandungan yang dianggap kontroversial, penerbitan Indie tetap relevan sebagai medium penting untuk ekspresi kreatif dan perubahan sosial. Sebagai simbol kebebasan dan keberanian, buku Indie terus memainkan peranan penting dalam memperkayakan landskap sastera moden.

2.5.3 Cara penyampaian kepada khalayak

Buku Indie telah berjaya mencipta identiti unik bukan sahaja melalui kandungan dan tema tetapi juga dalam cara ia disampaikan kepada khalayak pembaca. Kecanggihan teknologi masa kini telah banyak membantu penyampaian buku Indie kepada khalayak pembaca. Dalam dunia penerbitan moden, di mana persaingan semakin sengit, penerbit dan penulis Indie menggunakan pendekatan kreatif untuk memasarkan karya mereka, termasuk media sosial, acara literasi, dan penggunaan gaya bahasa serta istilah yang unik. Kepelbagaian medium penyampaian ini. Keunikan ini bukan sahaja menarik minat generasi muda tetapi juga membezakan buku Indie daripada penerbitan arus perdana yang lebih konservatif dan konvensional. Dalam penulisan ini, perincian diberikan kepada strategi pemasaran yang kreatif dan penggunaan gaya bahasa serta istilah yang rare, yang menjadi elemen penting dalam cara buku Indie disampaikan kepada pembaca.

a. Strategi pemasaran kreatif

Penggunaan media sosial oleh penerbit dan penulis Indie telah merevolusikan cara buku dipasarkan. Tidak seperti penerbitan arus perdana yang mengutamakan saluran pemasaran tradisional seperti iklan di media cetak atau promosi melalui kedai buku, penerbit Indie memanfaatkan sepenuhnya platform digital untuk menjangkau khalayak. Media sosial seperti Instagram, Facebook, dan Twitter bukan sahaja menjadi alat pemasaran tetapi juga ruang interaksi langsung antara penulis, penerbit, dan pembaca. Sim (2019) menegaskan bahawa media sosial memberikan kelebihan kepada penerbit Indie untuk berkomunikasi secara lebih personal dengan pembaca, mencipta hubungan yang lebih erat dan autentik.

Sebagai contoh, penerbit seperti Fixi dan Dubook Press kerap memuat naik ulasan buku, mempromosikan pelancaran karya baharu, dan berkongsi cerita di sebalik

penerbitan. Pendekatan ini memberikan pembaca akses eksklusif kepada proses kreatif dan menimbulkan rasa keterlibatan yang lebih mendalam. Dalam sesetengah kes, media sosial juga digunakan untuk menjalankan kajian pasaran secara tidak formal, di mana penerbit meminta maklum balas daripada pembaca mengenai tema, kulit buku, atau gaya penulisan yang mereka sukai. Hal ini bukan sahaja meningkatkan daya saing penerbit Indie tetapi juga memperkuat hubungan dengan pembaca, yang melihat diri mereka sebagai sebahagian daripada komuniti literasi yang berkembang.

Dari segi ekonomi dan pemasaran, perniagaan Indie biasanya beroperasi secara kecil-kecilan dan menggunakan strategi pemasaran alternatif seperti acara komuniti dan media sosial. Penulis Indie biasanya bergantung pada platform seperti Facebook dan Instagram untuk mempromosikan karya mereka, yang membolehkan mereka membina hubungan langsung dengan pembaca. Menurut Muha Febriansyah (2017), imej *cool* yang dikaitkan dengan gerakan ini sering menarik perhatian penerbitan Indie. Buku-buku Indie biasanya dilihat sebagai tanda penentangan terhadap konvensyen dan sistem penerbitan konvensional. Untuk menarik pembaca muda yang ingin kelihatan berbeza atau "bersifat rebel, penerbitan seperti Fixi dan Lejen Press menggunakan strategi pemasaran kreatif yang menonjolkan identiti Indie mereka. Penerbitan Indie dianggap sebagai alternatif yang bebas dan segar, tetapi ia menghadapi masalah seperti pengurusan kualiti dan kesinambungan dalam pasaran yang kompetitif. Penerbitan Indie di Malaysia telah menunjukkan bahawa ia mempunyai keupayaan untuk berfungsi sebagai penerbitan arus perdana dengan memberikan ruang kepada suara-suara yang sebelum ini tidak didengari.

b. Acara literasi

Selain media sosial, acara literasi seperti pesta buku alternatif, jerayawara, dan sesi baca buku di kafe atau ruang seni turut memainkan peranan penting dalam mempromosikan buku Indie. Berbeza dengan pelancaran buku arus perdana yang lebih formal, acara literasi buku Indie sering kali bersifat santai dan mesra, membolehkan pembaca berinteraksi secara langsung dengan penulis dan penerbit. Menurut Siti Norfazirah et al. (2020), acara seperti ini bukan sahaja membantu mempopularkan buku Indie tetapi juga membina komuniti pembaca yang inklusif dan dinamik.

Sebagai contoh, Pesta Buku Alternatif di Kuala Lumpur menarik ribuan pembaca setiap tahun, yang datang bukan sahaja untuk membeli buku tetapi juga untuk menyertai perbincangan panel, bengkel kreatif, dan persembahan seni. Acara seperti ini mencipta suasana yang merangsang, di mana pembaca boleh berbincang secara mendalam tentang tema-tema dalam buku Indie, mendapatkan tandatangan daripada penulis, dan bahkan bertukar pandangan dengan pembaca lain. Tambahan pula, jerayawara yang dianjurkan oleh penerbit seperti Lejen Press melibatkan kunjungan ke universiti dan kolej, menjadikan buku Indie lebih mudah dicapai oleh golongan muda yang mungkin tidak berpeluang menghadiri pesta buku besar.

Pendekatan ini jelas berbeza dengan strategi pemasaran buku konvensional yang lebih berfokus kepada jualan di kedai buku besar dan iklan di media cetak. Buku Indie, dengan kehadirannya yang kuat dalam ruang interaksi langsung ini, menunjukkan bagaimana ia memanfaatkan kekurangan struktur tradisional untuk membentuk pendekatan baharu yang lebih fleksibel dan dinamik. Dengan peningkatan sokongan terhadap buku Indie, termasuk melalui acara seperti pesta buku alternatif dan jerayawara, penerbitan ini terus memperkukuhkan kedudukannya sebagai elemen penting dalam landskap sastera moden Malaysia.

c. Pengedaran dan pemasaran bebas

Buku Indie juga menonjol dari segi pengedaran dan pemasaran. Berbanding dengan penerbitan arus perdana yang bergantung kepada rangkaian kedai buku besar, penerbit Indie memanfaatkan platform digital seperti media sosial dan laman e-dagang. Noorda (2019) mencatatkan bahawa pendekatan ini membolehkan buku Indie mencapai pembaca di luar kawasan bandar besar tanpa kos tinggi.

Strategi pemasaran ini memberikan fleksibiliti kepada penerbit untuk menyesuaikan promosi dengan khalayak sasaran mereka. Selain itu, penggunaan media sosial juga membolehkan pembaca berinteraksi secara langsung dengan penulis, mewujudkan komuniti pembaca yang lebih inklusif dan interaktif. Strategi pemasaran untuk buku konvensional sering kali melibatkan pengedaran melalui kedai buku besar, iklan di media cetak, dan ulasan dalam penerbitan arus perdana. Buku Indie, sebaliknya, memanfaatkan media sosial dan acara literasi untuk menjangkau pembaca secara

langsung. Pendekatan ini tidak hanya meningkatkan keberkesanan pemasaran tetapi juga mencipta hubungan yang lebih erat antara penulis dan pembaca.

Penerbitan buku Indie adalah sebuah pendekatan unik dan fleksibel yang memberikan kebebasan kepada penulis untuk mengekspresikan kreativiti mereka tanpa sekatan yang lazim ditemui dalam penerbitan arus perdana. Proses ini bermula dari penyediaan manuskrip sehingga buku diterbitkan dan sampai kepada pembaca, melalui beberapa peringkat yang saling melengkapi. Dalam penerbitan Indie, elemen kreativiti, teknologi, dan sokongan komuniti memainkan peranan penting dalam memastikan kejayaan sesebuah karya.

Proses penerbitan buku Indie bermula dengan penyediaan manuskrip, iaitu peringkat asas di mana penulis menghasilkan kandungan buku. Penulis menyelesaikan draf awal manuskrip yang mungkin berbentuk novel, cerpen, puisi, atau esei. Dalam penerbitan Indie, gaya penulisan yang digunakan sering kali bersifat unik dan eksperimental, seperti penggunaan bahasa slanga, naratif bukan linear, atau dialog yang lebih berani. Selain itu, penulis biasanya melakukan penyuntingan awal secara sendiri atau mendapatkan pandangan daripada rakan penulis sebelum manuskrip diserahkan untuk penyuntingan profesional.

Langkah kedua dalam proses ini adalah penilaian dan penyuntingan manuskrip. Penyuntingan profesional menjadi keutamaan untuk memastikan kualiti manuskrip berada pada tahap terbaik. Proses ini melibatkan pembetulan tatabahasa, penyusunan struktur naratif, dan penambahbaikan gaya penulisan. Berbeza dengan penerbitan arus perdana, penulis dalam penerbitan Indie sering terlibat secara langsung dalam proses penyuntingan, menjadikannya satu kolaborasi kreatif yang memberi ruang kepada penulis untuk mempertahankan identiti dan visi karya mereka.

Setelah manuskrip siap, fokus seterusnya adalah pada reka bentuk dan penyusunan dalaman buku. Susunan teks perlu memastikan format buku mematuhi standard penerbitan, termasuk pemilihan fon, margin, dan reka letak. Reka bentuk kulit buku menjadi elemen penting dalam menarik perhatian pembaca, terutama dalam konteks penerbitan Indie yang sering menampilkan kulit buku yang kreatif dan

simbolik, dengan elemen minimalis atau ilustrasi seni. Selain itu, penerbit Indie turut menentukan format buku, sama ada dalam bentuk fizikal, digital, atau kedua-duanya, berdasarkan bajet dan keperluan pasaran.

Seterusnya, proses percetakan memainkan peranan penting dalam menghasilkan buku untuk pembaca. Penerbit Indie sering memilih percetakan tradisional dalam kuantiti kecil untuk mengawal kos. Alternatif lain yang semakin popular adalah teknologi cetak mengikut permintaan atau *print-on-demand* (POD), di mana buku hanya dicetak apabila ada pesanan. Teknologi ini bukan sahaja menjimatkan kos, malah mengurangkan risiko kerugian inventori. Penerbitan Indie juga sering menggunakan perkhidmatan percetakan digital yang lebih fleksibel dan berdaya saing berbanding percetakan secara tradisional.

Proses penerbitan Indie tidak lengkap tanpa strategi pemasaran dan promosi yang efektif. Penulis dan penerbit Indie cenderung menggunakan pendekatan kreatif untuk mempromosikan buku mereka. Media sosial seperti Facebook, Instagram, dan Twitter menjadi saluran utama bagi penulis untuk memperkenalkan karya mereka kepada khalayak. Selain itu, acara komuniti seperti pelancaran buku, sesi bual bicara, dan bazar buku memberikan peluang kepada penulis untuk berinteraksi secara langsung dengan pembaca. Kerjasama antara penulis atau kolektif penerbitan juga menjadi strategi popular untuk memperluas capaian pemasaran.

Akhirnya, buku yang diterbitkan perlu melalui proses pengedaran untuk sampai kepada pembaca. Dalam penerbitan Indie, pengedaran sering dilakukan melalui platform dalam talian seperti *Shopee*, *Lazada*, atau laman web penerbit. Selain itu, jualan langsung oleh penulis melalui media sosial atau acara buku juga merupakan cara yang efektif. Beberapa kedai buku bebas turut menyediakan ruang untuk menjual buku-buku Indie, memberikan peluang kepada penerbit untuk mencapai pembaca secara lebih meluas.

2.5.4 Penggunaan gaya bahasa dan istilah yang rare

Salah satu elemen yang paling membezakan buku Indie daripada buku konvensional ialah gaya bahasa yang digunakan. Buku Indie menggunakan gaya bahasa yang santai,

kontemporari, dan sering kali dekat dengan kehidupan harian pembaca. Pendekatan ini menjadikannya lebih relevan kepada generasi muda, yang mencari naratif yang mencerminkan pengalaman mereka. Kajian oleh Muhammad Atiullah et al. (2018) menunjukkan bahawa gaya bahasa yang digunakan dalam buku Indie memberikan pembaca rasa kebersamaan, di mana mereka dapat melihat diri mereka dalam cerita yang disampaikan. Sebagai contoh, buku seperti *Awek Chuck Taylor* oleh Nami Cob Nobbler menggunakan dialog yang penuh dengan slang tempatan, bahasa rojak, dan istilah budaya pop. Pendekatan ini mencipta suasana yang autentik, di mana pembaca merasakan bahawa mereka membaca kisah tentang diri mereka sendiri atau rakan mereka. Tambahan pula, penggunaan bahasa yang tidak formal ini memudahkan penyampaian tema-tema kompleks seperti identiti, hubungan interpersonal, dan cabaran kehidupan moden, menjadikannya lebih mudah diakses oleh pembaca muda. Berbeza dengan buku konvensional yang cenderung menggunakan bahasa yang lebih formal dan serius, gaya bahasa dalam buku Indie lebih bebas dan fleksibel. Hal ini memberikan penulis kebebasan untuk bereksperimen dengan struktur ayat, metafora, dan dialog, mencipta naratif yang lebih dinamik dan menarik.

Ciri kedua buku Indie ialah gaya bahasa yang lebih santai dan mendekati pembaca, terutamanya golongan muda. Buku Indie menggunakan bahasa harian yang lebih mudah difahami tetapi tetap berkesan dalam menyampaikan mesej yang mendalam. Menurut kajian oleh Muhammad Rashidi (2017), pendekatan ini menjadikan buku Indie lebih relevan kepada pembaca moden yang sering kali mencari naratif segar dan berbeza daripada gaya formal arus perdana. Sebagai contoh, karya-karya terbitan Lejen Press dan Dubook Press sering kali menggunakan dialog yang bersifat spontan dan bahasa percakapan yang dekat dengan pembaca. Gaya ini tidak hanya memudahkan pembaca memahami cerita tetapi juga mencipta hubungan emosional yang lebih erat antara penulis dan pembaca.

Selain gaya bahasa, buku Indie juga terkenal dengan penggunaan istilah yang rare dan provokatif. Istilah-istilah ini sering kali mencerminkan tema atau mesej besar dalam buku, menjadikannya lebih berkesan sebagai alat naratif. Sebagai contoh, tajuk seperti *Nazi Goreng* oleh Marco Ferrarese menggunakan istilah yang provokatif untuk mencerminkan tema perkauman dan globalisasi dalam cerita. Pendekatan ini

memberikan impak visual dan intelektual kepada pembaca, menarik perhatian mereka kepada isu-isu yang mungkin mereka abaikan dalam kehidupan seharian.

Di samping itu, istilah-istilah yang digunakan dalam buku Indie sering kali diambil daripada budaya sub-kultur atau bahasa tempatan, yang menjadikannya lebih dekat dengan pembaca muda. Sebagai contoh, istilah-istilah yang digunakan dalam buku-buku terbitan Dubook Press sering kali merujuk kepada elemen-elemen budaya urban seperti muzik, fesyen, dan gaya hidup. Penggunaan istilah ini tidak hanya menambah nilai estetika kepada buku tetapi juga membantu mencipta identiti unik yang membezakan buku Indie daripada buku konvensional.

Berbanding dengan buku konvensional, buku Indie menawarkan pendekatan yang lebih dinamik dan inovatif dalam cara penyampaiannya kepada pembaca. Buku konvensional cenderung untuk mematuhi struktur pemasaran dan penyampaian yang formal, dengan fokus kepada mudah dibaca dan keseragaman. Sebaliknya, buku Indie menggunakan pendekatan yang lebih bebas dan kreatif, memberikan pengalaman yang lebih personal kepada pembaca.

Penulisan Indie membolehkan penulis menyuarakan idea dan pandangan yang mungkin tidak diterima dalam kerangka arus perdana. Penerbitan Indie telah mendapat tempat di kalangan pembaca muda Malaysia yang berminat dengan teknik penulisan baharu dan alternatif. Buku-buku Indie biasanya dikaitkan dengan kebebasan ekspresi dan keberanian menentang kebiasaan. Muhammad Atiullah et al. (2018) menyatakan bahawa buku-buku Indie biasanya mengandungi elemen post-modernisme dan eksistensialisme, dengan penekanan pada kebebasan individu, sikap melawan arus, dan persoalan identiti. Untuk menarik pembaca, penulis Indie sering menggunakan bahasa biasa atau slanga daripada gaya penulisan formal.

Cara penyampaian buku Indie kepada pembaca mencerminkan kreativiti, fleksibiliti, dan keberanian penerbitan ini untuk mencabar norma. Dengan memanfaatkan strategi pemasaran kreatif dan penggunaan gaya bahasa serta istilah yang *rare* atau yang jarang dijumpai, buku Indie telah mencipta identiti unik yang menarik perhatian pembaca muda. Berbanding dengan buku konvensional, pendekatan

ini memberikan buku Indie kelebihan untuk membentuk hubungan yang lebih erat dengan pembaca, menjadikannya medium yang relevan dan berkesan dalam memperkayakan budaya membaca di Malaysia. Keunikan ini terus menjadikan buku Indie sebagai elemen penting dalam landskap penerbitan moden.

2.5.5 Pembinaan imej anti perdana dan melawan

Buku Indie telah mencipta ruang tersendiri dalam dunia penerbitan dengan menawarkan lebih daripada sekadar bahan bacaan. Ia membawa sebuah gerakan budaya yang membina imej rare (unik), rebel (memberontak), dan melawan norma sedia ada. Buku Indie tidak hanya mencabar status quo penerbitan tradisional tetapi juga mengangkat suara alternatif yang sering diketepikan dalam penerbitan arus perdana. Melalui kandungan, pendekatan visual, serta tema yang diangkat, buku Indie menjadi simbol kebebasan kreatif yang berani, yang relevan kepada generasi pembaca moden. Penulisan ini akan memperincikan bagaimana buku Indie membina imej tersebut dengan huraian mendalam dan contoh-contoh nyata.

a. Membina imej rare atau unik sebagai identiti

Keunikan atau rare adalah elemen yang paling mencirikan buku Indie. Berbanding dengan buku konvensional yang cenderung mengikut pola penerbitan yang standard, buku Indie menonjolkan elemen-elemen luar biasa, baik dari segi kandungan mahupun reka bentuk fizikal. Menurut kajian oleh Sim (2019), imej rare ini dicipta melalui fokus kepada tema-tema yang tidak konvensional dan pendekatan estetik yang unik. Sebagai contoh, kulit buku terbitan Fixi seperti *Ngeri* dan *Pecah* menggunakan rekaan minimalis tetapi provokatif, menonjolkan tipografi berani dengan warna kontras yang menarik perhatian. Reka bentuk ini bukan sahaja berfungsi sebagai elemen pemasaran tetapi juga menyampaikan identiti buku itu sendiri sebagai sesuatu yang berbeza daripada norma. Imej rare ini juga diperkuatkan oleh penggunaan gaya bahasa yang tidak formal dan istilah yang luar biasa, yang mencerminkan realiti kehidupan pembaca muda.

Selain itu, buku Indie sering kali menggunakan tajuk yang tidak lazim untuk menarik perhatian. Tajuk seperti *Awek Chuck Taylor* dan *Nazi Goreng* adalah contoh bagaimana buku Indie mencipta rasa ingin tahu pembaca melalui elemen rare ini.

Pendekatan ini berbeza daripada buku konvensional yang lazimnya menggunakan tajuk yang literal dan deskriptif.

b. Membina imej rebel memberontak terhadap norma

Imej rebel atau pemberontakan yang dimiliki buku Indie bukan sekadar gaya tetapi juga intipati kandungannya. Buku Indie sering kali mencabar norma-norma budaya, sosial, dan politik dengan berani mengetengahkan isu-isu yang dianggap tabu atau sensitif. Menurut kajian oleh Muhammad Faisal et al. (2020), penerbitan Indie kerap kali berfungsi sebagai platform untuk menyuarakan pandangan kritis terhadap struktur kuasa yang wujud dalam masyarakat.

Sebagai contoh, karya seperti *Antithesis* oleh Benz Ali mengupas tema agama dan pluralisme dengan cara yang provokatif, mencabar naratif arus perdana yang sering kali homogen. Penulis menggunakan naratif ini untuk menggambarkan perspektif yang lebih inklusif dan menekankan pentingnya dialog antara agama. Buku seperti ini menjadi simbol pemberontakan terhadap norma penerbitan arus perdana yang mengelak daripada tema kontroversial.

Selain itu, pendekatan rebel buku Indie juga dapat dilihat dalam gaya naratifnya. Tidak seperti buku konvensional yang biasanya mengikut struktur naratif tradisional, buku Indie sering kali bereksperimen dengan format, susunan bab, dan gaya penceritaan. Sebagai contoh, buku seperti *Kelabu* oleh Nadia Khan menggunakan struktur cerita yang tidak linear untuk mencerminkan konflik emosi watak utama. Teknik ini memberikan pembaca pengalaman membaca yang unik dan mencerminkan kebebasan kreatif penerbitan Indie.

c. Membina imej melawan naratif dan wacana alternatif

Imej melawan dalam buku Indie tidak hanya merujuk kepada gaya tetapi juga naratif dan wacana yang diketengahkan. Buku Indie sering kali digunakan sebagai medium untuk menyuarakan pandangan alternatif yang tidak mendapat tempat dalam penerbitan arus perdana. Pendekatan ini bukan sahaja memberikan suara kepada golongan terpinggir tetapi juga mencetuskan wacana kritikal dalam kalangan pembaca. Menurut

kajian oleh Muhammad Atiullah et al. (2018), buku Indie kerap kali membawa naratif yang realistik dan kritikal terhadap isu-isu semasa, seperti ketidakadilan sosial, marginalisasi, dan korupsi. Sebagai contoh, buku-buku terbitan Dubook Press seperti *Ngeri* dan *Pecah* mengupas isu korupsi dalam sistem keadilan dengan cara yang mendalam tetapi mudah difahami. Buku seperti ini mencerminkan keberanian penulis Indie untuk membincangkan isu-isu yang sering kali diabaikan oleh penerbit konvensional.

Selain itu, imej melawan ini juga dapat dilihat dalam cara buku Indie memanfaatkan teknologi digital untuk mencabar monopoli penerbitan tradisional. Dengan memanfaatkan platform seperti media sosial dan laman web e-dagang, penerbit Indie berjaya menembusi pasaran tanpa bergantung kepada saluran tradisional. Sim (2019) menyatakan bahawa pendekatan ini bukan sahaja meningkatkan kebolehpasaran buku Indie tetapi juga mengubah dinamik industri penerbitan.

Berbanding dengan buku konvensional, buku Indie menawarkan pendekatan yang lebih bebas dan kreatif dalam membina imejnya. Buku konvensional cenderung mengikuti pola penerbitan yang selamat, baik dari segi kandungan mahupun pemasaran. Sebagai contoh, buku konvensional biasanya mengelak daripada tema kontroversial atau gaya naratif yang eksperimental untuk memastikan kebolehpasaran yang lebih luas. Sebaliknya, buku Indie berani mengambil risiko dengan menentang tema-tema yang tidak popular tetapi relevan kepada pembaca tertentu.

Dari sudut visual, buku konvensional biasanya menggunakan reka bentuk yang lebih formal dan tradisional, berbanding buku Indie yang menggunakan pendekatan yang lebih provokatif dan eksperimental. Tambahan pula, strategi pemasaran buku konvensional sering kali melibatkan saluran tradisional seperti kedai buku besar dan ulasan di media arus perdana, sementara buku Indie memanfaatkan media sosial dan acara literasi untuk mencipta hubungan langsung dengan pembaca.

2.6 TEORI ANALISIS WACANA KRITIS NORMAN FAIRCLOUGH

Topik ini akan menjelaskan tentang Teori analisis wacana.. Kegunaan teori ini adalah penting bagi digunakan sebagai panduan dan rujukan untuk pengkaji membina

parameter yang diaplikasikan untuk menganalisis gaya penulisan dan tema kandungan yang terdapat pada buku Indie.

2.6.1 Teori Analisis Wacana Kritis Norman Fairclough

Teori Analisis Wacana Kritis (AWK) yang diasaskan oleh Norman Fairclough (1992, 1995, 2003) merupakan salah satu kerangka penting dalam memahami hubungan antara bahasa, kuasa dan ideologi dalam sesuatu wacana sosial. Menurut Fairclough, bahasa tidak bersifat neutral; sebaliknya, ia merupakan satu bentuk amalan sosial (*social practice*) yang dapat mencerminkan dan membentuk struktur sosial serta nilai-nilai budaya yang wujud dalam masyarakat. Melalui teori ini, bahasa dilihat sebagai alat ideologi yang mampu mengekalkan, mencabar, atau mengubah struktur kuasa dan pemikiran sosial tertentu.

Fairclough mengemukakan model analisis wacana tiga dimensi yang terdiri daripada (i) analisis teks (*textual analysis*), (ii) amalan wacana (*discursive practice*), dan (iii) amalan sosial (*social practice*). Analisis teks meneliti ciri linguistik seperti kosa kata, struktur sintaksis, metafora, simbol dan gaya penulisan yang digunakan untuk membina makna dalam teks. Amalan wacana pula melibatkan proses penghasilan, pengedaran, dan penerimaan teks, termasuk cara pembaca menafsir dan menghayati sesuatu teks dalam konteks budaya dan sosialnya. Amalan sosial merujuk kepada dimensi yang paling luas iaitu bagaimana teks dan wacana berkait dengan ideologi, nilai, sistem sosial dan kuasa dalam masyarakat.

Model ini membolehkan penyelidik menelusuri lapisan makna yang terkandung dalam bahasa, dari aspek mikro linguistik sehingga kepada aspek makro sosial dan ideologi. Maka, teori Fairclough(1992) amat sesuai untuk digunakan dalam kajian yang meneliti pertembungan antara wacana bahasa dengan konteks sosial yang kompleks, seperti wacana keagamaan, politik, dan budaya popular.

2.6.2 Aplikasi teori Fairclough dalam kajian buku Indie

Pemilihan Teori Analisis Wacana Kritis Fairclough dalam kajian ini adalah berasaskan kesesuaiannya dalam meneliti teks sastra dan budaya yang mengandungi unsur


ideologi tersirat. Kajian ini memberi tumpuan kepada buku-buku Indie di Malaysia, iaitu penerbitan alternatif yang menonjolkan nilai kebebasan ekspresi dan pandangan yang sering berbeza daripada arus perdana. Buku Indie biasanya dihasilkan dalam suasana yang lebih bebas, tanpa tapisan ketat institusi agama atau penerbit rasmi, dan oleh itu menjadi medan untuk menyalurkan wacana yang bersifat progresif, kritikal, atau liberal terhadap isu-isu keagamaan dan sosial.

Dalam konteks ini, teori Fairclough diaplikasikan bagi meneliti bagaimana pemikiran Islam liberal dimanifestasikan melalui penggunaan bahasa, gaya penulisan, serta strategi wacana yang digunakan oleh penulis Indie. Pada peringkat analisis teks, penyelidik meneliti pilihan diksi, naratif, simbol, dan retorik yang menggambarkan pandangan keagamaan atau moral penulis. Pada peringkat amalan wacana, penyelidik menelusuri bagaimana teks-teks tersebut dihasilkan dan diterima oleh komuniti pembaca Indie yang cenderung kepada pemikiran terbuka dan kritikal terhadap autoriti agama. Akhirnya, pada peringkat amalan sosial, penyelidik mengaitkan penemuan ini dengan fenomena sosial yang lebih luas seperti kebebasan bersuara, pluralisme agama, dan arus liberalisme yang semakin berkembang dalam masyarakat Malaysia kontemporari.

Pendekatan ini membolehkan kajian ini tidak hanya melihat teks sebagai bahan bacaan, tetapi juga sebagai alat wacana ideologi yang berfungsi untuk membina makna, membentuk persepsi, dan mencabar struktur kuasa keagamaan. Maka, teori Fairclough bukan sahaja berperanan untuk meneliti struktur linguistik, tetapi juga memberi kefahaman tentang proses sosio-ideologi yang mendasari penghasilan wacana dalam penulisan Indie.

2.6.3 Kerangka teori kajian

Berdasarkan teori Fairclough, kajian ini membentuk satu kerangka teori yang menggambarkan proses analisis tiga dimensi terhadap buku-buku Indie yang dikaji. Proses ini melibatkan analisis yang bermula daripada peringkat mikro (teks), beralih ke peringkat pertengahan (amalan wacana), dan akhirnya kepada peringkat makro (amalan sosial). Kerangka ini digambarkan menerusi rajah di bawah;



Rajah 2.2 Kerangka teori kajian

Sumber : Diadaptasi dari Teori Analisis Wacana Kritis Fairclough 1992

- i. Peringkat Analisis Teks (*Textual Analysis*): Meneliti struktur linguistik, gaya penulisan, simbolisme dan retorik yang digunakan oleh penulis Indie untuk menyampaikan mesej, membina identiti penulis, dan mengekspresikan pandangan mereka terhadap agama dan masyarakat
- ii. Peringkat Amalan Wacana (*Discursive Practice*): Menganalisis bagaimana karya Indie dihasilkan, diedarkan, dan diterima oleh pembaca dalam konteks penerbitan alternatif. Peringkat ini juga meneliti jaringan intertekstualiti antara buku Indie, media sosial, dan wacana budaya popular yang mempengaruhi pembentukan makna.
- iii. Peringkat Amalan Sosial (*Social Practice*): Mengaitkan hasil analisis teks dan amalan wacana dengan struktur sosial dan ideologi yang lebih luas, termasuk pengaruh pemikiran Islam liberal, wacana kebebasan berfikir, dan peranan penerbitan Indie sebagai wadah untuk mengekspresikan pandangan alternatif terhadap agama dan masyarakat.

2.7 SOROTAN KAJIAN LEPAS

Subtopik ini akan membincangkan tentang sorotan kajian lepas. Terdapat 3 fokus utama dalam perbincangan iaitu sorotan kajian mengenai Islam liberal, seterusnya tentang kajian buku Indie dan akhirnya mengenai pemikiran Islam liberal dalam buku Indie.

2.7.1 Kajian pemikiran Islam liberal

Sorotan literatur berkaitan liberalisme dan Islam liberal di Malaysia menunjukkan bahawa wacana ini bukanlah fenomena terpencil atau bersifat sementara, sebaliknya merupakan suatu arus pemikiran yang berkembang secara berperingkat, mempunyai sistem dan berlapis. Meneliti kajian terdahulu memperlihatkan liberalisme bukan sekadar ideologi politik Barat, tetapi telah beralih bentuk menjadi kerangka epistemologi, seterusnya mempengaruhi cara manusia memahami agama, kebenaran, autoriti dan nilai kemanusiaan. Dalam konteks Islam, liberalisme ini dimanifestasikan melalui apa yang sering disebut sebagai Islam liberal, iaitu satu pendekatan pentafsiran agama yang menekankan kebebasan individu, keutamaan akal, menafikan kebenaran mutlak dan penilaian semula autoriti tradisi keilmuan Islam (Halimi et al 2013).

Secara umum, kajian mengenai Islam liberal boleh dibahagikan kepada tiga kelompok utama, iaitu:

- i. kajian yang membincangkan liberalisme sebagai falsafah dan ideologi,
- ii. kajian yang meneliti Islam liberal sebagai gerakan atau pendekatan keagamaan, dan
- iii. kajian yang mengkritik implikasi liberalisme terhadap akidah, epistemologi dan struktur autoriti Islam

Ketiga- tiga kelompok ini saling berkait dan membentuk satu wacana besar yang memerlukan pendekatan sintesis, bukan sekadar huraian deskriptif. Untuk itu, penjelasan lanjut secara terperinci akan membentangkan dapatan kajian-kajian terdahulu mengenai liberalisme dan Islam liberal.

a. Liberalisme: daripada ideologi politik kepada kerangka pemikiran

Sorotan kajian mengenai liberalisme di Malaysia menunjukkan bahawa liberalisme tidak lagi boleh difahami secara sempit sebagai ideologi politik Barat yang memperjuangkan demokrasi, kebebasan bersuara dan hak individu semata-mata. Kajian oleh Ibrahim Majdi (2022) secara jelas menegaskan bahawa liberalisme telah mengalami perluasan makna dan fungsi, daripada sebuah aliran politik kepada pandangan alam (*worldview*) yang membentuk cara manusia mentafsir realiti, kebenaran dan makna kehidupan. Dalam konteks ini, liberalisme bukan sekadar menentukan bagaimana sesebuah negara ditadbir, tetapi turut mempengaruhi bagaimana manusia memahami agama, autoriti, moral dan nilai kemanusiaan. Dapatan kajian tersebut menunjukkan bahawa liberalisme berakar daripada sejarah pemikiran Barat yang berusaha membebaskan manusia daripada dominasi institusi tradisional, khususnya gereja dan monarki (Laski. 1997). Namun, dalam perkembangannya, liberalisme tidak terhenti pada pembebasan politik, sebaliknya berkembang menjadi satu kerangka epistemologi yang menilai segala bentuk autoriti, termasuk autoriti wahyu yang melalui tapisan pemikiran manusia dan pengalaman sejarah. Kebebasan individu, autonomi akal dan hak manusia diangkat sebagai nilai tertinggi yang menjadi asas penentuan benar dan salah. Akibatnya, kebenaran tidak lagi difahami sebagai sesuatu yang bersifat mutlak, tetap dan bersumberkan wahyu Ilahi, tetapi sebagai konstruk yang boleh berubah mengikut konteks zaman dan budaya.

Dalam kerangka ini, wahyu dan tradisi keilmuan agama tidak ditolak secara terang-terangan, tetapi diletakkan pada kedudukan yang bersyarat. Wahyu diterima selagi mana ia selari dengan nilai kebebasan, keadilan dan kemanusiaan yang ditakrifkan oleh akal manusia moden. Tradisi pula dianggap sebagai produk sejarah yang perlu sentiasa dikritik, disemak dan ditafsir semula. Dapatan ini selari dengan hujah Ahmad Luthfi dan Muhibbudin (2021) yang menyatakan bahawa liberalisme mengubah asas penilaian maqasid dan maslahat, daripada berpaksikan wahyu kepada berpaksikan persepsi manusia tentang kemaslahatan semasa.

Kajian Ibrahim Majdi (2022) juga menunjukkan bahawa liberalisme di Malaysia berkembang bukan secara mendadak, tetapi melalui proses normalisasi intelektual, khususnya melalui pendidikan, wacana hak asasi manusia, dan perbincangan akademik

yang meletakkan liberalisme sebagai suatu keperluan kemajuan. Dalam keadaan ini, liberalisme tidak hadir sebagai ideologi yang dipaksakan, tetapi sebagai naratif rasional dan progresif yang kelihatan selari dengan tuntutan kemanusiaan sejagat. Di sinilah liberalisme mula berfungsi sebagai pandangan alam yang mempengaruhi cara masyarakat Islam menilai ajaran agama mereka sendiri.

Kajian lanjutan oleh Ibrahim Majdi (2024) mengukuhkan lagi dapatan ini dengan memperlihatkan kesinambungan antara liberalisme dan pascamodenisme. Pascamodenisme tidak muncul sebagai penolakan total terhadap liberalisme, sebaliknya sebagai fasa lanjutan yang lebih radikal. Jika liberalisme moden masih mengiktiraf konsep rasional sejagat, pascamodenisme pula mencabar idea tersebut dengan menegaskan bahawa semua kebenaran adalah relatif, terikat kepada bahasa, kuasa dan konteks sosial. Dalam kerangka pascamodenisme, tiada lagi kebenaran mutlak, termasuk kebenaran agama.

Dapatan ini sangat signifikan dalam memahami perkembangan Islam liberal. Apabila liberalisme berkembang ke tahap pasca moden, autoriti tradisional agama bukan sahaja dipersoalkan, malah di tafsir semula dan dicabar secara mendasar. Ulama, mazhab dan institusi agama dilihat sebagai struktur kuasa yang perlu dicabar demi membebaskan individu. Hal ini menjelaskan mengapa wacana Islam liberal sering menolak sempadan teologi yang jelas dan mempromosikan tafsiran agama yang terbuka dan fleksibel. Dalam kerangka ini, Islam tidak lagi difahami sebagai sistem kepercayaan yang berpaksikan wahyu mutlak, tetapi sebagai wacana terbuka yang sentiasa boleh di tafsir semula.

Namun demikian, satu persoalan kritis yang timbul daripada sorotan kajian ini ialah kecenderungan sebahagian kajian liberalisme untuk menilai liberalisme secara deskriptif dan sejarah, tanpa menilai secara kritis implikasinya terhadap struktur kepercayaan agama. Walaupun kajian seperti Ibrahim Majdi (2022; 2024) berjaya menjelaskan evolusi liberalisme secara intelektual, penilaian normatif terhadap kesan liberalisme terhadap akidah dan epistemologi Islam sering kali tidak diberikan penekanan yang mendalam. Liberalisme dibentangkan sebagai fenomena pemikiran yang “berlaku”, bukan sebagai ideologi yang perlu dinilai.

Kekosongan ini diisi oleh kajian-kajian pemikiran Islam yang bersifat normatif dan kritis seperti Ahmad Bazli dan Muhammad Rashidi (2022), serta Ahmad Mohamad et al. (2021). Kajian-kajian ini menegaskan bahawa apabila liberalisme berfungsi sebagai pandangan alam, ia berpotensi menggugat asas akidah Islam kerana mengubah hierarki sumber kebenaran. Wahyu tidak lagi menjadi rujukan tertinggi, sebaliknya tertakluk kepada penilaian akal dan nilai kemanusiaan yang bersifat relatif. Dalam jangka panjang, keadaan ini membawa kepada kekeliruan epistemologi, khususnya dalam kalangan masyarakat awam yang terdedah kepada wacana liberal tanpa kefahaman asas akidah yang kukuh.

Selain itu, kajian mengenai pluralisme agama oleh Earnie Elmie (2019; 2020; 2025) menunjukkan bahawa pandangan alam liberal turut mempengaruhi cara masyarakat memahami konsep kepelbagaian agama. Pluralisme yang pada asalnya merujuk kepada realiti kepelbagaian sosial agama telah berkembang menjadi fahaman teologi yang menyamaratakan kebenaran agama. Hal ini memperlihatkan bagaimana liberalisme sebagai pandangan alam bukan sahaja mempengaruhi pemikiran politik dan sosial, tetapi turut membentuk cara manusia menilai kebenaran agama itu sendiri.

Secara keseluruhannya, sorotan kajian ini menunjukkan bahawa liberalisme telah berkembang daripada ideologi politik kepada pandangan alam yang menyeluruh, dengan implikasi mendalam terhadap epistemologi, teologi dan struktur autoriti Islam. Walaupun kajian-kajian sedia ada telah berjaya menjelaskan sejarah dan ciri-ciri liberalisme, keperluan untuk menilai kesannya terhadap akidah dan kefahaman agama secara lebih kritis masih kekal relevan. Justeru, memahami liberalisme sebagai pandangan alam merupakan asas penting untuk meneliti kemunculan dan operasi Islam liberal dalam konteks masyarakat Islam kontemporari.

b. Islam liberal sebagai pendekatan penafsiran agama

Sorotan kajian tempatan dan serantau menunjukkan bahawa Islam liberal tidak muncul sebagai satu mazhab formal yang tersusun seperti mazhab-mazhab fiqh atau aliran teologi klasik dalam Islam. Sebaliknya, Islam liberal lebih tepat difahami sebagai pendekatan pentafsiran agama yang dipengaruhi secara langsung oleh liberalisme moden, khususnya dalam aspek epistemologi, metodologi dan orientasi nilai.

Pendekatan ini berfungsi sebagai satu cara berfikir dan menilai ajaran Islam, bukan sebagai sistem doktrin yang mempunyai sempadan keilmuan yang jelas dan baku.

Kajian oleh Ahmad Bazli dan Muhammad Rashidi (2022) menegaskan bahawa Islam liberal dicirikan oleh usaha merombak manhaj Ahli Sunnah wal Jamaah (ASWJ) yang telah berakar kukuh dalam tradisi keilmuan Islam, dan menggantikannya dengan metodologi baharu yang diselaraskan dengan prinsip liberalisme. Dalam kerangka ini, pembaharuan yang dibawa oleh Islam liberal tidak lagi berpaksikan kaedah usul yang diterima dalam tradisi Islam, sebaliknya berpandukan nilai kebebasan individu, rasionalisme moden dan keadilan sejagat menurut tafsiran manusia kontemporari.

Sorotan literatur menunjukkan bahawa terdapat beberapa ciri dominan Islam liberal yang dikenal pasti secara konsisten merentasi pelbagai kajian. Antara ciri utama ialah keutamaan akal berbanding wahyu. Kajian Mohd Amirul (2025), walaupun menggunakan istilah Neo-Mu'tazilah, memperlihatkan kecenderungan metodologi yang selari dengan Islam liberal, iaitu mengangkat akal sebagai penentu utama dalam memahami nas al-Quran dan hadis. Dalam pendekatan ini, wahyu tidak ditolak secara eksplisit, namun ditundukkan kepada penilaian rasional, terutamanya apabila nas dianggap tidak selari dengan nilai kemanusiaan moden atau realiti semasa.

Ciri kedua ialah penggunaan hermeneutik sebagai metod tafsir al-Quran. Kajian Ahmad Bazli Shafie dan Muhammad Rashidi Wahab (2022) menunjukkan bahawa Islam liberal banyak memanfaatkan pendekatan hermeneutik yang berasal daripada tradisi tafsiran *Bible* di Barat. Pendekatan ini menekankan konteks sejarah, pengalaman pembaca dan relatif makna, sehingga menyebabkan teks wahyu tidak lagi difahami sebagai membawa makna yang tetap dan mengikat. Dalam konteks ini, al-Quran dilihat sebagai teks terbuka yang sentiasa boleh di tafsir semula mengikut kehendak zaman, sekali gus mencabar konsep autoriti tafsir dalam tradisi ASWJ.

Ciri ketiga yang ketara ialah kritikan terhadap autoriti ulama dan mazhab. Kajian oleh Indiaty Ismail dan Ahmad Muhyuddin (2021) mengenai *Sisters in Islam* menunjukkan bahawa Islam liberal sering menampilkan institusi agama dan ulama sebagai pihak yang bersifat patriarki, jumud dan tidak responsif terhadap realiti semasa.

Autoriti keilmuan tradisional dilihat sebagai penghalang kepada pembebasan individu, khususnya dalam isu gender, hak asasi manusia dan kebebasan beragama. Dalam kerangka ini, autoriti agama tidak lagi kepada tradisi keilmuan yang bersambung, sebaliknya dipindahkan kepada individu dan kumpulan yang memperjuangkan agama berdasarkan pengalaman dan tuntutan semasa.

Ciri keempat ialah penekanan terhadap nilai hak asasi manusia sejagat (HAM) sebagai piawaian utama dalam menilai ajaran Islam. Kajian Indiaty Ismail dan Ahmad Muhyuddin (2021) serta Ahmad Luthfi dan Muhibbudin (2021) menunjukkan bahawa Islam liberal sering menjadikan HAM sebagai kerangka normatif yang mengatasi Shari'ah. Konsep keadilan, kebebasan dan kesamarataan di tafsir mengikut acuan liberal-sekular, manakala hukum-hakam Islam dinilai berdasarkan sejauh mana ia selari dengan piawaian tersebut. Pendekatan ini memberi kesan besar terhadap kefahaman syariah, apabila penentuan maslahat tidak lagi dirujuk kepada wahyu dan kerangka maqasid syariah, sebaliknya bergantung kepada tafsiran manusia tentang keadilan semasa..

Kajian-kajian ini secara konsisten menegaskan bahawa percanggahan antara Islam liberal dan Ahli Sunnah wal Jamaah bukan sekadar isu sampingan, tetapi melibatkan cara berfikir dan pendekatan memahami agama. Ahli Sunnah wal Jamaah mengekalkan keseimbangan antara wahyu, akal dan tradisi keilmuan melalui disiplin usul fiqh, ilmu tafsir dan kaedah istinbat yang berlapik. Sebaliknya, Islam liberal cenderung memisahkan wahyu daripada kerangka autoriti tradisi, lalu menilai nas agama secara selektif berdasarkan nilai moden.

Namun demikian, sorotan kajian ini juga membuka ruang kritis yang penting, iaitu persoalan sama ada semua bentuk pembaharuan pemikiran Islam wajar dilabel sebagai Islam liberal. Kajian oleh Ahmad Mohamad et al. (2021) dan Earnie Elmie Hilmi (2019; 2020) mengingatkan bahawa terdapat perbezaan antara pembaharuan yang berakar dalam tradisi Islam dengan pembaharuan yang dipacu oleh ideologi luar. Pembaharuan dalam tradisi Islam lazimnya berlaku melalui mekanisme ijtihad, tajdid dan islah yang berpandukan wahyu dan disiplin ilmu. Sebaliknya, Islam liberal sering

memulakan pembaharuan dengan andaian epistemologi liberal yang sedia ada, lalu menyesuaikan agama dengan kerangka tersebut.

Dalam konteks ini, kritikan terhadap Islam liberal tidak seharusnya ditafsir sebagai penolakan terhadap pembaharuan secara mutlak, tetapi sebagai usaha membezakan antara pembaharuan yang sah dari sudut tradisi Islam dan pembaharuan yang bersifat ideologi semata-mata. Kegagalan membezakan kedua-dua bentuk pembaharuan ini boleh membawa kepada kekeliruan wacana, di mana sebarang usaha tajdid Islam disalahertikan sebagai Islam liberal.

Secara keseluruhannya, sorotan kajian menunjukkan bahawa Islam liberal berfungsi sebagai pendekatan pentafsiran agama yang berakar dalam liberalisme moden dan membawa perubahan mendasar terhadap cara Islam difahami, dinilai dan diamalkan. Walaupun pendekatan ini sering dipersembahkan atas nama kemajuan, keadilan dan kemanusiaan, implikasi epistemologi dan teologinya terhadap akidah dan autoriti Islam menuntut penelitian kritis yang berterusan.. Justeru itu, kefahaman terhadap Islam liberal sebagai satu pendekatan pentafsiran bukan sekadar dilihat sebagai fenomena sosial, sebaliknya penting untuk menganalisis bagaimana pemikiran ini beroperasi secara halus dalam wacana kontemporari, termasuk melalui medium budaya dan penerbitan alternatif.

c. Feminisme Islam dan hak asasi manusia dalam wacana Islam liberal

Sorotan kajian mengenai feminisme Islam dalam konteks Islam liberal memperlihatkan bahawa isu hak wanita bukan sekadar dibincangkan sebagai persoalan keadilan sosial, tetapi telah berkembang menjadi medan perdebatan epistemologi dan autoriti keagamaan. Kajian oleh Indriaty Idan Ahmad Muhyuddin (2021) mengenai gerakan Sisters in Islam (SIS) memberikan gambaran empirikal yang jelas tentang bagaimana feminisme Islam beroperasi sebagai satu bentuk gerakan yang memperjuangkan hak keagamaan yang dipengaruhi oleh kerangka pemikiran Islam liberal. Kajian ini menunjukkan bahawa perjuangan SIS berteraskan usaha menilai semula nas al-Quran dan syariah melalui lensa hak asasi manusia (HAM) dan kesamarataan gender.

Dapatan kajian tersebut memperlihatkan bahawa feminisme Islam yang dibawa oleh SIS tidak muncul dalam ruang yang tertutup, sebaliknya berakar dalam wacana Islam progresif dan Islam liberal yang lebih luas. Prinsip-prinsip seperti keadilan sejagat, kebebasan individu dan kesaksamaan mutlak antara lelaki dan wanita dijadikan asas dalam menilai semula hukum-hakam Islam, khususnya yang berkaitan dengan undang-undang keluarga, peranan gender dan autoriti agama. Dalam kerangka ini, nas agama tidak lagi difahami sebagai rujukan utama yang muktamad, tetapi sebagai teks yang perlu di tafsir semula agar selari dengan nilai kemanusiaan kontemporari dan semasa.

Kajian Indriaty dan Ahmad Muhyuddin (2021) secara jelas mengaitkan feminisme Islam dengan aliran Islam liberal melalui beberapa indikator utama, antaranya sokongan terhadap pluralisme agama, tuntutan reformasi syariah, serta kritikan terbuka terhadap institusi agama dan ulama. Dapatan ini menunjukkan bahawa feminisme Islam dalam kerangka liberal bukan sekadar memperjuangkan hak wanita, tetapi turut mempersoalkan struktur autoriti tradisional Islam yang dianggap patriarki dan tidak adil. Autoriti ulama dan institusi agama sering digambarkan sebagai penghalang kepada keadilan gender, manakala tafsiran alternatif yang dibawa oleh aktivis feminisme Islam dipersembahkan sebagai lebih berperikemanusiaan dan relevan dengan zaman.

Walau bagaimanapun, kekuatan dokumentasi dan analisis ideologi dalam kajian ini turut membuka ruang kritis yang penting. Persoalan utama yang boleh dibangkitkan ialah andaian atau tanggapan awal tanpa ada rujukan yang sah, yang digunakan dalam menilai keadilan Islam. Pendekatan feminisme Islam liberal lazimnya menjadikan hak asasi manusia sebagai piawaian utama untuk menilai ajaran agama. Namun, sebagaimana yang diujahkan oleh Ahmad Luthfi dan Muhibbuddin (2021), konsep HAM bukanlah suatu kerangka yang neutral, sebaliknya berakar dalam falsafah sekular Barat yang meletakkan manusia sebagai pusat penentuan nilai. Apabila HAM dijadikan ukuran mutlak, wujud risiko bahawa syariah Islam dinilai berdasarkan piawaian luar yang tidak semestinya selari dengan epistemologi wahyu.

Sorotan kajian juga menunjukkan bahawa feminisme Islam dalam wacana liberal membawa perubahan epistemologi yang signifikan dalam memahami agama. Keadilan tidak lagi ditakrifkan berdasarkan kerangka maqasid syariah yang berpaksikan wahyu, tetapi berdasarkan persepsi semasa tentang kesamarataan dan kebebasan. Dalam konteks ini, perbezaan peranan dan tanggungjawab antara lelaki dan wanita dalam Islam sering di tafsir sebagai ketidakadilan, tanpa mengambil kira kerangka tauhid, hikmah pensyariatan dan keseimbangan tanggungjawab yang ditekankan dalam tradisi ASWJ.

Kajian-kajian berkaitan pluralisme agama oleh Earnie Elmie (2019; 2020) turut menunjukkan pertindihan wacana antara feminisme Islam dan Islam liberal. Feminisme Islam liberal cenderung menerima pluralisme sebagai asas toleransi, namun dalam beberapa keadaan, pluralisme tersebut berkembang menjadi penyamaan kebenaran agama. Hal ini menunjukkan bahawa feminisme Islam tidak terasing daripada ideologi Islam liberal, sebaliknya menjadi salah satu saluran penting dalam menyebarkan kerangka pemikiran tersebut dalam masyarakat, khususnya melalui keperluan hak, keadilan dan kemanusiaan.

Namun demikian, sorotan ini juga menuntut satu pencerahan yang lebih jelas, iaitu membezakan antara pembelaan hak wanita yang sah dalam Islam dan feminisme Islam yang dipacu oleh ideologi liberal. Tradisi Islam sendiri mengiktiraf keadilan dan maruah wanita melalui kerangka wahyu dan syariah. Oleh itu, kritikan terhadap feminisme Islam liberal tidak seharusnya difahami sebagai penolakan terhadap keadilan gender, tetapi sebagai usaha menilai kerangka epistemologi yang digunakan dalam memperjuangkan keadilan tersebut.

Secara keseluruhannya, sorotan kajian ini menunjukkan bahawa feminisme Islam dalam wacana Islam liberal bukan sekadar agenda sosial, tetapi merupakan projek pemikiran yang membawa implikasi besar terhadap cara agama difahami, di tafsir dan dinilai. Dengan menjadikan hak asasi manusia sebagai rujukan utama, feminisme Islam liberal berpotensi mengubah hierarki sumber kebenaran dalam Islam. Justeru, penelitian kritis terhadap feminisme Islam perlu mengambil kira bukan sahaja tuntutan keadilan

sosial, tetapi juga kesan epistemologi dan teologi yang lebih mendalam terhadap kefahaman agama umat Islam.

d. Pluralisme agama sebagai teras ideologi Islam liberal

Sorotan literatur berkaitan Islam liberal menunjukkan bahawa pluralisme agama merupakan salah satu teras ideologi paling dominan yang membentuk kerangka pemikiran Islam liberal. Pertindihan antara Islam liberal dan pluralisme agama tidak berlaku secara kebetulan, sebaliknya berpunca daripada akar epistemologi yang sama, iaitu penolakan terhadap kebenaran mutlak dan autoriti wahyu sebagai sumber penentu kebenaran agama. Kajian oleh Ahmad Mohamad et al. (2021) serta Earnie Elmie (2019; 2020; 2025) secara konsisten menunjukkan bahawa pluralisme agama dalam wacana Islam liberal bukan sekadar merujuk kepada toleransi, dialog antara agama atau realiti kepelbagaian sosial, tetapi melibatkan andaian teologi bahawa semua agama mempunyai nilai kebenaran yang setara.

Dapatan kajian Ahmad Mohamad et al. (2021) menunjukkan bahawa pluralisme agama beroperasi sebagai serangan ideologi yang bersifat halus, di mana kepelbagaian agama yang diiktiraf secara sosiologis di manipulasi untuk menyokong penyamaan kebenaran teologi. Dalam wacana ini, konsep toleransi sering dijadikan pintu masuk bagi memperkenalkan idea bahawa perbezaan agama hanyalah perbezaan jalan menuju hakikat kebenaran yang sama. Pendekatan sedemikian selari dengan kerangka Islam liberal yang menolak eksklusif kebenaran agama dan mengutamakan keharmonian sosial berbanding ketetapan akidah (Haslina Ibrahim. 2014).

Kajian Earnie Elmie (2019) merupakan antara sumbangan penting dalam literatur pluralisme agama kerana berjaya membongkar kekeliruan istilah antara pluraliti agama dan pluralisme agama. Kajian ini menegaskan bahawa pluraliti agama merujuk kepada fakta kewujudan pelbagai agama dalam masyarakat, suatu realiti yang diakui dalam Islam. Sebaliknya, pluralisme agama ialah satu fahaman ideologis yang menyatakan bahawa semua agama adalah sama benar dan membawa kepada keselamatan yang sama rata. Kekeliruan antara kedua-dua istilah ini sering di manipulasi dalam wacana awam bagi menormalkan pluralisme agama dalam kalangan masyarakat Islam, khususnya melalui bahasa toleransi dan keharmonian.

Kajian lanjutan oleh Earnie Elmie et al. (2020) menunjukkan bahawa pluralisme agama di Malaysia berkembang melalui pelbagai saluran, termasuk wacana akademik, dialog antara agama dan aktivisme NGO. Dalam konteks ini, pluralisme agama tidak hadir sebagai ideologi yang dinyatakan secara terbuka, tetapi diserap secara berperingkat melalui bahasa yang kelihatan neutral dan positif. Dapatan ini penting kerana ia menjelaskan mengapa pluralisme agama sering sukar dikesan sebagai ancaman akidah pada peringkat awal, khususnya dalam kalangan belia dan masyarakat awam yang tidak mempunyai asas pemikiran Islam yang kukuh.

Kajian terkini oleh Earnie Elmie et al. (2025) yang meneliti pemikiran Muhammad Uthman El-Muhammady pula memberikan perspektif yang lebih nuansa dalam perbincangan pluralisme agama. Kajian ini menunjukkan bahawa El-Muhammady mengambil pendekatan pertengahan dengan menerima pluralisme dalam makna kepelbagaian sosial agama dan dialog antara penganut agama, namun menolak pluralisme agama yang menyamaratakan kebenaran teologi. Pendekatan ini memperlihatkan bahawa penolakan terhadap pluralisme agama tidak semestinya membawa kepada sikap eksklusif atau anti-dialog, sebaliknya berpaksikan pemeliharaan akidah Ahli Sunnah wal Jamaah.

Walau bagaimanapun, sorotan literatur juga menunjukkan bahawa sebahagian kajian pluralisme agama cenderung menggeneralisasikan pluralisme sebagai ancaman tunggal, tanpa membezakan variasi pendekatan, konteks dan tahap pengaruhnya. Pendekatan ini berpotensi menimbulkan dampak yang berlebihan, seolah-olah semua perbincangan mengenai toleransi dan dialog antara agama membawa implikasi pluralisme teologi. Di sinilah perlunya analisis yang lebih halus dan berlapik bagi membezakan antara pluralisme sebagai ideologi dan pluraliti sebagai realiti sosial.

Selain itu, kajian-kajian sedia ada masih banyak tertumpu kepada analisis konseptual dan normatif pluralisme agama, manakala aspek operasi wacana pluralisme dalam teks dan budaya popular masih kurang diterokai. Pluralisme agama dalam wacana Islam liberal sering diartikulasikan melalui naratif kemanusiaan, keadilan dan keharmonian, khususnya dalam teks bukan akademik seperti penulisan popular, media sosial dan penerbitan alternatif. Kekurangan kajian terhadap medium ini mewujudkan

jurang penting dalam memahami bagaimana pluralisme agama menjadi budaya dalam kehidupan seharian umat Islam.

Secara keseluruhannya, sorotan kajian ini menunjukkan bahawa pluralisme agama merupakan teras ideologi Islam liberal yang memainkan peranan penting dalam mencabar konsep kebenaran mutlak, autoriti wahyu dan eksklusif akidah Islam. Walaupun kajian-kajian terdahulu telah berjaya menjelaskan konsep dan implikasi pluralisme agama dari sudut teologi dan akidah, keperluan untuk analisis yang lebih kontekstual dan wacana masih kekal relevan. Justeru, memahami pluralisme agama sebagai ideologi yang beroperasi secara halus dalam wacana kontemporari menjadi asas penting untuk menilai pengaruh Islam liberal dalam masyarakat Islam masa kini.

e. Rasionalisme, neo-Mu'tazilah dan liberalisme akal

Sorotan kajian berkaitan rasionalisme dalam pemikiran Islam kontemporari menunjukkan bahawa isu keutamaan akal berbanding wahyu merupakan salah satu titik pertemuan utama antara Islam liberal dan aliran pemikiran yang lebih luas dalam dunia intelektual Islam. Kajian oleh Mohd Amirul Hassan (2025) memberikan sumbangan penting dengan memperkenalkan konsep Neo-Mu'tazilah, iaitu suatu kecenderungan metodologi dalam kalangan sarjana Muslim kontemporari yang memperlihatkan persamaan ketara dengan aliran Mu'tazilah klasik, khususnya dalam mengutamakan rasionaliti akal dalam menilai dan mentafsir nas al-Quran dan hadis.

Dapatan kajian tersebut menunjukkan bahawa walaupun istilah Islam liberal jarang digunakan secara eksplisit oleh tokoh-tokoh yang dikaji, pendekatan metodologi yang diaplikasikan memperlihatkan keselarasan epistemologi dengan prinsip liberalisme moden. Akal tidak lagi berfungsi sebagai alat untuk memahami dan menjelaskan wahyu dalam kerangka yang ditetapkan oleh nas, sebaliknya berperanan sebagai penimbang utama yang menentukan penerimaan atau penolakan terhadap makna nas. Dalam keadaan ini, wahyu cenderung di tafsir secara selektif, khususnya apabila kandungannya dilihat tidak selari dengan nilai rasional, keadilan atau kemanusiaan menurut perspektif kontemporari.

Kajian Mohd Amirul Hassan (2025) kukuh dari sudut perbandingan sejarah pemikiran, apabila beliau menunjukkan persamaan metodologi antara Mu'tazilah klasik dan Neo-Mu'tazilah, terutamanya dalam aspek pengutamaan akal, menakwilkan nas dan kecenderungan menilai teks wahyu melalui kerangka logik rasional. Namun, kajian ini juga memperlihatkan perbezaan konteks yang signifikan. Jika Mu'tazilah klasik berkembang dalam konteks perdebatan teologi dan falsafah awal Islam, Neo-Mu'tazilah pula muncul dalam konteks globalisasi ilmu, liberalisme moden dan pengaruh pemikiran Barat sekular.

Perkembangan ini membawa implikasi penting terhadap perbahasan Islam liberal. Rasionalisme dalam bentuk Neo-Mu'tazilah sering dipersembahkan sebagai pendekatan ilmiah, kritis dan progresif, seolah-olah selari dengan semangat ijtihad dan tajdid dalam Islam. Namun, sorotan kajian menunjukkan bahawa perbezaan asas terletak pada kerangka epistemologi yang digunakan. Tradisi ASWJ mengiktiraf peranan akal, tetapi meletakkannya di bawah bimbingan wahyu dan disiplin ilmu. Sebaliknya, rasionalisme bercorak liberal cenderung meletakkan akal sebagai autoriti tertinggi, sehingga wahyu perlu ditakwil atau diketepikan apabila dianggap bercanggah dengan rasionaliti semasa.

Dalam konteks ini, kajian oleh Ahmad Luthfi dan Muhibbudin (2021) turut menguatkan dapatan bahawa liberalisasi pemikiran Islam sering berlaku melalui pengubahan konsep maslahat dan maqasid syariah. Maslahat tidak lagi ditentukan oleh wahyu dan tujuan syariah yang ditetapkan, tetapi oleh penilaian rasional manusia berdasarkan konteks sosial dan budaya. Pendekatan ini selari dengan rasionalisme Neo-Mu'tazilah yang menilai kebenaran agama melalui kerangka utilitarian dan pragmatik, suatu ciri yang juga dominan dalam liberalisme moden.

Walau bagaimanapun, sorotan kajian ini membuka ruang kritis yang penting, iaitu persoalan sama ada semua bentuk rasionalisme moden wajar diklasifikasikan sebagai lanjutan liberalisme. Mohd Amirul Hassan (2025) sendiri memberi isyarat bahawa terdapat spektrum pemikiran rasional dalam Islam, daripada penggunaan akal yang terkawal dalam tradisi ASWJ kepada rasionalisme ekstrem yang mencabar autoriti wahyu. Persoalan ini penting untuk mengelakkan generalisasi berlebihan yang boleh

mengaburkan perbezaan antara rasionalisme sebagai alat metodologi yang sah dan rasionalisme sebagai ideologi yang berdiri sendiri.

Kajian oleh Ahmad Bazli dan Muhammad Rashidi (2022) membantu memperjelaskan perbezaan ini dengan menegaskan bahawa masalah utama bukan terletak pada penggunaan akal, tetapi pada liberalisasi akal, iaitu apabila akal dibebaskan daripada kerangka wahyu dan tradisi keilmuan. Dalam keadaan ini, rasionalisme tidak lagi berfungsi sebagai pelengkap kepada wahyu, tetapi sebagai pesaing yang berpotensi menafikan autoriti wahyu itu sendiri. Inilah titik persilangan yang paling jelas antara Neo-Mu'tazilah dan Islam liberal.

Selain itu, kajian-kajian berkaitan pluralisme agama dan feminisme Islam (Earnie Elmie, 2019; 2020; Indriaty & Ahmad Muhyuddin, 2021) turut menunjukkan bahawa liberalisasi akal sering menjadi asas kepada penolakan eksklusif kebenaran agama dan autoriti syariah. Rasionalisme yang tidak terkawal membuka ruang kepada relativisme kebenaran, di mana akidah Islam dinilai sebagai satu pilihan budaya, bukan sebagai kebenaran mutlak yang mengikat.

Secara keseluruhannya, sorotan kajian ini menunjukkan bahawa rasionalisme dalam bentuk Neo-Mu'tazilah merupakan salah satu saluran penting bagi liberalisasi pemikiran Islam kontemporari. Walaupun tidak semua bentuk rasionalisme boleh disamakan dengan liberalisme, kecenderungan mengutamakan akal secara mutlak dan menundukkan wahyu kepada penilaian rasional merupakan ciri bersama yang signifikan. Oleh itu, memahami Neo-Mu'tazilah sebagai fenomena epistemologi, bukan sekadar kategori sejarah, menjadi penting dalam menilai pengaruh Islam liberal terhadap kefahaman agama umat Islam masa kini.

f. Rumusan tema utama dan jurang kajian dalam kajian Islam liberal.

Berdasarkan sorotan kajian yang dibincangkan mengenai liberal dan Islam liberal, dapat dirumuskan bahawa wacana liberalisme dan Islam liberal di Malaysia memperlihatkan beberapa tema utama yang konsisten, merentas disiplin kajian, pendekatan metodologi dan fokus perbincangan. Tema-tema ini bukan sahaja mencerminkan kesepakatan

sarjana terhadap sifat dan implikasi Islam liberal, malah turut mendedahkan arah perkembangan pemikiran tersebut dalam konteks masyarakat Islam semasa.

Tema pertama ialah pengiktirafan bahawa liberalisme berfungsi sebagai kerangka epistemologi, bukan lagi sekadar ideologi politik atau ekonomi Barat. Kajian oleh Ibrahim Majdi (2022; 2024) serta Ahmad Luthfi dan Muhibbuddin (2021) secara konsisten menunjukkan bahawa liberalisme telah berkembang menjadi cara berfikir yang membentuk penilaian manusia terhadap kebenaran, keadilan dan autoriti. Dalam kerangka ini, liberalisme mempengaruhi bagaimana agama difahami, bukan melalui penolakan terang-terangan terhadap Islam, tetapi melalui penstrukturan semula hierarki sumber kebenaran. Wahyu, tradisi dan autoriti keilmuan tidak dinafikan secara mutlak, namun diletakkan di bawah penilaian akal dan nilai kemanusiaan moden. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa ancaman liberalisme terhadap Islam lebih bersifat untuk mencabar asas pengetahuan dan sumber kebenaran dalam Islam, dan bukan sekadar bersifat ideologi atau perbezaan pandangan luaran semata-mata.

Tema kedua ialah hakikat bahawa Islam liberal beroperasi melalui pentafsiran semula agama, bukannya penolakan Islam secara terbuka. Kajian Ahmad Bazli dan Muhammad Rashidi (2022) serta Indriaty dan Ahmad Muhyuddin (2021) menunjukkan bahawa Islam liberal sering tampil dengan bahasa dalaman Islam, menggunakan istilah keadilan, rahmah, maqasid dan kemanusiaan. Pendekatan ini menjadikan Islam liberal sukar dikenal pasti sebagai satu bentuk penyelewengan secara langsung, kerana ia beroperasi dari dalam wacana Islam itu sendiri. Pentafsiran semula agama ini sering disokong oleh penggunaan hermeneutik, penilaian kontekstual melampau dan kritikan terhadap autoriti ulama, yang akhirnya membawa kepada perubahan mendasar terhadap cara ajaran Islam difahami dan diamalkan.

Tema ketiga ialah pertindihan yang ketara antara pluralisme agama, feminisme Islam dan rasionalisme melampau dalam wacana Islam liberal. Kajian Ahmad Mohamad et al. (2021), Earnie Elmie (2019; 2020; 2025), , serta Mohd Amirul Hassan (2025) menunjukkan bahawa ketiga-tiga elemen ini berkongsi asas epistemologi yang sama, iaitu penolakan kebenaran mutlak dan pengutamaan akal serta pengalaman manusia. Pluralisme agama mencabar kebenaran Islam sebagai agama, feminisme

Islam liberal menilai syariah berdasarkan piawaian hak asasi manusia, manakala rasionalisme Neo-Mu'tazilah mengangkat akal sebagai autoriti tertinggi dalam pentafsiran nas. Pertindihan ini membentuk suatu ekosistem pemikiran liberal yang saling menguatkan antara satu sama lain.

Tema keempat ialah kesepakatan majoriti kajian bahawa Islam liberal merupakan ancaman kepada akidah, khususnya terhadap autoriti wahyu dan ulama Ahli Sunnah wal Jamaah. Kajian-kajian bersifat normatif seperti Ahmad Bazli dan Muhammad Rashidi (2022) serta Ahmad Mohamad et al. (2021) menegaskan bahawa masalah utama Islam liberal bukan terletak pada tuntutan keadilan atau pembaharuan, tetapi pada kerangka epistemologi yang digunakan. Apabila wahyu tidak lagi menjadi rujukan tertinggi dan berautoriti, maka asas akidah menjadi relatif dan terbuka kepada pentafsiran yang bersifat subjektif.

Walau bagaimanapun, di sebalik kemandapan dapatan-dapatan ini, sorotan kajian turut mendedahkan jurang penyelidikan yang signifikan. Kebanyakan kajian sedia ada menumpukan perhatian kepada ideologi, konsep dan gerakan Islam liberal pada peringkat makro, sama ada melalui analisis falsafah, teologi atau aktivisme NGO. Namun, masih terdapat kekurangan kajian yang meneliti bagaimana Islam liberal dioperasikan dan dinormalisasi melalui medium budaya dan teks bukan akademik, seperti penerbitan alternatif, buku Indie, penulisan popular dan naratif sastera.

Kekurangan analisis terhadap mekanisme wacana, gaya bahasa dan strategi normalisasi ini menyebabkan pemahaman tentang pengaruh Islam liberal menjadi tidak lengkap. Islam liberal tidak hanya bergerak melalui seminar, NGO atau wacana akademik, tetapi turut disebarkan secara halus melalui teks yang bersifat santai, naratif peribadi, gaya bahasa urban dan pendekatan anti-autoriti yang mudah diterima oleh pembaca muda. Medium seperti buku Indie berpotensi menjadi ruang wacana alternatif yang menyampaikan idea liberal tanpa dilabel secara eksplisit sebagai Islam liberal.

Oleh itu, jurang inilah yang memerlukan penelitian lanjut melalui pendekatan analisis wacana kritis, khususnya untuk memahami bagaimana elemen liberalisme, pluralisme dan rasionalisme diserap, dinormalkan dan diterima tanpa paksaan dalam

pemikiran pembaca. Kajian yang menumpukan kepada teks dan budaya popular bukan sahaja melengkapkan literatur sedia ada, malah menyumbang kepada pemahaman yang lebih menyeluruh tentang cara Islam liberal beroperasi dalam realiti sosial semasa. Jurang ini menjadi justifikasi utama kepada kajian ini dan meletakkan penyelidikan terhadap buku Indie sebagai suatu sumbangan yang signifikan dalam bidang kajian pemikiran Islam kontemporari.

Secara keseluruhannya, kajian-kajian terdahulu menunjukkan bahawa perbincangan mengenai liberalisme dan Islam liberal di Malaysia telah dibincangkan dengan agak meluas, terutamanya dari segi konsep, idea dan implikasinya terhadap akidah umat Islam. Kebanyakan kajian berjaya menjelaskan bahawa pemikiran Islam liberal membawa cabaran kepada autoriti wahyu, ulama dan kefahaman agama yang berteraskan Ahli Sunnah wal Jamaah. Walau bagaimanapun, sebahagian besar kajian masih tertumpu kepada perbincangan teori dan gerakan, tanpa meneliti secara mendalam bagaimana idea-idea liberal ini disampaikan dan diterima oleh masyarakat. Kajian yang menghubungkan pemikiran Islam liberal dengan analisis bahasa, gaya penulisan dan konteks sosial masih kurang diberi perhatian. Oleh itu, terdapat keperluan untuk kajian yang meneliti bagaimana pemikiran Islam liberal disebarkan melalui teks dan medium budaya seperti penulisan popular dan buku Indie. Pendekatan ini penting bagi memberikan gambaran yang lebih menyeluruh dan realistik tentang pengaruh Islam liberal dalam masyarakat masa kini

2.7.2 Kajian buku Indie di Malaysia

Sorotan kajian terhadap buku Indie di Malaysia menunjukkan bahawa genre ini tidak lagi boleh dianggap sebagai fenomena pinggir atau bersifat sementara. Sebaliknya, buku Indie telah berkembang sebagai satu ruang wacana alternatif yang signifikan dalam ekosistem penerbitan tempatan, khususnya sejak pasca 2010. Pelbagai kajian bersetuju bahawa kemunculan buku Indie berkait rapat dengan perubahan landskap teknologi, kemunculan media baharu, serta kebangkitan generasi muda yang mencari bentuk ekspresi yang lebih bebas dan tidak terikat kepada norma penerbitan arus perdana (Muhammad Faisal et al_2018).

Walau bagaimanapun, kajian-kajian terdahulu menunjukkan perbezaan yang jelas dari segi cara menganalisis dan menilai buku Indie. Ada kajian yang melihat buku Indie sebagai usaha baharu untuk menghidupkan budaya membaca, manakala kajian lain pula menilainya sebagai medium yang boleh menjejaskan nilai bahasa, moral dan agama.

a. Pendekatan kajian buku Indie dalam kepelbagaian metodologi dan fokus

Sorotan literatur menunjukkan bahawa kajian terhadap buku Indie di Malaysia menunjukkan kepelbagaian dari sudut metodologi dan fokus analisis. Kepelbagaian ini mencerminkan sifat buku Indie itu sendiri yang bersifat rencam, merentas disiplin dan memerlukan pelbagai pendekatan untuk mengenalnya. Secara umum, kajian-kajian terdahulu boleh dikelompokkan kepada empat tema utama, iaitu penerimaan pembaca, bahasa dan gaya penulisan, analisis teks dan struktur sastera, serta kajian nilai, identiti dan konflik sosial.

Pendekatan pertama ialah kajian berasaskan penerimaan dan tarikan pembaca, khususnya dalam kalangan generasi muda. Kajian oleh Muhammad Faisal et al. (2018) merupakan antara kajian empirikal terawal yang meneliti fenomena buku Indie secara sistematik menggunakan kaedah tinjauan kuantitatif. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa faktor seperti tajuk yang provokatif, rekaan kulit buku yang unik, gaya persembahan yang santai, mesej yang dekat dengan realiti pembaca muda serta peranan media baharu merupakan elemen dominan yang mempengaruhi keputusan pembelian dan pembacaan buku Indie. Kajian ini penting kerana berjaya mengesahkan secara data bahawa populariti buku Indie bukan bersifat kebetulan, sebaliknya berkait rapat dengan strategi estetika dan pemasaran yang selari dengan budaya digital generasi Z (Muhammad Faisal et al. 2018).

Walau bagaimanapun, pendekatan ini juga memperlihatkan keterbatasan yang ketara. Penilaian terhadap buku Indie lebih tertumpu kepada aspek luaran dan respons pengguna, tanpa memberi perhatian yang mendalam terhadap kandungan ideologi dan mesej yang tersirat dalam teks yang dihasilkan. Buku Indie dalam kajian ini dilihat sebagai produk budaya dan media, bukan sebagai wacana pemikiran yang berpotensi membentuk cara fikir, nilai dan sudut pandang pembaca. Justeru, walaupun pendekatan

ini kukuh dari segi empirikal, ia kurang kritikal dari sudut analisis makna dan implikasi ideologi.

Pendekatan kedua ialah kajian yang menumpukan kepada bahasa dan gaya penulisan, khususnya penggunaan bahasa slanga, bahasa basahan dan gaya tidak formal. Kajian oleh Noor Fazeera et al. (2022) serta Mohd Syuhaidi (2019) menegaskan bahawa penggunaan bahasa slanga bukan sekadar penyimpangan linguistik, tetapi merupakan refleksi identiti generasi muda, budaya media sosial dan keinginan untuk membina solidariti komuniti pembaca. Bahasa slanga dilihat sebagai simbol keakraban, kebebasan dan penentangan terhadap norma bahasa baku yang dianggap formal dan mempunyai status yang tersendiri.

Namun demikian, kajian-kajian ini juga secara jujur mengakui bahawa penggunaan bahasa slanga yang meluas membawa implikasi negatif terhadap martabat bahasa Melayu, termasuk kekeliruan antara bahasa standard dan tidak standard, serta potensi penghakisan nilai bahasa kebangsaan (Noor Fazeera et al., 2022). Di sinilah muncul perdebatan yang menarik: di satu sisi, bahasa slanga diraikan sebagai ekspresi identiti dan kreativiti; di sisi lain, ia dilihat sebagai ancaman terhadap kelestarian bahasa. Walaupun perdebatan ini diketengahkan, kebanyakan kajian berhenti pada tahap deskriptif dan belum mengaitkan penggunaan bahasa tersebut dengan kerangka ideologi yang lebih luas seperti liberalisme budaya atau keterbukaan nilai.

Pendekatan ketiga ialah kajian berorientasikan analisis teks dan struktur sastera, seperti kajian struktural oleh Nurain Khoo dan Sim (2019). Kajian ini meneliti unsur plot, watak, perwatakan dan gaya naratif dalam novel Indie terpilih, serta membandingkannya dengan tradisi sastera Melayu arus perdana. Dapatan kajian menunjukkan bahawa banyak karya Indie mempamerkan gaya penulisan yang memberontak, sarkastik dan agresif, serta sengaja menyimpang daripada konvensi estetika dan etika sastera yang lazim. Kekuatan pendekatan ini terletak pada keupayaannya membongkar struktur dalaman teks dan ciri-ciri naratif yang membentuk identiti sastera Indie. Namun, kelemahannya ialah analisis sering terhenti pada teks sebagai objek sastera, tanpa mengaitkannya secara mendalam dengan konteks sosial, politik dan ideologi yang melatari penghasilan karya. Akibatnya, unsur-unsur

kontroversi seperti penentangan terhadap autoriti agama atau normalisasi nilai liberal hanya disentuh secara implisit, bukan dianalisis secara kritis.

Pendekatan keempat pula ialah kajian yang meneliti nilai, identiti dan konflik sosial, khususnya dalam kalangan remaja. Kajian Norhasimah et al. (2018) menunjukkan bahawa karya Indie sering berfungsi sebagai medium penceritaan konflik psikososial remaja, termasuk tekanan emosi, pencarian identiti dan pertentangan nilai dalam kehidupan seharian. Buku Indie digambarkan sebagai cerminan kegelisahan generasi muda yang hidup dalam masyarakat yang kompleks dan mencabar. Namun, penyelesaian konflik dalam kajian-kajian ini lazimnya dibincangkan pada tahap naratif dan moral individu, bukan sebagai persoalan ideologi atau struktur pemikiran yang lebih mendalam. Hal ini menyebabkan potensi buku Indie sebagai wahana pembentukan atau penyebaran pemikiran tertentu, termasuk kebebasan mutlak manusia, kurang diberi perhatian secara kritis. Secara keseluruhannya, kepelbagaian pendekatan kajian ini memperkayakan pemahaman terhadap fenomena buku Indie, namun pada masa yang sama mendedahkan keperluan mendesak untuk satu pendekatan yang lebih berintegrasi dan kritikal.

b. Tema-tema utama dalam kajian buku Indie

Berdasarkan analisis sintesis terhadap pelbagai kajian terdahulu, dapat dikenal pasti bahawa fenomena buku Indie di Malaysia tidak berkembang secara rawak, sebaliknya dibentuk oleh beberapa tema utama yang muncul secara berulang dan konsisten merentasi kajian. Tema-tema ini bukan sahaja menggambarkan ciri luaran buku Indie, malah mencerminkan asas pemikiran, sikap dan orientasi wacana yang membentuk identiti genre tersebut. Tiga tema utama yang paling dominan ialah kebebasan ekspresi, penentangan terhadap arus perdana, serta normalisasi budaya urban dan media sosial.

Tema kebebasan ekspresi merupakan tema paling menonjol dan hampir disepakati oleh semua kajian berkaitan buku Indie. Kebanyakan sarjana melihat kemunculan buku Indie sebagai reaksi terhadap sistem penerbitan arus perdana yang dianggap terlalu ketat, birokratik dan berlapis dengan tapisan estetika serta moral tertentu. Dalam konteks ini, kebebasan ditafsirkan sebagai ruang untuk penulis meluahkan idea, emosi dan pengalaman peribadi tanpa kekangan institusi atau autoriti

luar. Kajian oleh Mohd Faisal Ashaari et al. (2018) misalnya menunjukkan bahawa kebebasan ini menjadi salah satu tarikan utama kepada pembaca muda, yang melihat buku Indie sebagai lebih ‘jujur’, ‘berani’ dan dekat dengan realiti kehidupan mereka.

Namun, kebebasan ekspresi dalam buku Indie tidak bersifat neutral atau tanpa implikasi. Beberapa kajian menunjukkan bahawa kebebasan yang diraikan ini sering membawa kepada pengaburan sempadan antara kreativiti dan tanggungjawab moral. Apabila kandungan buku Indie menyentuh isu agama, nilai akhlak dan autoriti sosial, kebebasan ekspresi mula menimbulkan persoalan tentang had kebebasan itu sendiri. Dalam banyak kes, kebebasan ditampilkan sebagai nilai mutlak, tanpa perbincangan kritis tentang implikasinya terhadap pembentukan pemikiran pembaca, khususnya golongan remaja dan belia. Hal ini menunjukkan bahawa tema kebebasan dalam buku Indie bukan sekadar isu estetik, tetapi turut membawa dimensi ideologi yang masih kurang dikritik secara mendalam dalam kajian sedia ada.

Tema kedua yang konsisten muncul ialah penentangan terhadap arus perdana. Buku Indie sering meletakkan dirinya sebagai alternatif kepada penerbitan arus perdana, bukan sahaja dari segi bentuk dan gaya, tetapi juga dari segi sikap dan wacana. Kajian struktural dan kajian identiti penulisan menunjukkan bahawa penentangan ini meliputi pelbagai aspek, termasuk penolakan terhadap norma bahasa baku, sindiran terhadap institusi sastera rasmi seperti Dewan Bahasa dan Pustaka, serta sikap kritikal terhadap wacana agama dan sosial yang dominan (Norhasimah et al., 2018).

Penentangan ini tidak berlaku secara kebetulan atau terpercil, sebaliknya menjadi sebahagian daripada identiti wacana buku Indie. Gaya penulisan yang sarkastik, sinis dan provokatif sering digunakan sebagai strategi untuk mencabar autoriti dan membina imej anti arus perdana. Dalam konteks ini, buku Indie bukan sekadar medium penceritaan, tetapi berfungsi sebagai alat simbolik untuk menolak struktur kuasa yang dianggap mapan. Walau bagaimanapun, kebanyakan kajian cenderung menilai penentangan ini sebagai ekspresi keberanian dan kreativiti, tanpa meneliti secara kritis arah dan kesan penentangan tersebut terhadap pembentukan nilai dan sudut pandang pembaca.

Tema ketiga yang semakin menonjol ialah pengaruh budaya urban dan media sosial dalam pembentukan kandungan dan gaya buku Indie. Banyak kajian menunjukkan bahawa buku Indie sangat dipengaruhi oleh ekologi media baharu, khususnya Twitter, Instagram, blog dan platform digital lain. Penggunaan bahasa slanga, gaya santai, naratif pendek dan tidak linear, serta estetika visual yang ringkas mencerminkan cara komunikasi generasi digital. Kajian Noor Fazeera et al. (2022) dan Mohd Syuhaidi (2019) menegaskan bahawa bahasa dan gaya ini berfungsi sebagai penanda identiti generasi muda dan alat untuk membina keakraban dalam komuniti pembaca.

Dalam konteks ini, buku Indie tidak lagi boleh dilihat sebagai teks bercetak semata-mata, tetapi sebagai sebahagian daripada rangkaian budaya media sosial yang lebih luas. Buku Indie bergerak seiring dengan strategi pemasaran sub-kultur, imej penulis sebagai *pempengaruh*, dan pembinaan jenama identiti yang kuat dalam ruang digital. Namun, normalisasi budaya urban dan media sosial ini juga membawa implikasi yang kompleks. Penggunaan bahasa tidak formal dan slanga yang meluas, walaupun meningkatkan hubung jalin dengan pembaca muda, turut menimbulkan kebimbangan tentang penghakisan norma bahasa dan nilai budaya, sebagaimana diakui sendiri oleh beberapa kajian linguistik.

Secara keseluruhannya, sintesis tema-tema utama ini menunjukkan bahawa buku Indie di Malaysia berfungsi sebagai medan pertembungan antara kreativiti, identiti dan ideologi. Kebebasan ekspresi, penentangan terhadap arus perdana dan pengaruh budaya digital bukan sekadar ciri luaran, tetapi membentuk struktur pemikiran dan orientasi wacana buku Indie. Walaupun kajian-kajian terdahulu berjaya mengenal pasti dan menghuraikan tema-tema ini, kebanyakannya masih bersifat deskriptif dan berhati-hati dalam membuat penilaian normatif. Ruang kritis masih terbuka luas untuk menilai bagaimana tema-tema ini beroperasi secara ideologi, khususnya dalam konteks pembentukan pemikiran, nilai dan kepercayaan pembaca Muslim.

c. Rumusan sorotan kajian buku Indie di Malaysia

Secara keseluruhannya, sorotan kajian terhadap buku Indie di Malaysia memperlihatkan bahawa fenomena ini telah dikaji dari pelbagai sudut dan pendekatan, sekali gus

membuktikan bahawa buku Indie bukan sekadar trend penerbitan sementara, tetapi merupakan satu bentuk produk budaya yang signifikan dalam landskap sastera dan media tempatan. Kajian-kajian terdahulu telah berjaya menghuraikan latar perkembangan buku Indie, faktor penerimaan pembaca muda, keunikan gaya bahasa dan penulisan, serta peranan media baharu dalam memperkukuh kedudukannya dalam pasaran bacaan alternatif.

Dari sudut metodologi, kajian buku Indie menunjukkan kepelbagaian pendekatan, termasuk kajian empirikal penerimaan pembaca, analisis bahasa dan gaya penulisan, penelitian struktur sastera serta kajian nilai dan konflik sosial dalam kalangan remaja. Kepelbagaian ini telah memperkayakan pemahaman terhadap ciri luaran dan dalaman buku Indie, khususnya dari segi kebebasan ekspresi, sikap penentangan terhadap arus perdana dan pengaruh budaya urban serta media sosial. Tema-tema ini muncul secara konsisten dalam literatur dan membentuk identiti wacana buku Indie sebagai genre yang bersifat bebas, kritikal dan dekat dengan realiti generasi muda.

Walau bagaimanapun, sorotan ini juga mendedahkan bahawa sebahagian besar kajian terdahulu cenderung bersifat deskriptif dan berhati-hati dalam membuat penilaian normatif. Penekanan lebih banyak diberikan kepada aspek kreativiti, gaya dan penerimaan khalayak, manakala analisis terhadap kandungan ideologi dan implikasi pemikiran masih terhad. Kebebasan ekspresi sering dirayakan tanpa perbincangan mendalam tentang had kebebasan tersebut, khususnya apabila karya Indie menyentuh isu agama, moral, autoriti sosial dan nilai kebenaran. Begitu juga, penentangan terhadap arus perdana jarang dianalisis sebagai wacana ideologi yang berpotensi membentuk cara fikir pembaca, sebaliknya dilihat sebagai ekspresi estetika atau sikap generasi muda semata-mata.

Selain itu, terdapat jurang yang jelas dalam literatur berkaitan pengintegrasian analisis teks dengan konteks sosial dan kerangka epistemologi, khususnya dari perspektif Islam. Walaupun beberapa kajian mengakui wujudnya unsur kontroversi dan nilai alternatif dalam buku Indie, penilaian terhadap kesannya terhadap pembentukan akidah, pemikiran dan sudut pandang pembaca Muslim masih belum dilakukan secara

sistematik dan menyeluruh. Kekosongan inilah yang menunjukkan keperluan kepada kajian yang lebih kritis dan berlapik secara teori.

Sehubungan itu, sorotan kajian ini mengesahkan keperluan dan kepentingan kajian semasa yang meneliti buku Indie bukan sekadar sebagai karya kreatif atau produk budaya popular, tetapi sebagai medan wacana yang berpotensi membawa implikasi ideologi dan epistemologi. Justeru, kajian ini mengambil posisi untuk menganalisis buku Indie secara kritikal melalui pendekatan analisis wacana, bagi meneliti bagaimana gaya penulisan, tema dan naratif dalam buku Indie berfungsi dalam membentuk dan menyebarkan pemikiran tertentu dalam masyarakat, khususnya yang berkaitan dengan pemikiran Islam liberal.

2.7.3 Kajian Islam liberal dalam buku Indie

Kajian mengenai unsur liberal dalam buku Indie penting bagi memahami bagaimana penulisan alternatif ini mencabar autoriti agama, norma sosial dan moral tradisi Melayu-Islam. Melalui naratif yang terbuka dan kritikal, karya Indie berperanan sebagai ruang wacana baharu yang membudayakan kebebasan individu, relativisme kebenaran dan pluralisme agama. Fenomena ini memperlihatkan perubahan orientasi pemikiran generasi muda terhadap isu agama, identiti dan kuasa. Justeru, analisis elemen liberal dalam buku Indie diperlukan untuk menilai implikasinya terhadap pembentukan wacana dan budaya intelektual kontemporari Malaysia.

Kajian mengenai elemen liberal dalam buku Indie muncul daripada keperluan memahami perubahan wacana budaya yang semakin ketara dalam kalangan generasi muda Malaysia. Penulisan Indie, khususnya terbitan alternatif seperti Dubook Press, sering menampilkan naratif yang mencabar autoriti agama, norma sosial dan struktur moral tradisi Melayu-Islam. Fenomena ini memperlihatkan bagaimana nilai liberal seperti kebebasan individu, pluralisme agama, feminisme dan relativisme moral diserap secara halus melalui karya kreatif. Pada masa yang sama, buku Indie berfungsi sebagai ruang wacana yang membolehkan persoalan tabu dibincangkan secara terbuka, selaras dengan semangat pascamodenisme yang menolak meta-naratif dominan. Justeru, kajian terhadap elemen liberal dalam teks Indie bukan sahaja penting untuk mengenal pasti kandungan yang bersifat ideologi, tetapi juga untuk memahami pembentukan pemikiran

dan identiti baharu dalam kalangan pembaca muda. Penelitian ini memberikan gambaran jelas tentang kedudukan buku Indie sebagai agen budaya yang berpengaruh dalam landskap intelektual kontemporari Malaysia. Meneliti kepada kajian terdahulu, terdapat beberapa tema utama yang menjadi tumpuan kajian, antaranya;

a. Tema utama Islam liberal dalam buku Indie

Dapatan awal kajian menunjukkan bahawa konsep kebebasan merupakan teras utama falsafah penerbitan buku Indie, yang membezakan secara jelas antara penerbitan alternatif ini dengan penerbitan arus perdana. Kebebasan dalam konteks ini tidak terhad kepada kebebasan teknikal seperti ketiadaan tapisan editorial atau autonomi penerbitan sendiri, tetapi merangkumi kebebasan menyeluruh dalam menentukan tema, bahasa, sudut pandang dan nilai yang ingin disampaikan oleh penulis. Muhammad Atiullah et al. (2018) menegaskan bahawa kebebasan ini sering diperlihatkan melalui penolakan terhadap norma bahasa baku, sistem nilai baik dan buruk serta autoriti institusi seperti Dewan Bahasa dan Pustaka dan badan agama. Kebebasan tersebut akhirnya membentuk satu ekosistem penerbitan yang tidak sekadar bebas daripada kawalan institusi, malah pantas memberi reaksi penentangan terhadap struktur autoriti yang dianggap mengekang kreativiti dan ekspresi diri.

Selain itu, kebebasan yang diperjuangkan dalam buku Indie mencerminkan satu cara fikir yang berakar pada ideologi liberalisme, iaitu meletakkan autonomi individu sebagai nilai tertinggi dalam kehidupan. Muhammad Atiullah et al. (2018; 2020) menjelaskan bahawa kebebasan mutlak ini selari dengan pengaruh pascamodenisme dan eksistensialisme, yang menolak kebenaran mutlak serta mengangkat pengalaman subjektif individu sebagai asas pembinaan makna. Dalam kerangka ini, penulis Indie bukan sahaja bebas menulis, tetapi juga bebas mentafsir agama, moral dan identiti tanpa merujuk kepada autoriti tradisi. Kebebasan sering dirangka sebagai hak semula jadi, yang tidak wajar dibatasi oleh agama, budaya atau adat, satu gagasan yang sangat sejajar dengan falsafah liberalisme Barat yang menekankan hak individu berbanding tanggungjawab kolektif atau kepatuhan kepada wahyu (Norsaleha Mohd Salleh et al., 2021; Wan Adli Wan Ramli 2012;).

Namun demikian, dapatan literatur menegaskan bahawa pengagungan kebebasan mutlak ini menimbulkan implikasi serius terhadap kerangka epistemologi Islam. Apabila kebebasan difahami sebagai ketiadaan batas, norma agama dan tradisi Islam mula dilihat sebagai sekatan yang perlu dicabar atau di struktur semula. Norsaleha et al. (2017, 2021) berhujah bahawa strategi ini merupakan sebahagian daripada modus operasi liberalisme, iaitu membudayakan idea kebebasan mutlak secara berperingkat sehingga masyarakat menerima kedudukan nilai yang tidak berasaskan kebenaran mutlak sebagai sesuatu yang wajar. Dalam konteks buku Indie, kebebasan bukan lagi alat kreatif semata-mata, tetapi berfungsi sebagai wahana ideologi yang mencairkan autoriti wahyu dan menukarkan agama kepada pilihan peribadi. Keadaan ini menjadikan kebebasan sebagai konsep yang bukan sahaja bersifat estetik dan budaya, tetapi sarat dengan ideologi yang perlu dinilai secara kritis dari sudut akidah dan pemikiran Islam.

Seiring dengan pengagungan konsep kebebasan mutlak, pluralisme agama muncul sebagai kesinambungan ideologi yang dominan dalam wacana buku Indie. Sorotan kajian menunjukkan bahawa pluralisme dalam konteks ini tidak sekadar merujuk kepada sikap toleransi sosial terhadap penganut agama lain, tetapi berkembang menjadi satu kerangka pemikiran yang meletakkan semua agama pada kedudukan kebenaran yang relatif dan setaraf. Muhammadd Faisal et al. (2020) mendapati bahawa buku Indie sering meletakkan pluralisme melalui naratif kemanusiaan sejagat, keharmonian antara agama dan penolakan sikap eksklusif, sekali gus menggambarkan tuntutan akidah sebagai sesuatu yang sempit dan tidak selari dengan realiti masyarakat majmuk. Justeru menerusi kerangka ini, agama tidak lagi difahami sebagai sistem kebenaran mutlak berasaskan wahyu, sebaliknya ditafsir sebagai pengalaman peribadi yang boleh disusun atur mengikut konteks sosial dan emosi individu.

Pendekatan pluralisme dalam buku Indie sering disampaikan secara tersirat, menggunakan bahasa dan naratif yang lembut tanpa bersifat menentang secara terbuka. Norsaleha et al. (2017, 2021) menjelaskan bahawa strategi liberalisme kontemporari jarang menolak Islam secara terbuka, sebaliknya menggunakan pendekatan inklusif yang kelihatan progresif dan berperikemanusiaan. Kebanyakan karya Indie, pluralisme disampaikan melalui watak, dialog dan konflik naratif yang menormalisasikan

hubungan antara agama tanpa sempadan akidah yang jelas. Pendekatan ini secara tidak langsung memindahkan autoriti penilaian agama daripada wahyu dan tradisi ulama kepada pertimbangan akal dan perasaan, sekali gus mengukuhkan relativisme kebenaran. Keadaan ini menjadikan pluralisme bukan sekadar tema sampingan, tetapi satu mekanisme ideologi yang menyokong kebebasan mutlak dan mencabar asas epistemologi Islam yang berteraskan konsep yang hak dan yang batil.

Sorotan kajian berasaskan Islam menegaskan bahawa pluralisme agama dalam bentuk relativisme kebenaran merupakan antara elemen paling bermasalah dalam pemikiran liberal. Najah Nadiyah (2016) dan Norsaleha et al. (2021) berhujah bahawa pluralisme sedemikian membawa kepada kecairan akidah apabila keimanan tidak lagi diikat dengan konsep kebenaran tunggal Islam, sebaliknya direndahkan kepada pilihan peribadi yang setaraf dengan sistem kepercayaan lain. Merujuk kepada konteks buku Indie, pluralisme berfungsi sebagai lanjutan kepada kebebasan mutlak, iaitu membebaskan individu bukan sahaja daripada autoriti institusi agama, tetapi juga daripada tuntutan epistemologi wahyu itu sendiri. Justeru, pluralisme dalam buku Indie perlu difahami bukan sekadar sebagai sikap sosial yang inklusif, tetapi sebagai elemen ideologi liberal yang berpotensi mengubah cara pembaca muslim memahami agama, kebenaran dan identiti keislaman mereka.

Sebagai lanjutan kepada kebebasan mutlak dan pluralisme agama, literatur turut mengenal pasti penolakan terhadap autoriti ulama dan wahyu sebagai salah satu elemen teras pemikiran liberal yang beroperasi dalam buku Indie. Penolakan ini jarang berlaku secara eksplisit atau konfrontasi, sebaliknya dizahirkan melalui strategi wacana yang merendahkan peranan ulama tradisional dan mempersoalkan kewibawaan tafsiran agama yang berasaskan al-Quran, al-Sunnah dan tradisi keilmuan Islam. Muhammad Atiullah et al. (2020) menunjukkan bahawa dalam banyak karya Indie, autoriti ulama sering digambarkan sebagai kolot, jumud, tidak relevan dengan realiti semasa, manakala wahyu pula di tafsir sebagai teks sejarah yang terbuka kepada pembacaan semula mengikut kehendak zaman. Pendekatan ini secara tidak langsung mengalihkan sumber autoriti agama daripada wahyu kepada akal dan pengalaman individu.

Dari sudut ideologi, penolakan autoriti ulama dan wahyu berpunca daripada kerangka liberalisme yang mengutamakan kebebasan intelektual tanpa sempadan serta menolak sebarang bentuk autoriti mutlak. Norsaleha et al. (2021) menegaskan bahawa liberalisme berfungsi dengan mencabar struktur autoriti agama secara berperingkat, bermula dengan menimbulkan keraguan terhadap institusi ulama, diikuti dengan keraguan terhadap teks wahyu. Dalam konteks buku Indie, keraguan ini disemai melalui naratif yang mempromosikan slogan seperti berfikir sendiri, agama bersifat peribadi dan tiada siapa berhak menentukan kebenaran mutlak. Akibatnya, ulama tidak lagi dilihat sebagai pewaris ilmu kenabian, sebaliknya disamakan dengan pendapat individu lain yang boleh diterima atau ditolak mengikut selera peribadi pembaca.

Dapatan literatur turut menunjukkan bahawa kecenderungan ini membawa implikasi serius terhadap asas epistemologi dan akidah umat Islam. Najah Nadiah (2016) berhujah bahawa apabila wahyu tidak lagi dijadikan rujukan utama, agama mengalami penyempitan makna sehingga difahami sekadar sebagai wacana moral dan budaya, bukan sebagai sistem kebenaran yang mengikat kehidupan manusia. Dalam buku Indie, penolakan autoriti ulama dan wahyu berfungsi sebagai mekanisme ideologi yang melengkapkan kerangka liberalisme: kebebasan mutlak membebaskan individu daripada norma, pluralisme mencairkan kebenaran, manakala penolakan autoriti agama menghapuskan rujukan yang mengikat. Kesannya, pembaca Muslim berisiko membina kefahaman agama yang terpisah daripada tradisi ilmu Islam dan berpaksikan sepenuhnya kepada rasionalisme serta subjektiviti diri.

b. Jurang kajian Islam liberal dalam buku Indie

Walaupun literatur sedia ada telah menunjukkan secara jelas kewujudan elemen kebebasan mutlak, pluralisme agama dan penolakan autoriti ulama serta wahyu dalam buku Indie, masih terdapat kekurangan dari sudut cara fenomena ini dianalisis dan dihuraikan. Kebanyakan kajian terdahulu lebih menumpukan kepada pengenalanpastian tema dan penilaian kandungan secara normatif, khususnya dalam menilai unsur liberal sebagai bercanggah dengan akidah dan nilai Islam. Namun demikian, perbincangan tersebut sering terhenti pada huraian tema secara terasing, tanpa meneliti bagaimana

unsur-unsur liberal ini saling berkait dan membentuk satu kerangka pemikiran yang konsisten dalam teks.

Elemen liberal dalam buku Indie tidak beroperasi secara bersendirian, sebaliknya terbentuk melalui rangkaian mekanisme wacana yang saling terjalin. Sorotan kajian daripada Muhammad Rashidi & Siti Hidayah (2016) serta Atiullah et al. (2018) menunjukkan bahawa penulisan Indie berfungsi sebagai medium ekspresi alternatif bagi golongan muda yang ingin melepaskan diri daripada struktur tradisi Melayu-Islam yang dianggap dominan dan mengongkong. Tiga mekanisme utama iaitu wacana, ideologi dan sosial budaya telah membentuk asas bagaimana nilai liberal diserap, dinormalisasi dan disebarkan melalui naratif buku Indie. Ketiga-tiga mekanisme inilah yang mempengaruhi cara pembaca muda memahami isu agama, identiti, moral dan kuasa.

Mekanisme wacana beroperasi pada peringkat bahasa dan gaya penulisan. Penggunaan bahasa urban, kasar dan *vulgar* dalam buku seperti Nazi Goreng dan Sasar mengukuhkan penolakan terhadap bahasa baku yang dikaitkan dengan autoriti budaya seperti DBP (Muhammad Rashidi & Siti Hidayah 2016). Slanga jalanan, ekspresi tidak formal dan dialog provokatif bukan sahaja menjadi ciri estetika, tetapi juga menandakan pemberontakan terhadap struktur linguistik konservatif. Dalam kerangka ini, bahasa menjadi alat peleraian makna moral dan simbol penolakan terhadap kepatuhan sosial yang dikawal oleh institusi agama dan negara.

Di samping itu, pemilihan tema gelap dan tabu merupakan strategi wacana yang membentuk ruang liberal dalam penulisan Indie. Kajian Fadzei (2023) menunjukkan bahawa penulis Indie menggunakan tema seperti seks bebas, alkohol, kemurungan, keganasan dan konflik identiti sebagai bentuk realisme radikal untuk mencabar norma moral Melayu-Islam. Naratif seperti KL Noir dan Amerika memaparkan sisi gelap masyarakat yang sering disembunyikan dalam wacana arus perdana. Penggunaan tema tabu ini selari dengan ciri pascamodenisme yang ditunjukkan oleh Lyotard (1984), iaitu penolakan terhadap meta-naratif moral yang bersifat total.

Selanjutnya, naratif anti-otoriti muncul sebagai komponen utama mekanisme wacana. Buku seperti *Sekolah Bukan Penjara*, *Universiti Bukan Kilang* mempersoalkan sistem pendidikan negara dan menggambarkan institusi sebagai entiti yang menindas kreativiti (Muhammad Rashidi & Siti Hidayah 2016). Pendekatan kritikal ini seiring dengan konsep wacana kuasa Foucault (1978), di mana penulis Indie menolak rejim kebenaran yang dibentuk oleh negara, agama dan budaya. Naratif sebegini menggambarkan kesedaran kritikal pembaca muda terhadap struktur hegemoni.

Mekanisme ideologi pula beroperasi melalui nilai, *worldview* dan falsafah yang mendasari tema-tema liberal. Pluralisme agama merupakan unsur ideologi paling ketara. Kajian Muhammad Faisal et al. (2020) mendapati bahawa banyak karya Indie menampilkan gagasan kesamarataan agama dan penolakan eksklusif kebenaran. Pandangan ini sejajar dengan pemikiran teologi liberal seperti Hick (1989). Naratif dalam buku Indie yang bertajuk *Antithesis* dan *Aku Kafir Kau Siapa* mengangkat wacana ketuhanan yang bersifat subjektif dan plural, sekaligus mencabar struktur epistemologi Islam tradisional.

Kebebasan individu dan autonomi moral muncul selari dengan semangat liberalisme moden. Muhammad Atiullah et al. (2018) melaporkan bahawa pembaca muda melihat buku Indie sebagai ruang kebebasan intelektual dan ekspresi diri. Karya seperti *Aku___*, *Maka Aku Ada!* memperlihatkan watak yang mencari makna hidup secara autonomi tanpa tunduk kepada norma tradisi. Ini sejajar dengan pemikiran Taylor (1991) mengenai subjektiviti moden dan konsep eksistensialis Sartre (1946) tentang kebebasan radikal. Ideologi ini mengangkat individu sebagai sumber nilai moral yang utama.

Feminisme radikal juga merupakan sebahagian daripada mekanisme ideologi dalam buku Indie. Alan Darmawan (2021) menunjukkan bahawa watak wanita dalam Salafi menjadi simbol penentangan terhadap patriarki Melayu-Islam. Elemen kebebasan tubuh, kebebasan seksual dan penolakan peranan gender tradisional selari dengan pemikiran Butler (1990) mengenai gender sebagai konstruksi sosial. Buku Indie membina wacana feminisme progresif yang menolak pemaknaan gender secara tetap dan membuka ruang identiti yang lebih plural.

Relativisme kebenaran pula muncul apabila penulis Indie menolak kebenaran tunggal yang ditentukan oleh agama atau norma sosial. Pandangan ini selari dengan pascamodenisme yang menolak meta-naratif besar (Lyotard 1984). Naratif dalam *Nasionalisme Longkang* dan *Alif Lam Lam Ha* menampilkan hak individu untuk mentafsir agama, moral dan identiti secara bebas tanpa terikat dengan doktrin tradisi. Relativisme ini memperkukuh humanisme sekular yang meletakkan manusia sebagai pusat makna.

Mekanisme sosial budaya berfungsi merentasi batas teks dan dunia luar dengan membentuk ekosistem wacana liberal di luar halaman buku. Penggunaan media sosial memainkan peranan besar dalam mengembangkan budaya Indie, di mana petikan buku, perbincangan dan kritikan disebar secara meluas, memudahkan proses normalisasi nilai liberal (Norsaleha 2021). Buku Indie bukan sahaja dibaca sebagai teks, tetapi diraikan sebagai gaya hidup budaya alternatif. Selain itu, gaya pemasaran sub-kultur oleh penerbit seperti Dubook Press yang membawa imej liar & angkuh telah membentuk identiti kolektif pembaca sebagai golongan kritikal dan anti-establishment (Rashidi 2016). Dubook Press memposisikan dirinya sebagai penerbit alternatif yang mencabar DBP sebagai institusi bahasa rasmi. Fenomena ini menjadikan buku Indie bukan sekadar karya sastra, tetapi juga simbol penentangan budaya.

Akhir sekali, mekanisme sosial budaya diperkuatkan melalui pengaruh aktivisme mahasiswa, budaya urban dan penolakan struktur hegemonik seperti agama, negara dan institusi budaya. Gerakan mahasiswa sering berinteraksi dengan wacana Indie kerana kedua-duanya berkongsi nilai kritikal, progresif dan anti-otoriti (Atiullah 2018). Budaya urban pasca moden menyediakan ruang sosial yang menerima keterbukaan, pluralisme dan kebebasan moral. Dengan itu, penyebaran elemen liberal dalam buku Indie bukan sekadar hasil strategi penulisan, tetapi merupakan fenomena budaya yang lebih luas dan kompleks.

Selain itu, kajian yang menghubungkan kandungan buku Indie dengan konteks penghasilannya, strategi wacana penulis serta kesan terhadap pembaca masih terbatas. Kekurangan ini menyebabkan pemahaman terhadap buku Indie belum benar-benar memperlihatkan bagaimana idea liberal dinormalisasikan melalui bahasa, naratif dan

gaya penulisan. Oleh itu, terdapat keperluan untuk satu kajian yang menganalisis buku Indie secara lebih menyeluruh sebagai produk wacana, dengan menggabungkan analisis teks dan konteks sosial, serta berpaksikan kerangka epistemologi Islam bagi menilai implikasinya terhadap pemikiran dan akidah pembaca Muslim. Jurang inilah yang menjadi asas kepada keperluan dan justifikasi kajian ini dijalankan,


2.8 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, sorotan literatur ini memperlihatkan bahawa fenomena buku Indie di Malaysia bukan sekadar berkaitan dengan perubahan bentuk penerbitan atau gaya penulisan alternatif, tetapi berkait rapat dengan peralihan wacana pemikiran dan nilai yang dibawa melalui teks. Kajian-kajian terdahulu telah menunjukkan secara konsisten kewujudan elemen liberal dalam buku Indie, khususnya melalui pengagungan kebebasan mutlak, pengembangan pluralisme agama serta kecenderungan menolak autoriti ulama dan wahyu sebagai sumber rujukan utama. Elemen-elemen ini hadir dalam pelbagai genre dan bentuk penulisan, sama ada secara tersurat mahupun tersirat, dan memainkan peranan penting dalam membentuk cara fikir pembaca, terutamanya dalam kalangan generasi muda.

Namun demikian, sorotan ini juga menunjukkan bahawa sebahagian besar kajian terdahulu masih menumpukan perbincangan pada tahap pengenalpastian tema dan penilaian kandungan secara berasingan. Analisis yang meneliti bagaimana unsur-unsur liberal tersebut beroperasi secara bersepadu dalam teks, serta bagaimana ia dinormalisasikan melalui strategi bahasa, naratif dan konteks sosial, masih terbatas. Keadaan ini menuntut satu pendekatan kajian yang lebih menyeluruh dan kritikal, bukan sahaja untuk mengenal pasti unsur liberal, tetapi untuk memahami mekanisme wacana yang membentuk dan menyebarkan pemikiran tersebut.

Sehubungan itu, kajian ini mengambil langkah untuk menganalisis buku Indie sebagai produk wacana yang sarat dengan muatan ideologi, dengan menggabungkan analisis teks dan konteks sosial berpandukan kerangka analisis wacana kritis serta epistemologi Islam. Pendekatan ini diharapkan dapat memberikan kefahaman yang lebih mendalam tentang bagaimana pemikiran liberal dibentuk, disampaikan dan diterima melalui buku Indie, sekali gus menyumbang kepada pengukuhan wacana

akademik berkaitan pemikiran Islam, budaya bacaan dan cabaran ideologi semasa di Malaysia. Bab seterusnya akan menghuraikan reka bentuk metodologi kajian yang digunakan bagi mencapai objektif tersebut



BAB III

METODOLOGI KAJIAN

3.1 PENGENALAN

Bab ini akan membincangkan tentang proses dan prosedur bagaimana kajian ini dilaksanakan. Segala prosedur yang ada kaitannya dengan kajian ini seperti; reka bentuk kajian, sampel dan informan kajian, instrumen yang digunakan, prosedur untuk mengumpul serta menganalisis data, isu kesahan serta kesahihan kajian akan diperincikan secara mendalam. Segala prosedur ini yang dikenali sebagai metodologi kajian amat diperlukan dalam memandu sesebuah kajian itu berada dalam landasan kerja yang tersusun, dan seterusnya memudahkan objektif kajian ini dapat dicapai

3.2 REKA BENTUK KAJIAN

Secara amnya, kajian yang dijalankan berbentuk kajian analisis kandungan kerana dapatan kajian mengkhusus sepenuhnya terhadap buku Indie yang melibatkan kepada tiga perkara utama iaitu perkembangannya, gaya penulisan dan isi kandungannya. Rasional memilih kajian berbentuk begini adalah untuk membolehkan pengkaji menganalisis nilai dan mencari jawapan sebenar tentang fenomena kewujudan buku Indie dalam masyarakat hari ini. Kajian ini akan memfokuskan tentang bentuk gaya penulisan buku Indie dan kandungannya kerana kewujudannya agak baru dalam dunia penerbitan buku dan media komunikasi, dan ini telah menimbulkan keinginan kepada penyelidik untuk meneroka dengan lebih mendalam bagi mendapatkan gambaran sebenar fenomena buku Indie. Seperti mana yang dinyatakan oleh Grbich (2007) bahawa analisis kandungan merupakan kaedah yang sesuai dan sah untuk membuat kesimpulan yang spesifik terhadap sesebuah kandungan teks seterusnya boleh menghasilkan satu pendekatan analisis empirikal yang autentik.

Kajian ini ialah kajian kualitatif iaitu kajian yang tidak melibatkan langsung dengan data statistik, bahkan sepenuhnya kepada huraian dalam bentuk teks. Suasana ini menepati dengan apa yang dimaksudkan oleh (Huberman 1994) bahawa penyelidikan kualitatif adalah satu reka bentuk kajian yang berasaskan kepada '*by word*' and '*picture*', yang menggunakan huraian dan pelaporan secara verbatim (ayat demi ayat atau frasa demi frasa) tanpa sebarang cerapan statistik. Dengan takrif yang lebih mudah, kajian kualitatif melibatkan pelbagai cara serta berasaskan kepada keperluan kajian yang memerlukan kepada penerokaan yang mendalam terhadap sesuatu fenomena yang tidak boleh disingkap dengan data statistik. Pemahaman terhadap fenomena sosial ini akan menggunakan data berbentuk bukan angka mahupun kategori seperti teks, video, foto, transkrip perbualan atau percakapan yang diambil secara langsung di lapangan atau semasa sesi temu bual (Othman Lebar 2018).

Kandungan kajian juga merupakan faktor mengapa pendekatan kualitatif diambil. Perkembangan buku Indie merupakan fenomena baru dalam dunia penerbitan buku masa kini dan keterujaan untuk mengetahuinya secara mendalam mendorong kajian ini dilakukan. Selain itu, persoalan mengenai bentuk gaya penulisan dan isi kandungan buku Indie juga timbul ekoran buku Indie dikatakan mempunyai kelainan berbanding buku-buku terbitan syarikat arus perdana. Maka, kajian ini telah menggunakan kaedah kualitatif dan deskriptif kerana gaya penulisan dan kandungan buku Indie adalah merupakan satu fenomena baru yang terhasil daripada ledakan aplikasi media baharu dan penggunaan ke dua-dua kaedah tersebut amat sesuai dan berupaya memenuhi kehendak kajian seperti yang dinyatakan oleh (Poth 2018) iaitu; (i) memberi kefahaman terperinci tentang fenomena yang dikaji, (ii) untuk meneroka proses dan bentuk amalan atau praktik, (iii) dapat menyediakan perspektif yang kaya dan terperinci, (iv) membantu penyelidik memahami lebih mendalam tentang proses dan bentuk-bentuk sesuatu amalan. Ia menunjukkan penyelidikan kualitatif ini mempunyai ruang kajian yang agak luas kerana keupayaannya yang boleh meneroka perkara-perkara yang terlalu abstrak, yang tidak boleh dilakukan dalam penyelidikan berbentuk kuantitatif.

3.3 SAMPEL KAJIAN

Kajian ini menggunakan sampel bertujuan atau purposive sampling yang bermaksud sampel yang mengandungi tujuan yang khusus atau yang benar-benar dipilih kerana memenuhi segala kriteria, sifat dan mengandungi maklumat seperti yang dikehendaki dalam kajian. Patton (2002) menyatakan pensampelan bertujuan mampu membekalkan segala maklumat dan data yang dikehendaki dalam kajian setelah pengkaji melakukan pertimbangan yang teliti semasa pemilihan sampel dengan menetapkan sampel tersebut amat berguna, sesuai serta memenuhi keperluan tujuan kajian. (Tissdell 2016) turut menambah sebelum memutuskan jenis sampel yang akan digunakan, pengkaji mestilah menentukan jenis kriteria pensampelan yang dikaji terlebih dahulu. Dalam penentuan kriteria tersebut, pengkaji telah memutuskan keperluan atribut sampel yang dikehendaki, kemudian barulah mencari sampel yang sesuai. Kriteria yang ditetapkan dalam pensampelan bertujuan ini secara langsung mencerminkan kandungan kajian dan panduan dalam pengenalpastian kepelbagaian maklumat yang ada. Bukan sahaja pengkaji boleh menghuraikan kriteria sampel tersebut, bahkan mampu memberi justifikasi kepentingan sampel tersebut terhadap kajian yang dijalankan.

Selaras dengan tujuan utama kajian yang menjadikan buku Indie sebagai subjek kajian, maka sudah tentu buku Indie akan menjadi sampel dalam kajian ini. Sebanyak 5 buah Indie telah dipilih sebagai sampel kajian iaitu;

- i. Aku____, maka aku ada! karya Faisal Tehrani
- ii. Antithesis karya Benz Ali
- iii. Alif Lam Lam Ha karya Universiti Terbuka Anak Muda (UTAM)
- iv. Nasionalisme Longkang karya Hadri Shah.
- v. Aku Kafir Kau Siapa karya Ooi Kok Hin

Tiga buku ini hasil terbitan syarikat Dubook Press, salah sebuah syarikat penerbitan buku Indie yang besar dan berpengaruh dalam dunia penerbitan buku Indie di Malaysia dan sebuah lagi penerbitan Thukul Chetak. Justifikasi pemilihan 5 buah buku ini sebagai sampel kajian berdasarkan kepada beberapa kriteria yang memenuhi keperluan kajian ini iaitu;

- i. Buku-buku ini telah dikeluarkan pada tahun 2010-2017
 - ii. Buku-buku ini merupakan antara buku best seller yang telah diulang cetak sehingga melebihi 1000 naskhah (maklumat daripada syarikat penerbitan)
 - iii. Tema penulisan buku berbentuk non-fiksi dan isi kandungannya menjurus kepada kritikan sosial, agama dan pemikiran
 - iv. Para penulis juga aktif menulis dalam media baharu seperti facebook dan blog.
- Maklumat terperinci termasuk isi kandungan dan sinopsis tentang ke semua buku ini akan dihuraikan secara terperinci dalam perbincangan yang seterusnya.

3.3.1 Latar belakang sampel kajian

Seperti mana yang dinyatakan sampel kajian yang menjadi fokus utama dalam kajian ini adalah merupakan buku-buku Indie yang telah dipilih berdasarkan justifikasi yang telah dinyatakan pada perbincangan sebelum. Topik ini akan memperincikan setiap sampel yang dipilih bagi memudahkan kita memahami kajian ini.

a. Sampel Buku 1 (SB1) – Aku _____, maka aku ada

Merujuk kepada tajuk di atas ini, buku sampel 1 yang dipilih ialah bertajuk ‘Aku____, maka aku ada’ yang telah ditulis oleh Faisal Tehrani. Buku ini mengandungi 22 bab dan 179 halaman yang diterbitkan oleh Dubook Press Sendirian Berhad pada tahun 2014 dan telah diulang cetak sebanyak tiga kali. Rajah 3.1 di bawah adalah kulit muka depan buku tersebut yang menunjukkan gambar penulis bersama seorang tokoh ulama dan politik yang sangat dikagumi Allahyarham Tuan Guru Hj Nik Abdul Aziz Nik Mat. Gambar itu menunjukkan penulis buku sedang menanyakan sesuatu dengan Allahyarham. Turut bersama dilampirkan Jadual 3.1 yang merupakan senarai isi kandungan buku tersebut. Buku ini juga pernah menjadi kontroversi kerana pernah diharamkan oleh Kementerian Dalam Negeri pada 6 September 2017 disebabkan kandungannya mengandungi isu-isu Syiah dan Pluralisme. Warta yang dikuatkuasakan menyatakan buku ini ‘mungkin memudaratkan kententeraman awam, mungkin menggemparkan pemikiran orang ramai, dan mungkin memudaratkan kepentingan awam’ (Noor Azam 2017). Namun, ia masih boleh didapati dengan mudah disebabkan faktor sentiasa ada ulang cetak dan boleh didapati melalui pembelian secara atas talian.



Rajah 3.1 Muka depan kulit buku sampel buku 1 (SB1)

Sumber : Dubook 2017

Merujuk jadual 3.1 di bawah, ia merupakan senarai isi kandungan buku ini yang memaparkan nama tajuk bagi setiap bab. Buku ini merupakan koleksi esei yang dihasilkan penulis bagi meluahkan rasa terhadap isu-isu yang berkaitan tentang agama dan masyarakat seperti mana yang dinyatakan di muka kulit buku ‘koleksi artikel, esei dan luahan perasaan’ (Faisal Tehrani 2016).

Jadual 3.1 Senarai kandungan sampel buku 1 (“Aku _____, maka aku ada”)

Bil	Tajuk isi kandungan	Halaman
1	MH370, Maira mengajar kami	8
2	Isa, seorang ateis	14
3	Seorang muslim, seorang Lutheran	22
4	Beriman dari tanya	31
5	Tuhan untuk ultraman	41
6	Janji Malaya tanya Isma	49
7	Jasa seorang Ahmadiyyah, Qadiani	58
8	Pengantin Hindu bernama Zehra	67
9	Menyukai kentang Mc Donalds	75
10	Mengapa mereka enggan berkabung	83
11	Orang Melayu naik haji	91
12	Hang Tuah pesta arak	97
13	Masihkah engkau suri teladan Duhai Nabi	105
14	Kau sendiri anjing	112

Bersambung...


....sambungan

15	Fatwasis, atau fatwa fasis	117
16	Islam seperti Parameswara	124
17	Lapan jalan feudal	134
18	Noor Farida & 25 Melayu	142
19	Banjir, hudud siapa	150
20	Tetapi Nancy, Apakah hak asasi manusia ala Malaysia	158
21	Panda datang surau	165
22	Aku liberalis	173

Sumber : Faisal Tehrani -Dubook 2017

b. Sampel Buku 2 (SB2)-Antithesis

Sampel buku dua pula merupakan sebuah buku yang bertajuk ‘Antithesis’ yang mempunyai 230 halaman yang telah ditulis oleh Benz Ali. Buku ini juga telah diterbitkan oleh Dubook Press Sendirian Berhad pada tahun 2014 dan telah diulang cetak sebanyak tiga kali (Benz Ali 204AD) . Seperti mana merujuk rajah 3.2 di bawah yang menunjukkan kulit muka depan sampel buku ini, yang menggambarkan wajah penulis yang seolah-olah sedang marah dengan ilustrasi tulisan merah yang dibesarkan saiz hurufnya.




Rajah 3.2 Muka depan kulit buku sampel buku 2 (SB2)

Sumber : Benz Ali 2017

Buku ini mempunyai 99 bab yang hanya dilabelkan dengan nombor sahaja dan tidak mempunyai tajuk. Kandungan buku ini hampir sama dengan sampel buku pertama yang berkisar mengenai luahan perasaan penulisan yang berbaur kritikan dan kecaman terhadap isu-isu yang menyentuh agama, masyarakat serta politik di Malaysia. Buku ini juga pernah diharamkan oleh Kementerian Dalam Negeri disebabkan kandungannya yang bertentangan dengan ajaran Islam (Anon 2017). Buku ini juga telah diharamkan pada 19 September 2017 bersama dengan beberapa buah buku yang lain, dengan alasan buku ini mengandungi elemen kecelaruan yang boleh menggugat ketenteraman awam. Selain itu, buku ini juga bertemakan tentang kritikan yang keras terhadap institusi ulama, institusi agama dan juga pihak universiti.

c. Sampel Buku 3 (SB 3)- Alif Lam Lam Ha

Perbincangan seterusnya mengenai sampel buku 3 yang mempunyai tajuk yang agak simbolik iaitu 'Alif Lam Lam Ha'. Buku ini merupakan hasil karya dari sekumpulan anak muda yang menggelarkan diri mereka sebagai 'Kru Universiti Terbuka Anak Muda' atau UTAM. Buku ini juga turut diterbitkan oleh syarikat Dubook Press Sendirian Berhad pada tahun 2014 dan telah diulang cetak sebanyak tiga kali (UTAM 2015). Rajah 3.3 di bawah menunjukkan muka depan kulit sampel buku 3. Gambar kulit muka depan menunjukkan sebuah patung yang sedang menongkat dagunya yang semestinya mengandungi pelbagai makna yang boleh membawa pelbagai interpretasi dalam minda awam., selaras dengan caption diluar kulit buku yang menyatakan 15 anak muda berserita tentang kemanusiaan, agama, cinta, politik dan budaya.



Rajah 3.3 Muka depan kulit buku sampel buku 3 (SB3)

Sumber : Dubook 2017

Buku ini mempunyai 177 halaman yang ditulis dalam 18 bab. Berikut dalam Jadual 3.2 menunjukkan senarai isi kandungan sampel buku Indie yang ke tiga.

Jadual 3.2 Senarai kandungan sampel buku 3 (Alif Lam La Ha)

Bab	Tajuk / Isi kandungan	halaman
1	Surat kepada bekas kekasih	15
2	Amna Machiavelli	21
3	Bergelap	33
4	Bangunkan dia	43
5	Perpustakaan dia	50
6	Ini dunia Melayu, Ini dunia Cina	62
7	Persoalan bertuhan	69
8	Pelangi petang	85
9	Walid	94
10	Alif, Lam, Lam, Ha. Ha Ha Ha	109
11	Intelektualisme dan anak muda	117
12	Paradoks	125
13	Sebuah perjalanan	134
14	Di Doha, bicara pemikiran Islam	141
15	Dialog si pengemis	148
16	Demonstrasi kerana harga buku mahal	158
17	P.T.M	162
18	Asing	171

Sumber : Dubook 2017

d. Sampel Buku 4 (SB4) – Aku Kafir, Kau Siapa (Jangan Jawab)

Sampel buku ke empat merupakan antara sampel buku Indie yang mempunyai keunikan yang tersendiri dengan menggunakan tajuk ‘Aku Kafir, Kau Siapa (Jangan Jawab)’. Buku ini telah diterbitkan pada tahun 2015 yang ditulis oleh Ooi Kok Hin, seorang graduan Sains Politik dan Falsafah di Universiti Ohio State University dan merupakan antara buku yang terlaris dijual. Buku ini juga diterbitkan oleh syarikat Dubook Sendirian Berhad dan telah di ulang cetak sebanyak 3 kali pada tahun 2015 (Ooi Kok Hin 2015). Rajah 3.4 di bawah merupakan kulit muka depan buku tersebut yang menggambarkan penulis sedang duduk di atas tebing yang tinggi sambil wajahnya melihat ke bawah. Tajuk buku ini juga agak kontroversi bila diajukan persoalan ‘Aku Kafir, Kau siapa?’ yang menunjukkan satu persoalan, namun disertakan di situ juga arahan ‘Jangan Jawab’. Tajuk seperti ini sebenarnya mengundang spekulasi dan menggamit keinginan pembaca untuk mengetahui isi kandungannya.



Rajah 3.4 Muka depan kulit buku sampel buku 4(SB4)

Sumber : Dubook 2017

Buku ini mengandungi 192 halaman muka surat dan kandungannya dibahagi kepada 3 segmen iaitu segmen pendidikan, Agama dan Kebebasan dan politik. Jadual 3.3 yang dilampirkan menunjukkan isi kandungan buku ini. Sebanyak 36 tajuk penulisan yang terkandung dalam buku ini.

Jadual 3.3 Senarai kandungan sampel buku 4(Aku kafir kau siapa)

Bil	Isi Kandungan / Tajuk	MS	Bil	Isi Kandungan/Tajuk	MS
	Bahagian 1-Kemelut Pendidikan		18	LGBT	127
1	Riwayat: Detik-detik sekolah Kebangsaan	21	19	Kalau tak buat salah, kenapa nak takut	129
2	Memikir semula sekolah satu aliran	26	18	Kalau tak buat salah, kenapa takut	129
3	Belajar, dahulu, politik kemudian	34	19	Socrates pergi sembahyang Jumaat	133
4	Mwngasingkan universiti dari politik ibarat misahkan pelajar dari masyarakat	38		Bahagian 3 : Politik	
5	Ibu segaala rekod	47	20	Riwayat sambung pelajaran di luar negara	139
6	Riwayat: pasang surut di Penang Free School	49	21	Multikultural Malaysia vs Asimilasi Indonesi	146
7	Keluar dari dikotomi palsu, kea rah tindakan alternatif yang adil	57	22	Aplikasi situational Forces terhadap analisis politik	155
8	Pelajar, politik dan Kelab Umno luar negara	64	23	Mansuhkan sayap wanita	161
9	Socrates tidak grad lagi	71	24	Pelobi dan teori identiti	166
10	Socrates jumpa mahasiswa Malaysia	74	25	Riwayat satu pemerhatian ringkas	170
	Bahagian 2: Agama & Kebebasan		26	Suami kau kafir harbi	171
11	Riwayat Kejutan Budaya 1:Kolej Matrikulasi Selangor	85	27	Socrates dan politik double standard	173

bersambung...


bersambung...

12	Perbandingan antara pengalaman Islam di Amerika dengan Islam di Malaysia	92	28	Socrates dan akta hasutan	175
13	Soal Jawab: Adakah liberalisme dan sekularisme anti agama	97	29	Alasan terbaik PR tidak naikkan harga minyak	177
14	Agama, Syariah dan hudud	106	30	Pulau Pinang bakal melaksanakan undang-undang Yahudi	178
15	Riwayat Kejutan Budaya II: Taylor's College	114	31	MB Kelantan banjir tanda Allah murka dengan kami	181
16	Soal jawab mengapa awak agnostik	121	32	Socrates jumpa ahli politik	183
17	LGBT	127	33	Epilog	189

Sumber :Dubook 2017

e. Sampel Buku 5 (SB5) – Nasionalisme Longkang

Sampel buku ke lima pula bertajuk ‘Nasionalisme Longkang’ yang ditulis oleh Hadri Shah dengan mempunyai sebanyak 125 muka surat. Buku ini merupakan koleksi artikel yang ditulis di blog beliau yang bertajuk biskutmeah.blogspot.com dan kemudian dikumpulkan, kemudian diterbitkan menjadi sebuah buku (Hadri Shah 2017). Rajah 3.5 di bawah menunjukkan kulit muka depan buku tersebut yang menggambarkan Mantan Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad yang kelihatan tangannya sedang memegang dadanya yang berdarah . Gambar sebegini kemungkinan menunjukkan rasa amarah beliau atas ketidakpuasan hati terhadap kepimpinan Mantan Perdana Menteri. Apa pun penelitian buku ini akan dibincangkan pada perbincangan seterusnya.



Rajah 3.5 Muka depan kulit buku sampel buku 5(SB5)

Sumber : Dubook 2017

Buku ini mengandungi 36 topik dan perincian setiap tajuk topik boleh dilihat pada Jadual 3.4 di bawah;

Jadual 3.4 Senarai kandungan sampel buku 5 (Nasionalisme Longkang)

BIL	TAJUK/ISI KANDUNGAN	MS	BIL	TAJUK/ISI KANDUNGAN	MS
1.	Jihad Selfie	9	19.	Bangsa viral	71
2	Liyana, PPRT & Zouk	14	20.	Kesatuan tembolok	74
3.	Si Tua, Ramadan & Konsurisme	17	21.	MayDay kaum pekerja	76
4.	Kedah Tua & Ketuanan bangsa	21	22.	Antara legasi & kecanduan	80
5.	Alyan, Galip & Rihanna	25	23.	Eskapisme dari langit	85
6.	Setannya konflik perang	27	24.	Tragedi si Nerdy	88
7.	Membenih perlawanan	31	25.	Daerah Kasta	90
8.	Nasionalisme Longkang	37	26.	Dunia Barbarian	92
9.	Dilema aurat, arak dan air mata	39	27.	Khutbah barbarik	97
10.	Mutant sekularisme	42	28.	Akidah Feudal	100
11.	Pendidikan sakral	47	29.	Fatwa Instant	104
12.	Perut & Hierarki makanan	49	30.	Komoditi Selawat	107
13.	Dosa kapitalis & slogan muluk	51	31.	Perihal Islamis Glamer	110
14.	Kuasa berhutang	53	32.	Poligami untuk masjid	112
15.	Nasi goreng tanpa cukai	56	33.	Tembok feudal masjid	114
16.	Perbankan jubah putih	59	34.	Kaum Marjinal & Zombie	117
17.	Aksi vulgar atau perjuangan romantis	65	35.	Bangkai Manusia Agama	121
18.	Utopia politik kepartian	69	36.	Kapitalis berketayap putih	123

Sumber : Hadri Shah Thukul Chetak 2017

3.4 INFORMAN KAJIAN

Kajian ini juga memerlukan sumber data ke dua bagi mengukuhkan lagi data kajian. Sumber data ke dua ini melibatkan informan yang terlibat secara langsung dengan perkembangan buku Indie di Malaysia dan kesemua informan ini akan ditemu bual bagi mendapatkan maklumat yang dikehendaki dalam kajian ini. Dalam kajian ini, terdapat tiga golongan informan yang telah dipilih dan mempunyai keterlibatan aktif dengan buku Indie. Jumlah informan tidak ditentukan dan bergantung sepenuhnya kepada keperluan kajian.

Kajian ini telah melakukan pemilihan Informan dengan teliti untuk memastikan data yang diperoleh relevan dan mendalam. Informan yang dipilih untuk di temu bual adalah mereka yang aktif dalam dunia penulisan dan penerbitan buku Indie, serta individu yang mengkaji fenomena buku Indie di Malaysia. Pemilihan ini bertujuan

untuk mendapatkan perspektif yang menyeluruh mengenai keunikan dan pemaknaan buku Indie dari sudut pandang yang berbeza.

Sebanyak lapan orang informan yang dipilih dalam temu bual ini. Antaranya, 3 orang penulis buku Indie, 3 orang penerbit buku Indie dan 2 orang pengkaji fenomena buku Indie. Bagi para penulis, pemilihan berdasarkan keaktifan mereka menulis dan reputasi mereka dalam komuniti buku Indie, Manakala, penerbit buku Indie adalah individu yang aktif menulis dan menerbitkan buku Indie secara berkelompok dan berjaya mempunyai penerbitan sendiri. Akhir sekali, para pengkaji yang berlatar belakangkan aliran akademik dan bergiat aktif melakukan kajian mengenai buku Indie juga dipilih sebagai informan dalam kajian ini. Semua informan yang dipilih ini dilihat mampu memberikan analisis kritikal mengenai evolusi buku Indie, serta impaknya terhadap budaya membaca dan penerbitan di Malaysia.

Jadual 3.5 di bawah merupakan rumusan latar belakang para informan serta pengalaman mereka dalam penulisan dan penerbitan buku Indie. Semua Informan ini di beri kod sebagai IN1 sehingga IN8 sebagai pengenalan diri yang akan digunakan semasa perbincangan dalam bahagian ini.

Jadual 3.5 Senarai maklumat informan kajian

Kod	Jantina	Status	Pengalaman
IN1	Lelaki	Penulis buku	Seorang penulis, telah menghasilkan 3 buah buku Indie
IN2	Lelaki	Penulis buku	Seorang penulis, telah menghasilkan 3 buah buku. Beliau juga seorang penerbit dan pengarah filem
IN3	Lelaki	Penulis buku	Seorang penulis, telah menghasilkan 5 buah buku yang bersifat kritikan kepada masyarakat.
IN4	Lelaki	Penerbit buku	Seorang penerbit dan juga menulis. Mempunyai syarikat penerbitan buku Indie. Mula aktif tahun 2008. Data tahun 2016, telah menerbitkan lebih 60 buah buku.
IN5	Lelaki	Penerbit buku	Seorang penerbit. mempunyai syarikat penerbitan sendiri. Mula beroperasi pada tahun 2011. Telah menerbitkan sebanyak 50 buah buku Indie.

bersambung...

sambungan...

IN6	Lelaki	Penerbit buku	Seorang penerbit. Mempunyai syarikat penerbitan. Telah menerbitkan 50 buah buku sehingga tahun 2016
IN7	Lelaki	Pengkaji	Seorang pengkaji. telah menghasilkan 5 artikel berkaitan dengan buku Indie
IN8	Lelaki	Pengkaji	Seorang pengkaji yang aktif. pernah membuat kajian grounded teori berkaitan fenomena buku Indie di Malaysia

Sumber : Lily Yaakub 2018

Data informan menunjukkan kesemuanya mempunyai jantina yang sama. Ini disebabkan golongan lelaki merupakan golongan yang ramai terlibat aktif dengan buku Indie berbanding pihak wanita. Walaupun golongan wanita ada yang turut terlibat, namun bilangan yang agak terkedepan mewakili buku Indie sama ada sebagai penulis mahupun penerbit masih agak kurang dan sukar ditemui pada masa kajian ini dilakukan.

3.5 TATACARA PELAKSANAAN KAJIAN

Pelaksanaan kajian ini akan dilaksanakan mengikut persoalan kajian yang telah dirangka. Jadual 3.6 dibawah menunjukkan tatacara yang akan diaplikasikan dalam kajian ini.

Jadual 3.6 Jadual pelaksanaan kajian

Fasa	Soalan Kajian	Instrumen Kajian
Fasa 1-Mengkaji gaya penulisan buku Indie	Apakah gaya penulisan yang terdapat di dalam buku-buku Indie yang dikaji	Analisis dokumen (buku Indie) dengan menggunakan senarai semak gaya penulisan Indie yang dibina berdasarkan Teori Analisis Wacana Fairclough yang disahkan oleh pakar
Fasa 2-Mengkaji amalan wacana buku Indie	Bagaimanakah amalan wacana buku Indie berperanan sebagai medium penyampaian pemikiran Islam liberal	Temubual bersama informan Analisis dokumen yang berkaitan dengan buku Indie Analisis video
Fasa 3-Mengkaji kandungan buku Indie dengan memfokuskan kepada tema penulisan yang menjurus idea dan pemikiran Islam liberal.	Apakah isi kandungan buku Indie yang dikaji mengandungi unsur-unsur pemikiran Islam liberal	Analisis dokumen (buku Indie) dengan menggunakan senarai semak kerangka elemen Islam liberal yang telah disahkan oleh pakar

Sumber: Lily Yaakub 2018

Jadual di atas mengandungi fasa kajian, persoalan kajian serta instrumen yang digunakan untuk menjawab persoalan kajian tersebut Ia menunjukkan proses perjalanan kajian ini dilaksanakan serta bentuk instrumen kajian yang akan diguna pakai bagi memperolehi data dan maklumat bagi melengkapkan kajian ini.

3.6 PROSES PENGUMPULAN DATA

Pengumpulan data adalah satu daripada langkah yang penting dalam menentukan maklumat yang digunakan untuk menilai sesuatu kajian yang dikutip dengan cara yang betul, sah dan boleh dipercayai. Memandangkan kajian ini kajian kualitatif, maka data mestilah data kualitatif yang mempunyai ciri yang berlainan dengan kajian kuantitatif. Menurut Ghazali & Sufean (2016) data kualitatif merupakan data mentah yang boleh diperolehi dari pelbagai sumber dan bahan yang dikaji daripada sampel kajian termasuklah; perlakuan, percakapan, tingkah laku, isyarat serta lambang yang memberi makna, atau semua bahan daripada apa yang dirakam, ditemu bual, diperhatikan atau dicatat. Maka, seseorang pengkaji mestilah mampu menentukan sumber data yang sesuai dan kaedah pengumpulan data yang betul mengikut prosedur yang sah agar matlamat kajian dapat dicapai.

Untuk menjalankan proses pengumpulan data, beberapa kaedah telah digunakan. Oleh sebab kajian ini menggunakan analisis kandungan sebagai reka bentuk kajian, maka kaedah pengumpulan data secara kualitatif telah digunakan iaitu; analisis dokumen dan temu bual.

3.6.1 Analisis dokumen

Analisis dokumen merupakan salah satu instrumen pengumpulan data yang amat sesuai bagi kajian kualitatif yang menggunakan analisis kandungan sebagai reka bentuk kajian. Menurut Merriam & Tisdell (2016), dokumen ialah terma umum yang merangkumi bahan berbentuk teks, visual, kandungan digital dan bahan fizikal yang relevan dengan kajian seperti rakaman audio temu bual, novel, foto, bahan media, serta rekod institusi. Dalam kerangka yang sama, analisis dokumen tidak sekadar “membaca” dokumen, tetapi merupakan satu proses menilai, mengekstrak, mengekod dan mentafsir kandungan dokumen secara sistematik untuk menghasilkan pemahaman yang lebih mendalam tentang fenomena yang dikaji. Bowen (2009) menegaskan bahawa analisis

dokumen ialah prosedur sistematik untuk menilai dokumen bercetak dan dokumen elektronik; data daripada dokumen perlu diperiksa dan ditafsir bagi memperoleh makna, meningkatkan kefahaman serta membina pengetahuan empirikal.

Sejajar dengan objektif kajian ini untuk mendapatkan pengetahuan dan maklumat yang mendalam mengenai buku Indie yang menjurus kepada dua aspek utama iaitu (i) perkembangan penerbitan/ekosistemnya dan (ii) isi kandungan yang dianalisis dari sudut gaya penulisan serta elemen pemikiran Islam liberal, maka kaedah analisis dokumen dipilih sebagai kaedah utama, dan data yang diperoleh dianggap sebagai data primer kajian. Hal ini menepati hujah Merriam (1998) bahawa analisis dokumen ialah prosedur yang sistematik untuk menjelaskan kandungan komunikasi dengan baik, termasuk mengenal pasti ketepatan penggunaan perkataan, frasa dan ayat dalam teks. Bowen (2009) pula memperincikan bahawa dokumen boleh berfungsi sebagai sumber yang stabil (tidak berubah-ubah), boleh disemak berulang kali, serta menyokong pemerhatian tentang pola, tema dan makna sosial yang berulang dalam komunikasi.

Dalam konteks kajian ini, analisis dokumen juga dipilih kerana ia membolehkan penyelidik menyingkap makna yang tersurat dan tersirat dalam teks—termasuk sikap, orientasi nilai serta kecenderungan ideologi—seperti yang dihuraikan oleh Bowen (2009) bahawa dokumen boleh menjadi “tingkap” untuk memahami konteks sosial dan amalan yang melatari pembentukan sesuatu wacana. Dengan itu, dokumen bukan dilihat sebagai bahan pasif, sebaliknya sebagai produk komunikasi yang terhasil daripada keputusan penulis/penerbit, norma pasaran, latar budaya, dan pertarungan wacana dalam masyarakat.

Analisis dokumen dalam kajian ini digunakan untuk’

- a) Menenal pasti gaya penulisan yang diaplikasikan dalam buku Indie (contohnya pola leksikal, campur kod, nada, gaya retorik, struktur naratif, strategi sindiran/ironi, dan sebagainya).
- b) Menganalisis elemen sosial yang diaplikasikan dalam buku Indie (contohnya tema sosial, gambaran institusi, hubungan kuasa, representasi autoriti agama, wacana kebebasan, dan lain-lain).

- c) Mengkaji isi kandungan buku Indie dengan memfokuskan elemen-elemen pemikiran Islam liberal (sebagai kerangka unit analisis ideologi yang telah ditetapkan dalam kajian).

Sehubungan dengan itu, analisis dokumen dilakukan terhadap dua bahan dokumen utama yang dianggap paling relevan untuk menjawab persoalan kajian;

i. Buku-buku Indie (sampel kajian)

Buku Indie yang dipilih sebagai sampel berfungsi sebagai dokumen teks utama yang memuatkan data linguistik dan ideologi. Teks buku membolehkan penyelidik mengenal pasti pola kebahasaan dan strategi wacana secara konsisten kerana bahan ini bersifat stabil dan boleh dianalisis berulang kali (Bowen, 2009). Data daripada buku dianalisis pada tahap mikro (perkataan/frasa/ayat) dan tahap meso (perenggan/bab/tema) bagi membina gambaran menyeluruh tentang gaya dan kecenderungan wacana.

ii. Rakaman video forum penerbit–penulis buku Indie

Rakaman video forum digunakan bagi menangkap dimensi meta-wacana: bagaimana penerbit/penulis menjelaskan tujuan, falsafah penerbitan, orientasi nilai, sasaran pembaca, dan justifikasi gaya bahasa atau tema yang dipilih. Dokumen video dilihat sebagai dokumen digital yang mengandungi data pertuturan, intonasi, penegasan, dan strategi pembingkajian isu yang mungkin tidak muncul secara eksplisit dalam teks buku. Ini selari dengan definisi dokumen yang merangkumi bahan digital dan visual (Merriam & Tisdell, 2016).

Bagi memastikan dokumen yang dianalisis benar-benar bernilai sebagai data kajian, penilaian dibuat terhadap dokumen menggunakan prinsip penaksiran dokumen yang lazim dalam penyelidikan sosial. Dalam tradisi penyelidikan dokumen, Scott menghuraikan empat kriteria asas penilaian dokumen iaitu authenticity (keaslian), credibility (kebolehpercayaan), representativeness (kewakilan), dan meaning (makna). Dalam kajian ini, keempat-empat prinsip tersebut diaplikasikan seperti berikut:

i. Keaslian (authenticity)

- a) Buku: disahkan melalui maklumat penerbitan, identiti penerbit, edisi/cetakan, serta bukti fizikal/metadata penerbitan.
- b) Video forum: dipastikan datang daripada sumber yang boleh dikenal pasti (contohnya saluran rasmi/individu yang terlibat), dengan semakan tarikh, lokasi, dan konteks program.

ii. Kebolehpercayaan (credibility)

Kandungan diteliti untuk membezakan antara dakwaan, pandangan peribadi, retorik promosi, dan hujah yang disokong alasan. Ini penting kerana dokumen boleh mengandungi bias, tujuan memujuk, atau agenda tertentu.

iii. Kewakilan (representativeness)

Pemilihan dokumen dibuat agar mewakili variasi tertentu dalam corak penulisan Indie (misalnya variasi tema, gaya, atau kecenderungan wacana yang dikaji). Prinsip ini penting supaya dapatan tidak terikat kepada satu suara terpencil.

iv. Makna (meaning)

Penyelidik menafsir istilah, sindiran, slanga, atau rujukan budaya dalam konteks masa dan komuniti pembaca sasaran. Dokumen dinilai dengan mengambil kira konteks penghasilan dan konteks penerimaan supaya makna tidak “teralih” daripada maksud sosial sebenar.

Bagi memenuhi kehendak reka bentuk analisis kandungan, prosedur analisis dokumen dilaksanakan secara berperingkat dan sistematik seperti berikut (disesuaikan daripada prinsip analisis dokumen Bowen, 2009 dan amalan pengurusan/penilaian dokumen dalam kajian sosial):

i. Pengumpulan dan pengurusan dokumen (document management)

Semua dokumen (buku dan rakaman video) dikumpulkan dan diurus melalui sistem fail yang konsisten. Bagi setiap dokumen, penyelidik menyediakan lembaran profil dokumen yang merekod metadata penting seperti: tajuk, penulis, penerbit, tahun terbit, genre/tema dominan, ringkasan kandungan, serta catatan awal tentang isu yang berpotensi menjadi unit analisis (contohnya wacana kebebasan, kritikan institusi, pluralisme, atau relativisme).

Bagi rakaman video forum, metadata seperti tarikh program, pihak penganjur, panel yang terlibat, durasi, serta segmen perbincangan turut direkod. Langkah ini penting bagi membina audit trail iaitu jejak kerja yang membolehkan proses analisis dijejaki semula secara telus (selari dengan tuntutan ketelitian metodologi kualitatif).

ii. Saringan awal dan pembacaan berulang (skimming + repeated reading/viewing)

Penyelidik menjalankan bacaan awal untuk memahami struktur kandungan, nada umum, dan tema berulang. Untuk video, penyelidik menonton beberapa kali: tontonan pertama untuk memahami konteks; tontonan kedua untuk mengenal pasti segmen penting; tontonan seterusnya untuk menanda petikan (timestamp) yang relevan dengan objektif kajian. Bowen (2009) menekankan bahawa analisis dokumen memerlukan pemeriksaan dan tafsiran yang teliti, bukan sekadar petikan terpilih secara rawak.

iii. Penentuan unit analisis (unitizing)

Kajian ini menetapkan unit analisis mengikut dua tahap:

- a) Unit linguistik: perkataan, frasa, klausa, ayat, dan perenggan yang menunjukkan ciri gaya (misalnya bahasa rojak, slanga, ironi, hiperbola, kata kesat, metafora, bentuk seruan, atau pilihan kata yang memposisikan autoriti agama).
- b) Unit tematik-ideologi: petikan yang memaparkan elemen pemikiran Islam liberal (mengikut kerangka yang dibina dalam kajian), termasuk bentuk naratif yang menormalkan relativisme, menolak autoriti tradisi, memusatkan

kebebasan individu, atau membingkaikan agama sebagai hal peribadi semata-mata.

Penentuan unit analisis yang jelas penting untuk mengelakkan analisis menjadi terlalu umum dan sukar diuji semula oleh pembaca akademik.

iv. Pengekoden (coding) dan pembinaan kategori

Selepas unit dikenal pasti, penyelidik membina kod awal (open coding) berpandukan objektif kajian, kemudian menggabungkan kod kepada kategori yang lebih besar. Dalam konteks buku Indie, kategori lazimnya terbahagi kepada:

- a) Kategori gaya penulisan (contoh: campur kod, slanga, sindiran, gaya dialog, gaya provokasi, bentuk naratif tertentu).
- b) Kategori sosial (contoh: representasi institusi agama, wacana generasi muda, kritikan budaya, gambaran autoriti, konflik nilai).
- c) Kategori ideologi Islam liberal (subkategori mengikut elemen yang telah dibangunkan dalam kerangka kajian).

Proses ini bersifat iteratif (merujuk kepada proses analisis yang dijalankan secara berulang dan berperingkat, di mana penyelidik sentiasa kembali kepada data asal untuk menyemak, memperhalusi dan menambah baik kategori, kod serta tafsiran selari dengan kefahaman yang semakin berkembang): kod boleh dilaras semula apabila penyelidik menemui pola baharu yang konsisten.

v. Analisis makna dan tafsiran konteks

Pada tahap ini, penyelidik tidak berhenti pada apa yang disebut, tetapi menilai bagaimana ia disebut dan untuk tujuan apa. Ini selari dengan hujah Bowen (2009) bahawa analisis dokumen perlu mengekstrak makna dan membina pemahaman, bukan sekadar menyusun petikan. Bagi video forum, analisis turut melihat strategi pemingkaian (framing) misalnya apabila penulis/penerbit menjustifikasi bahasa kasar sebagai realistik, atau menjustifikasi provokasi sebagai kebebasan berkarya. Data ini digunakan untuk menyokong tafsiran mengapa unsur tertentu dominan dalam teks buku.

vi. Semakan silang dan pengukuhan dapatan (triangulation within documents)

Walaupun kajian ini memfokuskan analisis dokumen, semakan silang dibuat antara dua jenis dokumen:

- a) Sama ada kenyataan dalam forum menguatkan atau menjelaskan pola yang ditemui dalam buku;
- b) Sama ada terdapat percanggahan antara wacana rasmi (penjelasan penulis/penerbit) dengan wacana teks (strategi bahasa dan mesej dalam buku).

Bowen (2009) menjelaskan dokumen boleh menyokong triangulasi dan membantu penyelidik menilai konsistensi makna merentas sumber.

vii. . Pelaporan dapatan secara berstruktur

Akhirnya, dapatan analisis dokumen dilaporkan mengikut tema dan kategori dengan menyertakan petikan terpilih sebagai bukti. Setiap petikan dihuraikan secara analitik: (i) ciri linguistik/tema, (ii) maksud tersurat dan tersirat, (iii) implikasi sosial/ideologi terhadap pembaca dan wacana masyarakat, dan (iv) perkaitan dengan objektif kajian.

Keseluruhannya, analisis dokumen dalam kajian ini berfungsi sebagai tulang belakang kepada penghasilan dapatan kerana ia membekalkan data yang kaya dan autentik tentang gaya penulisan, wacana sosial, serta kandungan ideologi dalam buku Indie. Dengan menggabungkan analisis buku (teks utama) dan rakaman forum (konteks dan justifikasi aktor), kajian ini memperoleh kefahaman yang lebih menyeluruh tentang bagaimana wacana buku Indie dibina, dinormalisasikan, dan disebar dalam ruang budaya baca semasa dan selari dengan prinsip analisis dokumen yang menekankan prosedur sistematik, penilaian kualiti dokumen, serta tafsiran makna yang teliti (Merriam, 1998; Bowen, 2009; Scott, 1990).

3.6.2 Analisis temubual

Temu bual merupakan salah satu kaedah pengumpulan data yang amat popular dalam kajian kualitatif. Ia melibatkan aktiviti pengkaji menyoal responden untuk mendapatkan jawapan atau maklumat yang dikehendaki oleh kajian. (Silverman 2005) menyatakan

temu bual sebagai suatu kaedah yang membolehkan pengkaji mencapai maklumat persepsi, makna atau pemahaman yang dibina oleh responden. Melalui temu bual juga pengkaji boleh mengakses takrifan responden tentang sesuatu situasi, dan konstruk realiti dunia sebagaimana dilihat dan dialami oleh responden.

Kajian ini turut memerlukan data-data temu bual walaupun data tersebut tidak menjadi sebagai data utama, namun ia diperlukan bagi menyokong dan mengukuhkan lagi dapatan yang sedia ada. Seramai 9 orang responden telah ditemu bual bermula Januari 2017 sehingga Disember 2018. Semasa proses temu bual, alat perakam suara telah digunakan untuk merekodkan setiap butiran maklumat yang telah diberitahu oleh responden. Transkrip rakaman tersebut mengambil masa tiga bulan untuk diterjemahkan ke dalam bentuk tulisan. Data temu bual telah dianalisis mengikut prosedur yang disarankan oleh Cresswell & Poth (2018) yang melibatkan proses meringkas, mengekod, mengklasifikasi dan mentafsir data. Temu bual secara separa berstruktur yang telah dilakukan ke atas responden ini berjaya mencungkil pengalaman dan maklumat responden bagi mendapatkan gambaran sebenar pengalaman responden, seterusnya membekalkan data-data yang tepat dan tulen. Maklumat temu bual dikumpulkan sehingga mencapai tahap tepu atau *saturation* iaitu maklumat yang diberi oleh informan baru semasa temu bual memberikan sedikit tambahan maklumat baru yang ada kaitan dengan persoalan kajian berbanding informan sebelumnya (Merriam 1998).

3.7 KEESAHAN DAN KEBOLEHPERCAYAAN

Kesahan dan kebolehpercayaan merupakan aspek penting dalam kajian kerana keduanya dapat menentukan kesahan dalaman kajian tersebut (Ghazali & Sufean 2016). Penting untuk sesuatu kajian, terutama ketika kajian kualitatif untuk mengelakkan bias daripada berlaku. Kajian seharusnya bersifat objektif dan telus. Untuk kajian ini, kaedah *triangulasi* dan khidmat *interrater* telah digunakan untuk menguatkan kebolehpercayaan dan kesahan data.

3.7.1 Triangulasi data

Kaedah triangulasi merupakan salah satu kaedah untuk memastikan data kualitatif yang di kumpul mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi. Triangulasi didefinisikan sebagai

pengumpulan data yang bersifat *multiple* atau satu teknik pengumpulan data yang bertentangan antara satu dengan lain untuk memperlihatkan data daripada sumber-sumber lain (Othman 2018). Menurut Denzin (dalam Patton 2002) menyatakan bahawa terdapat empat jenis triangulasi iaitu triangulasi data (data daripada beberapa sumber), triangulasi penyelidik (penggunaan beberapa penyelidik berbeza), triangulasi teori (penggunaan beberapa perspektif berlainan untuk menganalisis satu set data) dan triangulasi metodologi (penggunaan beberapa instrumen kajian yang berbeza). Ini bermakna triangulasi telah menjadikan berlakunya integrasi metode yang berbeza bagi mendapatkan lebih dari satu bentuk data supaya dapatan kajian yang bersifat subjektif akan lebih meyakinkan dan dapat meningkatkan kesahan data yang di kumpul. Kajian ini menggunakan triangulasi metodologi iaitu menggunakan beberapa instrumen kajian yang berbeza untuk menyemak silang konsistensi data yang diperolehi. Instrumen yang dimaksudkan merujuk kepada analisis dokumen dan temu bual.

3.7.2 Pengesahan pakar melalui kaedah Cohhen Kappa

Data-data yang diperolehi daripada analisis dokumen dan transkrip temu bual telah disusun tadbir untuk mendapatkan tema dapatan kajian dengan menggunakan perisian Atlas Ti 8.0. Setelah semua data mentah ini diproses, maka pola dapatan keseluruhan kajian telah dapat dihasilkan. Maka, pengkaji menyediakan satu set borang persetujuan pakar terhadap tema yang dibina. Borang pengesahan dan persetujuan pakar boleh dirujuk di Lampiran.

Untuk kajian ini, seramai 4 orang pakar telah digunakan sebagai *Interrater* terhadap skema pengekodan dan tema-tema yang dibina. Mereka terdiri daripada dua orang pakar untuk menyemak skema pengekodan gaya penulisan buku Indie iaitu;

- i. Seorang pensyarah Institut Perguruan Guru Kampus Pendidikan Islam. Kepakaran dalam bidang Linguistik bahasa Melayu.
- ii. Seorang pensyarah di Universiti Putra Malaysia. Kepakaran dalam bidang bahasa moden.

Manakala, dua orang pakar lagi untuk menyemak skema pengekodan elemen-elemen pemikiran Islam liberal iaitu;

- i. Seorang pensyarah di Universiti Sultan Zainal Abidin Terengganu. Kepakaran beliau dalam bidang pemikiran moden dan pakar rujuk JAKIM
- ii. Seorang pensyarah di Kolej Universiti Islam Selangor dan merupakan pakar dalam bidang pemikiran Islam.

Menurut Miles & Huberman (1994) jika terdapat lebih daripada 70% persamaan dapatan antara penyelidik dan *interrater*, maka kajian itu ada kesahannya. Nilai persamaan ini boleh dikira mengikut formula yang dicadangkan oleh Miles dan Huberman dalam rajah.

3.8 ANALISIS DATA

Pendekatan analisis kandungan telah digunakan semasa menganalisis data-data yang diperolehi bagi menjawab kesemua persoalan kajian ini. Pendekatan analisis kandungan ini digunakan memandangkan kajian ini bersifat tekstual dan melibatkan data-data yang abstrak, yang memerlukan penghuraian secara deskriptif. Terdapat dua segmen yang difokuskan dalam kajian ini semasa proses analisis data dilakukan. Segmen tersebut berkait dengan matlamat kajian ini yang ingin mengetahui secara mendalam mengenai; i) amalan sosial buku Indie; ii) kandungan buku Indie dengan menjurus kepada: a) gaya penulisan dan, b) tema penulisan yang memfokuskan kepada idea-idea pemikiran Islam liberal.

3.8.1 Analisis gaya penulisan buku Indie

Untuk mengkaji kandungan buku Indie, analisis dokumen telah digunakan sepenuhnya bagi mendapatkan data-data yang diperlukan. Terdapat dua segmen analisis data yang perlu dilakukan dalam kajian ini bagi memenuhi objektif ke dua dan ke tiga. Segmen pertama memerlukan analisis data terhadap penjelasan dan perincian gaya penulisan yang terdapat dalam buku Indie yang akan menjawab kepada persoalan kajian yang kedua. Manakala segmen ketiga memfokuskan kepada isi kandungan buku Indie yang menjurus kepada penghuraian tema-tema penulisan berkaitan dengan idea pemikiran Islam liberal bagi menjawab persoalan kajian yang ketiga.

Analisis data persoalan kajian ke dua memfokuskan kepada gaya penulisan buku Indie yang berpanduan kepada skema pengkodan yang dibina berdasarkan kepada teori analisis wacana oleh Fairclough (Idris Aman 2010). Skema pengkodan yang

diadaptasi dalam teori yang dinyatakan untuk mengkaji gaya penulisan buku Indie adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual di bawah;

Jadual 3.7 Analisis gaya penulisan berpandukan kepada Teori Analisis Wacana Fairclough 1992

Pengelasan wacana	Pengelasan wacana	
Situasi penggunaan	Situasi penggunaan (Genre)	▪ Cerpen ▪ Sajak/Puisi ▪ Esei/Artikel ▪ Catatan anekdot
Jenis atau bentuk wacana	Jenis wacana	▪ Deskripsi ▪ Argumentasi ▪ Instruksi ▪ Naratif ▪ Eksplanatori
Aliran Tematik	Tema	▪ Politik ▪ Nilai kemanusiaan ▪ Agama ▪ Kebajikan ▪ Ekonomi ▪ Hak asasi / kebebasan
	Gaya Bahasa	▪ Sindiran ▪ Slanga ▪ Bahasa Rojak ▪ Bahasa Vulgar

Sumber : Lily Yaakub 2018

3.8.2 Analisis elemen amalan wacana buku Indie

Analisis dilakukan terhadap temu bual yang dijalankan. Perkembangan buku Indie merupakan objektif pertama kajian ini yang memerlukan perbincangan dan penjelasan secara kritis dan mendalam tentang definisi, sejarah dan latar belakang, faktor perkembangan dan ciri-cirinya. Data-data bagi objektif 1 ini telah dikutip menerusi dua instrumen iaitu temu bual dan analisis dokumen. Langkah pertama yang telah diikuti dalam menganalisis data temu bual ialah menyusun dan meringkaskan data. Dalam proses ini, transkripsi temu bual dan kategori kod dihasilkan. Kategori kod bagi data ini diperolehi daripada penulisan catatan, *rephrasing* (pernyataan responden berdasarkan kefahaman pengkaji) dan *identifying* iaitu pernyataan yang bermakna untuk dimuatkan dalam huraian.

Bagi langkah kedua, data berkenaan seterusnya disusun dan di semak semula dengan mengenal pasti tema-tema daripada dapatan keseluruhan data. Ketika dilakukan

pembahagian mengikut tema ini, terdapat keadaan yang mana data yang sama berada dalam kod yang berbeza. Semasa proses analisis dan interpretasi dapatan kajian ini, pengkaji menggunakan perisian Atlas ti 8.0 dalam menentukan tema ini.

Langkah ketiga adalah membina kerangka penulisan atau penceritaan yang dapat difahami. Dalam melengkapkan penulisan ini, setiap tema dibaca beberapa kali bagi menghasilkan kerangka penulisan atau cerita yang berkaitan dengan perkembangan buku Indie dan huraian secara mendalam ciri-ciri menyeluruh buku Indie.

Selain itu, analisis dokumen telah digunakan untuk menganalisis sebuah rakaman video yang dimuat turun daripada Youtube <https://www.youtube.com/watch?v=BMSXB1WzsI0> yang bertajuk 'Indiepretasi: Penerbitan buku Alternatif di Malaysia'. Rakaman video ini merupakan sebuah forum yang di adakan di UITM, Shah Alam pada 28 Mac 2014 dan ahli panelnya terdiri daripada penulis dan penerbit buku Indie di Malaysia. Data-data yang diperoleh daripada rakaman video tersebut turut di transkrip bagi memudahkan proses pengekodan. Tema-tema skema pengekodan yang digunakan dalam transkrip temu bual turut digunakan sama dalam analisis rakaman video ini kerana keperluan pada data yang sama bagi menjawab objektif kajian pertama.

3.8.3 Analisis elemen pemikiran Islam liberal dalam kandungan buku Indie

Manakala persoalan kajian yang ke tiga memfokuskan kepada kandungan buku-buku Indie yang mengandungi idea pemikiran Islam liberal yang menjadi tema utama penulisan mereka. Analisis data untuk persoalan kajian ke tiga ini juga berpandu kepada skema pengekodan yang dibina berdasarkan kajian literatur pandangan-pandangan sarjana Muslim dan Barat (Asad 2003; Fazlur Rahman 1970; Khalif Muammar 2011; Kurzman 1998; Nader Hashemi, 2016; Nurcholis Madjid 2001; Al-Raziq 2001; Tariq Ramadan, 2009) yang mendukung dan mempromosi idea dan pemikiran Islam liberal ini. Skema pengekodan untuk mengkaji gaya pemikiran Islam liberal adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.8 di bawah;

Jadual 3.8 Kerangka elemen pemikiran Islam liberal

Elemen pemikiran Islam liberal	Item dalam elemen pemikiran Islam liberal	Penghuraian
A. Memperjuangkan ideologi sekularisme	A1. Bersifat dualisme dan dikotomi	- Meletakkan agama sebagai persoalan peribadi yang tidak boleh dicampurkan atau dilibatkan dalam urusan kehidupan atau hal ehwal keduniaan - Sesebuah negara atau kerajaan mesti bebas daripada sebarang pengaruh agama. - Menolak sistem politik yang berteraskan negara Islam - Kebebasan penuh suara rakyat dalam menentukan dasar pemerintahan sesebuah negara sekalipun bertentangan dengan agama
	A2. Mendukung penuh demokrasi liberal dan negara sekular	
B. Memperjuangkan kebebasan mutlak individu dan hak asasi manusia beracuankan Barat	B1. Kebebasan individualisme yang melampaui kongkongan agama dan budaya	- Kebebasan beragama: tuntutan kebebasan beragama yang tidak boleh diikat dan dikongkong oleh undang-undang atau autoriti agama. - Kebebasan berperilaku: masyarakat perlu diberi kebebasan dalam tindakan tanpa ada sekatan undang-undang. - Kebebasan berpendapat: menuntut hak dan autoriti untuk menyatakan ijtihad tidak sepatutnya menjadi hak mutlak golongan ulama dan agamawan sahaja kerana pandangan mereka tidak semestinya tepat
C. Mempromosi dan menyokong pluralisme agama	C1. Menyamaratakan semua agama adalah sama	- Menyatakan taraf semua agama adalah sama (Transcedent Unity of Religious) - Semua agama tidak memiliki sifat kebenaran mutlak dan kebenaran agama itu bersifat relatif termasuklah agama Islam - Semua manusia yang baik akan masuk syurga walaupun dia bukan penganut agama Islam
D. Berpegang kepada kekuatan akal dan rasionalisme melampau	D1. Mengangkat kedudukan akal lebih tinggi dari wahyu	- Akal adalah sumber ilmu yang tertinggi dalam menentukan kebenaran dengan menolak peranan wahyu (al-Quran dan Hadis). - Akal dan wahyu merupakan dua entiti yang mempunyai autoriti penuh dalam menentukan kebenaran sesuatu perkara - Manusia mampu mencapai kesejahteraan dalam kehidupan melalui fungsi akal semata-mata
	D2. Menjadikan logik sebagai asas dalam kebenaran mengukur sesuatu	- Menolak sesuatu yang tidak boleh diuji dan diukur secara logik dan empirikal - Rasional akal diagungkan . - Logik dikira sebagai elemen utama dalam memutuskan sesuatu

bersambung...

sambungan...

E. Penolakan terhadap autoriti wahyu dan shari'ah Islam	E1. Membebaskan diri daripada tuntutan wahyu dan shari'ah Islam	• Pemahaman orang Islam terhadap shari'ah Islam (Islamic public law) perlu diubah dan dirombak (rekonstruksi) kerana teks agama tidak perlu diikuti secara literal. • Menganggap pelaksanaan hukum Islam tidak sesuai dengan zaman dan melanggar hak asasi manusia • Mendakwa pelaksanaan hukum Islam bertentangan dengan prinsip Islam. • Semua pihak berhak dan bebas memberi pandangan, pendapat dan ijtihad dalam hal-hal berkaitan agama tanpa perlu ada penguasaan ilmu dan kepakaran dan autoriti • Mempertikaikan dan mempersendakan peranan dan kewibawaan ulama dan autoriti Islam. • Menolak dan mempersendakan fatwa-fatwa yang telah digazet. • Mendakwa syariah Islam adalah hasil ciptaan ulama dan fuqaha terdahulu
F. Menyokong feminisme	B2. Menyokong perjuangan emansipasi wanita	• Penyamarataan atau kesaksamaan hak dalam semua bidang kehidupan yang diceburi oleh lelaki dan perempuan tanpa perlu patuh kepada panduan agama. • Perempuan perlu diberi hak dan kuasa seperti lelaki dalam beberapa perkara iaitu wali, kuasa talak, pembahagian harta pusaka dan kedudukan wanita sebagai saksi

Sumber : Lily Yaakub 2018

Proses analisis bermula setelah semua data yang diperoleh daripada sampel kajian iaitu buku-buku Indie yang dipilih telah berjaya dikumpulkan dan seterusnya di transkrip dengan betul. Protokol menganalisis data bermula apabila transkrip tersebut dianalisis dengan berpanduan skema pengekodan yang dibina. Pendekatan analisis kandungan cenderung memerlukan kod yang dikenal pasti sebelum ianya dicari dalam data (Krippendorff 2004; Neunendorf 2017; Silverman 2005;). Amalan analisis kandungan memerlukan penyelidik mengetahui apa yang mereka ingin kenal pasti dalam teks. Mengikut Silverman (2005), terdapat beberapa langkah dalam menjalankan analisis kandungan termasuklah langkah-langkah seperti berikut;

- i. Membentuk kategori sebelum mencarinya dalam data
- ii. Memilih sampel yang perlu dikategorikan
- iii. Merekodkan secara sistematik atau mengira bilangan kategori tersebut ditemui

Bagi tujuan pengekodan dan carian, kajian ini menggunakan perisian komputer yang dikenali sebagai Atlas Ti 8.0 yang ternyata banyak membantu dalam proses analisis kandungan yang dijalankan. Dengan menggunakan perisian ini, tugas awal pengekodan boleh dilakukan dengan menggunakan sama ada pengekodan terbuka, pengekodan secara Atlas ti dan juga berpandukan kod-kod yang tersenarai. Perisian ini ternyata amat fleksibel yang mana ianya membolehkan penyelidik mewujudkan kategori atau kod pencarian secara manual yang mana ianya tidak perlu awal ditentukan, selain turut menyediakan juga pilihan pengekodan secara automatik. Apabila kategori bagi aksara tertentu dicipta, rentetan aksara yang telah dikodkan sebagai pertanyaan dan pencarian boleh digunakan untuk tujuan pengekodan keseluruhan teks, ataupun secara mentakrifkan sendiri kategori pengekodan yang berfungsi untuk mencari unit-unit berkaitan. Untuk itu, semua ayat, frasa dan perkataan yang terkandung dalam transkrip di analisis dan dikategorikan mengikut tema-tema yang telah ditentukan dalam skema pengekodan.

3.9 KESIMPULAN

Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan pendekatan analisis kandungan sebagai reka bentuk kajian. Kajian ini telah mengaplikasikan analisis dokumen dan temu bual sebagai kaedah pengumpulan data. Dapatan kajian diharapkan dapat memenuhi persoalan kajian yang berkaitan dengan perkembangan buku Indie termasuk menyentuh tentang gaya penulisan dan elemen-elemen pemikiran Islam liberal yang terdapat dalam isi kandungan buku-buku Indie tersebut. Dapatan kajian dan perbincangan kajian ini secara mendalam boleh diikuti pada bab-bab seterusnya.

BAB IV

ANALISIS DAPATAN KAJIAN

4.1 PENGENALAN

Bab ini akan membincangkan dapatan kajian yang telah dijalankan, dengan memfokuskan kepada tiga aspek utama berdasarkan kepada objektif kajian iaitu, gaya penulisan Indie, amalan sosial buku Indie dan kandungan Islam liberal. Analisis yang mendalam terhadap dapatan kajian ini bertujuan untuk memberikan pemahaman yang lebih jelas dan komprehensif mengenai fenomena buku Indie di Malaysia. Dengan meneliti, gaya penulisan, amalan buku Indie serta elemen-elemen pemikiran Islam liberal yang terkandung di dalamnya, bab ini berusaha untuk menjelaskan hasil analisis dapatan dan rumusan agar selari dengan objektif dan persoalan kajian.

4.2 GAYA PENULISAN BUKU INDIE

Perbincangan mengenai gaya penulisan buku Indie yang berfokuskan pada genre yang digunakan, jenis penulisan, gaya bahasa serta tema yang diketengahkan dengan berpandukan kepada Teori Analisis Wacana Kritis (Fairclough, 1992). Perbincangan ini akan menjelaskan dengan tuntas gaya penulisan buku Indie, dan akhirnya memberi gambaran sebenar citra yang ditonjolkan dalam buku mereka berbanding dengan buku terbitan arus perdana. Merujuk kepada Teori Analisis Wacana yang mengandungi 4 elemen iaitu genre, jenis penulisan, gaya bahasa dan tema atau mesej penulisan yang terkandung dalam buku Indie.

4.2.1 Genre penulisan

Genre membawa maksud kategori atau jenis karya sastra mengikut bentuk, teknik atau pokok persoalan serta mempunyai ciri-ciri tertentu. Menurut (Asmah Haji Omar 2008) terdapat lima genre / bidang dalam kesusasteraan Melayu moden iaitu cerpen, drama,

esei/kritik, novel dan puisi. Ini bermakna, pengelasan bentuk penulisan mengikut genre juga merupakan salah satu disiplin yang diperakui dalam bidang kesusasteraan. Malah, setiap genre ini mempunyai kriteria tersendiri dan klasifikasi berlaku berdasarkan kepada keperluan dan tujuan sesuatu wacana penulisan itu diadakan. Kajian terhadap sampel buku Indie telah menemui tiga jenis genre penulisan yang digunakan iaitu cerpen, puisi dan esei untuk menyampaikan idea-idea mereka. Ini dapat dilihat dalam Jadual 4.1 di bawah;

Jadual 4.1 Jadual pengelasan wacana -Genre

Sampel	Cerpen	Puisi/Sajak	Esei	Lain-lain
Buku 1 (SB1)	Tiada	Tiada	Semua bab	Tiada
Buku 2 (SB2)	Tiada	Ada (B25, 77, 84, 89 & 97)	B16	Ada (semua kecuali B25, 77, 84, 89, 97 & 16)
Buku 3 (SB3)	9 Bab (B1, 2, 3, 4, 5, 8, 9, 13, 15)	Tiada	3 Bab (B11, 12, 14)	6 Bab (Bab 6, 7, 10, 16, 17, 18)
Buku 4 (SB4)	Ada (B20)	Tiada	Tiada	Ada (semua bab kecuali B20)

Sumber : Lily Yaakub 2018

Merujuk kepada Jadual 4.1 di atas, di dapati genre esei digunakan dalam tiga buah sampel buku Indie iaitu dalam SB1, SB2 dan SB3, manakala cerpen dalam SB3 dan SB4, dan puisi ditemui dalam SB2. Jika diteliti dengan lebih mendalam dalam jadual di atas, terdapat buku Indie yang hanya menggunakan satu genre dalam penulisan iaitu SB1 yang hanya menggunakan genre esei. Bukan itu sahaja, terdapat juga sebahagian penulisan yang tidak boleh dikategorikan dalam mana-mana genre dan diletakkan oleh pengkaji di bawah kategori lain-lain. Sampel buku Indie tersebut ialah SB2, SB3, SB4 dan SB5. Namun, ada juga penulisan dalam buku Indie yang tidak dapat ditentukan genrenya seperti mana dalam SB5, di mana semua bab penulisan dalam buku tersebut tidak dapat dikategorikan dalam mana-mana genre disebabkan tiada yang menepati ciri-ciri genre.

Dalam konteks ini, analisis ini menggambarkan bahawa kebanyakan buku Indie tidak mensyaratkan jenis genre yang mesti digunakan dalam buku mereka, malahan kebebasan penuh diberi kepada penulis untuk menyampaikan karya mereka dalam

pelbagai bentuk. (Asmah 2018). Untuk itu, tidak hairan jika didapati dalam sesebuah buku Indie terdapat pelbagai variasi genre. Sebagai contoh, jika dilihat dalam SB3, terdapat genre cerpen, esei dan genre penulisan yang tidak boleh dikategorikan. Begitu juga dengan SB2 yang menggunakan genre puisi, esei bahkan sebahagian besar bab penulisan dalam buku tersebut tidak dapat dikategorikan bentuk genre yang digunakan. Keadaan ini agak berbeza jika dilihat pada buku-buku terbitan arus perdana atau bukan Indie, kebanyakan buku mereka berfokus kepada satu genre sahaja seperti novel, antologi cerpen, antologi puisi dan sebagainya. Bagi memperoleh pemahaman setiap genre, perincian mengenainya akan diurai dalam perbincangan seterusnya.

a. Cerpen

Menyentuh tentang genre cerpen, ia merupakan antara genre yang selalu digunakan oleh kebanyakan penulis dalam mempersembahkan karya mereka kepada pembaca. Cerpen merupakan istilah singkatan kepada perkataan cerita pendek dan ia adalah karya yang dihasilkan berdasarkan fakta yang di campur dengan imaginasi. Menurut Hussain dan rakan dalam buku *Glosari Istilah Kesusasteraan* (1988: 54) mendefinisikan cerpen sebagai singkatan 'cerita pendek' iaitu kisah rekaan yang relatif pendek dihasilkan dalam bentuk prosa yang biasanya mengandungi antara 500-15,000 patah perkataan. Sehubungan itu, cerpen juga turut digunakan oleh penulis buku Indie dalam menyampaikan karya mereka kepada pembaca. Buktinya, dalam SB3 dan SB4 terdapat genre cerpen ini. Jadual 4.2 di bawah menunjukkan perincian penggunaan genre cerpen ini dalam sampel buku Indie;

Jadual 4.2 Analisis genre cerpen

Genre	SB1	SB2	SB3	SB4	SB5
Cerpen	Tiada	Tiada	9 Bab (B1, 2, 3, 4, 5, 8, 9, 13, 15)	1 Bab (B20)	Tiada

Sumber : Lily Yaakub 2018

Jika ditinjau dalam perincian analisis genre cerpen pada Jadual 4.5 di atas menunjukkan hanya dua buah sampel buku sahaja yang menggunakan genre cerpen ini iaitu SB 3 dan SB 4. Antara contoh tajuk menggunakan genre cerpen seperti 'Amna Machiavelli', 'Surat kepada bekas kekasih', dalam SB3 dan 'Confession Tanjung Malim', dalam SB4. Walau bagaimana pun terdapat juga sampel buku Indie yang tidak

langsung menggunakan genre cerpen dalam buku mereka seperti dalam SB1, SB2 dan SB5, sedangkan genre ini antara genre yang disukai oleh pembaca dan mempunyai peminat yang tersendiri. Keadaan ini mungkin disebabkan ciri cerpen itu yang berasaskan kepada fakta dan imaginasi, menjadikan kebarangkalian ia kurang sesuai digunakan pada buku-buku Indie yang berteraskan kritikan dan pemikiran. Tambahan pula, proses cerpen itu sendiri yang memerlukan watak, plot dan adegan serta berbentuk rekaan menjadikan penulis Indie merasa kurang sesuai menggunakannya dalam penulisan mereka. Namun, ini bukan lah faktor yang menidakkan kepentingan genre cerpen ini, walaupun bilangannya yang kecil dalam sampel kajian tetapi ia tetap menunjukkan buku Indie menerima kepelbagaian genre dalam buku mereka.

b. Sajak

Selain genre cerpen, genre sajak juga merupakan antara genre yang ditemui di dalam sampel buku Indie. Sajak merupakan puisi Melayu moden yang berbentuk bebas dan tidak terikat pada jumlah baris, perkataan sebaris, rangkap, rima dan sebagainya. Selain itu, sajak merupakan puisi yang menggunakan bahasa yang berirama dan mampu membangkitkan imaginasi dan emosi manusia. Sebagai sebuah karangan yang berirama, sajak atau puisi ini dapat menyampaikan pemikiran manusia tentang sesuatu perkara sama ada melalui pengalaman, imaginasi, dan pemerhatian penyair berhubung kait dengan kehidupan manusia dengan bahasa yang indah. Dalam konteks ini, dapatan analisis juga menunjukkan sajak atau puisi juga dipilih sebagai medium penulisan dalam sampel buku Indie. Pernyataan ini merujuk kepada Jadual 4.3 di bawah yang membentangkan dapatan analisis yang menunjukkan penggunaan genre sajak atau puisi di dalam sampel buku Indie.

Jadual 4.3 Analisis genre sajak/puisi

Genre	(SB1)	(SB2)	SB3	SB4	SB5)
Puisi/Sajak	Tiada	Tiada	Ada (B25, 77, 84, 89 & 97)	Tiada	Tiada

Sumber : Liy Yaakub 2018

Meneliti kepada jadual 4.3 di atas, jelas menunjukan hanya SB 3 sahaja yang mengandungi bentuk penulisan yang menggunakan genre sajak atau puisi ini, berbanding sampel buku yang lain. Seperti mana yang kita maklum, sajak atau puisi

merupakan karangan yang berangkap, yang di dalamnya mengandungi ungkapan pengucapan yang berseni dan membawa pernyataan pemikiran penyair (Shahnon Ahmad, 2006: 315-316). Untuk itu, bukan mudah menghasilkan sebuah puisi atau sajak yang sesuai dan berjaya menyingkap idea dan pemikiran pengkarya kepada khalayak pembaca. Lebih-lebih lagi, sajak atau puisi yang berkesan bila ia boleh dideklamasikan kepada khalayak dengan penuh ekspresi dan penghayatan oleh pengkaryanya. Namun, ini bukan lah penghalang kepada penulis buku Indie menggunakan sajak atau puisi dalam karya mereka. . Berikut merupakan antara contoh petikan sajak atau puisi dalam SB3 (2014: 184-185) tersebut yang diletakan dalam Rajah 4.1 di bawah;

Kadang-kadang kita membuli orang lain, tanpa kita sedari.
 Kalau kita kaya, kita membuli miskin.
 Kalau kita berilmu, kita membuli yang bodoh.
 Kalau kita benar, kita membuli yang salah.
 Kalau kita majoriti, kita membuli yang minoriti.
 Kalau kita dominan, kita membuli yang non-dominan.
 Kalau kita menang, kita membuli yang kalah.
 Kalau kita kuat, kita membuli yang lemah.
 Kalau kita banyak, kita membuli yang sedikit.
 Kalau kita bertuhan, kita membuli yang tidak bertuhan.
 Kalau kita Islam, kita membuli yang non-Islam.
 Kalau kita mak ayah, kita membuli anak.
 Kalau kita lelaki, kita membuli perempuan.
 Kalau kita suami, kita membuli isteri.

Dan seterusnya, dan seterusnya...

Aku rasa sedih sangat bila aku terbuat,
 Manusia tidak pernah nampak najis di mukanya.

Rajah 4.1 Petikan sajak dalam SB3

Sumber : Lily Yaakub 2018

Merujuk kepada Rajah 4.1 di atas merupakan antara sajak atau puisi yang dihasilkan oleh penulis Indie. Sajak atau puisi tersebut mungkin dilihat sebagai sebuah catatan atau penulisan yang agak ringkas dan mudah dari sudut penggunaan bahasa, namun bentuk penulisan nya menepati ciri-ciri sajak atau puisi yang mempunyai tema, ungkapan pengalaman pengkarya seperti mana yang dinyatakan oleh Shahnon Ahmad (2006: 315-316) puisi ialah rekod dan interpretasi pengalaman manusia yang signifikan, digubah melalui sesuatu bentuk lewat gaya bahasa yang paling berkesan. Pengalaman manusia itu mungkin pengalaman mental, emosional, fizikal, benar atau khayalan tetapi

signifikan dan bermakna. Kemungkinan faktor ini menjadikan sebahagian penulis Indie merasa selesa menggunakan medium sajak atau puisi semasa mengetengahkan idea dan pemikiran mereka menerusi penulisan. Namun begitu, dalam kajian ini terdapat sebahagian besar penulis tidak bersedia menggunakan genre ini bila dilihat kepada Jadual 4.6 yang menunjukkan hanya sebuah sampel buku sahaja yang mengandungi genre ini berbanding empat buah sampel buku Indie yang lain. Akan tetapi ini bukanlah indikator yang menafikan kepelbagaian bentuk penulisan buku Indie, malah kewujudan genre puisi atau sajak ini yang sedikit ini turut diperakui sebagai lambang variasi dan keunikan buku Indie.

c. Esei

Genre ke tiga yang turut dikenal pasti dalam kandungan buku Indie adalah esei. Esei merupakan karangan prosa yang biasanya lebih pendek daripada tesis atau disertasi tentang sesuatu tajuk. Selain itu, penulisan berbentuk esei ini boleh merangkumi beberapa elemen, termasuklah kritikan, kesusasteraan, manifesto politik, pemerhatian mengenai kehidupan seharian, dan juga refleksi menurut sudut pandang peribadi orang yang menulis. Meneliti dapatan analisis yang diperolehi, penulisan berbentuk genre esei menjadi genre pilihan utama dalam kebanyakan sampel buku Indie. Hal ini bertepatan dengan Jadual 4.4 yang menunjukkan tiga daripada lima buah sampel buku Indie mengandungi penulisan berbentuk genre esei iaitu SB1, SB2 dan SB3.

Jadual 4.4 Analisis genre esei

Genre	SB1	SB2	SB3	SB4	SB5
Esei	Semua bab	Bab 16	3 Bab (B11, 12 & 14)	Tiada	Tiada

Sumber : Lily Yaakub 2018

Seperti yang dipaparkan pada Jadual 4.4 di atas, kita dapat menyaksikan tentang pemilihan genre esei sebagai pilihan utama para penulis Indie, contohnya dalam sampel buku pertama (SB1) menunjukkan semua kandungan dalam bab menggunakan genre esei dalam penulisan mereka. Keadaan ini mungkin disebabkan ciri-ciri yang dimiliki oleh genre esei amat sesuai digunakan oleh penulis buku Indie untuk menyatakan idea dan pemikiran mereka.

d. Lain-lain

Topik ini membentangkan analisis dapatan yang menunjukkan adanya penulisan di dalam buku Indie tidak boleh dikategorikan dalam mana-mana genre tertentu. Maka, mana-mana dapatan analisis penulisan buku Indie yang tidak dapat dikenal pasti bentuk penulisan yang digunakan ini diletakkan dalam kategori lain-lain. Keadaan ini disebabkan oleh bentuk dan gaya penulisan yang dipamerkan tidak menepati ukuran ciri-ciri genre yang telah diperakui oleh teori analisis wacana dan dunia kesusasteraan. Justeru itu, analisis kajian ini mendapati sebahagian besar penulisan dalam sampel kajian, tidak dapat dikategorikan bentuk genre disebabkan tidak memenuhi piawai ciri-ciri genre yang sepatutnya. Buktinya, Jadual 4.5 di bawah menunjukkan empat daripada lima sampel kajian mengandungi penulisan yang tidak boleh ditentukan genrenya.

Jadual 4.5 Analisis lain-lain genre

Genre	SB1 1	SB2	SB 3	SB 4	SB 5
Lain-lain	Tiada	Ada (semua kecuali B25, 77, 84, 89, 97 & 16)	6 Bab (Bab 6, 7, 10, 16, 17, 18)	Ada (Semua bab kecuali B20)	Semua bab

Sumber : Lily Yaakub 2018

Merujuk kepada Jadual 4.5, penulisan tanpa genre ini jelas mendominasi bentuk penulisan dalam sebahagian besar sampel kajian. Misalnya, dalam sampel buku 5 (SB5) jelas menunjukkan semua kandungan penulisannya tidak boleh dikategorikan dalam mana-mana genre. Maka, hal ini boleh memberi suatu tanggapan bahawa penulisan menerusi buku Indie tidak mensyaratkan penulis terikat dengan apa-apa bentuk genre. Bahkan, penulis diberi kebebasan menyampaikan karya mereka dalam pelbagai bentuk, asalkan pembaca dapat memahami tujuan dan maksud yang disampaikan menerusi penulisan mereka. Sebagai contoh, Rajah 4.7 di bawah merupakan antara bentuk penulisan yang tidak boleh dikategorikan dalam mana-mana genre tetapi boleh difahami maksud penulisan yang hendak disampaikan.

DOSA

Sentimen kita selalu melihat dosa berpangkat-pangkat.

Dosa membunuh dilihat lebih tinggi dari dosa makan riba. Dosa zina dilihat lebih tinggi pangkatnya dari dosa judi dan dosa makan babi pula menjadi king pada segala dosa. Walhal, Allah dah bagi tahu semua dosa-dosa ini ada dosa besar.

Jadi mengambil sikap, “Buat apa yang mampu” dalam memerangi dosa itu telah menjadi amalan ramainya manusia.

Maka dengan sebab itu juga, atas alasan apakah hendak di marah, dikutuk, dikempen, dipandang serong pada pihak lain yang buat “Apa yang mereka mampu” bilamana pihak ini tak buat “Apa yang kita mampu buat”.

Dan siapa pula kita nak menyelidik, menyoal, menghakimi hal-hal yang kumpulan kita lakukan?

Sedang dimasa sama, kita juga menyimpan duit dalam bank-bank yang lahir dari Rotschild, lalu untuk diri sendiri kita katakan “Buat yang termampu”.

Keadilan apakah yang kita perjuangkan kalau untuk diri sendiri kita boleh berlepas-lepas tetapi tidak untuk orang lain?

Rajah 4.2 Contoh penulisan tanpa kategori genre dalam SB5

Sumber : Lily Yaakub 2018

Meneliti contoh penulisan yang dikategorikan dalam ‘lain-lain’ atau tidak dikenal pasti genre pada Rajah 4.2 menunjukkan bentuk penulisan yang dilakukan bersifat bebas dan tidak mempunyai ciri-ciri tertentu yang memudahkan kita mengelompokkannya dalam genre tertentu. Hal ini serupa dengan pernyataan di atas yang menunjukkan penulisan dalam buku Indie tidak perlu kepada disiplin tertentu, bahkan longgar dari sudut penggunaan tata bahasa dan gaya penulisannya. Keadaan ini tentunya memberi gambaran bahawa sebahagian ciri-ciri penulisan buku Indie bersifat bebas, tidak terikat dan boleh dilakukan dalam pelbagai bentuk dan gaya.

Sebagai rumusan daripada perbincangan mengenai bentuk genre penulisan ini jelas terdapat sebahagian daripada penulisan buku Indie masih tertakluk di bawah bentuk penulisan yang telah diperakui oleh teori analisis wacana iaitu genre cerpen, sajak atau puisi dan esei. Namun begitu, terdapat juga sebahagian yang lain, tidak terikat dengan mana-mana bentuk genre penulisan yang sepatutnya. Keadaan ini menggambarkan bahawa bentuk penulisan dalam sesebuah buku Indie boleh bersifat rencam dan dipersembahkan dalam pelbagai variasi. Kerencaman inilah yang menonjolkan citra sebenar dan keunikan buku Indie serta membezakannya dengan penerbitan buku biasa.

4.2.2 Jenis penulisan

Perbincangan dapatan mengenai gaya penulisan buku Indie diteruskan dengan meneliti pengelasan jenis penulisan yang digunakan oleh penulis Indie dalam semua sampel kajian. Jenis penulisan merupakan antara elemen penting dalam bentuk dan gaya sesebuah teks kerana ia menentukan bagaimana idea, pendirian dan pemikiran penulis disampaikan kepada pembaca. Dalam konteks Analisis Wacana Kritis (AWK), pemilihan jenis penulisan bukan bersifat neutral, sebaliknya berkait rapat dengan niat komunikatif, strategi ideologi dan sasaran khalayak (Fairclough 1995; Wodak & Meyer, 2009). Berdasarkan pengelasan Werlich (dalam Amin 2007), jenis penulisan boleh dibahagikan kepada lima kategori utama, iaitu penulisan deskriptif, eksplanatori, argumentatif, instruksi dan naratif. Analisis terhadap lima sampel buku Indie (SB1–SB5) menunjukkan bahawa kesemua jenis penulisan ini digunakan oleh penulis Indie, namun taburan penggunaannya adalah tidak seimbang. Jadual di bawah menggambarkan keseluruhan jenis penulisan yang digunakan dalam semua sampel buku Indie.

Jadual 4.6 Analisis jenis penulisan

Sampel	Deskriptif	Eksplanatori	Argumentatif	Intruksi	Naratif
SB1	Bab 9	Bab 6, 17, 18,20	Bab 4, 5, 7, 8, 10, 11, 12, 13, , 22		Bab 2, 3, 21
SB2		Bab 16, 26, 53, 58, 61, 65, 81, 89	Bab 1-15, 17-25, 27-34, 36-52, 55-57, 59-	Bab 54	Bab 35, 85
SB3		Bab 3, 6, 18	Bab 2, 7, 10, 12, 16		Bab 1, 4, 5, 8, 9, 11, 13, 14, 15, 17
SB4		Bab 4, 7, 8, 10, 13, 21	Bab 2, 6, 11, 12, 15, 17, 18, 19	Bab 14	Bab 1, 3, 5, 9, 16, 20, 22
SB5	Bab 7, 12	Bab 4, 10, 13, 15, 20	Bab 3, 5, 6, 8, 9, 11, 14, 17, 18, 19, 22-31		Bab 1, 2, 16, 21

Sumber : Lily Yaakub 2018

Penulisan deskriptif merupakan jenis penulisan yang bertujuan memberikan penerangan atau gambaran tentang sesuatu perkara secara objektif, tanpa melibatkan komentar atau penilaian peribadi penulis. Menurut Idris (2010), penulisan ini lazimnya menjawab persoalan asas seperti “apa”, “siapa”, “bila” dan “bagaimana”, dengan

matlamat menyampaikan maklumat secara jelas dan teratur. Dalam konteks buku Indie, analisis menunjukkan bahawa penulisan deskriptif kurang mendapat tempat berbanding jenis penulisan lain.

Berdasarkan data analisis, hanya SB1 dan SB5 yang memanfaatkan penulisan deskriptif, dan itupun dalam bilangan bab yang terhad. SB1 hanya menggunakan penulisan deskriptif dalam Bab 9, manakala SB5 menggunakannya dalam Bab 7 dan Bab 12. Keterbatasan penggunaan ini menunjukkan bahawa penulisan deskriptif bukan pilihan utama penulis Indie, berkemungkinan kerana sifatnya yang neutral dan tidak sesuai untuk menyampaikan kritikan sosial atau ideologi yang ingin diketengahkan.

Sebagai contoh, dalam SB1 Bab 9 bertajuk “Menyukai Kentang McDonald’s”, penulis memberikan penerangan tentang sejarah penubuhan syarikat McDonald’s di peringkat global dan di Malaysia. Penulisan ini memaparkan ciri deskriptif yang jelas melalui penyusunan maklumat secara kronologi, perincian fakta dan ketiadaan komentar penilaian. Pendekatan ini selari dengan ciri penulisan deskriptif seperti yang dihuraikan oleh Steger (dalam Renkema 1993), iaitu penulisan yang berfokus kepada pelaporan dan pemerihalan fakta. Namun demikian, dalam kerangka AWK, penulisan deskriptif ini berfungsi lebih sebagai latar maklumat sebelum penulis beralih kepada wacana yang lebih kritikal. Hal ini menunjukkan bahawa penulisan deskriptif digunakan secara instrumental, bukan sebagai medium utama ekspresi ideologi.

Penulisan eksplanatori merupakan peluasan kepada penulisan deskriptif kerana ia bukan sahaja menerangkan sesuatu perkara, tetapi turut menghuraikan sebab, faktor dan kesan yang terlibat. Eksplanatori menjawab persoalan “mengapa” dan “bagaimana secara mendalam”, sekali gus membantu pembaca memahami hubungan sebab-akibat dalam sesuatu isu (Amin 2007). Analisis menunjukkan bahawa penulisan eksplanatori digunakan secara sederhana dalam semua sampel buku Indie, dengan SB2 dan SB4 menunjukkan penggunaan yang agak ketara. Penulisan jenis ini sering digunakan apabila penulis ingin menjelaskan latar belakang isu sosial, politik atau ekonomi sebelum mengemukakan pendirian kritikal mereka. Dalam konteks ini, eksplanatori berfungsi sebagai jambatan antara penyampaian fakta dan pembinaan hujah.

Sebagai contoh, dalam beberapa bab SB2, penulis menerangkan secara terperinci faktor kemiskinan bandar, kelemahan dasar kerajaan dan kesan langsung terhadap kehidupan masyarakat marhaen. Penjelasan ini membantu pembaca memahami struktur masalah sebelum penulis membawa pembaca kepada kesimpulan yang lebih kritikal. Dalam AWK, strategi ini dikenali sebagai pembinaan legitimasi wacana, iaitu usaha mewajarkan pendirian penulis melalui penjelasan yang kelihatan rasional dan berfakta (Van Dijk, 2008).

Walau bagaimanapun, penulisan eksplanatori dalam buku Indie sering terhad kepada penjelasan yang menyokong naratif sedia ada, dan jarang disertai dengan perbincangan alternatif. Ini menunjukkan bahawa eksplanatori digunakan secara selektif untuk mengukuhkan ideologi penulis, bukannya untuk membuka ruang dialog yang seimbang.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa penulisan argumentatif merupakan jenis penulisan yang paling dominan dalam semua sampel buku Indie. Hampir setiap buku menunjukkan penggunaan penulisan argumentatif dalam sebahagian besar bab, menjadikannya teras kepada gaya penulisan Indie.. Penulisan argumentatif bertujuan mengemukakan pendapat, membina hujah dan mempengaruhi pemikiran pembaca melalui proses penaakulan (reasoning). Menurut Renkema (1993) dan Toulmin (2003), argumentasi yang berkesan seharusnya dibina berdasarkan fakta, sokongan logik dan bukti yang munasabah. Dalam penulisan buku Indie, hujah lazimnya disampaikan melalui struktur deduktif, iaitu penulis mengemukakan pendirian terlebih dahulu sebelum menyokongnya dengan contoh, pengalaman atau petikan tertentu.

Namun, analisis AWK mendapati bahawa sebahagian penulisan argumentatif dalam buku Indie cenderung bersifat pemujukan emosional berbanding rasional. Walaupun hujah disokong dengan contoh kehidupan sebenar, sokongan tersebut sering bersifat anekdot dan generalisasi. Keadaan ini menjadikan wacana argumentatif lebih bersifat normatif dan ideologikal, berbanding analitikal dan seimbang. Sebagai contoh, kritikan terhadap institusi agama atau pemerintah sering disampaikan secara tegas dan menyeluruh, tanpa perincian konteks atau pengecualian. Dalam kerangka AWK, strategi ini berfungsi membentuk persepsi pembaca agar menerima hujah penulis sebagai kebenaran tunggal, sekali gus mengehadkan ruang tafsiran alternatif

Selain tiga jenis utama di atas, penulisan instruksi dan naratif turut dikesan dalam sampel buku Indie, namun penggunaannya adalah lebih terhad. Penulisan instruksi lazimnya muncul dalam bentuk nasihat, cadangan atau seruan tindakan kepada pembaca. Penulisan ini bersifat langsung dan preskriptif, menandakan kedudukan penulis sebagai pihak yang memiliki autoriti moral atau intelektual. Penulisan naratif pula digunakan untuk menceritakan pengalaman peribadi, kisah masyarakat atau peristiwa tertentu. Naratif memainkan peranan penting dalam membina hubungan emosi antara penulis dan pembaca. Dalam konteks buku Indie, naratif sering digunakan sebagai alat untuk menginsankan isu sosial, sekali gus mengukuhkan hujah argumentatif yang dikemukakan.

Secara keseluruhannya, analisis jenis penulisan dalam buku Indie menunjukkan bahawa penulis Indie cenderung memilih bentuk penulisan yang membolehkan mereka menyampaikan kritikan, membina hujah dan mempengaruhi pemikiran pembaca. Dominasi penulisan argumentatif mencerminkan sifat buku Indie sebagai medium wacana alternatif yang bersifat mencabar arus perdana. Walaupun penggunaan penulisan deskriptif dan eksplanatori membantu menyediakan konteks, kedua-duanya berfungsi secara sokongan kepada wacana argumentatif yang menjadi teras ideologi penulisan Indie.

4.2.3 Tema penulisan

Dalam kerangka Analisis Wacana Kritis (AWK), dimensi teks memberi tumpuan kepada ciri-ciri linguistik dan retorik yang digunakan oleh penulis untuk membina makna, sikap dan ideologi tertentu. Analisis ini meneliti aspek seperti pilihan leksikal, tajuk, metafora, nada penulisan, struktur ayat dan strategi penegasan makna. Berdasarkan analisis terhadap lima sampel buku Indie (SB1–SB5), dapatan menunjukkan bahawa tema-tema yang diketengahkan bukan sahaja mencerminkan isu sosial semasa, malah dipersembahkan melalui gaya bahasa yang bersifat kritikal, provokatif dan konfrontatif terhadap struktur autoriti sedia ada. Selain itu, penggunaan bahasa yang ringkas tetapi bernada tegas memperlihatkan kecenderungan penulis untuk mempengaruhi emosi pembaca serta membentuk tafsiran tertentu terhadap realiti sosial. Strategi ini menjadikan wacana yang dibina lebih mudah diterima, namun pada masa yang sama berpotensi menyederhanakan isu yang kompleks.

Jadual 4.7 Analisis tema penulisan

Elemen- elemen Penulisan Indie	Item/Kod	SB1	SB2	SB3	SB4	SB5
Tema	Agama	Ada	Ada	Ada	Ada	Ada
	Politik dan pemerintahan	Ada	Ada	Ada	Ada	Ada
	Ekonomi					Ada
	Sosial dan kemasyarakatan	Ada	Ada	Ada	Ada	Ada
	Alam sekitar	Ada				
	Hak Asasi Manusia	Ada	Ada	Ada		
	Pendidikan	Ada	Ada	Ada	Ada	

Sumber : Lily Yaakub 2018

Tema agama merupakan antara tema paling dominan dan konsisten merentasi semua sampel buku Indie yang dikaji. Dari sudut dimensi teks, kritikan terhadap agama disampaikan melalui pemilihan tajuk yang bersifat sinis dan mengejutkan seperti “Khutbah Barbarik”, “Fatwa Instant” dan “Islam Parameswara”. Tajuk-tajuk ini berfungsi sebagai alat wacana untuk mencabar kesakralan institusi agama dengan meletakkannya dalam kerangka budaya popular dan bahasa sindiran. Penggunaan istilah seperti “instant” dan “barbarik” membawa konotasi negatif yang membina persepsi bahawa autoriti agama bersifat tergesa-gesa, keras dan tidak berperikemanusiaan.

Selain itu, penulisan Indie turut memaparkan kritikan terhadap peranan ulama dan institusi agama yang digambarkan gagal membela golongan miskin serta lebih menumpukan aspek penguatkuasaan syariah seperti isu arak dan homoseksual. Dalam dimensi teks, kritikan ini disampaikan melalui ayat deklaratif yang tegas dan bersifat generalisasi, sekali gus mewujudkan gambaran bahawa autoriti agama bersifat selektif dan tidak adil. Isu akidah seperti perebutan penggunaan nama Allah dan kebebasan beragama turut dipersembahkan dengan bahasa yang menentang arus wacana arus perdana, sekali gus membingkai agama sebagai sumber konflik dan bukannya penyelesaian.

Tema ekonomi hanya ditemui secara jelas dalam SB5, namun dari sudut wacana, ia tetap signifikan. Kritikan terhadap sistem kapitalis disampaikan melalui bahasa naratif yang bersifat empatik terhadap golongan pekerja bawahan. Frasa yang merujuk

kepada “kenaikan harga barang”, “gaji tidak setimpal” dan “konsumerisme Ramadan” membentuk wacana ketidakadilan ekonomi. Dalam dimensi teks, penggunaan metafora kehidupan seharian dan kisah individu seperti watak “Si Tua” berfungsi untuk menginsankan isu struktur ekonomi, menjadikan kritikan lebih dekat dengan pembaca.

Namun, analisis teks juga menunjukkan bahawa sistem ekonomi Islam atau penyelesaian berasaskan nilai agama tidak diketengahkan secara jelas. Ketiadaan alternatif ini secara implisit menormalisasikan pandangan bahawa sistem ekonomi sedia ada gagal sepenuhnya tanpa menawarkan kerangka penyelesaian yang berlandaskan wahyu atau tradisi keilmuan Islam. Keadaan ini menunjukkan kecenderungan penulisan Indie untuk berhenti pada tahap kritikan semata-mata, tanpa usaha membina wacana perbaikan yang konstruktif. Akibatnya, pembaca mungkin dipandu untuk menerima naratif kekecewaan terhadap sistem tanpa didedahkan kepada prinsip keadilan ekonomi Islam yang menyeluruh.

Tema sosial dan kemasyarakatan muncul sebagai tema teras dalam hampir semua sampel buku, khususnya SB2 dan SB5. Dari sudut dimensi teks, isu golongan rentan seperti masyarakat PPRT digambarkan melalui bahasa yang bersifat dramatik dan emosional. Pilihan kata seperti “berhempas pulas”, “terpinggir” dan “ditinggalkan” membina naratif penderitaan kolektif yang menimbulkan rasa simpati pembaca. Strategi linguistik ini berfungsi menguatkan gambaran ketidakseimbangan sosial dengan menonjolkan pengalaman hidup golongan miskin sebagai realiti yang berterusan dan berulang (Asyraff & Mary Fatimah 2018, 2022). Penggunaan bahasa yang emosional ini bukan sahaja menarik empati, malah secara tidak langsung memposisikan kerajaan dan institusi berkaitan sebagai pihak yang gagal menjalankan tanggungjawab sosial terhadap rakyat marhaen.

Strategi linguistik ini berfungsi membina dikotomi sosial antara “rakyat marhaen” dan “pemerintah”, di mana pemerintah digambarkan sebagai entiti yang jauh, tidak peduli dan gagal melaksanakan tanggungjawab sosial. Dalam konteks AWK, pembinaan dikotomi ini bukan sahaja menggambarkan realiti sosial, malah membentuk kesedaran kritikal pembaca terhadap ketidakadilan struktur sosial.

Tema politik ditemui dalam semua sampel buku Indie, menjadikannya antara tema paling konsisten. Dari sudut dimensi teks, kritikan terhadap pemerintah disampaikan melalui bahasa yang bersifat langsung dan tidak berlapik. Istilah seperti “rasuah”, “korupsi” dan “pemerintah tidak peduli rakyat” digunakan secara berulang, sekali gus membina wacana negatif terhadap institusi politik. Pengulangan istilah yang bernada keras ini mengukuhkan persepsi bahawa kegagalan politik bersifat menyeluruh dan sistemik. Dalam kerangka analisis teks AWK, strategi ini membentuk gambaran hitam-putih terhadap pemerintah, sekali gus mengehadkan ruang tafsiran alternatif dan mendorong pembaca menerima naratif penentangan sebagai satu-satunya kerangka memahami realiti politik.

Nada penulisan yang keras dan generalisasi yang meluas menunjukkan kecenderungan penulis Indie untuk memposisikan pemerintah sebagai punca utama masalah sosial. Analisis teks mendapati bahawa kritikan ini jarang disertai dengan nuansa atau konteks yang seimbang, menyebabkan wacana politik yang dibina bersifat menyeluruh dan simplistik. Keadaan ini menjadikan wacana politik dalam penulisan Indie lebih bersifat reaktif berbanding analitikal, kerana penekanan diberikan kepada kecaman dan penolakan secara umum. Akibatnya, hubungan sebab dan akibat antara dasar, struktur pentadbiran dan realiti sosial tidak dihuraikan secara mendalam, sekali gus mengehadkan kefahaman kritikal pembaca.

Tema pendidikan turut mendapat perhatian dalam penulisan buku Indie, khususnya kritikan terhadap kegagalan sistem pendidikan arus perdana. Dalam dimensi teks, pendidikan digambarkan sebagai sistem yang gagal melahirkan individu berfikir dan gagal membina perpaduan kaum (Asyraff & Mary Fatimah 2018, 2022). Frasa seperti tidak mampu berfikir dan gagal menyatukan masyarakat membawa implikasi bahawa sistem pendidikan hanya melahirkan individu patuh tanpa daya kritis.

Penggunaan ayat deklaratif yang tegas memperlihatkan sikap penolakan terhadap sistem pendidikan sedia ada. Namun, seperti tema ekonomi, alternatif pendidikan berteraskan nilai Islam atau falsafah pendidikan holistik tidak dihuraikan secara mendalam, sekali gus mencerminkan kecenderungan wacana kritikal tanpa cadangan penyelesaian yang jelas.

Tema alam sekitar hanya ditemui dalam SB1, namun dari sudut dimensi teks, ia signifikan. Kritikan terhadap aktiviti pembalakan di Kelantan disampaikan melalui bahasa yang bersifat menyalahkan dan emosional. Istilah seperti pemusnahan alam dan “rakus” membentuk wacana yang menentang eksploitasi sumber alam (Nurain & Cheang 2019). Namun, agama tidak diangkat sebagai asas etika penjagaan alam, sebaliknya isu ini dibingkai sebagai kegagalan pentadbiran dan dasar kerajaan semata-mata. Pendekatan ini memperlihatkan kecenderungan penulis untuk menilai isu alam sekitar melalui lensa politik dan tadbir urus semata-mata, tanpa mengaitkannya dengan tanggungjawab moral dan spiritual manusia sebagai khalifah di muka bumi. Ketiadaan rujukan kepada prinsip pemeliharaan alam dalam Islam menjadikan wacana yang dibina terpisah daripada kerangka nilai agama, sekali gus mengehadkan pemahaman holistik terhadap isu kelestarian alam.

Tema hak asasi manusia muncul dalam SB1, SB2 dan SB3 dengan penekanan kepada kebebasan mutlak golongan marjinal seperti Syiah dan LGBT. Dari sudut dimensi teks, kebebasan digambarkan sebagai nilai universal yang tidak seharusnya terikat dengan agama. Pilihan leksikal seperti hak, kebebasan dan pilihan peribadi digunakan untuk menormalisasikan wacana autonomi individu. Strategi leksikal ini berfungsi membingkai tuntutan golongan marjinal sebagai sesuatu yang wajar dan tidak boleh dipersoalkan, sekali gus meletakkan sebarang batasan agama sebagai bersifat menindas. Dalam analisis teks AWK, pendekatan ini mengalihkan perbincangan daripada pertimbangan moral dan akidah kepada kerangka hak individu semata-mata, lalu mengukuhkan ideologi liberal yang mengangkat kebebasan peribadi sebagai prinsip tertinggi dalam kehidupan sosial.

Dalam analisis AWK, strategi ini berfungsi mencabar autoriti agama dengan meletakkan agama sebagai halangan kepada kebebasan. Ketiadaan perbincangan tentang batasan moral atau kerangka syariah menunjukkan kecenderungan ideologi liberal yang menekankan kebebasan individu sebagai nilai tertinggi.

Secara keseluruhannya, analisis dimensi teks menunjukkan bahawa penulisan buku Indie menggunakan strategi linguistik yang konsisten untuk membina wacana kritikal terhadap agama, pemerintah dan institusi sosial. Pilihan tajuk yang provokatif, bahasa sinis, generalisasi dan metafora penderitaan berfungsi membentuk persepsi

pembaca terhadap realiti sosial. Walaupun kritikan ini membuka ruang kesedaran sosial, pendekatan teks yang digunakan cenderung bersifat tidak seimbang dan berpotensi menormalisasikan ideologi liberal yang menolak autoriti agama dan nilai tradisi.

4.2.4 Gaya bahasa

Kajian ini diteruskan dengan penelitian mengenai gaya bahasa yang digunakan dalam buku Indie. Gaya bahasa merujuk kepada penggunaan kepelbagaian ragam bahasa yang digunakan dalam sesuatu penulisan, dan amat berperanan menghidupkan sesuatu karya itu. Penggunaan gaya bahasa yang sesuai berperanan membantu pengkarya atau penulis mengungkapkan idea dan pandangan mereka dengan lebih berkesan, di samping memudahkan pembaca memahami isi kandungan sesebuah penulisan tersebut.

Olahan gaya bahasa dalam penulisan merupakan stail yang menggambarkan identiti kepengarangan seseorang penulis. Pandangan Brooks dan Warren (1998) pula menyatakan bahawa gaya merujuk kepada pemilihan dan penyusunan bahasa penulis. Jelaslah bahawa stail mempunyai hubungan peribadi pemikiran seseorang penulis. Stail atau gaya dalam karya kreatif dapat dianggap sebagai jalinan penulisan yang berhubung dengan diksi, imej, sintaksis dan unsur-unsur bunyi. Penulis karya kreatif menulis dengan stail yang tersendiri. Medium penggunaan bahasa yang sesuai dengan keinginan mereka disampaikan untuk memberi kesan estetik kepada pembaca. Kepelbagaian gaya bahasa yang digunakan untuk memindahkan fikiran penulis ke media karya sastera dengan berpaksikan identiti tersendiri bukan sahaja menjadikan bidang sastera divariasikan dengan gaya dan olahan cerita, malah setiap penulis mempunyai daya kreativiti tersendiri dalam menghasilkan karya masing-masing.

Untuk itu, sub topik bahagian ini akan membincangkan penggunaan gaya bahasa yang digunakan dalam sampel buku Indie dengan memfokuskan kepada lima jenis gaya bahasa iaitu;

- i. Bahasa sindiran
- ii. Bahasa slanga
- iii. Bahasa rojak

iv. Bahasa vulgar

Keempat-empat jenis gaya bahasa ini akan dianalisis dalam sampel buku Indie untuk melihat penggunaannya oleh penulis Indie.

a. Bahasa sindiran

Sindiran Gaya bahasa pertama yang dibincangkan merupakan gaya bahasa sindiran yang . Menurut Kamus Dewan edisi ke empat, perkataan sindiran berasaskan dari perkataan akar sindir iaitu perkataan yang digunakan untuk mengata (mengeji, mengejek, mencela) orang tidak dengan terus terang atau dalam erti kata lainnya sebagai kiasan. Manakala bentuk ke dua pula sindiran dengan menggunakan representatif atau simbolik akan sesuatu objek sebagai ganti sesuatu perkara kerana ianya mesej itu tidak sampai secara menerus. Gaya bahasa sindiran ini merupakan satu gaya perli kepada sesuatu yang tidak digemari atau yang tidak sesuai dan tidak berkenan dengan hatinya. Gaya bahasa ini terbahagi kepada tiga jenis, iaitu;

- i. Ironi
- ii. Sinis
- iii. Sarkastik

Kesemua jenis gaya bahasa sindiran ini mempunyai fungsi masing-masing. Perbincangan seterusnya akan meneliti setiap gaya bahasa jenis sindiran ini.

i. Ironi

Ironi merupakan salah satu bentuk gaya bahasa sindiran yang halus, bersifat tidak langsung dan lazimnya disampaikan melalui ujaran yang bertentangan dengan makna literalnya. Dalam tradisi retorik dan stilistik, ironi sering difahami sebagai strategi bahasa yang menyampaikan kritikan melalui penyamaran makna, iaitu dengan mengatakan sesuatu yang kelihatan positif, neutral atau bersahaja, namun sebenarnya membawa maksud sindiran yang mendalam (Keraf, 2007; Ratna, 2009). Berbeza dengan sarkastik yang bersifat keras dan konfrontasi, ironi berfungsi secara implisit dan memerlukan pembaca untuk melakukan proses inferens bagi menangkap makna sebenar yang tersembunyi di sebalik ujaran (Booth, 1974).

Dalam konteks Analisis Wacana Kritis (AWK), khususnya dimensi analisis teks seperti yang digariskan oleh Fairclough (1995; 2003), ironi bukan sekadar unsur estetik atau gaya bahasa, sebaliknya berperanan sebagai mekanisme ideologi. Ia berfungsi melalui pilihan leksikal, struktur ayat, nada dan strategi retorik yang secara halus membingkai realiti sosial tertentu serta mempengaruhi cara pembaca menilai autoriti, institusi dan nilai agama. Oleh itu, analisis terhadap penggunaan ironi dalam buku Indie perlu meneliti bagaimana bahasa digunakan untuk membina makna yang kelihatan neutral atau sopan, namun sebenarnya sarat dengan kritikan terhadap wacana arus perdana, khususnya wacana agama.

Menurut Hutcheon (1994), ironi bersifat dialog kerana ia melibatkan ketegangan antara makna literal dan makna tersirat. Ketegangan inilah yang menjadikan ironi sebagai alat kritikan yang berkesan, khususnya dalam wacana yang ingin mencabar autoriti atau norma sosial tanpa menyatakan penentangan secara terbuka. Dalam penulisan buku Indie, ironi sering dimanfaatkan untuk mengekspresikan ketidakpuasan terhadap institusi agama, budaya keagamaan atau autoriti tradisional, tetapi dilakukan melalui nada seolah-olah rasional, beradab dan refleksi.

Dari sudut analisis teks, penggunaan ironi dapat dikenal pasti melalui beberapa ciri utama, antaranya pemilihan kata yang kelihatan positif tetapi digunakan dalam konteks negatif, pengulangan frasa yang bersifat stereotaip, serta penggunaan struktur ayat deklaras yang kelihatan objektif tetapi sebenarnya mengandungi penilaian ideologi (Simpson, 2004; Fowler, 1991). Ketiga-tiga ciri ini dapat diperhatikan dengan jelas dalam petikan-petikan buku Indie yang dianalisis. Contoh yang pertama menerusi petikan SB3 (2014:70);

Walaupun begitu, kecanduan pada budaya yang mempengaruhi agama telah menghilangkan sifat dan kesucian akal dalam kalangan manusia. Manusia beragama diselesaikan dengan suatu arahan, soal agama adalah milik orang besar. Agama ini harus dipertahankan kesuciannya melalui orang besar. Sebarang tulisan dan persoalan yang dinilai oleh orang besar sebagai menggugah keimanan akan dikafirkan dan disesatkan. Hanya satu jalan beragama yang harus dituruti iaitu jalan orang besar.

Secara tekstual, petikan ini menggunakan frasa ‘orang besar’ secara berulang-ulang. Pada peringkat makna literal, frasa ini boleh ditafsirkan sebagai rujukan kepada golongan berautoriti atau tokoh agama. Namun, melalui pendekatan ironi, pengulangan tersebut tidak berfungsi sebagai pengiktirafan, sebaliknya sebagai sindiran halus terhadap dominasi autoriti agama. Pemilihan frasa ‘diselesaikan dengan suatu arahan’ turut membawa konotasi negatif, seolah-olah umat Islam digambarkan sebagai pasif dan tidak berfikir.

Ironi di sini terhasil melalui pertentangan antara makna literal dan makna tersirat. Penulis tidak secara langsung menyatakan bahawa autoriti agama bersifat menindas atau autoritarian, tetapi membina gambaran sedemikian melalui bahasa yang kelihatan deskriptif dan neutral. Dalam kerangka Fairclough (1995), strategi ini merupakan satu bentuk ‘*evaluative meaning*’ yang disamarkan, di mana penilaian ideologi disampaikan tanpa penggunaan kata sifat yang eksplisit.

Lebih penting, struktur ayat deklarasinya digunakan memberikan ilusi objektif atau secara jelas, seolah-olah penulis hanya menggambarkan realiti sosial. Namun, secara implisit, ironi ini berfungsi untuk meremehkan peranan ulama dan institusi agama dengan menggambarkan mereka sebagai “orang besar” yang mengawal tafsiran agama dan menindas kebebasan berfikir. Ini selari dengan hujah Fowler (1991) bahawa bahasa deskriptif sering digunakan dalam wacana ideologi untuk menyembunyikan penilaian sedia ada. Seperti mana yang digambarkan dalam petikan SB4 berikut (Hin 2017: 18);

Kalian pasti bersetuju yang bulan puasa adalah bulan meraikan bazar-bazar Ramadan, promosi barang-barangan dan jualan besar besaran. Kerana bazar-bazar yang menjual seribu macam makanan, pakaian, aksesori dan macam-macam lagi tumbuh melata di setiap inci jalanan. Belum pun berpuasa, pusat beli-belah sudah memulakan jualan potongan rendah sempena sambutan Aidilfitri.

Ironi dalam petikan ini terhasil melalui penggunaan frasa kalian pasti bersetuju, yang secara literal berfungsi sebagai strategi solidariti dengan pembaca. Namun, dalam konteks keseluruhan perenggan, frasa ini bersifat ironi kerana ia mengandaikan

persetujuan terhadap satu realiti yang sebenarnya sedang dikritik. Ramadhan, yang secara normatifnya dikaitkan dengan ibadah dan pengendalian diri, dibingkai sebagai bulan konsumer dan komersialisme. Pemilihan leksikal seperti ‘tumbuh melata’ dan ‘seribu macam makanan’ menguatkan kesan ironi dengan memberikan gambaran berlebihan sekali gus menimbulkan kesan sinis terhadap budaya keagamaan masyarakat. Menurut Simpson (2004), ironi sering bergandingan dengan hiperbola untuk menghasilkan kesan kritikan yang lebih tajam tetapi masih bersifat tidak langsung.

Dari sudut analisis teks AWK, ironi ini berfungsi untuk menormalisasikan pandangan bahawa amalan keagamaan telah kehilangan makna spiritualnya dan digantikan dengan nilai materialistik. Walaupun kritikan terhadap konsumerisme kelihatan sah dan diterima umum, ironi yang digunakan di sini juga membawa implikasi ideologi yang lebih luas, iaitu kerelatifan nilai ritual agama dengan megarahkan kepada fenomena sosial semata-mata (Fairclough, 2003; Wodak & Meyer, 2009). Petikan seterusnya dalam SB1 (Faisal 2016:66) turut memperlihatkan elemen ironi:

Justeru apakah Qadiani atau Ahmadiyyah itu sesat? Aku membalas sopan, ‘Aku tidak tahu. Bukan tugas aku dan kau menghantar orang ke neraka dan mengeluarkan mereka dari Islam. Jika benar mereka sesat, seperti mana Allah telah menunjukkan bagaimana Allah menangani kesesatan iblis setan, maka demikian juga lah aku akan bersikap. Tambah-tambah aku mengkaji hak asasi manusia sebagai disiplin akademik. Menurutku manusia dan kemanusiaan pertama, yang lain jatuh nombor dua atau tiga.

Ironi dalam petikan ini bersifat lebih kompleks kerana ia disampaikan melalui naratif dialog dan penggunaan nada sopan. Ungkapan aku membalas sopan berfungsi sebagai penanda pragmatik yang menenangkan pembaca, namun kandungan jawapan tersebut sarat dengan implikasi ideologi. Penolakan terhadap keperluan menilai kesesatan akidah dibingkai sebagai sikap rendah hati dan beradab, sedangkan secara implisit ia mencabar autoriti epistemologi agama.

Ironi terserlah apabila rujukan kepada tindakan Allah terhadap iblis digunakan untuk mewajarkan sikap tidak mengambil pendirian. Secara literal, rujukan ini kelihatan

berlandaskan agama, namun secara tersirat ia berfungsi untuk menanggukuhkan penghakiman akidah dan mengangkat prinsip kemanusiaan sebagai nilai tertinggi. Menurut Booth (1974), ironi sering digunakan untuk “*mask ideological commitments*” dengan membungkusnya dalam bahasa yang kelihatan neutral atau beretika.

Dalam dimensi analisis teks, pilihan leksikal seperti hak asasi manusia dan frasa manusia dan kemanusiaan pertama menandakan peralihan kerangka nilai daripada wahyu kepada humanisme sekular. Ironi di sini bukan sahaja menyindir autoriti agama, tetapi juga membina hierarki nilai baharu yang bertentangan dengan kerangka epistemologi Islam (Gee, 2011; van Dijk, 2008).

Secara keseluruhan, analisis ini menunjukkan bahawa penggunaan ironi dalam buku Indie bukan sekadar unsur stilistik, tetapi berfungsi sebagai strategi wacana yang signifikan dalam pembinaan makna dan penyebaran ideologi. Melalui bahasa yang kelihatan sopan, refleksi dan tidak konfrontasi, ironi digunakan untuk menyindir autoriti agama, meremehkan amalan keagamaan, serta mengangkat nilai-nilai alternatif seperti kebebasan individu dan kemanusiaan universal.

Dalam kerangka Analisis Wacana Kritis, khususnya dimensi analisis teks, ironi berperanan menyamarkan penilaian ideologi di sebalik struktur bahasa yang neutral. Hal ini menjadikan kritikan yang disampaikan lebih sukar dikesan secara langsung, tetapi berpotensi memberi kesan yang mendalam terhadap persepsi pembaca. Justeru, gaya bahasa ironi dalam buku Indie perlu difahami sebagai alat wacana yang bukan sahaja mencerminkan kreativiti penulisan, tetapi juga membawa implikasi sosial dan ideologi yang signifikan dalam konteks masyarakat Melayu-Islam di Malaysia.

ii. Sinisme

Sinisme merupakan salah satu bentuk gaya bahasa sindiran yang bersifat keras, tajam dan jelas mengejek. Berbeza dengan ironi yang disampaikan secara halus dan terselindung, sinisme tampil secara lebih terbuka, lantang dan kadangkala melampau, dengan tujuan untuk menzahirkan rasa tidak percaya, penghinaan atau penolakan terhadap keikhlasan, kewibawaan dan integriti sesuatu pihak (Tarigan, 1985; Keraf, 2007). Dalam konteks stilistika, sinisme sering dicirikan oleh penggunaan bahasa

hiperbolik, metafora kasar, perbandingan menjatuhkan serta nada yang sinikal iaitu bersikap mengejek, memandang rendah, dan tidak mempercayai keikhlasan atau ketulusan pihak lain serta provokasi

Tarigan (1985) mentakrifkan sinisme sebagai gaya bahasa sindiran yang mengandungi unsur kesangsian dan ejekan terhadap ketulusan hati seseorang. Pandangan ini diperkukuhkan oleh Siti Norsyahida dan Nor Azuwan (2017) yang menegaskan bahawa sinisme merupakan bentuk sindiran yang lebih kasar berbanding ironi dan lazimnya membawa elemen memperlekeh serta mempermainkan pihak sasaran. Faizul Nizar et.al (2018) pula melihat sinisme sebagai satu bentuk peniruan atau gambaran yang disengajakan bagi tujuan mempermainkan dan mendedahkan kelemahan pihak tertentu, manakala Arba'ie (2010) menekankan sifat sinisme yang sarat dengan makna tersirat tetapi disampaikan secara agresif dan sinikal.

Dalam kerangka Analisis Wacana Kritis (AWK), khususnya dimensi analisis teks seperti yang dihuraikan oleh Fairclough (1995; 2003), sinisme tidak hanya dilihat sebagai gaya bahasa estetik, tetapi sebagai alat wacana ideologi. Ia berfungsi melalui pilihan leksikal, struktur ayat, metafora dan nada yang membina gambaran negatif terhadap institusi, autoriti atau nilai tertentu. Oleh itu, analisis terhadap sinisme dalam buku Indie perlu meneliti bagaimana bahasa digunakan untuk membentuk penilaian sosial dan ideologi secara langsung, kasar dan konfrontatif, khususnya terhadap agama, ulama dan institusi agama.

Menurut Fowler (1991) dan Simpson (2004), gaya bahasa sinis lazimnya dapat dikenal pasti melalui beberapa ciri linguistik utama, antaranya penggunaan metafora menjatuhkan, perbandingan ekstrem, kata adjektif berkonotasi negatif serta struktur ayat retorik yang bersifat mencabar. Dalam dimensi analisis teks AWK, unsur-unsur ini penting kerana ia menunjukkan bagaimana bahasa berfungsi sebagai medium penilaian dan bukan sekadar penyampaian maklumat. Manakala, Van Dijk (2008) menegaskan bahawa bahasa yang bersifat sinikal sering digunakan dalam wacana kritikal untuk membina polarisasi 'kami' dan 'mereka', sekali gus melemahkan legitimasi pihak sasaran. Dalam konteks buku Indie, sinisme sering disasarkan kepada autoriti agama, institusi keagamaan dan amalan tradisi Islam, dengan tujuan mencabar kewibawaan dan

kesahihan peranan mereka dalam ruang sosial. Ini boleh dilihat dalam petikan seterusnya SB1 seperti berikut (Faisal 2016:48);

Anak kecilku pernah bertanya, siapakah tuhan ultraman? ‘Jika ultraman itu makhluk yang hidup dan benar-benar wujud, ya, ultraman pun adalah ciptaan Allah dan Allah adalah Tuhannya. Jika bangsa ultraman itu kemudian mencipta-cipta satu konsep, wacana dan tafsiran tertentu mengenai ultraman maka akan ada sebuah agama, atau mazhab ultramaniyyah.

Petikan ini memperlihatkan penggunaan sinisme yang jelas melalui perbandingan agama dengan watak fiksyen seperti Ultraman dan Spiderman. Dari sudut analisis teks, pemilihan leksikal ‘ultramaniyyah’ dan gambaran konflik antara ‘bangsa ultraman dan spiderman’ merupakan bentuk metafora sinikal yang berfungsi untuk memperlekeh konsep agama dan perbezaan mazhab. Secara literal, naratif ini disampaikan melalui dialog bersama anak kecil, yang seolah-olah bersifat santai dan mendidik. Namun, secara tekstual, penggunaan metafora budaya popular ini bersifat sinis kerana ia menyamakan pembentukan agama dan mazhab dengan rekaan fiksyen. Menurut Hutcheon (1994), sinisme sering beroperasi melalui strategi ‘*defamiliarization*’, iaitu menjadikan sesuatu yang dianggap suci atau serius sebagai bahan jenaka intelektual.

Dalam dimensi analisis teks AWK, struktur ayat bersifat hipotesis “...*Jika ultraman itu makhluk yang hidup...*” digunakan untuk mewujudkan logik palsu yang kelihatan rasional tetapi sebenarnya bertujuan merelatifkan kebenaran agama. Sinisme ini bukan sekadar kritikan terhadap kepelbagaian agama, tetapi membawa ideologi pluralisme dan relativisme agama yang merendahkan kedudukan kebenaran mutlak Islam (Fairclough, 2003; Leeuwen, 2008). Dalam konteks ini, strategi linguistik tersebut juga memperlihatkan usaha menormalisasikan keraguan epistemologi terhadap wahyu dengan menggantikannya kepada analogi rekaan dan imaginasi. Kesannya, agama dipersembahkan sebagai bentuk wacana manusiawi yang setara dengan naratif budaya popular, sekali gus melemahkan autoriti Islam. Petikan seterusnya juga mengandungi unsur sinis kepada golongan agama, seperti berikut (Benz 2014 :75);

Bukankah benar bila aku bercakap ulamak ulamak kuat nafsunya seperti kuda? Kenapa orang Islam sekarang, (dibantu dengan keoportunan ulamak) melebih-lebihkan permasalahan yang harus, dan melalai lalaikan perkara yang lebih penting seperti tolong orang miskin?

Petikan ini menampilkan sinisme dalam bentuk yang paling jelas dan agresif. Perbandingan ‘ulamak kuat nafsunya seperti kuda’ merupakan metafora kasar yang bersifat menghina dan menjatuhkan maruah golongan ulama. Dari sudut analisis teks, pemilihan leksikal ‘seperti kuda’ membawa konotasi kebinatangan dan tidak rasional, sekali gus menolak fungsi kemanusiaan pihak sasaran (Lakoff & Johnson, 1980). Metafora ini bukan sahaja mencerminkan sikap sinikal penulis, malah berfungsi sebagai strategi wacana untuk membina persepsi negatif secara menyeluruh terhadap ulama sebagai kelompok yang didorong oleh hawa nafsu, sekali gus menafikan integriti moral dan autoriti keilmuan mereka dalam wacana keagamaan.

Penggunaan soalan retorik yang bertalu-talu (Kenapa...?) memperkukuh nada sinikal dan mencabar autoriti agama secara terbuka. Menurut Tarigan (1985), sinisme sering memanfaatkan soalan retorik sebagai alat untuk mempersoalkan keikhlasan dan keabsahan tindakan seseorang tanpa membuka ruang dialog yang seimbang. Dalam analisis wacana kritikal (AWK), struktur ayat deklarasi bercampur retorik ini berfungsi membina persepsi bahawa ulama bersifat hipokrit dan oportunis. Walaupun terdapat pengakuan kita tidak menentang poligami, frasa ini berfungsi sebagai penamparan retorik sebelum kritikan keras dilontarkan. Ini sejajar dengan pandangan Fairclough (1995) bahawa penanda konsesi sering digunakan untuk melembutkan kritikan yang sebenarnya bersifat ideologikal dan agresif.

Petikan seterusnya juga mempunyai elemen sinis kepada pihak ulama dan institusi agama, seperti berikut (SB5 2017:45);

Sejak institusi agama dikendali kerajaan, agamawan, alim ulama dan pegawai kerajaan mempunyai hidup yang senang... Institusi agama hanya menjalankan kerja biasa dengan menyediakan kelas umrah/haji, mencipta fatwa instant untuk membenarkan dasar kerajaan.

Petikan ini memaparkan sinisme yang bersifat struktural dan institusional. Pemilihan frasa seperti ‘hidup yang senang’, ‘fatwa instant’ dan ‘kerja biasa’ menunjukkan usaha merendahkan peranan institusi agama sebagai alat legitimasi kuasa politik. Dari sudut analisis teks, penggunaan kata adjektif dan frasa penilaian ini membina gambaran negatif yang konsisten terhadap institusi agama. Strategi linguistik ini berfungsi menanam persepsi bahawa institusi agama telah kehilangan fungsi panduan nilai dan akhlaknya, lalu dijadikan sebagai entiti pentadbiran semata-mata yang bersifat pragmatik dan oportunis. Kesannya, autoriti agama ditampilkan sebagai tidak lagi bebas, malah tunduk kepada kepentingan politik dan material.

Strategi linguistik ini berfungsi menanam persepsi bahawa institusi agama telah kehilangan fungsi panduan nilai dan akhlaknya, lalu dilihat sebagai entiti pentadbiran semata-mata yang bergerak mengikut arahan kuasa, bukan tuntutan prinsip keagamaan. Dalam dimensi analisis teks AWK, sinisme ini berfungsi untuk merendahkan taraf autoriti agama dengan mengaitkannya secara langsung dengan kepentingan politik dan material. Walaupun kritikan terhadap hubungan agama dan negara merupakan isu sah dalam perbahasan akademik, gaya bahasa sinis yang digunakan menjadikan kritikan tersebut bersifat menyeluruh dan tidak berimbang, sekali gus membentuk persepsi negatif dalam kalangan pembaca (Van Dijk, 2008). Keadaan ini memperkukuh naratif bahawa institusi agama gagal berperanan sebagai pengimbang kuasa dan suara moral masyarakat. Akibatnya, pembaca didorong untuk menilai agama melalui lensa skeptikal, bukannya sebagai sistem nilai yang berteraskan wahyu dan tanggungjawab sosial.

Secara keseluruhan, analisis ini menunjukkan bahawa gaya bahasa sinis dalam buku Indie berfungsi sebagai strategi wacana yang agresif dan konfrontatif dalam menyampaikan kritikan terhadap agama, ulama dan institusi keagamaan. Menurut Asyraff & Mary Fatimah (2020) melalui penggunaan metafora kasar, perbandingan melampau, soalan retorik dan pilihan leksikal yang menjatuhkan, sinisme digunakan untuk mempersoalkan keikhlasan, kewibawaan dan fungsi sosial autoriti agama. Dalam kerangka Analisis Wacana Kritis, khususnya dimensi analisis teks, sinisme bukan sekadar mencerminkan kebebasan ekspresi penulis, tetapi turut memainkan peranan ideologikal dalam membentuk cara pembaca menilai agama dan institusinya. Berbanding ironi yang bersifat tersirat, sinisme dalam buku Indie lebih mudah dikesan

dan memberi kesan emosi yang kuat, namun pada masa yang sama berpotensi menormalisasikan sikap sinikal dan skeptikal terhadap agama dalam ruang sosial masyarakat Melayu-Islam.

iii. Sarkastik

Dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan gaya bahasa sarkastik merupakan antara strategi linguistik paling agresif yang digunakan dalam sebahagian penulisan buku Indie yang dianalisis. Sarkastik bukan sekadar variasi gaya bahasa sindiran, sebaliknya berfungsi sebagai alat wacana ideologikal yang membawa muatan emosi, kepahitan, kemarahan dan penolakan yang jelas terhadap simbol, institusi serta autoriti agama. Dalam kerangka Analisis Wacana Kritis (AWK), dimensi analisis tekstual memberi tumpuan kepada bagaimana pilihan leksikal, struktur ayat, metafora dan gaya retorik tertentu digunakan untuk membina makna, sikap dan pendirian ideologi penulis (Norman Fairclough, 1995; 2003).

Menurut Keraf, G (2004; 2007), sarkastik ialah bentuk sindiran yang paling kasar, mengandungi celaan pedih dan kepahitan yang bertujuan menyakiti, memperlekeh atau merendahkan sasaran ujaran. Berbeza dengan ironi atau sinisme yang masih berlapik, sarkastik lazimnya tampil secara terbuka, eksplisit dan provokatif. Dalam konteks buku Indie, dapatan kajian menunjukkan bahawa sarkastik digunakan secara strategik untuk menggugat kesucian agama, menormalisasikan bahasa seksual dan kasar, serta membina wacana anti-autoriti agama dalam ruang awam pembacaan.

Misalnya dalam petikan SB1 memaparkan penggunaan sarkastik yang sangat ketara melalui leksikal berunsur seksual, vulgar dan eksplisit. Penggunaan istilah seperti ‘batang zakarnya’, ‘kepala anunya berkilat garang dek ereksi’ dan ‘zakar baginda’ memperlihatkan usaha sedar penulis untuk merendahkan naratif sejarah Islam dengan memusatkan makna keagamaan pada simbol biologikal yang bersifat tabu. Contohnya dalam ayat petikan tersebut (2016:127); “...*Belum pun mengucap dua kalimah syahadah, Raja Kecil Besar sudah pun dikhatankan batang zakarnya dalam mimpi... kepala anunya berkilat garang dek ereksi.*”. Dari sudut analisis tekstual, pemilihan kosa kata ini bukan bersifat neutral atau deskriptif, tetapi membawa fungsi provokatif yang jelas. Menurut Allan dan Burridge (2006), bahasa tabu dan seksual sering

digunakan dalam wacana kritikal untuk mencetuskan kejutan emosi dan menggugat norma moral pembaca. Dalam konteks ini, sarkastik berfungsi untuk menyubversi simbol kesucian Islam, khususnya proses pengislaman tokoh sejarah, dengan mereduksinya kepada naratif tubuh dan nafsu.

Struktur ayat yang bersifat naratif sinis turut memainkan peranan penting. Penulis membina seolah-olah hujah sejarah, namun diselitkan dengan gaya penceritaan yang memperolokkan dan mempersenda, menjadikan agama kelihatan tidak rasional dan bersifat simbolik semata-mata. Hal ini selari dengan pandangan Van Dijk (2008) bahawa strategi linguistik seperti ini berfungsi membentuk mental model negatif pembaca terhadap institusi dan simbol agama. Melalui pengulangan naratif yang bersifat sinis dan provokatif, pembaca secara beransur-ansur dipandu untuk menerima tafsiran agama yang terpisah daripada autoriti ilmu dan tradisi, sekali gus menormalkan sikap curiga, sinikal dan tidak hormat terhadap wacana keagamaan dalam ruang sosial pembacaan.

Salah satu dapatan penting kajian ialah penggunaan bahasa sarkastik untuk meruntuhkan makna dan kesucian simbol-simbol Islam secara sengaja. Contohnya dalam petikan SB1, konsep keislaman Parameswara tidak dibincangkan secara teologis atau sejarah yang berdisiplin, sebaliknya dipersembahkan melalui naratif hiperbolik dan seksual yang merendahkan. Ungkapan seperti 'Islam Parameswara didefinisikan etosnya menerusi zakar baginda' menunjukkan bahawa agama digambarkan secara sempit dan diperkecilkan, seolah-olah keislaman hanya diukur melalui tanda fizikal semata-mata, tanpa mengambil kira aspek akidah, keimanan dan nilai rohaninya.. Menurut Berger (1967), proses penyucian dalam agama bertujuan memberikan makna yang lebih tinggi dan suci kepada kehidupan sosial manusia. Namun, dalam wacana sarkastik ini, makna tersebut diterbalikkan apabila perkara yang suci dipersembahkan secara kasar dan tidak hormat, manakala nilai kerohanian agama direndahkan kepada perkara yang bersifat jasmani dan biologikal semata-mata..

Dalam kerangka AWK, strategi ini bukan sekadar gaya bahasa, tetapi merupakan tindakan ideologi. Fairclough (2003) menegaskan bahawa bahasa bukan sahaja mencerminkan realiti sosial, tetapi turut membentuk dan mengubahnya. Pengulangan gaya sarkastik seperti ini berpotensi menormalisasikan persepsi bahawa

simbol dan sejarah Islam boleh dipersenda tanpa batas moral. Apabila bentuk bahasa ini diulang dan dibaca secara berterusan, pembaca secara tidak sedar akan menerima sikap memandang rendah terhadap agama sebagai sesuatu yang biasa, wajar dan tidak lagi bermasalah dalam wacana sosial

Selain itu, petikan SB2 pula memperlihatkan sarkastik dalam bentuk umpatan ideologikal yang disasarkan secara langsung kepada golongan ulama dan autoriti agama. Pilihan leksikal seperti ‘ulamak semakin jahat’, “...fatwa-fatwa mereka sentiasa lucu...” dan “...apakah agama kamu adalah faraj?..” menandakan penggunaan bahasa yang bersifat menyerang dan merendahkan seperti mana dalam petikan berikut (Benz 2014:172); “...*Ulamak semakin jahat dalam nikmat... Fatwa-fatwa mereka sentiasa lucu*”. Dari sudut tekstual, ayat-ayat ini dibina dalam bentuk puisi bebas yang sarat dengan emosi marah, kecewa dan sinis. Menurut Fowler (1991), struktur puisi kritikal sering digunakan untuk membina stance ideologikal kerana ia membenarkan ekspresi emosi tanpa keperluan hujah yang sistematik. Sarkastik di sini berfungsi untuk membentuk gambaran bahawa ulama bersifat hipokrit, materialistik dan obses terhadap isu seksual semata-mata.

Begitu juga, penggunaan soalan retorik seperti “...*Apakah ini agama, apakah ini wahyu?...*” menguatkan kesan sarkastik kerana soalan tersebut tidak bertujuan untuk mencari jawapan sebenar, sebaliknya untuk menimbulkan rasa ragu dan tidak percaya dalam fikiran pembaca. Menurut Leeuwen (2008), pendekatan ini merupakan satu cara untuk melemahkan kewibawaan pihak berautoriti melalui penggunaan bahasa yang bersifat negatif dan merendahkan. Apabila autoriti agama digambarkan secara berulang sebagai tidak wajar, tidak adil dan tidak berfungsi, pembaca mudah terdorong untuk mempersoalkan peranan dan kepentingan institusi agama dalam kehidupan sosial mereka.

Seterusnya, dapatan kajian menunjukkan bahawa gaya bahasa sarkastik dalam SB2 mewujudkan pemisahan yang jelas antara ‘kami’, iaitu golongan yang digambarkan sebagai tertindas, dan ‘kamu’ iaitu ulama atau autoriti agama. Ungkapan seperti ‘Maka kami dijatuhkan hukuman kafir mandatori’ menggambarkan ulama sebagai pihak yang menekan dan menghukum, seolah-olah agama digunakan sebagai alat kuasa untuk menakutkan dan membungkam suara masyarakat. Menurut Wodak dan

Meyer (2009), strategi polarisasi merupakan ciri utama wacana ideologi, di mana bahasa digunakan untuk membina pembahagian moral antara pihak 'baik' dan 'jahat'. Sarkastik mempercepatkan proses ini kerana ia tidak memberi ruang nuansa atau keadilan wacana, sebaliknya menekankan emosi dan generalisasi melampau.

Dalam konteks buku Indie, gaya ini menjadikan kritikan terhadap institusi agama bersifat menyeluruh dan tidak berimbang. Walaupun kritikan sosial terhadap peranan ulama merupakan isu yang sah dalam perbahasan akademik (Esposito, 2010), penggunaan sarkastik yang kasar berpotensi menutup ruang dialog konstruktif dan menggantikannya dengan wacana kebencian simbolik. Akibatnya, perbincangan agama tidak lagi berfokus kepada penambahbaikan atau pembetulan secara ilmiah, sebaliknya berubah menjadi serangan emosi yang menyederhanakan isu kompleks dan menimbulkan salah faham dalam kalangan pembaca.

Dari sudut kesan tekstual pula, penggunaan sarkastik yang berulang berfungsi sebagai mekanisme mengubah fungsi bahasa. Bahasa yang asalnya dianggap kasar, tabu dan melampaui batas menjadi semakin normal dalam pengalaman pembacaan. Menurut Bourdieu (1991), kuasa simbolik bahasa terletak pada keupayaannya untuk membentuk apa yang dianggap wajar dan tidak wajar dalam masyarakat. Bagi pembaca muda, khususnya yang kurang latar disiplin ilmu agama, gaya bahasa sarkastik ini berpotensi membentuk kefahaman bahawa agama ialah entiti yang boleh dipersoal, dipersenda dan dipermainkan tanpa adab ilmiah. Ini sejajar dengan dapatan Kress (2010) yang menyatakan bahawa gaya komunikasi yang emosional dan provokatif lebih mudah mempengaruhi sikap pembaca berbanding hujah rasional yang kompleks.

Secara keseluruhan, dapatan kajian menunjukkan bahawa gaya bahasa sarkastik dalam petikan SB1 dan SB2 bukan sekadar ekspresi emosi atau kreativiti bahasa, tetapi merupakan strategi wacana yang sarat dengan muatan ideologi. Dalam dimensi analisis tekstual AWK, sarkastik berfungsi melalui pemilihan leksikal kasar, struktur ayat provokatif, metafora seksual dan soalan retorik untuk merendahkan simbol Islam, mempertikaikan autoriti ulama dan menormalisasikan sikap sinis terhadap agama.

Walaupun gaya ini berkesan dari sudut estetika provokasi dan daya tarikan pembaca, implikasinya terhadap pembinaan kefahaman agama dan nilai sosial adalah

signifikan. Sarkastik yang tidak berdisiplin berpotensi menghakis adab wacana, melemahkan autoriti ilmu dan membentuk budaya kritikan yang emosional serta tidak konstruktif. Oleh itu, dapatan ini mengukuhkan hujah bahawa penulisan buku Indie tertentu bukan sahaja mencabar norma sastera arus perdana, tetapi turut membawa implikasi ideologi yang perlu dinilai secara kritis dan beretika apatah lagi ianya melibatkan akidah masyarakat muslim.

b. Bahasa Slanga

Penggunaan bahasa slang merupakan antara ciri linguistik yang paling menonjol dalam penulisan buku Indie di Malaysia. Dapatan kajian menunjukkan bahawa slang tidak berfungsi sekadar sebagai elemen gaya bahasa yang bersifat kosmetik atau variasi linguistik semata-mata, sebaliknya memainkan peranan penting sebagai strategi wacana yang membentuk nada, sikap serta orientasi ideologi penulis. Dalam kerangka Analisis Wacana Kritis (AWK), khususnya melalui dimensi analisis teks, perhatian diberikan kepada aspek linguistik seperti pilihan leksikal, struktur ayat, gaya bahasa dan nada penulisan kerana elemen-elemen ini berperanan secara langsung dalam pembinaan makna sosial dan ideologi (Fairclough, 1995; 2003).

Secara konseptual, slang merujuk kepada variasi bahasa tidak formal yang lazim digunakan dalam kalangan kumpulan sosial tertentu, khususnya generasi muda, dan bersifat dinamik serta kontekstual. Allan dan Burridge (2006) menegaskan bahawa slang merupakan manifestasi kreativiti linguistik yang tidak semestinya bersifat lucu atau menghina, sebaliknya bergantung kepada niat penutur dan konteks penggunaannya. Dalam konteks penulisan buku Indie, slang berfungsi sebagai medium ekspresi identiti alternatif yang membezakan karya Indie daripada sastera arus perdana yang lebih terikat dengan norma bahasa baku, disiplin tatabahasa dan konvensi kesantunan bahasa (Coupland, 2007).

Analisis terhadap SB2 menunjukkan penggunaan slang yang sangat meluas dan pelbagai. Slang tersebut merangkumi slang dialek tempatan seperti pi lah, depa, hang dan hangpa; slang pertuturan tidak formal seperti tak reti, korang, diorang dan perasan cool; slang metafora dan ekspresif seperti menjadi kangkong, terbarai dan pungpang pungpang; serta slang pinjaman bahasa Inggeris seperti course, exam,

dropout, cypaste, unfriend, like dan boring. Kepelbagaian leksikal ini memperlihatkan kecenderungan penulis untuk mencampuradukkan pelbagai sumber bahasa secara bebas tanpa mematuhi disiplin linguistik formal. Fenomena ini selari dengan sifat penulisan Indie yang eksperimental, tidak konvensional dan cenderung menolak autoriti bahasa standard (Fadli & Md Sidin 2016.).

Dari sudut analisis teks, pilihan leksikal slanga ini membentuk nada penulisan yang santai, sinikal dan bersifat provokatif. Struktur ayat yang digunakan lazimnya ringkas, tidak lengkap secara tata bahasa dan menyerupai bahasa lisan, sekali gus mewujudkan kesan keintiman antara penulis dan pembaca. Menurut Fairclough (2003), ciri-ciri tekstual seperti informaliti, pemendekan struktur ayat dan nada perbualan bukan sahaja mencerminkan gaya individu penulis, tetapi juga berkait rapat dengan proses ideologi yang mencabar hubungan kuasa dan autoriti dalam masyarakat.

Penggunaan slanga dalam SB2 juga sering hadir bersama nada meremehkan dan mempertikaikan autoriti sosial. Petikan seperti “...*buat apa aku nak respek sangat?*” dan “...*negeri yang korang sedang belajar tu sedang huru-hara*” menunjukkan bagaimana perkataan slanga seperti respek dan korang digunakan untuk membina posisi subjek penulis sebagai individu yang sinis terhadap norma dominan dan autoriti sosial. Dalam konteks AWK, Fairclough (1995) menegaskan bahawa pilihan leksikal bukanlah bersifat neutral, sebaliknya mencerminkan hubungan kuasa dan pendirian ideologi penutur terhadap realiti sosial yang dibincangkan.

Lebih signifikan, slanga turut digunakan untuk menyampaikan pandangan yang bersifat kontroversial dan sensitif, khususnya berkaitan agama dan isu global. Petikan dalam SB2 (2014) seperti “...*berterima kasihlah pada Yahudi, yang menciptakan segala macam hal..*” dan “...*jangan dok lebat sangat memusuhi Yahudi..*” disampaikan dalam laras bahasa santai dan tidak formal. Dari sudut analisis teks, strategi ini berfungsi untuk menormalisasikan pandangan yang berpotensi bermasalah dengan membungkusnya dalam gaya tutur yang kelihatan ringan dan bersahaja. Jaworski dan Coupland (2006) menjelaskan bahawa dalam wacana popular, bahasa tidak formal sering digunakan untuk mengurangkan jarak ideologi antara penulis dan pembaca, sekali gus melemahkan daya kritis pembaca terhadap kandungan yang disampaikan.

Penggunaan kata kesat seperti “...*fuck dan frasa go to hell...*” dalam SB2 turut mencerminkan penolakan simbolik terhadap norma kesantunan bahasa Melayu dan nilai adab yang menjadi asas budaya serta agama masyarakat Islam. Dalam dimensi analisis teks, bahasa tabu ini membentuk nada agresif dan konfrontatif yang menandakan sikap pemberontakan terhadap autoriti moral dan budaya. Allan dan Burridge (2006) menyatakan bahawa bahasa tabu sering digunakan sebagai strategi linguistik untuk menzahirkan penentangan terhadap kawalan norma sosial dan institusi autoritatif.

Dalam SB1 pula, walaupun penggunaan slanga tidak seintensif SB2, unsur bahasa tidak formal tetap hadir melalui perkataan seperti tak reti, bro, apahal, pastu, osem, satgi dan kasi. Slanga dalam SB1 lebih berfungsi untuk membina keakraban dan hubungan mesra dengan pembaca, sekali gus menampilkan imej penulis sebagai sebahagian daripada komuniti pembaca muda. Namun demikian, dari sudut analisis teks, gaya bahasa ini tetap mencerminkan kecenderungan yang sama, iaitu penjarakan daripada laras bahasa formal dan autoriti wacana keilmuan tradisional (Eckert 2000; Coupland 2007).

Daripada perspektif Analisis Wacana Kritis, penggunaan bahasa slanga dalam buku Indie tidak boleh difahami secara terpisah daripada kandungan ideologi yang dibawanya. Dapatan kajian menunjukkan bahawa gaya bahasa slanga berfungsi sebagai medium ideologi yang selari dengan beberapa elemen utama pemikiran Islam liberal, khususnya penekanan terhadap kebebasan individu, penolakan autoriti agama tradisional, relativisasi nilai dan dekonstruksi kesucian agama. Pilihan leksikal yang santai, sinikal dan tidak beradab secara konvensional mencerminkan sikap penulis yang menjarakkan diri daripada laras bahasa agama yang lazimnya bersifat sopan, berhati-hati dan normatif.

Dalam tradisi keilmuan Islam, bahasa berfungsi sebagai medium adab dan penghormatan terhadap ilmu serta autoriti wahyu. Sebaliknya, penggunaan slanga seperti *tak reti, poyo, kerek, buat apa aku nak respek sangat*, serta kata kesat seperti *fuck dan go to hell* membentuk nada wacana yang meremehkan dan mencabar autoriti moral. Pilihan linguistik ini selari dengan pemikiran Islam liberal yang cenderung

mempersoalkan otoriti ulama dan institusi keagamaan, serta menolak konsep ketaatan epistemik kepada tradisi ilmu Islam.

Selain itu, menurut Noor Fazera (2022), gaya bahasa slanga yang menyerupai bahasa lisan dan perbualan harian berfungsi untuk menormalisasikan idea-idea yang bersifat dekonstruktif terhadap agama. Pandangan berkaitan agama dan konflik global disampaikan dalam bentuk naratif santai dan tidak formal, sekali gus mengurangkan jarak kritikal pembaca. Strategi ini sejajar dengan pendekatan Islam liberal yang sering menampilkan wacana agama sebagai pengalaman peribadi dan subjektif, bukan sebagai sistem ilmu yang terikat dengan disiplin dan autoriti tertentu.

Penggunaan slanga juga menyumbang kepada proses relativisasi nilai agama. Percampuran bahasa Melayu, Inggeris dan dialek tempatan menghasilkan gaya wacana yang longgar dan tidak berhierarki (Mohd Syuhaidi & Nor Syafizza 2019). Dari sudut linguistik kritikal, ketiadaan hierarki bahasa ini selari dengan ketiadaan hierarki kebenaran dalam pemikiran Islam liberal, yang cenderung melihat semua pandangan sebagai setara dan relatif. Apabila isu agama dibincangkan dalam laras slanga yang sama dengan perbualan santai atau jenaka, agama secara implisit direduksi daripada sistem nilai normatif kepada wacana peribadi dan subjektif.

Keseluruhannya, dapatan ini menunjukkan bahawa gaya bahasa slanga dalam buku Indie bukan sekadar menyokong gaya penulisan yang bebas dan eksperimental, tetapi turut berfungsi sebagai wahana linguistik kepada elemen pemikiran Islam liberal. Dalam dimensi analisis teks, pilihan leksikal, nada sinis, struktur ayat tidak formal dan penggunaan bahasa tabu menyumbang kepada pembinaan wacana yang menormalisasikan kebebasan mutlak, merelatifkan nilai agama dan mencabar autoriti tradisi keilmuan Islam. Oleh itu, gaya bahasa slanga perlu difahami bukan sekadar sebagai pilihan estetik, tetapi sebagai strategi wacana yang mempunyai implikasi ideologi yang signifikan terhadap pemahaman agama dan pembentukan pemikiran pembaca.

c. Bahasa vulgar

Secara konseptual, gaya bahasa vulgar merujuk kepada penggunaan leksikal yang bersifat kasar, tidak santun, berunsur lucah, tabu atau menjijikkan, dan lazimnya ditolak dalam wacana formal serta beradab (Allan & Burridge 2006; Trudgill 2000). Menurut Mohammad Fadzeli (2023), dari sudut analisis teks, bahasa vulgar dicirikan oleh pemilihan kosa kata yang melanggar norma kesantunan, penggunaan metafora tubuh dan seksualiti, serta nada provokatif yang disengajakan. Walaupun dalam penulisan kreatif kontemporari terutamanya dalam sastera moden dan penerbitan Indie, bahasa vulgar sering dikaitkan dengan usaha menggambarkan realiti sosial secara mentah dan tidak ditapis, namun dalam kerangka AWK, pemilihan bahasa tersebut tidak pernah bersifat neutral. Sebaliknya, ia mencerminkan pendirian ideologi penulis terhadap norma masyarakat, autoriti agama dan struktur nilai yang dominan (Carter 2004; Eagleton 2008). Selain itu, bahasa vulgar berfungsi sebagai mekanisme simbolik untuk menzahirkan sikap penentangan, sinisme dan kritikan terhadap struktur kuasa yang dianggap mapan, sekali gus membentuk pembacaan alternatif yang mencabar kesepakatan sosial serta mempengaruhi orientasi pemikiran pembaca secara tidak langsung.

Dalam kerangka Analisis Wacana Kritis (AWK), bahasa tidak difahami semata-mata sebagai alat komunikasi atau medium estetik, sebaliknya sebagai satu amalan sosial yang berupaya membentuk cara berfikir, sistem nilai dan ideologi dalam masyarakat (Norman Fairclough 1995, 2003). Oleh itu, analisis terhadap gaya bahasa vulgar dalam buku Indie perlu dilakukan dengan menghubungkan ciri-ciri linguistik pada tahap teks dengan kesan sosial dan ideologi yang terhasil daripada penggunaannya. Pendekatan ini membolehkan bahasa vulgar ditafsirkan bukan sekadar sebagai gaya penulisan kreatif, tetapi sebagai strategi wacana yang berpotensi mempengaruhi persepsi pembaca terhadap agama, autoriti dan norma masyarakat, khususnya dalam konteks Malaysia yang berteraskan nilai budaya Melayu-Islam.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan bahasa vulgar dikenal pasti secara ketara dalam SB1, SB2 dan SB4, manakala SB3 dan SB5 tidak memaparkan sebarang bentuk bahasa vulgar. Dari sudut analisis teks, perbezaan ini memperlihatkan variasi laras bahasa dan strategi wacana yang digunakan oleh penulis buku Indie.

Namun, apabila dianalisis pada tahap amalan sosial, perbezaan ini mencerminkan pilihan ideologi yang berbeza-beza dalam kalangan pengarang, sekali gus menolak tanggapan bahawa bahasa vulgar merupakan ciri wajib atau keperluan estetik dalam penerbitan Indie (Bourdieu 1991). Hal ini menunjukkan bahawa penggunaan bahasa vulgar lebih bersifat selektif dan kontekstual, bergantung pada kecenderungan pemikiran serta sikap pengarang terhadap norma sosial dan autoriti moral, bukannya ditentukan oleh genre Indie itu sendiri atau tuntutan realisme semata-mata.

Merujuk kepada konteks Malaysia, bahasa bukan sekadar alat komunikasi, tetapi juga mekanisme pembinaan adab, identiti dan kawalan sosial. Tradisi Melayu-Islam menekankan kesantunan berbahasa sebagai refleksi akhlak, keperibadian dan keimanan seseorang (Asmah 2007; Awang 2015). Bahasa yang kasar atau berunsur seksual bukan sahaja dianggap melanggar etika komunikasi, malah berpotensi mencabar nilai agama dan moral yang menjadi asas kehidupan bermasyarakat. Oleh itu, dari perspektif amalan sosial, kehadiran bahasa vulgar dalam buku Indie perlu ditafsirkan sebagai satu bentuk penentangan simbolik terhadap norma kesantunan dan autoriti moral yang mapan (Alan 2018). Penentangan simbolik ini beroperasi secara halus melalui normalisasi ujaran tidak santun dalam teks sastera, sekali gus berpotensi mengubah persepsi pembaca terhadap batas adab berbahasa dan merelatifkan peranan kesantunan sebagai asas pembinaan keharmonian sosial.

Analisis terhadap SB1 memperlihatkan penggunaan leksikal yang merujuk secara eksplisit kepada tubuh dan seksualiti, termasuk penggabungan imejan seksual dengan simbol serta ritual keagamaan. Antara petikan yang dikenal pasti ialah; “...Apakah benar mereka mati syahid. Mati pun kain terbelah sampai peha.” dan “...Belum pun mengucap dua kalimah syahadah, raja kecil besar sudahpun dikhatankan batang zakarnya dalam mimpi”. Dari sudut analisis teks, pemilihan kosa kata sedemikian berfungsi sebagai strategi kejutan dan provokasi, di mana simbol keagamaan dipersembahkan melalui bahasa tubuh yang bersifat tabu. Pada tahap amalan sosial, pendekatan ini menyumbang kepada penurunan martabat kesakralan agama, apabila agama ditampilkan bukan lagi sebagai sumber nilai rujukan utama, tetapi sebagai objek wacana yang boleh dipersendakan dan ditafsir secara bebas. Proses ini selari dengan hujah Berger (1967) mengenai sekularisasi kesedaran, iaitu keadaan

apabila agama semakin terpisah daripada peranannya sebagai rujukan nilai kolektif dalam kehidupan sosial.

Manakala, dalam SB2 (Benz 2014), penggunaan bahasa vulgar tampil dengan lebih agresif dan bersifat konfrontasional terhadap institusi agama dan autoriti sosial. Bahasa kasar ini digunakan secara berulang sebagai strategi wacana untuk menzahirkan sikap penolakan, ejekan dan memperlekehkan peranan institusi tersebut sebagai sumber autoriti moral dan panduan nilai masyarakat. Antara petikan yang dikenal pasti termasuk: (a) “...*Ahli Jawatankuasa masjid pasti akan terberak.*” (b) “...*Agama kita seperti dibentuk oleh setan-setan sahaja.*” (c) “...*Polis-polis korup akan diburu dan dibogelkan, ustaz-ustaz mengarut akan ditembak zakarnya.*” Dari sudut analisis teks, pengulangan makian, penghinaan dan ancaman berunsur seksual ini membina pembingkaian negatif yang konsisten terhadap institusi agama dan pihak berautoriti. Apabila dianalisis pada tahap amalan sosial, pengulangan wacana ini berfungsi menormalkan penghinaan terhadap autoriti agama dan moral, sekali gus membentuk persepsi bahawa institusi tersebut bersifat hipokrit, korup dan tidak lagi layak dihormati. Menurut Fairclough (2003), pengulangan wacana sedemikian berpotensi membentuk common sense baharu dalam masyarakat, iaitu penerimaan idea yang asalnya ekstrem sebagai sesuatu yang biasa dan tidak lagi dipersoalkan. Dalam jangka panjang, proses ini boleh menyumbang kepada penghakisan kepercayaan sosial terhadap institusi agama, apabila autoriti moralnya semakin dipersoalkan dan digantikan dengan penilaian subjektif yang berasaskan emosi, pengalaman peribadi dan sentimen anti-institusi.

Kesan sosial daripada wacana ini amat signifikan, khususnya terhadap pembaca muda yang terdedah secara berterusan kepada naratif provokatif dan kritikal. Agama berisiko dibentuk kepada institusi sosial yang mengekang, manakala autoriti keilmuan dan moral dipersembahkan sebagai sasaran ejekan dan penolakan. Pandangan ini selari dengan analisis Van Dijk (2001) yang menegaskan bahawa wacana memainkan peranan penting dalam pembentukan ideologi melalui representasi berulang terhadap sesuatu kumpulan atau institusi. Proses ini berpotensi membentuk kerangka pemikiran baharu dalam kalangan pembaca, di mana penilaian terhadap agama dan autoriti tidak lagi berasaskan ilmu dan tradisi, sebaliknya dipandu oleh sentimen emosi, pengalaman peribadi serta wacana popular yang bersifat anti-institusi.

Bagi SB4, bahasa vulgar digunakan terutamanya dalam dialog watak yang menggambarkan konflik sosial dan kemarahan emosi. Penggunaan bahasa kasar ini berfungsi untuk menzahirkan ketegangan hubungan sosial, hierarki kuasa dan tekanan hidup watak, sekali gus memperkukuh kesan realisme naratif yang ingin disampaikan kepada pembaca. Antara petikan yang dikenal pasti ialah; “...*Berambuslah dari sini! Pergi jual jubur! Itu yang kau mahu, kan?...*”. Dari sudut analisis teks, bahasa kasar ini berfungsi sebagai penanda identiti watak dan latar sosialnya. Namun, pada tahap amalan sosial, pendedahan berulang terhadap ujaran tidak santun dan penghinaan seksual menyumbang kepada pembiasaan bahasa kasar sebagai bentuk ekspresi yang sah. Walaupun konteksnya bersifat fiksyen, normalisasi bahasa sedemikian berpotensi mengaburkan sempadan antara realisme sastera dan legitimasi bahasa kasar dalam interaksi sosial sebenar (Mills 1997; Fowler 1996).

Sebaliknya, ketiadaan bahasa vulgar dalam SB3 dan SB5 menunjukkan bahawa kritikan sosial dan wacana pemikiran boleh disampaikan tanpa melanggar norma kesantunan bahasa. Dari sudut amalan sosial, dapatan ini mengukuhkan hujah bahawa penggunaan bahasa vulgar bukanlah keperluan estetik yang mutlak, sebaliknya merupakan pilihan ideologi pengarang dalam mencabar atau mematuhi nilai budaya dan agama masyarakat (Eagleton 2008; Weiss & Wodak 2003). Keadaan ini sekali gus menolak anggapan bahawa keberanian bersuara atau kejujuran kritikan hanya dapat dicapai melalui penggunaan bahasa kasar. Sebaliknya, ia menunjukkan bahawa kepekaan terhadap adab dan nilai setempat masih boleh seiring dengan penyampaian kritikan yang tajam, rasional dan berkesan.

Secara keseluruhan, pepaduan analisis teks dan amalan sosial menunjukkan bahawa bahasa vulgar dalam sebahagian buku Indie berfungsi sebagai strategi wacana yang melangkaui aspek gaya bahasa semata-mata. Ia digunakan untuk mencabar kesantunan budaya, meremehkan autoriti agama, serta membina wacana pemberontakan terhadap struktur sosial yang dominan. Dari perspektif Analisis Wacana Kritis, normalisasi bahasa *vulgar* dalam teks sastera berpotensi mempengaruhi persepsi pembaca terhadap batas adab, kesucian agama dan peranan bahasa sebagai medium pembinaan akhlak. Dalam konteks masyarakat Melayu-Islam, implikasi ini amat signifikan kerana ia melibatkan pertembungan antara kebebasan ekspresi individu dan tanggungjawab sosial untuk memelihara nilai moral serta keharmonian budaya (Awang

2015; Fairclough, 2003;). Oleh itu, pendedahan kritikal terhadap wacana sebegini penting bagi memastikan pembaca mampu menilai kandungan sastera secara berimbang, tanpa menormalisasikan ujaran yang berpotensi menghakis sensitiviti agama dan etika sosial.

d. Bahasa rojak

Gaya bahasa rojak merupakan satu fenomena linguistik yang semakin ketara dalam komunikasi dan penulisan kontemporari di Malaysia, khususnya dalam genre penulisan buku Indie. Istilah ‘bahasa rojak’ lazimnya merujuk kepada penggunaan dua atau lebih bahasa secara bercampur dalam satu ayat atau wacana yang sama, terutamanya gabungan Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris, serta kadangkala diselitkan dengan bahasa lain seperti Mandarin, Tamil atau dialek tempatan. Fenomena ini mencerminkan realiti sociolinguistik masyarakat Malaysia yang bersifat dwibahasa dan pelbagai bahasa (Holmes 2013; Wardhaugh 2010) di samping memperlihatkan bagaimana amalan bahasa harian turut meresap ke dalam teks bertulis sebagai satu bentuk representatif identiti, keakraban sosial dan kebiasaan komunikasi dalam konteks budaya urban moden.

Dalam konteks penulisan kreatif, bahasa rojak sering digunakan untuk mewujudkan keaslian dialog dan menjadikan naratif lebih hampir dengan realiti kehidupan seharian, terutamanya dalam kalangan generasi muda bandar (Coupland 2007). Namun begitu, dari sudut Analisis Wacana Kritis (AWK), bahasa tidak pernah bersifat neutral. Setiap pilihan linguistik membawa nilai, ideologi dan hubungan kuasa tertentu (Norman Fairclough 1995). Oleh itu, penggunaan bahasa rojak dalam buku Indie perlu dianalisis secara kritis, bukan sekadar sebagai gaya bahasa, tetapi sebagai satu bentuk strategi wacana yang membentuk makna sosial dan pemikiran pembaca, serta berpotensi mempengaruhi cara pembaca mentafsir autoriti, norma dan nilai yang dinormalisasikan melalui teks.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa kesemua sampel buku Indie yang dianalisis mengandungi penggunaan bahasa rojak secara konsisten. Hal ini menunjukkan bahawa bahasa rojak telah menjadi salah satu ciri linguistik dominan dalam penulisan Indie, selari dengan dapatan kajian sociolinguistik yang menyatakan

bahawa percampuran kod merupakan amalan lazim dalam masyarakat dwibahasa (Scotton 2006). Dalam dimensi analisis teks AWK, tumpuan diberikan kepada bentuk percampuran bahasa, pilihan leksikal dan struktur ayat yang digunakan untuk membina makna tertentu (Fairclough 2003), yang secara langsung mencerminkan sikap, pendirian dan orientasi ideologi penulis terhadap isu sosial, agama dan autoriti yang dibincangkan. Sebagai contoh, petikan berikut memperlihatkan penggunaan bahasa rojak secara jelas seperti mana dalam SB2 (2014 : 80);

Islamic studieslah antara studies yang boleh dituntut untuk dibuat secara percuma. korang nak tuntutan pendidikan percuma kan. hah, ini dia yang korang sangat boleh tuntutan, sebab Islamic Studieslah antara course yang tak perlukan cost. course without cost.

Daripada sudut linguistik, petikan ini memperlihatkan percampuran kod Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris yang berlaku dalam satu struktur ayat tanpa penanda peralihan yang formal. Menurut Blommaert (2005), bentuk percampuran seperti ini mencerminkan perubahan hierarki bahasa dalam masyarakat, di mana bahasa Inggeris sering dikaitkan dengan ilmu, kemodenan dan autoriti global, sekali gus meminggirkan bahasa tempatan daripada fungsi epistemik yang berwibawa. Dalam konteks buku Indie, kecenderungan ini berpotensi membentuk persepsi bahawa wacana yang menggunakan bahasa Inggeris lebih rasional, progresif dan sah berbanding wacana agama atau tradisi keilmuan Islam yang lazimnya berakar dalam Bahasa Melayu dan Arab, serta menormalisasikan tanggapan bahawa kerangka pemikiran moden perlu diungkapkan melalui bahasa global bagi memperoleh legitimasi intelektual dalam ruang wacana semasa

Pilihan leksikal dalam petikan SB2 menunjukkan kecenderungan untuk mengekalkan istilah Inggeris seperti '*Islamic Studies*', '*course*', '*cost*' tanpa penterjemahan ke dalam Bahasa Melayu. Dari sudut AWK, pilihan ini bukan sekadar isu gaya, tetapi berfungsi sebagai strategi ideologi yang membingkaikan pendidikan Islam dalam kerangka akademik moden beracuan Barat (Pennycook, 2007). Manakala Fairclough (1992) menegaskan bahawa leksikal yang dipilih dalam teks akan menentukan bagaimana sesuatu konsep difahami dan dinilai oleh pembaca, sekali gus mengalihkan makna pendidikan Islam daripada tradisi keilmuan yang berteraskan

wahyu dan turath kepada kerangka utilitarian, pragmatik dan pasaran ilmu yang berorientasikan kos, manfaat dan keboleh capaian semata-mata.

Selain itu, struktur ayat yang tidak baku dan hampir menyerupai pertuturan lisan memperlihatkan usaha penulis untuk menampilkan suara yang santai dan tidak berautoriti. Strategi ini berfungsi merapatkan jarak antara penulis dan pembaca, sekali gus mencabar bentuk wacana formal yang lazimnya dikaitkan dengan institusi agama dan akademik (Fairclough, 1995), serta menormalisasikan anggapan bahawa pandangan peribadi dan pengalaman subjektif mempunyai kedudukan setara dengan wacana ilmiah dan autoritatif, sekali gus mengaburkan sempadan antara pendapat awam dan disiplin ilmu yang berteraskan metodologi serta autoriti keilmuan.

Bahasa rojak turut digunakan sebagai alat untuk memprovokasi pemikiran pembaca, khususnya dalam isu sensitif berkaitan agama dan autoriti ulama. Hal ini dapat diperhatikan dalam petikan SB2 (Benz 2014:69) berikut: “...*boleh terangkan kepada saya, kenapa ulamak kahwin banyak jadi such a big deal? does it hurt you in some way?*”. Penggunaan frasa Inggeris “*such a big deal*” dan “*does it hurt you in some way?*” membentuk nada sinis dan mencabar. Menurut Van Dijk (2008), nada bahasa dan struktur pertanyaan memainkan peranan penting dalam membina sikap ideologi terhadap sesuatu isu. Dalam konteks ini, bahasa rojak digunakan untuk menormalisasikan sikap mempertikai autoriti agama secara santai, seolah-olah isu tersebut bersifat peribadi dan relatif, bukan berlandaskan kerangka normatif agama, malah menggeserkan perbincangan hukum dan etika Islam daripada ruang ilmiah kepada ruang emosi dan pengalaman individu. Pendekatan ini secara tidak langsung mereduksi autoriti agama kepada reaksi peribadi, sekali gus melemahkan kedudukannya sebagai sumber panduan moral dan sosial yang bersifat kolektif.

Manakala penggunaan bahasa rojak digabungkan dengan naratif keluarga dan emosi. Ianya telah ditemui dalam petikan di SB3 (2015:87); “...*Adik, Daddy mau tanya sikit, boleh?*” ... “*Daddy pakai laptop kamu tadi. Kenapa banyak betul dalam history kamu ni perkataan bear. cub, twink?*...”. Penggunaan istilah Inggeris yang bersifat khusus dan berunsur subkultur tanpa penjelasan menunjukkan andaian bahawa pembaca mempunyai latar budaya dan linguistik yang sama. Menurut Androutsopoulos (2015), strategi sebegini membentuk komuniti pembaca yang bersifat eksklusif, di mana

hanya kelompok tertentu sahaja yang mampu memahami makna penuh teks tersebut. Dari sudut AWK, ini menunjukkan bagaimana bahasa digunakan untuk membina identiti sosial dan sempadan 'kami' dan 'mereka' dalam wacana (van Dijk, 2008), sekali gus meminggirkan pembaca lain serta mengukuhkan solidariti dalaman yang berasaskan persamaan nilai, pengalaman dan orientasi ideologi tertentu.

Penggunaan bahasa rojak turut dapat dikesan pada tajuk-tajuk artikel seperti yang ditemui dalam sampel buku Indie seterusnya iaitu SB5 (2017: 1–5); seperti '*Jihad Selfie*', '*Fatwa Instant*', '*Perihal Islamis Glamer*', '*Kaum Marjinal dan Zombie*'. Tajuk-tajuk ini menggabungkan istilah agama dengan kosa kata budaya popular dan media. Menurut Kress (2010), pemilihan istilah yang bersifat kontras ini berfungsi sebagai strategi semiotik untuk menarik perhatian pembaca. Namun, dari sudut analisis teks AWK, gabungan ini juga berpotensi merendahkan kesucian konsep agama dengan meletakkannya dalam kerangka sensasi dan hiburan (Fairclough 2003), sekali gus menormalisasikan kefahaman bahawa wacana agama boleh diperlakukan sebagai objek popular yang terbuka kepada pengolahan bebas tanpa batas disiplin dan adab keilmuan.

Walaupun bahasa rojak memberi kelebihan dari sudut keaslian dan keboleh capaian, analisis teks menunjukkan bahawa penggunaannya dalam buku Indie turut membawa implikasi ideologi yang signifikan (Fairclough 1995; Van Dijk, 2008). Bahasa rojak bukan sahaja mencerminkan realiti masyarakat, tetapi turut membentuk cara pembaca memahami autoriti agama, norma bahasa dan nilai keilmuan. Seperti yang ditegaskan oleh Heller (2007), bahasa yang digunakan dalam wacana sentiasa terikat dengan kuasa dan ideologi.

Kesimpulannya, analisis gaya bahasa rojak dalam buku Indie melalui dimensi analisis teks AWK menunjukkan bahawa fenomena ini berfungsi sebagai strategi linguistik dan ideologi yang kompleks. Ia digunakan untuk membina identiti, mencabar autoriti, serta menormalisasikan wacana kritikal terhadap agama melalui gaya bahasa yang santai dan tidak formal. Oleh itu, bahasa rojak perlu dinilai secara kritis agar implikasinya terhadap pemikiran dan nilai masyarakat, khususnya generasi muda, dapat difahami dengan lebih mendalam dan seimbang.

4.3 DIMENSI AMALAN WACANA BUKU INDIE

Memandangkan buku Indie merupakan genre penulisan yang agak baru dalam dunia persuratan melayu, maka pemaknaan Indie memerlukan satu penjelasan dan penelitian yang mendalam untuk lebih memahami tentang buku Indie itu. Maka, bahagian kedua ini akan membincangkan tentang amalan wacana buku Indie secara analitis yang membezakan dengan buku-buku yang diterbitkan secara konvensional atau terbitan arus perdana. Amalan wacana ini diperbincangkan bagi melihat bagaimana buku Indie dihasilkan, disebarkan atau disampaikan kepada khalayak serta penerimaan komuniti pembaca terutamanya golongan muda.

Berdasarkan dapatan temu bual bersama para informan, terdapat beberapa elemen amalan sosial buku Indie yang sering disebut oleh kebanyakan informan. Antaranya, kebebasan kreatif, pembinaan imej anti arus perdana dan bersikap melawan, keaslian idea dan karya, penyampaian kepada khalayak serta kaedah promosi, publisiti dan penerbitan. Kesemua elemen ini telah dikenal pasti menerusi analisis teks yang dilakukan terhadap transkrip temu bual dan akhirnya, membentuk tema-tema utama yang menjelaskan amalan sosial buku Indie. Hasil dapatan analisis dan perbincangan bahagian ini akan dijadikan neraca ukuran atau indikator yang dapat mengenal pasti perbezaan antara buku Indie dan buku arus perdana yang sedia ada sekian lama dalam pasaran, serta menyumbang kefahaman yang lebih mendalam tentang pemaknaan Indie itu sendiri.

4.3.1 Indie mendukung kebebasan berkreatif

Elemen amalan sosial pertama yang telah dikenal pasti ialah menawarkan kebebasan kreatif yang luas. Kebebasan ini merangkumi kebebasan ekspresi, kebebasan memilih topik perbincangan, kebebasan naratif, dan kebebasan menerbitkan penulisan. Perbincangan di bawah akan memperincikan lagi analisis dapatan berkaitan dengan kebebasan yang dimiliki oleh buku Indie.

a. Kebebasan berekspresi

Kebebasan ekspresi adalah elemen teras dalam penerbitan Indie. Penulis bebas untuk mengekspresikan idea, perasaan, dan pandangan mereka tanpa sekatan yang biasanya

dikenakan oleh penerbit tradisional. Kebebasan ini membolehkan penulis untuk menulis dengan lebih jujur dan autentik, serta menyampaikan mesej yang mungkin dianggap kontroversi atau tidak sesuai untuk pasaran umum. Menurut Aisamuddin et al (2016) penulis Indie tidak terikat kepada garis panduan ketat yang dikenakan oleh penerbit besar. Mereka mempunyai kebebasan untuk mengeksplorasi topik-topik yang mereka rasa penting, tanpa bimbang tentang reaksi negatif dari penerbit atau penapisan yang mungkin berlaku.

Dapatan analisis dari temu bual mendapati kebebasan berekspresi ini memberi mereka ruang yang luas untuk berkarya. Mereka tidak langsung memikirkan samada karya mereka dapat diterima atau ditolak oleh pembaca, asalkan mereka dapat menulis apa sahaja yang mereka mahukan. Contohnya, semasa ditanya adakah buku terbitan Informan mampu memberikan kepuasan kepada pembaca, beliau menjawab.. “Kami tak ambil peduli. Kami terbit buku untuk kepuasan kami sendiri dan bukannya untuk kepuasan pembaca. Itu sebab *tagline* kami: menulis untuk bergembira”. (INF 3).

Selain itu, kebebasan ekspresi yang dimaksudkan oleh pemain buku Indie ini ialah tiada sekatan yang boleh membantutkan usaha mereka untuk berkarya dan menulis tentang apa sahaja tema dan isu yang mereka sendiri rasakan perlu diketengahkan kepada masyarakat pembaca. Contohnya dalam petikan di bawah;

Hendak jelaskan penerbitan Indie ini kita perlu jelas dengan perkataan lawannya iaitu penerbitan arus perdana. Pada kami penerbitan arus perdana ini terlalu banyak limitation, tidak boleh menyentuh perkara yang melibatkan sensitiviti agama, politik, sosial dan seks. Jadi kalau itu adalah maksud penerbit arus perdana yang banyak limitation, alternatif perlu langgar semua itu. Tidak perlu ada sebaran tapisan. Jika baca buku saya, kebebasan setiap daripada kita adalah kebebasan daripada kekangan, bukan kebebasan daripada tanggung jawab. Maknanya, kebebasan itu tidak mutlak. Kita hanya perlu pastikan ia tidak merosakkan masyarakat. (INF 4)

Petikan temu bual di atas jelas menunjukkan pengkarya Indie merasakan bahawa dunia perbukuan selama ini mengekang para penulis untuk berekspresi mengikut kehendak penulis, maka buku Indie merupakan medan baharu yang memberi

ruang kebebasan sepenuhnya untuk mereka berkarya tanpa perlu memikirkan tapisan dan peraturan yang boleh merencatkan idea kreatif mereka. Bahkan, mereka juga tidak mempersoalkan tentang untung dan rugi hasil daripada penjualan buku asalkan kebebasan kreatif ini tidak dihalang dan disekat.

b. Kebebasan memilih topik perbincangan

Elemen ke dua dalam kebebasan kreatif ialah kebebasan penulis Indie memilih topik perbincangan atau tema dalam karya mereka. Kelebihan ini telah memberi ruang untuk penulis Indie untuk mematuhi keperluan pasaran yang ketat, dan ini membolehkan mereka menulis tentang apa sahaja yang mereka minati atau mereka rasakan penting untuk dikongsikan bersama pembaca. Kebebasan ini membuka ruang untuk topik-topik yang mungkin diabaikan atau tidak dianggap komersial oleh penerbit tradisional. Menurut Baverstock (2019) dalam bukunya, *'How to Market Books'*, penulis Indie sering kali memilih untuk menulis tentang topik-topik niche yang mempunyai nilai artistik atau intelektual yang tinggi, walaupun topik tersebut mungkin tidak menarik bagi pasaran arus perdana. Sebagai contoh, buku-buku tentang sejarah tempatan yang kurang dikenali, kajian budaya yang mendalam, atau eksperimen dalam genre fiksi yang tidak konvensional sering kali muncul dalam penerbitan Indie.

Dapatan temu bual juga turut menemui buku Indie telah memberi kebebasan untuk penulis dan penerbit untuk memilih tema atau topik yang mereka mahukan walaupun ianya boleh mendatangkan kontroversi dan menjadi tabu dalam penerbitan perdana. Pada pandangan mereka, kebebasan memilih tema dan perspektif ini memberi ruang kepada sebahagian golongan pembaca yang mahukan kelainan dalam pembacaan dengan mereka, seperti contoh dalam petikan temu bual di bawah yang jelas memperincikan alasan mereka memilih sesuatu tema atau topik dalam penulisan mereka. Dengan kebebasan ini, penulis Indie dapat memberikan pandangan yang unik dan mendalam tentang topik-topik yang kurang mendapat perhatian dalam penerbitan arus perdana.

Kami memilih tema-tema yang confirm tak akan diterbitkan di DBP atau PTS, sebab idea-idea kami banyak bawak elemen dan melawan. Misalnya buku Agong tanpa Tengkolok tu, kita tak rasa ada penerbit lain yang sanggup letakkan

muka Mahathir(Perdana Menteri Malaysia) pakai peluru. Macam buku Nasionalisme Longkang , yang banyak mengkritik dasar pemerintahan kerajaan...adakah ada orang yang berani pilih tema sebegitu. Penulis bawa satu lagi idea baru bahawa nasionalisme ni sebenarnya pemerintah guna untuk kepentingan mereka, so, kita tak payah ada sifat patriotik ni sebenarnya dan ini semua menjadikan kita alat ahli politik je. So, idea-idea seperti itu, tidak dapat perhatian dari mainstream dan pihak penerbitan. Dan itulah kerja kita sekarang ni, untuk ketengahkan benda tu pada anak-anak muda, tambahan anak muda sekarang ni memang suka melawan, tak suka dengar cakap orang, so, penulis rasa perlu tonjolkan idea ini dengan segera. (INF 3).

Petikan temu bual di atas menunjukkan bahawa kebebasan memilih tema dalam penerbitan Indie membolehkan penulis dan penerbit menerbitkan karya yang mungkin dianggap kontroversial atau tabu dalam penerbitan perdana. Bagi sesetengah penulis Indie, kebebasan ini memberi peluang untuk mereka menyuarakan pandangan yang kritis dan tidak popular dalam masyarakat, serta berfungsi sebagai platform untuk mengetengahkan idea-idea yang sukar diterima dalam penerbitan arus perdana, seperti kritikan terhadap dasar kerajaan, nasionalisme, dan isu-isu politik yang sensitif. Contohnya, buku Agong tanpa Tengkolok yang mengangkat imej pemimpin negara secara provokatif serta Nasionalisme Longkang yang mempertikaikan konsep nasionalisme sebagai alat kepentingan politik.

Dalam konteks ini, penerbitan Indie tidak sekadar berperanan sebagai alternatif kepada penerbitan arus perdana tetapi juga sebagai ruang ekspresi bagi penulis yang ingin mencabar norma sedia ada. Kebebasan memilih tema dan perspektif membolehkan golongan pembaca, khususnya anak muda, memperoleh bahan bacaan yang lebih berani, kritikal, dan segar. Hal ini membuktikan bahawa penerbitan Indie bukan sekadar memenuhi keperluan pasaran alternatif, tetapi juga memainkan peranan penting dalam membentuk wacana intelektual yang lebih terbuka dan demokratik.

Sebagai kesimpulan, kebebasan memilih tema dalam penerbitan Indie telah membuka ruang kepada penulis untuk menampilkan idea-idea yang berbeza dan sering kali mencabar norma penerbitan arus perdana. Dengan keberanian meneroka isu-isu sensitif dan perspektif yang kritikal, penerbitan Indie bukan sahaja menawarkan

kepelbagaian dalam wacana intelektual, tetapi juga memenuhi keperluan pembaca yang mencari bahan bacaan yang lebih segar dan provokatif. Justeru, penerbitan Indie boleh dianggap sebagai medium penting dalam memperkayakan landskap kesusasteraan dan pemikiran di Malaysia, terutamanya dalam mencetuskan perbincangan yang lebih bebas dan demokratik dalam masyarakat.

c. **Kebebasan memilih naratif**

Kebebasan naratif adalah satu lagi aspek penting dalam dunia penerbitan Indie. Penulis Indie bebas untuk bereksperimen dengan bentuk dan teknik naratif yang unik, tanpa perlu mengikuti format atau gaya tertentu yang ditetapkan oleh penerbit. Ini membolehkan penulis untuk mencipta karya yang lebih inovatif dan segar. Menurut Mark Coker dalam bukunya, *“The Secrets to Ebook Publishing Success,”* penulis Indie sering kali mengambil risiko dengan teknik naratif yang tidak konvensional, seperti naratif tidak linear, penggunaan perspektif pelbagai watak, dan gabungan pelbagai genre dalam satu karya David Henry Sterry (2017). Kebebasan ini membolehkan penulis untuk mencipta cerita yang lebih kompleks dan menarik, serta memberikan pengalaman membaca yang unik kepada pembaca. Contohnya dalam petikan temu bual di bawah;

Kami bebas memilih naratif yang hendak di bawa. Buku mempunyai rupa dan jiwa. Penerbitan buku kami lebih menumpukan kepada cerita-cerita kontot(certot) yang komidi dan noir. Kami menerbitkan blook juga.(INF 4)

Petikan ini menunjukkan penulisan buku Indie mempunyai kepelbagaian naratif dan bentuk persembahan kepada pembaca. Istilah seperti certot, noir dan blook kurang didengari dalam naratif penulisan buku arus perdana tetapi ia muncul dalam penulisan buku Indie.

Bahkan, dapatan juga mendapati bukan sahaja kepelbagaian naratif yang berjaya di bawa dalam penulisan Indie, tetapi mereka juga mengetengahkan gerakan yang membawa ideologi dan pemikiran yang kontroversi dalam masyarakat tempatan. Pada pandangan Informan 7, kebebasan memilih naratif menyebabkan penulis Indie dengan mudah mengabaikan kesan dan akibat daripada penulisan mereka.

Pandangan saya buku Indie ni kadang kala bawa naratif yang pelik dan merbahaya. Contohnya, Thukul Chetak, mereka berani mengeluarkan buku manifesto Komunis, pernah buat perbincangan tentang pemikiran Karl Max, Anarkisma. Penerbit ini cuba membawa pemikiran-pemikiran yang dulunya ditolak dan cuba masuk semula ke dalam masyarakat.(INF 7)

Berdasarkan petikan temu bual ini, pengkaji berpandangan kebebasan memilih naratif menjadikan penulis Indie berani memilih apa sahaja naratif membolehkan penulis Indie berkarya mengikut kehendak mereka tanpa mempedulikan kesan dan akibat yang bakal melanda. Beralaskan dengan prinsip kebebasan berkarya yang dibawa oleh Indie, mereka mengabaikan elemen-elemen yang boleh menggugat tatasusila masyarakat Timur dan kehidupan beragama.

Penyataan di atas turut diperakui oleh para Informan yang menyatakan... *“Kami perlu lebih kreatif dan menerbitkan karya-karya yang tidak membosankan dari segi idea, dan ,mesti lahir dari hati”*(INF 1), bahkan ada pula Informan yang menyatakan buku-buku Indie yang diterbitkan mestilah mempunyai naratif yang asli dan berbeza. ... *“Naratif yang kami bawa mesti berbeza misalnya judul buku-buku kami tidak cliché seperti bermula dengan SUAMI KU”*...(INF 2)

Pernyataan di atas menunjukkan imej kebebasan yang dipahatkan dalam pemikiran pengkarya Indie menyebabkan mereka merasakan mereka mempunyai keluasan bergerak yang maksimum dalam berkarya. Namun menjadikan kebimbangan pada pengkaji, apabila mereka mengambil mudah impak kebebasan itu dengan menghasilkan karya-karya yang boleh membawa unsur-unsur negatif kepada para pembaca.

d. Menawarkan pelbagai bentuk pilihan kandungan bacaan

Istilah alternatif yang dimaksudkan merujuk kepelbagaian pilihan kandungan bacaan yang mengandungi penulisan pelbagai jenis tema dan mesej serta mempunyai kepelbagaian citra yang agak unik. Frasa alternatif ini turut menjelaskan tentang pembaca mempunyai kepelbagaian pilihan jenis buku untuk dibaca seperti mana yang dinyatakan oleh Informan 4 dalam petikan temu bual berikut;

“Makna kata alternatif atau Indie itu sendiri bermaksud ‘pilihan lain’. Maka penerbitan alternatif semestinya membawa makna kepada pilihan lain yang dimiliki oleh pengguna terhadap produk atau hal yang sedia ada dan bersifat baru...” (INF 4)

Selain itu, Informan juga mendakwa buku yang ada di dalam pasaran agak terhad dan kurang variasi menyebabkan pembaca tidak mempunyai banyak pilihan semasa memilih bahan bacaan. Maka, dengan ruang kebebasan berekspresi, bebas memilih topik dan wacana, pengkarya Indie berjaya menghasilkan kepelbagaian kandungan bacaan dan boleh menawarkan alternatif yang menekankan kepada kepelbagaian jenis dan variasi buku yang boleh menarik minat dalam kalangan pembaca. Kepelbagaian jenis buku Indie ini merujuk kepada pelbagai jenis buku yang keluar dari lingkungan buku biasa, yang pastinya menjanjikan kelainan dari sudut kandungan, gaya dan tema penulisan. Keadaan ini membolehkan pembaca mempunyai banyak pilihan dalam memilih buku yang sesuai dengan kehendak dan selera mereka seperti mana yang dijelaskan dalam petikan temu bual berikut;

“Penerbitan alternatif bagi saya lebih menjurus kepada satu pilihan baru kepada peminat buku... dan matlamat Lejen Press ditubuhkan untuk memberi lebih banyak variasi pilihan kepada pasaran buku...” (INF 3)

Petikan ini menunjukkan pengkarya Indie begitu yakin bahawa mereka mampu memberikan pelbagai pilihan kandungan bacaan yang menarik dan memenuhi selera para pembaca. Tambahan pula dengan prinsip kebebasan yang dipegang oleh pengkarya Indie membolehkan mereka menulis dan menerbitkan apa sahaja kandungan bacaan untuk para pembaca terutamanya golongan muda.

Kesimpulannya, buku Indie menawarkan kebebasan tanpa batasan kepada penulis, membolehkan mereka mengekspresikan diri, membincangkan sebarang topik, bereksperimen dengan naratif, dan mengawal proses penerbitan mereka sendiri. Kebebasan ini bukan sahaja memperkayakan dunia kesusasteraan dengan pelbagai suara dan perspektif, tetapi juga memberi peluang kepada penulis untuk mencapai kejayaan dengan cara mereka sendiri. Dalam dunia yang semakin terhubung dan dinamik, kebebasan yang ditawarkan oleh penerbitan Indie adalah satu elemen penting yang membantu mendorong inovasi dan kreativiti dalam kesusasteraan. Bahkan, para

penulis dan penerbit Indie dapat memahami dan menghargai potensi penuh penerbitan sendiri, dan pembaca dapat menikmati karya-karya yang lebih bervariasi dan autentik.

4.3.2 Pembinaan imej sebagai anti establishment (arus perdana) dan melawan

Dapatan kajian juga menemukan buku Indie telah berjaya membina imej mereka sebagai anti arus perdana dan bersifat melawan terhadap apa sahaja yang datang daripada arus perdana sebagai menunjukkan ciri keunikan mereka yang berbeza dengan buku konvensional. Imej anti arus perdana digambarkan menerusi elemen-elemen berikut, antaranya; apabila mereka berupaya menonjolkan imej rare atau luarbiasa sebagai identiti, memberontak terhadap norma biasa, keberanian mengangkat tema-tema yang kontroversi dan menentang dominasi yang dimiliki oleh pihak status quo. Ke semua elemen yang dinyatakan hasil daripada analisis dapatan temu bual yang telah dilakukan bersama informan. Bagi memahami kesemua elemen tersebut, perbincangan lanjutan akan memperincikan secara tuntas.

a. Membina imej rare atau unik sebagai menunjukkan identiti

Penerbit dan penulis Indie sering menonjolkan imej yang rare yang unik dan rare sebagai identiti mereka dalam beberapa perkara. Antaranya, penulis dan penerbit buku Indie memiliki kebebasan penuh dalam memilih tema dan kandungan karya mereka tanpa terikat kepada garis panduan ketat atau pertimbangan komersial yang biasanya dikenakan oleh penerbit arus perdana. Ini membolehkan mereka meneroka topik-topik yang dianggap sensitif, kontroversial, atau kurang popular, seperti isu politik, sosial, agama, dan budaya yang jarang disentuh oleh penerbitan konvensional. Kebebasan ini menghasilkan karya-karya yang menawarkan perspektif alternatif dan mendalam, menjadikannya unik di mata pembaca.

Buku Indie sering menjadi medium bagi penulis untuk mengutarakan pandangan mereka terhadap isu-isu semasa, termasuk yang dianggap sensitif atau tabu. Kebebasan ini membolehkan mereka mengkritik dasar-dasar kerajaan, membincangkan isu-isu agama, hak asasi manusia, dan pelbagai topik lain yang mungkin dielakkan oleh penerbit arus perdana. Keberanian dalam menyentuh topik-topik ini menjadikan buku Indie sebagai sumber bacaan yang 'rare' dan berbeza, memenuhi keperluan pembaca yang mencari perspektif alternatif dan wacana yang lebih mendalam

Selain itu, keberanian penulis Indie mencuba sesuatu yang baru dan berbeza turut menyumbang kepada pembinaan imej rare dan unik sebagai identiti. Berbanding dengan buku konvensional yang cenderung mengikut pola penerbitan yang standard, buku Indie menonjolkan elemen-elemen luar biasa, baik dari segi kandungan mahupun reka bentuk fizikal. Contohnya dalam petikan temu bual di bawah, bila ditanya apa sasaran penerbitan buku Indie, Informan menjawab;

Buku kita untuk orang-orang yang tak ada masa untuk baca buku-buku tebal dan yang meluat dengan isi buku penerbit arus perdana. Sebab buku Indie cool dan bukan jenis nak mengajar-ngajar sangat (INF 4)

Melihat pernyataan di atas, menunjukkan bahawa pengkarya Indie mempunyai cita rasa tersendiri. Perkataan cool yang dinyatakan merujuk bahawa buku mereka mempunyai identiti yang unik dan berbeza dengan buku yang sedia ada dalam pasaran.

b. Membina imej memberontak terhadap norma

Penulis dan penerbit Indie mengamalkan kebebasan penuh dalam penghasilan karya mereka, tanpa terikat kepada garis panduan atau sekatan yang dikenakan oleh penerbit arus perdana. Kebebasan ini membolehkan mereka meneroka topik-topik yang dianggap sensitif, kontroversial, atau tabu, seperti isu politik, sosial, agama, dan budaya yang jarang disentuh oleh penerbitan konvensional. Menurut kajian oleh Mohd Faisal Ashaari et al. (2020), penerbitan Indie kerap kali berfungsi sebagai platform untuk menyuarakan pandangan kritis terhadap struktur kuasa yang wujud dalam masyarakat. Pendekatan ini mencerminkan semangat memberontak terhadap norma dan autoriti yang sedia ada. Imej rebel atau pemberontakan yang dimiliki buku Indie bukan sekadar gaya tetapi juga intipati kandungannya.

Namun, imej memberontak terhadap norma ini tidak menjadi permasalahan langsung kepada penulis Indie atas alasan pembaca tidak sesekali terpengaruh pada kandungan di luar norma, cuma pembaca hanya tertarik dengan penyampaian yang dibuat oleh pengkarya Indie. Petikan temu bual di bawah menjelaskan pandangan mereka yang melihat penulisan yang keluar dari norma biasa tidak perlu menjadi isu yang perlu dirisaukan.

“Pada tahun 2015 ini, kandungan yang agak dewasa itu kita kawal. Kita sedar bahawa segolongan kecil masyarakat risau dengan benda itu dan pada masa yang sama benda itu menghadkan warna dalam penerbitan buku Malaysia kerana takut akan sisi sebenar dalam realiti. Benda ini kalau dikekang bahan bacaan akan jadi biasa dan tidak realistik. Dari segi gaya kekangan atau gaya penerbitan, kita akan cuba mengawal tetapi tidak akan memberi kekangan sangat. Kita tidak menganggap remaja ini terpengaruh tetapi tertarik. Tertarik ini seperti kita suka Justin Bieber, tetapi kita bukan hendak buat untuk jadi suami pun. Sama seperti apabila kita membaca buku Lejen atau buku Fixi, kita bukan terus nak jadi jahat. Kita tertarik untuk membaca dan kita nampak kekejaman itu seperti sesuatu yang realistik dan boleh membuatkan kita puas. Namun, selepas membaca buku itu bukanlah bermaksud kita ingin mencuba untuk melakukan benda yang sama. Oleh yang demikian, terpengaruh dan tertarik adalah dua benda yang berbeza. (INF 4)

Selain itu, penampilan buku Indie menerusi gaya penulisan sering menampilkan gaya penulisan yang bersifat memberontak, agresif, dan radikal. Penggunaan bahasa yang bebas, termasuk slanga dan ungkapan kasar, serta penyampaian idea yang provokatif, mencerminkan penolakan terhadap gaya penulisan formal dan berstruktur yang lazim dalam penerbitan arus perdana. Gaya penulisan ini bertujuan untuk mencabar pemikiran pembaca dan menggalakkan perbincangan mengenai isu-isu yang dianggap sensitif atau kontroversial. Dalam hal ini, terdapat Informan yang menyatakan mereka perlu berubah dan melakukan satu revolusi terhadap dunia penulisan buku bila ditanya alasan beliau menceburi bidang genre Indie ini;

Pertama, kerana saya ingin menulis dan terbit dalam cara dan kaedah saya sendiri, kedua kerana saya berhajat agar dunia penulisan mengalami satu gelombang baru dan bentuk penulisan yang segar mengikut gaya terkini. Aloy (INF 1)

Petikan temu bual jelas menunjukkan penulis Indie tidak mahu terikat dalam disiplin penulisan buku mengikut gaya lama. Mereka mahukan satu kelainan dan tidak perlu dikongkong dalam satu peraturan yang boleh mengekang kebebasan mereka. Ini menyebabkan, kadang kala kandungan buku Indie tidak selari dengan pegangan dan norma yang dipegang oleh institusi rasmi seperti Dewan Bahasa dan Pustaka. Mereka

cenderung untuk mengkritik dan mencabar nilai-nilai tradisional, moral, dan budaya yang dianggap usang atau menindas. Pendekatan ini mencerminkan sikap memberontak terhadap norma sosial dan budaya yang dominan. Petikan temu bual seterusnya dapat menjelaskan situasi ini,

Satu ia menyentuh tentang agama. Kami tidak menyampaikan dalam bentuk tradisional. Kami menyampaikan agama dalam bentuk yang tidak beragama, misalannya. Kami menyampaikan sahsiah dalam bentuk yang tidak bersahsiah (INF 5)

Genre kita terbuka. Ia boleh jadi cerita seram. Tetapi mengangkat isu agama atau politik. Ada juga buku kami yang diterbitkan meskipun dengan tajuk yang serius tetapi disampaikan dengan gaya yang santai (INF 4)

Petikan temu bual di atas menzahirkan bahawa buku Indie berjaya menjadikan mereka entiti yang berbeza daripada buku yang sedia ada. Bagi mereka, keluar dari norma biasa tidak menjadi masalah asalkan idea dan karya mereka mampu dibaca dan sampai kepada pembaca. Kebebasan dari terikat dengan norma biasa membolehkan mereka membawa pelbagai isu dan tema seperti mengkritik dasar-dasar kerajaan, membincangkan isu-isu agama, hak asasi manusia, dan pelbagai topik lain yang mungkin dielakkan oleh penerbit arus perdana. Keberanian dalam menyentuh topik-topik ini menjadikan buku Indie dilihat sebagai sumber bacaan yang memberontak dan berbeza, memenuhi keperluan pembaca yang mencari perspektif alternatif dan wacana yang lebih mendalam.

Secara keseluruhannya, sifat memberontak buku Indie terhadap norma terletak pada kebebasan kreatif, gaya penulisan yang agresif, penolakan terhadap nilai-nilai tradisional, pengaruh falsafah yang menekankan kebebasan individu, dan keberanian dalam mengangkat isu-isu sensitif. Ciri-ciri ini membezakan mereka daripada buku arus perdana dan menjadikan mereka pilihan bagi pembaca yang mencari kelainan dan kedalaman dalam bahan bacaan mereka.

c. Mengangkat tema-tema kontroversi

Tema-tema yang diangkat dalam buku-buku Indie juga sering kali berbeza daripada yang biasa ditemukan dalam penerbitan arus perdana. Buku Indie sering mengangkat

isu-isu sosial dan politik yang dianggap sensitif atau kontroversial, seperti politik, hak asasi manusia, kebebasan bersuara, dan kritik terhadap sistem sosial. Misalnya, novel "Perempuan Nan Bercinta" oleh Faisal Tehrani mengkritik ketidakadilan sosial dan politik, memberikan pandangan yang berani dan provokatif. Selain itu, buku Indie juga cenderung meneroka identiti dan budaya alternatif, menampilkan perspektif minoriti atau subkultur yang sering diabaikan oleh arus perdana. Contohnya novel bertajuk "Pecah" oleh Khairulnizam Bakeri, mengetengahkan kisah hidup dari perspektif watak-watak yang terpinggir dalam masyarakat. Menurut kajian oleh Muhammad Atiullah et al. (2018), buku Indie kerap kali membawa naratif yang realistik dan kritikal terhadap isu-isu semasa, seperti ketidakadilan sosial, marginalisasi, dan korupsi, bahkan buku Indie berani mengambil risiko dengan mengetengahkan tema-tema yang tidak popular tetapi relevan kepada pembaca tertentu. Contohnya dalam petikan temu bual di bawah, bila ditanya tentang unsur seksual yang terkandung dalam sesetengah buku Indie, Informan tidak menafikan malah menyatakan ianya sebahagian cara mendidik pembaca untuk menghilangkan stigma terhadap perkara tersebut.

Kami lihat masyarakat sangat stigma dengan seks. Karya Indie cuba berkongsi mengenai pentingnya mengatasi stigma seksual dalam masyarakat Malaysia melalui pendidikan dan cara penyampaian pesanan yang sesuai. Penggunaan penulisan yang bersesuaian dengan golongan sasaran dapat membantu menyampaikan mesej dengan lebih efektif (INF 2)

Namun begitu terdapat Informan yang tidak bersetuju bila buku Indie dikaitkan dengan kandungan yang lucah dan kurang sopan. Mereka mahukan penilaian yang adil diberikan kepada penulis dan penerbit buku Indie.

“Betulkah penulis Indie tak ada adab, lucah dan buruk? Betul. Tapi perbandingan kena adillah. Bukan semua penulis Indie ni tak ada adab, lucah dan buruk. Dengan menghamparkan selimut yang menghalalkan kata semua penulis Indie buruk adalah satu ketidakadilan. Adakah penulisan adegan lucah atau ranjang ini hanya terhad kepada penulis Indie? Mana suara apabila penulisan berkonsepkan lucah lembut ditulis oleh kakak-kakak berumur 40an yang juga dibukukan dan dijual? Adakah kerana mamat dan minah Indie ini pakai baju t-shirt, seluar jeans, tudung hipster dan kakak-kakak itu pula

berpakaian macam orang kebanyakan, jadi kurang tekanan diberi kepada mereka? Ramai yang menegur penulisan Indie kerana tidak menjaga sensitiviti tetapi, novel-novel yang didramakan banyak tak mematuhi syiar Islam. Siapa berani tegur? (INF 6).

Pengkaji melihat timbulnya dakwaan yang menyatakan penulis Indie suka mengangkat tema-tema kontroversi disebabkan sifat penulisan dan penerbitan buku Indie tidak mepedulikan pandangan orang lain dalam proses penghasilan karya mereka. Tema-tema yang takut disentuh oleh penulis arus perdana, akan disentuh oleh pengkarya Indie, kerana bagi mereka itulah sebenarnya formula mereka dalam kebebasan berkarya. Walaupun mereka sedar masyarakat masih sukar menerima idea-idea kebebasan dan sensasi, namun tidak menjadi halangan mereka untuk berkarya. Mereka berjaya mengupas isu-isu yang dianggap picisan dengan cara tersendiri, mendalam dan mudah difahami. Fenomena ini mencerminkan keberanian penulis Indie untuk membincangkan isu-isu yang sering kali diabaikan oleh penerbit konvensional, malahan buku Indie telah menawarkan pendekatan yang lebih bebas dan kreatif dalam membina imejnya.

d. Menentang dominasi dan pihak yang berstatus quo

Konsep Indie seterusnya merujuk kepada idea-idea perlawanan melawan norma kebiasaan dalam penghasilan sesebuah karya. Penulis Indie beranggapan penerbitan biasa yang dilakukan dalam arus perdana atau syarikat tersohor mempunyai kawalan dan standard yang terlalu ketat terhadap idea dan kandungan sesuatu karya. Menurut sebahagian Informan, kawalan ini menjadikan penulis terbatas dan tidak bebas untuk berkarya. Hasilnya, karya yang dikeluarkan bersifat beku dan gagal memenuhi kehendak pembaca. Maka, mereka berpendapat perlu melawan kebiasaan ini dan penulis mesti bebas berkarya mengikut apa yang mereka inginkan tanpa sekatan dan kawalan walaupun karya-karya yang dihasilkan itu tidak akan diterbitkan dan mendapat tempat dalam penerbitan arus perdana.

“Indie ni.. ialah suara-suara perlawanan tu, maknanya idea-idea kami ni, memang confirm takkan diterbitkan di DBP dan PTS...” (INF 3)

Idea-idea perlawanan ini juga merujuk kepada kandungan idea dan tema penulisan yang selalunya menjadi tabu dan larangan dalam masyarakat. Larangan yang

dikuatkuasakan kepada sesetengah idea dan tema kerana dibimbangi boleh mendatangkan ancaman kepada kesejahteraan masyarakat dan kemudahan kepada keselamatan negara. Namun, pandangan penulis dan penerbit buku Indie sebaliknya. Mereka berpendapat ketakutan dan kebimbangan dan sesetengah pihak kepada idea dan tema penulisan yang cuba mereka tonjolkan dalam buku mereka tidak berasas, bahkan menjadikan dunia buku menjadi lesu dan membosankan. Sepatutnya idea sebegini perlu diketengahkan bagi bagi mempelbagaikan lagi genre buku yang merancakkan lagi industri buku. Seperti mana yang dinyatakan dalam petikan berikut;

“Kita mengisi ruang itu, dengan idea dan tulisan yang mungkin orang lihat agak bahaya dan mengancam..., so... yang paling bahaya itulah idea, macam buku yang latest akan keluar hujung bulan ni, Nasionalisme Longkang. Buku itu akan bawa satu lagi idea baru bahawa nasionalisme ni sebenarnya pemerintah guna untuk kepentingan mereka, so, kita tak payah ada sifat patriotik ni sebenarnya dan ini semua menjadikan kita alat kepada pemerintah. So, idea-idea seperti itu, pastinya tidak dapat tempat dan perhatian mainstream dan publisher. Dan itulah kerja kita sekarang ni, untuk bawa benda tu pada anak-anak muda. Anak-anak muda sekarang ni memang suka melawan, tak suka dengar cakap orang, so... mereka rasa Indie ini adalah idea. So, bila Dubook letak “liar dan angkuh” tu, mereka rasa macam wow. Padahal, Dubook tu takdelah indi sekarang ini, dia pakai ISBN, dia ada pengedar, buku dia masuk “Kinokuniya”. So, apa yang Indie nya? So, yang Indie nya ialah idea, yang Indie nya adalah macam mana mereka hidup dan melawan DBP dalam suasana macam tu...”(INF 6)

Saya menceburi industri penerbitan buku alternatif ini kerana bosan atas penerbitan yang cliché dan tidak membantu mencernakan pemikiran orang ramai. (INF 3)

Penerbit buku Indie bukan sahaja membawakan idea-idea perlawanan ini dalam penulisan, bahkan aktiviti wacana dan forum turut digerakkan dalam mempromosi idea-idea tersebut. Keadaan ini jelas berlaku apabila terdapat sesetengah penerbit buku Indie cuba menonjolkan kembali pemikiran-pemikiran yang sudah ditolak oleh masyarakat seperti komunis dan sosialis.

“Contohnya, saya tengok penerbit Thukul Chetak...dia rajin membuat wacana pada tiap-tiap minggu. Wacana-wacana, aktiviti pembedah pemikir-pemikiran yang agak keras...saya rasa pemikiran itu macam tidak diterima oleh sebahagian masyarakat kita. Contohnya, dia pernah buat pembincangan tentang pemikiran Karl Max, baru-baru ini Anarkisma...sedangkan pemikiran-pemikiran sebegini sememangnya sudah ditolak oleh masyarakat...tapi inilah yang dilakukan oleh penerbit buku Indie sekarang ini...”(INF 7)

Namun bagi penerbit dan penukis buku Indie, semua idea perlu diberi ruang dan tidak disekat dengan pelbagai akta dan peraturan. Penulis buku sepatutnya dibebaskan berkarya mengikut kreativiti masing-masing.

4.3.3 Keaslian idea dan karya

Perbincangan diteruskan kepada ciri keunikan yang ke tiga iaitu keaslian idea dan karya. Terdapat dua elemen yang dikenal pasti yang boleh dikaitkan dengan ciri ini. Menerusi temu bual bersama informan dapat dirumuskan bahawa elemen keaslian idea yang dibawa dalam penulisan serta keunikan karya yang ditonjolkan merupakan ciri keunikan buku Indie yang tidak boleh disangkal lagi.

a. Keaslian idea

Keaslian merupakan elemen utama yang membezakan buku Indie daripada penerbitan arus perdana. Menurut Atiullah buku Indie sering kali bersifat lebih peribadi kerana ia tidak dikekang oleh kehendak penerbit besar yang lebih mementingkan pasaran dan keuntungan. Oleh itu, penulis Indie lebih bebas untuk meneroka pelbagai tema yang mungkin dianggap tidak laku dalam penerbitan komersial. Penerbitan Indie membolehkan penulis untuk mengekalkan keaslian dan integriti karya mereka. Tanpa perlu tunduk kepada perubahan yang diminta oleh penerbit besar, penulis Indie dapat memastikan bahawa karya mereka tetap setia kepada visi asal mereka. Ini bukan sahaja meningkatkan nilai artistik karya tetapi juga memberikan pengalaman membaca yang lebih autentik dan bermakna kepada pembaca. Keaslian dan integriti ini sering kali menjadi faktor utama yang menarik pembaca kepada buku-buku Indie.

Keaslian idea yang berjaya ditonjolkan oleh para penulis Indie tidak wujud begitu sahaja. Ianya datang dari kebebasan penuh yang dimiliki sepenuhnya oleh para penulis tanpa sekatan yang ketat. Ini memberikan ruang kepada mereka untuk menyampaikan idea dan pemikiran secara lebih mendalam dan jujur. Selain itu, keaslian juga terletak dalam gaya penceritaan dan suara penulis yang unik. Buku Indie memberikan peluang kepada penulis untuk mengekspresikan diri tanpa perlu mematuhi gaya penulisan yang telah ditetapkan oleh penerbit. Ini menghasilkan kepelbagaian dalam cara cerita disampaikan, dari gaya penulisan lirik hingga penceritaan yang lebih bersifat eksperimental. Karya Indie sering memaparkan naratif yang berakar pada pengalaman peribadi mereka, menjadikan penulisan lebih dekat dengan pembaca. Malahan, naratif yang dibawa selalu segar dan mempunyai kelainan dari buku-buku konvensional. Buku Indie sering mengandungi eksperimen dalam gaya penceritaan, yang kadangkala tidak mengikuti struktur konvensional novel atau esei. Misalnya, ada penulis yang menggabungkan unsur puisi, grafik, dan penceritaan bercabang untuk mencipta pengalaman membaca yang lebih interaktif. Fenomena ini menunjukkan bahawa penerbitan Indie menjadi medan inovasi dalam kesusasteraan.

Meneliti kepada temu bual bersama Informan 2 yang terlibat secara langsung dengan buku Indie, beliau menyatakan ;

Satu penerbitan yang berfikir luar daripada kotak. Mesti keluar daripada pemikiran biasa yang biasa mendapat rujukan daripada media arus perdana. Penerbitan ini mempunyai elemen kritis, jujur dan bersih.(INF 5).

Semua orang hendak lari daripada cliché, hendak membaca sesuatu yang lain daripada yang lain. Apabila semua orang lari daripada cliché, benda yang mereka tuju itu akan menjadi cliché juga lah. Kalau sedar, buku cerita kami sama sahaja. Buku pertama kami, mengkritik buku cinta di pasaran. Kami bukan menulis fiksi yang syok sendiri (INF 4)

Pandangan Informan ini menggambarkan pengkarya Indie cuba menjelaskan bahawa mereka perlu membebaskan identiti mereka dari dunia perbukuan sedia ada kepada suatu penerbitan yang mempunyai dimensi baru bagi menonjolkan imej yang mereka bawa. Maka, pandangan ini boleh difahami bahawa mereka juga menjanjikan

apa sahaja yang lahir dari pengkarya Indie adalah autentik dan asli termasuk idea penulisan yang terkandung dalam buku-buku mereka. Pengkarya Indie turut mendakwa penyampaian mesej melalui penulisan cara tradisional tidak lagi sesuai untuk golongan pembaca masa kini terutamanya golongan muda. Petikan temu bual berikut menjelaskan perkara tersebut;

Kita hendak mesej itu sampai dengan cara dia orang dan bukan cara tradisional. Cara tradisional ini seperti cara arus perdana, cara tidak tradisional adalah kita hendak menunjukkan sesuatu yang baik tetapi dengan menonjolkan sesuatu yang jahat itu secara dominan. Kita hendak cakap benda yang baik tetapi kita tunjuk benda yang jahat. Kita tidak kata ini baik dan jahat (INF 5)

Genre kita terbuka. Ia boleh jadi cerita seram. Tetapi mengangkat isu agama atau politik. Ada juga buku kami yang diterbitkan meskipun dengan tajuk yang serius tetapi disampaikan dengan gaya yang santai. (INF 5)

Petikan temu bual ini menjelaskan pendekatan berbeza yang cuba dibawa oleh pengkarya Indie dalam buku-buku mereka. Keadaan ini menjadikan karya-karya mereka sentiasa asli dan autentik kerana mereka perlu mengekalkan perbezaan dan identiti mereka berbanding buku-buku konvensional bagi memastikan pembaca setia mereka tidak beralih arah dan setia bersama karya mereka.

b. Bentuk gaya penulisan yang unik dan tidak dipakai oleh arus perdana

Selain daripada keaslian, keunikan buku Indie juga boleh dilihat daripada aspek karya yang dihasilkan. Ini merangkumi pemilihan tema yang berani, gaya bahasa yang lebih santai dan kontemporari, serta bentuk penerbitan yang lebih dinamik. Salah satu keistimewaan buku Indie adalah keberanian dalam bereksperimen dengan bentuk dan struktur penulisan. Tidak seperti buku arus perdana yang sering menggunakan format yang seragam, buku Indie membenarkan penulis untuk mencampurkan pelbagai bentuk naratif. Misalnya, terdapat buku yang menggabungkan prosa, puisi, ilustrasi, dan transkripsi perbualan untuk mencipta pengalaman membaca yang lebih mendalam. Contohnya dalam petikan temu bual berikut, bila ditanya apakah ciri pemilihan buku Indie yang dipilih untuk diterbitkan, Informan menyatakan;

Sama ada ia adalah manuskrip kawan-kawan yang kami kenal ataupun manuskrip penulis yang kami suka dan terpesona apabila membacanya, sama ada kerana isinya yang cool atau pesona pada susunan katanya (INF 4)

Selain itu, buku Indie juga lebih fleksibel dan dekat dengan bahasa pertuturan harian. Ini menjadikan buku Indie lebih mesra kepada pembaca, khususnya generasi muda yang mahukan sesuatu yang lebih santai dan mudah difahami. Penggunaan bahasa slanga, bahasa pasar, dan campuran bahasa dalam karya Indie merupakan antara ciri yang menjadikannya lebih menarik dan realistik, ditambah dengan jumlah helaian muka surat yang tidak banyak. Petikan temu bual di bawah menjelaskan modus operandi mereka dalam menyasarkan pembaca mereka ;

Bahasa mana ada tinggi dan rendah. Kenapa bahasa hendak dikastakan? Kami tidak setuju dalam hal itu. Kenapa mengkastakan bahasa. Cuma santai atau skema(baku). (INF 5)

konvensional book- pop up book- buku pakai buang -buku berbau harum dan lain-lain (INF 4)

Yang itu kita lepaskan dengan penggunaan dialog. Pada bahagian lain kita ketatkan juga. Kebanyakan dialog kita tidak menggunakan bahasa baku. (INF 6)

Petikan temu bual di atas mungkin tidak pernah kita dengari daripada para penulis arus perdana, tetapi kita temui dalam minda pemikiran penulis dan penerbit Indie. Mereka menyajikan kelainan bagi memastikan para pembaca mempunyai banyak pilihan bahan bacaan. Kelainan inilah yang menjadikan mereka unik dan mempunyai versatile.

Keaslian dan keunikan karya merupakan elemen utama yang menjadikan buku Indie berbeza daripada penerbitan arus perdana. Kebebasan dalam bereksperimen dengan bentuk penulisan, tema yang lebih berani, serta suara penulis yang lebih autentik menjadikan buku Indie satu fenomena yang menarik dalam dunia penerbitan. Dengan semakin ramai pembaca yang mencari kelainan dalam bahan bacaan mereka, buku Indie berpotensi untuk terus berkembang dan menjadi salah satu cabang utama dalam industri penerbitan di Malaysia. Walaupun cabaran tetap wujud, termasuk dari segi pasaran dan

penerimaan masyarakat, keunikan buku Indie tetap memberikan sumbangan yang signifikan kepada dunia sastera dan intelektualisme moden

4.3.4 Penyampaian kepada khalayak

Elemen amalan sosial seterusnya ialah penyampaian buku Indie ini kepada khalayak pembaca. Daripada analisis dapatan temu bual terdapat beberapa elemen yang menunjukkan ciri tersebut. Antaranya, strategi pendekatan yang kreatif, acara-acara literasi yang menyokong mereka serta promosi yang dilakukan. Elemen-elemen inilah yang berjaya mendekatkan diri mereka kepada pembaca. Untuk itu, perbincangan lanjutan akan mengupas tentang elemen-elemen ini.

a. Strategi pendekatan yang kreatif

Pelbagai strategi yang digunakan oleh penulis dan penerbit buku Indie dalam memperkenalkan buku mereka kepada khalayak pembaca. Buku Indie mempunyai keunikan dalam mempromosikan buku mereka di tambah dengan sifat penerbitan yang tidak bergantung kepada orang lain. Dalam hal ini, penggunaan media sosial banyak membantu pengkarya Indie mendekati pembaca mereka. Rata-rata Informan menyatakan media elektronik dan media sosial sangat membantu mereka mendekati pembaca mahupun mewar-warkan kewujudan buku baru. Contohnya dalam petikan di bawah;

kami banyak menggunakan media elektronik : blogspot, facebook, twitter, goodreads untuk beritahu tentang buku kami” (INF 4)

Menerusi newsletter. Kami dapat menyimpan data pembaca pada web page dan akab menghantar tajuk-tajuk buku baharu melalui emel pembaca. Paling mudah kami hebahkan melalui Instagram dan juga facebook. Kami mempunyai team yang mengawal media sosial dan kami perlu peka dalam mengaktifkan media sosial (INF 6).

b. Acara-acara literasi

Kewujudan buku Indie tidak berdiri dengan sendiri melainkan ia juga sering dipromosikan dalam acara-acara kecil yang berkaitan dengan buku seperti diskusi buku, sesi baca puisi, atau forum intelektual yang membina interaksi terus antara penulis dan

pembaca. Komuniti pembaca Indie berkembang melalui sokongan terhadap penerbit dan penulis kecil, sekali gus membentuk jaringan yang kuat dalam kalangan peminat sastera alternatif. Kelab buku, kumpulan Telegram, dan forum dalam talian juga menjadi medan bagi pembaca untuk berkongsi pengalaman mereka tentang buku-buku Indie tertentu. Contohnya pasar Frinjan

Frinjan. Jadi saya pergi Frinjan. Saya tengok scene ini hidup. Sebagai orang bisnes, saya nampak keuntungan. Saya bincang dengan adik dan isteri saya, apa kata kita bisneskan benda ini? Supaya benda ini dapat menjadi lebih besar. Apabila kita buat satu entiti perniagaan, supaya Zine ini dapat berkembang. Misi kita bukan untuk menjadi kaya, target kita remaja. Kita hendak educate dengan gaya kita sendiri. Kita perlu tahu sasaran kita. (INF 5)

Sebelum ini khalayak pembaca buku Indie hanya boleh mendapatkan buku ini di acara-acara yang dianjurkan seperti KLAB, Frinjan dan acara yang dianjurkan kebanyakannya sekitar Kuala Lumpur sahaja (terbitan terhad). Dari situ wujudnya Lejen adalah untuk meluaskan pasaran buku-buku terbitan ini (INF 3)

Acara-acara literasi inilah yang sebenarnya menyuburkan perkembangan buku Indie di Malaysia. Sumbangan aktiviti ini tidak dinafikan banyak mendatangkan kesan kepada perkembangan buku Indie di Malaysia.

c. Penerbitan buku yang memenuhi selera anak muda

Responden juga menekankan konsep Indie tidak terhad kepada konsep kandungan atau penerbitan sahaja, tetapi ia juga merangkumi cara buku-buku itu dipasarkan atau disampaikan kepada pembaca. Penerbit buku Indie mengakui buku-buku Indie yang mereka terbitkan bukan atas tujuan komersial, tetapi ingin memenuhi kehendak dan minat mereka terhadap kandungan buku-buku yang tidak diterbitkan dalam penerbitan arus perdana. Selain itu, buku yang dihasilkan memenuhi cita rasa anak muda.

Ya kerana kami minat benda ini, kami puas hati. Kami tidak mengharapkan buku kami best seller, kami buat buku bukan untuk best seller. Misi kami adalah untuk suburkan dan cangkil bakat orang muda. (INF 2)

Penerbitan alternatif bagi saya lebih menjurus kepada satu pilihan baru dan matlamat lejen press ditubuhkan untuk memberi lebih banyak variasi pilihan kepada pasaran buku. Jadinya bukan dari segi kandungan atau konsep penerbitan sahaja tetapi daripada pemasaran dan dari segi jualan (sama ada secara langsung dan tidak langsung) (INF 3)

Pembaca juga tidak malu untuk berkongsi bahan bacaan di media sosial dan ini juga memberi satu bentuk kepuasan kepada penerbit. Membaca bukan lagi budaya budak skema dan stigma ini dapat diubah apabila melihat generasi zaman sekarang memegang buku-buku alternatif. (INF 3).

Penyataan temu bual di atas telah dibuktikan apabila buku Indie telah berjaya menarik minat anak muda untuk membaca melalui kandungan yang segar, gaya penulisan yang dekat dengan mereka, serta kemudahan akses melalui platform digital dan media sosial. Fenomena ini bukan sahaja menghidupkan kembali budaya membaca dalam kalangan generasi muda, tetapi juga memberikan ruang kepada kepelbagaian suara dan perspektif dalam dunia penerbitan. Oleh itu, buku Indie wajar terus didukung sebagai salah satu bentuk penerbitan yang mampu menggalakkan minat membaca dalam kalangan anak muda pada masa kini tetapi dengan syarat kandungannya harus sopan dan berintegriti

4.3.5 Promosi, penerbitan dan pengedaran

Kebebasan dalam penerbitan adalah satu lagi ciri utama buku Indie. Penulis Indie tidak perlu melalui proses penerbitan yang panjang dan rumit seperti yang dikenakan oleh penerbit tradisional. Dengan kemajuan teknologi, penulis Indie kini mempunyai akses kepada pelbagai platform penerbitan sendiri, seperti penerbitan atas permintaan (print-on-demand) dan penerbitan digital. Menurut Dan Poynter dalam bukunya, “Self-Publishing Manual,” teknologi penerbitan sendiri memberikan kuasa penuh kepada penulis untuk mengawal semua aspek penerbitan, dari reka bentuk kulit buku hingga pemasaran dan pengedaran. Ini bukan sahaja mempercepatkan proses penerbitan, tetapi juga membolehkan penulis untuk memastikan bahawa karya mereka dipersembahkan dengan cara yang mereka inginkan.

Selain itu, imej melawan ini juga dapat dilihat dalam cara buku Indie memanfaatkan teknologi digital untuk mencabar monopoli penerbitan tradisional.

Dengan memanfaatkan platform seperti media sosial dan laman web e-dagang, penerbit Indie berjaya menembusi pasaran tanpa bergantung kepada saluran tradisional. Sim (2019) menyatakan bahawa pendekatan ini bukan sahaja meningkatkan aksesibiliti buku Indie tetapi juga mengubah dinamika industri penerbitan.

“...Pada masa sekarang di Malaysia...penerbitan alternatif merujuk kepada sekelompok penerbit baru yang bergerak secara sendiri secara kecil-kecilan dan kini organisasi kelompok tersebut menjadi semakin berkembang dan dikenali dan diterima oleh masyarakat pembaca secara langsung” (INF 1).

Petikan ini menunjukkan masyarakat mudah menerima kedatangan buku Indie. Bahagian penerbitan perlu mengambil peranan sewajarnya.

a. Bersifat mandiri

Dapatan kajian juga memperlihatkan responden menanggapi buku Indie sebagai penghasilan buku secara mandiri yang bermaksud bermula daripada proses penulisan, percetakan atau penerbitan, pemasaran sehinggalah sampai kepada pembaca diusahakan secara persendirian atau perseorangan. Kadang kala buku-buku tersebut dicetak dengan jumlah yang kecil, dan ada sebahagiannya juga diterbitkan bergantung kepada permintaan atau pesanan (Print on Demand) seperti mana yang dinyatakan dalam temu bual; seperti berikut ..“Indi itu mandiri...Maknanya kita ada duit terbit buku sendiri, jilid sendiri...post sendiri...” (INF 6), “...Bila ada duit kami terbit buku. Bila tak ada duit, kami cari duit dulu, kemudian kami sambung terbit buku semula...” (INF 5).

Untuk permulaan awal memang perlu berusaha keras dalam tempoh tidak sampai setahun, lejen mampu untuk terus stabil bagi dua atau tiga tahun. Saya tidak memohon pinjaman dan menggunakan budget modal yang sangat rendah. Semua berasal daripada modal yang digandakan. Seratus ringgit pertama kepada dua ratus ringgit, 200 ringgit kepada 300 ringgit. Seribu pertama menjadi seribu kedua, jadi lima ribu, sepuluh ribu. (INF 6)

Selain itu, konsep mandiri pada buku Indie ini juga merujuk kepada usaha dan semangat dalam penghasilan buku yang dilakukan sepenuhnya secara persendirian dan tidak terikat kepada protokol penerbitan buku biasa. Bagi penulis dan penerbit buku Indie, tiada peraturan dan manual standard dalam penghasilan karya yang perlu

dipatuhi. Mana-mana pihak bebas menulis apa sahaja dalam pelbagai cara dan gaya asalkan hasil karya itu mencapai tahap manuskrip yang boleh diterbitkan sebagai sebuah buku.

“...yang indi ni apa? Sekarang ni budak-budak ni terbit buku sendiri ni guna duit sendiri. Jadi, yang independentnya ialah sebenarnya usaha. So, diorang terbit sendiri, diorang buat sendiri buku tersebut... pertama, dia cari writer dulu, lepas tu macam dubook dengan tukul sebelum ni kita takde editor, memang buku kita raw. Mana yang capai manuskrip sikit, yang tulah kita kita print dan jadikan buku.., macam penerbitan Thukul ni baru ada dua bulan baru ada editor itu pun sebab tu buku-buku kita sebelum ni orang kritik lah, ada salah ejaan, buku saya “sekolah bukan penjara” sampai sekarang ada orang tak betulkan, tapi pada saya, Okey. Saya pun tak nak ada editor menyibuk dan menyemak betulkan perkataan dalam tu...”(INF 6)

Mandiri juga bukan setakat merujuk kepada usaha gigih untuk mengeluarkan buku, tetapi semangat berdaya kental dan lasak menghadapi cabaran yang lazimnya dihadapi oleh setiap penulis buku. Contohnya, tentang bayaran lambat yang diterima oleh penerbit buku daripada kedai-kedai buku yang menyebabkan penerbit buku menghadapi masalah untuk melakukan penerbitan seterusnya. Isu ini mungkin tidak memberi impak kepada sesetengah penerbit buku yang sudah establish kerana mereka mempunyai dana yang banyak, namun ia menjadi satu penyebab yang boleh merencatkan proses pengeluaran buku. Namun, golongan Indie mampu bertahan dengan formula dan usaha mereka sendiri sehingga mampu bertahan dan berkembang seperti penerbit-penerbit buku arus perdana.

“..masalah penerbit buku selalu kena hadap tentang bayaran..bila buku masuk ke kedai buku, mereka kena bayar 60% daripada harga jualan kepada penerbit buku.. 60% bayar dalam masa 4 bulan.. so, macam mana sebenarnya penerbit tu nak hidup, tapi kita boleh hidup, so dalam masa 3 tahun kebelakangan ini, fixi dah 5 tahun, dubook dah 5 tahun, so... dalam suasana yang kasar ni kita boleh mandiri. So, itu yang Indie sebenarnya, yang Indie nya sebenarnya usaha” (INF 3).

Untuk itu, kekuatan semangat penulis dan penerbit Indie sangat mengujakan dalam memastikan buku Indie sampai kepada pembaca. Walaupun tiada dana dan sokongan pihak kerajaan, namun mereka tetap berusaha. Semangat mandiri inilah yang telah menyumbang perkembangan buku Indie.

b. Memaksimumkan penggunaan digital

Apa yang boleh dirumuskan di sini, Indie merujuk kepada gerak kerja tersendiri dan keupayaan mereka berkerja secara sendiri dan kolektif tanpa mengharapkan bantuan dan dana daripada pihak lain sehingga mereka mampu berdiri setanding dengan penerbit-penerbit buku sedia ada. Unik berbanding dengan penerbitan arus perdana. Pandangan ini tidak boleh disangkal kerana diakui Indie mempunyai gelombang nya yang tersendiri.

Kita menggunakan pakai instagram, twitter, facebook dan juga youtube untuk beberapa video. Contoh, apabila kita melancarkan buku baharu sebagai contoh buku kopi lejen hari tu, kita panggil caliph buskers. Kita rekod dan letak di youtube, dan mencecah belasan ribu penonton, kita ambil itu sebagai satu teknik promosi kopi lejen juga sebenarnya. Tujuannya adalah untuk membranding nama lejen, buku kopi lejen dan juga lejen shop. Ini kerana branding bukannya data secara langsung, tetapi melalui beberapa proses. (INF 6).

Kepakaran pihak Indie menggunakan teknologi media baharu tidak boleh lagi dinafikan. Kelebihan ini lah yang telah digunakan oleh mereka untuk memperkembangkan buku Indie kepada pembaca.

Kesimpulannya, buku Indie atau penerbitan mandiri merujuk kepada satu bentuk penerbitan yang menekankan kebebasan kreatif dan individualisme penulis. Kebebasan ini bukan sahaja merangkumi ketiadaan kekangan daripada penerbit arus perdana, tetapi turut melibatkan kebebasan meneroka tema, sudut pandang dan gaya penulisan yang mungkin dianggap tidak konvensional atau kontroversial. Melalui pendekatan ini, penulis Indie menawarkan alternatif kepada pembaca dengan mengetengahkan suara, pengalaman dan identiti yang lebih autentik, khususnya dalam membincangkan isu sosial, politik dan budaya yang kurang diberi ruang dalam penerbitan arus perdana.

Selain itu, penerbitan Indie turut dicirikan oleh semangat “*do it yourself*” (*DIY*), di mana penulis mengurus keseluruhan proses penerbitan termasuk penulisan, reka bentuk, percetakan dan pemasaran. Pendekatan ini membolehkan penulis mengekalkan keaslian dan integriti karya tanpa perlu berkompromi dengan tuntutan pasaran. Dengan melawan arus mainstream, buku Indie membentuk identiti tersendiri sebagai medium ekspresi alternatif yang berani, inovatif dan mencerminkan kepelbagaian idea, sekali gus memperkayakan landskap sastera kontemporari.

4.4 KANDUNGAN BUKU INDIE DAN KAITANNYA DENGAN ISLAM LIBERAL

Subtopik ini dibangunkan bagi memperincikan objektif kajian ketiga, iaitu analisis terhadap kandungan buku Indie dengan penekanan khusus kepada pemikiran Islam liberal yang digarapkan dalam penulisan. Analisis kandungan menjadi aspek teras dalam kajian sesebuah karya kerana isi kandungan merupakan medium utama untuk memahami hala tuju, mesej dan tujuan penghasilan buku tersebut. Sehubungan itu, bab ini meneliti lima buah buku Indie yang diterbitkan oleh dua syarikat penerbitan Indie terpilih sebagai bahan kajian, dengan memberi tumpuan kepada kandungan serta tema-tema utama yang muncul dalam penulisan, khususnya yang berkait dengan elemen pemikiran Islam liberal. Seperti yang telah dihuraikan dalam Bab II, kerangka pemikiran Islam liberal dalam kajian ini dibina berasaskan enam tonggak utama. Oleh itu, perbincangan dalam bab ini disusun mengikut enam subtopik yang masing-masing mewakili satu elemen tersebut. Setiap subtopik dimulakan dengan penjelasan ringkas mengenai elemen berkenaan sebelum dianalisis keberadaannya dalam kandungan buku-buku Indie yang dikaji melalui penelusuran idea dan pemikiran pengarang. Pendekatan ini diharapkan dapat memberikan gambaran yang lebih menyeluruh dan mendalam tentang bagaimana serta mengapa pemikiran Islam liberal diterapkan secara sedar atau tersirat dalam penulisan buku Indie.

4.4.1 Kerangka pemikiran Islam liberal

Analisis kandungan terhadap empat buah buku terpilih akan dilakukan mengikut kerangka pemikiran Islam liberal yang telah dibina berdasarkan kepada penulisan dan pandangan sarjana Barat dan Muslim yang cenderung mempromosikan idea-idea Islam liberal. Kerangka ini Sebagaimana yang telah dijelaskan dalam bab 2 sebelum ini, kerangka pemikiran Islam liberal terdiri daripada enam tonggak asas utama iaitu;

- i. Memperjuangkan ideologi sekularisme dalam kehidupan
- ii. Memperjuangkan kebebasan mutlak individu dan hak asasi manusia
- iii. Mempromosi dan menyokong konsep pluralisme agama
- iv. Berpegang kepada akal dan rasionalisme yang melampau
- v. Penolakan terhadap autoriti wahyu dan syariat Islam
- vi. Memperjuangkan emansipasi wanita

Untuk itu, analisis ini dijangka dapat mengenal pasti idea-idea pemikiran Islam liberal yang digarap oleh pengarang dalam karyanya. Berikut adalah hasil analisis terhadap buku berkenaan.

4.4.2 Memperjuangkan ideologi sekularisme dalam kehidupan

Sub-topik ini membincangkan dapatan kajian berkaitan ideologi sekularisme yang dikenal pasti dalam kandungan buku-buku Indie terpilih. Dalam konteks analisis ini, sekularisme difahami bukan sekadar sebagai pemisahan institusi agama dan negara, tetapi sebagai satu kerangka pemikiran dan wacana yang mempengaruhi cara agama difahami, dihadkan dan diposisikan dalam kehidupan individu serta masyarakat. Berdasarkan analisis kandungan terhadap sampel buku Indie, ideologi sekularisme ini beroperasi melalui dua ciri utama, iaitu dualisme dan dikotomi antara agama dan kehidupan duniawi, serta pengabsahan nilai demokrasi liberal sebagai asas pengurusan sosial dan politik.

Dapatan awal menunjukkan bahawa kesemua sampel buku Indie SB1-SB5 mengandungi ciri dualisme dan dikotomi, sekali gus mencerminkan kecenderungan wacana yang memisahkan agama daripada urusan sosial, politik dan pemikiran rasional moden. Oleh itu, perbincangan seterusnya akan meneliti dengan lebih mendalam bentuk, konteks dan implikasi petikan-petikan terpilih yang memperlihatkan pengoperasian ideologi sekularisme ini dalam penulisan buku Indie, khususnya dari sudut bagaimana agama direpresentasikan sebagai ruang peribadi, simbolik atau budaya semata-mata dalam kehidupan hari ini. (Mohd Fairuz & Latifah 2013).

a. Bersifat dualisme dan dikotomi

Berdasarkan analisis terhadap data kajian, elemen pemikiran Islam liberal yang pertama dan paling dominan dikenal pasti dalam buku-buku Indie terpilih ialah sekularisme, khususnya melalui ciri dualisme dan dikotomi antara agama dan kehidupan. Dualisme dan dikotomi dalam konteks ini merujuk kepada pemisahan yang disengajakan antara urusan agama dengan urusan sosial, politik, undang-undang dan kuasa, sehingga agama diletakkan secara eksklusif dalam ruang peribadi individu. Dapatan ini selari dengan takrifan sekularisme yang dikemukakan oleh Keddie (2003), yang menyatakan bahawa sekularisme berfungsi melalui pengecilan peranan agama dalam ruang awam dan pengasingannya daripada struktur kuasa serta peraturan sosial.

Analisis terhadap buku Indie pertama karya Faizal Tehrani mendapati terdapat dua artikel utama yang secara jelas menyokong idea dualisme dan dikotomi ini. Sokongan tersebut dizahirkan melalui kritikan terhadap pengharaman fahaman Qadiani yang telah difatwakan sesat oleh Jabatan Agama Islam Selangor sejak tahun 1998. Dalam teks yang dianalisis, penulis bukan sahaja mempersoalkan keputusan fatwa tersebut, malah mempertikaikan secara asas hak pihak berautoriti agama untuk campur tangan dalam urusan kepercayaan individu, walaupun kepercayaan tersebut jelas bercanggah dengan prinsip akidah Islam. Pendekatan ini dapat dilihat dengan jelas dalam Petikan 1 dalam SB1(Faisal 2016:60) berikut:

Apakah mereka sesat dan bukan Islam? tanya pelajar ku lagi. Aku menjawab; Aku tidak tahu. Aku tidak pernah menemui salah seorang pun daripada mereka. Sebelum aku memutuskan itu dan ini, aku perlu menemui dan berdialog dahulu. Dan itu pun, jika kemudian aku memutuskan mereka itu cocok atau tidak dengan Islam yang aku kenal; aku hanya akan menyimpannya sebagai pandangan peribadi. Oleh kerana aku menggeluti disiplin hak asasi manusia, aku hanya akan berbicara soal manusia pertama; hak mereka kedua; dan soal sesat lurus mereka secara prinsipnya telah jatuh dan akan sentiasa jatuh di tempat ke tiga.

Dari sudut analisis wacana, petikan ini memperlihatkan penyusunan hierarki nilai yang jelas, di mana isu kemanusiaan dan hak individu diletakkan pada kedudukan tertinggi, manakala persoalan kebenaran akidah ditempatkan pada kedudukan yang paling rendah. Agama tidak ditolak secara langsung, namun fungsi normatif agama

disingkirkan dengan menjadikannya sekadar pandangan peribadi yang tidak boleh dikuatkuasakan atau dinilai secara kolektif. Strategi wacana ini sejajar dengan ciri sekularisme moden yang tidak menyerang agama secara keras, tetapi melemahkan autoritinya melalui peluasan makna dan fungsi.

Selain itu, hujah penulis yang menegaskan keperluan berdialog dahulu sebelum menentukan kesesatan akidah menunjukkan satu peralihan autoriti epistemologi iaitu daripada wahyu dan disiplin ilmu akidah kepada pengalaman peribadi dan penilaian subjektif. Dalam Islam, kesesatan akidah bukan ditentukan melalui pengalaman empirik semata-mata, tetapi berdasarkan neraca wahyu dan ijmak ulama. Al-Quran menegaskan bahawa kebenaran agama bersifat objektif dan mengikat, bukan relatif kepada persepsi individu, seperti mana firman Allah SWT (Al-Imran 3:19)

إِنَّ الدِّينَ عِنْدَ اللَّهِ الْإِسْلَامُ وَمَا اخْتَلَفَ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ إِلَّا مِنْ بَعْدِ مَا جَاءَهُمُ الْعِلْمُ
بَعْيًا بَيْنَهُمْ وَمَنْ يَكْفُرْ بَايَاتِ اللَّهِ فَإِنَّ اللَّهَ سَرِيعُ الْحِسَابِ

Maksudnya;

Sesungguhnya agama (yang benar dan diredai) di sisi Allah ialah Islam. Dan tidaklah berselisih orang-orang yang telah diberikan Kitab itu melainkan sesudah datang kepada mereka pengetahuan (yang benar), disebabkan perasaan dengki antara mereka. Dan sesiapa yang kufur ingkar akan ayat-ayat Allah, maka sesungguhnya Allah amat segera hitungan-Nya.

Ayat ini secara prinsip menolak idea bahawa status kebenaran agama boleh digantung atau ditangguhkan atas dasar pengalaman peribadi atau pertimbangan hak asasi manusia semata-mata.

Penulis SB1 turut menolak pengharaman fahaman Qadiani dengan mengemukakan hujah bahawa tokoh Qadiani, Muhammad Zafarullah Khan, pernah berjasa kepada dunia Islam, khususnya dalam memperjuangkan isu Kashmir dan Palestin. Berdasarkan hujah ini, fatwa pengharaman dianggap sebagai tindakan zalim dan tidak berasas terhadap golongan minoriti. Dari sudut analisis kritis, pendekatan ini memperlihatkan kekeliruan antara sumbangan kemanusiaan dengan kesahihan akidah. Dalam epistemologi Islam, jasa dan sumbangan duniawi tidak boleh dijadikan sandaran untuk menilai kebenaran atau kesesatan akidah. Al-Quran secara jelas memisahkan

antara amal kebajikan dan penyimpangan keimanan seperti mana firman Allah SWT (Al-An'am 6:88)

ذَٰلِكَ هُدَىٰ ٱللَّهُ يَهْدِي بِهِ ٱلْمَن يَشَآءُ ٱلْمَن عِبَادِهِۦ وَلَوْ أَشْرَكُوا۟ لَحَبِطَ عَنْهُم مَّا كَانُوا۟ يَعْمَلُونَ

Maksudnya;

Yang demikian itu ialah petunjuk Allah; dengan petunjuk-Nya Dia memberi hidayah kepada sesiapa yang Dia kehendaki daripada hamba-hamba-Nya. Dan sekiranya mereka mempersekutukan (Allah), nescaya gugurlah daripada mereka segala amalan yang mereka kerjakan.

Ayat ini menunjukkan bahawa sumbangan atau jasa tidak mengubah hakikat penyimpangan akidah apabila ia bercanggah dengan prinsip tauhid.

Kecenderungan pengarang yang melihat agama dan kehidupan sebagai dua entiti yang terpisah semakin jelas apabila beliau menyifatkan penguatkuasaan undang-undang agama sebagai pencabulan hak asasi manusia. Dalam kerangka sekularisme, autoriti agama dilihat sebagai ancaman kepada kebebasan individu, manakala negara sepatutnya bersikap neutral terhadap semua kepercayaan. Pandangan ini sejajar dengan huraian Keddie (2003) bahawa sekularisme moden menuntut agama disempitkan ke ruang peribadi dan dikeluarkan daripada pengaturan sosial. Pendekatan yang sama turut diperkukuhkan dalam petikan kedua dalam SB 5 (Hadri Shah 2015:104-105) yang memperlihatkan pendirian lebih terbuka terhadap pemisahan agama dan politik ;

Akhir sekali aku cuba yakinkan awak yang sekularisme bagus untuk agama meskipun agama itu berada dalam posisi berkuasa. Oleh itu bagi aku, kekuasaan dan kepercayaan adalah satu bentuk penipuan, hipokrit dan penakut. Agamawan yang berlindung di belakang kuasa politik sebenarnya tidak yakin dengan agama sendiri. Mereka takut jika manusia bebas memilih, mereka tidak akan memilih agama itu.

Petikan ini mengandungi hujah teras sekularisme, iaitu agama hanya dianggap tulen apabila bebas daripada kuasa dan undang-undang. Kepercayaan ditakrifkan sebagai sesuatu yang sepenuhnya subjektif, manakala penguatkuasaan agama dianggap sebagai paksaan dan hipokrasi. Dari sudut analisis Islam, hujah ini bermasalah kerana menyamakan ketaatan kepada hukum Allah dengan paksaan politik. Sedangkan al-

Quran menegaskan bahawa ketaatan kepada hukum Allah merupakan manifestasi iman, bukan penafian kebebasan seperti mana firman Allah SWT (Al-Ahzab 33:36)

وَمَا كَانَ لِمُؤْمِنٍ وَلَا لِمُؤْمِنَةٍ إِذَا قَضَىٰ اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَمْرًا أَنْ يَكُونَ لَهُمُ الْخِيَرَةُ مِنْ أَمْرِهِمْ وَمَنْ يَعْصِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ فَقَدْ ضَلَّ ضَلًّا مُّبِينًا

Maksudnya;

Dan tidaklah harus bagi orang lelaki yang beriman dan juga bagi orang perempuan yang beriman, apabila Allah dan Rasul-Nya telah menetapkan sesuatu perkara, mereka mempunyai pilihan yang lain dalam urusan mereka; dan sesiapa yang menderhaka kepada Allah dan Rasul-Nya, maka sesungguhnya ia telah sesat dengan kesesatan yang nyata.

Ayat ini menunjukkan bahawa dalam Islam, kebebasan tidak difahami sebagai kebebasan mutlak tanpa batas, tetapi kebebasan yang dibimbing oleh wahyu. Pemisahan mutlak antara agama dan kuasa sebagaimana yang dianjurkan oleh sekularisme liberal bukan sahaja bercanggah dengan sejarah pemerintahan Islam, bahkan menafikan fungsi syariah sebagai panduan kehidupan bermasyarakat.

Secara keseluruhannya, analisis dapatan kajian ini menunjukkan bahawa elemen sekularisme dalam buku Indie berfungsi melalui dualisme dan dikotomi yang memisahkan agama daripada kehidupan awam, menafikan autoriti institusi agama, serta mengangkat hak asasi manusia sebagai neraca tertinggi kebenaran. Pendekatan ini selari dengan pemikiran Islam liberal yang cuba menyesuaikan Islam dengan kerangka sekular moden, namun bercanggah dengan asas epistemologi Islam yang menegaskan kesyumulan agama. Oleh itu, dapatan ini mengukuhkan hujah bahawa sekularisme dalam wacana Islam liberal bukan sekadar perbezaan pandangan sosial, tetapi menyentuh teras kefahaman akidah dan autoriti wahyu.

b. Mendokong demokrasi liberal

Dalam pemikiran liberal moden, sekularisme sering dikaitkan dengan keperluan memisahkan agama daripada pemerintahan dan urusan awam. Agama dianggap wajar diletakkan dalam ruang peribadi, manakala negara seharusnya beroperasi berdasarkan prinsip rasional, hak asasi manusia dan kebebasan individu. Pandangan ini dipengaruhi

oleh sarjana Barat seperti Bellah (2011), Taylor (2007), Habermas (2006) dan Casanova (1994) yang menegaskan bahawa moderniti menuntut pengurangan peranan agama dalam struktur kuasa politik. Pendekatan ini turut mempengaruhi sebahagian pendukung Islam liberal yang berhujah bahawa nilai-nilai demokrasi liberal seperti kebebasan, kesaksamaan dan autonomi individu perlu digabungkan dengan Islam bagi memastikan kesesuaian agama tersebut dalam dunia moden (Nurcholish Madjid, 2001; Fazlur Rahman, 1970).

Dalam konteks ini, dapatan kajian mendapati bahawa buku Indie SB3 jelas memperlihatkan kecenderungan wacana yang menyokong pemikiran tersebut. Hal ini dapat diperhatikan melalui petikan di bawah yang diambil pada SB3 di halaman 132-133 (Mohd Syazreen 2015);

Malaysia yang dikatakan maju dan Negara Islam mengamalkan budaya pemikiran Taliban dalam landskap politiknya, iaitu agama menjadi senjata untuk pertahankan segala bentuk kezaliman. Agama adalah yang menunjukkan bentuk kekerasan dan menindas kepada agama yang sedikit yang berbeza kepercayaannya dengan agama yang rasmi. Agama lain mejadi susah untuk mengamalkan kepercayaan dan kebebasan jika berlaku ia akan disandarkan kepentingan politik mula dijadikan hujah atas nama agama. Lalu dikatakan sebagai tidak menghormati budaya masyarakat Islam. lalam di sana adalah agama yang ditunggang untuk kepentingan para pemain politik dan pemerintah yang tidak ada moral dan menjadikan para cendekiawan muslim sebagai lidah senjatanya untuk mena kekalkan kerosakan. Agama sering menjadi bahan politik seperti asas menakutkan orang untuk bebas berfikir, jika liberal sedikit, mala muncullah pejuang Melayu atau pejuang akidah yang menjadi hero dalam menangani masalah ini. Budaya pelabelan seperti kafir, sesat adalah budaya para agamawan yang mundur pemikirannya dan ia berkembang di Malaysia. Mereka alan menentang segala konsep yang berlainan pada pemikiran dan manhaj mereka. Kononnya ingin menjaga kesucian dalam agama Islam mula mereka akan melaksanakan polis syariah yang akan mengawal dan memantau segala bentuk yang merosakkan akidah. Mereka akan menyibukkan diri dalam perilaku manusia dan akan sibuk mencari kesalahan sang pendosa di kawasan-kawasan

yang sembunyi sekalipun tidak menangkap terus dosa-dosa pemimpin yang di atas yang nampak jelas rasuah dan korupsi di depan mata.

Dari sudut dimensi amalan sosial, petikan ini berfungsi sebagai satu bentuk kritik ideologi terhadap konsep negara Islam dan peranan agama dalam pemerintahan. Agama dibingkai sebagai sumber kekerasan, penindasan dan hipokrisi politik, manakala negara yang mengangkat Islam sebagai asas dilabelkan dengan imej ekstrem seperti 'Taliban'. Strategi wacana ini bertujuan membentuk persepsi bahawa penglibatan agama dalam politik secara langsung membawa kepada kezaliman dan penindasan kebebasan individu. Dalam istilah Fairclough, ini merupakan satu bentuk *delegitimasi*, iaitu usaha menafikan kesahihan autoriti agama dengan mengaitkannya secara langsung dengan kegagalan tadbir urus dan penyalahgunaan kuasa.

Walau bagaimanapun, analisis kritis mendapati bahawa wacana ini mengandungi pengaburan antara penyalahgunaan agama oleh aktor politik dengan prinsip normatif agama itu sendiri. Kerosakan yang berlaku digambarkan seolah-olah berpunca daripada Islam sebagai sistem, sedangkan realitinya banyak berpunca daripada kegagalan manusia dalam memegang amanah dan melaksanakan keadilan. Al-Quran secara tegas menolak sebarang bentuk manipulasi agama demi kepentingan tertentu seperti mana firman Allah SWT (Al-Baqarah 2:42):

وَلَا تَلْبِسُوا الْحَقَّ بِالْبَاطِلِ وَتَكْتُمُوا الْحَقَّ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ

Maksudnya;

Dan janganlah kamu campur-adukkan yang benar dengan yang salah, dan jangan kamu sembunyikan kebenaran itu sedang kamu mengetahuinya.

Ayat ini menunjukkan bahawa Islam sendiri mengecam keras penyelewengan agama dan penggunaan kebenaran untuk menutup kebatilan. Oleh itu, dakwaan bahawa agama secara hakiki menjadi alat kezaliman merupakan satu penyempitan makna ideologi yang tidak membezakan antara ajaran agama dan perlakuan individu atau institusi yang menyalahgunakannya.

Petikan SB3 juga menekankan isu pelabelan ‘kafir’ dan ‘sesat’ serta pelaksanaan penguatkuasaan moral seperti polis syariah. Dari dimensi amalan sosial, wacana ini mencerminkan penolakan terhadap autoriti institusi agama yang dilihat mengawal pemikiran dan perilaku masyarakat. Namun, dalam tradisi Islam, prinsip keadilan dan akauntabiliti merupakan asas utama pemerintahan, termasuk terhadap pemerintah sendiri. Hal ini ditegaskan dalam firman Allah SWT (An-Nisa 4: 58);

يَا أَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ نَفْسٍ وَاحِدَةٍ وَخَلَقَ مِنْهَا زَوْجَهَا وَبَثَّ مِنْهُمَا رِجَالًا كَثِيرًا وَنِسَاءً وَاتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي تَسَاءَلُونَ بِهِ وَالْأَرْحَامَ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَيْكُمْ رَقِيبًا

Maksudnya;

Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menyampaikan amanah kepada yang berhak menerimanya, dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, hendaklah kamu menjalankannya dengan adil.

Ayat ini menegaskan bahawa Islam tidak pernah mengabsahkan kezaliman atau ketidakadilan, malah menjadikan keadilan sebagai teras pemerintahan. Oleh itu, kegagalan menegakkan keadilan terhadap pemimpin yang rasuah, seperti yang didakwa dalam petikan SB 3, merupakan kegagalan pelaksanaan dan integriti manusia, bukan bukti ketidaksesuaian Islam sebagai asas pemerintahan.

Dari sudut amalan sosial Fairclough, wacana SB3 berfungsi untuk menormalisasikan demokrasi liberal sebagai kerangka moral alternatif yang dianggap lebih adil dan manusiawi berbanding pemerintahan berteraskan agama. Agama diposisikan sebagai ancaman kepada kebebasan berfikir, manakala liberalisme dipersembahkan sebagai pembebas. Inilah ciri utama sekularisme dalam pemikiran Islam liberal, iaitu agama dibenarkan wujud sebagai identiti peribadi dan budaya, tetapi dilucutkan autoriti normatifnya dalam ruang politik dan sosial. Namun demikian, Islam tidak menolak kebebasan berfikir, sebaliknya mengiktirafnya dalam kerangka nilai dan kebenaran.

Firman Allah SWT (Az-Zumar 39:18);

الَّذِينَ يَسْتَمِعُونَ الْقَوْلَ فَيَتَّبِعُونَ أَحْسَنَهُ أُولَٰئِكَ الَّذِينَ هَدَاهُمُ اللَّهُ وَأُولَٰئِكَ هُمْ أَصْلَابُ

Maksudnya;

Iaitu orang-orang yang mendengar perkataan (nasihat), lalu mereka menurut akan yang terbaik daripadanya; mereka itulah orang-orang yang telah diberi hidayah oleh Allah, dan mereka itulah orang-orang yang mempunyai akal fikiran..

Ayat ini membuktikan bahawa Islam menggalakkan pemikiran kritis dan pertimbangan rasional, tetapi tidak memisahkannya daripada tanggungjawab moral dan wahyu. Oleh itu, gambaran bahawa Islam menindas kebebasan intelektual merupakan satu pembacaan ideologis yang berpihak.

Secara keseluruhannya, analisis dimensi amalan sosial mendapati bahawa petikan SB3 mencerminkan ciri kedua sekularisme dalam pemikiran Islam liberal, iaitu penolakan peranan agama dalam pemerintahan dan peminggiran autoriti Islam, dengan menggantikan kerangka tersebut kepada demokrasi liberal. Wacana ini berfungsi secara tersusun untuk membentuk kesedaran sosial bahawa masalah politik dan kezaliman berpunca daripada agama, bukan daripada kegagalan manusia dan struktur kuasa (Mohd Farhan et al 2019). Dapatan ini mengukuhkan hujah bahawa buku Indie bukan sekadar menyampaikan kritik sosial, tetapi turut berperanan sebagai medium pembentukan ideologi sekular dalam konteks pemikiran Islam liberal di Malaysia.

4.4.3 Memperjuangkan kebebasan mutlak dan hak asasi manusia yang melampau

Sub-topik ini meneliti salah satu teras utama pemikiran Islam liberal, iaitu usaha memperjuangkan kebebasan mutlak dan hak asasi manusia yang berlandaskan kerangka pemikiran Barat. Dalam wacana liberalisme, kebebasan sering ditafsirkan sebagai nilai tertinggi yang berpusat pada autonomi individu, rasionaliti akal dan persamaan hak tanpa merujuk kepada batasan transenden. Kebebasan dalam kerangka ini tidak sekadar difahami sebagai ruang bertindak, malah diangkat sebagai prinsip normatif yang menolak sebarang bentuk autoriti agama, tradisi dan norma kolektif yang dianggap mengongkong kehendak individu (Mohamad Hasan 2017). Akibatnya, kebebasan tidak

lagi dibatasi oleh kerangka wahyu atau disiplin keilmuan Islam, sebaliknya ditentukan oleh pertimbangan akal dan pengalaman manusia semata-mata.

Dalam konteks ini, pemikiran Islam liberal cenderung mengaitkan kebebasan mutlak dengan tuntutan hak asasi manusia yang bersifat universal dan tidak terikat dengan nilai agama tertentu. Hak individu dilihat sebagai hak mutlak yang boleh dituntut tanpa mengambil kira implikasi moral, sosial dan akidah. Pendekatan ini secara tidak langsung melahirkan faham pluralisme kebenaran serta mengukuhkan budaya individualisme yang mendahulukan kepentingan diri berbanding tanggungjawab kolektif dan prinsip syariat. Justeru, sub-topik ini penting untuk meneliti bagaimana wacana kebebasan dan hak asasi manusia beracuankan Barat diartikulasikan dalam pemikiran Islam liberal serta implikasinya terhadap kefahaman Islam sebagai satu sistem kehidupan yang menyeluruh. Berdasarkan kerangka pemikiran Islam liberal, kebebasan individualisme yang melampaui kongkongan agama dan budaya merangkumi;

- i. Kebebasan beragama: tuntutan kebebasan beragama yang tidak boleh diikat dan dikongkong oleh undang-undang atau autoriti agama.
- ii. Kebebasan berperilaku: masyarakat perlu diberi kebebasan dalam tindakan tanpa ada sekatan undang-undang.
- iii. Kebebasan berpendapat: menuntut hak dan autoriti untuk menyatakan pandangan dan ijtihad tidak sepatutnya menjadi hak mutlak golongan ulama dan agamawan sahaja kerana pandangan mereka tidak semestinya tepat

a. Menuntut kebebasan beragama

Kerangka pemikiran Islam liberal memperlihatkan bahawa kebebasan beragama diangkat sebagai salah satu prinsip teras yang tidak boleh diganggu oleh mana-mana autoriti, sama ada autoriti agama mahupun institusi negara. Kebebasan ini ditakrifkan sebagai hak mutlak individu untuk memilih, mengamalkan, menafsir, malah meninggalkan sesuatu agama berdasarkan kehendak dan pertimbangan peribadi. Dalam wacana ini, agama dilihat sebagai urusan individu yang bersifat peribadi dan tidak wajar diikat dengan peraturan undang-undang atau norma kolektif yang dianggap mengekang kebebasan manusia.

Melihat kepada sudut amalan sosial menurut Fairclough, wacana kebebasan beragama ini tidak muncul dalam ruang kosong, sebaliknya beroperasi dalam konteks global yang dipengaruhi oleh dominasi wacana hak asasi manusia Barat, liberalisme politik dan individualisme moden. Nilai kebebasan individu dijadikan asas moral dan undang-undang yang mengatasi norma agama dan tradisi tempatan. Justeru, apabila wacana ini diserap ke dalam konteks masyarakat Islam, ia bukan sekadar menawarkan tafsiran baharu terhadap agama, tetapi turut mengubah hubungan antara agama, autoriti dan struktur sosial.

Asas pemikiran ini dapat dikesan melalui rujukan kepada falsafah liberal klasik Barat, khususnya idea kebebasan individu yang diketengahkan oleh On Liberty. John Stuart Mill menegaskan bahawa terdapat ruang peribadi individu yang tidak wajar dicerobohi oleh kuasa negara atau autoriti sosial, selagi tindakan tersebut tidak memudaratkan orang lain. Prinsip ini dikenali sebagai *harm principle*, iaitu kebebasan individu hanya boleh dihadkan apabila ia membawa mudarat langsung kepada pihak lain (Mill, 1998). Dalam konteks ini, dosa peribadi seperti zina atau khalwat dianggap sebagai urusan individu dengan Tuhan, bukan isu sosial yang wajar dikenakan tindakan undang-undang.

Wacana ini kemudiannya diterjemahkan oleh pendukung Islam liberal dalam bentuk penolakan terhadap penguatkuasaan undang-undang syariah ke atas kesalahan moral peribadi. Seperti yang diujahkan oleh Hazman Baharom (2014), golongan ini menentang sebarang bentuk campur tangan autoriti agama terhadap perlakuan individu yang dianggap tidak melibatkan hak orang lain, sehingga merumuskan bahawa sesuatu yang haram di sisi agama tidak semestinya wajar diharamkan di sisi undang-undang negara. Dari perspektif amalan sosial, hujah ini mencerminkan proses sekularisasi norma, iaitu pemisahan antara nilai agama dan sistem perundangan awam.

Lebih jauh lagi, kebebasan beragama dalam wacana Islam liberal turut merangkumi hak untuk meninggalkan agama, termasuk Islam, atas nama kebebasan hati nurani dan hak individu. Prinsip ini disokong melalui rujukan kepada wacana hak asasi manusia sejagat yang menekankan kebebasan kepercayaan tanpa sebarang implikasi undang-undang atau sosial. Pandangan ini dapat dilihat dalam penulisan beberapa sarjana liberal yang menegaskan bahawa pilihan beragama adalah hak individu

sepenuhnya dan tidak boleh dikenakan sebarang sekatan (Khalif Muammar 2009, 2018; Muhammad Rashidi 2017).

Dalam konteks analisis wacana Fairclough, pendirian ini bukan sekadar pandangan teologi alternatif, tetapi berfungsi sebagai amalan sosial yang mencabar struktur autoriti agama tradisional dan kedudukan Islam sebagai agama normatif dalam masyarakat. Kebebasan beragama yang difahami secara mutlak ini berpotensi melahirkan realiti sosial di mana agama hanya berfungsi sebagai identiti simbolik, bukan sistem nilai yang mengikat. Akibatnya, lahir fenomena penganut agama secara komunal, serta normalisasi keluar masuk agama tanpa kawalan institusi atau tanggungjawab sosial.

Dapatan kajian turut menunjukkan bahawa wacana ini diekspresikan secara jelas dalam teks buku Indie yang dianalisis. Petikan dalam SB1 memperlihatkan penolakan secara langsung terhadap hukuman murtad serta pengangkatan hak individu sebagai prinsip tertinggi (Faisal 2016:178);

Hak asasi manusia bahkan meraikan perbezaan dan kelainan yang ada pada setiap manusia dan menuntut supaya hak asasi iaitu hak untuk berbeza dan percaya kepada agama masing-masing ini di pertahan dan dilindungi. Sebarang pencabulan hak ini merupakan sesuatu yang bertentangan dengan semangat hak asasi manusia dan persaudaraan dunia yang telah dipersetujui. Ia malah bertentangan dengan al-Quran. Islam menekankan kebebasan beragama dan memilih. Hukuman untuk mereka yang telah menerima Islam kemudian keluar dari Islam adalah di akhirat kelak, bukannya di dunia ini. Yang berhak menghukum adalah Tuhan, bukannya manusia, kumpulan atau mana-mana kerajaan.

Dari sudut amalan sosial, petikan ini memperlihatkan strategi wacana yang penting, iaitu pengabsahan wacana liberal melalui rujukan terpilih kepada al-Quran, khususnya ayat-ayat yang berkaitan dengan kebebasan beragama. Antara ayat yang sering digunakan ialah firman Allah SWT (Al-Baqarah 2: 256);

لَا إِكْرَاهَ فِي الدِّينِ قَدْ تَبَيَّنَ الرُّشْدُ مِنَ الْغَيِّ فَمَنْ يَكْفُرْ بِالطَّاغُوتِ وَيُؤْمِنْ بِاللَّهِ فَقَدْ
 اسْتَمْسَكَ بِالْعُرْوَةِ الْوُثْقَىٰ لَا انْفِصَامَ لَهَا وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ

Maksudnya;

“Tidak ada paksaan dalam agama; sesungguhnya telah nyata kebenaran (Islam) daripada kesesatan (kufur). Oleh itu sesiapa yang kufur kepada taghut dan beriman kepada Allah, maka sesungguhnya ia telah berpegang kepada simpulan (agama) yang teguh yang tidak akan putus. Dan (ingatlah), Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui

serta dalam ayat al-Quran yang lain, firman Allah SWT (Al-Kafirun 109:6);

لَكُمْ دِينُكُمْ وَلِيَ دِينِ

Maksudnya;

Bagi kamu agama kamu, dan bagiku agamaku.

Jika merujuk kepada tafsir Pimpinan Ar-Rahman, ayat-ayat ini difahami dalam konteks penolakan paksaan ke atas orang bukan Islam untuk menerima Islam, bukan sebagai pengiktirafan undang-undang (legitimasi) untuk menafikan autoriti syariah terhadap orang Islam yang telah beriman. Namun, dalam wacana Islam liberal, ayat-ayat ini ditafsirkan secara terpisah daripada keseluruhan kerangka akidah dan syariah, lalu digunakan untuk menyokong kebebasan beragama tanpa batasan sempadan ketuhanan yang mengikat kebebasan manusia agar selari dengan kehendak wahyu Hazman (2014).

Selain itu, petikan kedua daripada SB2 (2014:109) pula memperlihatkan dimensi sosial yang lebih luas, iaitu kritikan terhadap sejarah Islam dan autoriti tradisi sebagai justifikasi menolak dakwah dan tuntutan komitmen agama;

Kalau manusia boleh mencapai Tuhan/Kebaikan/Kebahagiaan tanpa memerlukan perantaraan agama, maka apa perlunya lagi mereka kepada Islam. Aku pegang dua azimat ini, ‘Lakum dinukum wa liyadin’, ‘La ikraha fid din’ dan aku tak berminat dengan sentimen mengajak orang beramai-ramai masuk Islam.

Petikan ini mencerminkan satu bentuk penafian sosial terhadap agama sebagai sistem kebenaran, apabila agama digambarkan sebagai sumber konflik sejarah dan kekeliruan mazhab. Dari perspektif Fairclough(1995), wacana ini berfungsi untuk membentuk kesedaran sosial baharu yang memandang komitmen keagamaan sebagai beban, bukan kewajipan. Dakwah pula digambarkan sebagai agenda yang dilihat bermasalah dan tidak relevan dalam dunia moden.

Sebaliknya, menurut Az Zuhaili (2000) Islam meletakkan kebebasan beragama dalam kerangka yang seimbang antara pilihan dan tanggungjawab. Islam mengiktiraf bahawa iman tidak boleh dipaksakan, namun pada masa yang sama menegaskan bahawa keimanan membawa implikasi moral, hukum dan sosial. Firman Allah SWT (Al-Ahzab :36);

وَمَا كَانَ لِمُؤْمِنٍ وَلَا مُمْمِنَةٍ إِذَا قَضَىٰ اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَمْرًا أَنْ يَكُونَ لَهُمُ الْخِيَرَةُ مِنْ أَمْرِهِمْ وَمَنْ يَعْصِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ فَقَدْ ضَلَّ ضَلَالًا مُّبِينًا

Maksudnya;

Dan tidaklah harus bagi orang lelaki yang beriman dan juga bagi orang perempuan yang beriman, apabila Allah dan Rasul-Nya telah menetapkan sesuatu perkara, mereka mempunyai pilihan yang lain dalam urusan mereka; dan sesiapa yang menderhaka kepada Allah dan Rasul-Nya, maka sesungguhnya ia telah sesat dengan kesesatan yang nyata

Ayat ini menegaskan bahawa kebebasan dalam Islam terikat dengan ketaatan kepada wahyu, bukan kebebasan mutlak yang bebas daripada sempadan yang ditentukan oleh Ilahi. Dari sudut amalan sosial, perbezaan ini amat signifikan kerana ia menentukan sama ada agama berfungsi sebagai sistem nilai kolektif atau sekadar pilihan peribadi. Tambahan pula, kebebasan dalam Islam terikat dengan ketaatan kepada wahyu, bukan kebebasan mutlak yang terlepas daripada sempadan (az-Zuhaili, 2000). Dari sudut amalan sosial, perbezaan ini membentuk corak kehidupan beragama dalam masyarakat, sama ada agama berfungsi sebagai kerangka moral bersama yang mengawal tingkah laku sosial, atau sekadar menjadi pilihan individu yang tidak lagi mempunyai autoriti mutlak dalam ruang awam.

Kesimpulannya, analisis dapatan ini menunjukkan bahawa kebebasan beragama yang diperjuangkan oleh kumpulan Islam liberal bukan sekadar isu teologi, tetapi merupakan projek sosial yang selari dengan wacana liberalisme global. Melalui penekanan terhadap hak individu, penolakan autoriti agama dan penggunaan selektif teks agama, wacana ini berpotensi merombak struktur sosial Islam secara menyeluruh. Dalam kerangka Analisis Wacana Kritis Fairclough, kebebasan beragama versi liberal berfungsi sebagai amalan sosial yang menormalisasikan relativisme agama, melemahkan autoriti syariah, dan mengalihkan Islam daripada sistem kehidupan kepada identiti simbolik semata-mata

b. Kebebasan berperilaku

Perbincangan mengenai kebebasan berperilaku merupakan salah satu tonggak utama dalam wacana Islam liberal yang sering diketengahkan dalam penulisan buku Indie. Pendukung Islam liberal menegaskan bahawa kebebasan individu dalam bertingkah laku dan bermoral harus diberikan seluas-luasnya selagi mana ia tidak mendatangkan mudarat langsung kepada keselamatan orang lain. Kebebasan ini difahami sebagai ruang peribadi yang tidak wajar dicampuri oleh autoriti luar sama ada negara mahupun institusi agama, bahkan dianggap sebagai urusan eksklusif antara individu dengan Tuhan. Dalam kerangka ini, agama tidak lagi berfungsi sebagai sistem nilai sosial yang mengikat, sebaliknya disempitkan fungsinya menjadi pilihan peribadi dan pengalaman spiritual yang bersifat subjektif.

Pandangan ini sejajar dengan prinsip liberalisme moral yang memberi penekanan tinggi terhadap autonomi individu. Fawcett (2014) menjelaskan bahawa liberalisme menuntut penghormatan terhadap kebebasan individu untuk menentukan tujuan hidup, pandangan dan kepercayaannya sendiri tanpa paksaan pihak lain, termasuklah aturan moral yang ditentukan oleh agama. Dalam konteks ini, autoriti agama dilihat sebagai satu bentuk kekangan terhadap kebebasan diri, manakala campur tangan negara dalam mengawal tingkah laku moral dianggap sebagai pelanggaran hak asasi manusia. Kefahaman kebebasan yang sedemikian akhirnya meletakkan akal dan logik manusia sebagai neraca utama dalam menentukan baik dan buruk, benar dan salah, dengan mengetepikan kerangka wahyu serta disiplin ilmu agama yang muktabar.

Menggunakan pendekatan Analisis Wacana Kritis oleh Norman Fairclough, dimensi amalan sosial menuntut penelitian terhadap bagaimana sesuatu wacana berfungsi dalam membentuk struktur sosial, hubungan kuasa dan ideologi yang mendasarinya. Dalam konteks kebebasan berperilaku, wacana Islam liberal bukan sekadar himpunan idea abstrak, tetapi berperanan aktif dalam menstrukturkan sikap sosial masyarakat terhadap norma agama, autoriti moral dan konsep dosa-pahala. Terkait dengan penulisan buku Indie, kebebasan berperilaku sering ditingkaikan sebagai reaksi terhadap apa yang digambarkan sebagai sikap ‘sempit’, ‘defensif’ dan ‘menindas’ oleh masyarakat beragama. Wacana ini menggambarkan individu yang menuntut kebebasan sebagai mangsa penindasan sosial, manakala masyarakat yang berpegang kepada norma agama dipersembahkan sebagai pihak yang jumud dan tidak mempunyai sikap toleransi yang baik. Peningkaian sedemikian dapat dilihat secara jelas dalam petikan SB3(2014 :91) berikut yang dikekalkan sebagaimana asalnya;

Kamu tahu tidak, pada zaman ini, masih saja ada sekelompok manusia yang berfikiran sempit? Justeru mereka asyik takut, dan bersikap defensif yang tak disangka, spontan terungkap dan bersikap defensif bila ideologi yang membentuk cara hidup mereka dicabar oleh perbuatan orang-orang sekitar mereka, yang bergerak melawan arus mereka. Melihatnya begitu meneliti tiap butir bicaraku dengan penuh semangat aku sambung. Walhal setiap manusia itu berhak memilih hidupnya sendiri, selagi tidak menyusahkan hidup orang. Itu hak asasi manusia. Seperti saya yang menyukai *Gay*.

Jika dianalisis dari sudut amalan sosial, petikan ini memperlihatkan bagaimana identiti seksual yang tidak menepati fitrah seperti gay dan lesbian dinormalisasikan melalui wacana hak asasi manusia. Tingkah laku yang secara tradisinya dinilai bertentangan dengan norma agama dan budaya majoriti dipersembahkan sebagai ekspresi kebebasan individu yang sah. Sebarang penolakan terhadap gaya hidup tersebut kemudiannya ditafsirkan sebagai sikap tidak rasional, sempit dan melanggar prinsip kemanusiaan. Ini menunjukkan proses legitimasi sosial terhadap tingkah laku yang bercanggah dengan kerangka moral Islam melalui bahasa hak, kebebasan dan autonomi diri. Proses ini secara tidak langsung membentuk tekanan berwajah baharu dalam masyarakat, di mana nilai agama dipinggirkan daripada ruang awam, manakala

kerangka liberal dimartabatkan sebagai ukuran moral sejagat yang tidak wajar dipersoalkan atau dicabar.

Amalan sosial kebebasan berperilaku dalam wacana Islam liberal turut disokong oleh proses sekularisasi moral, iaitu pemisahan agama daripada ruang pengawalan tingkah laku awam. Hal ini jelas dalam petikan SB1 (Faisal 2016:104) yang membincangkan isu *Oktoberfest* dan penggunaan alkohol;

Oktoberfest adalah pesta arak. Dalam sebuah masyarakat yang majmuk, alasan yang lebih pandai dan rasional harus diberikan untuk mengharamkan, melarang atau mencegah penggunaan alkohol berbanding alasan agama. Apa yang menyebabkan larangan terhadap *Oktoberfest* menjadi satu kemarahan buat sesetengah orang adalah kerana alasan agama telah digunakan untuk mencegah arak. Pandangan Islam telah dipaksakan terhadap masyarakat yang ternyata mempunyai sejarah sekular yang tepu. Jelas sekali, orang Melayu telah komited dengan sekularisme sejak era Kesultanan Melaka lagi. Adalah lebih bijak sekiranya premis lain digunakan untuk mengekang pesta arak.

Petikan ini mencerminkan satu amalan sosial yang penting, iaitu penolakan terhadap legitimasi hujah agama dalam penggubalan norma awam. Agama digambarkan sebagai tidak relevan dalam masyarakat majmuk dan hanya sesuai berada dalam ruang peribadi. Larangan terhadap arak tidak ditolak secara total, namun justifikasi agama dianggap tidak rasional dan tidak wajar. Sebaliknya, hujah sekular seperti kesihatan awam atau ketenteraman sosial diangkat sebagai lebih ‘bijak’ dan diterima umum. Dalam kerangka Fairclough, ini menunjukkan bagaimana kuasa wacana sekular digunakan untuk meminggirkan autoriti agama dan mengukuhkan hegemoni nilai liberal dalam ruang sosial. Keadaan ini mencerminkan peralihan struktur kuasa dalam masyarakat, apabila wacana sekular berfungsi sebagai wacana dominan yang menentukan sempadan rasional dan keabsahan hujah dalam ruang awam. Akibatnya, pandangan agama bukan sahaja diketepikan, malah dituduh sebagai punca ketegangan sosial. Proses ini menormalkan sekularisasi nilai dan mengukuhkan persepsi bahawa agama tidak lagi mempunyai autoriti moral dalam mengatur kehidupan bersama

Meneliti dari sudut amalan sosial, kebebasan berperilaku yang dipromosikan oleh pendukung Islam liberal membawa implikasi besar terhadap struktur moral masyarakat Islam. Apabila kebebasan individu dijadikan prinsip tertinggi, norma agama tidak lagi berfungsi sebagai rujukan kolektif, sebaliknya tunduk kepada tafsiran subjektif individu. Hal ini membuka ruang kepada relatif moral, iaitu ketiadaan piawaian nilai yang tetap dan mengikat. Tingkah laku yang sebelum ini dinilai sebagai salah atau menyimpang kini dinilai neutral atau diterima atas dasar pilihan peribadi.

Sebaliknya, Islam meletakkan kebebasan dalam kerangka tanggungjawab kepada Allah dan kesejahteraan masyarakat. Kebebasan bukanlah mutlak, tetapi terikat dengan batasan syarak yang bertujuan memelihara fitrah manusia seperti mana firman Allah SWT (Al-A'raf ayat 7: 33);

قُلْ إِنَّمَا حَرَّمَ رَبِّي الْفَوَاحِشَ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ وَالْإِثْمَ وَالْبَغْيَ بِغَيْرِ الْحَقِّ وَأَنْ تُشْرِكُوا
بِاللَّهِ مَا لَمْ يُنَزِّلْ بِهِ سُلْطَانًا وَأَنْ تَقُولُوا عَلَى اللَّهِ مَا لَا نَعْلَمُونَ

Maksudnya:

Katakanlah: 'Sesungguhnya Tuhanku hanya mengharamkan perbuatan-perbuatan yang keji, sama ada yang nyata atau yang tersembunyi; dan dosa; dan perbuatan zalim tanpa kebenaran; dan (diharamkan-Nya) kamu mempersekutukan Allah dengan sesuatu yang Allah tidak menurunkan keterangan mengenainya; dan (diharamkan-Nya) kamu memperkatakan terhadap Allah apa yang kamu tidak mengetahui.

Ayat ini menegaskan bahawa pengharaman terhadap tingkah laku tertentu bukan bersifat sewenang-wenangnya, tetapi berasaskan hikmah Ilahi bagi menjaga maruah dan kesejahteraan manusia. Dalam konteks ini, kebebasan berperilaku yang menolak sebarang kawalan agama berpotensi meruntuhkan asas moral masyarakat dan mengaburkan konsep tanggungjawab sosial. Justeru, larangan syarak perlu difahami sebagai mekanisme perlindungan terhadap fitrah manusia dan kestabilan sosial, bukannya sekatan yang bersifat menindas. Apabila prinsip kebebasan individu diangkat tanpa batasan wahyu, tingkah laku moral menjadi relatif dan subjektif. Keadaan ini bukan sahaja melemahkan kawalan sendiri berasaskan iman, malah berisiko menormalisasikan amalan yang bercanggah dengan nilai akhlak Islam serta merencatkan fungsi agama sebagai panduan kehidupan bermasyarakat.

Selain itu, Islam menegaskan tentang prinsip ketaatan kepada ketetapan Allah dan Rasul sebagai asas kehidupan beragama seperti mana firman Allah SWT (Al-Ahzab 33: 36);

وَمَا كَانَ لِمُؤْمِنٍ وَلَا مُؤْمِنَةٍ إِذَا قَضَىٰ اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَمْرًا أَنْ يَكُونَ لَهُمُ الْخِيَرَةُ مِنْ أَمْرِهِمْ ۗ وَمَنْ يَعْصِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ فَقَدْ ضَلَّ ضَلَالًا مُّبِينًا

Maksudnya;

Dan tidaklah harus bagi orang lelaki yang beriman dan juga bagi orang perempuan yang beriman, apabila Allah dan Rasul-Nya telah menetapkan sesuatu perkara, mereka mempunyai pilihan yang lain dalam urusan mereka; dan sesiapa yang menderhaka kepada Allah dan Rasul-Nya, maka sesungguhnya ia telah sesat dengan kesesatan yang nyata.

Ayat ini menunjukkan bahawa kebebasan dalam Islam tidak bersifat autonomi mutlak, sebaliknya terikat dengan wahyu sebagai sumber autoriti yang tertinggi. Dari sudut amalan sosial, prinsip ini berfungsi sebagai mekanisme kawalan moral kolektif yang memastikan kebebasan individu tidak bercanggah dengan kemaslahatan umum. Prinsip ketaatan ini membentuk kerangka sosial yang menyeimbangkan antara hak individu dan tanggungjawab bersama. Kebebasan tidak difahami sebagai hak mutlak tanpa batas, tetapi sebagai amanah yang tertakluk kepada nilai syariah. Dengan itu, wahyu berfungsi sebagai rujukan utama bagi mencegah kekacauan moral serta mengekalkan keharmonian dan kestabilan dalam kehidupan bermasyarakat.

Melalui analisis amalan sosial, jelas bahawa wacana kebebasan berperilaku dalam Islam liberal berperanan menstrukturkan masyarakat ke arah penerimaan nilai-nilai sekular dan liberal sebagai norma baharu. Bahasa yang digunakan dalam buku Indie bukan sahaja mencerminkan pandangan penulis, tetapi turut membentuk persepsi pembaca terhadap agama, autoriti dan moral. Dengan menormalisasikan kebebasan tanpa batas agama, wacana ini secara tidak langsung melemahkan atau mengecilkan peranan Islam sebagai sistem nilai menyeluruh.

Kesannya, agama berisiko diletakkan menjadi simbol identiti atau pengalaman spiritual peribadi, manakala ruang awam dikosongkan daripada panduan wahyu. Dalam jangka panjang, hal ini boleh membawa kepada salah tanggapan terhadap fungsi moral

dan kekeliruan nilai dalam masyarakat Islam, khususnya dalam kalangan generasi muda yang terdedah secara intensif kepada wacana buku Indie dan media baharu. Keadaan ini juga turut melemahkan peranan institusi agama sebagai rujukan etika bersama serta menyukarkan usaha pembentukan akhlak berteraskan nilai Islam. Akhirnya, masyarakat berdepan risiko normalisasi relatif moral yang mengaburkan sempadan antara kebebasan individu dan pelanggaran prinsip agama.

Secara keseluruhannya, kebebasan berperilaku yang diperjuangkan oleh pendukung Islam liberal, sebagaimana tercermin dalam penulisan buku Indie, bukan sekadar isu kebebasan individu, tetapi merupakan satu wacana ideologi yang mempunyai implikasi sosial yang mendalam. Melalui analisis wacana kritis Fairclough pada dimensi amalan sosial, dapat dilihat bagaimana wacana ini berfungsi menstrukturkan semula hubungan antara individu, agama dan masyarakat dengan meminggirkan autoriti wahyu serta mengangkat autonomi individu sebagai nilai tertinggi. Dalam perspektif Islam, kebebasan yang terpisah daripada batasan Ilahi bukan sahaja mencabar asas epistemologi agama, malah berpotensi menghakis keseimbangan sosial dan fitrah kemanusiaan yang ingin dipelihara oleh syariat.

c. Kebebasan berpendapat

Tuntutan terhadap kebebasan berpendapat merupakan salah satu elemen penting dalam kerangka pemikiran Islam liberal yang kerap diketengahkan dalam wacana buku Indie. Kebebasan berpendapat dalam konteks ini bukan sekadar merujuk kepada hak menyuarakan pandangan secara umum, tetapi melibatkan tuntutan autoriti individu untuk mentafsir, menilai dan mengemukakan ijtihad agama tanpa terikat kepada autoriti ulama, institusi agama atau kerangka disiplin ilmu Islam yang mapan. Golongan Islam liberal berhujah bahawa pandangan ulama dan agamawan tidak semestinya benar atau relevan dalam semua konteks semasa, justeru ia wajar dicabar, dipersoalkan dan ditafsirkan semula berdasarkan pengalaman serta rasional individu.

Dalam kerangka pemikiran ini, kebebasan berpendapat dianggap sebagai hak asasi yang perlu diberikan sepenuhnya kepada setiap individu tanpa mengira kedudukan, status keilmuan, latar agama mahupun peranan sosial. Tuntutan ini sering diselaraskan dengan konsep demokrasi liberal yang menekankan kebebasan bersuara

sebagai asas kepada kematangan politik dan intelektual masyarakat. Menurut pandangan pendukung Islam liberal, sebarang bentuk kawalan, penapisan atau sekatan terhadap pandangan yang dianggap menyimpang atas nama agama dilihat sebagai tindakan ekstrem yang menghalang perkembangan pemikiran rakyat serta membantutkan proses reformasi agama.

Hujah ini dapat dilihat dengan jelas dalam petikan daripada SB 4 halaman 56 yang menyatakan:

Reformis agama akan terbantut selagi agama tidak bergerak dalam ranah yang bebas, yakni tidak tercangkuk dengan pemerintahan atau kuasa dominan, yang merasakan agama menjadi milik negara, dengan interpretasi dari golongan mereka sebagai mutlak, lantas memaksakan fahamannya ke atas lain.

Petikan ini mencerminkan pandangan bahawa agama seharusnya beroperasi dalam ruang yang bebas daripada pengaruh kuasa politik dan institusi dominan. Agama dilihat tidak wajar dimiliki oleh negara atau ditafsirkan secara eksklusif oleh autoriti tertentu. Sebaliknya, tafsiran agama dianggap terbuka kepada pelbagai bacaan dan pandangan individu. Wacana sebegini jelas memperlihatkan pengaruh pemikiran sekularisme dan liberalisme yang menuntut pemisahan agama daripada struktur kuasa serta menolak keabsahan autoriti agama tradisional.

Namun demikian, dari perspektif epistemologi Islam, kebebasan berpendapat tidak difahami sebagai kebebasan mutlak tanpa sempadan. Islam mengiktiraf peranan akal, dialog dan perbezaan pandangan, tetapi kebebasan tersebut tetap terikat kepada kerangka wahyu, disiplin ilmu dan adab ikhtilaf. Al-Quran sendiri mengiktiraf kepelbagaian pandangan dan peranan ilmu, sebagaimana firman Allah SWT (Az-Zumar 39: 9);

أَمَّنْ هُوَ قُتِبَتْ ءَانَاءُ اللَّيْلِ سَاجِدًا وَقَائِمًا يَحْذَرُ الْآخِرَةَ وَيَرْجُوا رَحْمَةَ رَبِّهِ قُلْ هَلْ يَسْتَوِي
الَّذِينَ يَعْلَمُونَ وَالَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ إِنَّمَا يَتَذَكَّرُ أُولُو الْأَلْبَابِ

Maksudnya;

Adakah sama orang yang taat beribadat pada waktu malam dengan sujud dan berdiri, sambil ia takutkan (azab) akhirat serta mengharap

rahmat Tuhannya, dengan orang yang tidak demikian? Katakanlah: 'Adakah sama orang-orang yang mengetahui dengan orang-orang yang tidak mengetahui?' Sesungguhnya orang-orang yang berakal fikiran sahaja yang dapat mengambil pelajaran."

Ayat ini menegaskan perbezaan martabat antara mereka yang berilmu dan mereka yang tidak berilmu. Dalam konteks kebebasan berpendapat, Islam tidak menyamaratakan semua pandangan tanpa mengambil kira latar ilmu, metodologi dan kelayakan seseorang. Kebebasan menyuarakan pandangan dalam isu agama perlu disertai dengan tanggungjawab ilmu, kefahaman terhadap sumber wahyu dan penghormatan terhadap tradisi keilmuan Islam yang telah terbina melalui disiplin yang ketat.

Selain itu, Islam menetapkan bahawa autoriti tertinggi dalam menentukan kebenaran agama adalah wahyu, bukan kehendak individu atau konsensus majoriti. Hal ini ditegaskan oleh Allah SWT (Al-Ahzab 33: 36):

وَمَا كَانَ لِمُؤْمِنٍ وَلَا لِمُؤْمِنَةٍ إِذَا قَضَىٰ اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَمْرًا أَنْ يَكُونَ لَهُمُ الْخِيَرَةُ مِنْ أَمْرِهِمْ ۗ وَمَنْ يَعْصِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ فَقَدْ ضَلَّ ضَلًّا مُّبِينًا

Maksudnya;

Dan tidaklah harus bagi orang lelaki yang beriman dan juga bagi orang perempuan yang beriman, apabila Allah dan Rasul-Nya telah menetapkan sesuatu perkara, mereka mempunyai pilihan yang lain dalam urusan mereka; dan sesiapa yang menderhaka kepada Allah dan Rasul-Nya, maka sesungguhnya ia telah sesat dengan kesesatan yang nyata.

Ayat ini memberikan asas yang jelas bahawa kebebasan memilih dan berpendapat dalam Islam tidak boleh bercanggah dengan ketetapan Allah dan Rasul-Nya. Oleh itu, sebarang tuntutan kebebasan berpendapat yang membawa kepada penolakan hukum syarak yang qat'i atau meremehkan autoriti wahyu secara implisit bertentangan dengan asas akidah Islam.

Menurut Mohd Rashidi (2017) wacana Islam liberal, penolakan terhadap autoriti ulama sering digambarkan sebagai usaha membebaskan agama daripada dominasi tafsiran 'elit agama'. Namun, dari sudut pandang Islam, ulama bukanlah autoriti mutlak

yang kebal daripada kritikan, tetapi mereka berfungsi sebagai pewaris ilmu kenabian yang memahami wahyu melalui metodologi yang sahih. Menafikan peranan ulama secara total berpotensi membawa kepada kekeliruan epistemologi, di mana agama ditafsirkan berdasarkan pengalaman peribadi, emosi atau kecenderungan ideologi semata-mata (al-Attas 1995; Kamali 2010).

Tambahan pula, hujah bahawa sekatan terhadap pandangan yang menyesatkan akan menghalang kematangan demokrasi perlu diteliti secara kritis. Dalam Islam, kebebasan berpendapat sentiasa disertai dengan konsep tanggungjawab sosial dan masalah umum. Pandangan yang berpotensi mengelirukan akidah umat atau merosakkan struktur nilai masyarakat tidak dianggap sebagai hak mutlak individu, tetapi tertakluk kepada prinsip amar makruf nahi mungkar seperti mana firman Allah SWT (Al-Imran 3:104):

وَلْتَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَأُولَئِكَ هُمُ
الْمُفْلِحُونَ

Maksudnya;

“Dan hendaklah ada di antara kamu satu golongan yang menyeru kepada kebaikan, dan menyuruh berbuat perkara-perkara yang baik, serta melarang daripada perkara-perkara yang salah (buruk dan keji). Dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya

Ayat ini menegaskan bahawa Islam meletakkan tanggungjawab kolektif untuk menjaga kebenaran dan mencegah kemudarat, termasuk dalam ruang wacana dan pemikiran. Oleh itu, kebebasan berpendapat tidak boleh digunakan sebagai justifikasi untuk menyebarkan pandangan yang bercanggah dengan prinsip asas Islam atau menafikan kebenaran wahyu. Ayat ini menegaskan bahawa kebebasan berpendapat dalam Islam sentiasa terikat dengan etika, amanah ilmu dan kemaslahatan ummah. Setiap pandangan yang dizahirkan perlu dipertanggungjawabkan secara moral dan syarak agar tidak menimbulkan kekeliruan akidah atau kerosakan nilai dalam masyarakat Islam

Berbalik semula kepada kandungan buku Indie, wacana kebebasan berpendapat sering dipersembahkan dalam bentuk naratif kritikal, provokasi dan bersifat menentang

terhadap institusi agama. Pendekatan ini secara tidak langsung membentuk persepsi pembaca bahawa autoriti agama bersifat mengekang, anti-intelektual dan tidak relevan dengan realiti semasa. Hal ini sejajar dengan analisis Fairclough (1995) dalam dimensi amalan sosial, di mana wacana tidak hanya mencerminkan realiti, tetapi turut membentuk struktur pemikiran dan nilai masyarakat. Dalam hal ini, kebebasan berpendapat versi Islam liberal berfungsi sebagai alat ideologi untuk menormalisasikan penolakan autoriti agama dan mengangkat autonomi individu sebagai nilai tertinggi. Wacana sedemikian akhirnya menyumbang kepada peralihan kerangka pemikiran pembaca daripada rujukan berasaskan wahyu dan tradisi keilmuan kepada penilaian subjektif individu. Dalam jangka panjang, tanggapan ini berpotensi melemahkan kepercayaan terhadap institusi agama serta mengaburkan sempadan antara kebebasan intelektual dan kebebasan ideologi yang tidak berpaksikan nilai Islam.

Kesimpulannya, tuntutan kebebasan berpendapat dalam pemikiran Islam liberal, seperti yang dizahirkan dalam penulisan buku Indie, memperlihatkan pertembungan yang jelas antara paradigma liberal-sekular dan kerangka epistemologi Islam. Walaupun Islam mengiktiraf kebebasan berfikir, berdialog dan berbeza pandangan, kebebasan tersebut tidak bersifat mutlak dan sentiasa terikat kepada wahyu, disiplin ilmu serta tanggungjawab sosial. Penolakan autoriti ulama dan pengagungan kebebasan individu tanpa batas berpotensi membawa kepada relativisme agama dan kekeliruan akidah, sekali gus merombak fungsi agama daripada sistem nilai kolektif kepada pilihan peribadi semata-mata.

4.4.4 Mendukung pluralisme agama

Elemen pemikiran Islam liberal yang ke tiga adalah mempromosi dan menyokong pluralisme agama. Dalam hal ini golongan Islam liberal telah melihat kedudukan semua agama adalah sama. Terdapat tiga parameter yang boleh menjelaskan maksud pluralisme agama berdasarkan kepada pembacaan pengkaji menerusi karya-karya yang membincangkan pluralisme agama. Pertama, golongan ini menyatakan taraf semua agama adalah sama (*Transcedent Unity of Religious*). Kedua, semua manusia yang baik akan masuk syurga walaupun dia bukan penganut agama Islam dan ketiga, semua agama tidak memiliki sifat kebenaran mutlak dan kebenaran agama itu bersifat relatif termasuklah agama Islam. Berkaitan dengan hal ini, pengkaji turut melampirkan

penghuraian elemen ini dalam bentuk jadual yang disertakan di bawah bagi memudahkan lagi memahami elemen ke tiga kerangka pemikiran Islam liberal ini.

Merujuk kepada analisis wacana yang dijalankan terhadap lima buah sampel buku Indie (SB1–SB5), dapatan kajian menunjukkan bahawa elemen pluralisme agama hanya dapat dikenal pasti dalam SB1, SB2 dan SB3, manakala elemen tersebut tidak ditemui dalam SB4 dan SB5. Dari sudut tahap teks, ketiadaan pluralisme dalam SB4 berkait rapat dengan fokus penulisannya yang lebih menekankan wacana sekularisme dan kebebasan individu, selari dengan pengakuan penulisnya yang berpegang kepada pendirian agnostik serta menunjukkan sikap skeptikal terhadap agama. Pada tahap amalan wacana, SB4 memperlihatkan strategi penulisan yang mengelakkan perbincangan tentang kepelbagaian agama dan interaksi antara kepercayaan, sebaliknya menormalisasikan pemisahan agama daripada ruang awam dan pemikiran sosial. Begitu juga dengan SB5, yang lebih tertumpu kepada naratif ketidakadilan sosial, kehidupan golongan pekerja dan masyarakat berpendapatan rendah di kawasan bandar, walaupun terdapat kritikan terhadap autoriti agama yang dianggap gagal memainkan peranan signifikan dalam menangani isu tersebut; namun kritikan ini tidak berkembang kepada perbincangan pluralisme agama secara langsung.

Sebaliknya, SB1, SB2 dan SB3 secara konsisten memaparkan elemen pluralisme yang jelas, bukan sahaja melalui kandungan naratif, malah dapat dikesan seawal peringkat tajuk penulisan seperti '*Tuhan Untuk Ultraman*', 'Seorang Muslim, Seorang Lutheran' dan 'Pengantin Hindu Bernama Zareena', yang berfungsi sebagai petunjuk awal kepada kecenderungan wacana yang mengangkat kepelbagaian identiti dan pengalaman keagamaan. Pada tahap amalan sosial, pemilihan tajuk dan naratif ini mencerminkan usaha menormalisasikan pluralisme sebagai realiti sosial yang wajar diterima tanpa sempadan akidah yang jelas, sejajar dengan kerangka pemikiran Islam liberal yang menekankan relativisme dan kesetaraan agama (Nurazimah & Nurul Syafini 2018). Oleh itu, perbincangan lanjut akan memfokuskan kepada bentuk, strategi wacana dan implikasi ideologi pluralisme agama yang diketengahkan dalam SB1, SB2 dan SB3 secara lebih terperinci dalam subtopik seterusnya.

a. Taraf semua agama adalah sama

Dalam wacana pemikiran Islam liberal, pluralisme agama merupakan antara elemen utama yang sering diketengahkan sebagai manifestasi kepada kefahaman agama yang bersifat inklusif dan terbuka. Secara umumnya, golongan pendukung pluralisme agama dalam kalangan masyarakat Islam mentakrifkan pluralisme sebagai penerimaan terhadap kepelbagaian agama serta pengiktirafan terhadap kewujudan dan hak penganut agama lain untuk mengamalkan kepercayaan masing-masing. Hussin Mutalib (2007) misalnya mentakrifkan pluralisme agama sebagai penerimaan terhadap kepelbagaian agama yang menurutnya dianjurkan oleh Islam, malah beliau berhujah bahawa kepelbagaian agama merupakan ketentuan Tuhan dan oleh itu tidak wajar wujud sebarang paksaan dalam beragama. Pandangan ini merupakan lanjutan daripada gagasan pluralisme agama yang dikemukakan oleh Hick (1988), yang menyatakan bahawa kepercayaan manusia daripada pelbagai agama adalah setaraf, manakala perbezaan antara agama hanyalah terletak pada aspek ritual dan tradisi keagamaan.

Ringkasnya, salah satu ciri utama pemikiran pluralisme agama ialah tanggapan bahawa semua agama berpunca daripada Tuhan dan sumber yang satu, yang sering dirumuskan melalui konsep *Transcendent Unity of Religions*. Berdasarkan kerangka ini, semua agama dianggap menyembah Tuhan yang sama, manakala perbezaan antara agama hanyalah pada jalan, wasilah atau pendekatan menuju kepada Tuhan tersebut. Mahmoud Ayoub (2005) turut menyatakan bahawa pluralisme agama merujuk kepada pengiktirafan terhadap kepelbagaian agama dalam masyarakat serta penerimaan keabsahan kepercayaan agama-agama tersebut pada piawaian yang sama. Implikasi daripada kefahaman ini ialah anjuran untuk mengabaikan tuntutan kebenaran eksklusif agama sendiri dan mengiktiraf kebenaran yang merentasi sempadan agama.

Merujuk kepada konteks kajian ini, elemen pluralisme agama yang meletakkan taraf semua agama sebagai sama telah dikenal pasti secara jelas dalam tiga buah sampel buku Indie, iaitu SB1, SB2 dan SB3. Dari sudut amalan sosial menurut Analisis Wacana Kritis Fairclough (1992), kewujudan elemen ini tidak boleh dilihat sekadar sebagai pilihan gaya penulisan individu, sebaliknya mencerminkan satu kecenderungan ideologi yang berfungsi dalam konteks sosial yang lebih luas, iaitu usaha

menormalisasikan pluralisme agama sebagai nilai moral dan intelektual dalam masyarakat Muslim kontemporari.

Dalam SB1, elemen pluralisme agama dapat dikesan secara eksplisit melalui pengiktirafan terhadap kesamaan taraf semua penganut agama. Artikel bertajuk “*Tuhan Untuk Ultraman*” dalam SB1 misalnya, secara jelas membawa gagasan bahawa semua agama akhirnya menuju kepada Tuhan yang sama, dan perbezaan cara penyembahan hanyalah bersifat pinggiran sahaja. Petikan tersebut menyatakan (SB1 2016:46); “...*Di akhirnya, yang jelas adalah Allah adalah Tuhan untuk semua kerana Allah adalah Tuhan, Yang Maha Menciptakan. Bagaimana ia disembah dan bagaimana dirujuk adalah perihal lain pula...*” Petikan ini jelas memperlihatkan dengan jelas pendirian pengiktirafan terhadap kesamaan taraf semua agama.

Manakala perspektif amalan sosial pula, wacana ini berfungsi untuk menyamaratakan konsep ketuhanan merentasi agama-agama berbeza, sekali gus menormalisasikan idea bahawa perbezaan akidah tidak lagi signifikan. Penulis menggunakan hujah rasional dan logik akal semata-mata bagi mengabsahkan kesamaan tersebut, tanpa merujuk kepada autoriti wahyu sebagai neraca penentu kebenaran. Pendekatan ini selari dengan ciri pemikiran Islam liberal yang meletakkan rasionalisme sebagai asas utama dalam menilai kebenaran agama.

Dakwaan kesamaan taraf agama ini turut diperkukuhkan melalui artikel ‘MH370, Maira Mengajar Kam’ dalam SB1. Artikel ini mengisahkan kesedihan seorang anak perempuan beragama Kristian bernama Maira atas kematian bapanya yang terkorban dalam tragedi MH370. Walaupun dari sudut kemanusiaan kisah ini menyentuh emosi, namun penulis telah melangkaui batas akidah apabila menghadiahkan bacaan al-Fatihah dan selawat kepada seorang bukan Muslim seperti dalam SB1 (Faisal 2016:13) berikut, “...*Untuk keyakinan dan kekuatanmu Maira, kami membacakan buat bapamu... serangkai selawat. Juga al-Fatihah.*” Lebih jauh daripada itu, penulis turut memberikan pengiktirafan taraf “mukmin” kepada Maira, seorang penganut Kristian, seperti yang dinyatakan dalam petikan SB1 (Faisal 2016:13) berikut “...*Sungguh Maira, redhamu itu adalah redha orang mukmin...*”

Menurut Ibn Kathir (1996), ayat ini menegaskan bahawa taraf mukmin yang sebenar hanya diberikan kepada mereka yang beriman kepada Allah dan Rasul-Nya serta tunduk kepada syariat Islam. Justeru, pemberian status mukmin kepada penganut Kristian mencerminkan kekeliruan epistemologi yang selari dengan konsep *Transcendent Unity of Religions*, namun bercanggah dengan akidah Islam.

Dari sudut amalan sosial, tindakan ini mencerminkan satu bentuk peralihan norma keagamaan, di mana konsep iman tidak lagi ditentukan oleh akidah dan kepercayaan kepada Islam sebagai agama yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW, sebaliknya di tafsir semula berdasarkan nilai emosi, ketabahan dan kemanusiaan sejagat. Walaupun ketabahan Maira boleh dihargai dari sudut moral, namun pengiktirafan taraf mukmin kepada bukan Muslim jelas bertentangan dengan panduan wahyu. Al-Quran telah menetapkan kriteria orang beriman secara jelas, seperti firman Allah SWT (Al-Anfal 8:2-3);

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ الَّذِينَ إِذَا ذُكِرَ اللَّهُ وَجِلَتْ قُلُوبُهُمْ وَإِذَا تُلِيَتْ عَلَيْهِمْ آيَاتُهُ زَادَتْهُمْ إِيمَانًا وَعَلَىٰ رَحْمَةٍ يُتَوَكَّلُونَ الَّذِينَ يُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَمِمَّا رَزَقْنَاهُمْ يُنْفِقُونَ

Maksudnya;

Sesungguhnya orang-orang yang beriman itu ialah mereka yang apabila disebut nama Allah, gemetarlah hati mereka; dan apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayat-Nya, bertambahlah iman mereka; dan kepada Tuhan merekalah mereka berserah diri. Iaitu orang-orang yang mendirikan sembahyang dan yang mendermakan sebahagian daripada rezeki yang Kami kurniakan kepada mereka.

Elemen yang sama turut ditemui dalam SB2. Dalam artikel “Al-Fatihah (Buat Nelson Mandela)”, penulis tanpa rasa janggal menghadiahkan bacaan al-Fatihah kepada Nelson Mandela, seorang tokoh Kristian seperti berikut (SB2 2014:210) “...*Bismillahir rahmanir rahim...dengan nama tuhan, orang-orang tertindas seluruh dunia, dengarlah, Alhamdullilahi rabbil alamin, segala puji dan puja kepada setiap jiwa-jiwa yang tega melawan penindasan...*” Petikan ini jelas memperlihatkan bagaimana makna al-Fatihah di tafsir dan telah ditanggalkan maknanya daripada konteks ibadah dan digunakan sebagai simbol kemanusiaan sejagat.

Dari sudut amalan sosial, penulisan ini menunjukkan bagaimana simbol dan ritual Islam digunakan secara lintas agama bagi menyokong naratif keadilan sosial dan kemanusiaan, sehingga mengaburkan sempadan akidah (Khadijah et al. 2014). Kekaguman terhadap tokoh tertentu menjadi asas legitimasi untuk menyamaratakan kedudukan agama, sekali gus memperkuat idea bahawa semua agama adalah setara di sisi Tuhan.

Begitu juga, SB3 pula menampilkan elemen pluralisme agama secara lebih halus dan bersifat akademik. Artikel bertajuk “Paradoks” mengajak pembaca untuk meletakkan agama-agama lain pada kedudukan yang sama dengan Islam atas nama toleransi dan kebersamaan. Walaupun penulis menegaskan keyakinan terhadap kebenaran Islam, beliau dalam masa yang sama menolak sebarang bentuk penilaian terhadap kepercayaan agama lain seperti mana dalam petikan ayat berikut SB3 (Syuhaib 2014:134) “...*Aku menyakini agama aku adalah paling benar bukanlah bermaksud harus aku katakan agama mereka tidak benar...*”

Merujuk kepada dimensi amalan sosial, wacana ini berfungsi untuk membingkai Islam sebagai agama yang eksklusif secara negatif, seolah-olah penganut Islam bersifat menindas dan tidak berperikemanusiaan. Naratif ini membentuk persepsi sosial bahawa penolakan terhadap pluralisme agama merupakan punca konflik dan perpecahan, sekali gus mengabsahkan pluralisme sebagai penyelesaian moral. Namun demikian, pandangan yang meletakkan taraf semua agama sebagai sama jelas bertentangan dengan prinsip asas akidah Islam. Firman Allah SWT (Al-Imran 3:85) menegaskan secara jelas:

وَمَنْ يَبْتَغِ غَيْرَ الْإِسْلَامِ دِينًا فَلَنْ يُقْبَلَ مِنْهُ وَهُوَ فِي الْآخِرَةِ مِنَ الْخَاسِرِينَ

Maksudnya;

Dan sesiapa yang mencari agama selain agama Islam, maka tidak akan diterima daripadanya, dan dia pada hari akhirat kelak termasuk dalam orang-orang yang rugi.

Golongan pendukung pluralisme agama sering juga mentafsir perkataan al-Islam dalam Surah Ali ‘Imran ayat 19 dan 85 sebagai sekadar penyerahan diri kepada Tuhan dari sudut bahasa, bukan sebagai nama agama. Namun menurut Khalif Muammar (2013; 2017), pentafsiran ini bersifat selektif dan dangkal kerana

mengabaikan makna istilah serta konteks wahyu. Perkataan ‘dinan’ dalam ayat tersebut menunjukkan bahawa Islam ialah sebuah agama yang telah diinstitusikan oleh Allah, bukan sekadar konsep penyerahan diri yang umum. Pandangan ini turut disokong oleh al-Attas () yang menegaskan bahawa kepatuhan yang benar hanya wujud dalam Islam, bukan dalam agama lain walaupun terdapat unsur penyerahan diri.

Kesimpulannya, analisis ini menunjukkan bahawa wacana pluralisme agama dalam buku Indie beroperasi pada tahap amalan sosial sebagai satu usaha menstrukturkan semula pemahaman masyarakat terhadap agama, kebenaran dan iman. Melalui penyeragaman taraf agama, wacana ini bukan sahaja mencabar kedudukan tersendiri akidah Islam, malah berpotensi mengaburkan batas epistemologi antara iman dan kekufuran. Fenomena ini menjadikan buku Indie bukan sekadar produk budaya alternatif, tetapi medium ideologi yang berfungsi secara halus dalam membentuk pemikiran pembaca, khususnya generasi muda muslim.

b. Mendapat balasan akhir bagi semua penganut agama

Kepercayaan bahawa balasan akhir berupa syurga tidak terikat dengan keimanan kepada agama tertentu, sebaliknya terbuka kepada semua manusia yang dianggap bermoral, berakhlak dan memberi manfaat kepada kehidupan sejagat dalam kerangka pemikiran pluralisme agama merupakan antara salah satu andaian teras yang sering diketengahkan.. Pandangan ini memperlihatkan satu anjakan epistemologi yang ketara, iaitu daripada kerangka akidah yang berasaskan wahyu kepada kerangka etika humanisme yang berpusatkan manusia. Dalam konteks ini, syurga tidak lagi difahami sebagai ganjaran keimanan, tetapi sebagai simbol keadilan moral universal.

Menurut Norman Fairclough, dimensi amalan sosial dalam Analisis Wacana Kritis meneliti bagaimana sesuatu wacana beroperasi dalam struktur sosial, mencerminkan ideologi dominan, serta menyumbang kepada pembentukan atau perubahan nilai masyarakat. Justeru, analisis terhadap elemen pluralisme ini tidak hanya terhenti pada makna teks atau niat penulis, tetapi perlu dilihat sebagai sebahagian daripada dinamik sosial dan budaya yang lebih luas, khususnya dalam masyarakat Muslim kontemporari yang berdepan dengan globalisasi nilai dan pluraliti agama.

Sarjana pluralisme agama berhujah bahawa syarat utama kelayakan ke syurga bukanlah agama atau keimanan formal, sebaliknya amal kebaikan, sumbangan kemanusiaan dan rahmat Tuhan yang bersifat inklusif. Dalam hal ini, Hofmann (2005) dan Legenhausen (2005) menegaskan bahawa Tuhan Yang Maha Adil tidak mungkin menafikan balasan akhirat kepada individu yang hidup bermoral hanya kerana perbezaan agama. Hujah ini berfungsi secara sosial untuk mengharmonikan realiti kepelbagaian agama dengan ideal keadilan sejagat, namun dalam masa yang sama mengabaikan peranan wahyu sebagai sumber autoritatif penentuan kebenaran akhirat.

Dalam konteks masyarakat moden, wacana ini berfungsi sebagai mekanisme pendamaian sosial. Ia menawarkan naratif yang selesa secara emosi, khususnya dalam masyarakat majmuk, dengan menenangkan konflik dalaman antara keyakinan agama dan realiti sosial yang menyaksikan sumbangan besar golongan non-Muslim dalam pelbagai sektor kehidupan. Namun, menurut Fairclough, wacana sebegini juga berpotensi menjadi alat ideologi yang menstrukturkan semula pemahaman agama agar selari dengan nilai dominan masyarakat liberal global.

Analisis terhadap kandungan buku Indie mendapati bahawa idea balasan syurga tanpa syarat iman tidak disampaikan secara perdebatan teologi atau polemik terbuka, sebaliknya melalui naratif peribadi, luahan emosi dan simbol sastera. Contohnya dalam petikan yang ditemui dalam SB1, penulis menanggapi bahawa non-Muslim yang berbuat baik layak menerima syurga atas dasar keadilan Tuhan, sebagaimana yang dinyatakan dalam petikan SB1 (2016:11); *“... Aku memohon supaya kau mendengar kata nurani mu yang lebih bersih itu... Allah telah meninggikan langit dan Dia telah meletakkan neraca (keadilan)... Dari cerita-cerita mu ternyata bapa mu adalah seorang yang penuh dengan kebaikan, maka kebaikan akan diberi balas kebaikan dengan setimpal”*.

Dalam dimensi amalan sosial, petikan ini membina satu pemahaman keadilan Ilahi yang disaring melalui nurani manusia, bukan melalui wahyu. Keimanan digambarkan sebagai faktor yang boleh menimbulkan ketidakadilan, manakala keadilan Tuhan ditafsirkan menurut ukuran moral manusia. Wacana ini berfungsi untuk mengubah persepsi sosial, menjadikan penolakan keimanan sebagai syarat syurga sesuatu yang munasabah dan berperikemanusiaan.

Pendekatan yang lebih lantang dapat dilihat dalam SB2, apabila penulis meluahkan ketidakpuasan hati terhadap doktrin neraka bagi non-Muslim SB2 (2014:214). “...Doktor-doktor ini bukan main susah belajar untuk merawat manusia, kemudian apabila mereka mati, mereka akan dihantar ke dalam neraka? Kegilaan apakah ini?..”. Dalam konteks amalan sosial, luahan ini bukan sekadar ekspresi peribadi, tetapi strategi wacana yang membentuk emosi kolektif pembaca. Islam digambarkan secara implisit sebagai tidak adil dan tidak rasional, manakala pluralisme diposisikan sebagai alternatif yang lebih manusiawi. Menurut Fairclough, inilah proses naturalisasi ideologi, apabila sesuatu pandangan diterima sebagai ‘akal sihat’ masyarakat tanpa disedari bahawa ia membawa andaian ideologi tertentu.

Selain itu, SB3 pula menggunakan cerpen simbolik bagi menyampaikan idea yang sama. Dialog antara si Pengemis Tua dan kucing menggambarkan bahawa keikhlasan dan kasih sayang sudah memadai untuk kelayakan syurga, walaupun tanpa iman dan ibadah seperti apa yang dinyatakan dalam petikan SB3 (2014:68) berikut “...Aku bukan orang agama... Aku hanya manusia yang dikurniakan secebis kehidupan untuk memahami tuhan...In sha Allah kita ketemu lagi di syurga..”. Dalam dimensi amalan sosial, simbolisme ini berfungsi untuk melembutkan idea pluralisme, menjadikannya mudah diterima oleh pembaca Muslim tanpa menimbulkan penentangan langsung. Agama ditampilkan sebagai formal dan eksklusif, manakala kemanusiaan diangkat sebagai agama sejati. Hal ini menyumbang kepada peralihan nilai sosial, di mana iman tidak lagi dianggap keperluan asas kehidupan beragama.

Dari perspektif Islam, pendekatan ini bercanggah secara asas dengan prinsip akidah. Al-Quran dengan jelas menetapkan bahawa iman merupakan asas penerimaan amal dan kelayakan syurga seperti mana firman Allah SWT berfirman: (Al-Baqarah, 2:25);

وَبَشِّرِ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ أَنَّ هُمْ فِي جَنَّاتٍ يَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ كُلَّمَا رُزِقُوا مِنْهَا مِنْ ثَمَرَةٍ رَزَقُوا قَالُوا هَذَا الَّذِي رَزَقْنَا مِنْ قَبْلُ وَأُتُوا بِهِ مُتَشَابِهًا وَهُمْ فِيهَا أَزْوَاجٌ مُطَهَّرَةٌ وَهُمْ فِيهَا خَالِدُونَ

Maksudnya;

Dan sampaikanlah berita gembira kepada orang-orang yang beriman dan beramal soleh, bahawa sesungguhnya mereka disediakan syurga-syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai. Setiap kali mereka diberi rezeki buah-buahan dari syurga itu, mereka berkata: 'Inilah yang telah diberikan kepada kami dahulu'; sedang mereka diberikan rezeki itu dengan yang serupa rupanya. Dan bagi mereka di dalam syurga itu isteri-isteri yang suci bersih, serta mereka kekal di dalamnya.

Ayat ini menggandingkan iman dan amal sebagai satu kesatuan yang tidak boleh dipisahkan. Menurut Ibn Kathir (1996), amal soleh hanya bernilai ukhrawi apabila lahir daripada keimanan yang sah. Hal ini ditegaskan lagi dalam firman Allah SWT (Al-Imran, 3:19);

إِنَّ الدِّينَ عِنْدَ اللَّهِ الْإِسْلَامُ وَمَا اخْتَلَفَ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ إِلَّا مِنْ بَعْدِ مَا جَاءَهُمُ الْعِلْمُ
بَعْيًا بَيْنَهُمْ وَمَنْ يَكْفُرْ بَايَاتِ اللَّهِ فَإِنَّ اللَّهَ سَرِيعُ الْحِسَابِ

Maksudnya;

Sesungguhnya agama (yang benar dan diredai) di sisi Allah ialah Islam. Dan tidaklah berselisih orang-orang yang telah diberikan Kitab itu melainkan sesudah datang kepada mereka pengetahuan (yang benar), disebabkan perasaan dengki antara mereka. Dan sesiapa yang kufur ingkar akan ayat-ayat Allah, maka sesungguhnya Allah amat segera hitungan-Nya.

Dalam dimensi amalan sosial, pengabaian ayat-ayat ini dalam penulisan buku Indie menunjukkan penghakisan autoriti wahyu dalam ruang budaya. Penulis dan pembaca diberikan kuasa penuh untuk mentafsir keadilan Tuhan berdasarkan emosi dan pengalaman, bukan ilmu dan disiplin keagamaan (Mohamed Sabir et al 2013)

Kesimpulannya, jelas bahawa elemen pluralisme agama berkaitan balasan syurga ini berfungsi sebagai wacana ideologi yang mencerminkan dan mengukuhkan nilai humanisme liberal dalam masyarakat kontemporari. Penulisan dalam SB1, SB2 dan SB3 bukan sahaja mencerminkan kekeliruan teologi individu, tetapi turut menyumbang kepada pembentukan kefahaman sosial yang longgar terhadap akidah Islam. Kecenderungan menentukan pembalasan akhirat berdasarkan pertimbangan akal dan emosi semata-mata berisiko membawa manusia mengambil peranan Tuhan. Dalam jangka panjang, wacana seperti ini boleh menghakis keyakinan umat Islam terhadap

peranan iman sebagai asas kehidupan beragama. Justeru, analisis dimensi amalan sosial ini mengukuhkan dapatan bahawa buku Indie berperanan sebagai medium budaya yang signifikan dalam menyebarkan pemikiran Islam liberal secara halus tetapi berkesan dalam masyarakat.

c. Tiada mana-mana agama yang lebih benar dan lebih tinggi daripada agama-agama yang lain

Secara konseptual, pluralisme agama berpaksikan andaian bahawa tiada satu agama pun yang memiliki kebenaran mutlak, sebaliknya semua agama dianggap relatif, terbatas dan tidak sempurna. Dalam kerangka ini, tuntutan Islam sebagai satu-satunya agama yang benar dianggap bersifat eksklusif, malah dilabel sebagai ekstremisme atau pelampau (Fives, 2019). Dakwaan ini berakar daripada premis epistemologi bahawa semua agama kononnya muncul daripada Tuhan dan sumber yang sama, lalu setiap agama hanya mewakili serpihan kebenaran yang bersifat separa. Implikasi sosial daripada faham ini ialah pembatalan autoriti mana-mana agama untuk mendakwa kebenaran mutlak, sekali gus meletakkan semua agama pada aras yang sama.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa wacana ini tidak hanya dibincangkan secara teoretikal, malah dihidupkan secara naratif dan refleksi dalam tiga buah sampel buku Indie yang dikaji, iaitu SB1, SB2 dan SB3. Melalui gaya penulisan yang bersifat peribadi, kritikal dan konfrontasi secara halus, penulis-penulis buku ini menyumbang kepada normalisasi faham relativisme agama dalam ruang wacana sosial pembaca.

Contohnya dalam SB1, penolakan terhadap kebenaran mutlak Islam diterjemahkan melalui isu pemilikan dan penggunaan nama Allah. Penulis secara jelas menafikan hak eksklusif Islam terhadap nama Allah, malah mengiktiraf penggunaan nama tersebut oleh semua agama. Hal ini dapat diperhatikan melalui petikan SB1 (Faisal 2016:47) berikut; “...*Lebih dari sekali aku memberitahunya, betul, satu masa dahulu aku pernah beranggapan bahawa kalimah Allah adalah milik eksklusif umat Islam. Masa beredar, aku pun sedar. Apabila aku semakin menelaah aku mendapati alasan untuk mempunyai kalimah tersebut untuk satu umat atau penganut agama tertentu tidak ada asasnya...*”.

Dari sudut amalan sosial, petikan ini berfungsi sebagai wacana pembingkai semula (reframing) terhadap konsep ketuhanan dalam Islam. Penulis menggunakan naratif pengalaman peribadi dan proses pencerahan intelektual bagi mewajarkan perubahan pendirian, sekali gus menggambarkan pandangan lama sebagai sempit dan tidak berasas. Dengan menjadikan keterbatasan akal manusia sebagai justifikasi, penulis mengajak pembaca menerima pendekatan paling mudah dan tidak berlawanan, iaitu menyamakan hak semua agama terhadap nama Tuhan. Strategi ini sejajar dengan ciri pluralisme agama yang berusaha mengurangkan konflik antara agama dengan mengorbankan sempadan akidah.

Pandangan SB1 ini selari dengan gagasan pluralisme agama yang dikemukakan oleh seorang tokoh Islam liberal Indonesia Nurcholish Madjid. Menurut beliau, agama-agama yang berbeza hanya menampilkan ekspresi berlainan terhadap kebenaran yang sama, dan setiap agama membawa bahagian penting daripada kebenaran tersebut (Madjid, 1994). Perbezaan agama, menurut kerangka ini, harus difahami sebagai kepelbagaian jalan untuk berlumba-lumba melakukan kebaikan, bukan sebagai asas untuk menilai kebenaran antara satu sama lain. Pada tahap amalan sosial, idea ini menyumbang kepada pengaburan batas antara tauhid dan syirik, kerana semua agama dianggap memiliki legitimasi kebenaran yang setara. Implikasi daripada penafian kebenaran mutlak ini jelas bercanggah dengan asas akidah Islam. Allah SWT berfirman (al-Imran 3 : 19):

إِنَّ الدِّينَ عِنْدَ اللَّهِ الْإِسْلَامُ وَمَا اخْتَلَفَ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ إِلَّا مِنْ بَعْدِ مَا جَاءَهُمُ الْعِلْمُ
بَعْيًا بَيْنَهُمْ وَمَنْ يَكْفُرْ بِآيَاتِ اللَّهِ فَإِنَّ اللَّهَ سَرِيعُ الْحِسَابِ

Maksudnya;

Sesungguhnya agama (yang benar dan diredai) di sisi Allah ialah Islam. Dan tidaklah berselisih orang-orang yang telah diberikan Kitab itu melainkan sesudah datang kepada mereka pengetahuan (yang benar), disebabkan perasaan dengki antara mereka. Dan sesiapa yang kufur ingkar akan ayat-ayat Allah, maka sesungguhnya Allah amat segera hitungan-Nya.

Dan seterusnya dalam firman Allah SWT (Al-Imran 3:85);

وَمَنْ يَبْتَغِ غَيْرَ الْإِسْلَامِ دِينًا فَلَنْ يُقْبَلَ مِنْهُ وَهُوَ فِي الْآخِرَةِ مِنَ الْخَاسِرِينَ

Maksudnya;

Dan sesiapa yang mencari agama selain Islam, maka tidak akan diterima daripadanya, dan dia pada hari akhirat termasuk dalam golongan orang yang rugi

Ayat-ayat ini secara jelas menetapkan keunikan mutlak kebenaran Islam sebagai satu prinsip teologi, bukan sekadar identiti budaya. Namun, dalam wacana pluralisme agama seperti yang dipaparkan dalam SB1, ketetapan wahyu ini dinyahkan daripada ruang sosial dengan alasan toleransi dan keharmonian.

Elemen penafian kebenaran mutlak turut ditemui dalam SB2, namun ia dizahirkan melalui persoalan hubungan antara iman, amal dan keselamatan akhirat. Penulis SB2 mengemukakan keraguan terhadap keadilan Tuhan jika hanya iman dijadikan asas keselamatan, seperti yang digambarkan dalam petikan SB2 (2014:208) berikut “...aku berfikir, meneruskan analogi tersebut, bagaimana jika pada hari ini manusia-manusia yang ‘tidak beriman’ tetapi kehidupan mereka lebih baik daripada kehidupan orang-orang Islam, apakah mereka juga akan diazab dengan azab daripada Tuhan?... Dan aku menolak konsep Tuhan yang semacam itu.”. Dari perspektif amalan sosial, petikan ini mencerminkan peralihan autoriti penilaian moral daripada wahyu kepada pertimbangan rasional dan emosi manusia. Penulis menilai keadilan Tuhan berdasarkan persepsi kemanusiaan tentang kebaikan sosial, lalu menolak konsep ketuhanan yang berteraskan iman sebagai syarat utama keselamatan. Kefahaman ini menunjukkan kekeliruan asas antara perbuatan baik (kebaikan moral) dan amal soleh yang diterima di sisi Allah, yang dalam Islam mesti didasari oleh iman dan tauhid.

Al-Quran dengan tegas menetapkan bahawa amal tanpa iman tidak mempunyai nilai keselamatan di akhirat seperti mana firman Allah SWT (Al-furqan 25: 23)

وَقَدْ مَنَّآ إِلَىٰ مَا عَمِلُوا مِنْ عَمَلٍ فَجَعَلْنَاهُ هَبَاءً مَّنْثُورًا

Maksudnya;

“Dan Kami hadapkan segala amal yang mereka kerjakan, lalu Kami jadikan amal itu seperti debu yang berterbangan.

Namun, dalam wacana yang terkandung pada SB2, penolakan terhadap prinsip ini berfungsi secara sosial untuk menormalisasikan inklusif agama, sekali gus mengukuhkan faham bahawa semua manusia yang ‘baik’ berhak kepada keselamatan tanpa mengira akidah. Ini merupakan ciri penting pluralisme agama yang menafikan peranan dakwah dan tuntutan keimanan.

Manakala dalam SB3 pula, penolakan kebenaran mutlak Islam dan pemilikan eksklusif nama Allah ditingkatkan melalui kritik terhadap autoriti agama dan perundangan. Petikan berikut menggambarkan kecenderungan tersebut dalam SB3 (Syuhaib 2014:83); *“...Nama Tuhan adalah hak eksklusif mereka. Mereka yang lain selain mereka, tidak harus mengungkapkan nama Tuhan yang suci itu.”* Penulis SB3 memposisikan usaha mempertahankan nama Allah melalui undang-undang sebagai manifestasi kelemahan iman dan dominasi kuasa. Dari sudut amalan sosial, naratif wacana ini secara beransur-ansur menghakis kewibawaan autoriti agama dan institusi agama serta mempromosikan fahaman bahawa perlindungan akidah tidak wajar melibatkan kuasa negara atau peraturan sosial. Sebaliknya, kepercayaan diserahkan sepenuhnya kepada keyakinan individu.

Namun, pendekatan ini mengabaikan realiti bahawa agama beroperasi dalam ruang sosial yang sentiasa terdedah kepada pengaruh dan kekeliruan, khususnya dalam konteks dakwah agama lain. Ketiadaan sempadan yang jelas antara agama bukan sahaja membuka ruang relativisme, malah berpotensi menggugat akidah generasi muda yang belum memiliki asas kefahaman yang kukuh (al-Attas 1993; Kamali 2015).

Secara keseluruhan, analisis pada dimensi amalan sosial menunjukkan bahawa wacana pluralisme agama dalam buku Indie berfungsi untuk mengubah kerangka pemikiran masyarakat Muslim daripada akidah berasaskan wahyu kepada kefahaman agama yang relatif, inklusif dan bersifat subjektif. Penyamaan semua agama, termasuk dalam isu ketuhanan dan keselamatan akhirat, akhirnya menutup pintu dakwah dan

membuka ruang kekeliruan epistemologi. Seperti yang ditegaskan oleh Allah dalam firmanNya (Al-Kafirun 109:6);

لَكُمْ دِينُكُمْ وَلِيَ دِينِ

Maksudnya;

Untuk kamu agama kamu, dan untukku agamaku

Ayat ini menegaskan toleransi sosial tanpa mengorbankan kebenaran akidah. Oleh itu, perpaduan dan keharmonian tidak menuntut peleburan kebenaran, sebaliknya menuntut kejelasan sempadan antara toleransi dan relativisme. Penerimaan pluralisme agama secara total bukan sahaja menggugat asas keimanan, malah mengubah fungsi agama daripada sistem kebenaran kepada wacana budaya semata-mata.

Apa yang boleh disimpulkan, analisis terhadap elemen pluralisme agama dalam kandungan buku Indie memperlihatkan satu corak wacana yang konsisten dalam menafikan kebenaran mutlak agama, mengubah kedudukan Islam serta menyamakan semua agama dari sudut nilai, kebenaran dan konsep ketuhanan. Melalui isu-isu seperti pemilikan nama Allah, penilaian keselamatan akhirat berasaskan kebaikan moral semata-mata, serta penolakan autoriti agama dan perundangan dalam mengekalkan sempadan akidah, wacana pluralisme agama beroperasi secara halus tetapi berkesan dalam membentuk kefahaman pembaca ke arah relativisme keagamaan. Pada tahap amalan sosial, wacana ini bukan sahaja mencabar autoriti normatif Islam sebagai sistem kebenaran berasaskan wahyu, malah menghakis peranan dakwah, mengaburkan sempadan antara toleransi dan kebenaran, serta membuka ruang kekeliruan epistemologi dalam kalangan masyarakat Muslim, khususnya generasi muda.

Walaupun pluralisme agama sering dibingkaikan atas nama keharmonian, inklusif dan kemanusiaan sejagat, analisis ini menunjukkan bahawa penerimaannya tanpa kerangka akidah yang jelas berpotensi melemahkan asas tauhid dan menafikan prinsip eksklusif Islam yang telah ditetapkan oleh al-Quran. Justeru, perpaduan dan keharmonian antara agama tidak wajar dibina melalui peleburan kebenaran atau penyamaan semua agama, sebaliknya perlu berasaskan pengiktirafan terhadap

perbezaan akidah serta penegasan bahawa toleransi sosial boleh dan mesti diwujudkan tanpa mengorbankan kebenaran dan keadilan yang menjadi teras ajaran Islam.

4.4.5 Berpegang kepada kekuatan akal dan rasional yang melampau

Elemen keempat dalam kerangka pemikiran Islam liberal yang dikenal pasti dalam kajian ini ialah kecenderungan kuat untuk mengangkat kedudukan akal dan rasionalisme sebagai autoriti tertinggi dalam menentukan kebenaran agama, bahkan dalam beberapa keadaan diletakkan setara atau mengatasi wahyu. Elemen ini merupakan salah satu teras penting yang membezakan pendekatan Islam liberal daripada kerangka epistemologi Islam, kerana ia menyentuh persoalan asas tentang sumber ilmu, autoriti kebenaran, dan metodologi pentafsiran agama (Muhibbudin 2021). Dalam konteks buku Indie, kecenderungan ini tidak muncul secara eksplisit sebagai wacana teologi yang tersusun, sebaliknya beroperasi secara halus melalui naratif, dialog, sindiran dan hujah logik yang mengangkat akal sebagai instrumen utama dalam menilai ajaran agama.

Berdasarkan kerangka Teori Analisis Wacana Kritis Fairclough, analisis terhadap elemen ini perlu difahami bukan sekadar pada tahap tekstual atau linguistik, tetapi lebih penting pada dimensi amalan sosial, iaitu bagaimana wacana rasionalisme akal ini berfungsi dalam struktur sosial, ideologi dan kuasa. Fairclough menegaskan bahawa wacana bukan sahaja mencerminkan realiti sosial, tetapi turut membentuk dan menstrukturkan cara berfikir masyarakat, termasuk dalam soal agama dan autoriti ilmu (Fairclough 1995; 2010). Oleh itu, pengagungan akal dalam wacana buku Indie perlu dianalisis sebagai satu bentuk amalan sosial yang mencabar kerangka epistemologi Islam tradisional dan berpotensi menstrukturkan semula kefahaman pembaca terhadap agama.

Dalam wacana Islam liberal, akal sering ditampilkan sebagai sumber ilmu yang tertinggi, bebas daripada kekangan autoriti wahyu dan tradisi keagamaan. Akal dilihat mampu berdiri sendiri dalam menentukan baik dan buruk, benar dan salah, serta sesuai atau tidaknya sesuatu ajaran agama dalam konteks kehidupan moden. Pendekatan ini jelas memperlihatkan pengaruh rasionalisme moden Barat yang meletakkan keupayaan intelek manusia sebagai pusat autoriti kebenaran. Beberapa sarjana Islam liberal

berhujah bahawa dalam dunia yang semakin kompleks, ajaran Islam perlu ditafsirkan secara kontekstual dan fleksibel dengan memberi ruang luas kepada akal untuk menyesuaikan teks agama dengan realiti semasa (Tariq Ramadan 2009; Khalif Muammar 2006).

Namun, dari sudut amalan sosial, pendirian ini tidak sekadar bersifat teoritikal, bahkan membentuk satu budaya berhujah dan beragama yang cenderung meminggirkan wahyu sebagai rujukan normatif yang mengikat. Wahyu sering digambarkan sebagai teks yang terbatas, umum, dan memerlukan pembebasan tafsiran agar selari dengan pemikiran moden. Dalam konteks ini, akal bukan lagi diposisikan sebagai alat memahami wahyu, tetapi sebagai autoriti yang berhak menilai, menapis dan bahkan menolak teks wahyu sekiranya dianggap tidak selari dengan logik rasional atau sains empirikal. Pendekatan ini selari dengan saranan falsafah rasionalisme moden yang dipelopori oleh tokoh seperti Immanuel Kant, yang menegaskan bahawa manusia perlu dibebaskan daripada belenggu tradisi keagamaan agar akal dapat berfungsi secara matang dan autonomi (Kant 1874). Dalam wacana buku Indie, idea ini diterjemahkan dalam bentuk kritikan terhadap penggunaan dalil al-Quran dan hadis dalam perbahasan awam, khususnya apabila berinteraksi dengan masyarakat bukan Islam.

Analisis terhadap semua sampel buku Indie (SB1–SB5) menunjukkan bahawa elemen pengagungan akal ini hadir secara konsisten, khususnya melalui dialog dan naratif yang mempersoalkan autoriti wahyu dalam menentukan kebenaran agama. Tanpa ada rasa kesangsian, penulis dengan lantang mengutarakan persoalan dengan tidak bersandarkan kepada rujukan yang lebih berautoriti. Salah satu petikan yang jelas memperlihatkan kecenderungan ini SB1 (2016:178) “... *Habis siapa yang berhak ke atas Allah? Manusia, Asya'irah, Syiah, Muktazilah termasuk juga manusia; Kristian, Sikh, Yahudi, Hindu akan mencipta konsep-konsep dan pemahaman sendiri mengenai Tuhan... Ia tidak mendatangkan hasil yang banyak melainkan untuk orang yang menggunakan akal.*”. Petikan ini bukan sahaja menonjolkan relativisme kefahaman ketuhanan, malah secara tidak langsung mengangkat akal sebagai satu-satunya instrumen yang dianggap mampu memberikan makna dan hasil dalam memahami Tuhan. Dari sudut amalan sosial, wacana ini membina tanggapan bahawa perbahasan teologi dan akidah tidak pernah mencapai kebenaran muktamad, dan oleh itu, akal

individu bebas menentukan kefahaman masing-masing. Implikasi ideologinya ialah hakikat kebenaran agama menjadi relatif, manakala autoriti wahyu semakin terhakis.

Petikan seterusnya lebih jelas lagi menzahirkan penolakan terhadap penggunaan al-Quran dan hadis sebagai asas berhujah dalam wacana awam. Dengan nada penulisan yang menunjukkan rasa ketidakpuasan hati, penulis menggambarkan seolah-olah al-Quran dan hadis tidak mempunyai kedudukan dalam kehidupan seorang muslim SB2 (Benz 2014:151); “*...Sikit-sikit Quran, sikit-sikit Quran, sikit-sikit hadis... Maka mestilah berhujah, berdebat sesuai dengan apa yang orang itu dan kau, sama-sama setuju; logik akal rasionallah.*” Dalam kerangka Fairclough, petikan ini boleh difahami sebagai satu bentuk amalan wacana yang berfungsi menormalisasikan logik rasional sebagai bahasa bersama yang sah, manakala wahyu dilabel sebagai rujukan eksklusif yang tidak relevan dalam ruang sosial plural. Amalan sosial yang terhasil ialah pembentukan norma baharu dalam perdebatan agama, iaitu hanya hujah yang bersifat rasional dan empirikal dianggap sah, manakala dalil wahyu dilihat sebagai penghalang dialog dan kemajuan intelektual.

Petikan berikut pula, memperlihatkan nada yang lebih keras dan sinis terhadap penggunaan hadis dalam SB2 (Benz 2014:154); “*...Sikit-sikit hadis itu, sikit-sikit hadis ini. Tapi tak pernah berfikir... Kalau kau tak ada akal, tak bergunalah agama ini untuk kau.*” Petikan ini jelas menunjukkan satu wacana yang mahu membina persepsi bahawa berpegang kepada hadis dan wahyu adalah tanda kemiskinan intelektual dan ketidakmatangan berfikir. Dalam dimensi amalan sosial, wacana sebegini menyumbang kepada pembentukan hierarki intelektual baharu, di mana golongan yang menekankan rasionalisme dianggap progresif dan kritis, manakala mereka yang berpegang kepada autoriti wahyu dilabel sebagai jumud dan naif. Keadaan ini secara tidak langsung mewujudkan polarisasi wacana keagamaan dalam masyarakat, di mana autoriti tradisi keilmuan Islam semakin terpinggir. Akibatnya, kefahaman agama tidak lagi diukur berdasarkan disiplin ilmu dan metodologi yang mapan, sebaliknya dinilai melalui piawaian rasional dan cita rasa intelektual semasa

Dari perspektif epistemologi Islam, akal sememangnya diiktiraf sebagai anugerah penting yang membezakan manusia daripada makhluk lain. Namun, akal tidak pernah diletakkan sebagai autoriti mutlak yang berdiri sendiri tanpa bimbingan wahyu.

Al-Quran secara konsisten menegaskan bahawa akal perlu dipandu oleh petunjuk Ilahi agar tidak tersasar daripada kebenaran seperti mana firman Allah SWT (Al-Ahzab 33: 36);

وَمَا كَانَ لِمُؤْمِنٍ وَلَا مُؤْمِنَةٍ إِذَا قَضَىٰ اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَمْرًا أَنْ يَكُونَ لَهُمُ الْخِيَرَةُ مِنْ أَمْرِهِمْ ۗ وَمَنْ يَعْصِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ فَقَدْ ضَلَّ ضَلًّا مُّبِينًا

Maksudnya;

Dan tidaklah harus bagi orang lelaki yang beriman dan juga bagi orang perempuan yang beriman, apabila Allah dan Rasul-Nya telah menetapkan sesuatu perkara, mereka mempunyai pilihan yang lain dalam urusan mereka; dan sesiapa yang menderhaka kepada Allah dan Rasul-Nya, maka sesungguhnya ia telah sesat dengan kesesatan yang nyata.

Ayat ini menegaskan bahawa wahyu memiliki autoriti tertinggi dalam menentukan kebenaran dan ketetapan hidup, manakala akal berfungsi untuk memahami dan melaksanakan petunjuk tersebut, bukan untuk menilai atau menolaknya.

Selain itu, Allah SWT juga mengingatkan keterbatasan akal manusia (Al-Isra' 17:85):

وَيَسْأَلُونَكَ عَنِ الرُّوحِ قُلِ الرُّوحُ مِنْ أَمْرِ رَبِّي وَمَا أُوتِيتُمْ مِنَ الْعِلْمِ إِلَّا قَلِيلًا

Maksudnya;

Dan mereka bertanya kepadamu (wahai Muhammad) tentang roh. Katakanlah: 'Roh itu termasuk urusan Tuhanku; dan tidaklah kamu diberikan ilmu melainkan sedikit sahaja.

Ayat ini menjadi asas penting dalam mengkritik pengagungan akal yang melampau, kerana ia mengingatkan bahawa kemampuan intelektual manusia bersifat terhad dan tidak mutlak. Oleh itu, meletakkan akal sebagai autoriti penuh dalam menentukan kebenaran agama bererti mengabaikan hakikat keterbatasan manusia sendiri. Pendekatan sedemikian berpotensi membawa kepada kekeliruan epistemologi apabila akal manusia, yang terikat dengan pengalaman, emosi dan kepentingan konteks sosial, dijadikan ukuran muktamad kebenaran. Tanpa panduan wahyu, akal mudah

terdedah kepada perkara yang relatif dan bersifat subjektif, sekali gus membuka ruang kepada tafsiran agama yang bercanggah dan tidak berlandaskan disiplin ilmu yang jelas

Implikasi sosial hasil daripada wacana rasionalisme akal yang diketengahkan dalam buku Indie berfungsi sebagai mekanisme ideologi yang mencabar autoriti tradisi keilmuan Islam, khususnya ulama dan disiplin ilmu *turath*. Ia membentuk satu budaya baharu dalam kalangan pembaca, terutamanya generasi muda, yang melihat agama sebagai sesuatu yang boleh ditafsirkan secara bebas berdasarkan logik peribadi. Hal ini berpotensi menghasilkan kefahaman agama yang terpisah daripada kerangka disiplin ilmu Islam yang sistematik dan berautoriti. Sebagaimana diujahkan oleh Fairclough, wacana yang berulang dan dinormalisasikan akan membentuk kesedaran sosial dan cara berfikir masyarakat. Dalam konteks ini, buku Indie berperanan sebagai medium budaya yang menyebarkan ideologi rasionalisme Islam liberal secara tidak langsung, menjadikannya sebahagian daripada wacana sosial yang diterima tanpa kritikan mendalam. Proses normalisasi ini menjadikan wacana rasionalisme kelihatan wajar, neutral dan progresif, sedangkan implikasi ideologinya jarang dipersoalkan secara kritikal. Akibatnya, autoriti ulama dan tradisi keilmuan Islam semakin dipinggirkan dalam ruang awam, manakala pengalaman individu dan rasional peribadi dijadikan asas legitimasi kebenaran. Dalam jangka panjang, keadaan ini berpotensi mengubah orientasi keagamaan masyarakat ke arah pemahaman yang lebih individualistik dan tidak menyeluruh.

Sebagai kesimpulan, analisis terhadap elemen keempat pemikiran Islam liberal dalam buku Indie menunjukkan bahawa pengagungan akal dan rasionalisme melampau bukan sekadar isu teoretikal, tetapi berfungsi sebagai amalan sosial yang membentuk wacana keagamaan kontemporari. Melalui naratif dan dialog yang menolak autoriti wahyu serta mengangkat logik rasional sebagai ukuran kebenaran, wacana ini mencabar asas epistemologi Islam yang meletakkan wahyu sebagai sumber tertinggi. Walaupun akal dan wahyu sememangnya perlu saling melengkapi, kedudukan wahyu mesti kekal sebagai pemimpin kepada akal agar pemikiran manusia tidak kehilangan arah dan tujuan.

4.4.6 Penolakan terhadap autoriti wahyu dan syariah Islam

Elemen kelima dalam kerangka pemikiran Islam liberal menumpukan kepada penolakan terhadap autoriti wahyu dan syariah Islam sebagai sumber rujukan utama dalam kehidupan beragama. Elemen ini beroperasi melalui dua kecenderungan yang saling berkait, iaitu usaha membebaskan individu Muslim daripada keterikatan terhadap tuntutan wahyu serta kecenderungan mempertikaikan kewibawaan ulama dan fuqaha sebagai autoriti keilmuan. Dalam kerangka ini, wahyu tidak lagi difahami sebagai asas yang mengikat, sebaliknya ditafsirkan secara relatif dan kontekstual mengikut pertimbangan akal dan pengalaman manusia (Nuraleyah 2022). Akibatnya, syariah dilihat lebih sebagai konstruk sosial dan budaya berbanding sistem hukum Ilahi. Pendekatan ini turut mempengaruhi cara autoriti keagamaan dinilai dan diwakili dalam wacana kontemporari. Justeru, sub-topik ini akan menganalisis kandungan buku Indie bagi meneliti sejauh mana elemen penolakan autoriti wahyu dan syariah ini dizahirkan secara tersurat atau tersirat dalam penulisannya.

Penelitian pengkaji terhadap sampel buiku SB1 hingga SB5 mendapati wujudnya elemen pemikiran Islam liberal yang ke lima ini. Penghuraian secara terperinci boleh diikuti pada perbincangan selanjutnya.

a. Membebaskan diri daripada tuntutan wahyu dan syariah Islam

Elemen pemikiran Islam liberal yang kelima dalam kerangka analisis kajian ini ialah kecenderungan untuk membebaskan diri daripada tuntutan wahyu dan syariah Islam. Elemen ini tidak beroperasi secara terbuka sebagai penolakan total terhadap Islam, sebaliknya bergerak secara wacana yang halus melalui usaha mentafsir semula, merelatifkan, dan menyoal kewibawaan hukum-hakam Islam serta autoriti tradisi keilmuan Islam. Dalam konteks ini, wahyu tidak lagi difahami sebagai sumber kebenaran yang mengikat dan normatif, tetapi diletakkan setara dengan pengalaman manusia, rasionaliti moden, serta kerangka ideologi luar seperti liberalisme dan humanisme sekular (Phayilah Yama et al., 2018).

Berdasarkan kerangka pemikiran Islam liberal, membebaskan diri daripada tuntutan wahyu dan syariah Islam dapat dikenal pasti melalui beberapa ciri utama:

- i. usaha merombak pemahaman shari‘ah Islam dengan menolak pendekatan literal dan normatif terhadap teks agama;
- ii. dakwaan bahawa pelaksanaan hukum Islam tidak lagi sesuai dengan tuntutan zaman moden dan bercanggah dengan hak asasi manusia;
- iii. hujah bahawa sebahagian hukum Islam bertentangan dengan prinsip Islam itu sendiri; dan
- iv. penegasan bahawa semua individu berhak memberikan pandangan dan ijtihad dalam hal agama tanpa keperluan penguasaan ilmu, disiplin metodologi dan autoriti keilmuan.

Keempat-empat ciri ini tidak sekadar wujud sebagai pandangan teoretikal, tetapi beroperasi sebagai amalan wacana yang mempunyai implikasi sosial dan epistemologi yang signifikan.

Dalam kerangka Analisis Wacana Kritis Fairclough (1992), dimensi amalan sosial meneliti bagaimana sesuatu wacana berfungsi dalam struktur sosial yang lebih luas, termasuk hubungan kuasa, ideologi dan perubahan sosial. Dalam konteks dapatan kajian ini, wacana pembebasan daripada tuntutan wahyu berfungsi sebagai mekanisme ideologi untuk mengalihkan autoriti agama daripada wahyu dan institusi keilmuan Islam kepada individu dan kumpulan sosial tertentu.

Petikan 1 dalam SB1 (2016:119), dengan jelas mempamerkan amalan wacana ini apabila institusi fatwa digambarkan sebagai bersifat “fasis” dan menindas kebebasan individu; “...Sesebuah fatwa yang dipaksakan ke atas penganut Islam adalah bukan fatwa. Tetapi ia adalah fatwasis, atau fatwa fasis... NGO seperti SIS berhak, malah wajar mempertikaikan fatwa yang sedia ada”. Dari sudut amalan sosial, penggunaan istilah seperti fatwa fasis bukan sekadar ekspresi retorik, tetapi berfungsi untuk melemahkan autoriti ulama dan institusi agama. Wacana ini memindahkan konflik epistemologi iaitu perbezaan metodologi dan sumber pengetahuan ke dalam bahasa politik dan hak asasi manusia. Dengan cara ini, fatwa tidak lagi dinilai berdasarkan kesahihan metodologi fiqh atau sandaran dalil, tetapi berdasarkan sejauh mana ia selari dengan kebebasan individu dan wacana liberal kontemporari (Siaturrahmahet al.. 2024).

Lebih signifikan lagi, kritikan terhadap ulama yang didakwa ‘kurang menguasai bahasa Inggeris’ dan hanya bergantung kepada ‘sumber sekunder’ menunjukkan

bahawa autoriti keilmuan Islam tidak lagi diukur melalui penguasaan ilmu-ilmu teras Islam seperti usul fiqh, tafsir dan hadis, tetapi melalui kebolehan mengakses wacana Barat dan ideologi moden. Ini mencerminkan peralihan standard legitimasi ilmu daripada epistemologi Islam kepada epistemologi moden-sekular.

Manakala petikan 3 dalam SB5 (2015: 106) pula menampilkan satu bentuk wacana yang lebih radikal dalam menyoal pelaksanaan syariah, antara katanya; “...Kalau aku orang Islam, aku tidak akan meletakkan kuasa untuk melaksanakan undang-undang Tuhan di tangan manusia...”. Dalam dimensi amalan sosial, kenyataan ini berfungsi untuk memisahkan secara konseptual antara hukum Tuhan dan realiti sosial. Pelaksanaan syariah digambarkan sebagai ancaman kepada kebebasan manusia dan berpotensi membawa kepada ‘bertuhankan manusia’. Wacana ini memanfaatkan kebimbangan masyarakat terhadap penyalahgunaan agama oleh pihak berkuasa politik, namun pada masa yang sama menafikan hakikat bahawa Islam sendiri telah menetapkan kerangka autoriti, akauntabiliti dan mekanisme ijtihad dalam pelaksanaan hukum.

Secara sosial, wacana ini menyumbang kepada normalisasi idea bahawa hukum Islam tidak wajar dilaksanakan dalam ruang awam kerana ia dianggap tidak neutral dan berbahaya. Implikasi jangka panjangnya ialah penghakisan kefahaman umat Islam terhadap konsep hakimiyyah dan peranan syariah sebagai panduan hidup yang menyeluruh.. Allah SWT menegaskan dalam firmanNya (Al-Ahzab 33: 36);

وَمَا كَانَ لِمُؤْمِنٍ وَلَا لِمُؤْمِنَةٍ إِذَا قَضَىٰ اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَمْرًا أَنْ يَكُونَ لَهُمُ الْخِيَرَةُ مِنْ أَمْرِهِمْ وَمَنْ يَعْصِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ فَقَدْ ضَلَّ ضَلًّا مُّبِينًا

Maksudnya;

Dan tidaklah patut bagi lelaki yang beriman dan perempuan yang beriman, apabila Allah dan Rasul-Nya menetapkan sesuatu perkara, mereka mempunyai pilihan lain dalam urusan mereka.

Ayat di atas dengan jelas menegaskan bahawa dalam kerangka akidah Islam, wahyu mempunyai autoriti mengikat yang tidak tertakluk kepada persetujuan subjektif manusia. Justeru, wacana yang menolak pelaksanaan hukum atas alasan kebebasan individu secara asasnya bercanggah dengan prinsip asas ketaatan kepada Allah dan Rasul. Keadaan ini turut mencerminkan satu bentuk pergeseran nilai dalam masyarakat

Islam, apabila ketaatan kepada wahyu mula di tafsir sebagai ancaman terhadap kebebasan individu dan autonomi manusia. Dalam wacana sedemikian, hukum Islam tidak lagi dilihat sebagai mekanisme keadilan Ilahi yang membawa kemaslahatan sejagat, sebaliknya ditampilkan sebagai instrumen kuasa yang bersifat mengongkong dan eksklusif. Penampilan ini secara tidak langsung membentuk persepsi sosial bahawa syariah bertentangan dengan kemajuan, rasional dan keharmonian masyarakat majmuk. Akibatnya, berlaku proses pengasingan agama daripada ruang awam, sekali gus melemahkan kefahaman umat Islam terhadap hakikat syariah sebagai sistem hidup yang bersifat menyeluruh, seimbang dan berteraskan hikmah Ilahi, bukan sekadar pilihan peribadi yang boleh diterima atau ditolak mengikut kecenderungan individu.

Selain itu, petikan 2 dalam SB2 (2015:115) memperlihatkan satu lagi bentuk amalan wacana Islam liberal, iaitu pluralisasi sumber epistemologi, antaranya; “...*Guna sumber Marxist untuk pertahankan Islam... Guna sumber Liberalisme... Guna sumber Hindu...*”. Dalam konteks amalan sosial, kenyataan ini mencerminkan usaha mencairkan sempadan epistemologi Islam dengan menganggap semua sumber pemikiran berada pada kedudukan yang setara. Walaupun tradisi Islam tidak menolak penggunaan akal dan falsafah secara mutlak, aspek ini jelas dalam karya tokoh seperti Al-Ghazali, namun penggunaan sumber luar sentiasa tertakluk kepada kerangka tauhid dan wahyu sebagai neraca utama. Apabila sumber-sumber ideologi seperti Marxism dan liberalisme diletakkan sebagai alat mempertahankan Islam tanpa penapisan epistemologi yang jelas, ia menghasilkan kekaburan autoriti kebenaran. Dalam amalan sosial, kekaburan ini membuka ruang kepada relativisme agama, di mana Islam tidak lagi difahami sebagai sistem kebenaran yang tersendiri, tetapi sekadar salah satu wacana dalam pasaran idea global. Firman Allah SWT (An-Nisa’ 4: 59);

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِي الْأَمْرِ مِنْكُمْ فَإِنْ تَنَازَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا

Maksudnya;

Wahai orang-orang yang beriman, taatilah Allah dan taatilah Rasul serta orang-orang yang berkuasa dari kalangan kamu. Kemudian jika kamu berbantah-bantahan dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada Allah dan Rasul, jika kamu benar-

benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian itu adalah lebih baik dan lebih elok kesudahannya.

Ayat di atas ini menegaskan prinsip asas penyelesaian konflik dalam Islam, iaitu rujukan kembali kepada wahyu, bukan kepada kepelbagaian ideologi manusia. Prinsip ini memperlihatkan bahawa wahyu berfungsi sebagai autoriti tertinggi dalam menentukan kebenaran dan penyelesaian terhadap perbezaan pandangan, khususnya dalam isu-isu yang menyentuh akidah, syariah dan nilai asas kehidupan. Rujukan kepada Allah dan Rasul bukan sekadar bersifat simbolik, tetapi mencerminkan kerangka epistemologi Islam yang meletakkan al-Quran dan Sunnah sebagai neraca utama dalam menilai sesuatu idea atau tindakan. Justeru, kecenderungan merujuk kepada ideologi luar sebagai penentu kebenaran agama berpotensi menimbulkan kekeliruan serta menghakis kesepaduan kefahaman umat Islam terhadap asas ajaran Islam itu sendiri.

Salah satu implikasi sosial paling ketara daripada wacana ini ialah pengabsahan kebebasan ijtihad tanpa autoriti. Dengan menolak keperluan penguasaan ilmu dan disiplin metodologi, wacana Islam liberal mengubah agama menjadi ruang ekspresi peribadi. Dalam konteks sosial, keadaan ini berpotensi melahirkan kekeliruan agama, keclaruan autoriti dan konflik norma dalam masyarakat Islam. Fenomena ini selari dengan kritikan sarjana kontemporari yang menegaskan bahawa apabila wahyu tidak lagi dijadikan rujukan utama, agama akan disempitkan menjadi wacana moral dan budaya semata-mata. Islam tidak lagi berfungsi sebagai sistem panduan yang mengatur kehidupan, tetapi sebagai simbol identiti yang fleksibel dan boleh di tafsir sesuka hati. Allah SWT menegaskan keutuhan Islam sebagai satu-satunya agama yang diterima di sisi-Nya dalam firman-Nya (Al-Imran 3:19):

إِنَّ الدِّينَ عِنْدَ اللَّهِ الْإِسْلَامُ وَمَا اخْتَلَفَ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ إِلَّا مِنْ بَعْدِ مَا جَاءَهُمُ الْعِلْمُ
بَعْيًا بَيْنَهُمْ وَمَنْ يَكْفُرْ بِآيَاتِ اللَّهِ فَإِنَّ اللَّهَ سَرِيعُ الْحِسَابِ

Maksudnya;

Sesungguhnya agama (yang benar dan diredai) di sisi Allah ialah Islam. Dan tidaklah berselisih orang-orang yang telah diberikan Kitab itu melainkan sesudah datang kepada mereka pengetahuan (yang benar), disebabkan perasaan dengki antara mereka. Dan sesiapa yang kufur ingkar akan ayat-ayat Allah, maka sesungguhnya Allah amat segera hitungan-Nya.

Ayat ini menolak secara prinsip pendekatan yang menafikan kebenaran mutlak, sekali gus menyamakan semua sistem nilai dan sumber kebenaran. Penegasan ini memperlihatkan bahawa Islam memiliki kedudukan epistemologi yang jelas dan tidak relatif, sama ada dari sudut akidah, syariah mahupun sistem nilainya. Pengiktirafan terhadap Islam sebagai satu-satunya agama yang benar telah menafikan dakwaan bahawa kebenaran bersifat plural dan bergantung kepada pengalaman atau tafsiran manusia semata-mata. Oleh itu, sebarang wacana yang menyamakan Islam dengan sistem nilai lain atas nama toleransi dan keterbukaan intelektual secara asasnya telah mengaburkan sempadan antara kebenaran wahyu dan konstruksi pemikiran manusia

Berdasarkan analisis dimensi amalan sosial, dapat dirumuskan bahawa elemen membebaskan diri daripada tuntutan wahyu dan syariah dalam buku Indie bukan sekadar kritikan terhadap institusi agama, tetapi merupakan satu projek yang tersusun, yang berusaha mengatur semula struktur autoriti Islam. Wacana yang diketengahkan dalam buku Indie ini berfungsi untuk menggantikan wahyu dengan subjektiviti manusia, relativisme nilai dan ideologi moden sebagai asas menentukan kebenaran agama.

Implikasinya terhadap masyarakat Islam amat mendalam kerana ia bukan sahaja mencabar pelaksanaan hukum, tetapi juga merombak asas kefahaman tentang apa itu Islam, siapa yang berhak mentafsirkannya, dan sejauh mana agama boleh mengikat kehidupan manusia. Dalam konteks inilah, analisis terhadap kandungan buku Indie menjadi signifikan kerana ia mendedahkan bagaimana ideologi Islam liberal beroperasi secara halus melalui medium budaya dan penerbitan alternatif, mempengaruhi cara berfikir pembaca tanpa konfrontasi langsung terhadap akidah.

b. Mempertikaikan autoriti dan kewibawaan ulama

Dalam konteks masyarakat Islam di Malaysia, ulama dan institusi fatwa secara tradisinya berfungsi sebagai ulama berautoriti yang menghubungkan wahyu dengan realiti sosial. Mereka bukan sekadar pengeluar hukum, tetapi pemegang amanah ilmu yang membimbing kefahaman dan pengamalan agama. Namun, dapatan kajian menunjukkan bahawa buku Indie tertentu membina satu gambaran sosial yang berbeza, iaitu ulama dilihat sebagai pihak yang mengongkong kebebasan, mengawal kehidupan

peribadi dan gagal memahami realiti kemanusiaan. Gambaran ini tidak muncul secara kebetulan, sebaliknya lahir daripada konteks sosial kontemporari yang menyaksikan krisis kepercayaan terhadap institusi, pengaruh liberalisme global, serta penekanan terhadap kebebasan individu

Hal ini dapat diperhatikan dengan jelas melalui petikan SB1 (Faisal 2016:85–87);

Fatwa dan agamawan yang melarang bertafakur, proses mengingat dan menghormati kenangan adalah fatwa, dan agamawan yang hatinya mati dan tidak memberi apa apa faedah kepada agama. Umat Islam di Malaysia telah memberi terlalu banyak kuasa kepada ustaz di masjid dan ulama majlis fatwa untuk menentukan hidup kita. Sehingga menangis dan bertafakur sendiri kita perlu ditentukan dan dikawal.

Dari sudut amalan sosial, petikan ini membina satu naratif konflik antara individu dan institusi agama. Ulama dan fatwa diposisikan sebagai simbol autoriti yang melampau, manakala individu muslim digambarkan sebagai mangsa sistem keagamaan yang bersifat tidak natural dan menindas. Wacana ini berfungsi untuk menormalisasikan idea bahawa agama sepatutnya bersifat peribadi dan bebas daripada autoriti luaran. Jika dilihat dalam kerangka sosial yang lebih luas, naratif ini menyokong peralihan nilai daripada kepatuhan kepada autoriti keilmuan kepada autonomi individu, selari dengan prinsip Islam liberal.

Namun demikian, al-Quran sendiri meletakkan asas yang jelas tentang keperluan autoriti ilmu dalam agama. Allah SWT berfirman (Al-Nahl 16:43);

وَمَا أَرْسَلْنَا مِنْ قَبْلِكَ إِلَّا رِجَالًا نُوْحِيْ اِلَيْهِمْ فَاَسْأَلُوْا اَهْلَ الدِّكْرِ اِنْ كُنْتُمْ لَا تَعْلَمُوْنَ

Maksudnya;

Dan tidaklah Kami mengutuskan sebelum engkau (wahai Muhammad) melainkan orang-orang lelaki yang Kami wahyukan kepada mereka; maka bertanyalah kepada orang-orang yang berpengetahuan (Ahli Zikir), jika kamu tidak mengetahui.

Ayat ini menunjukkan bahawa rujukan kepada ahli ilmu bukanlah bentuk kawalan sosial yang zalim, tetapi satu keperluan epistemologi bagi memastikan kefahaman agama tidak ditentukan oleh sangkaan dan emosi semata-mata. Dari perspektif amalan sosial, penolakan terhadap autoriti ulama seperti yang dizahirkan dalam petikan di atas mencerminkan satu pergeseran nilai yang bercanggah dengan kerangka normatif Islam.

Selain itu, wacana mempertikaikan kewibawaan ulama ini menjadi lebih ketara apabila buku Indie mengalihkan punca penyimpangan akidah dan pemikiran kepada golongan agama itu sendiri. Petikan 2 dalam SB2 (2014:54) menyatakan “...*orang-orang menjadi murtad, sesat, liberal dan segala label, ini bukan salah orang-orang itu. Tetapi salah orang-orang agama itu sendiri.*”. Dalam konteks amalan sosial, petikan ini memperlihatkan satu proses penyongsangan tanggungjawab moral dan pergeseran pada asas pengetahuan dalam memahami agama. Individu tidak lagi dilihat bertanggungjawab terhadap pilihan ideologi dan keagamaannya, sebaliknya kesalahan dipindahkan sepenuhnya kepada ulama. Wacana ini berfungsi untuk melemahkan legitimasi sosial ulama sebagai pembimbing agama, sekali gus mengukuhkan persepsi bahawa autoriti agama gagal memenuhi keperluan masyarakat moden.

Implikasi sosial daripada wacana ini amat signifikan. Apabila autoriti ulama dipertikaikan secara menyeluruh, agama berisiko difahami sebagai wacana subjektif yang boleh ditafsirkan mengikut kecenderungan individu. Keadaan ini bertentangan dengan prinsip Islam yang mengangkat kedudukan ilmu dan orang berilmu. Firman Allah SWT (Az-Zumar 39:9);

أَمَّنْ هُوَ قُتِبَتْ ءَانَاءَ اللَّيْلِ سَاجِدًا وَقَائِمًا يَحْذَرُ الْآخِرَةَ وَيَرْجُو رَحْمَةَ رَبِّهِ قُلْ هَلْ يَسْتَوِي
الَّذِينَ يَعْلَمُونَ وَالَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ إِنَّمَا يَتَذَكَّرُ أُولُو الْأَلْبَابِ

Maksudnya;

Adakah sama orang yang taat beribadat pada waktu malam dengan sujud dan berdiri, sambil ia takutkan (azab) akhirat serta mengharapkan rahmat Tuhannya, dengan orang yang tidak demikian? Katakanlah: 'Adakah sama orang-orang yang mengetahui dengan orang-orang yang tidak mengetahui?' Sesungguhnya orang-orang yang berakal fikiran sahaja yang dapat mengambil pelajaran.

Ayat ini menegaskan bahawa penyamarataan autoriti antara orang berilmu dan orang awam bukan sahaja tidak tepat dari sudut epistemologi Islam, malah membawa implikasi sosial yang boleh mengelirukan umat dalam memahami agama. Selain itu, bahawa ilmu merupakan asas utama dalam menentukan kefahaman dan autoriti agama. Penyamarataan pandangan antara orang berilmu dan orang awam menafikan disiplin keilmuan Islam yang dibina melalui proses pembelajaran, ijtihad dan amanah ilmu. Dari sudut sosial, keadaan ini mendorong kekeliruan autoriti, melemahkan rujukan agama yang sahih, serta membuka ruang kepada tafsiran agama yang bersifat subjektif dan tidak berpandukan kaedah ilmu.

Selain itu, buku Indie yang dianalisis turut mengaitkan ulama dengan struktur kuasa politik dan kegagalan menangani isu sosial. Petikan 3 dalam SB4 (2017:99) menggambarkan seperti berikut; *“...Agamawan dan para alim ulama selesa berada di kaca televisyen... berpelukan dengan pemerintah di pentas, bersetuju dengan keadaan sosial, ekonomi umat yang sudah berkali-kali dijahanamkan.”* Dari sudut amalan sosial, petikan ini membina imej ulama sebagai elit agama yang bersekongkol dengan pemerintah dan gagal memainkan peranan kritikal terhadap ketidakadilan. Wacana sebegini berfungsi untuk memisahkan autoriti agama daripada legitimasi moral. Walaupun Islam tidak menafikan keperluan menegur ulama yang menyimpang, dapatan kajian menunjukkan bahawa penulisan buku Indie cenderung membuat generalisasi, seolah-olah keseluruhan institusi ulama bersifat hipokrit dan tidak relevan.

Merujuk kepada kerangka Islam, ketaatan dan autoriti tertinggi tetap terletak pada wahyu. Seperti mana Allah SWT berfirman (Al-Ahzab 33:36);

وَمَا كَانَ لِمُؤْمِنٍ وَلَا مُؤْمِنَةٍ إِذَا قَضَىٰ اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَمْرًا أَنْ يَكُونَ لَهُمُ الْخِيَرَةُ مِنْ أَمْرِهِمْ ۗ وَمَنْ يَعْصِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ فَقَدْ ضَلَّ ضَلًّا مُّبِينًا

Maksudnya;

Dan tidaklah harus bagi orang lelaki yang beriman dan juga bagi orang perempuan yang beriman, apabila Allah dan Rasul-Nya telah menetapkan sesuatu perkara, mereka mempunyai pilihan yang lain dalam urusan mereka; dan sesiapa yang menderhaka kepada Allah dan Rasul-Nya, maka sesungguhnya ia telah sesat dengan kesesatan yang nyata.

Ayat ini menjelaskan bahawa autoriti ulama berfungsi dalam lingkungan ketaatan kepada Allah dan Rasul, bukan sebagai autoriti mutlak yang kebal daripada kritikan. Namun, menolak autoriti ulama secara total, seperti yang ditampilkan dalam wacana buku Indie, berpotensi membawa kepada penolakan implisit terhadap autoriti wahyu itu sendiri kerana wahyu tidak lagi difahami melalui disiplin ilmu yang sahih. Keadaan ini seterusnya mengubah struktur rujukan agama dalam masyarakat, apabila panduan wahyu digantikan dengan tafsiran individu yang tidak terikat kepada metodologi ilmu. Implikasinya, agama berisiko difahami secara terpisah daripada kerangka syariah dan tradisi keilmuan Islam yang muktabar.

Dari perspektif amalan sosial, wacana mempertikaikan kewibawaan ulama dalam buku Indie juga berkait rapat dengan perubahan struktur masyarakat yang dipengaruhi oleh media baharu, budaya popular dan naratif *anti-establishment*. Buku Indie berfungsi sebagai medium budaya alternatif yang memberi ruang kepada ekspresi kekecewaan terhadap institusi agama formal. Dalam konteks ini, ulama menjadi simbol autoriti tradisional yang perlu dicabar bagi membuka ruang kepada tafsiran agama yang lebih selari dengan nilai liberal seperti kebebasan individu dan relativisme kebenaran. Namun, dapatan kajian menunjukkan bahawa pendekatan ini cenderung menyederhanakan realiti sosial yang kompleks. Kegagalan sebahagian ulama dijadikan asas untuk menolak keseluruhan tradisi keilmuan Islam. Dari sudut amalan sosial, wacana ini menyumbang kepada kelemahan autoriti agama, di mana setiap individu merasakan dirinya berhak menentukan kebenaran tanpa merujuk kepada metodologi ilmu. Keadaan ini selari dengan amaran al-Quran agar manusia tidak mengikuti sesuatu tanpa ilmu seperti mana firman Allah SWT (Al-Isra' 17:36);

وَلَا تَقْفُ مَا لَيْسَ لَكَ بِهِ عِلْمٌ إِنَّ السَّمْعَ وَالْبَصَرَ وَالْفُؤَادَ كُلُّ أُولَٰئِكَ كَانَ عَنْهُ مَسْئُولًا

Maksudnya;

Dan janganlah engkau menurut apa yang engkau tidak mempunyai pengetahuan mengenainya; sesungguhnya pendengaran dan penglihatan serta hati, semuanya itu akan dipertanggungjawabkan.

Secara keseluruhannya, analisis dimensi amalan sosial menunjukkan bahawa elemen mempertikaikan autoriti dan kewibawaan ulama dalam buku Indie bukan sekadar kritikan terhadap kelemahan institusi agama, tetapi merupakan sebahagian

daripada projek ideologi Islam liberal yang lebih luas. Wacana ini berfungsi untuk mengalihkan sumber autoriti agama daripada wahyu dan tradisi keilmuan kepada akal, emosi dan pengalaman individu. Implikasi sosialnya amat besar kerana ia berpotensi membentuk pembaca yang skeptikal terhadap autoriti agama dan memandang syariah sebagai produk relatif, bukan sebagai sistem formal yang mengikat kehidupan manusia

4.4.7 Memperjuangkan emansipasi wanita dan hak golongan minoriti

Gerakan feminisme dalam wacana Islam liberal lazimnya menekankan keperluan untuk menafsirkan semula teks-teks agama dengan menjadikan pengalaman hidup wanita sebagai kerangka epistemologi utama. Pendukung pendekatan ini berpandangan bahawa tafsiran tradisional terhadap al-Quran dan al-Sunnah telah dibentuk dalam konteks sosial yang didominasi oleh budaya patriarki, sekali gus menghasilkan kefahaman agama yang didakwa menindas dan meminggirkan hak wanita. Justeru, mereka menyeru kepada usaha rekonstruksi syariah, khususnya dalam isu-isu yang berkaitan dengan pembahagian harta pusaka, kedudukan wanita sebagai saksi, serta hak dan autoriti dalam institusi perkahwinan. Tuntutan ini dikemukakan atas asas bahawa prinsip kesetaraan gender perlu diajarkan dengan nilai-nilai moden serta kerangka hak asasi manusia sejagat.

Dalam kerangka pemikiran Islam liberal, usaha pentafsiran semula ini dilihat sebagai satu bentuk pembebasan wanita daripada struktur hukum yang dianggap bersifat statik dan tidak lagi relevan dengan realiti semasa. Syariah tidak lagi difahami sebagai sistem normatif yang bersifat tetap dan bersumberkan wahyu secara mutlak, sebaliknya dilihat sebagai produk sejarah yang terbuka kepada penilaian semula berdasarkan perubahan konteks sosial dan budaya. Pendekatan ini meletakkan rasional manusia dan pengalaman subjektif sebagai instrumen utama dalam menentukan keadilan, sekali gus mengurangkan autoriti wahyu sebagai sumber penentu hukum.

Walau bagaimanapun, pendekatan feminisme Islam liberal ini telah menimbulkan kontroversi yang signifikan dalam kalangan sarjana Islam arus perdana. Kritikan utama terhadap pendekatan ini ialah kecenderungannya menolak atau meminggirkan peranan wahyu sebagai panduan tertinggi dalam pembentukan hukum syariah. Penggantian wahyu dengan logik akal yang relatif dan berubah-ubah berpotensi

mencetuskan kekeliruan dari sudut akidah serta menghakis keutuhan sistem syariah yang dibangunkan melalui tradisi keilmuan Islam yang panjang dan berdisiplin. Lebih membimbangkan, pendekatan ini boleh membuka ruang kepada relativisme hukum, di mana ketetapan syarak dinilai semata-mata berdasarkan penerimaan sosial dan nilai semasa.

Namun demikian, hasil analisis terhadap kesemua sampel buku Indie yang dikaji (SB1–SB5) menunjukkan bahawa isu emansipasi wanita dan feminisme Islam liberal tidak diketengahkan secara langsung dalam penulisan mereka. Ketiadaan tema ini berkemungkinan besar dipengaruhi oleh latar belakang penulis yang majoritinya terdiri daripada golongan lelaki, sekali gus mempengaruhi keutamaan isu dan sudut pandang yang dibincangkan. Selain itu, fokus utama penulisan buku-buku tersebut lebih tertumpu kepada persoalan kebebasan individu, autoriti agama, dan kritikan terhadap institusi keagamaan, berbanding isu-isu khusus yang berkaitan dengan pengalaman dan hak wanita.

Tambahan pula, kemungkinan tema feminisme tidak diangkat kerana ia tidak selari dengan kerangka wacana yang ingin dibina oleh para penulis, atau dianggap kurang relevan dengan sasaran pembaca mereka. Ketiadaan elemen ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa meskipun buku Indie sering dikaitkan dengan wacana Islam liberal, tidak semua tonggak pemikiran Islam liberal diwakili secara menyeluruh dalam setiap teks. Hal ini mengukuhkan dapatan bahawa penyebaran elemen Islam liberal dalam buku Indie berlaku secara selektif dan bertema, bergantung kepada kecenderungan ideologi, latar sosial, serta tujuan penulisan pengarang masing-masing

4.5 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, Bab 4 telah membentangkan analisis dapatan kajian terhadap lima buah buku Indie terpilih dengan menumpukan kepada tiga dimensi utama, iaitu gaya penulisan, amalan wacana dan amalan sosial. Analisis ini menilai buku Indie sebagai teks wacana yang beroperasi dalam konteks sosial dan ideologi tertentu, bukan semata-mata sebagai karya penulisan alternatif.

Meneliti tentang aspek gaya penulisan, dapatan kajian menunjukkan bahawa buku Indie lazimnya menggunakan bahasa yang santai, bersifat peribadi dan provokatif.

Ciri-ciri ini berfungsi untuk menarik minat pembaca dan memudahkan penyampaian idea-idea kritikal, namun pada masa yang sama berpotensi mengaburkan sempadan antara pengalaman peribadi, pandangan subjektif dan autoriti keilmuan, khususnya dalam perbincangan berkaitan agama dan nilai. Manakala, dalam dimensi amalan wacana, kajian mendapati bahawa penghasilan dan penyebaran buku Indie berlaku dalam ekosistem penerbitan yang relatif bebas daripada kawalan institusi agama dan penerbitan arus perdana. Keadaan ini membuka ruang kepada kemunculan wacana yang mencabar autoriti tradisional dan kerangka pemikiran Islam yang mapan, tanpa melalui proses tapisan ilmiah yang ketat. Sementara itu, dari sudut amalan sosial, dapatan kajian menunjukkan bahawa wacana yang diketengahkan dalam buku Indie berpotensi mempengaruhi cara pembaca memahami agama, autoriti dan nilai sosial. Idea-idea seperti relativisme kebenaran dan penekanan terhadap kebebasan individu mencerminkan kecenderungan kepada pemikiran Islam liberal, yang boleh membawa implikasi terhadap kefahaman dan amalan keagamaan dalam masyarakat. Oleh itu, buku Indie wajar difahami secara kritis sebagai medium wacana yang mempunyai kesan ideologi, dan bukan sekadar fenomena penerbitan atau ekspresi kreatif semata-mata

BAB V

PENUTUP

5.1 PENGENALAN

Bab yang terakhir ini akan membincangkan rumusan dapatan kajian bagi ketiga-tiga persoalan kajian. Perbincangan bab ini akan melakukan rumusan dan kesimpulan keseluruhan kajian ini yang melibatkan tiga persoalan kajian yang telah diselesaikan menerusi bab analisis dapatan. Selain itu, perbincangan dalam bahagian ini turut membincangkan implikasi kajian dari sudut bidang ilmu, penyelidikan, wacana agama dan industri perbukuan negara. Bahagian bab ini pula membincangkan secara ringkas berkaitan beberapa saranan bagi faedah penyelidik akan datang.

5.2 RUMUSAN KAJIAN

Bahagian ini membincangkan rumusan kajian yang diperolehi daripada kajian ini yang akan dibahagikan kepada tiga persoalan utama mengenai buku Indie iaitu; gaya penulisan, amalan sosial buku Indie dan kandungan pemikiran Islam liberal.

5.2.1 Rumusan gaya penulisan buku Indie

Rumusan terhadap gaya penulisan buku Indie di Malaysia menunjukkan bahawa aspek gaya bukan sekadar persoalan estetika atau kreativiti sastera, sebaliknya berfungsi sebagai instrumen wacana yang membawa nilai, andaian epistemologi dan pendirian ideologi tertentu. Dapatan kajian memperlihatkan bahawa kebebasan kreatif yang sering dikaitkan dengan penerbitan Indie tidak bersifat neutral, malah berperanan membentuk kerangka pemikiran alternatif yang mencabar autoriti agama, norma moral tradisional serta struktur epistemologi Islam yang berasaskan wahyu. Justeru, gaya penulisan dalam buku Indie perlu dianalisis bukan hanya dari sudut teknik penulisan,

tetapi juga dari sudut fungsi ideologinya dalam membentuk makna dan kesadaran pembaca.

Kebebasan gaya yang ditekankan oleh penulis dan penerbit Indie sering dikemukakan sebagai penolakan terhadap kekangan format dan struktur penulisan konvensional. Namun, kebebasan ini dalam banyak kes berfungsi sebagai mekanisme pembebasan daripada kongkongan atau kawalan pihak tertentu, termasuk autoriti agama, tradisi keilmuan dan norma moral yang telah mapan. Melalui naratif yang longgar, tidak berstruktur dan tidak merujuk kepada sumber autoriti yang benar, maka penulisan Indie membuka ruang kepada pembaca untuk menafsir makna secara relatif dan subjektif. Pendekatan ini selari dengan prinsip asas pemikiran Islam liberal yang menolak kebenaran mutlak dan menggantinya dengan kepelbagaian tafsiran sebagai nilai utama. Oleh itu, gaya penulisan yang kelihatan bebas dan eksperimental ini sebenarnya menyokong fahaman relativisme kebenaran yang bercanggah dengan kerangka akidah Islam.

Dari sudut penggunaan bahasa, dapatan kajian menunjukkan bahawa buku Indie secara konsisten menggunakan laras bahasa lisan, santai dan tidak formal, malah dalam sesetengah keadaan bersifat provokatif dan mencabar norma kesantunan. Walaupun pendekatan ini sering di tafsir sebagai usaha mendekati pembaca muda, analisis yang lebih kritikal mendapati bahawa penggunaan bahasa sedemikian turut berfungsi untuk merendahkan wibawa wacana agama dan autoriti keilmuan tradisional. Bahasa agama yang biasanya dikaitkan dengan ketertiban, adab dan disiplin ilmu digantikan dengan gaya sinis, ironi dan kadangkala sarkastik. Strategi linguistik ini bukan sahaja mengubah nada perbincangan agama, malah menyumbang kepada normalisasi sikap skeptikal terhadap institusi agama dan ulama, selari dengan kecenderungan Islam liberal yang mempertikai autoriti tradisi.

Eksperimen terhadap struktur naratif, seperti penceritaan tidak linear, monolog dalaman dan pelbagai perspektif watak, turut memainkan peranan penting dalam pembentukan makna. Struktur naratif yang terpecah-pecah ini sering mengaburkan sempadan antara fakta dan fiksi, realiti dan imaginasi. Dari sudut analisis wacana, pendekatan ini memungkinkan pembaca menerima pelbagai suara dan pandangan tanpa

hierarki nilai yang jelas. Akibatnya, kebenaran agama tidak lagi diposisikan sebagai rujukan utama, sebaliknya diletakkan setara dengan pengalaman peribadi dan pandangan subjektif watak. Gaya ini memperkukuhkan naratif liberal bahawa agama hanyalah salah satu wacana sosial, bukan sumber kebenaran normatif yang mengikat.

Penggunaan simbolisme dan metafora yang kaya dalam buku Indie juga wajar dinilai secara kritis. Walaupun simbolisme sering dianggap sebagai elemen sastera yang memperkayakan makna, dapatan kajian menunjukkan bahawa simbol dan metafora dalam buku Indie kerap digunakan untuk menyampaikan kritikan terhadap struktur sosial dan agama secara tersirat. Agama sering digambarkan melalui simbol yang negatif, kaku atau menindas, manakala kebebasan individu dan autonomi moral dipersembahkan sebagai nilai pembebasan. Pendekatan simbolik ini menjadikan mesej liberal lebih halus dan sukar dikesan secara langsung, namun berkesan dalam membentuk persepsi pembaca terhadap agama dan autoritinya.

Dari segi pemilihan tema, kajian mendapati bahawa buku Indie cenderung mengangkat isu-isu seperti feminisme, hak asasi manusia, kebebasan seksual, pluralisme agama dan politik identiti. Walaupun isu-isu ini penting dalam wacana kontemporari, cara ia dibingkai dalam buku Indie sering kali dipengaruhi oleh kerangka liberal Barat. Tema-tema ini tidak dibincangkan dalam kerangka syariah atau maqasid Islam, sebaliknya diposisikan sebagai nilai sejagat yang berdiri sendiri. Gaya penulisan yang provokatif dan konfrontasi terhadap norma agama menjadikan pembaca, khususnya golongan muda, lebih cenderung menerima wacana liberal sebagai progresif dan agama sebagai konservatif serta ketinggalan zaman.

Penggunaan elemen intertekstual dan satira turut menyumbang kepada pembinaan wacana Islam liberal dalam buku Indie. Rujukan kepada budaya popular, karya Barat dan peristiwa sejarah sering digunakan untuk menyokong hujah secara implisit, tanpa perbincangan ilmiah yang seimbang. Satira pula digunakan untuk memperlekehkan pandangan agama atau amalan tradisional, sekali gus melemahkan kewibawaan agama di mata pembaca. Strategi ini berkesan kerana mesej disampaikan secara sinis dan tidak langsung, menjadikannya lebih mudah diterima tanpa penilaian kritis yang mendalam.

Walaupun gaya penulisan Indie sering dipuji atas dasar keberanian dan inovasi, dapatan kajian menunjukkan bahawa pendekatan ini turut membawa implikasi negatif. Eksperimen bahasa dan struktur yang keterlaluan berpotensi mengelirukan pembaca dan mengaburkan mesej utama. Lebih membimbangkan, kebebasan gaya yang tidak berpaksikan nilai dan disiplin ilmu membuka ruang kepada penyebaran idea-idea yang bercanggah dengan akidah dan syariah tanpa tapisan kritikal. Dalam konteks ini, kelemahan gaya penulisan Indie bukan sekadar isu teknikal, tetapi melibatkan kesan ideologi dan epistemik yang lebih mendalam terhadap pembaca Muslim.

Secara keseluruhannya, rumusan kajian ini menegaskan bahawa gaya penulisan buku Indie di Malaysia tidak boleh dinilai semata-mata sebagai manifestasi kreativiti sastera. Sebaliknya, gaya tersebut berfungsi sebagai medium wacana yang menyokong dan menyebarkan pemikiran Islam liberal secara halus dan tersusun. Melalui kebebasan bahasa, struktur naratif yang relatif, dan pemilihan tema yang selari dengan nilai liberal, buku Indie membentuk cara berfikir dan mentafsir agama dalam kalangan pembaca. Oleh itu, analisis kritis terhadap gaya penulisan ini penting bagi memahami bagaimana penerbitan Indie berperanan sebagai ruang wacana alternatif yang bukan sahaja mencabar perkembangan sastera, tetapi juga asas epistemologi dan nilai Islam dalam masyarakat kontemporari.

5.2.2 Rumusan amalan sosial buku Indie

Fenomena penerbitan buku Indie di Malaysia memperlihatkan satu bentuk amalan sosial yang berkembang sebagai respons terhadap struktur penerbitan arus perdana yang dilihat terlalu institusional, berorientasikan pasaran dan terikat dengan norma tertentu. Dalam konteks ini, penerbitan Indie muncul bukan sekadar sebagai alternatif teknikal dalam industri buku, tetapi sebagai ruang wacana sosial yang membentuk, mencabar dan merundingkan semula nilai, autoriti serta kerangka pemikiran dominan dalam masyarakat. Oleh itu, analisis terhadap buku Indie perlu meletakkannya sebagai satu fenomena budaya yang sarat dengan implikasi ideologi, bukan sekadar manifestasi kreativiti sastera.

Kebebasan kreatif yang sering diketengahkan dalam penerbitan Indie merupakan ciri utama yang membentuk amalan sosialnya. Kebebasan ini membolehkan

penulis menulis di luar kekangan editorial dan komersial, sekali gus membuka ruang kepada ekspresi yang lebih langsung dan tidak ditapis. Dari sudut positif, kebebasan tersebut memperluas spektrum wacana awam dengan mengangkat isu-isu yang kurang diberi perhatian dalam penerbitan arus perdana. Namun, dari sudut analitik kebebasan kreatif ini juga berfungsi sebagai mekanisme pelepasan daripada autoriti wacana, termasuk autoriti moral, agama dan institusi. Apabila kebebasan tidak diimbangi dengan kerangka nilai yang jelas, ia berpotensi membentuk wacana yang menormalisasikan relativisme pandangan dan penolakan terhadap kebenaran normatif.

Pemilihan tema dalam buku Indie mencerminkan kecenderungan untuk mencabar naratif dominan dan struktur kuasa sedia ada. Isu-isu seperti politik, keadilan sosial, identiti, feminisme dan hak minoriti sering dibincangkan secara kritikal dan konfrontasi. Walaupun pendekatan ini menyumbang kepada kepelbagaian perspektif, analisis mendapati bahawa banyak karya Indie membingkai isu-isu tersebut melalui kerangka pemikiran liberal kontemporari yang menekankan kebebasan individu, autonomi moral dan penentangan terhadap autoriti tradisi. Dalam konteks amalan sosial, pendekatan ini secara tidak langsung membentuk pembaca untuk melihat institusi dan norma sedia ada sebagai bersifat menindas atau ketinggalan zaman, tanpa perbincangan yang seimbang tentang fungsi sosial dan sejarah institusi tersebut.

Keaslian idea dan eksperimen bentuk penulisan turut menjadi elemen penting dalam pembentukan amalan sosial penerbitan Indie. Gaya penulisan yang santai, eksperimental dan tidak terikat dengan struktur konvensional menjadikan karya Indie lebih dekat dengan pengalaman harian pembaca, khususnya golongan muda. Namun, eksperimen yang keterlaluan berpotensi menghasilkan wacana yang bersifat rapuh, iaitu idea disampaikan secara terpisah tanpa kesinambungan hujah yang jelas. Keadaan ini bukan sahaja menjejaskan kejelasan pemikiran, malah membuka ruang kepada pembacaan yang subjektif dan relatif. Dalam jangka panjang, wacana ini boleh melemahkan keupayaan pembaca untuk menilai isu secara kritikal dan berstruktur.

Dari segi penyampaian kepada khalayak, penerbitan Indie memanfaatkan media sosial dan acara literasi alternatif untuk membina hubungan langsung dengan pembaca. Pendekatan ini memperkukuh pembentukan komuniti pembaca yang aktif dan terlibat,

sekali gus menjadikan buku Indie sebagai sebahagian daripada gerakan budaya. Namun, dalam kerangka amalan sosial, strategi ini juga mempercepatkan penyebaran idea tanpa melalui proses penilaian ilmiah yang ketat. Penyampaian wacana melalui saluran tidak formal berpotensi menjadikan idea kompleks diterima secara ringkas dan popular, tanpa ruang refleksi yang mencukupi. Hal ini menunjukkan bahawa pengaruh sosial buku Indie bukan sahaja terletak pada kandungannya, tetapi juga pada cara idea tersebut diedarkan dan dinormalisasikan dalam ruang awam.

Imej anti arus perdana dan sikap melawan yang dibina oleh penerbitan Indie berfungsi sebagai simbol penentangan terhadap hegemoni penerbitan tradisional. Sikap ini sering di tafsir sebagai lambang keberanian dan pembaharuan. Namun, analisis yang lebih mendalam menunjukkan bahawa penolakan menyeluruh terhadap arus perdana berisiko menghasilkan sikap antagonistik terhadap autoriti secara umum. Apabila penentangan menjadi identiti utama, wacana yang terhasil cenderung bersifat reaktif dan kurang refleksi. Dalam konteks ini, penerbitan Indie tidak hanya mencabar struktur sedia ada, tetapi turut membentuk budaya wacana yang skeptikal terhadap sebarang bentuk autoriti dan norma.

Secara keseluruhannya, analisis amalan sosial buku Indie menunjukkan bahawa penerbitan ini berperanan sebagai ruang wacana alternatif yang aktif membentuk kesedaran sosial dan ideologi pembaca. Keunikan buku Indie terletak pada kebebasan kreatif, keberanian mencabar norma dan keupayaannya membina komuniti pembaca yang terlibat. Namun, keunikan ini turut membawa implikasi yang memerlukan penelitian kritikal, khususnya dari segi pembentukan wacana, normalisasi nilai liberal dan kecenderungan relativisme makna. Oleh itu, buku Indie wajar difahami sebagai fenomena sosial yang kompleks, yang bukan sahaja menyumbang kepada kepelbagaian budaya membaca, tetapi juga mempengaruhi cara masyarakat mentafsir autoriti, nilai dan kebenaran dalam konteks kontemporari.

5.2.3 Rumusan elemen pemikiran Islam liberal

Buku Indie di Malaysia muncul sebagai satu fenomena penerbitan alternatif yang berkembang pesat di luar kerangka penerbitan arus perdana. Perkembangannya bukan sekadar mencerminkan perubahan selera pembaca atau kebebasan kreativiti penulis,

tetapi turut menandakan peralihan wacana dalam cara agama, masyarakat dan identiti difahami serta dibincangkan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa sebahagian buku Indie berfungsi sebagai medium penyampaian pemikiran Islam liberal, sama ada secara tersurat mahupun secara implisit melalui penceritaan. Pemikiran ini lazimnya menekankan keterbukaan, penyesuaian terhadap perubahan zaman dan penilaian semula terhadap autoriti agama. Justeru, buku Indie tidak boleh difahami semata-mata sebagai produk sastera, tetapi sebagai wacana sosial yang membawa implikasi pemikiran dan nilai kepada pembaca.

Informan kajian menjelaskan bahawa pemikiran Islam liberal dalam buku Indie jarang disampaikan dalam bentuk perbincangan ilmiah atau hujah teologi yang tersusun. Sebaliknya, idea-idea tersebut diolah melalui pengalaman watak, konflik peribadi dan dilema sosial yang dekat dengan kehidupan seharian. Pendekatan ini menjadikan mesej yang disampaikan lebih halus dan tidak bersifat menggurui. Namun, dalam masa yang sama, kaedah ini berpotensi mengaburkan garis pemisah antara pandangan peribadi penulis, imaginasi sastera dan prinsip ajaran Islam. Pembaca mungkin menerima naratif tersebut sebagai gambaran realiti agama tanpa menyedari andaian ideologi yang membentuk penceritaan itu.

Tema kebebasan individu muncul sebagai salah satu elemen paling dominan dalam kandungan buku Indie. Buku-buku ini sering menggambarkan individu sebagai subjek yang mempunyai kebebasan penuh untuk menentukan cara memahami dan mengamalkan agama mengikut pengalaman masing-masing. Agama ditampilkan sebagai ruang peribadi yang boleh di tafsir, dirunding dan disesuaikan mengikut kehendak individu. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pendekatan ini mencerminkan asas pemikiran Islam liberal yang menekankan autonomi individu berbanding autoriti tradisi. Dalam kerangka ini, kebenaran agama tidak lagi dilihat sebagai sesuatu yang tetap, sebaliknya sebagai sesuatu yang relatif dan bergantung kepada konteks.

Tema kebebasan individu ini lazimnya diolah melalui watak-watak yang berhadapan dengan tekanan norma agama dan budaya yang digambarkan sebagai konservatif atau mengekang. Watak protagonis sering diposisikan sebagai individu

yang berani mencabar tradisi demi mencari makna hidup dan kebahagiaan peribadi. Naratif sedemikian membina empati pembaca terhadap perjuangan watak tersebut. Namun, analisis kajian mendapati bahawa pendekatan ini secara tidak langsung membentuk persepsi negatif terhadap autoriti agama, seolah-olah agama hanya berfungsi sebagai penghalang kepada kebebasan dan perkembangan diri, tanpa mengiktiraf peranan agama sebagai panduan moral dan kerangka kehidupan yang menyeluruh.

Dari segi bahasa dan gaya penyampaian, buku Indie cenderung menggunakan bahasa yang santai, terus terang dan kadangkala provokatif. Dialog dan monolog watak dimanfaatkan untuk mempersoalkan moral, norma sosial dan amalan keagamaan secara terbuka. Gaya ini menjadikan wacana agama kelihatan lebih dekat dengan realiti harian pembaca dan mudah diakses. Namun, dapatan kajian menunjukkan bahawa pendekatan bahasa sedemikian juga berpotensi mengurangkan keseriusan perbincangan agama apabila isu-isu yang kompleks disampaikan secara ringkas, emosional atau sinis, tanpa huraian yang seimbang dan mendalam.

Kritikan terhadap konservatisme agama merupakan satu lagi elemen yang menonjol dalam buku Indie. Institusi agama sering digambarkan sebagai kaku, autoritarian dan gagal memahami keperluan masyarakat moden. Konflik antara individu dan institusi agama digunakan sebagai alat naratif untuk menyampaikan mesej bahawa perubahan hanya boleh berlaku melalui penolakan terhadap struktur tradisional. Walaupun kritikan terhadap kelemahan institusi agama merupakan sesuatu yang wajar, kajian mendapati bahawa pendekatan ini sering bersifat menyeluruh dan tidak membezakan antara kelemahan pentadbiran dan prinsip ajaran agama itu sendiri.

Isu feminisme Islam menjadi antara medan kritikan yang paling ketara dalam buku Indie. Penulis Indie sering mengangkat persoalan hak wanita dalam perkahwinan, pendidikan, pekerjaan dan ruang awam. Amalan-amalan tertentu seperti poligami atau peraturan berpakaian sering dipersoalkan sebagai simbol penindasan. Namun, dapatan kajian menunjukkan bahawa perbincangan ini kebanyakannya digerakkan melalui lensa liberal yang menekankan kesaksamaan mutlak, tanpa mengambil kira kerangka fiqh,

maqasid shari'ah dan konteks sejarah. Akibatnya, gambaran tentang kedudukan wanita dalam Islam menjadi tidak menyeluruh dan cenderung dipermudahkan.

Pluralisme agama turut menjadi tema penting dalam kandungan buku Indie. Naratif yang menampilkan interaksi antara pelbagai agama dan budaya digunakan untuk menekankan nilai toleransi, keharmonian dan kemanusiaan sejagat. Dalam konteks masyarakat majmuk, mesej ini kelihatan relevan dan menarik. Namun, analisis kajian mendapati bahawa pendekatan pluralisme dalam buku Indie sering melangkaui batas toleransi sosial sehingga mengaburkan perbezaan asas akidah. Agama digambarkan sebagai setara dari segi kebenaran, sekali gus menyokong andaian relativisme agama yang bercanggah dengan kerangka keimanan Islam.

Isu-isu sensitif seperti murtad, perkahwinan campur dan kebebasan beragama turut dibincangkan dalam kerangka hak individu. Buku Indie cenderung memposisikan isu-isu ini sebagai pilihan peribadi yang perlu dihormati tanpa perbincangan mendalam mengenai implikasi akidah dan hukum Islam. Pendekatan ini membina simpati pembaca terhadap individu yang bergelut dengan konflik identiti. Namun, dapatan kajian menunjukkan bahawa kerangka ini lebih selari dengan pemikiran liberal yang mengutamakan kebebasan individu berbanding tanggungjawab agama dan sosial.

Hak asasi manusia dan kesaksamaan gender turut diketengahkan sebagai nilai sejagat yang dianggap selari dengan ajaran Islam. Melalui penceritaan yang menyentuh emosi, buku Indie membina empati pembaca terhadap golongan yang digambarkan sebagai terpinggir atau tertindas. Walaupun pendekatan ini berkesan dari sudut sastera dan komunikasi, kajian mendapati bahawa konsep hak asasi sering diambil secara langsung daripada wacana liberal Barat tanpa pembezaan yang jelas dengan konsep keadilan, amanah dan tanggungjawab dalam Islam. Hal ini berpotensi mengelirukan pembaca tentang perbezaan kerangka nilai yang mendasari kedua-dua pendekatan tersebut.

Dari sudut teknik wacana, buku Indie menggunakan gaya penceritaan yang terbuka dan refleksi, membenarkan pembaca mentafsir mesej mengikut pengalaman masing-masing. Pendekatan ini menggalakkan pemikiran kritikal dan keterlibatan

emosi pembaca. Namun, dapatan kajian menunjukkan bahawa kebebasan tafsiran ini juga membuka ruang kepada pembacaan yang terlalu subjektif dan relatif, terutamanya apabila tiada panduan nilai yang jelas. Kontroversi yang timbul terhadap buku-buku Indie mencerminkan pertembungan wacana antara pemikiran Islam liberal dan kefahaman agama tradisional dalam masyarakat.

Secara keseluruhannya, rumusan kajian ini menunjukkan bahawa kandungan pemikiran Islam liberal dalam buku Indie berfungsi sebagai wacana yang mempengaruhi cara pembaca memahami agama, kebebasan dan autoriti. Walaupun penerbitan Indie menyumbang kepada kepelbagaian wacana dan perbincangan intelektual, pendekatan liberal yang diketengahkan membawa implikasi epistemologi dan normatif yang signifikan. Oleh itu, buku Indie tidak wajar difahami sebagai medium yang neutral, sebaliknya sebagai ruang wacana yang berpengaruh dalam membentuk landskap pemikiran keagamaan kontemporari di Malaysia dan memerlukan penilaian kritis yang berterusan.

5.3 CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Kajian ini mempunyai implikasi yang tersendiri terhadap pelbagai pihak, khususnya dalam konteks perkembangan intelektual, wacana agama, industri penerbitan serta bidang penyelidikan dan pendidikan. Implikasi-implikasi ini perlu dinilai secara berhati-hati dan seimbang, memandangkan fenomena buku Indie bukan sahaja membawa unsur pembaharuan, tetapi turut menimbulkan cabaran dari sudut nilai, autoriti dan kesan jangka panjang terhadap masyarakat.

5.3.1 Implikasi terhadap perkembangan intelektual dan wacana kritikal

Dapatan kajian menunjukkan bahawa buku Indie memberi kesan yang ketara terhadap perkembangan wacana intelektual di Malaysia, khususnya dalam memperkenalkan bentuk pemikiran yang lebih kritikal dan tidak konvensional. Kandungan buku Indie sering mempersoalkan pandangan arus perdana dan mencabar kefahaman tradisional terhadap isu sosial, budaya dan agama. Dari satu sudut, keadaan ini menyumbang kepada keterbukaan ruang perbincangan dan menggalakkan pembaca untuk tidak menerima sesuatu pandangan secara pasif..

Namun demikian, implikasi ini juga perlu dilihat secara kritis. Wacana kritikal yang dibentuk melalui buku Indie tidak sentiasa berpaksikan kerangka ilmu yang seimbang atau berdisiplin. Dalam sesetengah karya, kritikan terhadap tradisi dan autoriti dibina melalui naratif emosi dan pengalaman peribadi, tanpa sokongan analisis yang mendalam. Keadaan ini berpotensi membentuk budaya berfikir yang reaktif, iaitu cenderung menolak pandangan tradisional tanpa memahami asas dan rasional di sebaliknya.

Dalam konteks ini, buku Indie bukan sahaja mencabar pemikiran tradisional, tetapi turut mencabar institusi pendidikan dan penyelidikan untuk berperanan lebih aktif dalam membimbing pembaca, khususnya generasi muda, agar mampu membezakan antara pemikiran kritikal yang membina dan kritikan yang bersifat simplistik. Oleh itu, implikasi terhadap perkembangan intelektual bukan hanya berkaitan peluasan wacana, tetapi juga keperluan memperkukuh keupayaan masyarakat untuk menilai wacana secara matang dan bertanggungjawab.

5.3.2 Implikasi terhadap wacana agama dan pemikiran Islam

Implikasi terhadap wacana agama merupakan antara dapatan paling signifikan dalam kajian ini. Buku Indie didapati menjadi salah satu medium yang menyampaikan pemikiran Islam liberal melalui pendekatan naratif, bahasa santai dan tema-tema kontemporari. Pemikiran ini sering mencabar tafsiran agama yang bersifat tradisional dengan menekankan kebebasan individu, penilaian semula autoriti agama dan penerimaan terhadap kepelbagaian tafsiran.

Dari satu sudut, fenomena ini membuka ruang dialog dan refleksi terhadap peranan agama dalam kehidupan moden. Ia mendorong sebahagian pembaca untuk berfikir semula tentang hubungan antara agama, masyarakat dan perubahan zaman. Namun, kajian ini juga menunjukkan bahawa penyampaian pemikiran Islam liberal melalui buku Indie sering berlaku tanpa penjelasan yang seimbang tentang kerangka epistemologi Islam. Akibatnya, agama berisiko difahami secara terpisah daripada tradisi ilmu, autoriti keilmuan dan prinsip akidah yang menjadi asas Islam.

Implikasi ini menimbulkan kebimbangan khususnya dalam kalangan institusi agama dan ilmuwan Islam, kerana wacana yang dibentuk cenderung mengaburkan sempadan antara dialog intelektual dan relativisme agama. Buku Indie, dalam konteks ini, menjadi medan pertembungan antara pemikiran konservatif dan liberal. Pertembungan ini bukan sahaja mencerminkan kepelbagaian pandangan, tetapi turut menuntut kehadiran wacana agama yang lebih berwibawa, seimbang dan mampu berinteraksi secara kritis dengan cabaran pemikiran kontemporari.

5.3.3 Implikasi terhadap industri penerbitan dan teknologi

Kajian ini turut menunjukkan bahawa penerbitan Indie membawa implikasi besar terhadap industri penerbitan di Malaysia, terutamanya dari sudut penggunaan teknologi dan model perniagaan. Penerbit Indie memanfaatkan platform digital dan media sosial sebagai saluran utama pemasaran dan pengedaran, sekali gus mencabar dominasi model penerbitan tradisional yang bergantung kepada institusi dan rangkaian fizikal.

Dari satu sudut, pendekatan ini memperluas akses penerbitan dan membuka peluang kepada penulis baharu untuk menerbitkan karya tanpa kekangan editorial yang ketat. Namun, kajian ini juga mendapati bahawa ketiadaan kawalan editorial yang jelas boleh memberi kesan terhadap mutu kandungan dan tanggungjawab sosial penerbitan. Dalam konteks ini, teknologi bukan sahaja mempercepat penyebaran idea, tetapi juga mempercepat normalisasi wacana tanpa proses tapisan yang memadai.

Implikasi ini menuntut industri penerbitan, sama ada arus perdana atau Indie, untuk menilai semula peranan mereka dalam memastikan keseimbangan antara kebebasan berkarya dan tanggungjawab terhadap masyarakat. Teknologi seharusnya menjadi alat yang memperkaya wacana, bukan sekadar medium penyebaran idea tanpa pertimbangan kesan jangka panjang terhadap pemikiran pembaca.

5.3.4 Implikasi terhadap penyelidikan dan pendidikan

Dari sudut penyelidikan, buku Indie menyediakan sumber data yang kaya untuk memahami perubahan nilai, norma dan cara berfikir masyarakat kontemporari. Kajian ini membuka ruang kepada penyelidikan lanjut dalam bidang sosiologi, kajian budaya,

media dan agama, khususnya dalam meneliti bagaimana wacana alternatif dibentuk dan diterima oleh masyarakat.

Dalam konteks pendidikan pula, buku Indie tidak wajar diterima secara tidak kritis sebagai bahan pembelajaran. Walaupun ia menawarkan naratif alternatif dan mencerminkan realiti sosial semasa, kandungannya perlu diteliti dengan teliti sebelum diintegrasikan ke dalam silibus. Kajian ini menunjukkan bahawa buku Indie boleh dimanfaatkan sebagai bahan perbincangan kritikal, bukannya sebagai rujukan normatif atau autoritatif.

Implikasi terhadap pendidikan menuntut pendidik memainkan peranan aktif dalam membimbing pelajar untuk menilai kandungan buku Indie secara analitik, memahami konteks ideologi di sebalik penceritaan, serta membezakan antara kebebasan berfikir dan relativisme nilai. Dengan pendekatan ini, pendidikan dapat memanfaatkan buku Indie sebagai alat refleksi, bukan sebagai saluran penerimaan idea secara pasif.

Secara keseluruhannya, kajian ini menunjukkan bahawa buku Indie mempunyai implikasi yang luas dan kompleks terhadap masyarakat Malaysia, merangkumi aspek intelektual, agama, industri penerbitan dan pendidikan. Walaupun penerbitan Indie menyumbang kepada kepelbagaian wacana dan membuka ruang perbincangan baharu, kajian ini menegaskan bahawa kesannya tidak bersifat satu dimensi atau sepenuhnya positif. Buku Indie berfungsi sebagai ruang wacana yang berpengaruh, yang mampu membentuk cara berfikir, menilai autoriti dan memahami agama.

Oleh itu, kajian ini menekankan keperluan semua pihak termasuk penulis, penerbit, pendidik, penyelidik dan pembuat dasar untuk mendekati fenomena buku Indie secara kritis dan seimbang. Pendekatan ini penting bagi memastikan bahawa kebebasan berkarya dan perkembangan intelektual tidak mengorbankan kejelasan nilai, disiplin ilmu dan kesejahteraan pemikiran masyarakat dalam jangka panjang

5.4 CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Terdapat beberapa cadangan kajian lanjutan mengenai buku Indie yang boleh dilakukan pada masa akan datang bagi mempelbagaikan kajian ini dari sudut ilmu dan sumbangan akademik.

5.4.1 Kajian tentang penerimaan pembaca terhadap kandungan buku Indie

Salah satu cadangan kajian lanjutan ialah meneliti penerimaan pembaca terhadap kandungan buku Indie, khususnya dalam kalangan generasi muda. Kajian ini boleh memberi fokus kepada bagaimana pembaca memahami dan mentafsir tema-tema yang dibawa oleh buku Indie, seperti pemikiran Islam liberal, kebebasan individu, dan feminisme. Selain itu, kajian ini juga boleh mengukur sejauh mana buku Indie mempengaruhi pandangan pembaca terhadap norma tradisional dan nilai-nilai agama. Pendekatan kuantitatif melalui soal selidik boleh digabungkan dengan kaedah kualitatif seperti temu bual mendalam untuk mendapatkan gambaran yang holistik tentang impak kandungan buku Indie terhadap pembaca.

5.4.2 Kajian terhadap pemikiran Islam liberal

Buku Indie sering menjadi medium untuk mengetengahkan pemikiran Islam liberal, tetapi kajian yang lebih mendalam diperlukan untuk memahami secara kritikal bagaimana tema ini diterjemahkan dalam teks-teks tersebut. Kajian lanjutan boleh memberi tumpuan kepada analisis teks menggunakan teori kritis atau teori analisis wacana untuk meneliti mesej-mesej yang terkandung dalam buku Indie. Kajian ini juga boleh menilai sejauh mana tema Islam liberal disampaikan secara bertanggungjawab dan bagaimana mesej ini diterima dalam masyarakat yang cenderung kepada nilai-nilai konservatif. Dengan pendekatan ini, kajian lanjutan boleh memberikan gambaran yang lebih jelas tentang impak tema ini terhadap wacana agama di Malaysia.

5.4.3 Kajian terhadap dinamika penerbitan buku Indie

Dinamika penerbitan buku Indie, termasuk strategi pemasaran, hubungan dengan pembaca, dan cabaran dalam industri, merupakan satu lagi bidang yang memerlukan kajian lanjutan. Kajian ini boleh memberi tumpuan kepada bagaimana penerbit Indie

menggunakan teknologi digital dan media sosial untuk mempromosikan karya mereka, serta bagaimana mereka menyesuaikan diri dengan cabaran seperti persaingan daripada penerbit arus perdana dan isu kawalan kualiti. Kajian ini juga boleh melibatkan kajian kes terhadap penerbit-penerbit Indie utama di Malaysia, seperti Fixi, Lejen Press, dan Dubook, untuk memahami pendekatan unik mereka dalam menerajui industri penerbitan alternatif.

5.4.4 Kajian terhadap kesan buku Indie terhadap industri penerbitan

Kajian lanjutan juga boleh memberi fokus kepada kesan buku Indie terhadap landskap penerbitan di Malaysia. Buku Indie telah mencabar model penerbitan tradisional dengan memperkenalkan pendekatan yang lebih bebas dan fleksibel, tetapi sejauh mana impaknya terhadap industri secara keseluruhan masih belum diteliti secara menyeluruh. Kajian ini boleh melibatkan wawancara dengan penerbit, penulis, dan pembaca untuk memahami bagaimana buku Indie mempengaruhi trend, pasaran, dan inovasi dalam penerbitan buku di Malaysia.

5.4.5 Kajian terhadap komuniti buku Indie

Kajian tentang komuniti yang terbentuk di sekitar buku Indie, termasuk pembaca, penulis, dan penerbit, juga merupakan cadangan yang relevan. Komuniti ini memainkan peranan penting dalam menyokong ekosistem penerbitan Indie, tetapi dinamik hubungan antara anggota komuniti ini masih belum diterokai secara mendalam. Kajian ini boleh memberi tumpuan kepada bagaimana komuniti ini membina identiti kolektif, menyokong perkembangan buku Indie, dan mencetuskan wacana sosial. Selain itu, kajian ini juga boleh meneliti bagaimana komuniti ini mempengaruhi kandungan dan gaya penulisan buku Indie.

Secara keseluruhannya, cadangan kajian lanjutan ini bertujuan untuk memperluaskan pemahaman tentang peranan buku Indie dalam masyarakat Malaysia. Dengan meneliti pelbagai aspek seperti penerimaan pembaca, tema pemikiran Islam liberal, estetika visual, dan hubungan dengan media baru, kajian lanjutan ini dapat memberikan gambaran yang lebih menyeluruh tentang impak buku Indie terhadap budaya, sosial, dan intelektual. Kajian ini juga penting untuk menyokong

perkembangan penerbitan Indie dan memastikan ia terus memainkan peranan yang signifikan dalam mencorak wacana masyarakat Malaysia.

5.5 PENUTUP

Kajian ini menyimpulkan bahawa penerbitan buku Indie di Malaysia merupakan satu fenomena wacana yang kompleks dan tidak bersifat neutral, kerana ia bukan sekadar saluran ekspresi kreatif tetapi turut berfungsi sebagai medium yang aktif membentuk cara isu sosial, intelektual dan keagamaan difahami dalam masyarakat. Melalui analisis gaya penulisan, penerimaan amalan sosial dan kandungan pemikiran Islam liberal, kajian ini mendapati bahawa gaya penulisan yang bebas dan tidak konvensional membuka ruang kepada penyampaian idea secara lebih terbuka, namun pada masa yang sama berpotensi mengaburkan batas antara kritikan yang membina dan penolakan menyeluruh terhadap autoriti serta tradisi. Pemikiran Islam liberal dikenal pasti hadir secara konsisten melalui tema kebebasan individu, kritikan terhadap konservatisme agama dan penerimaan pluralisme, yang disampaikan secara naratif tanpa perbahasan teologi yang seimbang, sekali gus membentuk kecenderungan relativisme dalam kefahaman agama. Kajian ini juga menunjukkan bahawa penerimaan terhadap buku Indie tidak bersifat seragam, sebaliknya mencerminkan pertembungan wacana antara kecenderungan liberal dan kefahaman agama tradisional. Oleh itu, buku Indie wajar dinilai secara kritis dan seimbang, bukan sebagai simbol pembaharuan mutlak atau ancaman total, tetapi sebagai fenomena wacana yang mencerminkan pertembungan ideologi dan perubahan nilai dalam landskap sosial dan keagamaan di Malaysia.

RUJUKAN

Al-Quran. t.th. ~.

Abd Aziz Ittar. 2016. Risau anak muda suka membaca. *Utusan Online*, 8 June :10.

Abdullahi Ahmed An-Naim. 1990. *Toward an Islamic Reformation: Civil Liberties, Human Rights, and International Law*. New York: Syrauce.

Abdul Rahman Mahmood, Abdul Muhaimin Mahmood & Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim.. 2017. Kebebasan bersuara dalam hukum dan fatwa : satu analisis. *Jurnal Penyelidikan Islam*. 43–59.

Abdussalam Muhammad Shukri & Musa Yusuf Owoyemi.2014. Sisters in Islam's quest for the reinterpretationof the Qur'an and Hadith: An analysis of their viewson equality, women judges, and polygamy. *Kajian Malaysia* 32(1): 55-80

Adian Husaini. 2009. *Membendung Arus Liberalisme di Indonesia*. Jakarta Timur: Pustaka Al-Kautsar.

Adiwan Aritenang & Renny Ratna Dewi. 2022. Indie books publishing: Actor collaborations and knowledge preservations. *Cogent Social Sciences* 8(1):10-15.

Aemy Elyani Mat Zain, Haslina Ibrahim, Nazneen Ismail, Safinah Ismail, Nur Aisyah Abu Hassan & Fatin Farzana Dass Meral. 2024. Isu antara agama: sorotan awal kemerosotan toleransi agama di Malaysia. *e-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi*. 11(22):1-14.

Afzalur Rahman. 2011. *Islam: Ideology and the Way of Life*. London: Muslim School Trust.

Ahmad Bazli Shafie & Muhammad Rashidi Wahab. 2022. Pendekatan liberal terhadap Islam dan percanggahannya dengan manhaj Ahli Sunnah Waljamaah. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*. 23(1): 172-184.

Ahmad Farouk Musa. 2017. Islam, negara dan cabaran demokrasi. Dlm. Ahmad Farouk Musa, Ahmad Nabil Amir, Hazman Baharom, Mohd Syazreen Abdullah & Shuhaib Ar Rummy Ismail (pnyt). *Wacana Reformis III* . hlm. 10–13. Kuala Lumpur: Islamic Renaissance Front Berhad.

Ahmad Mohamad, Alwani Ghazali & Wan Zailan Kamaruddin Wan Ali. 2021. Isu-Isu Berkaitan Pluralisme Agama di Malaysia: Suatu Analisis Awal. *Peradaban*. 14(1): 1-17.

Ahmad Nabil Amir. 2017. Rachid al-Ghannouchi sebagai Demokrat Islam. Dlm. Ahmad Farouk Musa (pnyt). *Wacana Pemikiran Reformis Jilid III*. hlm. 327–335. Kuala Lumpur: Islamic Renaissance Front Berhad.

- Aisamuddin Asri & Amirul. 2016. Karya Indie bukan main-main. *Utusan Online* <http://www.utusan.com.my/pendidikan/sastera/karya-indie-bukan-main-main.html> [31 Julai 2016]
- Alan Darmawan. 2018. Tinjauan buku: Shaz Johar, Salafi. *Jurnal Ilmu Kebahasaan dan Kesasteraan*. 2(1):108-110.
- Allan, K. & Burridge, K. 2006. *Forbidden Words*. Cambridge: University Press.
- Amina Wadud Muhsin. 2001. Al-Quran dan perempuan. Dlm. Kurzman, C. (pnyt). *Wacana Islam Liberal* Edisi ke-1, hlm. 185–209. Jakarta: Paramadina.
- Amin Idris. 2007. *Wacana dan Jenis Penulisan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Amin Idris. 2010. *Analisis Wacana Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Andik Wahyun Muqoyyidin. 2013. Wacana kesetaraan gender: pemikiran Islam kontemporer tentang gerakan feminime Islam. *Jurnal Al-Ulum* 13(2): 491-512
- Androutsopoulos, J. (2015). Code switching in social media. *International Journal of Bilingualism*. 19(2): 185-205.
- Anis Sakinah Rahim & Najah Nadiyah Amran. 2016. Fahaman Islam liberal dalam projek dialog: kajian litaratur. *Prosiding Kolokium Penyelidikan Siswazah Jabatan Al-Quran & Al-Sunnah 2016*, hlm 8-25.
- Anis Sakinah Rahim. 2018. Perspektif mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia terhadap pemikiran Islam liberal dalam laman sesawang projek dialog. Tesis Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Anis Malik Thoha. 2005. *Trend Pluralisme Agama: Tinjauan Kritis*. Jakarta : Gema Insani
- Anon. 2016. Karya Indie dan industri penerbitan buku Malaysia. *BERNAMA*, 23 November
- Ansary, A.F. 2003. What is Liberal Islam? The Source of Enlightened Muslim Thought. *Journal of Democracy*. 14(2):19–33
- Arba'ie Sujud. 2012. *Apresiasi Bahasa: Interpretasi dan Ekspresi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Arham Hikmawan. (2009). *Akal dan wahyu menurut Harun Nasution dan M.Quraish Shihab*. Jakarta : Gema Insani.
- Arena Wati. 1996. *Jejak kreatif*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asad, T. 2003. *Formations of the Secular; Christianity, Islam, Modernity*. Calif: Stanford University Press.

- Asghar Ali Engineer. 1999. *The Quran : Women and modern society*. New Delhi: Starling.
- al-Ashmawi, Muhammad Said. 2003. Jalan menuju Tuhan. Dlm. Burhanuddin (pnyt). *Syariat Islam : Pandangan Muslim Liberal*. hlm. 102-104. Jakarta: Jaringan Islam Liberal.
- Asma Mohd. Adib & Jaffary Awang. 2023. Sikap toleransi beragama dalam kalangan peniaga di Mengkuang Titi, Pulau Pinang. *International Journal of Religion, Arts and Humanities*. 3: 92-10
- Asmah Haji Omar. 2007a. *Kesantunan bahasa dalam masyarakat Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. 2008b. *Ensiklopedia Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Asyraff Jamin & Mary Fatimah Subet. 2018a. Menghapus Prejudis Perkauman Melalui Karya Indie: Analisis Terhadap Novel Kunang Pesisir Morten. *Maltesas Multi-Disciplinary Research Journal (MIRJO)*, 3(3): 53-68
- Asyraff Jamin & Mary Fatimah Subet. 2020b. Wacana Kemasyarakatan dalam Karya-karya Indie di Malaysia. *Sains Humanika*: 12(1):1-10
- Asyraff Jamin & Mary Fatimah Subet. 2021c. Realisme Ekonomi Masyarakat Malaysia dalam Karya Indie. *Asian People Journal*. 4(1), 11-25
- Asyraff Jamin & Mary Fatimah Subet. 2025d
- . Pemikiran Penulis Indie Terhadap Realiti Politik Malaysia: Analisis Realisme Lukacs. *International Journal of Creative Future and Heritage (TENIAT)*. Vol. XIII (2): 01-19
- al-Attas, Syed Muhammad Naqib. 1995. *Prolegomena to the Metaphysics of Islam: an Exposition of the Fundamental Elements of the Worldview of Islam*. Kuala Lumpur: ISTAC
- Awang Sariyan. 2015. *Santun Berbahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azalina Tatar. 2015. Fahaman Islam Liberal dan Hubungannya dengan Golongan Kelas Menengah. *E-proceeding of the 2nd International conference on Arabic and Islamic civilization ICTSIC*, hlm: 9-10.
- Azianura Huda Shaari. 2017. *Language of the Digital Minds*. Bangi, Selangor: UKM.
- Azman Hussin. 2016. Karya Indie Umpama Grafiti. *Utusan Online*, 27 Mac: 6
- Azmi Aziz. (2016). Isu-isu agama dan sekularisme dalam ruang sosio-politik di Malaysia. *Malaysian Journal of Society and Space*. 12(14): 64–69.

- Azmil Zainal Abidin. 2009. Agenda sekularisasi disebalik pemikiran anti-hadis dan Islam liberal : satu kupasan epistemologikal. *Islam Liberal: Isu dan cabaran*, hlm. 137–157. Shah Alam Selangor: Persatuan Ulama Malaysia.
- al-Banna, Jamal. 2001. *al-Ta'addudiyyah fi Mujtama' Islami*. Kaherah: Dar al-Fikr al-Islami.
- Baverstock, A. 2019. *How to Market Books*. United Kingdom: Routledge.
- Benz Ali. 2014. *Antithesis*. Selangor: Dubook Press.
- Bellah, N.R. 2011. *Religion in Human Evolution*. USA: Havard University.
- Berger, P. 1967. *The Sacred Canopy Elements of a sociological Theory of Religion*. New York: Anchor Books.
- Biber, D., Conrad, S., & Reppen, R. (1998). *Corpus Linguistics*. London : Cambridge University Press
- Binder, L. 1998. *Islamic Liberation : A Critique of Development Ideologies*. Chicago: University of Chicago Press.
- Blommaert, J. 2005. *Discourse: A Critical Introduction*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Booth, W. C. 1974. *A Rhetoric of Irony*. Chicago: University of Chicago Press
- Bourdieu, P. 1991. *Language and Symbolic Power*. Cambridge: Polity Press.
- Bowen, G.A. 2009. Document analysis as a qualitative research method. *Qualitative Research Journal* 9(2): 22–40.
- Brent Adam Luvas. 2009. *Generation DIY : Youth, Class, and the Culture of Indie Production in Digital-Age Indonesia*. Los Angeles : University of California..
- Burridge, A. & Burridge, K. 2006. *Forbidden Words: Taboo and the Censoring of Language*. Cambridge: Cambridge University Press
- Budhy Munawar-Rachman. 2011. *Islam dan Librealisme*. Jakarta Selatan: Indo Press.
- Budi Handrianto. 2010. *50 Tokoh Islam Liberal Indonesia*. Jakarta Timur: Hujjah Press.
- Cameron, D. 2012. *Verbal Hygiene*. London: Routledge
- Carter, R. 2004. *Language and Creativity: The Art of Cmmon Talk*. London: Routledge.
- Cassanova, J. 1994. *Public Religions in the Modern World*. Chicago: University of Chicago Press.
- Chris Atton. 2001. *Alternative Media*. United Kingdom: Napier University.

- Clifford, R. & Venne, T. 2008. Zine. Dlm. Lupton, E (pnyt). *Indie Publishing*, hlm. 72–97. New York: Princeton Architectural Press.
- Coupland, N. 2007. *Style: Language Variation and Identity*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Cox, H. 1966. *The Secular City: Secularization and Urbanization in Theological Perspective*. New York: Macmillan Press.
- David Henry Sterry. 2017. The secrets to book publishing scene by Mark Coker. www.huffpost.com [12 Mei 2019]
- Gee, J.P. 2014. *An Introduction to Discourse Analysis: Theory and Method*. London: Routledge
- Eagleton, T. (2008). *Literary Theory: An Introduction*. Oxford: Blackwell.
- Earnie Elmie Hilmi, Kamarudin Salleh & Nur Farhana Abdul Rahman. 2018. Perkembangan awal pluralisme agama di Malaysia. *3rd International Seminar on Islamic Thought*. hlm. 150-157.
- Earnie Elmie Hilmi, Kamarudin Salleh & Nur Farhana Abdul Rahman. 2019a. Faktor-faktor pengaruh penyebaran pluralisme Agama di Malaysia. *International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 2(1): 99-110.
- Earnie Elmie Hilmi. Kamarudin Salleh & NurFarhana Abdul Rahman. 2019b. Isu-Isu Pluralisme Agama dalam Tuntutan Comango: Satu Analisis Terhadap Laporan 2013 dan 2018. *International Journal of Islamic Thought*. 15: 35-43
- Earnie Elmie Hilmi, Kamarudin Salleh & Nur Farhana Abdul Rahman. 2025. Pluralisme agama daripada pemikiran Muhammad Uthman El-Muhammady. *Sains Insani* 10(1): 132-140.
- Earnie Elmie Hilmi, Mohd. Sohaimi Esa, Habibah Artini Ramlie, Syamsul Azizul Marinsah & Saifulazry Mokhtar. 2022. Pemahaman dan penerimaan golongan sarjana Islam mengenai konsep pluralisme agama :satu sorotan literatur. *Journal of Islamic Social Sciences and Humanities*. 27(1): 229-240.
- Eckert, P. 2000. *Linguistic Variation as Social Practice*. Oxford: Blackwell
- Fadli Abdullah & Md Sidin Ahmad Ishak. 2016. Kesan perkembangan teknologi terhadap industri Penerbitan Buku di Malaysia. *Jurnal Pengajian Media Malaysia* 15(2): 71–86.
- Fairclough, N. 1992. *Discourse and Social Change*. Cambridge: Polity Press.
- Fairclough, N. 1995. *Media Discourse*. London: Edward Arnold Press.
- Fairclough, N. 2003. *Analysing Discourse: Textual Analysis for Social Research*. London: Routledge

- Faisal Tehrani. 2015. Dubook, tokong baharu anak muda. www.Malaysiakini.com [17 April 2018]
- Faisal Tehrani. 2016. *Aku____, maka aku ada!.* Selangor: Dubook Press.
- Faizul Nizar Anuar, Fauziah Ahmad & Sabariah Mohamed Salleh. 2018. Meme sebagai seloka persendaan dan parodi: impak dimensi sosiobudaya. *Jurnal Komunikasi*. Jilid 34(1): 75-96.
- Fawcett, E. 2014. *Liberalism: The Life of an Idea*. New Jersey: Princeton University Press.
- Fazal Mohamed Mohamed Sultan & Kamarull Fahhmi Norazhar. (2022). Kesantunan berbahasa di laman sosial dalam kalangan pelajar menengah atas: Analisis prinsip kesopanan. *Jurnal Bahasa*. 22(1): 129-148.
- Fazlur Rahman. 1970. Islamic Modernism : Its Scope, Methods and Alternatives. *International Journal of Middle Eastern Studies* 11(1): 317–333.
- Fazlur Rahman. 1986. Islam and political action:politics in the service of religion. Dlm. Biggar, N. (pnyt). *Cities of God : Faith, Politics and Pluralism in Judaism, Christianity and Islam* hlm. 153–165
- Fowler, R. (1991). *Language in the News*. London: Routledge.
- Frithjof Schuon. 1984. *The Transcendent Unity of Religions*. German: Theosophical Publishing House.
- Galtson, A.W. 2002. *Liberal Pluralism*. London : Cambridge University Press
- Gaur, A. 2024. Meaning Liberalism. *Encyclopedia of Britannica*. <https://www.britannica.com/topic/liberaism.html> [28 Jan 2024]
- Gee, J. P. (2011). *An Introduction to Discourse Analysis*. London: Routledge.
- Al-Ghazali. 2000. *Ihya' Ulum al-Din*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah
- Ghazali Darulsalam & Sufean Hussin. 2016. *Metodologi Penyelidikan dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Grbich, C. 2007. *Qualitative Data Analysis: An Introduction*. London: Sage Publications.
- Habermas, J. 2006. Religion in teh Public Sphere. *European Journal of Philosophy* 14(1)
- Hadri Shah. 2017. *Nasionalisme Longkang*. Edisi ke-1. Selangor: Thukul Cetak.
- Hafiz Zainuddin. 2013. Komuniti Buku Jalanan; aktivisme menerobos ruang awam. *Roket kini.com*

- Halimi Mohd Khalid, Muhammad Rashidi Wahab, Shakila Ahmad, & Mutapahayudin Abdul Khalim. 2013. Analisis epistemologi Islam liberal dalam konteks Malaysia menurut Ahli Sunnah Wal Jama'Ah. *Advances in Humanities and Contemporary Studies*. 5(2): 227–238.
- Hamid Fahmy Zarkashi. 2007. Liberalisasi Pemikiran Islam. *Tsaqafah*. 5(1):1–28.
- Harishon Radzi, & Tengku Fariqul Haq. 2016. Slanga sebagai wahana komunikasi dalam kalangan remaja di Bengkalis. *Jurnal Linguistik* 20(1): 33–41.
- Hazman Baharom. 2014. Meninjau semula hubungan kuasa dan institusi agama. Ahmad Farouk Musa (pnyt.), *Wacana Pemikiran Reformis II*, hlm. 81–86. Kuala Lumpur : Islamic Renaissance Front Berhad.
- Heller, M. (2007). *Bilingualism as Ideology*. Chicago :Multilingual Matters.
- Hick, J. 1987. Religion Pluralisme. Dlm. Espeto, J (pnyt) *The Encyclopedia of Religion*, hlm. 331. New York: Macmillan Publishing.
- Hick, J. 1988. Religious Pluralism and Salvation. Dlm. Meeker, P.L.Q. & Keith. (pnyt). *The Philosophical Challenge of Religious Diversity*, hlm. 63–64. New York: Oxford University Press.
- Hidayah Shafiee, Ahmad Fahmi & Abdul Rahman. 2019. Pengaruh bahasa rojak di media baharu terhadap bahasa kebangsaan. *International Journal of Law, Government and Communication*. 4(15):141-153.
- Hofmann, M.W. 2005. Religious Pluralism and Islam in a polarised world. Dlm. Boase, R. (pnyt). *Islam and Global Dialogue : Religious Pluralism and the pursuit of peace*, hlm. 238. London: Ashgate publishing house
- Holmes, J. (2013). *An Introduction to Sociolinguistics*. London: Routledge.
- Homan, E.R. 2024. *Democratize publishing: 21st century reading practices and their potential to uplift the Independent publishing house*. USA: Riverside.
- Huberman, M. 1994. Qualitative Data Analysis. Edisi ke-2. USA: Sage Publications.
- Hussin Mutalib. 2007. Religious diversity and pluralism in Southeast Asian Islam: the experience of Malaysia and Singapore. Dlm. K.S. Nathan (pnyt). *Religious Pluralism in Democratic Societies*, hlm. 35. Singapore: Konrad Adeneur-Shiftung
- Hutcheon, L. 1994. Irony's Edge: *The Theory and Politics of Irony*. New York: Psychology Press.
- Ibn Kathir. 1996. *Tafsir al-Quran al-Azim*. Qahirah: Dar Salah al-Din li al-Turath.
- Ibrahim Majdi Mohamad Kamil @Hambali, Khadijah Mohd Khambali@Hambali & Wan Adli 2022. Falsafah Liberalisme di Malaysia: Satu Sorotan Awal Liberalism. *Online Journal of Research in Islamic Studies* 9(2): 61–72.

- Ibrahim Majdi Mohamad Kamil. 2024. Daripada falsafah liberalisme kepada pascamodenisme: kajian awal peralihan falsafah di Malaysia. *International Journal of World Civilizations and Philosophical Studies*. 1(1): 26-41.
- Ibrahim Majdi Mohamad Kamil, Khadijah Mohd Khambali @ Hambali & Wan Adli Wan Ramli. 2025. Respons Muhammad Uthman El Muhammady terhadap ancaman pluralisme di Malaysia. *Jurnal Usuluddin*. 53 (2): 1-18
- Idris Aman. 2006. *Bahasa dan Kepimpinan: Analisis Wacana Mahathir Mohamad*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Idris Aman. 2008. Bahasa dan kuasa: analisis wacana Barisan Nasional dalam pilihan raya umum Malaysia ke-11. *Akademika*. 72(1) : 69-96.
- Idris Aman. 2010. *Analisis Wacana*. Bangi, Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia
- Idris Aman. 2011. Mengurus wacana dan kepimpinan: analisis ucapan sulung Perdana Menteri Malaysia Keenam. *Jurnal Bahasa*. 11(2): 235-272.
- Indriaty Ismail dan Ahmad Muhyuddin Haji Hassan. 2021. Pemikiran Sisters in Islam dan hak asasi manusia. *Akademika* 91(1): 151-164
- Irwan Bajang. 2013. Menerbitkan Buku Secara Mandiri. Zine. www.irwanbajang.com [8 December 2024].
- Jane Smith and Yvonne Hadad. 1982. *"Eve : Islamic image of woman*. Oxford: Pergamon Press.
- John Stuart Mill. 1998. *On liberty and other essays*. (J. Gray, Ed.) Edisi ke-2. United Kingdom: Oxford University Press.
- Kamali, Hashim. 2011. Islam's religious pluralism. *Academia*. 1: (110-120)
- Kamarudin Salleh. 2012. Transformasi Pemikiran Pembaharuan dan Modenisme di Malaysia: Satu Penelitian Awal. *International Journal of Islamic Thought*. 2:23-36.
- Kamaruddin Salleh & Khoiruddin Bin Muhammad Yusuf . 2014. Gus Dur dan pemikiran liberalisme. *Ar-Raniry: International Journal of Islamic Studies*. 1(2) : 259-284.
- Karya Indie Dan Industri Penerbitan Buku Malaysia. 2016. *Bernamea.com*, 23 November. Kuala Lumpur.
- Keddie, N. 2003. Secularism and It's discontents. *Daedalus* 1(32)
- Keraf, G. (2007). *Diksi dan Gaya Bahasa*. Jakarta: Gramedia.
- Khadijah Mohd Khambali et al. (2014). Toleransi dan Pluralisme Menurut Pengalaman Masyarakat Bidayuh. *Jurnal Usuluddin* 40:99–133.

- Khairulnizam Bakeri. 2013. Penerbitan Alternatif Medium Pengkaryaan Baharu. *Tunas Cipta* 13–15.
- Khalif Muammar A. Harris. 2006. *Atas Nama Kebenaran Tanggapan Kritis Terhadap Wacana Islam Liberal*. Selangor: Akademi Kajian Ketamadunan.
- Khalif Muammar A.Harris. 2013. *Islam dan Pluralisme Agama*. Kuala Lumpur: CASIS, Universiti Teknologi Malaysia.
- Khalif Muammar A.Harris. 2018. Islam dan Liberalisme: antara masalah dan mafsadah. *Jurnal Akidah & Pemikiran Islam* 20(2): 1–52.
- Kress, G. (2010). *Multimodality*. London :Routledge
- Krippendorff, K. 2004. *Content analysis: An introduction to its methodology*. Edisi ke-2. Thousand Oaks,: Sage Publications.
- Ku Seman Ku Hussain. 2015. Sastera dan media: cabaran dan peluang. Dlm. Zulkifli Jamaasin, Enchee Abdullah Abdul Kadir (pnyt). *Sastera Teras Negara Bangsa*, hlm. 439–447. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad.
- Kurzman, C. 1998. *Liberal Islam:A Source Book*. London: Oxford University Press.
- Lakoff, G. & Johnsen, M. 2003. *Metaphors We Live By*. London: The University of Chicago Press.
- Laski, H.J. 1997. *The Rise of European Liberalism by John L. Stanley*. New York: Routledge.
- Latifah Abd Majid & Zakaria Stapa. 2016. Mengenal Asas Liberalisme dan Pluralisme. Dlm. Muhammad Faisal Ashaari (pnyt). *Islam Menangani Kepelbagaian*, hlm. 32–47. Selangor: Pertubuhan Pendakwah(Islam) Selangor.
- Leeuwen, T. V. (2018). *Discourse and Practice: New Tools for Critical Analysis*. London : Oxford University Press
- Legenhausen, M. 2005. A Muslim's Non Reductive Religious Pluralism. Dlm. Boase, R. (pnyt). *Islam and Global Dialogue : Religious Pluralism and the pursuit of peace* hlm. 69. London: Ashgate Publishing House.
- Lily Yaakub & Muhammad Faisal Ashaari. 2017. Hubungan media baharu dalam penerbitan buku genre Indie: satu tinjauan awal. Dlm. Hasanah Abd Khafidz et al (pnyt). *Seminar Antarabangsa Dakwah kali ke-3*, hlm. 22–30. Bangi, Selangor: Jabatan al-Quran dan Sunnah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ludwig Von Mises. 2015. *Liberalisme*. Selangor: Institut Kajian Dasar.
- Lukman Hakim & Mohd Nasir Omar. 2011. Mengenal pemikiran Islam liberal. *Jurnal Substania*. 14(1): 177-195.

- Lupton, Ellen. 2008. *Indie Publishing*. (Ellen Lupton, Ed.) First Edition. New York: Princeton Architectural Press.
- Mahmoud Ayoub. 2005. The Quran and the Religious pluralism. Dlm. Boase, R. (pnyt). *Islam and Global Dialogue : Religious Pluralism and the pursuit of peace* hlm. 278. London: Ashgate publishing house.
- Mahmoud Mohamed Taha. 1987. *The Second Message of Islam*. Syracuse New York: Syracuse University Press.
- Mana Sikana. 2003. Wacana bahasa dalam teori sastra pasca moden. *Jurnal Bahasa* 3(4): 505–536.
- Masmoudi, R. 2003. The Silence Majority. *Journals of Democracy* 14(2)
- Md Asham Ahmad. (2014). Faham Wasatiyyah Menurut Al-Quran dan kesannya kepada tanggapan kaum muslimin terhadap Pluralisme Agama. Dlm. Mohd Farid Mohd Shahrar (pnyt.). *Pluralisme Agama Suatu Penelitian Islami*, hlm.155–171. Kuala Lumpur : IKIM.
- Md Salleh Yaapar Muhammad Bukhari Lubis & Ungku Maimunah Mohd Tahir. 2015. *Kamus Kesusasteraan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Merriam, B.S. 1998. *Qualitative Research & Case Study in Education*. San Francisco: Jossey Bass
- Merriam, S.B & Tisdell, E.J., 2016. *Qualitative Research: A Guide to Design and Implementation*. San Francisco: Jossey Bass.
- Mills, S. 1997. *Discourse*. London: Routledge
- Mohamad Hasan Sharafi Che Mohd Adli. 2017. Elemen-elemen kebebasan dalam buku Indie. Tesis Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohamed Sabir Jamaludin, Nik Mohd Zaim Ab Rahim, Mohd Al-Ikhsan, Ghazali Ismail & Azizi Shukri Abdul Shukor. 2013. Respon ulama kontemporer menanggapi beberapa isu dalam pluralisme agama di Malaysia. *Toleransi*. 5(2):101-109.
- Mohammad Fadzeli Jaafar. 2023. Gaya Bahasa Vulgar dalam Novel Melayu. *Jurnal Linguistik* 27(2): 80–88.
- Mohd Fairuz Jamaluddin & Latifah Abdul Majid. 2013. Persepsi pelajar-pelajar pengajian Islam IPTS terhadap isu-isu fahaman Islam Liberal. *Jurnal Hadhari*. 5(1): 1–19.
- Mohd Farid Mohd Shahrar. 2015. *Akidah dan Pemikiran Islam: Isu dan Cabaran*. Institut Terjemahan dan Buku Malaysia: Kuala Lumpur

- Mohd Farid Mohd Shahrin. 2024. Makna dan matlamat agama dalam Islam menurut Syed Muhammad Naquib al-Attas. *Journal of Ifta and Islamic Heritage*. 3(1): 120-136
- Mohd Fatrim Syah Abd Karim, Mohd Syuhaidi Abu Bakar, Amir Muhammad, Nadia Khan & Mohamad Syafiq Mat Shuki. 2020. Exploring bestselling novel factors: the technique, ctructure and narrative writing from the perspective of Buku Fixi Sdn Bhd. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences* 10(6): 634–654.
- Mohd Fauzi Hamat & Wan Adli Wan Ramli. (2007). Pendekatan Epistemologi dalam menangani Pluralisme Agama. Dlm. Wan Adli Wan Ramli(pnyt.). Konsep Asas Islam dan Hubungan Antara Agama, 33–112. Kuala Lumpur : Akademi Pengajian Islam UM.
- Mohd Hambali Rashid, Siti Suhaila Ihwani, Nik Mohd Zaim Ab Rahim, Zaharah Mustaffa, Aminuddin Hehsan & Zulkifli Tukiman. 2017. Pengaruh liberalisme terhadap masyarakat Islam di Lembah Klang: tinjauan awal pengaruh dan faktor penularan. Persidangan Antarabangsa Kelestarian Insan 2017 (INSAN2017). Melaka, 1– 2 November.
- Mohd Hasnul Mohd Sani. 2016. Mengindiekan Kesusasteraan. *Dewan Sastera* 22–24.
- Mohd Khairul Adenan Florence Gilliam & Muhammad Zaid Daud. 2019. Analisis stilistik melalui penggunaan bahasa dalam novel sastera Indie: Karya Azwar Kamaruzaman. *Jurnal Kesidang* 3(1): 106–121.
- Mohd Nor Shahizan Ali & Ahmad Munawar Ismail. 2017. Konstruk pelaporan pemikiran isu liberalisasi agama dalam Portal Berita Harian dan The Star Jurnal Komunikasi. *Malaysian Journal of Communication*. 33(1): 229–241.
- Mohd Syazreen Abdullah & Asyraf Muiz Roslan (pnyt.). 2015. *Alif Lam Lam Ha*. Selangor: Dubook Press.
- Mohd Syuhaidi Abu Bakar & Norsyahirah Ngah@Muhammad. 2018. Tahap motivasi dan tanggapan pembaca matang terhadap naskah terbitan buku Fixi. *e-Academia Journal Universiti Teknologi MARA Terengganu* 7(2): 122–129.
- Mohd Syuhaidi Abu Bakar & Nor Syafizza Ahmad Tarmizi. 2019. Penggunaan dan penerimaan bahasa Slanga dalam novel Indie di Malaysia. *e-Academia Journal*. 8(1):13-30.
- Mohd Tamyas Abdul Wahid. 2014. Liberalisme dan pluralisme agama. *Program Dialog Fatwa Perdana*. Selangor.
- Mohd Yusri Ibrahim. 2019. Sekularisme: faktor, penyebaran dan langkah mengatasinya dari sudut pandang Islam. *International Journal of Humanities, Philosophy and Language*. 2(8): 202–216.
- Mohd Zulfadli Sharifudin. 2015. Medan peminat karya Indie. *Utusan Online*, 28 March. Kuala Lumpur. [8 December 2024].

- Muhammad Daud. 2014. Bahasa slanga dan remaja. *Sinar Online*, 22 Februari :10-11.
- Muhammad Asad. 1980. *The massage of the Quran*. Gibraltar: Dar al-Andalus.
- Muhammad Atiullah Othman & Siti Noranizahhafizah Boyman. 2018a. Political Islam in Islamism and post Islamism : A study on Islamic Renaissance Front (IRF). *International Journal of Academic Research in Business & Social Sciences*.Vol.8(1):686-702
- Muhammad Atiullah Othman, Nadarajan Thambu & Siti Noranizahhafizah Boyman. 2018b. Elemen dalam Buku Indie: Satu Kajian Grounded Theory Terhadap Mahasiswa Universiti Pendidikan Sultan Idris. *International Journal of Islamic Thought* 14(1): 38–51.
- Muhammad Atiullah Othman, Abdul Hadi Abdul Halim & Siti Noranizahhafizah Boyman. 2022. Pascamodernisme dan Eksistentialisme dalam Buku Indie: Kajian Terhadap Catatan Mahasiswa. *Jurnal Perspektif* 14(2): 1–13.
- Muhammad Faisal Ashaari, Lily Yaakub & Rosmawati Mohamad Rasit. 2018. Tarikan terhadap buku Indie dalam kalangan pembaca muda di Malaysia. *Islamiyyat* 40(2): 169–178.
- Muhammad Faisal Ashaari, Lily Yaakub & Rosmawati Mohammad Rasit. 2020. Idea pemikiran pluralisme agama dalam penulisan buku Indie ‘Aku..., Maka Aku Ada’ dan ‘Antithesis.’ *Islamiyyat* 42(2): 49–59.
- Muhammad Febriansyah. 2016a. Penerbit Indie dan idea palsu penentangan. Dlm. H.Muhammad Haris Zuan (pnyt). *Kerikil*, hlm. 37–44. Petaling Jaya Selangor: Gerakbudaya Enterprise.
- Muhammad Febriansyah. 2016b. Penerbitan Indie dan idea penentangan budaya. Dlm. H.Muhammad & Haris Zuan (pnyt). *Lastik! Lontaran Batu-Batu Kerikil*, hlm. 37–44. Petaling Jaya Selangor: Gerakbudaya Enterprise.
- Muhammad Febriansyah. 2016c. Penerbit buku Indie: benarkah anti arus perdana? *Dewan Sastera* (November): 54–56.
- Muhammad Febriansyah & Sharifah Nursyahidah. 2016. Alternatif atau Arus Perdana :Geliat Penerbit Buku 'Indie' di Malaysia. Dlm. Muhammad Nasir Badu (pnyt). *Proceeding of CMR2016 International Conference Multidisciplinary Research*, hlm. 163–72. Makassar, Indonesia: Faculty of Social dan Political Science Hasanudin University.
- Muhammad Febriansyah & Sharifah Nursyahidah. 2017. Alternative or Mainstream? Indie Book Publishing Scene in Malaysia. *11th International Conference on Indonesia-Malaysia Relation 2003*, hlm. 1–11.
- Muhammad Rashidi Wahab. (2017)a. Ancaman liberalisme di Malaysia. *Jurnal Penyelidikan Islam*. 29: 17–40.

- Muhammad Rashidi Wahab. 2017b. Pemikiran liberalisme dalam wacana agama dan ancamannya di Malaysia. Wacana Pemikiran dan Peradaban Ummah ke-9: Liberalisme Agenda Jahat Iluminati. Putrajaya.
- Muhammad Rashidi Wahab & Ahmad Bazli Shafie. 2022. Pendekatan Liberal terhadap Islam dan percanggahannya dengan manhaj Ahli Sunah Waljamaah. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 23(1): 172–184.
- Muhammad Rashidi Wahab & Siti Nur Hidayah Kusnin. 2017. Fenomena buku Indie di Malaysia. *Jurnal Penyelidikan Islam Malaysia*. 29 :61-75
- Muhammad Rashidi Wahab, Wan Adli Wan Ramli, Wan Mohd Azam Mohd Amin, Mohd Faizul Azmi, Wan Haslan Khairuddin, Muhammad Khairi Mahyuddin, Redwan Yasin, & Nur Ayuni Mohd Isa. 2019. Kritikan liberalisme terhadap institusi Islam dalam wacana negara sekular : satu penelitian awal. *Jurnal Al-Ummah*. 1: 37–99.
- Muht Najib Abd. Kadir, Mazlan Ibrahim, Latifah Abdul Majid, Jaafary Awang, Fadlan Mohd Othman & Azalina Tatar. 2012. Isu-isu wanita menurut aliran fahaman Islam Liberal. Dlm. *Islam Liberal:Isu dan Reaksi*, Hlm. 107-123. Jabatan Agama Islam Selangor
- Musdah Mulia. 2015. *Mengupas seksualiti*. Jakarta: Serambi Ilmu Semesta.
- Mustafa Akyol. 2015a. What Does Islam say about gay. *The New York Times* <https://www.nytime/2015/07/29/opinion/mustafa-akyol-what-does-islam-say-about-being-gay.html> [12 January 2025].
- Mustafa Akyol. 2015b. Islam and gays: A follow up. *Hurriyet daily news* [hurriyetaidailynews.com/opinion / mustafa -akyol/islam-and-gay- a-following-86249](http://hurriyetaidailynews.com/opinion/mustafa-akyol/islam-and-gay-a-following-86249) [12 January 2025].
- Nader Hashemi. 2016. *Islam, Sekularisme dan Demokrasi Liberal*. Selangor: Islamic Renaissance Front Berhad.
- An-Naim, Abdullahi Ahmed. 2008. *Islamic and the Secular State*. Cambridge, Massachusetts: Harvard University Press
- Nardini, B. & Schnell, J. 2013. Self-Publishing: Breaking Down Barriers? *Against the Grain* 25(3)
- Nasr, S.H. 1989. *Knowledge and Sacred*. Alabama: State University of New York Press.
- Nawal Sa'dawi. 1982. *In women and Islam*. Oxford: Pergamon Press.
- Nazmi Yaakub. 2016. Usah Terperangkap Dikotomi Polemik Indie. *Berita Harian*, 26 May. Kuala Lumpur.
- Nik Safiah Karim. 2010. *Tatabahasa Dewan (Edisi baharu)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Neng Lia Marliana, Mohammad Fadzeli Jaafar & Harishon Radzi. 2023. Kajian intertekstualiti menerusi bahasa dan kepimpinan. *Jurnal Linguistik*. 27 (1) : 034-047.
- Neunendorf, K.A. 2017. *The content analysis guide book*. Thousand Oaks,; Sage Publications.
- Noorda, R. 2019. The Discourse and Value of Being an Independent Publisher. *The Publisher's Discourse* 10(2)
- Noor Azam Shaari. 2017. KDN haramkan sebuah lagi buku Faisal Tehrani, 2 buku IRF. *The Malaysian Insight*. 2 Nov
- Noor Fazerra Paijin, Nuratikah Ja'afar & Nur Farahkhanna Mohd Rusli. 2022. Penggunaan Bahasa Slanga dalam Akaun Twitter "Brgsjks". *Jurnal Wacana Sarjana*. 6(3): 1-13.
- Nor Hasimah Ismail & Melor Fauzita Md Yusoff. 2016. Karya Indie : Revolusi penulis generasi baru. *Proceedings of The ICECRS* Vol. 1, hlm. 24-33.
- Nor Hasimah Ismail, Nazilah Mohamad & Rafizah Mohd Rawian. 2018. A New Revolution of Indie Literary Work. *International Journal of Asian Social Science* 8(9): 706–711.
- Nor Hasimah Ismail, Nordiana Ab Jaabar, Melor Fauzita Md Yusoff & Mohammad Syawal Narawi. 2018. Identiti dan gaya penulisan karya Indie. *International Journal of Humanities, Philosophy, Language* 1(4): 95–102.
- Nor Hasimah Ismail, Nordiana Ab Jabar, Rafizah Mohd Rawian & Marzalina Mansor. 2018. Karya Indie: konflik remaja perempuan. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development* 3(11): 106–116.
- Nor Rafidah Saidon & Siti Daud Mohd. Samsudin. 2017. Faktor kepimpinan dan gender dalam penglibatan politik wanita di Malaysia (1980-2013). *Akademika* 87(3): 61-173
- Norsaleha Mohd. Salleh, Ahmad Munawar Ismail, Noor Hafizah Mohd. Haridi & Mohd Syairawi Mohd Nor. 2021. Persepsi belia berisiko liberal terhadap agenda liberalisme. *Akademika*. 91(1): 129-138.
- Norsaleha Mohd. Salleh, Ahmad Munawar Ismail, Noor Hafizah Mohd. Haridi & Zainora Daud. 2015. Pemikiran tidak beragama dalam kalangan belia Islam di Malaysia. satu kajian rintis. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*. Bil.11(40-55).
- Norsaleha Mohd Salleh, Noor Hafizah Mohd Haridi, Abu Zaki Ismail & Mohd Shairawi Mohd Noor. 2017. Pengaruh pemikiran liberal dalam media sosial. *International Research Management & Innovation Conference (IRMIC 2017)*. hlm. 292–311.

- Norsaleha Mohd Salleh, Noor Hafizah Mohd. Haridi, Ahmad Munawar Ismail & Mohd. Shairawi Mohd. 2021. Modus operandi gerakan liberalisme di Malaysia. *International Journal of Interdisciplinary and Strategic Studies*. 2(2) : 95-102.
- Norsaleha Mohd Salleh, Phayilah Yama @ Fadilah Zakaria, & Noor Hafizah Mohd. Haridi. 2018. Historiografi liberalisme dalam kalangan masyarakat Barat. *Al Irsyad Journal of Islamic and Contemporary Issues*. 3(1) : 67-79.
- Norsaleha Mohd Salleh, Noor Hafizah Mohd Haridi, Abu Zaki Ismail & Mohd Shairawi Mohd Noor. 2017. Pengaruh pemikiran liberal dalam media sosial. *International Research Management & Innovation Conference (IRMIC 2017)*. hlm. 292–311.
- Nurain, K. K. H. & Cheang, S. C. 2019. Satu penelitian strukturalis terhadap sastera Indie terpilih. *Gendang Alam Edisi Khas*. hlm 109-130
- Nuraleyah Abdul Hamid. 2022. Sikap golongan Islam liberal terhadap hadis musykil Tesis Dr, Fal. Universiti Kebangsaan Malaysia
- Nurazimah Abdul Aziz & Nurul Syafini Abdul Rahman. 2018. Pengaruh pluralisme dalam sister in islam. *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial Dan Kemanusiaan* hlm. 231–249.
- Nurcholish Majdid. 1994. *Islam, Agama Manusia Sepanjang Masa. Pintu-Pintu Menuju Tuhan*. Jakarta: Paramadina
- Nurcholis Majdid. 2001. Keharusan pembaruan pemikiran Islam dan penyegaran kembali pemahaman keagamaan. Dlm. Kurzman, C. (pnyt). *Wacana Islam Liberal* hlm. 484–519. Jakarta: Paramadina.
- Nurhayati Abdullah & Kamarudin Salleh. 2018. Implikasi Tafsiran Muhammad Asad bagi Perkataan Islam’ terhadap pegangan Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah. *International Journal of Islamic Thought*. 14: 86-98.
- Nur Khayrin Muhammad Safri & Ahmad Bazli Shafie. 2024. Pluralisme dan hukum kebebasan beragama. *International Journal of Islamic Products and Malay Civilization*. 3(2): 11-20.
- Ooi Kok Hin. 2015. *Aku Kafir, Kau Siapa*. Dubook Press.
- Othman Lebar. 2018. *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan Teori dan Metod*. Tanjung Malim, Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Patton, M.Q. 2002. *Qualitative Research and Evaluation Methods*. Edisi ke-3. Thousand Oaks,: Sage Publisher.
- Pennycook, A. (2007). *Global Englishes and Transcultural Flows*. London: Routledge

- Phayilah Yama, Norsaleha Mohd. Salleh, Abu Zaki Ismail, Hamidun Mohamad Husin & Noor Hafizah. 2018. Penggunaan hadith Nabi dalam penulisan: analisis terhadap karya-karya golongan liberal dan pengaruhnya dalam media sosial. *Journal of Hadith Studies*. 3(1):1-9.
- Poth, J.C.& Charles. 2018. *Qualitative Inquiry and Research Design*. London: Sage.
- al-Qaradawi, Yusuf. 2015. *Dialog Ilmiah Islam vs sekular*. Terj. Bangi :Syabab Book.
- Rafidah Eksan. 2016. Pro dan kontra penerbitan karya sastra indie di Malaysia. *Dewan Sastera* 55–57.
- Rahner, K. 2001. *Christianity and the non-Christian Religion*. Oxford: Oneworld Publication.
- Rasdan Ahmad. 2014. Sastera Perdana, Indie Popular. *Utusan Online*, 7 December. Kuala Lumpur. www.utusan.com [8 December 2024].
- Ratna, N. K. (2009). *Stilistika: Kajian Puitika Bahasa*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar
- Ray, A. 2021. *Inventing Secularism: The radical life of George Jacob Holyoake*. North Carolina USA: Mc Farland & Company.
- al-Raziq, Ali Abdul. 2001. Risalah bukan pemerintahan agama bukan negara. Dlm. Kurzman, C. (pnyt). *Wacana Islam Liberal*, hlm. 3–17. Jakarta: Paramadina.
- Renkema, J. 1993. *Discourse Studies*. Amsterdam: John Benjamins.
- Sardar, Z. 2011. *Reading the Quran :the contemporary relevance of the sacred Text of Islam*. New York: Hurst & Company
- Scotton, M.C. (2006). *Multiple Voices: An Introduction to Bilingualism*. Oxford : Blackwel
- Siaturrahmah, A & Maimun. 2024. Telaah pemikiran Islam liberal dalam novel Kemi karya Adian Husaini. *Rabbani: Jurnal Pendidikan Agama Islam* 5(1):1–22.
- Silverman, D. 2005. *Doing qualitative research : A Practical Handbook*. Edisi ke-2. London: Sage Publications.
- Simpson, P. (2004). *Stylistics*. London: Routledge.
- Siti Wahidah Mustafa, & Muhd Najib Abdul Kadir. 2020. Tema utama pemikiran muslim liberal. *Jurnal Al-Ummah*. 2 :1-16.
- Siti Haliza Yusop. 2016. Strategi penerbit Indie menarik pembaca. *Berita Harian*, 14 January: 4

- Siti Nor Fazira Jono, Mohd Syuhaidi Abu Bakar, Muhammad Aisamuddin Md Asri, Fazlina Jaafar & Noor Edrina Sahharil. 2020. Elements of transformation in Indie publication from the perspectives of Lejen Press Sdn Bhd. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences* 10(6): 666–673.
- Siti Norsyahida Mohd A Rashid & Nor Azuwan Yaakob. 2017. Jenis bahasa sindiran dalam ujaran Vlog. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL)*. 7(1):17-29.
- Siti Ruzana Ab Ghani, Rahilah Omar, Azlizan Mat Enh & Russli. 2020. Cabaran dan isu dalam perkembangan dakwah gerakan Islam di Malaysia tahun, 1957-2000. *Jurnal Pengajian Islam*. 13(1): 98-115
- Smith, W.C. 1967a. *Questions of Religious Truth*. New York: Scribners.
- Smith, W.C. 1979b. *Faith and Belief*. Princeton: Princeton University Press.
- Strinati, D. 2015. *An Introduction to Theories of Popular Cculture*. London: Routledge.
- Syazrul Arqam. 2018. Penerbit Indie dalam industri perbukuan di Malaysia-sastera dan perlawanan persepsi. Seminar Sehari Isu-Isu Mutakhir Kesusasteraan Melayu Moden. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 7-9 Ogos.
- Syuhaid Rumy. 2014. Sebuah perjalanan. Dlm. Mohd Syazreen Abdullah (pnyt.). *Alif Lam Lam Ha*. hlm. 134-140. Bangi: Dubook Press
- Tan, Teri. 2015. Malaysia: A Flourishing Alternative Scene. *Publisher Weekly* <https://www.publishersweekly.com> [17 June 2017].
- Tariq Ramadan. 2009. *Radical Reform: Islamic Ethics and Liberation*. Oxford University Press.
- Tarigan, H. G. (1985). *Pengajaran Gaya Bahasa*. Jakarta : Angkasa.
- Taylor, C. 2007. *A Secular Age*. USA: Harvard University.
- Ummi Zainab Mohd Ghazali & Muhammad Azizan Sabjan. 2018. Sumbangan pemikiran dan perjuangan dakwah Muhammad ‘Uthman El-Muhammady di Malaysia(1943-2013). *Akademika* 88(1): 107-119
- Van Dijk, T. A. (2018). *Discourse and Power*. London: Palgrave Macmillan
- Wan Adli Wan Ramli. 2014. Menangani cabaran liberalisme dalam kalangan muslim berdasarkan konsep ijmak. *Jurnal Usuluddin*. 40: 27-49
- Wan Fayhsal. 2016. Pesta penerbit buku budaya tinggi atau budaya lambak. *Dewan Sastera* Februari: 23–25.
- Wardhaugh, R. (2010). *An Introduction to Sociolinguistics*. London: Wiley-Blackwell.

Weinberg, D.B. & Kapelner, A. 2018. Comparing gender discrimination and inequality in indie and traditional publishing. *PLoS ONE* 13(4):9-15.

Widjati Hartiningtyas. 2023. Self-Publishing, Vanity Publishing and Indie Publishing: A Shortcut to Fame or A Dangerous Game? *Lensa: Kajian Kebahasaan, Kesusastraan, dan Budaya* 13(1): 135–150.

Wodak, R. & Meyer, M. 2009. *Methods of Critical Discourse Analysis*. London:Sage.

Zamri Mahamod & Yahya Othman. 2016. *Penulisan Akademik dalam bidang Sains Sosial*. Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia

az-Zuhaili, Wahbah. 2000. *Kebebasan Dalam Islam*. Terj. Jakarta:Darul Fikir



LAMPIRAN A
BORANG SOAL SELIDIK



Fakulti Pengajian Islam

Faculty of Islamic Studies

Rujukan: UKM FPI.4/(Pel) P88167

Tarikh : 17 J'Awal 1438H

14 Februari 2017

Penerbit Thukul Chetak
13, Jalan 15/19, Seksyen 1
43650 Bandar Baru Bangi
SELANGOR.

Assalamu'alaikum wr. wb.

Tuan/Puan,

MEMOHON DATA DAN MAKLUMAT MENGENAI BUKU-BUKU INDIE

NAMA : LILY BINTI YAAKUB
NO. METRIK : P88167
NO. K/P : 710531-04-5352

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa penama di atas adalah pelajar program Doktor Falsafah di Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia bagi sesi 2016/2017.

2. Untuk memenuhi sebahagian daripada syarat-syarat memperoleh Ijazah Doktor Falsafah (Pengajian Dakwah dan Kepimpinan), beliau diwajibkan melakukan penyelidikan tesis. Beliau melakukan penyelidikan bertajuk 'Elemen Liberalisme Dalam Buku-buku Indie' di bawah penyeliaan Dr. Muhammad Faisal Asha'ari.

3. Sehubungan itu, pihak jabatan memohon agar pihak tuan/puan dapat memberi kerjasama, kebenaran dan maklumat yang dipohon oleh penama berkenaan bagi urusan kaji selidikanya. Segala maklumat dan bahan kajian yang diperolehi akan disimpan sebagai sulit.

4. Sebarang pertanyaan dan maklum balas boleh menghubungi terus penama berkenaan di alamat e-mel: lilypis12@yahoo.com atau nombor telefon bimbit 0111-0730857.

Sekian, kerjasama yang diberikan terlebih dahulu diucapkan terima kasih. Wassalam.

Yang benar,


DR. ROSMAWATI MOHAMAD RASIT
Ketua
Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia

Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Telefon: +603-8921 5528/5977 Faksimili: +603-8921 3152 E-mel: jpd@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/fpi>

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • Inspiring Futures, Nurturing Possibilities

www.ukm.my

UKM

LAMPIRAN B

BORANG PROTOKOL TEMUBUAL



NAMA PELAJAR : LILY BINTI YAAKUB

TAJUK KAJIAN : ELEMEN LIBERALISME DALAM BUKU-BUKU INDIE

PROTOKOL TEMUBUAL SEPARA BERSTRUKTUR DENGAN DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, PERBADANAN KOTA BUKU DAN PERPUSTAKAAN NEGARA

Persoalan Kajian 1	Bagaimanakah garisan masa penulisan genre <i>Indie</i> berkembang dalam industri penerbitan buku di Malaysia.
Objektif	Mengkaji perkembangan penulisan genre <i>Indie</i> dalam industri penerbitan buku di Malaysia.
Responden	Pegawai yang terlibat dengan penerbitan buku
Tempoh temubual	40 hingga 60 minit

Bahagian A : Konsep Indie

1. Adakah pihak tuan mengetahui kewujudan penulisan genre indie di malaysia
2. Bolehkah pihak tuan menerangkan tentang konsep penulisan genre indie?
3. Adakah ianya merupakan genre buku atau satu tren pembacaan
4. Adakah genre Indie ini sudah diterima sebagai salah satu genre sastera di Malaysia
5. Bolehkah pihak tuan menyebut beberapa nama judul buku Indie yang pihak Tuan tahu dan membacanya

Bahagian B : Sejarah kemunculan penulisan genre Indie

1. Bolehkah pihak tuan menerangkan bagaimana timbulnya perkembangan penulisan Indie di Malaysia
2. Pada pandangan tuan, adakah genre Indie ini telah menjadi antara pilihan UTAMA bahan bacaan golongan muda

Bahagian C : Perbezaan indie dengan penerbitan perdana

1. Apa perbezaan antara buku genre Indie dan penerbitan sastera perdana
2. Adakah pihak tuan bersetuju buku indie ini muncul hasil daripada perkembangan teknologi maya
3. Adakah pihak tuan bersetuju penerbitan buku indie ini akan mengikis nilai-nilai peradaban dan budaya melayu dan Islam

LAMPIRAN C CONTOH BORANG PENGESAHAN PAKAR

SAMPel PENGekODAN KONSTRUK ELEMEN-ELEMEN ISLAM LIBERAL (BAGI KEESAHAN PAKAR)

Kerangka Elemen-Elemen Islam Liberal ini telah dibina berpandukan kepada beberapa kajian lampiran dan dokumen tertentu iaitu:

- i. Khalif Muammar (2006) – Atas Nama Kebenaran Tanggapan Kritis terhadap wacana Islam Liberal
- ii. Mohamad Kamil Abd Majid (2011) - Wasatiyyah Islam Antara Liberalisme dan Konservatisme
- iii. Lukman Hakim (2014) - Liberalisme dan pemikiran Islam Nurcholis Madjid
- iv. Dokumen – Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Malaysia kali 74 25-27 Julai 2006

KONSTRUK ELEMEN-ELEMEN ISLAM LIBERAL	ITEM/KOD	PENJELASAN ITEM / TEMA (UNIT ANALISIS)	SETUJU	TIDAK SETUJU	CATATAN PAKAR
A. MEMPERJUANGKAN IDEOLOGI SEKULARISME DALAM KEHIDUPAN	A1. Bersifat dualisme dan dikotomi	i. Agama tidak mempunyai peranan dan diasingkan dalam kehidupan manusia. ii. Tuhan diragui kewujudannya dalam kehidupan moden. iii. Agama boleh merencatkan pembangunan dan kemajuan manusia	✓ ✓ ✓		
	A2. Menerapkan nilai-nilai materialistik yang keterlaluan dalam kehidupan manusia	i. Matlamat hidup untuk menguasai kenikmatan dunia ii. Kehidupan di akhirat bukanlah sesuatu yang perlu diberi perhatian dalam kehidupan manusia iii. Kebergantungan kepada tuhan akan merencatkan keupayaan dan keinginan manusia dalam menikmati dan cari kekayaan dan kesenangan	✓ ✓ ✓		ada persamaan maksd dgn A1 (iii)
	A3. Mendukung penuh demokrasi liberal dan negara sekular	i. Sesebuah negara atau kerajaan bebas daripada sebarang pengaruh agama. ii. Menolak sistem politik Islam atau parti Islam iii. Pemerintahan yang berteraskan agama bertentangan dengan demokrasi dan pluralisme	✓ ✓ ✓		Sila semak semula maksd pluralisme dan demokrasi. Sebab pluralisme dan demokrasi tidak menolak menolak sebaliknya meletakkan semua agama ihs sama

ELEMEN-ELEMEN ISLAM LIBERAL	ITEM/KOD	PENJELASAN ITEM / TEMA (UNIT ANALISIS)	SETUJU	TIDAK SETUJU	CATATAN PAKAR
B. MEMPERJUANGKAN HAK ASASI MANUSIA BERACUANKAN BARAT DAN INDIVIDUALISME YANG MELAMPAU ↓ <i>bupati kes manusia</i>	B1. Kebebasan individualisme yang melampaui kongkongan agama dan budaya	i. Kebebasan beragama : Manusia bebas dan tidak terikat kepada agama dan peraturan dalam menentukan tindakan dan perlakuan mereka kerana agama adalah hak individu. ii. Kebebasan berperilaku : Baik dan buruk sesuatu tindakan perbuatan manusia bergantung sepenuhnya kepada penilaian manusia itu sendiri. Tidak perlu agama dan syariat sebagai garis panduan. iii. Kebebasan berpendapat : liberalisme memberikan kebebasan kepada manusia untuk mengemukakan apa sahaja pendapat kerana setiap individu dijamin hak kebebasan menentukan hala tuju sendiri.	✓		<i>ada kontradiks dlm penyataan.</i> <i>Sepatutnya bagi fu-rcalifnya liberalisme sendiri menyekat kebebasan berpendapat kemudi yg menyekat agama mereka.</i>
	B2. Memperjuangkan hak kesamarataan gender dan feminisme	i. Penyamarataan atau kesaksamaan hak dalam semua bidang kehidupan yang diceburi oleh lelaki dan perempuan tanpa perlu patuh kepada panduan agama. ii. Hak asasi mempertahankan nasib dan kedudukan SEMUA manusia. Perihal agama, warna kulit, gender atau kecenderungan seksual di kedudukan kedua. iii. Perempuan perlu diberi hak dan kuasa seperti lelaki dalam beberapa perkara iaitu wali, kuasa talak, pembahagian harta pusaka dan kedudukan wanita sebagai saksi.	✓		<i>Sila kemaskini kos pampatan.</i>

ELEMEN-ELEMEN ISLAM LIBERAL	ITEM/KOD	PENJELASAN ITEM / TEMA (UNIT ANALISIS)	SETUJU	TIDAK SETUJU	CATATAN PAKAR
C. MEMPROMOSI DAN MENYOKONG KONSEP PLURALISME AGAMA	<i>mempromosikan semua agama adalah sama</i> C1. Memperjuangkan bahawa <u>tiada mana-mana AGAMA boleh mengatasi agama-agama lain</u> <i>ayat keimukan org.</i> <i>Sana</i>	i. Penganut agama tidak boleh mendakwa bahawa agama mereka sahaja benar dan menyatakan agama lain adalah salah. Ini kerana pendukung pluralisme agama menyatakan semua agama berasal dari tuhan yang sama.	✓		<i>mempromosikan semua agama adalah sama</i>
		ii. Menolak kebenaran mutlak agama Islam dengan mempercayai kebenaran bersifat relatif dan semua agama adalah sama dan benar.	✓		
		iii. Apa pun agama yang dianuti oleh seseorang tidak penting kerana amalan berbuat baik dan mentaati perintah agama masing-masing itulah yang akan menentukan mereka ke syurga.	✓		
		v. Penafian terhadap syariat yang diperturunkan kepada Nabi Muhammad SAW dan menyatakan kedatangan Islam tidak memansuhkan agama-agama terdahulu bahkan saling melengkapi.	✓		
		vi. Kalimah Allah milik semua agama.	✓		
D. BERPEGANG KEPADA KEKUATAN AKAL DAN RASIONALISME YANG MELAMPAU	D1. Menolak panduan wahyu dalam mengukur kebenaran	i. Akal adalah sumber ilmu yang tertinggi dan penentu kebenaran dengan menolak peranan wahyu (al-Quran dan Hadis).	✓		
	D2. Menjadikan akal dan logik sebagai asas dalam kebenaran mengukur	ii. Akal manusia adalah wahyu. Akal lah yang sebenarnya menghidupkan teks al-Quran berdasarkan tujuan, konteks suasana zaman. Ini kerana al-Quran merupakan wahyu bertulis dan ia adalah teks semata-mata.	✓		
		i. Manusia mampu mencapai kesejahteraan dalam kehidupan melalui fungsi akal semata-mata.	✓		
		ii. Menolak sesuatu yang tidak boleh diuji dan diukur secara logik dan empirikal.	✓		